PANDUAN-PANDUAN AM

Kependekan-kependekan Yang Lazim Digunakan Di Dalam Buku Ini.

1. Khusus Untuk Allah, Tuhan Yang Maha Esa:

SWT - Subhanahuwataala.

2. Untuk Nabi-nabi:

SAW - Sallallahu 'Alaihi Wasallam (untuk Nabi Muhammad al-Mustafa sahaja). Maksudnya ialah di dalam buku ini sahaja.

AS - 1. Alaihis Salam (seorang rasul / nabi, selain Nabi Muhammad Al-Amin).
2. Alaihumas Salam (dua orang rasul / nabi, mana-mana dua dari mereka).
3. Alaihimus Salam (tiga orang rasul / nabi atau lebih, sebahagian dari mereka).

3. Untuk Para Sahabat:

KMW - Karramallahu Wajhah (khusus untuk Sayidina Ali bin Abi Talib sahaja).

RA - 1. Radhiyallahu 'Anhu (seorang sahabat, mana-mana seorang di antara mereka).
2. Radhiyallahu 'Anha (seorang sahabiah iaitu sahabat wanita).
3. Radhiyallahu 'Anhuma (dua orang sahabat serentak, lazimnya anak-beranak).
4. Radhiyallahu 'Anhum (ramai sahabat, sekumpulan dari mereka).

4. Untuk Para Tabiin, Tabiit Tabiin dan Ulama Muktabar:

RH - Rahimahullahu Taala 'Anhu (seorang tabiin, tabiit tabiin atau ulama muktabar).
Rahimahullahu Taala 'Anhuma (dua orang dari mereka)
Rahimahullahu Taala 'Anhum (sebilangan dari mereka).

Persoalan Yang Ditimbulkan Orang:

Bukankah Baginda Rasulullah pernah menyebutkan orang yang enggan berselawat kepada baginda sebagai orang yang kedekut? Para ulama juga sudah sejelas-jelasnya menyatakan bahawa tidak harus memendekkan perkataan selawat ke atas baginda itu. Bolehkah dipendekkan juga?

Hukum memendek atau meringkaskan perkataan selawat ke atas baginda Nabi Muhammad dan rasul-rasul yang lain memang makruh, dan dikira sebagai umat baginda yang bakhil. Itu sudah jelas dan terang nyata hukumnya, laksana terangnya matahari yang memancar. Tetapi ini benar dan berlaku hanya pada kitab-kitab yang ditulis dengan huruf-huruf jawi atau huruf-huruf Arab. Hukum makruh ini tidak harus dikaitkan sekali dengan tulisan rumi kerana jika kalimah selawat itu ditulis juga sepenuhnya dengan huruf rumi, bunyinya tetap tidak akan sama dengan bunyi asalnya (yang ditulis) dalam huruf Arab.

Oleh itu, memendek atau meringkaskan bacaan selawat ke atas Nabi Muhammad al-Mustafa dengan ringkasan seperti SAW, S.A.W., (SAW) atau S. A. W. itu tidak mendatangkan makruh. Ringkasan yang ditulis itu adalah lambang bagi sebutan yang sebenarnya di dalam bahasa Arab. Malah para penulis yang menulis dengan penuh bacaan selawat itu dalam tulisan rumi, tidak akan mendatangkan pahala, malah melambangkan kekeliruan dan ketidakfahamannya terhadap pokok persoalan yang sebenarnya, dan sekali gus merupakan perbuatan yang sia-sia.

MUQADDIMAH

Imam Mahdi adalah satu nama yang cukup gah di kalangan umat Islam seluruh dunia, sejak dahulu hinggalah hari kiamat. Imam Mahdi atau sebutan Melayunya, **Imam Mahadi**, sudah mendarah daging di kalangan umat Islam. Semua umat Islam yang mencintai kebenaran, sudah pasti ternanti-nanti bilakah akan munculnya Imam yang sebenar itu, tangan yang cukup kuat untuk melakukan tangkisan ghaib untuk semua umat Islam terhadap segala perkara, dari yang sekecil-kecilnya hinggalah kepada yang sebesar-besarnya, sehingga hidup mereka menjadi sangat aman, makmur, bahagia, penuh berkat dan mencapai kemuncak keemasan bagi segala zaman keemasan.

Sebenarnya, kitab-kitab karangan para ulama sejak dari zaman dahulu hinggalah ke saat yang terkini, yang ditulis sama ada secara khusus atau secara umum, yang menyentuh mengenai Imam Mahdi adalah terlalu banyak, jauh lebih banyak daripada hadis-hadis yang ada, yang menyebut tentang diri Imam Mahdi itu sendiri.

Begitu juga buku-buku ilmiah, kertas-kertas kerja, tesis-tesis dan sebagainya yang ada kaitannya dengan Imam Mahdi itu, sama ada yang ditulis oleh orang yang memang ahli ilmu atau oleh orang biasa, sudah terlalu banyak hingga tidak dapat lagi disenaraikan, kerana sudah terlalu banyaknya. Di samping itu, kebanyakannya sudah diterbitkan, manakala sebahagian besar lagi masih dalam bentuk mentah - belum diterbitkan oleh mana-mana pihak.

Tujuan mereka menulis kitab, buku, kertas kerja, tesis, analisis, dan sebagainya itu juga ada bermacam-macam. Ada yang tujuannya semata-mata untuk memberi ilmu kepada semua umat Islam sepanjang zaman, ada yang tujuannya untuk mendapatkan wang - mencari untung semata-mata, ada yang menulis kerana ingin mendapatkan segulung ijazah, ada yang bertujuan mencari nama, ada yang menulis untuk menambahkan bilangan kitab-kitab karangannya, ada yang menulis kerana minat terhadap bidang penulisan, ada yang menulis kerana mahu mempertahankan kesahihan hadis-hadis Imam Mahdi daripada dituduh secara semberono sebagai amat dhaif malah mauduk, walaupun sebenarnya tidak demikian, ada yang menulis kerana mahu mempertahankan kebenaran munculnya Imam Mahdi dan bermacam-macam niat lagi.

Ada yang menulis mengenai Imam Mahdi itu dari satu aspek saja, ada yang menulis dari dua tiga aspek, dan ramai yang menulis dalam banyak aspek. Banyak karangan tersebut yang berbentuk cerita, untuk memberi lebih kefahaman kepada orang ramai terutamanya kanak-kanak dan orang yang baru belajar mengenali Imam Mahdi itu. Bentuk ini dapat ***membebaskan*** mereka daripada ikatan hadis-hadis yang banyak itu dan memberikan lebih ruang kepada mereka untuk menyalurkan pendapat dan pandangan sendiri. Ada karangan yang berbentuk huraian hadis, ada yang berbentuk penilaian hadis-hadis sama ada boleh dipercayai atau tidak, ada yang berbentuk kritikan sama ada terhadap rawi mahupun terhadap isi kandungan hadis itu sendiri, ada yang berbentuk penjelasan terhadap permasalahan semasa Imam Mahdi yang selalu ditimbulkan, ada yang berbentuk ringkasan cerita dan banyak pula yang berbentuk selari iaitu hadis-hadis dimasukkan tanpa sebarang ulasan atau komen.

Ada yang begitu rajin memberikan sumber rujukannya sekali, berserta ulasan sama ada hadis

itu sahih, hasan atau dhaif. Kebanyakan hadis yang diberi disertakan sekali sanad-sanadnya untuk lebih meyakinkan dirinya dan para pembaca. Yang mengkaji Imam Mahdi dari mazhab lain juga amat ramai, terutama di sebelah Timur Tengah dan Utara Afrika sana. Selain ditulis, banyak pula yang dibincangkan secara hangat di pentas pelbagai jenis forum, seminar, simposium, kolokium, ceramah, penerangan dan bermacam-macam nama lagi. Namun hasilnya, umat Islam di seluruh dunia masih tetap berpecah seperti sebelumnya juga, tidak berkurang.

Yang menulisnya itu, ada yang imam mujtahid, ada yang imam mujaddid, ada yang ulama besar yang fakih, ada ulama besar yang fiqh, ada yang ulama kecil, ada yang ahli tasawuf, ada yang ahli sejarah, ada yang ahli hadis terkemuka, ada yang merupakan sarjana, ada yang merupakan ahli akademik, ada yang ahli kemasyarakatan, ada yang merupakan peramal masa hadapan, ada yang orang kafir dari kalangan Yahudi dan Nasrani dan ada yang orang biasa, ada yang dari kalangan orientalis Barat, malah ada yang menulis semata-mata kerana cukup berminat dengan peribadi Imam Mahdi yang dijanjikan itu.

Penulis sendiri, pada peringkat awalnya tidak berhasrat untuk menulis mengenai Imam Mahdi ini dengan dua alasan utama. **Pertama**, kerana sudah terlalu banyak buku dan kitab di pasaran yang menceritakan secara lengkap mengenai Imam Mahdi. Terdapat bermacam-macam bentuk penulisan dan gaya mereka untuk menarik minat orang ramai agar membeli buku keluaran mereka. Tajuk-tajuk yang diberikan juga amat menarik dan penuh psikologi. Membaca buku-buku dan kitab karangan mereka sudah cukup memuaskan hati dan menambahkan ilmu.

Kedua, kerana penulis sendiri bukanlah orang yang terlalu ahli dalam bidang ini. Penulis sendiri ketika itu masih belajar dan mencari hadis-hadis yang berkaitan dengan Imam Mahdi itu. Kerana itu, penulis tidak bercadang untuk menulis dan menambahkan lagi kemeriahan buku-buku mengenai Imam Mahdi ini. Cukuplah dengan apa yang sudahpun ada di kalangan umat Islam.

Tetapi rupanya kehendak Allah itu tidak dapat dihalang oleh sesiapa pun dan dengan apa cara pun. Dia Maha Berkuasa dan Maha Berkehendak. Dia juga Maha Tahu setiap apa yang dibuat-Nya. Setelah mengkaji dengan lebih dalam dan lama, rupa-rupanya ada banyak perkara yang selama ini tidak tersingkap di sebalik hadis-hadis yang jika dilihat sekali lalu, sangatlah bertentangan antara satu sama lain dan juga isinya kelihatan berterabur di sana-sini.

Juga kerana banyak daripada hadis berkenaan yang selama ini didakwa sebagai dhaif, malah banyak yang dikatakan mauduk, tetapi yang sebenarnya tidaklah demikian. Banyak pula hadis-hadis berkenaan yang jika dilihat secara kasar, amat berlawanan matannya antara satu sama lain. Hadis-hadis yang begini sifatnya sepatutnyalah dikaji semula dengan lebih mendalam, dinilai balik menurut **ukuran zaman sekarang**, kerana Imam Mahdi itu zahir pada zaman kita - bukan pada zaman lapan ratus tahun dahulu, atau empat ratus tahun dahulu - kemudian dihurai kembali menurut tafsiran yang lebih sahih dan sesuai dengan zaman kita ini.

Sebab itulah juga rupanya yang mendorong penulis untuk mengemukakan kembali hadis-hadis mengenai diri Imam Mahdi itu, dengan harapan supaya hadis-hadis itu tidak disalahanggapkan sebagai dhaif dan berlawanan. Maka motif utama penulisan buku ini adalah untuk mengembalikan semula hadis-hadis yang selama ini dipandang serong dan dhaif oleh sebahagian besar umat Islam - termasuk para cendekiawannya - ke tempatnya semula, tempat yang selayaknya untuk hadis-hadis Nabi SAW yang mulia itu.

Salah satu sebab utama buku ini ditulis pun adalah kerana di dalam tulisan mereka, penulis-penulis lain tidak berani memasukkan hadis-hadis yang dilihat berlawanan kerana pada pendapat mereka, tindakan ini hanya mengundang lebih banyak masalah daripada baiknya dan kemungkinan pula mereka sendiri turut terpengaruh (secara sedar atau tidak) dengan pendapat yang menerima

sebahagian hadis sahaja dan meninggalkan terus (dengan hati yang berat) sebahagian lagi yang dilihatnya amat bertentangan itu. Antara tujuannya adalah untuk mengelakkan kekeliruan di hati mereka dan di hati pembaca. Isi-isi hadis berkenaan yang amat tersirat itu juga dilihat seperti berserakan di sana-sini, sehingga terpaksa disusun semula dengan teliti untuk mendapatkan rahsia sebenar di dalamnya.

Penulis-penulis yang seperti ini kebanyakannya adalah dari kalangan sarjana moden yang mengambil jurusan Usuluddin atau Mustalah Hadis sedangkan mereka masih kurang kajiannya. Mereka hanya membaca buku-buku para penafi kemunculan Imam Mahdi dan sebuah dua kitab lama yang dijadikan kajian kes, kemudian terus membuat ulasan berdasarkan apa yang dibacanya tadi. Malah ramai pula yang mengambil bulat-bulat pendapat daripada orientalis Barat. Lazimnya mereka mengkaji kitab-kitab berkenaan hanya untuk mengkritik sahaja, bukan untuk diyakini dan bukan pula untuk mendapatkan hidayah Allah daripadanya.

Asalkan dapat ijazah, sudah. Betul atau tidak, itu cerita lain. Walaupun jumlah mereka yang sebegini tidak terlalu ramai, keadaan ini tetap berterusan dari semasa ke semasa. Ada saja muncul di sana sini para penyambung lidah cendekiawan atau sarjana terdahulu, yang memperkatakan hal ini, membawa hujah dan dalil baru pula. Semuanya kelihatan begitu hebat dengan ilmunya dan yakin pula dengan pendapat akalnya itu, iaitu berdasarkan perahan akal fikirannya yang didasarkan kepada rumusan beberapa pendapat sebelumnya. Maka banyaklah pendapat para sarjana dan cendekiawan Islam hari ini yang menjurus kepada tidak mempercayai kemunculan Imam Mahdi, berdasarkan akal logik mereka, dan juga berdasarkan ilmu yang sampai pada akal fikiran mereka.

Sepatutnya mereka mengkaji lebih banyak lagi buku-buku dan ulasan yang diberikan oleh para ***Huffaz*** yang kenamaan, serta ulama bertaraf mujtahid sejak zaman dahulu. Tidak patutlah mereka ini bersikap berat sebelah sepanjang membuat kajian berkenaan. Kalaulah mereka membaca kitab-kitab tersebut dengan penuh teliti dan saksama di samping memohon petunjuk daripada Allah, pasti mereka akan malu untuk mendakwa hadis-hadis mengenai Imam Mahdi itu sebagai terlalu dhaif atau mauduk.

Bukanlah pula di sini bermakna penulis seorang yang terlalu berani meletakkan sesebuah hadis secara semberono sahaja tanpa mengira sahih tidaknya hadis-hadis berkenaan, tetapi berdasarkan kesesuaian masa dengan maksud hadis-hadis berkenaan dan kepercayaan kepada rawi-rawi dalam riwayat hadis berkenaan, di samping meneliti kesesuaian matan hadis-hadis daif berkenaan dengan suasana semasa pada hari ini. Selain itu, penelitian para Huffaz yang kenamaan mengenai hal ini turut banyak mempengaruhi penulis.

Juga, kerana tidak ditemui lagi buku yang menceritakan fasa-fasa pemerintahan Imam Mahdi itu secara menyeluruh, menyebabkan hadis-hadis itu tidak diletakkan ke tempat sebenarnya. Hanya setelah meletakkan sesebuah hadis ke tempat sebenarnya, barulah dapat kita lihat betapa hadis-hadis itu tidak bertentangan sebenarnya. Situasi ini gagal dihidu, ditangkap dan digarap oleh kebanyakan orang pada hari ini, termasuk yang menggelarkan dirinya sebagai ulama, cendekiawan, sarjana, profesional, ahli akademik dan golongan terpelajar.

Hal ini seperti disengajakan oleh para ulama besar zaman dahulu, untuk memberi peluang kepada ulama zaman mutakhir ini untuk menulis dengan lebih terperinci lagi mengenai Imam Mahdi, yang akan lahir pada zaman mereka pula, dan menyerahkan tugas menulis kembali periwayatan hadis-hadis berkenaan kepada mereka. Allahlah yang memberikan kita semua taufik dan hidayah-Nya secara yang amat meliputi.

Bagi kebanyakan hadis yang disertakan itu, penulis sertakan juga huraian ringkas di bawahnya, dengan tujuan menambahkan lagi kefahaman dan keyakinan terhadap isi kandungan hadis

berkenaan, yang dirasakan sesuai dengan suasana pada hari ini - suasana akhir zaman. Pada bahagian-bahagian akhirnya pula, hadis-hadis itu dibiarkan begitu sahaja tanpa ulasan, kerana penulis serahkan sepenuh kefahamannya kepada setiap individu. Tasawur awal telah diberi, maka yang selebihnya atas keupayaan pemahaman masing-masing.

Demikianlah harapan besar dari penulis dan orang-orang yang mencintai kebenaran sejati, semoga dengan terbitnya buku kecil ini, dapatlah diperbetulkan semula pandangan silap umat Islam terhadap peribadi Imam Mahdi itu dan terhadap hadis-hadis yang selama ini dipandang berlawanan antara satu sama lain. Semoga hadis-hadis itu dapat dikembalikan semula ke tempat yang selayak untuknya. Ini zaman Imam Mahdi, patutlah kita sama-sama mengkaji keperibadian beliau yang selama ini masih terselimut kukuh dengan pelbagai teka-teki dan misteri. Ini juga zaman Pemuda Bani Tamim, Syuaib bin Saleh, maka perlu sangatlah kita meneliti dan mendalami hadis-hadis yang banyak menyebutkan tentang keperibadiannya, perjuangannya dan kelebihan-kelebihan yang ada pada dirinya seperti yang tertera dalam hadis-hadis tersebut.

Harapan yang paling besar dari penulis, semoga tulisan ini akan menjadi pembuka minda kita semua dalam meneruskan perjuangan ini - perjuangan akhir zaman, perjuangan yang paling getir dan dan paling bermakna. Semoga hasil di dunianya akan kita lihat dan rasai sepenuh hati dan perasaan. Iaitu sebelum hasil sebenar perjuangan kita itu kita kutip di akhirat sana nanti.

Hasil perjuangan itu adalah yang paling bernilai bagi seluruh umat Islam sepanjang zaman, iaitu zahirnya Imam Mahdi yang sangat ditunggu dan dirindu. Setiap hati yang jernih pastilah amat merindui zaman yang dijanjikan itu, suatu zaman yang gilang-gemilang dan tiada taranya, penuh keberkatan dan kemakmuran, penuh iman dan amal soleh, tiada pertumpahan darah, pergaduhan, malah tidak berketak hati walau antara dua orang pun di dunia ini.

Sesiapa yang tidak merindui ketibaan Imam Mahdi bolehlah dikatakan tidak sempurna keimanan dan kecintaannya kepada Allah dan Nabi Muhammad SAW. Juga kepada Ahlulbait. Kata-kata ini bukanlah tidak berasas sama sekali atau mengada-ngada. Jika kita lihat dengan teliti ungkapan para sahabat Radhiyallahu Anhum selepas kewafatan Nabi SAW, kita akan dapati bahawa mereka sendiri turut mengharapkan agar Imam Mahdi itu lahir dan muncul pada masa mereka masih hidup lagi, walaupun mereka amat tahu dan arif bahawa hal ini tidak akan berlaku sama sekali pada zaman mereka.

Begitu pula sunnah para tabiin dan tabiit tabiin, mereka memang sangat mengharapkan Imam Mahdi itu keluar pada masa mereka, walaupun mereka sangat arif bahawa Imam Mahdi itu tidak akan keluar pada zaman mereka. Hal ini dapat dilihat dalam riwayat yang sampai kepada kita mengenai keyakinan mereka bahawa Imam Mahdi itu akan muncul dalam tahun sekian-sekian.

Ini menjelaskan lagi bahawa hadis-hadis mengenai Imam Mahdi itu memang benar dan sahih. Jika tidak, masakan mereka yang mulia itu sanggup menghabiskan masa memperkatakan hal yang (jika tidak benar dan tidak ada dalam agama) tidak ada dasarnya dalam agama, dan mengkaji hadis-hadis mengenainya. Mereka juga saling berbincang antara satu sama lain dengan tujuan yang sama pula.

Ini juga menjadi salah satu faktor pendorong untuk penulis mengkaji lebih mendalam lagi tajuk ini, sekali gus membantu menguatkan lagi hujah bahawa hadis-hadis mengenai Imam Mahdi itu memang benar lagi sahih. Sifat hadis-hadis itu adalah mutawatir, seperti yang telah diakui oleh para Huffaz di seluruh dunia, sejak zaman-berzaman. Apa lagi yang boleh kita katakan, setelah para Huffaz sebulat suara memperakukan kebenaran hadis-hadis mengenai Imam Mahdi itu, dan mengisytiharkannya sebagai mutawatir.

Mereka juga sangat-sangat mengharapkan agar Imam Mahdi itu muncul pada zaman mereka. Mereka, para tabiin dan tabiit tabiin tadi, memang telah diketahui, terutama oleh ahli-ahli tasawuf, sebagai golongan yang tidak banyak berbicara, tidak suka berbicara melainkan pada perkara yang hak, tidak suka omong kosong dan tidak mahu menghabiskan masa pada perkara yang tidak berfaedah pada agama dan dunia. Masakan mereka mahu membicarakan perihal Imam Mahdi jika perkara itu merupakan bidaah dan hadis-hadisnya dikatakan sebagai hadis palsu.

Mereka tiada sebarang kepentingan dalam memperkatakan masalah ini, sama ada kepentingan yang bersifat peribadi, apatah lagi kekeluargaan dan perkauman masing-masing. Jauh lagilah daripada mahu mengangkat mana-mana pemerintah ke kedudukan yang lebih baik. Mereka tidak semudah itu memperdagangkan ilmu dan keyakinan mereka untuk mereka tukarkan dengan mata benda yang amat kecil nilainya pada sisi Allah itu.

Lagipun, menurut kaedah syarak seperti yang telah ditetapkan oleh para ulama tahqiq, apabila ramai ulama yang mujtahid menentukan sesuatu perkara, adalah mustahil bahawa perkara yang ditetapkan itu salah atau batil. Lagi pun, golongan ulama yang menolak konsep Imam Mahdi ini adalah datangnya daripada ulama mutaakhirin, sedangkan para ulama awwalin tidak ada seorang pun yang kita ketahui menolaknya. Sehabis-habis tidak pun, mereka mendiamkan diri sahaja daripada menyebutkan persoalan Imam Mahdi ini.

Selain itu, penulis sendiri amatlah berharap agar di dalam buku ini dapatlah disatukan sebahagian besar - jika tidak pun keseluruhan - tanggapan, pendapat, huraian dan pandangan yang berbeza-beza terhadap peribadi Imam Mahdi itu sendiri. Memang sebelum ini penulis masih lagi belum menjumpai buku yang benar-benar berusaha memberikan huraian yang dapat menyatukan kesemua pandangan dan huraian yang berbeza-beza tentang Imam Mahdi itu, walaupun masing-masing menggunakan hadis dan sumber yang sama dalam memberikan hujah masing-masing. Maka, penulis amat berharap agar dapat disatukan semua pandangan asas mereka, biar pun secara amat ringkas.

Pandangan dan huraian yang dimaksudkan adalah huraian para ulama ahli kalam yang menceritakan mengenai Imam Mahdi menurut pandangan mereka sebagai ahli ilmu kalam, juga pandangan para ulama hadis yang sudah mencapai taraf Huffaz dalam ilmu mereka, juga pandangan para ulama yang khusus mengkaji tentang Imam Mahdi dan membukukan pandangan masing-masing, juga pandangan para sarjana moden yang pro dan kontra terhadap Imam Mahdi, pandangan para ulama sufi yang melihat Imam Mahdi dari sudut pandangan mereka sendiri, dan pandangan ulama akhir zaman yang terlibat secara langsung mengenai Imam Mahdi ini.

Maka dengan menggabungkan keenam-enam pandangan, tanggapan, huraian, tafsiran dan pendapat ini, penulis amat berharap agar semua pandangan ini dapat disatukan dan difahami secara yang lebih komprehensif dan kolektif, tidak lagi secara yang samar-samar dan tercerai-cerai. Penulis amat yakin bahawa satu titik pertemuan dapat dicari untuk keenam-enamnya kerana semua mereka menggunakan sumber yang sama dalam menjelaskan perkara itu. Hanya kerana masing-masing kurang memerhatikan pendapat golongan lain, maka titik pertemuan yang sebenarnya satu sahaja itu jadi terpecah-pecah dan seolah-olah tidak dapat disatukan lagi.

Selain itu, penulis juga memasukkan huraian-huraian yang dirasakan relevan dengan kehendak-kehendak semasa dan situasi zaman moden. Setiap hadis, asar sahabat dan ungkapan tabiin itu perlu dilihat dari sudut kita yang hidup pada zaman ini, bukannya menurut pandangan pada zaman tabiin dahulu. Sebabnya, para sahabat dan tabiin melihat zaman kita ini menurut kasyaf yang terbuka kepada mereka, dan mereka memahaminya menurut apa yang ada pada zaman kita, namun terpaksa disesuaikan ungkapannya dengan suasana zaman mereka hidup, untuk mengelakkan fitnah dan

sangkaan-sangkaan buruk kebanyakan umat pada zaman itu.

Maka tugas kitalah pula untuk menterjemahkannya semula, sesuai menurut kehendak pada zaman kita ini, kerana para sahabat dan tabiin itu menceritakan sesuatu yang berlaku pada zaman kita, bukannya sesuatu yang berlaku pada zaman mereka. Maka satu titik pertemuan antara dua zaman yang amat jauh berbeza itu perlu dicari dengan menggunakan kaedah dan alat yang sesuai, dan diselesaikan menurut apa yang ada pada zaman kita ini, agar asar dan ungkapan tabiin itu tidak terus menerus dipandang serong atau ditolak ke tepi.

Dengan menggabungkan keenam-enam unsur penting itu di samping huraian yang dirasakan sesuai dan perlu dengan keadaan zaman ini, diharapkan semua bentuk kefahaman dan penjelasan dapat disatukan sepenuhnya. Apa perlunya kita berbeza-beza pendapat sedangkan perkara yang diperselisihkan adalah satu dan orang yang akan muncul kelak itu pun hanya satu itulah. Maka pada peribadi Imam Mahdi itulah juga segala perkara akan dikembalikan. Beliau jugalah yang akan menyatukan akidah kita sekaliannya kepada satu sahaja, yang akan menyatukan fikah kita kepada satu, yang akan menyatukan tasawuf kita kepada satu sahaja, menyatukan tenaga, iman dan agama kita, kerajaan kita dan lain-lainnya kepada satu sahaja, tidak ada duanya atau tiganya.

Hanya inilah sahaja caranya kita dapat menyelesaikan sesuatu masalah agama yang berbangkit di kalangan umat Islam. Kita tidak ada cara lain yang dapat digunakan untuk menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan agama kita sendiri. Kembalilah kepada Al-Quran dan Hadis Nabi SAW. Itulah yang terbaik dan itulah juga yang dikehendaki oleh agama kita yang suci dan mulia ini. Sama-samalah kita memanjatkan doa kepada Allah agar kita diberikan-Nya hidayah untuk memahami ajaran sebenar agama Islam ini dan seterusnya mengamalkannya sungguh-sungguh dalam kehidupan kita sehari-harian.

Selamat membaca!

Sekianlah adanya, Allahu Waliyut Taufiq Wal Hidayah.

Salam **Ikhwan** dan takzim dari penulis.

Hamba yang banyak dosa,

HAWARI BIN ABDUL MALIK

Huraian Bagi Istilah MAHDI

Di dalam buku ini, penulis pada awalnya, sebenarnya tidaklah begitu berhajat untuk menghuraikan secara lengkap akan maksud dan pengertian bagi istilah al-Mahdi itu. Para sarjana dan cendekiawan Islam di seluruh dunia telahpun menghuraikan secara panjang lebar akan maksud kalimah Mahdi. Malah ada yang menulis risalah yang hanya memperkatakan tentang asal-usul dan maksud perkataan Mahdi itu sahaja. Begitulah mendalam dan halusnya penelitian mereka terhadap

soal istilah ini. Berdasarkan itu, penulis berasa tidak perlulah menjelaskan maksud kata Mahdi tersebut.

Namun, terasa pula kekurangan yang nyata pada buku ini, kerana para cendekiawan hari ini pasti tidak akan berpuas hati sekiranya maksud istilah Mahdi itu tidak dijelaskan, biar pun berupa huraian pendek. Sebenarnya bagi penulis, huraian istilah tidaklah sepenting mana kerana asal-usul penggunaan sesuatu istilah itu tidak membawa apa-apa kesan, melainkan jika istilah itu membawa makna sesuatu yang buruk. Selagi sesuatu istilah itu diluluskan syarak, harus sahaja kita menggunakannya. Tidak perlulah mengkajinya secara mendalam dan disusur secara halus.

Perkataan Mahdi yang digunakan oleh orang-orang Melayu pada hari ini, berasal dari bahasa Arab jati, dipinjam oleh orang-orang Melayu dengan sedikit perubahan bunyi, iaitu **Mahadi**. Secara khusus di dalam bahasa Melayu, **Mahadi** atau **Mahdi** adalah merujuk kepada suatu jawatan yang sangat mulia, yang akan muncul pada akhir zaman, membangunkan Islam dan meninggikannya di atas agama-agama lain. Biasanya orang-orang Melayu menyebutnya sebagai Imam Mahadi, sebagai suatu penghormatan kepada beliau. Malah ada orang Melayu menyebutkannya sebagai baginda, merujuk kepada ketinggian keturunannya. Ada juga ulama yang menggunakan isim muannas, iaitu dengan menyebutnya Mahdiah, atau pengikut Mahdiah.

Sehubungan itu, untuk mengambil berkat daripada gelaran al-Mahdi itu, ramailah orang Melayu di Nusantara ini sejak dahulu lagi, menamakan anak mereka dengan nama Mahadi, sama ada secara tunggal atau ditambah nama lain di hadapan atau belakangnya. Contohnya Mahadi bin Abdullah. Yang ditambah namanya seperti Puteh Mahadi bin Puteh Ramli dan sebagainya. Yang dua di atas adalah sekadar contoh sahaja, bukan sebenarnya.

Namun, orang-orang Melayu pada hari ini sudah kurang menghormati Imam Mahdi, kerana para sarjana dan cendekiawan Islam-Melayu hanya menyebutkan beliau sebagai Mahdi atau al-Mahdi sahaja, tidak seperti yang lazim dilakukan oleh orang-orang Melayu zaman dahulu, yang memanggilnya Imam Mahadi sebagai tanda penghormatan kepadanya. Dan dalam buku ini, penulis sendiri pun ikut banyak menggunakan istilah Mahdi atau al-Mahdi sahaja, untuk menjimatkan ruang, bukan kerana terpengaruh dengan sebutan para cendekiawan tadi.

Menurut bahasa Arab pula, istilah al-Mahdi atau Mahdi bererti 'orang yang mendapat petunjuk'. Dari segi istilahnya pula, petunjuk yang dimaksudkan adalah petunjuk dari Allah, iaitu sama dengan petunjuk yang pernah diterima oleh keempat-empat orang Khalifah Rasulullah SAW dahulu. Petunjuk yang dimaksudkan adalah petunjuk untuk membawa seluruh manusia kepada Allah, petunjuk dalam kepemimpinan mereka dan petunjuk khusus untuk diri mereka, yang tidak didapat oleh sebarang-barang orang, pada sebarang-barang masa dan pada sebarang-barang tempat sahaja.

Mereka menjadi laluan untuk orang ramai ***mendapatkan*** Tuhan mereka, sehingga mereka menjadikan Allah SWT itu penuh di segenap ruang hati mereka, sentiasa basah di hujung lidah mereka, sentiasa bergerak pada setiap suku anggota tubuh badan mereka, sentiasa turun dan naik bersama-sama turun dan naiknya nafas mereka, sentiasa hidup bersama-sama roh mereka dan sentiasa mencahayai akal fikiran mereka. Tuhan itulah cinta kasih mereka, cinta agung mereka, malah segala-galanya Tuhanlah yang dihadapkan, seterusnya menjadikan mereka bangsa yang tinggi imannya, tinggi takwanya, tinggi amalannya, tinggi agamanya dan tinggi sebutannya. Perkara-perkara inilah yang perlu diperjuangkan semula oleh kita, agar kita mendapatkannya semula, suatu permata paling berharga yang telah sekian lama hilang dari dalam diri kita. Tenggelam ditelan oleh lubuk lumpur jahiliyah kali kedua yang lebih dikenali oleh kita sebagai jahiliyah moden.

Juga dimaksudkan bahawa sesiapa yang mengikut sungguh-sungguh Imam Mahdi itu setelah munculnya kelak, akan diberikan petunjuk oleh Allah SWT kepadanya dalam urusan agamanya,

akhiratnya dan dunianya. Dan orang yang tidak mahu mengikut Imam Mahdi itu, nyata dilihat oleh mata kasar, tidak akan mendapat petunjuk daripada Allah.

Maksud-maksud yang seni dan mendalam inilah yang masih terselimut kukuh daripada pengetahuan para sarjana dan cendekiawan Islam, dan jika mereka tahu pun, tidak dapat diselesaikan atau diketemukan lagi. Demikianlah serba sedikit huraian mengenai istilah Mahdi itu sendiri, dari persepsi dua bahasa dan dua bangsa, yang menguasai dunia dan memperjuangkan Islam pada dua zaman. Itulah bahasa Melayu dan bahasa Arab, bangsa Melayu dan bangsa Arab, yang menguasai dunia pada awal kurun Hijrah dan pada akhir kurun Hijrah, mereka jugalah yang gigih memperjuangkan Islam pada awal kurun Hijrah dan akhir kurun Hijrah.

Dan seperti dimaklumi, al-Mahdi itu adalah gelarannya, bukan namanya. Namanya yang sebenar adalah **Muhammad bin Abdullah**. Namanya di langit ialah **Ahmad**. Sebab-sebab beliau digelar sebagai al-Mahdi itu adalah kerana Rasulullah SAW sendiri yang menyebut beliau dengan panggilan al-Mahdi. Kita sebagai umat Nabi Muhammad SAW hendaklah menghormatinya dengan memanggilnya Imam Mahdi. Rasulullah SAW bolehlah memanggilnya Mahdi sahaja kerana Imam Mahdi itu adalah anak cucunya, sedangkan kita adalah pengikut dan umatnya sahaja. Selain itu, baginda SAW adalah seorang yang bertaraf rasul, sedangkan Imam Mahdi itu hanyalah seorang yang bertaraf wali sahaja. Layaklah baginda SAW memanggilnya Mahdi sahaja. Baginda SAW juga adalah rasul kita semua, dan Imam Mahdi itu adalah salah seorang umat baginda SAW sendiri.

Dikeranakan itu pula, layaklah pula kita memanggilnya Imam, sebagai tanda kita amat mengasihi dan menghormatinya. Hal ini sebenarnya telah dipersetujui oleh sekalian ulama, kerana menurut mereka, gelaran al-Mahdi itu adalah suatu gelaran yang bersifat syar'i. Ulama hadis telah menapis semua riwayat mengenainya hingga nyatalah kebenarannya. Demikian dihuraikan akan kata-kata **Al-Allamah al-Muhaddis as-Sayid Ahmad al-Ghumari**.

Selain itu, ada dua buah asar sahabat RA yang menjelaskan sebab-sebab beliau dinamakan sebagai al-Mahdi. Asar pertama datang daripada riwayat **Imam Amrud Dani al-Hafiz**, dalam Sunannya. Beliau mengambil riwayat daripada *Abdullah bin Syauzab*, yang katanya, sebab beliau dinamakan dengan al-Mahdi adalah kerana dinisbahkan kepada sebuah gunung di Syam, tempat lembaran-lembaran Kitab Taurat yang asli akan dikeluarkan kembali yang akan membuktikan kesesatan kaum Yahudi hingga mereka mengakuinya dan memeluk agama Islam. Maknanya, Imam Mahdi itu dapat membawa petunjuk kepada ramai kaum Yahudi yang amat kukuh dibelenggu oleh kesesatan itu.

Riwayat kedua adalah asar yang datang daripada *Kaab bin Alqamah* yang berkata, sebab beliau dipanggil al-Mahdi kerana beliau memberi petunjuk dalam hal-hal yang tidak jelas atau tidak nyata. Beliau juga akan mengeluarkan peti yang berisi lembaran-lembaran Kitab Taurat dan lain-lain. Riwayat ini telah dikeluarkan oleh **Imam Nuaim bin Hamad** dalam kitabnya, ***Al-Fitan***. Ringkasnya, Imam Mahdi adalah orang yang dapat memberi petunjuk dalam hal-hal yang selama ini tidak jelas atau tidak nyata, hingga nyatalah hukumnya dan rahsia-rahsianya kepada sekalian umat Islam dan juga orang-orang bukan Islam, termasuk orang-orang Yahudi.

Selain itu, istilah **al-mahdi** di dalam bahasa Arab juga bermaksud buaian. Ini adalah istilah yang umum digunakan oleh orang Arab, malah ada beberapa buah hadis yang menggunakan istilah al-mahdi dengan erti buaian. Contohnya sebuah hadis dhaif yang selalu kita dengar yang menyatakan kewajipan menuntut ilmu sejak dari dalam buaian hingga ke liang lahad.

Para pengikut Imam Mahdi digelar sebagai **Mahdiyyin** atau **Mahdiyyun**, yang ertinya golongan Mahdi atau pengikut Imam Mahdi. Istilah ini masih belum digunakan secara umum lagi pada hari ini kerana para pengikut Imam Mahdi masih belum dapat ditentukan batang tubuhnya oleh

orang ramai. Juga kerana Imam Mahdinya sendiri pun masih belum keluar ke dunia ini, maka pengikutnya pun masih belum ditentukan lagi. Yang pasti, pengikut Imam Mahdi ini bukanlah orang yang biasa, malah merupakan orang-orang yang sangat istimewa pada zamannya dan amat terpilih di antara yang amat terpilih.

Istilah **Mahdiyyin** atau **Mahdiyyun** juga digunakan untuk kumpulan atau golongan yang mempercayai konsep Imam Mahdi, atau menerima hadis-hadis mengenai Imam Mahdi dengan penuh yakin di dalam hati. Golongan ini adalah majoriti masyarakat Islam sejak dahulu hingga ke hari ini, didahului oleh para ulama muktabar yang bertaraf mujaddid dan mujtahid, mendapat darjat wali-wali besar dan utama di kalangan umat ini.

Jenis-jenis al-Mahdi

Berdasarkan huraian dan keterangan ulama terdahulu, terdapat beberapa jenis al-Mahdi. Jika digabungkan semua pendapat dan hujah para ulama sejak zaman-berzaman, maka didapatlah beberapa jenis Mahdi. Berikut ini adalah beberapa jenis Mahdi dan huraiannya secara serba ringkas.

1. ***Mahdi dalam hal kebaikan***, iaitu Khalifah Umar bin Abdul Aziz. Maka tidaklah salah jika kita meletakkan seseorang sebagai Imam Mahdi kerana Khalifah Umar bin Abdul Aziz sendiri digelar orang sebagai Imam Mahdi, selagi yang dimaksudkan itu bukan Imam Mahdi yang sebenar. Tidak bolehlah kita menghukum sesat kepada seseorang yang mendakwa orang lain sebagai Imam Mahdi, selagi yang didakwa itu bukan bermaksud Imam Mahdi sebenar. Jika gelaran Mahdi itu salah jika diberikan kepada seseorang, tentulah para tabiin menjadi orang pertama yang menentangnya dengan sekeras-kerasmya. Mereka jugalah yang pertama yang akan menghukum si pendakwa itu sebagai sesat, syirik dan membahayakan akidah.

1. ***Mahdi dalam hal peperangan*** iaitu orang yang sentiasa bergelimang dalam peperangan fi sabilillah. Dalam kes ini, Mahdi yang dimaksudkan adalah sekumpulan orang, iaitu orang-orang yang istiqamah dalam urusan perjuangan mereka itu, demi menegak dan meninggikan kalimah Allah di atas muka bumi ini.

1. ***Mahdi dalam hal agama*** iaitu Nabi Isa bin Maryam AS. Beliau adalah orang yang sempurna Mahdinya iaitu tidak pernah melakukan dosa dan maksiat, yang bersifat dengan maksum, kerana beliau adalah seorang nabi dan rasul, malah rasul yang Ulul 'Azmi. Maka kerana itulah beliau dianggap sebagai Imam Mahdi yang sempurna agamanya. Pemerintahannya ke atas seluruh dunia selepas kemangkatan Imam Mahdi adalah suatu yang pasti kerana sudah disebutkan oleh Rasulullah SAW sendiri.

1. ***Mahdi dalam hal pemerintahan*** iaitu Khulafa ur-Rasyidin yang berempat. Mereka dikatakan khalifah 'yang mendapat petunjuk' dalam pemerintahan mereka. Dan penggunaan istilah 'yang mendapat petunjuk' itu bermaksud bahawa mereka juga adalah al-Mahdi bagi umat ini, dan jumlah al-Mahdi ini adalah empat orang seperti yang lazim diketahui umum.

1. ***Imam al-Mahdi yang Muntazar***, hanya seorang sahaja iaitu Muhammad bin Abdullah, Ahlulbait AS. Inilah al-Mahdi yang sebenar, yang telah menimbulkan terlalu banyak kontroversi, suatu jawatan yang cukup diminati oleh sekian banyak orang, yang dibuktikan dengan terlalu banyaknya dakwaan sebagai Imam Mahdi. Namun satu perkara yang pasti adalah, al-Mahdi yang sebenar tetaplah Imam Mahdi, manakala yang palsu tetap akan lenyap. Ini sesuai dengan firman Allah SWT, "Apabila datang yang hak, yang batil pasti akan sirna…"

1. ***Mahdi palsu yang sentiasa muncul*** di sana-sini dari semasa ke semasa. Inilah al-Mahdi palsu, iaitu golongan yang cuba mengambil kesempatan di atas kejahilan dan kelemahan umat Islam untuk tujuan peribadi. Namun yang batil tetaplah batil, akhirnya pasti akan lenyap ditelan zaman, lenyap bersama-sama dengan lenyapnya si pendakwa dirinya Imam Mahdi itu.

1. ***Mahdi di kalangan para aulia Allah***. Mereka ini adalah wali-wali besar pada zaman mereka dan menjadi pemerintah bagi sekalian wali pada zaman masing-masing. Mereka ini adalah para Wali Qutub dan Wali Ghaus, yang mempunyai peranan yang cukup besar dalam Wilayah Auliya. Peranan mereka tidak begitu dikesan oleh orang awam, tetapi cukup dirasakan oleh kalangan wali-wali dan para solihin.

1. ***Mahdi yang diambil berkat*** iaitu orang yang menggunakan gelaran al-Mahdi pada hujung namanya, bukan sebagai tokoh yang khas. Oleh kerana Mahdi itu bermaksud orang yang mendapat petunjuk, maka beberapa orang pemerintah turut menggunakan gelaran al-Mahdi, dengan tujuan mengambil berkat daripada peribadi sebenar yang digelar al-Mahdi itu. Orang Melayu menamakan anak mereka dengan Mahadi, sebagai mengambil berkat tersebut.

Persoalan Imam Mahdi Adalah Persoalan Sejagat

Masalah Imam Mahdi adalah masalah yang sangat rumit dan sukar pula untuk dihuraikan dengan tepat, jika dilihat dari segi ilmu sosiologi moden, ilmu hadis, ilmu sejarah dan ilmu tauhid. Ada pelbagai tanggapan dan tafsiran yang dapat dirumuskan daripada setiap pengakuan yang dibuat oleh para ulama dan sarjana.

Masalah ini adalah masalah yang paling kontroversi di kalangan umat Islam sejak dahulu hingga kini. Masalah Imam Mahdi ini boleh juga dikatakan sebagai masalah universal, yang melibatkan semua agama di dunia, sama ada agama samawi atau wasni. Sebabnya, Imam Mahdi itu adalah pemimpin sejagat, pemimpin bagi seluruh manusia, bukan sekadar pemimpin umat Islam atau sekelompok manusia sahaja.

Sejak dari zaman tabiin dan tabiit tabiin lagi, masalah Imam Mahdi sudah muncul dan ini menyebabkan banyak pihak cuba mengambil peluang ini untuk menonjolkan diri dan keluarganya, malah tanah airnya kepada masyarakat umum dengan pengakuan sebagai Imam Mahdi yang ditunggu-tunggu itu. Ini adalah berdasarkan beberapa riwayat yang dapat dikutip daripada para tabiin lagi. Salah satunya adalah seperti berikut.

Khalid bin Samir RH berkata,

> "*Musa bin Talhah bin Ubaidillah lari daripada (kejaran tentera) Al-Mukhtar ke Kota Basrah kerana penduduknya percaya bahawa dia adalah Imam Mahdi*."

Riwayat di atas menunjukkan dengan jelas memang masalah Imam Mahdi sudahpun diperkatakan sejak dari zaman tabiin lagi, dan tidak hairanlah jika ia terus diperkatakan sehingga kini.

Sementelahan pula, orang ramai memang diakui sepanjang zaman sebagai tidak mempunyai pengetahuan yang mencukupi mengenai Imam Mahdi, walaupun diakui pula bahawa mereka cukup berminat dengan nama besar itu. Hal ini dikeranakan periwayatan mengenai Imam Mahdi jarang atau tidak dibuat secara terbuka dan terus terang kerana ditakuti ada ***side effect*** dari pihak pemerintah pada zaman masing-masing terhadap diri mereka.

Jika didasarkan masalah ini secara umum, terdapat dua kelompok utama di kalangan umat Islam. Golongan pertama adalah golongan yang amat yakin akan kemunculan Imam Mahdi sehingga sebahagiannya jadi berlebih-lebihan pula keyakinan mereka itu, pada hal itu tidaklah dituntut, melainkan jika ada bukti yang sahih, khabar yang yakin dan sumber yang hak. Akibatnya mereka jadi tersalah dan sesat. Kedua, ialah golongan yang langsung tidak mahu percaya akan kemunculan Imam Mahdi sehingga memandang ringan masalah ini seringan-ringannya. Akibatnya, mereka kerugian satu ilmu yang amat berguna pada masa ini, masa umat Islam sedang begitu lemah akibat ditekan-tekan oleh pihak musuh dari semua arah. Huraian lanjut mengenainya ada disertakan pada bahagian-bahagian berikut nanti.

Memang diakui bahawa Imam Mahdi adalah harapan terakhir, sempadan terakhir dan benteng terakhir umat Islam. Bagindalah sebenarnya sumber agama dan penaik semangat umat Islam untuk meneruskan hidup dalam tekanan yang maha hebat oleh pihak musuh pada zaman ini. Nama Imam Mahdi itu sendiri pun sudah menjadi '***bara yang terpendam***' di dalam lubuk hati setiap umat Islam yang sedang gigih berjuang menegakkan kalimah Allah di atas muka bumi ini.

Jika kita melihat berdasarkan sejarah umum di kalangan umat Islam, sudah terdapat **lebih tiga ribu** peribadi di seluruh dunia yang telah mengaku dirinya sebagai Imam Mahdi sejak pertengahan tahun 200 Hijrah lagi sehinggalah ke hari ini. Sebahagiannya pula didakwa oleh orang lain sebagai Imam Mahdi, sedangkan dia tidak pernah mengaku dirinya sebagai Imam Mahdi. Ini sebenarnya melibatkan semua mazhab dalam Ilmu Tauhid seperti Ahlus Sunnah wal Jamaah, Syiah, Khawarij dan lain-lain lagi.

Pada setiap tahun, ada sahaja kedengaran berita bahawa si anu mengaku dirinya sebagai Imam Mahdi dan berpusat di sekian sekian tempat. Pengikutnya pula memakai tanda-tanda atau pakaian tertentu, dengan slogan-slogan tertentu dan dengan matlamat yang tertentu pula. Ada yang radikal, ada yang sederhana radikal dan ada yang terus-menerus bergerak secara sembunyi-sembunyi, tanpa menampakkan sebarang tanda.

Pergerakan kumpulan mereka amat rahsia, tidak diketahui oleh orang luar. Mereka mempunyai buku-buku rujukan sendiri yang isinya amat pelik dan tidak ada kena-mengena dengan syariat, yang tidak boleh dibacakan kepada orang ramai secara terbuka. Amalan-amalan yang mereka lakukan juga jauh menyalahi amalan yang lazim terdapat di dalam syariat kita. Fatwa-fatwa mereka amat pelik dan tidak sesuai dituruti oleh orang ramai secara bebas, dibuat oleh ketua mereka dan hanya sesuai untuk ***kegunaan dalaman*** sahaja.

Kita seharusnya mengakui bahawa yang benar tetap benar, manakala yang salah itu tetaplah salahnya. Tidak boleh yang benar itu disalah-salahkan dan yang salah itu sedaya upaya cuba juga dibenarkan, walaupun tidak boleh dan tidak mungkin dapat dibenarkan. Maka ikhtilaf atau kontroversi di sekitar persoalan Imam Mahdi ini amatlah memerlukan penjelasan yang tidak berat sebelah, tidak dipengaruhi oleh sebarang sentimen dan sikap taksub, supaya kekeliruan yang menyelubunginya selama ini dapat diselesaikan dengan baik dan tidak lagi berlarutan.

Demikianlah kesejagatannya isu Imam Mahdi ini. Isu ini adalah isu yang cukup tersembunyi, sangat misteri dan amat luas diperkatakan. Isu ini sememangnya cukup tersembunyi tetapi cukup membara, panas sepanjang masa, sejak dari dahulu lagi hinggalah ke hari ini. Isu Imam Mahdi ini cukup menarik sehingga setiap bangsa, setiap agama, setiap masa dan setiap tempat di atas muka bumi ada mempunyai Imam Mahdinya sendiri.

Bagi yang rajin meneliti masalah ini lagi, akan didapati pula bahawa Imam Mahdi adalah

suatu perkara yang tidak terhad kepada sesuatu sempadan negara sahaja kerana hampir setiap negara di dunia ini mempunyai Imam Mahdi mereka sendiri. Tidak terhad kepada sesuatu sempadan masa sahaja kerana pada setiap zaman itu ada Imam Mahdinya sendiri sama ada benar atau palsu. Tidak terhad juga kepada sesuatu bangsa sahaja kerana semua bangsa mempunyai Imam Mahdi mereka sendiri sama ada benar atau palsu. Tidak juga terhad kepada sesuatu sempadan agama sahaja kerana hampir setiap agama ada mempunyai Imam Mahdi mereka sendiri. Hanya nama, sifat dan gelarnya sahaja yang berbeza-beza. Dan yang paling menarik ialah, setiap hati yang beriman pasti mahu tidak mahu amat mengharapkan kedatangan seorang juruselamat yang bakal menyelamatkan mereka daripada terus karam dan tenggelam dalam pelbagai cubaan dan dugaan semasa, yang ternyata amat melemaskan ***hati beriman*** mereka.

Agama-agama Lain pun Ada '*Imam Mahdi*'

Kalau kita beranggapan bahawa hanya di dalam agama Islam sahaja yang ada Imam Mahdi, maka eloklah kita berfikir sekali lagi. Andaian tersebut tidak tepat sama sekali, dan lebih bersifat andaian melulu. Seharusnya kita mengkaji semula persoalan ini dengan lebih teliti dan saksama. Yang berbeza adalah dari segi nama, sikap, cara hidup, tujuan turunnya, masa turun dan tempat turunnya.

Jika dilihat dalam agama lain pula, terdapat juga konsep Imam Mahdi ini. Kebanyakan agama di dunia ini sangat menantikan kedatangan seorang sang penyelamat yang akan membebaskan mereka daripada kezaliman, kesengsaraan dan penindasan. Selain daripada Islam, agama-agama lain seperti Yahudi, Kristian, Majusi dan Hindu juga sangat menantikan kedatangan seseorang yang bakal muncul membawa keamanan dan keadilan kepada dunia.

Orang-orang **Yahudi** mazhab ortodoks percaya bahawa akan lahir *Imam Mahdi* dari kalangan mereka. Mereka percaya *Imam Mahdi* ini akan lahir dengan segala macam keramat dan kelebihan, akan

mengembalikan mereka ke tanah tumpah asal mereka, Baitulmaqdis, Bukit Tursina dan Palestin. Mereka ini dipanggil golongan ***Messianic*** iaitu golongan yang percaya akan tibanya sang juruselamat. Perkataan ***Messianic*** itu sendiri datang dari kata ***Messiah***, iaitu orang yang digelar '*Imam Mahdi*' (menurut ajaran agama mereka).

Kenyataan mengenai *Imam Mahdi* ada disebutkan dengan jelas sekali di dalam Kitab Taurat yang asli dan kerana itulah hal ini sangat diyakini oleh orang-orang Yahudi, sebelum akhirnya puak Zionis melarang umatnya mempercayai hal-hal keramat sedemikian. Hal yang demikian turut juga dicatatkan di dalam sejarah orang-orang Yahudi zaman pertengahan dahulu.

Kepercayaan akan tibanya **Messiah** yang dinanti-nanti, yang membawa mereka kembali semula ke Palestin, memenangkan bangsa Yahudi atas semua bangsa di dunia, menghapuskan semua agama lain, penuh dengan kekeramatan yang sangat luar biasa dan sangat dikultuskan oleh mereka, akhirnya berjaya dihapuskan setelah ajaran sekular Zionis dipaksakan ke atas semua umat Yahudi mulai tahun 1890 Masihi.

Sejak itu, semua anggapan terhadap kehebatan Messiah yang dinanti-nantikan itu lenyap dan orang-orang Yahudi kembali semula ke 'alam nyata' dan berusaha sendiri membina bangsa dan negara mereka tanpa perlu menunggu-nunggu dan mengharapkan kedatangan ***Messiah*** itu lagi. Orang-orang Yahudi selepas itu mulai meninggalkan khayalan keramat Imam Mahdi mereka dan hidup dalam dunia nyata mereka sehinggalah ke hari ini.

Dalam *Kitab Perjanjian Lama,* Kitab Kejadian (Genesis) 18:20

> ***"Dan bagi Ismail, Aku mendengar doanya; Sungguh, Aku akan memberkatinya dan menjadikannya mewah dan Aku akan kembang biakkan keturunannya, Dua Belas Raja akan dilahirkannya dan Aku akan jadikannya bangsa yang besar"***

Manakala di dalam *Kitab Zabur* yang diturunkan kepada Nabi Daud AS, ada dituliskan satu ayat yang bunyinya (terjemahannya) kira-kira begini:

> ***" …dan Allah akan memunculkan para wali yang akan menjadi pemilik dunia ini dan menyelesaikannya selama-lamanya"*** (Mazmur 37, 10-37).

Selain daripada kepercayaan yang demikian, bagi orang-orang Yahudi, disebabkan mereka telah kehilangan tanah suci dan tanah asal mereka, lalu dijadikan hamba abdi oleh bangsa Kaldea dan Suryani pada zaman dahulu, mereka menjadikan salah seorang nabi mereka sebagai *Mahdi* yang akan muncul, yang bakal menyusun kembali bangsa Yahudi dan akan mengembalikan mereka ke tanah suci yang dijanjikan itu, pada masa depan.

Menurut kepercayaan itu, orang-orang Yahudi menganggap bahawa ***Nabi Elijah*** (Nabi Ilyas AS) telah diangkat ke langit oleh Tuhan, belum mati, dan akan diturunkan semula ke dunia ini pada akhir zaman untuk menyelamatkan anak-anak Israel daripada kesusahan dan kezaliman. Itulah *Mahdi* mereka. Menurut Islam, memang pun Nabi Ilyas AS belum mati, dan akan muncul kembali pada zaman Imam Mahdi tetapi bukan beliau yang menjadi Imam Mahdi. Beliau hanyalah salah seorang pengikut Imam Mahdi, sebagai pembantu kanan Imam Mahdi.

Orang **Kristian** juga sangat yakin dengan konsep *Imam Mahdi* ini, yang kononnya akan lahir dari kalangan penganut agama mereka pula. Dan konsep kepercayaan ini lebih bersifat literal (dari mulut ke mulut) dan bukan merupakan satu kepercayaan yang diwajibkan mempercayainya. Apa yang jelas, *Imam Mahdi* yang dimaksudkan itu sebenarnya adalah Nabi Isa As sendiri. Hasilnya, sebahagian besar sahaja yang percaya, manakala sebahagian yang lain tidak menyatakan kepercayaan mereka atau langsung tidak percaya.

Mereka juga, sebahagian besarnya, percaya bahawa Nabi Isa AS pun akan turun ke dunia ini sekali lagi untuk mengamankan seluruh bumi ini. Maka tidak hairanlah (sebagai hasilnya) jika di negeri China, terdapat orang Cina beragama Kristian yang mengaku dirinya sebagai *Imam Mahdi* dan sekali gus jelmaan suci Nabi Isa AS. Beliau ialah Hung Hsiu-chuan, pemimpin ***Gerakan T'aiping*** pada tahun 1890 yang amat terkenal itu.

Nietzsche, seorang tokoh sastera terkenal di Jerman, juga mengaku dirinya Jesus, sekali gus sebagai sang penyelamat. Dia menghantar surat kepada raja-raja dan pembesar-pembesar yang mengandungi dakwaan bahawa dirinya sebagai Jesus. Keadaan yang sama turut dilaporkan berlaku di Eropah Timur dan Amerika Utara. Malah di Amerika Latin juga, ada dilaporkan orang-orang yang mendakwa dirinya sebagai *Imam Mahdi*, sekali gus sebagai Jesus Christ. Benua Afrika sendiri tidak terkecuali kerana baru-baru ini seorang paderi bernama **Maitreya** turut mendakwa dirinya sebagai jelmaan semula Jesus, dan sekali gus menjadi *Imam Mahdi* bagi umat Kristian.

Agama **Hindu** juga sangat yakin dengan kedatangan seorang Mahdi yang akan mengembangkan ajaran agama Hindunya ke seluruh dunia, pada akhir zaman kelak. Disebutkan gelarannya **Mansur** atau **Maha Shiva** atau nama sebenarnya **Mahmat** atau ***Ahmad***. Selain itu ada beberapa nama lagi yang diberikan kepadanya, sebagai menunjukkan ketinggian kemuliaannya dan besar kedudukannya.

Dalam kitab *"Veda"* iaitu salah sebuah kitab suci dalam agama Hindu, tertulis suatu ayat yang terjemahannya kira-kira begini:

> ***"Pada penghujung (umur) dunia, setelah berlaku penyelewengan di muka bumi, (muncul) seorang pemimpin yang dipanggil Mansur. Dia akan menguasai seluruh dunia, dia amat dikenali oleh setiap orang sama ada yang beriman atau yang kafir, dan apa sahaja yang dipintanya, Tuhan akan tunaikan dia".***

Selain itu, para penganut Hindu juga percaya, berdasarkan keterangan kitab mereka bahawa **Dewa Krisyna** adalah seorang dewa jejaka yang bujang, tidak pernah berkahwin. Beliau digambarkan sebagai seorang pemuda yang sedang disalib dengan ditebuk kedua-dua belah tangan dan kedua-dua belah kakinya. Pada tengah dadanya tergambar ulu hati manusia, manakala kepalanya pula memakai mahkota. Menurut kepercayaan mereka lagi, Dewa Krisyna itu akan turun semula ke dunia ini pada akhir zaman untuk menyelamatkan manusia dan dunia ini daripada segala mala petaka. Maknanya, selain *Imam Mahdi*, Dewa Krisyna juga akan turun membantu mengamankan dunia ini.

Penganut agama **Buddha** juga yakin dengan kedatangan *Mahdi* yang akan membersihkan dunia ini dari kekejaman, dan *Mahdi* itu dibekalkan dengan segala macam kuasa hebat dan ilmu sakti (keramat menurut Islam). *Mahdi* yang dimaksudkan itu disebut sebagai **Shammaraja** (Raja yang Sangat Adil). Nama sebenar dan tempat lahir *Mahdi* itu tidak dinyatakan dengan jelas. Tetapi mereka percaya, atas perkhabaran para sami mereka, zaman sekarang ini adalah zaman untuk **Shammaraja** itu memunculkan dirinya dan menyelamatkan dunia ini.

Mereka juga percaya bahawa ***Siddharta Gautama***, pengasas agama Buddha itu, yang dikatakan datang dari kalangan bangsawan Sakra di negeri Kapilawastu (di Nepal sekarang) adalah dari kelahiran tunggal, dan akan turun semula ke dunia ini pada akhir zaman kelak untuk membersihkan dunia daripada kesengsaraan dan kekejaman. Tapi, konsep ini sebenarnya sama dengan kepercayaan penurunan semula Nabi Isa AS ke dunia ini seperti yang terdapat di dalam agama Kristian dan agama Islam.

Orang-orang **Majusi** aliran Mazda, yang menganut ajaran ciptaan ***Zarathustra*** (Zoroaster) iaitu golongan penyembah api suci, yang jumlahnya hari ini kira-kira setengah juta orang di Iran dan beberapa ribu lagi di India, juga yakin dengan konsep *Imam Mahdi*. Ajaran mereka menyatakan bahawa tiga orang penyelamat besar akan muncul, dimulai oleh ***Aushedar*** dan diikuti pula oleh ***Aushedar-mah***. Yang terakhir keluar ialah seorang lelaki perkasa bernama **Saoshyant / Shayoshant**, yang berasal dari anak cucu Zoroaster, yang akan muncul dan memusnahkan ***Ahriman***, kuasa jahat, sekali gus membersihkan dunia ini daripada kegelapan dan kesengsaraan. Dia memerintah dunia dengan adil dan saksama selama seribu tahun, mendirikan kerajaan ***Ahura Mazda*** yang sepenuhnya. Mereka tidak menyebutnya dengan sebutan Mahdi tetapi maksudnya sama dengan Mahdi bagi umat Islam. Dan daripada ajaran Mazda inilah orang-orang Syiah menyerapkan konsep Imam Mahdi mereka, kerana meyakini Imam Mahdi Syiah itu akan memerintah dunia ini selama seribu tahun.

Bagi mendapatkan penjelasan lanjut, kitab ***'Yanaseb / Yasna'*** yang ditulis oleh salah seorang murid kanan Zoroaster yang mengasaskan agama Majusi itu membuat penyataan yang terjemahannya berbunyi kira-kira:

> ***"Dari jazirah tanah Arab , dari anak cucu Hasyim, seorang lelaki yang kepalanya besar, badannya besar dan berkaki besar akan muncul, lalu meneruskan agama datuknya dengan pasukan tentera yang besar, datang ke Iran lalu memerintah dunia dan memenuhkan bumi ini dengan keadilan".***

Demikianlah sekelumit pandangan dan penyataan mengenai turunnya sang penyelamat bagi beberapa buah agama besar dunia, seperti yang kita dapati daripada kitab-kitab suci agama masing-masing. Semoga ilmu dan kefahaman kita akan bertambah setelah membaca keterangan ini. Cuma kita tidaklah harus mempedulikan sangat tentang keperibadian sang penyelamat mereka itu, kerana yang demikian tidaklah perlu diambil perhatian. Tidak perlu diulas benar atau tidaknya kepercayaan mereka ini, sebab kalau pangkalnya yakni akidahnya sahaja pun sudah sesat, maka hujung-hujungnya pastilah sesat juga. Mustahil pangkal yang sesat dapat menghasilkan hujung yang betul. Maka apa-apa jua keterangan daripada mereka tidaklah dapat menambahkan apa-apa kepada kita dan tidak pula mampu mendatangkan apa-apa kesan buruk kepada kita.

Yang perlu ditekankan di sini adalah, begitulah terkenalnya sekali tokoh istimewa ini, hingga setiap bangsa, dari setiap agama, pada setiap tempat dan pada setiap zaman, ada sahaja dilaporkan orang yang mengaku dirinya sebagai *Imam Mahdi*, atau orang lain mendakwakan bahawa si anu itu adalah *Imam Mahdi*. Malah, orang yang telah benar-benar mati pun tidak terlepas daripada didakwa sebagai bakal *Imam Mahdi*! Yang peliknya, ramai pula yang terus percaya bulat-bulat, walaupun tiada sebarang persamaan antara individu yang didakwa itu dengan sifat-sifat *Imam Mahdi* seperti yang telah digariskan oleh hadis-hadis.

Ramalan Peramal-Peramal Terkemuka

Selain keterangan daripada setiap agama besar di dunia ini, terdapat pula sekumpulan peramal yang terkenal di dunia yang turut meramalkan kedatangan Imam Mahdi atau seorang pemimpin yang bertaraf dunia, yang akan turun untuk menjalankan pemerintahan yang sangat adil, pada zaman ini, pada abad ini, kurun ini dan alaf ini. Memang meramal sesuatu ramalan adalah suatu perbuatan yang buruk, boleh mendatangkan impak besar kepada akidah kita. Namun ramalan yang bertepatan maksudnya dengan perkhabaran hadis-hadis, berita-berita daripada asar para sahabat RA, kasyaf para wali dan firasat para mukmin tidak salah jika disebutkan, kerana keterangan mereka ini sebenarnya membantu menjelaskan lagi maksud hadis-hadis, asar-asar, kasyaf-kasyaf dan firasat-firasat itu. Hal ini sebenarnya tidak menjejaskan iman kita jika betul cara dan tempatnya.

Sebahagian mereka ini adalah peramal semata-mata, manakala sebahagian lagi adalah orang-orang besar bagi agama masing-masing, yang telah mencapai ***taraf kasyaf*** pula, iaitu menurut pandangan agama mereka.

Antara peramal bertaraf antarabangsa yang amat terkenal pada hari ini adalah *Michel de Nostredame* atau **Nostradamus**, suatu nama yang hampir sudah tidak perlu diperkenalkan lagi, kerana sudah begitu terkenalnya. Ramalan-ramalannya sudah umum tersebar dan bukan sedikit pula yang sudah menjadi kenyataan. Antara ramalannya yang amat menggoncangkan dunia Barat ialah bahawa seorang pemimpin baru bertaraf dunia akan muncul, Islam akan kembali menguasai dunia pada alaf baru ini, dan seterusnya memerangi Kristian-Eropah.

Ramalannya bahawa seorang pemimpin baru beragama Islam akan muncul dan seterusnya menguasai seluruh dunia adalah berdasarkan ramalan beliau seperti berikut:

In the year 1999 and seven months
from the sky will come the great King of Terror.
He will bring back to life the King of the Mongols;
Before and after, war reigns.

Tempat muncul pemimpin tersebut adalah di sebuah negara di sebelah **Timur**, bukan di negara Arab atau di sebelah Barat, berdasarkan ramalan berikut:

From the three water signs (seas) will be born a man
who will celebrate Thursday as his feast day.
His renown, praise, reign, and power will grow
on land and sea, bringing trouble to the East.

Pemimpin berkenaan akan memimpin pasukan tenteranya yang besar jumlahnya untuk menyerang dan menakluki Eropah, dan dibantu oleh seluruh umat Islam.

One who the infernal gods of Hannibal

will cause to be reborn, terror of all mankind
Never more horror nor the newspapers tell of worse in the past,
then will come to the Romans through Babel (Iraq).

Pemimpin berkenaan memerangi, mengalahkan dan memasuki Eropah dengan memakai serban biru, membawa undang-undang Islam untuk diamalkan oleh seluruh penduduk Eropah, dan peristiwa besar inilah yang amat menakutkan setiap hati pemimpin Kristian dan Yahudi.

This king will enter Europe wearing a blue turban,
he is one that shall cause the infernal gods of Hannibal to live again.
He will be the terror of mankind.
Never more horror.

Selain itu, **Sami-sami Hindu** di India turut meramalkan melalui ramalannya beberapa tahun lepas bahawa bakal Perdana Menteri Malaysia selepas ini bukan lagi dari kalangan orang politik. Diberitakan bahawa Perdana Menteri Malaysia pernah mengemukakan beberapa nama untuk *ditenung* sebagai bakal Perdana Menteri supaya dapat dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri. Semua nama yang dikemukakan itu ditolak kerana diberitahu nama-nama mereka itu ***tidak ada*** dalam senarai sebagai pengganti Perdana Menteri. Sahih atau tidak berita ini, tidak dapat dipastikan.

Jelaslah bahawa orang yang bakal menjadi Perdana Menteri Malaysia selepas ini tidak lagi dari kalangan orang-orang politik. Tambahan pula, seorang ulama besar di Malaysia telah baru-baru ini membuat perisytiharan bahawa tokoh agama akan menjadi pemimpin Malaysia pada alaf baru ini. Kebetulan pula, Malaysia ini dikatakan sebagai pusat kebangkitan Islam kali kedua, pada akhir zaman, iaitu zaman kita ini. Jika dikaitkan kedua-dua penyataan ini, bagaikan ada kaitan yang rapat antara kedua-duanya.

Anak murid Wali Songo yang amat terkenal di Pulau Jawa, **Sabdopalon**, turut menyebutkan bahawa Imam Mahdi akan dibaiat oleh sembilan tokoh **Wali Ghausul Alam** yang diketuai oleh seseorang dari Malaysia yang disebutkan sebagai Syeikh Malaya. Beliau menyebutkan bahawa,

> "***Imam Mahdi datang dengan pakaian serba putih dibantu oleh Rijalu'llah Ghaib atau juga disebut Wali Ghosul'alam sembilan yang di antaranya adalah Seh Malaya yang turun di Tanah Arab***."

Salah seorang **Wali Songo** iaitu ***Sunan Gunung Jati***, turut membuat ramalan berdasarkan **kasyaf** dari Allah bahawa kebangkitan Islam kali kedua ini akan dipimpin oleh seorang tokoh yang memakai serban. Dia dikatakan amat berpegang teguh pada sorban kanjeng (ekor serban) Nabi Muhammad SAW. Yang dimaksudkan dengan sorban kanjeng itu adalah pemimpin umat yang terakhir, sesuai dengan kedudukan ekor serban yang terletak di hujung sekali. Sorban kanjeng juga bermaksud mengikut benar-benar setiap sunnah yang diamalkan oleh baginda Rasulullah SAW semasa hayatnya dahulu.

Peramal dari Jawa yang disebut sebagai **Pangeran Wijil**, yang mengarang ***Kitab Rangka Jayabaya***, turut membuat ramalan bahawa pemimpin yang dimaksudkan itu, lahir di Makkah, memakai serban yang berlambang bunga tujuh cabang, orangnya selalu kesandung kesampar. Dia tidak pernah diduga akan menjadi pemimpin umat manusia pada suatu hari nanti. Dikatakan lebih lanjut lagi bahawa sebelum raja baru ini muncul, akan berlaku huru-hara dan kerusuhan. Dan raja itulah yang akan menjadi orang tengah atau pengaman di antara pihak yang sedang bergaduh itu. Tanpa diduga-duga, orang ramai pun bersetuju melantiknya sebagai pemimpin mereka kerana jasanya

yang amat besar itu dan keupayaannya yang menakjubkan itu.

Demikianlah sedikit lagi keistimewaan yang ada pada peribadi yang bergelar Imam Mahdi ini. Memang Imam Mahdi itu sungguh-sungguh adalah ***Orang Allah***, orang yang dibesarkan kerana sememangnya orang besar Tuhan, besar namanya, besar kedudukannya, patut dibesarkan dan perlu disebut secara besar-besaran pula. Sambutan kepada kemunculannya kelak, juga akan dibuat secara penuh besar-besaran, amat meriah, penuh gembira, sepenuh-penuh kesyukuran, sesuai dengan kedudukannya sebagai orang besar Allah itu. Tidak ada sambutan yang lebih besar dan meriah selain daripada sambutan terhadap kedatangannya ke dunia ini.

Dan, ekoran daripada kepercayaan kepada munculnya Imam Mahdi yang sangat istimewa inilah, muncul dari semasa ke semasa orang-orang yang mendakwa dirinya sebagai Imam Mahdi yang ditunggu-tunggu itu. Mereka ini langsung tidak berasa malu dengan dakwaan kosong mereka itu. Setelah beberapa lama masa berlalu, ternyata pula dakwaan mereka itu adalah palsu dan tujuan mereka di sebalik dakwaan itu terbongkar. Selalunya, mereka langsung tidak berjaya mendirikan kerajaan Mahdiyahnya, malah gagal pula mengubah keadaan masyarakat setempatnya kepada yang lebih baik, sedangkan yang demikian itu wajib berlaku kerana telah disebutkan oleh hadis-hdis.

Pengakuan Orang-orang Barat Terhadap Imam Mahdi

Agenda Yahudi yang Kesembilan (untuk memusnahkan umat Islam):

Menjauhkan umat Islam dari memegang tampuk pemerintahan di negara-negara Islam dan jangan beri kesempatan bergerak.

1. Sehubungan itu, seorang orientalis Inggeris, **Montgomery Watt**, menulis dalam '***London Time'*** pada tahun 1968:

> **"*Kalau sudah ditemui seorang pemimpin Islam yang (benar-benar) berkelayakan dan bercakap dengan suara Islam yang tepat pula, kemungkinan besar agama itu akan (bangkit semula dan) merupakan sebuah kekuatan politik yang besar di dunia ini sekali lagi.*"**

Yang dimaksudkan oleh Montgomery itu adalah pemimpin yang bertaraf **khalifah**, kerana hanya seorang pemimpin yang bertaraf khalifah sahaja yang akan mampu menyatukan kembali seluruh umat Islam yang sedang kronik berpecah-belah pada hari ini. Pemimpin yang bertaraf Presiden atau Perdana Menteri tidak termasuk dalam senarai pemimpin yang dimaksudkan oleh beliau.

Taraf Presiden atau Perdana Menteri yang demikian itu hanya layak untuk memimpin di dalam wilayah yang terhad atau dihadkan, tidak layak untuk memimpin dunia yang tanpa sempadan, atau sekurang-kurangnya di seluruh dunia Islam. Hanya seorang pemimpin yang bertaraf **Khalifah** sahaja yang akan diberi kemampuan dan berkelayakan penuh untuk berbuat demikian.

2. Bekas Perdana Menteri Israel, **Ben Gurion** pernah dilaporkan berkata,

> **"*Sesungguhnya yang paling menakutkan kami ialah, kalau dalam dunia Islam, sudah lahir seorang Muhammad Baru.*"**

Muhammad Baru yang dimaksudkan oleh Ben Gurion itu tidak lain dan tidak bukan adalah Imam Mahdi, kerana nama Imam Mahdi itu adalah Muhammad, sama dengan nama datuknya, Nabi Muhammad SAW. Jelaslah bahawa pihak Barat amat takutkan peribadi yang bernama Muhammad ini, yang digelar sebagai Imam Mahdi, dan ketakutan mereka itu tidak dapat disembunyikan lagi.

Jelaslah bahawa orang-orang Kristian adalah jauh lebih peka daripada kita, umat Islam sendiri dalam hal mempercayai dan meyakini kedatangan Imam Mahdi ke dunia ini. Mereka sentiasa berjaga-jaga menanti tibanya seorang pemimpin Islam bernama Muhammad, tahu pula tempat keluarnya dan bila keluarnya. Pada masa yang sama kita umat Islam masih lagi sibuk bercakaran mengenai sahih atau dhaifnya hadis-hadis mengenai Imam Mahdi itu.

Yang percaya kepada kedatangan Imam Mahdi sibuk mengutuk golongan yang tidak percaya, manakala yang tidak percaya, sibuk pula mengutuk golongan yang percaya kepada kedatangan Imam Mahdi. Titik pertemuan tidak juga diperoleh. Siapa lagi yang harus dipersalahkan dalam soal ini?

3. **A. J. Quinnell**, seorang novelis Barat telah menulis sebuah novel bertajuk ***The Mahdi***.

Di dalam novel itu disebutkan andaian beliau bahawa isu Imam Mahdi ini akan dieksploitasi oleh kuasa-kuasa besar Barat. Kuasa-kuasa besar ini akan bergabung tenaga, fikiran dan matlamat untuk menonjolkan seorang yang mereka pilih sebagai Mahdi untuk diikuti oleh seluruh umat Islam. Tujuannya adalah untuk mencapai tujuan jahat mereka terhadap umat dan negara-negara Islam. Mahdi boneka ini dirancang oleh perisik-perisik CIA, MI5 dan KGB untuk muncul di Tanah Suci Makkah. Setelah itu, beliau akan mengarahkan seluruh umat Islam mengikut beliau tunduk kepada kuasa-kuasa besar Barat itu.

Kesimpulan

Orang-orang Yahudi dan Kristian menyimpan dendam yang amat membara terhadap Islam, malah bukanlah suatu penyakit yang baru dan ringan. Sakit berdendam mereka ini juga sudah diketahui oleh kita sejak dahulu lagi, melalui firman-firman Allah di dalam al-Quran. Sejak hayat Rasulullah SAW lagi, mereka sudahpun dihinggapi oleh penyakit yang amat kronik ini. Puncanya ialah, mereka mengharap-harap agar rasul akhir zaman yang bakal muncul kelak adalah dari kalangan bangsa mereka dan sentiasa membangga-banggakan hal ini di hadapan bangsa Arab. Bangsa Arab pada ketika itu dipandang amat rendah oleh mereka.

Tetapi takdirnya, Nabi Muhammad SAW yang diutuskan itu adalah dari bangsa Arab yang mereka rendah-rendahkan selama ini. Maka sangatlah sakit hati mereka akan bangsa itu dan kepada Nabi Muhammad SAW yang diutuskan itu, kerana nyata bukan dari kalangan bangsa mereka. Di samping itu, mereka berasa amat malu kepada bangsa Arab itu kerana telah terbukti sekarang bahawa segala dakwaan mereka selama ini amat jauh meleset.

Sebab kedua ialah, peristiwa pengusiran bangsa mereka dari tanah tempat tinggal mereka di Madinah. Mereka terpaksa gulung tikar bantal dan angkat kaki, mengucapkan selamat tinggal kepada Madinah buat selama-lamanya. Kedua-dua peristiwa inilah yang diperturunkan turun-temurun, dijadikan alasan penting dendam mereka ini terus membara di dalam dada-dada mereka, dan dalam dada keturunan mereka, yang hingga hari ini terus disogokkan dengan dendam yang membara itu. Maka hiduplah mereka di dalam selimut dendam itu sepanjang hayat, sambil menyimpan cita-cita akan mengganyang cukup-cukup umat Islam suatu hari nanti, jika mereka berkuasa ke atas seluruh

dunia ini.

Kemudian, kejayaan para sahabat menakluk dan mengislamkan tiga suku dunia, seterusnya memimpin dan meneraju dunia dengan penuh kejayaan gemilang, menambahkan lagi parah yang sedia terluka dan memarakkan lagi dendam yang sedia menyala. Ketika Islam berkuasa, mereka menjadi bangsa yang cukup hina dan merempat, tiada tempat tinggal yang tetap, tiada negara dan tiada kerakyatan. Ini sesuai dengan firman Allah yang menjadikan mereka sebagai bangsa yang terbiar, tidak bernegara. Dendam yang lama itulah juga yang turut dibawa hingga ke hari ini.

Orang-orang Kristian juga mengalami keadaan yang amat memalukan jika dilihat dari segi sejarah dan juga peradaban. Agama mereka muncul cukup lama sebelum agama Islam muncul. Ketika umat Islam sedang menikmati kemakmuran dan kemewahan hidup serta ketinggian tamadun, pada masa yang sama orang-orang Kristian di Eropah masih belum mengenal lagi ilmu pengetahuan, belum membina apa-apa tamadun pun, tidak mempunyai adab dan masih hidup dalam selimut tahyul yang amat tebal.

Mereka masih belum kenal lagi apa itu emas dan perak, apatah lagi mahu memakai dan menghargainya. Rumah mereka dibina dari lumpur dan tanah, tidak berkatil dan tanpa berselimut. Tidur pun di atas lantai sahaja. Para pencuri sangat banyak, mencuri tidak kira siang atau malam. Perabot tidak dikenal lagi. Semuanya buta huruf, buta tamadun dan tidak mengenal erti seni dan kesenian. Hidup mereka tiada tujuan. Sistem beraja baru sahaja mula diperkenalkan, itupun sebab meniru-niru serba sedikit sistem khalifah Islam yang telah lama maju itu.

Peristiwa orang-orang Islam menawan dan memerintah Sepanyol adalah duka lama yang cukup memeritkan. Sepanyol yang sejarahnya cukup dibanggakan oleh bangsa Eropah itu, terpaksa menerima hakikat bahawa mereka dikuasai oleh Islam dalam tempoh yang cukup lama. Ditambah lagi dengan cerita bahawa umat Islam hampir-hampir berjaya menakluk Perancis, menambahkan lagi hebatnya dendam terhadap Islam. Perang Salib yang melibatkan pertembungan antara Islam dan Kristian adalah cerita sejarah yang cukup popular untuk dibaca, dikaji, ditatap dan diambil pengajaran. Ternyata, orang Kristian terpaksa menelan sejarah yang amat pahit akibat kekalahan dalam peperangan tersebut.

Pihak ***saraken*** (panggilan mereka kepada orang-orang Islam, yang ertinya ***kaum musyrikin*** bagi penganut Kristian) yang cuba mereka kalahkan dengan kekuatan senjata dan ketenteraan, sebenarnya tidak dapat dikalahkan secara berdepan begitu. Mereka akhirnya terpaksa memikirkan strategi baru untuk menghadapi pihak musuh agama yang amat hebat dan gagah ini. Peperangan kali ini tidak lagi menggunakan kekuatan senjata sebagai modal utama. Lamalah masanya yang terpaksa mereka ambil untuk mencari jalan baru buat mengalahkan bangsa Arab ***saraken*** itu.

Pihak Kristian mengambil iktibar daripada siri peperangan tersebut bahawa umat Islam tidak akan dapat dikalahkan dengan mudah, melainkan setelah mereka berjaya dijauhkan daripada al-Quran sejauh mungkin. Maka selepas itu dan seterusnya, mereka mengatur pula ***perang saraf*** yang matlamat asasnya adalah menjauhkan generasi muda Islam ini daripada menghayati al-Quran. Inilah kajian yang telah mereka jalankan sejak sekian lama, suatu kaedah yang dirasakan cukup sesuai pada zaman ini, dan sasaran utama mereka adalah golongan kanak-kanak, remaja dan wanita.

Cubaan ini sekali imbas nampak mustahil atau hampir mustahil berjaya dilakukan. Namun, hasil strategi yang mantap dan tersusun rapi, serta tidak mengenal erti putus asa, maka pada hari ini, umat Islam sudah beransur-ansur meninggalkan al-Quran dari kehidupan mereka. Yang ada hanyalah kegiatan membacanya, bukan mengamalkannya. Yang membaca al-Quran tidak memahami apa yang dibacanya dan yang mendengar hanya mahu mencari kesilapan dan kekurangan sang pembaca. Erti dan penghayatan al-Quran jauh tertinggal di belakang.

Dan hasilnya, apabila Islam mula melemah, Kristian mula mengambil alih teraju dunia daripada umat Islam. Islam kalah dan kalah, jatuh dan jatuh. Umat Islam yang suatu ketika dahulu pernah mendapat kemenangan besar dan menjulang megah sebagai kuasa agung yang menguasai dan menjadi tuan di dunia, sedikit demi sedikit terlucut kuasanya daripada tangan. Pemerintahnya hilang kuasa manakala para ulamanya pula hilang roh perjuangan. Maka yang tinggal hanyalah rakyat jelata yang tidak mempunyai ibu dan bapa, terkontang-kanting dipermainkan oleh pihak musuh yang menaruh dendam kesumat sepanjang zaman itu.

Habis negara-negara yang pernah dikuasai oleh Islam dirampas, dijajah dan dijarah oleh Kristian. Malah, negara-negara Islam sendiri pun turut dijajah, dijarah dan dikuasai sepenuhnya oleh kuasa Kristian. Akhirnya habis punah politik, ekonomi, akhlak, pendidikan, pemikiran dan diri umat Islam, berganti dengan sistem politik, ekonomi, akhlak, pendidikan, pemikiran, budaya dan keperibadian yang bersumber dari Barat. Semuanya tergadai, tidak ada apa yang tinggal lagi untuk dibanggakan. Maka dendam datuk nenek moyang mereka selama ini pun terbalaslah sudah. Terbayarlah dendam seribu dua ratus tahun lebih itu. Namun mereka tetap tidak berpuas hati dengan kejayaan yang sedemikian itu.

Tekad dan usaha mereka tidak berhenti setakat itu sahaja. Kalau boleh, semua umat Islam hendak dikristiankan sama. Yahudi yang selama itu bersikap sembunyi tangan mula menampakkan tangan dan taringnya yang sebenar. Mereka mula *menyinar* apabila Kerajaan Osmaniyah berjaya dihapuskan dari atas muka bumi ini. Mereka yang sudah ditetapkan oleh al-Quran sebagai bangsa yang tidak mempunyai negara dan tanah air, kini sudah mendapat pembelaan daripada sekutu Kristiannya.

Tangan-tangan mereka berfungsi dari belakang, dan tangan-tangan yang di belakang itulah yang sebenarnya mencatur dunia. Mereka lebih berminat menyesatkan pemikiran umat Islam kerana pada pandangan mereka, jika pemikiran umat Islam berjaya diyahudikan, umat Islam akan meninggalkan agama mereka tanpa perlu disuruh-suruh atau diperangi lagi. Golongan remaja dan wanitalah yang nampaknya paling berjaya ***ditakluk*** oleh mereka.

Maka pada hari ini kita lihat di atas kejayaan pihak Kristian menakluk dunia dan mengatur agar sistem mereka diterapkan dalam seluruh aspek, seluruh dunia dapat melihat pula bahawa pihak Yahudilah yang sebenarnya menjadi dalang di sebalik kejayaan Kristian itu. Kita dapat melihat bahawa sebenarnya Yahudilah yang memainkan peranan besar di atas kejayaan pihak Kristian itu. Ertinya, kedua-dua musuh Islam itu berganding bahu dalam usaha mereka menghancurkan Islam dan umat Islam, seperti yang dapat kita lihat pada hari ini.

Umat Islam perlu menanti datangnya seorang pemimpin yang dijanjikan oleh Allah sebelum mereka boleh mengalahkan Yahudi dan Kristian, seterusnya menabalkan semula Islam di persada dunia, sebagai tuan yang sebenar ke atas seluruh muka bumi ini. Mana pemimpin yang mampu berbuat demikian? Adakah orangnya pada hari ini? Jika ada, siapakah dia? Di mana dia berada sekarang? Di mana tempat bermulanya pemerintahan Islam yang bersifat universal itu? Adakah ulama itu sedang berjuang ke arah itu atau tidak? Adakah orang ramai menyambut perjuangan ulama itu?

Ternyata, pemimpin yang ada pada hari ini tidak mampu menyatukan kembali umat Islam seluruhnya. Para ulamanya lagilah tidak mampu. Jumlahnya amat ramai pada hari ini, tetapi yang benar-benar diterima oleh seluruh umat Islam itu, siapa orangnya? Tunjukkan mana dia seorang ulama, cendekiawan, sarjana, profesor atau apa-apa gelaran pun, yang tersohor pada hari ini, yang boleh benar-benar diikut oleh seluruh umat Islam. Taraf para ulama hari ini pun dipandang tidak lebih daripada orang awam juga, cuma mereka lebih bijak bercakap tentang agama daripada orang lain kerana mereka belajar agama ***lebih sedikit*** daripada orang ramai. Maka kerana itu, mereka pun

dilabelkan sebagai ulama. Dari segi praktiknya, mereka sama sahaja dengan praktik orang awam.

Yang ada pada hari ini kebanyakannya hanyalah ulama yang lebih berminat mencari populariti diri, atau yang sibuk mengumpul harta untuk kepentingan diri sendiri, atau yang lebih berminat mencari pangkat yang tinggi dalam kerajaan, atau menjadi pensyarah di universiti-universiti. Masalah umat tidak dipedulikan langsung. Bukan tugas aku, katanya. Umat tunggang-langgang di depan mata pun, dibuat macam tak nampak sahaja. Para pemimpin lintang pukang di depan kakinya pun dibuat-buat tak nampak sahaja. Kena jaga hati pemimpin kita, nanti aku dipecatnya pula, katanya. Umat Islam bukan sahaja terbiar dan tidak dididik, malah ulamanya sendiri pun turut hanyut seperti mana hanyutnya para pemimpin mereka dan umat Islam secara umumnya. Malah sebahagian mereka sendiri lebih teruk hanyutnya daripada kedua-dua golongan tadi. Mereka kelihatan lebih tidak berpendidikan agama daripada orang awam yang sepatutnya menerima pendidikan Islam daripada mereka.

Pemimpin-pemimpin negara Islam pula dilihat lebih sibuk menguruskan hal ehwal dalaman di negara masing-masing daripada berusaha menyatukan seluruh negara Islam di bawah satu pemerintahan pusat yang bertaraf dunia. Masalah dalaman menurut pandangan mereka lebih besar dan mustahak daripada usaha menyatukan seluruh negara Islam. Hasilnya, umat Islam terus-menerus terbiar, tertekan, ditekan dan ditindas oleh musuh. Tiada siapa yang dapat membela mereka lagi jika berlaku peperangan atau pergaduhan dengan mana-mana pihak.

Umat Islam terus terbiar, dan terbiar. Pemimpin Islam dari negara lain hanya dapat melahirkan rasa simpati dan kasihan, tanpa dapat membantu. Habis-habis pun hanyalah bantuan kewangan, pakaian buruk dan ubat-ubatan yang dapat diberikan. Bantuan-bantuan lain yang lebih bererti tidak dapat diberikan lagi. Misalnya bantuan ketenteraan, senjata, semangat dan makanan keperluan tidak akan dapat diberikan lebih daripada hadnya. Kalau hendak beri pun, ikut jalan belakang, senyap-senyap dan sekali-sekala sahaja.

Bagaimana mereka hendak menolong orang lain? Kedudukan mereka sendiri pun sentiasa tidak menentu, bila-bila masa saja boleh dijatuhkan oleh pihak pembangkang atau digulingkan oleh pihak tenteranya sendiri. Perempuan upahan sentiasa menanti masa untuk mendedahkan 'kekotoran' peribadinya di khalayak umum. Jika tidak pun, rakyat akan bangun memberontak dan menunjuk perasaan di jalan-jalan raya. Masing-masing amat takut kepada bayang-bayang yang mereka buat sendiri. Tiada pemimpin yang benar-benar berwibawa untuk didengar cakapnya oleh seluruh umat Islam.

Maka, rasa-rasanya dalam keadaan sebeginilah, Allah akan utuskan seorang pemimpin untuk membantu umat Islam keseluruhannya. Pemimpin itu bukanlah sebarang orang atau peribadi, kerana peribadi-peribadi pemimpin yang ada pada hari ini dilihat amat lemah dan tidak mampu menyatukan seluruh manusia Islam di seluruh dunia, yang pada ketika ini sedang amat nazak imannya. Mereka ini semuanya ternyata gagal menyatukan kembali seluruh umat Islam. Bukan sahaja gagal menyatukan umat Islam di seluruh dunia, malah di dalam negara masing-masing pun masih gagal disatukan. Mereka juga tidak mampu mengangkat dan mengembalikan Islam seperti pada zaman gemilangnya, tepat seperti yang telah diisyaratkan oleh hadis-hadis.

Pandangan Ensiklopedia Barat Tentang Imam Mahdi

Satu:
http://www.encyclopedia.com/articles/07885.html

Mahdi

[Arab., = (he who is devinely guided)], in Sunni ISLAM, the restorer of faith. It is believed that he will appear at the end of time to restore justice on earth and establish universal Islam. Among SHIITES the concept of the Mahdi centers on the IMAM. Throughout Islamic history, many reformers claiming to be the Mahdi have arisen. One such was Muhammad Ahmad, 1844-85, a Muslim religious leader in the Anglo-Egyptian Sudan. In 1881 he declared himself to be the Mahdi, but he died soon after capturing KHARTOUM. Lord KITCHENER defeated his followers at Omdurman in 1898.

Dua:
The Columbia Encyclopedia: Sixth Edition, 2000.

Mahdi

(mä´d) (KEY) [Arab.,=he who is divinely guided], in Sunni Islam, the restorer of the faith. He will appear at the end of time to restore justice on earth and establish universal Islam. The Mahdi will be preceded by al-Dajjal, a Muslim antichrist, who will be slain by Jesus. This belief is not rooted in the Qur'an but has its origins in Jewish ideas about the Messiah and in the Christian belief of the second coming of Christ. Among the Shiites the concept of the Mahdi takes a different form (see imam). In the history of Islam, many men have arisen who claimed to be the Mahdi. They usually appeared as reformers antagonistic to established authority. One such man, who became famous in Western history, was Muhammad Ahmad, 1844-85, a Muslim religious leader in the Anglo-Egyptian Sudan. He declared himself in 1881 to be the Mahdi and led a war of liberation from the oppressive Egyptian military occupation. He died soon after capturing Khartoum. In his reform of Islam the Mahdi forbade the pilgrimage to Mecca and substituted the obligation to serve in the holy war against unbelievers. His followers, known as Mahdists, for a time made pilgrimages to his tomb at Omdurman. The final defeat of the Mahdists in 1898 at Omdurman by an Anglo-Egyptian army under Lord Kitchener gave Great Britain control of Sudan.1 See P. M. Holt, The Mahdist State in the Sudan (2nd ed. 1970).

Ulasan kita:

1. Umat Islam wajib berhati-hati dengan sikap mereka yang digelar sebagai bijak pandai dan ahli

akademik yang kononnya profesional dalam tugasan masing-masing. Memang mereka diakui sebagai pakar, tetapi pakar dalam rangka usaha merosakkan Islam dan umat Islam di seluruh dunia dengan memberikan maklumat yang kurang tepat dan sengaja diputar belit dengan amat rapi oleh mereka.

2. Mereka sebenarnya berlindung di sebalik nama profesional dan akademik mereka untuk mengelabui seluruh umat Islam yang lemah ilmu dan kefahaman terhadap agama mereka. Dengan membuat ulasan seperti dua contoh di atas, mereka berharap dapat '***mengelirukan***' umat Islam seramai mungkin, sedangkan huraian dan ulasan seperti yang diberikan di atas amat tidak tepat.

3. Huraian yang diberikan diolah sebegitu rupa untuk mengelirukan orang ramai, terutama yang bukan Islam terhadap Imam Mahdi orang Islam dan nampaknya dilakukan sedemikian dengan sengaja. Gambaran seperti ini sudah menjadi suatu yang lazim bagi mereka terhadap agama Islam.

4. Takrifan, huraian dan contoh yang diberikan lebih bersifat menakutkan daripada menerangkan hal yang sebenarnya. Tokoh yang dipilih oleh mereka sebagai contoh bukanlah Imam Mahdi sebenar tetapi hanyalah orang yang mendakwa dirinya sebagai Imam Mahdi. Jika dinilai dari segi ilmiah, ternyatalah takrifan itu sebenarnya langsung tidak bersifat ilmiah.

5. Pandangan yang diberikan oleh mereka adalah merupakan suatu pandangan serong, yang nyata amat tidak tepat dengan apa yang sebenarnya. Mereka menulisnya seolah-olah mereka adalah orang yang amat jahil terhadap persoalan yang diperkatakan.

6. Cara mereka menceritakan mengenai Imam Mahdi itu menjelaskan bahawa hati mereka sebenarnya amatlah takut. Huraian itu menampakkan 'ketakutan dalaman' mereka terhadap Imam Mahdi, jika beliau benar-benar zahir kelak. Hanya orang-orang yang benar-benar memahaminya yang dapat menangkap maksud dalaman yang cuba disampaikan.

7. Mereka menumpukan kepada Mahdi yang berjaya mereka tumpaskan dengan tujuan psikologi untuk menyatakan bahawa umat Islam *kononnya* tidak sekali-kali akan berjaya mengalahkan kekuatan Barat sekalipun mereka dipimpin oleh seorang pemimpin yang hebat, sekalipun namanya adalah Imam Mahdi. Dan jika kita baca sekali imbas maklumat berkenaan, memang terasalah seolah-olah bahawa Imam Mahdi sendiri pun, jika zahir kelak, tidak akan sekali-kali mampu mengalahkan kuasa Barat yang katanya lebih hebat dan gagah.

8. Memaparkan kejahilan mereka sendiri kerana mereka seolah-olah tidak kenal siapa itu Imam Mahdi sehingga orang yang mengaku dirinya sebagai Imam Mahdi pun, sudah dianggap sebagai Imam Mahdi sebenar. Kisah kejayaan mengalahkan *Imam Mahdi* itu diperbesar-besarkan untuk menutup keadaan sebenar mereka.

9. Keadaan ini sebenarnya meyakinkan lagi kita bahawa Imam Mahdi itu memang benar-benar akan muncul. Jika tidak, masakan orang-orang Barat mahu memperkatakan soal ini, jika perkara itu tidak benar dan tiada asasnya di dalam agama Islam. Mereka seolah-olah takut benar dengan nama Imam Mahdi itu, bagaikan Imam Mahdi yang dimaksudkan akan membawa bala bencana terburuk kepada mereka.

Nilailah Sejarah Melalui iman

“Sesungguhnya seorang jurubina tidak akan dapat mendirikan sesebuah binaan melainkan setelah dia mengkaji tapak binaan, jenis tanah, mata air dan lain-lain.

“Seorang doktor tidak akan mampu memberikan rawatan yang mujarab melainkan setelah dia bertanya si pesakit akan puncanya, makanan, minuman dan lain-lain.

“Demikian juga seorang sejarawan tidak dibolehkan menyebut sesuatu kisah yang sampai kepadanya atau menghuraikan sesuatu petikan tanpa mengetahui titik tolak umat ini iaitu akidah dan segala yang terpancar daripadanya iaitu kefahaman, nilaian dan maksud.

“Ini kerana dibimbangi akan memesongkan di belakang hawa nafsu dan huraian salah yang akan membawa kepada mengubah sepenuhnya sesuatu keadaan dan jauh pula daripada kefahaman yang hakiki.”

(Mahmud Syakir, *Al-Muntalaqul Asasi fit Tarikhul Islami*)

BAHAGIAN 1

Persoalan-persoalan Mengenai Imam Mahdi yang Perlu Diperhatikan

Sebenarnya persoalan Imam Mahdi yang sangat ikhtilaf ini tidak mungkin benar-benar dapat diselesaikan setiap kali isu ini dibangkitkan kembali oleh mana-mana pihak pun. Persoalan ini sebenarnya akan semakin bertambah kusut, panjang dan bersimpang siur setiap kali diungkit, apatah lagi masing-masing mempertahankan pendirian masing-masing dalam keadaan penuh emosi, tanpa hujah yang benar-benar konkrit dan tidak lebih sifatnya daripada *zanni*.

Ini dengan mudah dapat difahami kerana masalah Imam Mahdi tidak ada di dalam al-Quranul Karim. Tidak terdapat walau satu ayat pun yang menceritakan tentang Imam Mahdi. Nama al-Mahdi tidak disebut oleh al-Quran. Sumber yang paling berwibawa yang dapat digunakan oleh pihak pendakwa hanyalah hadis-hadis, sambil disokong oleh ucapan para sahabat dan dibantu lagi oleh ucapan para tabiin dan ditambah lagi oleh ijtihad para ulama muktabar.

Perlu pula diingat, mengalasankan ayat al-Quran sebagai hujah untuk menolak kemunculan Imam Mahdi adalah suatu perbuatan yang agak melampau kerana persoalan Imam Mahdi bukanlah suatu perkara pokok dalam akidah, yang perlu merujuk adanya atau tiadanya kepada al-Quran. Mereka seolah-olah sudah tiada alasan lain yang boleh digunakan untuk menegakkan hujahnya dalam menafikan kemunculan Imam Mahdi.

Seolah-olahnya, apabila al-Quran tidak menyebutkan sesuatu perkara itu, maka perkara itu tidak boleh dibangkitkan langsung. Dan sesiapa yang membangkitkannya, maka dia itu bidaah. Andaian seperti ini nyatalah tidak selari dengan roh dan semangat al-Quran itu sendiri. Persoalan Imam Mahdi ini sebenarnya adalah termasuk dalam soal-soal agama Islam juga, walaupun tidak sampai ke taraf akidah. Maka, berpahalalah orang yang membincangkan perkara ini, selagi tidak sampai melanggar batas-batas yang telah ditetapkan oleh agama kita sendiri.

Malah banyak perkara lain dalam syariat dan akidah kita yang tidak pernah disebutkan di dalam al-Quran, tetapi diyakini dan diamalkan oleh seluruh umat Islam kerana terdapat sebutannya di dalam satu atau dua buah hadis sahaja. Malah banyak pula perkara yang langsung tidak disebutkan oleh hadis-hadis, tetapi kita umat Islam selalu pula membincangkannya. Dan anehnya, tidak terdengar pula ada orang yang membidaahkannya.

Contohnya, bilangan sembahyang yang lima waktu itu, yang merupakan rukun Islam yang paling utama pun, tidak ada di dalam al-Quran. Jika al-Quran mahu dijadikan alasan juga, kita sebenarnya hanya perlu bersembahyang tiga waktu sahaja, dan bukannya lima waktu. Yang lima waktu itu, hanya terdapat di dalam hadis-hadis.

Selain itu, perlu juga dimaklumi, bahawa di dalam al-Quran tidak pernah menyebutkan tentang Dajjal yang akan keluar pada akhir zaman nanti. Begitu juga tentang turunnya Nabi Isa AS ke dunia ini yang akan membunuh Dajjal, tidak pernah disebutkan di dalam al-Quran. Sebenarnya banyak perkara lain yang tidak disentuh oleh al-Quran tetapi tetap merupakan soal dalam agama kita,

dan diperbincangkan dengan panjang lebar pula. Maka rasanya, tidak salahlah jika kita membincangkan soal Imam Mahdi ini kerana bilangan hadisnya yang sampai kepada kita mencapai jumlah lebih daripada lima puluh buah.

Pandangan Para Ulama Sepanjang Zaman

Pandangan para ulama yang saleh-saleh sejak zaman awal Islam lagi bukanlah diada-adakan, bukan pula berupa bidaah atau perkara baru dalam Islam. Pandangan mereka adalah seratus peratus bebas daripada sebarang pengaruh, sama ada dari pihak berkuasa mahupun pihak-pihak yang cuba mengambil kesempatan daripada isu Imam Mahdi ini. Pandangan mereka adalah pandangan Islam tulen, yang didasarkan sepenuhnya kepada Al-Quranul Karim dan As-Sunnah, oleh mereka yang bertaraf ulama tulen pula.

Pandangan mereka adalah pandangan yang berasaskan iman yang suci bersih, ilmu yang mendalam dan keyakinan yang jitu. Pandangan mereka adalah pandangan secara bebas, sesuai menurut ajaran agama kita. Penulisan kitab-kitab mengenai Imam Mahdi oleh mereka adalah hasil atau lambang dari keyakinan yang jitu itu tadi. Jika tidak, masakan mereka dapat menulis kitab yang sebagus dan selengkap yang telah dituliskan oleh mereka itu.

Mereka banyak mengkaji dan mendalami masalah ini sehingga ke umbi-umbinya sekali demi untuk mendapatkan suatu jawapan yang pasti dan keyakinan yang jitu, tanpa perlu mengikut-ikut sebarang pendapat orang lain atau dapat dipengaruhi oleh sesiapa pun juga. Hasilnya, pendirian mereka adalah pendirian yang penuh yakin dan bebas, tanpa dibayangi oleh sebarang pengaruh.

Hasilnya, kita dapati secara keseluruhannya bahawa di kalangan ulama Ahlus Sunnah wal Jamaah, terdapat tiga pendapat terbesar mengenai kepercayaan terhadap kemunculan Imam Mahdi pada akhir zaman kelak. Rumusan ini telahpun dibuat oleh mereka dan dikumpulkan pula oleh ulama yang kemudian. **Golongan pertama** adalah para ulama yang percaya dengan sungguh-sungguh akan kesahihan hadis-hadis mengenai Imam Mahdi itu, sehingga mereka menyatakan dengan tegas sesiapa yang menolak hadis-hadis tersebut adalah orang yang sesat atau murtad. Kebanyakan mereka adalah dari kalangan ulama ahli hadis yang cukup tinggi ilmunya.

Sesetengah ahli hadis hari ini menyatakan bahawa hadis-hadis yang menyebutkan mengenai datangnya Imam Mahdi adalah hadis mutawatir dan banyak jumlahnya. Para ulama hadis yang mahir-mahir dan mendalam kajiannya serta sudah bertaraf **Huffaz**, sepakat mengatakan bahawa hadis-hadis mengenai Imam Mahdi adalah muktamad, dan mempunyai taraf mutawatir maknawi. Ini disebabkan banyak sumbernya, ramai rawinya dan perkaitan yang amat rapat antara sebuah hadis dengan hadis yang lain.

Pada penilaian dan kajian mereka yang mendalam itu, setiap rawi yang lemah, akan ada rawi lain yang lebih kuat yang datang membantu menguatkan sesebuah hadis. Keadaan ini menyebabkan mereka sukar untuk mengatakan bahawa hadis-hadis mengenai Imam Mahdi itu maudhuk, disebabkan faktor saling menguatkan antara satu rawi dengan rawi yang lain dan antara sanad yang bersimpang siur itu. Habis-habis pun, mereka hanya menyatakannya sebagai hadis-hadis dhaif sahaja.

Antara Huffaz terkenal yang secara yakin, mutlak dan sungguh-sungguh menyatakan pendapatnya bahawa perkhabaran mengenai Imam Mahdi sebagai benar adalah:

1. **Al-Hafiz Abu Husain al-Abiri**, yang menyatakan hadis-hadis Imam Mahdi itu sudah tersebar luas di kalangan orang awam dan di kalangan ahli hadis sendiri, dan disahkan oleh mereka sebagai mutawatir.

2. **Al-Muhaddith Idris al-Iraqi**, menyatakannya sebagai mutawatir atau amat hampir kepada mutawatir, walaupun pendapat pertama tadi disahkan oleh kebanyakan Huffaz.

3. **Imam asy-Syaukani** menulis, "*Kesahihan dapat diperakukan mengenai para rawi yang meriwayatkan tentang Imam Mahdi, al-Masih Dajjal dan Nabi Isa AS*." Namun beliau dikatakan adalah salah seorang ulama Syiah.

4. **Al-Muhaddith al-Kinnawji**, Raja Bhopal di India menyatakan bahawa hadis-hadis mengenai al-Mahdi sangat banyak dan telah disahkan sebagai mutawatir.

5. **Abu Abdullah Jasus**, seorang ulama menyatakan berita mengenai al-Mahdi adalah banyak dan al-Hafiz as-Sakhawi menilainya sebagai telah mencapai darjat mutawatir.

6. **As-Syeikh al-Arabi** di **Fez** menyatakan ramalan Nabi SAW mengenai Imam Mahdi itu memang sebenarnya dan sanadnya juga amat kuat..

7 **Sayid Muhammad bin Jaafar al-Kittani** menyebutkan nama lebih daripada dua puluh orang sahabat RA yang meriwayatkan hadis berkenaan Imam Mahdi, yang sanadnya dianggap sahih oleh beliau.

8 **Imamul Allamah Ibnu Hazam** menyatakan bahawa hadis-hadis yang menceritakan tentang keluarnya Imam Mahdi, turunnya Nabi Isa AS dan berita terbitnya matahari pagi dari sebelah barat adalah hadis-hadis mutawatir.

9 **Al-Hafiz Abul Hasan Muhammad Ibnu al-Husain as-Sajistani al-Aburi Asy-Shafie** (m. 363/974) yang menyebutkan hadis-hadis tersebut diriwayatkan oleh sebilangan besar ulama terkenal dan disebarkan secara luas dan yakin oleh terlalu ramai rawi.

10 **Grand Muhaddis Syeikh Abdullah bin Sadek, Ph.D.,** menyatakan bahawa hadis-hadis mengenai Imam Mahdi adalah bertaraf mutawatir maknawi. Adalah sangat mustahil hadis-hadis yang telah diiktiraf oleh para Huffaz sebagai mutawatir, masih lagi dianggap dhaif oleh orang-orang yang bukan bertaraf Huffaz.

Selain mereka yang bertaraf Huffaz seperti disebutkan di atas, terdapat sebilangan besar lagi ulama dahulu dan sekarang yang menyatakan secara yakin akan masalah ini. Namun, sebagai permulaan cukuplah setakat yang diberi di atas. Lagi pun, pendapat mereka mengenainya adalah lebih kurang sahaja. Maka, tidak perlulah disalin lagi semuanya.

Oleh kerana yang demikian, ada ulama yang secara tegas dan tidak ragu-ragu lagi menyatakan bahawa hadis-hadis mengenai Imam Mahdi adalah mutawatir dan wajib dipercayai. Antara ulama yang berpendirian seperti ini adalah Imam Ibnu Hajar al-Haitami, Imam Abu Bakar al-Iskafi dan Grand Muhaddis Syeikh Abdullah bin Sadek.

Selain itu, menurut mereka lagi, hadis-hadis mengenai Imam Mahdi yang sudah mencapai taraf mutawatir itu telah melalui proses tapisan seperti yang lazim dilakukan terhadap hadis-hadis lain. Tidak ada pembezaan antara proses tapisan hadis-hadis mengenai Imam Mahdi dengan yang lain, biarpun persoalan Imam Mahdi itu tidak melibatkan langsung perkara akidah atau persoalan rukun iman, dan tidak memerlukan proses tapisan yang seketat itu.

Sehubungan itu, adalah dianggap mustahil jika di antara hadis yang telah melalui proses ujian yang ketat itu, masih tidak terdapat sebuah pun hadis yang bertaraf mutawatir mengenai Imam Mahdi. Ini memandangkan para perawi hadis-hadis berkenaan adalah antara ulama hadis yang terkenal seperti Imam at-Tarmizi, Imam Abu Daud dan Imam Ahmad bin Hanbal RH.

Golongan kedua adalah ulama yang bersikap sederhana. Golongan yang sebegini adalah golongan yang paling ramai. Mereka adalah golongan yang mempercayai kemunculan Imam Mahdi, tetapi tidak memaksakan pendapatnya diterima oleh orang lain. Alasan yang diberikan adalah atas dasar bahawa persoalan Imam Mahdi adalah masalah furuk akidah, bukan masalah pokok akidah. Persoalan Imam Mahdi adalah masalah ikhtilaf, dan umat Islam dibenarkan memilih mana-mana satu pendapat yang disukainya, selagi pendapat itu didasarkan ilmu yang sampai kepadanya, dan selagi tidak sampai melanggar batas-batas yang sepatutnya.

Mereka tidaklah sampai menyesatkan golongan lain seperti yang dilakukan oleh golongan pertama tadi. Sikap mereka yang berlapang dada ini sebenarnya adalah sikap yang sepatutnya ditunjukkan oleh para ulama Islam. Seterusnya sikap sebeginilah yang patut diikuti oleh sekalian umat Islam. Menurut mereka lagi, mempercayai Imam Mahdi tidak sama dengan mempercayai turunnya rasul kepada manusia.

Imam Mahdi adalah seorang manusia biasa yang bertaraf wali, bukan bertaraf rasul. Oleh kerana Imam Mahdi itu lebih rendah tarafnya daripada rasul, kalau orang mempercayai kemunculannya atau tidak, pastilah tidak akan menjejaskan akidah dan tidak sekali-kali merosakkan iman. Seluruh ulama Ahlus Sunnah tidak pernah lagi menjatuhkan hukum syirik, khurafat, bidaah dan sesat kepada sesiapa atau mana-mana kumpulan yang tidak mahu mempercayai kemunculan Imam Mahdi pada akhir zaman nanti. Hanya di Malaysia sahaja iaitu pada tahun 1994 dahulu satu-satunya peristiwa sebuah kumpulan disesatkan kerana kepercayaan kumpulan itu kepada kemunculan seseorang sebagai Imam Mahdi. Selain itu, tidak pernah lagi tercatat di dalam buku sejarah dunia peristiwa seperti itu pernah berlaku.

Golongan ketiga adalah golongan yang menolak terus kepercayaan terhadap Imam Mahdi dan bermula dari golongan inilah yang menyebabkan umat Islam terpecah-pecah dan berbeza-beza pendapat mengenai Imam Mahdi, seperti yang terdapat pada hari ini. Kita tidak boleh menyalahkan mereka seratus peratus dalam hal ini, tetapi perlulah diakui pula, salah satu punca terbesar perpecahan pendapat umat Islam (dalam hal ini) adalah datang dari mereka. Golongan ini ada yang menolak secara sederhana dengan alasan yang lembut didengar, ada yang menolak dengan agak keras dan alasan yang masih boleh diterima, dan ada pula yang menolak sama sekali dengan penuh kasar dan penuh emosi. Maka hilanglah sifat toleransi mereka sehingga menyebabkan mereka terlalu ekstrem mengenainya.

Penolakan terhadap Imam Mahdi ini boleh dilihat dari dua sudut atau persoalan asas. Pertama, mereka menolak kemunculan suatu peribadi yang digelar sebagai Imam Mahdi, dan yang kedua adalah mereka yang menolak hadis-hadis tentang kemunculan Imam Mahdi. Yang menolak kemunculan peribadi yang bergelar Imam Mahdi itu disebabkan kurangnya kefahaman mereka terhadap diri Imam Mahdi itu sendiri. Maka kerana itu, kedatangan si Mahdi itu ditolak terus. Masakan boleh Imam Mahdi itu dengan hanya bersendirian sahaja mampu membaiki seluruh keadaan dunia yang amat kronik pada hari ini. Mustahillah Imam Mahdi itu mempunyai keupayaan yang jauh

melebihi dari apa pernah diterima oleh Rasulullah SAW sendiri. Demikian fikir mereka, dan itu jugalah alasan yang mereka beri.

Mereka ini terlalu mengikutkan logik ***akal sihat*** mereka itu sahaja, sehingga lupalah mereka bahawa akal mereka yang mereka terlalu agung-agungkan itu amatlah terhad sempadan yang mampu dicapainya. Mereka seolah-olah lupa bahawa akal sebenarnya dipandu oleh al-Quran dan hadis, bukan akal yang memandu al-Quran dan hadis. Sikap mereka yang demikian seolah-olah meletakkan kedudukan akal melebihi daripada kedudukan al-Quran dan hadis. Seolah-olah apabila sesuatu itu tidak dapat dilogikkan oleh akal, maka perkara itu tertolak. Dan itulah dia syariat pada pandangan mereka. Sikap seperti ini sebetulnya adalah melanjutkan sikap dan pegangan Muktazilah, yang pernah hidup subur pada zaman dahulu. Mereka inilah Muktazilah moden, yang melanjutkan lidah Muktazilah zaman dahulu, yang pada hari ini sudah kelu lidahnya di dalam lubang kubur masing-masing.

Golongan yang kedua, menolak kemunculan Imam Mahdi kerana mengalasankan bahawa tidak ada sebuah pun hadis yang berkaitan Imam Mahdi itu yang dapat dipegang atau dijadikan hujah syarak. Mereka terlalu dikongkong oleh kaedah ilmu mustalah hadis yang amat ketat itu, sehingga pada perkara Imam Mahdi yang hanyalah soal furuk agama pun, dihukumkan seperti mereka menghukum perkara pokok akidah atau pokok syariat. Maka kerana itu, tertolaklah perkara Imam Mahdi ini pada pandangan mereka. Lupalah mereka bahawa soal ini adalah furuk semata-mata, tidak lebih daripada itu. Itulah akibatnya jika kayu ukur yang digunakan adalah kayu ukur orang lain, yang jauh berbeza daripada kayu ukur yang sepatutnya.

Nama-nama Ulama Kenamaan dan Kitab Karangan Mereka Mengenai Imam Mahdi

Sejak zaman awal Islam lagi, telah ramai ulama muktabar yang berusaha menerangkan kepada umat Islam seluruhnya mengenai peribadi Imam Mahdi. Kitab-kitab karangan mereka dapat dibaca hingga ke hari ini oleh seluruh umat Islam. Di sini dinyatakan beberapa orang ulama kenamaan itu dan kitab-kitab termasyhur mereka yang ada di dalamnya kisah-kisah mengenai Imam Mahdi. Semoga dengan ini dapatlah kita mengambil iktibar, ilmu dan manfaat daripadanya.

1 Sahih al-Bukhari, *Kitab Bad' ul-Khalq wa Nuzul Isa*, Jilid 4.

2 Imam Muslim, *Sahih Muslim*, Jilid 1, Jilid 2, Ba*b Nuzul Isa,* Bab 18.

3 Imam Abu Daud, *Sunan Abu Daud*, Jilid 2, Jilid 3 & Jilid 5.
4 Imam at-Tarmizi, *Sahih at-Tarmizi*, Jilid 2, Jilid 9.
5 Imam Ibnu Majah, *Sunan Ibnu Majah*, Jilid 2.
6 Imam Ahmad bin Hanbal, *Musnad Imam Ahmad*, Jilid 1 & Jilid 3.
7 Imam an-Nasaie, *Sunan an-Nasaie*.
8 Imam Al-Hakim, *Mustadrak as-Sahihain*, Jilid 4.
9 Imam Ibnu Hajar al-Haitami, *As-Sawa'iqul Muhriqah*.
10 Imam Ibnu Hajar al-Haitami, *Al-Qaulul Mukhtasar fi Alamatil Mahdiyul Muntazar*.
11 Imam Ibnu Tawus, *Kitabul Malahim wal Fitan*.
12 Imam at-Tabrani*, Al-Majma'*.
13 Imam Ibnu Hajar al-Asqalani, *Fathul Bari*, Jilid 7.
14 Imam Ibnu Hajar al-Asqalani, *Tahzibus Sabit*, Jilid 9.
15 Imam Ibnu Hajar al-Asqalani, *Fathul Bari*, Jilid 7.
16 Imam Ibnu Hajar al-Asqalani, *Nuzhatun Nazar*.
17 Imam Ibnu Hajar al-Asqalani, *Lisanul Mizan*, Jilid 1.
18 Ibnu Sabbagh al-Maliki, *Al-Fusulul Muhimmah*, Jilid 12.
19 Imam Mahyuddin **Ibnu Arabi** al-Hatimi, *Al-Futuhatul Makkiyah*.
20 *Fathul Muhimmah* (edisi kedua).
21 *Futuhatul Islamiyah*, (edisi Makkah) Jilid 2.
22 Imam As-Suyuti, *Kitab Al-Hawi Lil Fatawa*, Jilid 2.
23 Imam As-Suyuti, *Al-Urful Wardi*.
24 Imam As-Suyuti, *Alamat Qiyamat*.
25 Imam As-Suyuti, *Al-Jami'us Saghir*.
26 Imam As-Syakrani, *Tanbihul Mughtarrin*.
27 Ibnu Asir, *Kamilut Tawarikh*, Jilid 1.
28 Al-Yaaqubi, *Tarikh*, Jilid 3.
29 Imam Syamsuddin Abu Abdillah al-Ansari **Al-Qurtubi**, *At-Tazkirah Fi Ahwalul Mauta wa Ahwalul Akhirah*.
30 Imam Al-Baihaqi, *Sunanul Kubra*.
31 Ibnu Asakir, *Tarikh*, Jilid 4.
32 Imam at-Tabari, *Tarikhul Umam Wal Muluk (Tarikh at-Tabari)*, Jilid 7.
33 Imam Ibnu Kasir, *Alamat Yaumul Qiyamah*.
34 Imam As-Sakhawi, *Fathul Mughith*, Jilid 3.
35 Imam Az-Zurqani, *Syarhul Mawahibul Ladunniyyah*, Jilid 5.
36 Imam Ali bin Abu Bakar al-Haitami, *Majma'ul Zawaid* (ed. Kaherah), Jilid 7.
37 Said Muhammad Hasan, A*l-Mahdiyah fil Islam* (Kaherah, 1373H).
38 *Kanzul Ummal*, Jilid 7.
39 Al-Hafiz Abu Nuaim, *Aqdud Durar Fi Akhbaril Mahdiyul Muntazar*, Jilid 12, Bab 1.
40 Kanji As-Syafie, *Al-Bayan fi Akhbar Sahibuz Zaman*, Bab 12.
41 Ubaidallah Hindi Hanafi, *Arjahul Matalib*.
42 Imam Abu Bakar al-Iskafi, *Fawa'idul Akhbar*.
43 Imam Abu Bakar al-Iskafi, '*Aqdud Durar fi Akhbaril Muntazar*.
44 Muhammad Taisir Zibyan, *Ahlul Kahfi*.
45 Abul Fadhal Abdullah bin as-Siddiq al-Husaini al-Idrisi al-Maliki, Ph.D., *Al-Mahdiyul Muntazar*.
46 Syeikh Osman Jalaluddin, *Ad-Durratun Nafi'ah fi Isyaratus Sa'ah,* Bahagian 1 & 2.
47 Pehin Datu Seri Maharaja Dato' Seri Utama Sahibul Fadhilah Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz, *Ringkasan Akidah Ahli Sunnah wal Jemaah*.
48 Yusuf bin Yahya bin Ali bin Abdul Aziz al-Maqdisi asy-Syafie as-Sullami, *Aqdud Durar fi Akhbaril Muntazar*.
49 Mustaffa Suhaimi, *Al Mahdi Nama Yang Paling Dipertikai dan Sering Dieksploit Sepanjang Sejarah Umat Islam*.

50 Ustaz Haji Ashaari Muhammad, *Siapa Mujaddid Kurun Kelima Belas?*
51 Ustaz Haji Ashaari Muhammad, *Aurad Muhammadiah Pegangan Darul Arqam, Sekali gus Menjawab Tuduhan*.
52 Ustaz Haji Ashaari Muhammad, *Berhati-hati Membuat Tuduhan*.
53 HM Thalib Lubis, *Imam Mahadi*.
54 Muhammad Labib Ahmad, *Siapa Imam Mahadi?*
55 Ibnu Khaldun, *al-Muqaddimah* (edisi Kaherah).
56 Ahmad Thompson, *Dajjal, The King Who Has No Clothes*.
57 Muhammad As-Saban, *As'afur Raghibin*.
58 Shablanji, *Nurul Absar*.
59 Allamah Ahmad bin Muhammad bin Siddiq **al-Ghumari** al-Husni, *Abrazul Waham al-Maknun*.
60 **Imam Nuaim** bin Hammad, *Al-Fitan*.
61 Ahmad bin Jaafar bin Al-Munadi, *Kitabul Malahim*.
62 Hamud bin Abdullah at-Tuwaijiri, *Al-Ihtijaj bil Asar 'Ala Man Ankaral Mahdiyul Muntazar*.
63 BAHEIS, JPM Malaysia, *Mastika Hadis (Jilid 1)*.

Selain dari yang disebutkan di atas, terdapat banyak lagi buku dan kitab yang boleh ditemui dengan mudah yang menceritakan mengenai Imam Mahdi, sama ada secara khusus mahupun secara tidak langsung iaitu sebahagian daripada isi buku mereka. Senarai yang diberikan di atas adalah antara kitab yang mudah dan banyak didapati di pasaran hari ini. Sebahagian besarnya adalah kitab yang sudah sangat masyhur di kalangan kita, umat Islam yang Ahlus Sunnah wal Jamaah. Yang lain-lain itu, maka carilah sendiri.

Sahabat Nabi SAW yang Meriwayatkan Hadis Mengenai Mahdi

Berdasarkan hadis-hadis yang telah diriwayatkan, terdapat empat puluh empat nama para sahabat RA yang pernah menyampaikan kepada kita hadis-hadis mengenai Imam Mahdi, seperti yang

mereka pernah dengar daripada Nabi SAW sendiri. Sebahagian mereka adalah merupakan sahabat utama Baginda SAW, iaitu orang-orang yang sudah mendapat jaminan syurga daripada Rasulullah SAW. Ada yang meriwayatkan sebuah hadis dan ramai pula yang meriwayatkan beberapa buah hadis mengenai Imam Mahdi daripada Rasulullah SAW.

Ada yang meriwayatkan sebuah hadis daripada Rasulullah SAW mengenai Imam Mahdi, ada yang banyak, dan selain dari itu, ada yang bercerita mengenai Imam Mahdi berdasarkan ***kasyaf*** yang mereka terima daripada sisi Allah. Kasyaf ini jelas dapat dilihat jika kita rajin meneliti dan menghalusi kata-kata para sahabat RA ini, tanpa terburu-buru menolaknya. Perkhabaran ini adalah sokongan atau tambahan daripada apa yang telah diberitakan oleh Rasulullah SAW kepada mereka sebelumnya. Hal ini tidak sekali-kali boleh dikatakan bahawa mereka itu seperti memandai-mandai atau berlebih-lebih dalam penerangan mereka. Hal ini dikeranakan mereka memang mendapat ilmu seperti yang demikian itu lalu mereka sampaikan pula kepada generasi tabiin, dan seterusnya sampai kepada kita hari ini.

Jumlah mereka yang seramai ini, memang jika dilihat dari segi rawi dan syarat untuk menjadi mutawatir, memang sudah lebih daripada mencukupi untuk kita mengisytiharkannya sebagai mutawatir mutlak. Hanya mengenangkan soal ini adalah soal furuk dalam ilmu tauhid, maka tidaklah dirasakan perlu berbuat demikian. Namun jika ada pihak yang mahu berbuat demikian, dipersilakanlah. Berikut adalah sahabat RA yang namanya dimasukkan sebagai periwayat hadis mengenai Imam Mahdi:

1. Sayidatina Aisyah, Ummul Mukminin RA.
2. Sayidatina Ummu Salamah, Ummul Mukminin RA.
3. Sayidatina Maimunah, Ummul Mukminin RA.
4. Sayidatina Ummu Habibah RA, Ummul Mukminin RA.
5. Sayidina Ali bin Abi Talib KMW.
6. Sayidina Ali al-Hilali RA.
7. Sayidina Abdullah ibnul Abbas RA.
8. Sayidina Abdullah ibnu Umar RA.
9. Sayidina Abdullah ibnu Mas'ud RA.
10. Sayidina Abdullah bin Amru bin al-As RA.
11. Sayidina Abdullah bin Busri RA.
12. Sayidina Abdullah bin Al-Haris RA.
13. Sayidina Abdul Rahman bin Auf RA.
14. Sayidina Al-Abbas bin Abdul Muttalib RA.
15. Sayidina Amru bin Al-As RA.
16. Sayidina Amru bin Murrah al-Juhani RA.
17. Sayidina Amru bin Taghlib RA.
18. Sayidina Ammar bin Yasir RA.
19. Sayidina Abi at-Tufail RA.
20. Sayidina Abu Said al-Khudri RA.
21. Sayidina Abu Hurairah RA.
22. Sayidina Abu Ayub al-Ansari RA.
23. Sayidina Abu Umamah al-Bahili RA.
24. Sayidina Anas bin Malik RA.
25. Sayidina Auf bin Malik RA.
26. Sayidina Buraidah RA.
27. Sayidina Husain bin Ali bin Abi Talib RA.
28. Sayidina Huzaifah bin Al-Yaman RA.
29. Sayidina Imran bin Husain RA.
30. Sayidina Jabir bin Abdullah RA.

31. Sayidina Jabir bin Samurah RA.
32. Sayidina Jabir bin Majid as-Sadafi RA.
33. Sayidina Jubair bin Nufair RA.
34. Sayidina Kirrah al-Muzani RA.
35. Sayidina Mustaurid al-Qurasyi RA.
36. Sayidina Muaz bin Jabal RA.
37. Sayidina Nafik bin Uqbah bin Abi Waqqas RA.
38. Sayidina Osman bin Affan RA.
39. Sayidina Qais bin Jabir RA.
40. Sayidina Salman Al-Farisi RA.
41. Sayidina Sauban RA.
42. Sayidina Talhah bin Ubaidillah RA.
43. Sayidina Tamim ad-Dari RA.
44. Sayidina Zubair bin Al-Awwam RA.

Riwayat mengenai Imam Mahdi turut disebut oleh lima orang tabiin melalui hadis-hadis mursal. Mereka yang berlima itu adalah;

1 Said bin Al-Musayyab RH.
2 Imam Al-Hasan Al-Basri RH.
3 Qatadah RH.
4 Syahar bin Haushab RH.
5 Mumar RH.

Seluruh nama sahabat RA yang meriwayatkan hadis mengenai Imam Mahdi ini dikumpulkan daripada hadis-hadis yang diriwayatkan oleh Imam as-Suyuti RH, Imam Ibnu Hajar al-Haitami RH, Imam Abu Nuaim RH dan Grand Muhaddith Syeikh Abdullah bin Sadek, Ph.D. Oleh kerana mereka semuanya adalah ahli hadis yang pakar-pakar pada zaman masing-masing serta diakui pula oleh seluruh umat Islam akan kealiman mereka, maka hadis-hadis yang mereka riwayatkan dan nama-nama sahabat RA yang dibawakan itu kita terima, kita susun dan disenaraikan.

Maka hasilnya adalah seperti yang telah disenaraikan di atas. Jika para pembaca mahukan lebih keyakinan, dan jika masa mengizinkan, eloklah membuat rujukan dan semakan semula kepada kitab-kitab yang dikarang oleh keempat-empat orang ulama yang penulis jadikan sandaran rujukan itu. Hal ini adalah baik juga sebagai suatu usaha untuk memantapkan lagi ilmu kita yang sebenarnya masih amat cetek ini.

Fatwa Oleh *Rabitah Al-Alam Al-Islami*

Ramai orang berkata, puak Wahabi tidak mempercayai hadis-hadis berkenaan Imam Mahdi. Sebenarnya pandangan itu ada yang tepat dan ada yang tidak berapa tepat. Sebenarnya ada banyak pendapat dan fatwa dalam mazhab Wahabi sendiri mengenai Imam Mahdi ini. Antara satu pendapat dengan pendapat yang lain, terdapat perbezaan yang cukup luas, sama saja seperti dalam mazhab Ahlus Sunnah. Antara pendapat mereka itu ialah:

1. Ada segolongan yang meyakini kemunculan Imam Mahdi pada akhir zaman. Namun, golongan ini adalah minoriti. Akhirnya suara mereka tenggelam oleh suara puak Wahabi yang lebih ramai.
2. Ada segolongan puak Wahabi yang bersikap tidak peduli mengenai Imam Mahdi ini. Mereka tidak begitu percaya, tetapi pada masa yang sama tidak pula menafikan terus.
3. Ada segolongan yang hanya menafikan hadis-hadisnya sahaja tetapi mempercayai kemunculan Imam Mahdi. Alasannya hadis-hadis itu terlalu dhaif dan sebahagian besarnya adalah hadis maudhuk.
4. Sebahagian besarnya menafikan terus kepercayaan Imam Mahdi ini dan menolak terus hadis-hadis berkenaan Imam Mahdi. Pada mereka, Imam Mahdi tidak ada, kerana tidak pernah disuruh oleh Nabi SAW untuk mempercayainya. Inilah golongan majoriti dalam puak Wahabi, dan suara merekalah yang lebih tertonjol.
5. Sebahagian lagi hanya mempercayai sebahagian hadis sahaja mengenai Imam Mahdi dan menolak terus sebahagian hadis lagi. Hadis-hadis yang mereka tolak adalah hadis-hadis yang terlalu dhaif, kelihatan zahirnya amat bertentangan antara satu dengan lain atau yang sememangnya maudhuk. Keyakinan mereka kepada Imam Mahdi adalah hampir sama dengan kepercayaan umum dalam Ahlus Sunnah wal Jamaah. Pendapat mereka ini memang berdasarkan ilmu, bukan semata-mata emosi.
6. Mempercayai kemunculan Imam Mahdi tetapi menafikan pula kemunculan Panji-panji Hitam. Golongan ulama Wahabi adalah golongan yang berpegang kepada kaedah ini. Hampir seluruh pengikut Wahabi berpegang kepada kaedah ini, kerana pegangan demikianlah yang diajarkan oleh ulama Wahabi seperti dalam kitab besar mereka, ***Fatawal Aqidah***. Bagi mereka, kemunculan Imam Mahdi tidak ada kait-mengait langsung dengan Panji-panji Hitam.

Fatwa yang lebih meyakinkan mengenai isu ini telah dikeluarkan di Makkah oleh **Rabitah al-'Alam al-Islami** (Muslim World League) pada 11 Oktober, 1976 (bersamaan 23 Syawal, 1396). Fatwa ini menyatakan bahawa terdapat lebih daripada dua puluh orang Sahabat RA yang meriwayatkan hadis-hadis berkenaan Imam Mahdi, menyenaraikan nama ulama hadis yang menyampaikan riwayat ini kepada kita, di samping nama-nama ulama yang telah menulis kitab mengenai Imam Mahdi. Fatwa Rabitah itu berbunyi begini:

> ***"The memorises (Hafiz) and scholars of Hadith have verified that there are authentic (sahih) and acceptable (hasan) reports among the traditions related to al-Mahdi. The majority of these traditions are related through numerous authorities (Mutawatir). There is no doubt that the status of those reports are Sahih and Mutawatir. (They have also verified) that the belief in Mahdi is obligatory, and that it is one of the beliefs of Ahl al-Sunnah wal Jama'a. Only***

those ignorant of the Sunnah and innovators in doctrine deny it."

Terjemahannya secara bebas kira-kira begini:

> "***Para hafiz dan ulama-ulama hadis telah mengesahkan riwayat daripada hadis-hadis berkenaan al-Mahdi adalah sahih dan hasan. Kebanyakan hadis ini adalah berbentuk mutawatir. Tidak ada keraguan lagi bahawa taraf riwayat ini adalah sahih lagi mutawatir. (Mereka juga menyatakan) bahawa kepercayaan kepada al-Mahdi adalah sah dan mempercayainya adalah salah satu kepercayaan Ahlus Sunnah wal Jamaah. Hanya orang yang jahil tentang hadis-hadis dan pencipta bidaah sahaja yang akan menafikannya."***

Untuk mendapatkan teks penuh fatwa berkenaan dan garis panduan menyusun fatwa itu, bolehlah melihatnya dalam buku ***Al-Bayan Fi Akhbar Sohibuz Zaman***, oleh **Kanji as-Syafie**, cetakan Beirut, tahun 1979 di bahagian ***Pengenalan***, muka surat 76-79 dan pada bahagian ***Lampiran***. Buku tersebut berbahasa Arab.

Pandangan Rasmi Puak Wahabi Mengenai Imam Mahdi dan Panji-panji Hitam.

Ada sebuah buku rujukan, **Fatawal 'Aqidah**, yang disusun oleh Syeikh Muhammad bin Salih bin 'Usaimin, cetakan kedua, tahun 1993, Maktabah As-Sunnah, Kaherah, **Bab Al-Fitan wa Asyratus Sa'ah, halaman 481 - 493.**

Buku ini bolehlah dianggap sebagai fatwa sah dan rasmi bagi puak Wahabi kerana penyusunnya adalah diiktiraf sebagai ulama terbesar dan pensyarah Kuliyyah Syariah. Buku ini juga disusun oleh beliau dengan memasukkan beberapa fatwa rasmi daripada beberapa orang ulama besar Wahabi yang lain. Berikut adalah terjemahan secara bebas fatwa yang dipetik daripada buku berkenaan.

Soalan 261:

Bertanyakan Syeikh: Mengenai hadis-hadis keluarnya al-Mahdi, adakah sahih atau tidak?

Dijawab dengan katanya:

Hadis-hadis mengenai al-Mahdi terbahagi kepada empat:
Pertama : hadis-hadis dusta.
Kedua : hadis-hadis dhaif.
Ketiga : hadis-hadis hasan dikeranakan banyaknya kaitan, hingga kepada darjat sahih, iaitu hadis sahih lighairih.
Keempat : kata sebahagian ulama adalah sesetengahnya sahih lizatih.

Soalan 267:

Adakah sahih hadis tentang keluarnya as-Sufyani sebagai tanda kiamat? Begitu juga, adakah sahih hadis-hadis tentang munculnya Panji-panji Hitam?

Hadis mengenai as-Sufyani yang dikeluarkan oleh al-Hakim di dalam Mustadraknya itu, dikatakan hadis yang sahih isnadnya tetapi al-Hakim rahimahullah lebih mengetahui akan sebab-sebab (beliau mengatakannya sebagai) tashih, maka Allahlah yang Maha Mengetahui.

Adapun mengenai Panji-panji Hitam itu, tidak didapati (sumbernya di dalam hadis-hadis sahih).

Demikianlah terjemahan fatwa di dalam kitab **Fatawal 'Aqidah** itu. Penulis tidak berhajat membuat sebarang ulasan, terpulanglah kepada pendapat dan pemahaman pembaca sendiri.

Hadis-hadis Yang Dikatakan Maudhuk Oleh Puak Wahabi

Sehubungan dengan fatwa yang dikeluarkan oleh pihak ***Rabitah Al-Alam Al-Islami*** itu, beberapa orang ulama dari kalangan Wahabiyah telah berusaha menyenaraikan hadis-hadis berikut sebagai hadis-hadis yang telah dikenal pasti sebagai hadis maudhuk atau hadis reka-rekaan orang lalu disandarkan kepada Nabi SAW perkataannya, pada hal Nabi SAW tidak pernah sekali-kali menyebutkan seperti yang demikian. Kebanyakan pendapat mereka ini adalah dengan merujuk kepada tulisan Ibnul Jauzi. Antara hadis yang muktamad dimasukkan oleh puak Wahabi sebagai hadis maudhuk itu, antaranya adalah seperti berikut:

1. Dari Sayidina Ali bin Abi Talib KMW, sabda Nabi SAW,
   "*Akan keluar seorang lelaki dari seberang sungai yang dikatakan **Al-Haris bin Harras**, yang di hadapannya ada seorang lelaki yang dikatakan **Al-Mansur**, dialah yang akan memudahkan urusan atau membela keluarga Nabi SAW seperti pihak Quraisy yang membela Rasulullah SAW. Wajib setiap mukmin menolongnya.*" Atau baginda bersabda, "*Wajib setiap orang mukmin menerimanya.*"

2. Dari Abdullah RA, dia berkata,
   "Ketika kami sedang berada bersama-sama Rasulullah SAW, datang sekumpulan anak-anak muda dari Bani Hasyim. Apabila melihat mereka, tiba-tiba air mata baginda berlinang dan wajahnya berubah. Abdullah berkata, aku bertanya, "*Kami melihat sesuatu yang tidak kami senangi pada wajahmu*?" Maka baginda menjawab, "*Kami adalah Ahlulbait yang Allah telah memilih bagi kami kehidupan akhirat lebih daripada kehidupan dunia. Sesungguhnya ahli keluargaku, sepeninggalanku nanti akan menerima bala bencana pengusiran dan pembuangan, sehingga datanglah suatu kaum dari arah Timur yang membawa Panji-panji Hitam. Mereka meminta kebaikan tetapi tidak diberikannya, lalu mereka berjuang dan menang, lalu diberikanlah apa yang mereka minta itu tetapi mereka tidak menerimanya sehinggalah mereka menyerahkan kepemimpinan itu kepada salah seorang lelaki dari ahli keluargaku. Dia lalu memenuhinya dengan berbuat adil, seperti sebelumnya yang dipenuhi dengan kezaliman. Barang siapa di antara kamu semua yang menjumpai hal-hal tersebut, hendaklah dia mendatangi mereka walaupun terpaksa merangkak di atas salji.*"

3. Dari Abu Hurairah RA berkata, Rasulullah SAW bersabda,
"*Akan keluar dari Khurasan Panji-panji Hitam. Maka (Panji-panji Hitam itu) tidak dapat ditolak oleh sesuatu apa pun sehinggalah ditancapkan di Ilya'*."

4. Sabda Rasulullah SAW,
"*Terdapat banyak pasukan tentera selepasku kelak. Kamu hendaklah menyertai pasukan tentera yang datang dari arah Khurasan*."

5. Dari Muaz bin Jabal RA, dari Nabi SAW bersabda,
"*(Jarak masa antara)* ***Malhamatul 'Uzma****, penaklukan Konstantinopel (Eropah) dan keluarnya Dajjal adalah dalam masa tujuh bulan*."

6. Ammar bin Yasir RA menyatakan,
"*Apabila orang suci (****Nafsuz Zakiyah****) itu terbunuh, satu seruan dari langit akan kedengaran, "****Pemimpin kamu semua adalah si dan si anu****." Berikutnya, Al-Mahdi akan memerintah dunia dan memenuhkannya dengan keadilan dan sama rata*."

Untuk mendapatkan penjelasan yang lebih lanjut mengenai taraf hadis-hadis tersebut dan sanad yang dikatakan ditolak, bolehlah dirujuk kepada penjelasan yang dibuat oleh **Ibnul Jauzi** dalam kitabnya ***Ahadisul Maudhu'at***. Semua hadis di atas telah secara muktamad dimasukkan sebagai hadis maudhuk oleh beliau. Sayangnya, bukan semuanya adalah hadis Nabi SAW malah adalah ucapan para sahabat sahaja, tetapi turut dimaudhukkan oleh beliau.

Mahdi Tempatan

Selain Imam Mahdi yang sebenar, yang hakiki itu, terdapat pula di setiap penjuru alam ini, orang-orang yang boleh kita gelarkan sebagai Mahdi tempatan. Maksudnya kepercayaan kepada Mahdi itu mempunyai bentuknya yang khas bagi sesuatu tempat. Hal ini dapat dikesan melalui riwayat-riwayat orang dahulu seperti yang diceritakan oleh Imam Ibnu Hajar al-Haitami sendiri, atau oleh Imam as-Suyuti RH atau orang-orang lain. Ahli sejarah juga turut merakamkan peristiwa ini dalam buku-buku sejarah mereka.

Contohnya di Nusantara ini, terdapat bentuk Imam Mahdi yang khas Nusantara dan berwatak Nusantara. Contoh yang paling ketara adalah kepercayaan kepada datangnya ***Ratu Adil*** di kalangan masyarakat Jawa. Ratu Adil akan membawa kemakmuran dan keadilan kepada seluruh rakyat. Keadaan ini amatlah jauh berbeza daripada sifat-sifat Imam Mahdi seperti yang diceritakan oleh hadis-hadis.

Di Makassar pula, kepercayaan yang hampir sama turut didapati dengan gelaran ***Karaeng Data***. Demikian jelas Prof. Dr. Hamka. Di India, terdapat pula bentuk dan watak Mahdi yang lebih mirip tempatan di sana iaitu Imam Mahdi, Nabi Isa dan rasul penghujung zaman. Di negara-negara Arab sendiri, terdapat jenis-jenis Mahdi tempatan yang mirip dengan keadaan masyarakat yang diwakilinya. Sungguh pun mereka berbangsa Arab dan berbahasa Arab pula, sifat-sifat Mahdi mereka itu tetap jauh berbeza daripada apa yang terdapat di dalam hadis.

Di Afrika juga, keadaan yang sama turut berlaku. Terdapat beberapa jenis Mahdi tempatan yang mirip dengan cara dan kebudayaan tempatan. Sejak dahulu hingga kini, memang silih berganti muncul orang yang mendakwa dirinya sebagai Mahdi, dengan ciri-ciri tempatan tertonjol jelas

padanya. Yang paling jelas adalah di Sudan, Maghribi dan Mesir. Mungkin salah satu tujuan mereka berbuat demikian adalah untuk mendapatkan simpati dan sokongan daripada penduduk setempat. Maka ramailah simpati yang menyokong mereka, kerana Mahdi itu adalah khas untuk penduduk tempatan, dan berwatak tempatan pula. Keturunannya juga adalah dari kalangan penduduk tempatan juga.

Di tempat-tempat lain di dunia ini juga mempunyai Mahdi mereka sendiri. Pengaruh-pengaruh Mahdi ini lebih bercirikan tempatan dan dipengaruhi oleh kepercayaan menurut agama yang diwakili olehnya. Memang dari semasa ke semasa, ada sahaja orang yang mengaku dirinya Mahdi dan berjaya pula mempengaruhi orang ramai dengan dakwaannya itu. Ada yang menjadi amat ekstrem dengan Mahdi mereka itu dan ada pula yang biasa sahaja terhadap Mahdi mereka itu.

Dan tidak dinafikan bahawa kemunculan peribadi-peribadi sedemikian dari semasa ke semasa itulah yang mempengaruhi para penentang konsep Imam Mahdi untuk menolak terus kepercayaan kepada kemunculan Imam Mahdi yang sebenar. Memang sekali imbas, kemunculan orang-orang sebegini hanya merosakkan umat Islam dan menguntungkan pihak musuh. Mereka seolah-olah lupa bahawa Imam Mahdi yang sebenar hanya ada seorang sahaja di dunia ini, yang lain-lain itu sepatutnyalah ditolak. Janganlah hanya dikeranakan ramai yang mendakwa sebagai Imam Mahdi, maka Imam Mahdi yang sebenarnya pun kita tolak sama, dan kemunculannya pun kita nafikan.

Hadis-hadis mengenai Imam Mahdi itu tidak bersalah, jangan dihukum dengan hukuman yang tidak patut diterimanya, dan Imam Mahdi yang hakiki itu juga tidak bersalah. Tidak patutlah beliau itu dipersalahkan. Yang bersalah dalam hal ini adalah orang-orang yang mendakwa dirinya Imam Mahdi sedangkan dia itu bukanlah Imam Mahdi. Ciri-ciri khusus yang disebutkan oleh hadis satu pun tidak ada pada dirinya, mana mungkin dia itu boleh menjadi Imam Mahdi? Kita sebagai orang awam perlu bijaksana dan matang menangani masalah furuk ini. Kita perlu tahu bila kita kena menolak, dan tahu pula bila harus menerimanya.

Imam Mahdi di Kalangan Para Wali

Imam Mahdi yang dikenali di seluruh dunia seperti yang selalu disebut-sebutkan itu adalah Imam Mahdi bagi para ulama hadis atau Imam Mahdi bagi ulama ahli kalam. Ini disebabkan sifat-sifat, keadaan, kemunculan dan pemerintahannya kita ketahui melalui hadis-hadis Nabi SAW dan juga huraian para ulama ilmu kalam dalam kitab-kitab tauhid mereka. Imam Mahdi ini mereka huraikan menurut fahaman dan sudut pandangan mereka itu. Maka kita pun turut memahaminya menurut sudut pandangan yang telah ditumpukan oleh mereka itu. Dan itulah juga Imam Mahdi bagi orang awam yang sebenarnya.

Sebab itulah, apabila ada orang lain menceritakan mengenai Imam Mahdi menggunakan sudut pandangan yang berbeza daripada apa yang kita sedia fahami itu, maka ramailah bingkas menentangnya. Seolah-olah apa jua pandangan yang bertentangan dengan apa yang kita sedia fahami itu salah belaka, bidaah belaka dan bohong belaka. Hanya pandangan kita sahaja yang betul dan benar. Kerana kononnya pandangan kita berdasarkan ayat al-Quran dan hadis. Pendapat orang lain semuanya salah. Maka berlakulah perbezaan yang lebih besar dan merumitkan lagi keadaan, walhal

mereka hanya menyatakan pandangannya, yang sebenarnya tidak salah, hanya berbeza sedikit daripada kita sahaja.

Umpamanya, kita selama ini disogokkan dengan cerita orang yang melihat Imam Mahdi itu dari arah hadapan sahaja. Maka pandangan dari hadapan itulah yang kita terima dan anggap benar. Apabila ada orang lain yang melihat Imam Mahdi itu dari arah belakang dan menyatakan apa yang dia sedang lihat, maka kita pun marah kepadanya kerana dia melihat dari belakang. Kita tidak sepatutnya memarahi dia sedangkan yang dilihatnya itu adalah Imam Mahdi yang itu juga, cuma dia melihat dari tempat yang lain dari tempat kita melihatnya. Maka berbezalah pandangan dia daripada kita, disebabkan berbeza tempat dia memandang itu.

Dalam hal ini, para ahli sufi turut menjelaskan sifat, keadaan dan pemerintahan Imam Mahdi, menurut pandangan mereka pula, dengan sumber yang berbeza pula. Pandangan dan sumber mereka itu tidak pernah dipakai oleh ahli hadis dan ahli ilmu kalam. Malah sumber mereka itu dilihat sekali imbas, bagaikan ***tidak pernah*** digunakan oleh Nabi SAW sendiri dan para sahabat RA. Para ahli sufi ini melihat dari sudut kesufian mereka, dan sumber mereka adalah ilmu laduni, kasyaf dan berita ghaib yang mereka terima.

Ahli sufi atau dikenali juga dengan nama ahli tasawuf adalah golongan yang berusaha menghampirkan diri dengan Allah SWT, dengan amalan zahir dan batin. Keutamaan mereka adalah pada amalan batinnya, kerana yang itulah yang dinilai oleh Allah SWT dan juga merupakan tempat jatuhnya pandangan Tuhan kepada mereka. Mereka tidak berapa menghiraukan kepentingan duniawi kerana matlamat utama mereka adalah satu, iaitu Allah SWT sahaja. Disebabkan itu, pandangan dan matlamat hidup mereka jauh berbeza daripada manusia biasa, termasuk para ulama yang banyak kedapatan pada setiap ketika.

Bagi golongan ahli sufi atau tasawuf ini, Imam Mahdi adalah seorang lelaki yang merdeka, seorang yang bertaraf wali, malah wali yang terbesar pernah dilahirkan ke dunia ini (selepas zaman sahabat RA). Beliau juga adalah ketua bagi sekalian wali dan terakhir keluar, digelar sebagai ***Khatimul Auliak*** (Penutup Sekalian Wali). Sesuai dengan gelaran dan kedudukan itu, tiada lagi ketua wali yang lebih utama daripada beliau, sama ada sebelum atau selepasnya. Keadaannya sama dengan Rasulullah SAW yang merupakan penutup bagi sekalian rasul dan terakhir keluar, digelar sebagai ***Khatimul Anbiak*** (Penutup Sekalian Nabi).

Peranan Imam Mahdi ini disamakan dengan peranan Nabi Muhammad SAW yang menjadi batu terakhir untuk menyiapkan sebuah binaan. Dengan peletakan batu yang terakhir itu ke tempatnya, maka siaplah pembinaan rumah itu keseluruhannya. Sehubungan itu, sejak diutuskan Nabi Adam AS hinggalah akhirnya, Nabi Muhammad SAW adalah pelengkap bagi para rasul yang diutus itu. Agama yang dibawanya adalah penamat bagi sekalian agama yang pernah disyariatkan, dan terlengkap di antara semua agama.

Sabda Rasulullah SAW,
"Diriku dibanding dengan para anbiak sebelumku adalah seperti seorang lelaki yang membina rumah dan menyempurnakan pembinaannya hinggalah tinggal satu tempat untuk diisi dengan seketul batu. Maka akulah batu itu."
(Imam a-Bukhari)

Berdasarkan hadis inilah ahli-ahli tasawuf membuat perbandingan peranan Imam Mahdi dengan peranan Rasulullah SAW. **Imam Mahyuddin Ibnu Arabi al-Hatimi,** seorang Wali Qutub yang cukup terkenal, di dalam kitab termasyhurnya ***Fathul Makkiyah***, menulis kira-kira begini:

Al-Mahdi yang ditunggu-tunggu itu berperanan sebagai penyempurna tugas sekalian aulia. Beliau

adalah umpama seketul batu binaan yang akan menutup ruang yang kosong bagi menyempurnakan binaan itu seluruhnya.

Maknanya, apabila Imam Mahdi yang Muntazar itu muncul kelak, sempurnalah binaan itu keseluruhannya dan menutup peranan sekalian Wali Qutub. Imam Mahdi itulah yang menyempurnakan peranan ketua-ketua wali yang sebelumnya. Jika ada ketua wali selepasnya pun, hanyalah bertaraf wali biasa sahaja, bukan bertaraf ketua wali lagi kerana pada ketika itu sudah tiada lagi orang yang akan dilantik sebagai ketua wali.

Imam Mahyuddin Ibnu Arabi juga membezakan taraf Rasulullah SAW sebagai ketua sekalian anbiak dengan Imam Mahdi sebagai ketua sekalian auliak, hanyalah dari segi mutunya sahaja. Rasulullah SAW sebagai seorang rasul diumpamakan seperti ***nilai emas***, manakala Imam Mahdi sebagai seorang wali diumpamakan seperti ***nilai perak***. Oleh itu, setinggi-tinggi taraf Imam Mahdi, tetaplah beliau itu seorang wali sahaja, tidak akan sampai melebihi taraf seorang nabi atau rasul. Cuma, di kalangan para wali yang ada, sama ada yang hidup pada zamannya ataupun sebelum itu, beliau nyatalah lebih tinggi martabatnya daripada sekalian mereka itu.

Apabila muncul kelak, beliau akan menunaikan sembahyang secara berjemaah dengan sekalian kaum muslimin di Masjidil Haram, akan menyampaikan khutbah yang panjang kepada seluruh umat manusia, akan berjuang menegakkan sunnah Rasulullah SAW, mengembalikan keadilan di kalangan manusia, memulihkan berkat, menentang kezaliman dan bidaah, diakui sebagai raja yang sangat adil, dan membawa Islam ke puncak kemuliaan seperti yang sepatutnya diterima oleh Islam itu sendiri.

Imam Mahyuddin Ibnu Arabi juga menyatakan di dalam kitabnya itu bahawa Imam Mahdi akan muncul pada akhir kurun ketujuh Hijrah. Ijtihadnya ini dibuat memandangkan bahawa tiada sebuah hadis pun yang menyatakan dengan jelas bila Imam Mahdi itu akan muncul. Oleh kerana pada akhir kurun ketujuh Hijrah Imam Mahdi yang dimaksudkan tidak juga muncul-muncul, maka ijtihad beliau itu dianggap batal. Namun, beliau tetap mendapat satu pahala kerana telah berijtihad berdasarkan ilmu yang ada pada beliau, di samping ilmu yang ada padanya membolehkan beliau mengeluarkan ijtihadnya sendiri.

Golongan sufi juga menyatakan pendirian yang tegas bahawa masalah Imam Mahdi adalah masalah khilafiah dan hanyalah furuk dalam ilmu tauhid. Kerana itu jugalah masalah Imam Mahdi ini pada peringkat awal Islam dahulu, tidak begitu diambil perhatian oleh golongan sufi ini. Hanya pada sekitar tahun 300 Hijrah sahaja masalah ini mula diambil berat oleh mereka, dengan membawa satu cerita baru, yang jauh berbeza daripada cerita yang didapati di kalangan ahli hadis dan ahli tauhid. Hal ini bukanlah bidaah, cuma perspektif yang mereka gunakan berlainan daripada perspektif yang lazim kita gunakan. Itu sahaja. Tidak lebih dan tidak kurang. Huraian mereka ini lebih bersifat memperlengkapkan lagi ilmu bagi sekalian umat Islam.

Antara Ulama Yang Menerima Dan Menolak

Demikianlah hebat dan bercelarunya seluruh dunia ini dengan masalah mengenai keperibadian Imam Mahdi. Sebahagian besar ulama Ahlus Sunnah wal Jamaah menerima mengenai kedatangan Imam Mahdi dan mempercayainya seperti yang disebutkan di dalam hadis-hadis. Selain itu, muncul pula segolongan ulama Islam yang menolak terus atau tidak mempercayai langsung masalah Imam Mahdi ini. Mereka adalah dari kalangan ulama atau cendekiawan, terutama pada zaman moden ini, yang dilihat secara zahirnya adalah dari mazhab Ahlus Sunnah sendiri.

Mereka menolak terus hadis-hadis yang dikaitkan dengan Imam Mahdi sambil menyatakan hadis-hadis mengenai diri Imam Mahdi itu sangat dhaif atau menyandarkan pendapat dengan menyatakan bahawa Imam Bukhari dan Imam Muslim langsung tidak ada meriwayatkannya. Kerana itu, menurut mereka lagi, perkara mengenai Imam Mahdi tidak ada dasarnya dalam agama yang suci ini.

Walau apa pun pendapat mengenai diri Imam Mahdi itu, terdapat pula orang-orang Islam yang sangat yakin dengannya dan terdapat pula orang Islam yang menolak terus hal ini. Yang yakin, terlalu yakin manakala yang menolak, menolaknya mentah-mentah. Mereka menganggapnya sebagai suatu perkara bidaah, dongeng zaman purba, datang dari pengaruh **messianic** dan sebagainya lagi. Yang mengatakannya sebagai suatu bentuk kepercayaan karut atau khurafat pun ada.

Ini mungkin disebabkan masalah Imam Mahdi bukan masalah pokok akidah, cuma masalah furuk sahaja atau lazim disebut soal khilafiah, soal ijtihad. Percaya atau tidak, tidak membawa kesan apa-apa.

Adanya atau tiadanya **boleh diterima atau ditolak**, dan iman kita tetap sah, walaupun kita menyatakan pendirian kita untuk menyebelahi mana-mana pihak atau langsung tidak menyebelahi mana-mana pihak, yakni mengambil jalan tengah, dengan bersikap tunggu dan lihat (tawaquf).

Antara ulama yang menolak terus hadis yang berkaitan Imam Mahdi adalah kebanyakannya dari kalangan pengikut Ibnu Taimiyah dan Wahabi seperti yang dipelopori oleh Ibnu Khaldun, antaranya Haji Sanusi Hj Mahmood (bekas Mufti awal Singapura), Prof Dr Hamka, Abu al-A'ala al-Maududi, Syeikh Mahmud Syaltut, Muhammad Rasyid Ridha dan Syeikh Muhammad Abduh. Para sarjana dan cendekiawan hari ini juga sangat ramai yang cenderung kepada pendapat yang dikemukakan oleh Ibnu Khaldun itu. Mungkin kerana kaedah kajian Ibnu Khaldun itu serupa atau hampir serupa dengan kaedah kajian mereka pada hari ini.

Antara alasan yang sering digunakan sebagai hujah oleh golongan yang menolak, jika dikemukakan persoalan ini kepada mereka ialah:

1. Hadis-hadis yang menyebutkan Imam Mahdi adalah hadis yang lemah (dhaif), malah dhaifnya itu meliputi hampir semua jenis hadis dhaif.

2. Rawi yang meriwayatkan tentang Imam Mahdi itu kebanyakannya adalah dari kalangan mereka yang lemah-lemah ingatannya. Oleh itu, periwayatan mereka boleh ditolak atau tidak dapat dipakai.

3. Rawi yang meriwayatkan tentang Imam Mahdi banyak yang bermazhab Syiah. Malah ada

sebahagiannya adalah dari kalangan pemimpin Syiah di sesuatu tempat pada masanya.

4. Kekacauan dari segi matan menyebabkan kebanyakan hadis mengenai Imam Mahdi patut ditolak kerana hal ini amat menjejaskan kebolehpercayaan terhadap siqah rawi itu sendiri dan hadis-hadis yang dibawanya.

5. Matan hadis mengenai Imam Mahdi itu ternyata amat kacau antara sebuah hadis dengan hadis yang lain. Ini ditambah lagi dengan ucapan para sahabat RA dan ucapan para tabiin RH yang juga amat bertentangan antara satu sama lain, malah bertentangan pula dengan matan hadis Nabi SAW. Semuanya ini menambahkan lagi kacaunya perihal mengenai Imam Mahdi.

6. Ramainya pengaku Imam Mahdi sedangkan sifat-sifat dan pendakwaan mereka itu, tidak satu pun yang dapat dibuktikan bahawa mereka adalah Imam Mahdi. Hal ini sentiasa muncul dari semasa ke semasa dan dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Kerana itulah sukar untuk dipercayai kemunculan Imam Mahdi.

7. Sifat-sifat dan kelebihan yang ada pada Imam Mahdi itu sendiri yang amat luar biasa dan hebat, melebihi dari apa yang sepatutnya berlaku kepada seorang manusia biasa. Sedangkan Nabi Muhammad SAW itu sendiri pun tidak pernah diberi kelebihan dan kekuasaan seperti yang disebutkan kepada Imam Mahdi. Nabi Muhammad SAW adalah sebaik-baik rasul dan sekasih-kasih manusia pada sisi Allah, tetapi tidak pernah mendapat apa yang diberikan kepada Imam Mahdi. Kerana *ketidaklogikan* inilah, hadis-hadis mengenai Imam Mahdi patut ditolak sama sekali.

8. Imam al-Bukhari dan Imam Muslim tidak pernah meriwayatkan hadis-hadis yang menyebut nama Imam Mahdi dalam kitab hadis mereka. Maknanya, hadis-hadis mengenai Imam Mahdi itu sah dhaif atau maudhuk, kerana tidak melepasi syarat-syarat yang ditetapkan oleh kedua-dua imam hadis itu.

Para ulama sekarang, sama ada yang lepasan universiti terkenal, universiti kurang terkenal, sekolah agama, sekolah pondok dan sebagainya, dengan begitu mudah menolak hadis-hadis mengenai Imam Mahdi yang akan muncul pada zaman ini, dengan alasan hadis-hadis yang dibawa adalah dhaif dan sangat dhaif, malah sebahagian besarnya dikatakan adalah hadis maudhuk.

Itu cerita ulama, cendekiawan dan sarjana yang menolak mengenai kedatangan Imam Mahdi serta alasan-alasan yang mereka berikan. Sekarang kita lihat ulama yang percaya dan yakin pula. Antara ulama yang meyakini zahirnya Imam Mahdi adalah dari kalangan ulama kenamaan Ahlus Sunnah wal Jamaah seperti Syeikh Ibnu Hajar al-Haitami, Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz (Almarhum Mufti Brunei), Imam Ibnu Kasir, Imam al-Bukhari, Imam Muslim, Syeikh Ali al-Khawas, Imam Jalaluddin As-Suyuti, Imam ar-Ramli dan Imam Sayid Hasan al-Iraqi.

Sebenarnya jika hendak disenaraikan nama mereka yang yakin akan kemunculan Imam Mahdi dari kalangan ulama Ahlus Sunnah wal Jamaah adalah terlalu ramai, seramai bilangan ulama itu sendiri. Ini kerana kalangan ulama Ahlus Sunnah secara umumnya menerima kebenaran datangnya Imam Mahdi dan hadis-hadis yang berkaitan dengannya.

Yang menjadi masalah di kalangan mereka sekarang ini ialah sama ada mereka mendalami masalah ini atau tidak, ambil berat atau tidak. Itu sahaja. Jika keyakinan mereka dijadikan soalan, sudah pasti jawapan yang kita terima ialah mereka percaya dan yakin. Sebab itu ada ulama yang mendalam ilmunya tentang masalah Imam Mahdi ini dan ramai pula yang tidak mempunyai ilmu secukupnya tentang hal ini.

Hukum Menetapkan Imam Mahdi

Imam Ibnu Aliah ada menyatakan yang terjemahannya kira-kira begini,

"*Maka adalah kepercayaan terhadap al-Mahdi itu tidak termasuk ke dalam pokok-pokok akidah dalam (mazhab) Ahlus Sunnah wal Jamaah.*"

Demikian fatwa beliau seperti yang dilaporkan oleh Syeikh Ibrahim al-Baijuri di dalam kitab besarnya dalam ilmu tauhid iaitu **Hasyiah Tuhfatul Murid 'Ala Jauharatut Tauhid**. Kitab ini telah diterima, dipelajari, diguna pakai dan diamalkan oleh seluruh umat Islam sejak dahulu hinggalah ke hari ini.

Imam Abu Hasan Al-Asyaari sendiri, pelopor mazhab Ahlus Sunnah wal Jamaah, tidak pernah memasukkan kepercayaan kepada kedatangan Imam Mahdi sebagai sebahagian daripada rukun iman atau sebahagian daripada iman itu sendiri di dalam kitab besarnya, **Al-Ibanah Fi Usulid Diyanah**. Sebab itulah beliau tidak memasukkan langsung di dalam kitabnya itu tentang masalah Imam Mahdi ini sebagai sebahagian daripada asas kepercayaan umat Islam.

Menurut akidah Ahlus Sunnah wal Jamaah, Rukun Iman ada enam perkara. Tidak termasuk di dalamnya soal mempercayai Imam Mahdi. Jika kita rajin membaca, mempelajari dan mengkaji kitab-kitab tauhid karangan ulama-ulama besar Ahlus Sunnah, yang akan kita temui ialah bahawa, rukun iman yang kelima ialah percaya kepada hari kiamat, yang disebut juga sebagai hari akhirat, hari pembalasan, hari mahsyar dan seterusnya.

Dalam bab percaya kepada hari kiamat ini, kita mempercayai bahawa dunia ini akan kiamat, dihancurkan dan diganti dengan alam baru. Itu adalah asas akidah, maknanya wajib dipercayai dan diyakini. Kemudian, sebelum dihancurkan alam ini, akan ada terlebih dahulu tanda-tanda akan berlakunya kiamat. Tanda-tanda kiamat ini adalah cabang-cabang atau ranting-ranting daripada mempercayai hari kiamat tadi. Maknanya, mempercayai tanda-tanda kiamat bukan lagi merupakan rukun iman, tetapi berupa pelengkap sahaja, untuk menambahkan lagi keyakinan terhadap hari kiamat tadi. Jika tidak tahu mengenainya tidak akan sampai merosakkan iman kita.

Dalam mengetahui tanda-tanda kiamat itu, ada tanda-tanda besar dan ada pula tanda-tanda kecilnya. Tanda-tanda kecil kiamat atau lazim disebut tanda-tanda awal kiamat disebutkan dalam banyak hadis. Jika dihimpunkan semuanya, terdapat lebih dua ratus buah hadis yang menceritakan

tanda-tanda kecil kiamat, dan sebahagian besar daripadanya adalah hadis yang dikatakan bertaraf dhaif. Memang ada hadis yang bertaraf sahih dan banyak pula yang bertaraf hasan, yang menceritakan kepada kita tanda-tanda kiamat itu.

Tanda-tanda besar atau lazim disebut tanda-tanda hampir kiamat (**isyratus sa'ah**) seperti yang disebutkan oleh hadis-hadis, ada beberapa belas sahaja. Setelah selesai berlaku semua tanda besar kiamat itu, dunia ini akan dikiamatkan dan diganti dengan alam yang lain, yang lazim disebut Alam Mahsyar.

Di dalam beberapa belas tanda besar itu, terselit pula keterangan hadis mengenai seorang khalifah akhir zaman yang berasal daripada keturunan Nabi SAW yang akan memerintah dunia ini, sejurus sebelum kiamat sebenar tiba. Tiada pula keterangan yang menyatakan hal ini wajib diyakini dan dipercayai kerana memang bukan merupakan rukun iman, tetapi penjelasan kepada perkara pokok sahaja.

Tidak ada satu keterangan pun, baik daripada hadis, ijmak ulama, qias dan sebagainya yang secara terang-terang mewajibkan seseorang itu mempercayai kedatangan Imam Mahdi. Daripada hadis-hadis yang sekian banyak yang menceritakan tentang Imam Mahdi, tidak sebuah pun yang menyatakan secara qat'ie bahawa umat Islam wajib mempercayai kedatangan Imam Mahdi itu.

Hanya ulama dari mazhab Syiah sahaja yang menjadikan kepercayaan kepada Imam Mahdi sebagai salah satu daripada rukun iman mereka. Maknanya tidak sempurna dan tidak sah iman mereka jika mereka tidak mempercayai dan meyakini Imam-imam mereka yang dua belas orang itu. Hal ini amat jelas di kalangan mereka terutamanya pengikut firqah Imamiah Ithna Asyariyah. Mazhab-mazhab lain di kalangan Ahlus Sunnah tidak diketahui pernah berbuat demikian.

Maknanya di sini, Nabi SAW sendiri pun tidak menyuruh umatnya mempercayai kedatangan Imam Mahdi. Nabi SAW sendiri tidak pernah mewajibkan umatnya meyakini persoalan Imam Mahdi. Berdasarkan hadis-hadis yang akan kita baca pada bahagian seterusnya nanti, tidak ada walau sebuah hadis pun yang menyuruh kita meyakini persoalan Imam Mahdi, dengan satu keyakinan yang putus (qat'ie).

Kita juga tidak pernah diwajibkan mempercayai kedatangan Imam Mahdi berdasarkan apa yang tersurat di dalam hadis-hadis yang sekian banyak itu. Apa yang dapat kita fahamkan, hanya setelah munculnya Imam Mahdi itu nanti, barulah kita yakni setiap umat Islam, wajib menerima dan meyakininya kerana dia itu benar-benar Imam Mahdi seperti yang telah dijanjikan oleh hadis-hadis. Itu sahaja!

Berdasarkan daripada inilah para ulama yang bersikap sederhana tadi menetapkan bahawa mempercayai Imam Mahdi tidaklah sampai merosakkan akidah. Mereka juga menetapkan bahawa masalah mempercayai kedatangan Imam Mahdi adalah sebahagian daripada masalah furuk dalam bab akidah, walaupun hadis-hadis mengenainya memang banyak.

Ada juga yang berpendapat, dibolehkan menolak kemunculan Imam Mahdi selagi tidak sampai menafikan hadis-hadis yang sudah sampai tarafnya kepada mutawatir atau sahih lizatih. Itulah batas-batas yang perlu diperhati dan diteliti sebelum membuat sebarang keputusan mengenainya.

Bagi yang mahu meneliti dan mencari kebenaran hakiki dalam hal ini, banyaknya perselisihan pendapat mengenai Imam Mahdi menguatkan lagi keyakinan mereka bahawa soal ini adalah soal furuk. Jika tidak, sudah pastilah suatu ketetapan yang bersifat qat'ie sudah dikeluarkan oleh para ulama mengenai kedudukannya. Namun hingga kini, belum ada ketetapan khusus dibuat, dan para ulamanya semakin jauh jurang keyakinan mereka terhadap masalah Imam Mahdi ini.

Hal ini boleh sahaja berlaku dan terus akan berlaku sampai bila-bila. Hanya apabila Imam Mahdi yang sebenarnya muncul, barulah persoalan ini dikira muktamad. Tidak akan ada lagi perselisihan mengenai benar atau tidaknya, kerana orang yang dipertikai dan diperselisihkan itu sudahpun muncul di depan mata. Selagi peribadi Imam Mahdi itu belum muncul, selagi itulah persoalan ini tidak akan selesai.

Rosakkah Akidah Jika Umat Islam Menetapkan Seseorang Sebagai Bakal Imam Mahdi?

Timbul pula satu persoalan baru. Apakah benar, mempercayai munculnya Imam Mahdi serta menentukan seseorang itu sebagai bakal Imam Mahdi termasuk dalam soal akidah dan boleh merosakkan akidah?

Maksudnya, adakah akan benar-benar rosak akidah seseorang jika dia mempercayai dan menetapkan seseorang sebagai bakal Imam Mahdi? Apakah rosak juga akidah seseorang jika dia tidak mempercayai dan tidak menetapkan seseorang itu sebagai bakal Imam Mahdi?

Sebenarnya, persoalan mempercayai kemunculan Imam Mahdi telah menimbulkan polemik yang sangat ketara, berkepanjangan dan tidak mempunyai hujungnya. Di kalangan ulama Ahlus Sunnah sendiri, ada yang mempercayai kemunculan Imam Mahdi, ada yang menolak terus dan ada pula yang mengambil jalan tengah (**tawaquf**) dan ada pula yang tidak mempedulikan langsung soal ini.

Ada pula sebilangan ulama yang berselisih dalam menetapkan siapakah Imam Mahdi itu sendiri. Maknanya, mereka telah pun menetapkan peribadi Imam Mahdi itu sendiri yang dinyatakan secara jelas dan berani. Dan mereka yang menetapkan hal ini bukanlah pula calang-calang ulama!

Di kalangan ulama Syiah pula, ada yang secara terus-terang menetapkan keperibadian Imam

Mahdi itu. Adalah suatu kenyataan bahawa mempercayai Imam Mahdi adalah salah satu daripada rukun iman bagi mereka. Sungguh pun begitu, mereka juga berselisih pendapat dalam menentukan siapa dia Imam Mahdi itu. Ada yang menyatakan Imam Mahdi itu:

1. Adalah **Imam Muhammad Al-Baqir**, Imam Kelima mereka,
2. Ada yang mengatakan Imam Mahdi itu adalah **Imam Ismail bin Jaafar Sadiq** (bagi firqah Ismailiyah),
3. Bagi firqah Kaisaniyah pula, mereka meyakini **Muhammad bin Ali al-Hanafiyah** adalah Imam Mahdi,
4. Dan bagi firqah Imamiah Isna Asyariyah pula, mereka menyatakan Imam Mahdi itu adalah **Imam Muhammad bin Al-Hasan Al-Askari**.

Malah ada di kalangan mereka yang ghulat, menganggap bahawa Sayidina Ali bin Abi Talib KMW itu sendiri yang akan menjadi Imam Mahdi! Namun begitu, pendapat yang menyatakan bahawa Muhammad bin Hasan Al-Askari sebagai Imam Mahdi adalah pendapat yang dianggap majoriti dan mewakili seluruh pendapat pengikut Syiah, terutama pada hari ini.

Ringkasnya, perselisihan pendapat di kalangan semua mazhab dalam Islam ini hanya menjelaskan satu perkara utama iaitu, umat Islam bebas menentukan kepercayaannya terhadap persoalan Imam Mahdi dan Islam membenarkan umatnya menetapkan sendiri kepercayaannya terhadap masalah Imam Mahdi ini. Ajaran Islam sendiri amat luwes dalam soal ini.

Dan bagi yang berfikiran neutral, banyaknya polemik dan pendapat mengenai kemunculan Imam Mahdi, itu adalah tanda bahawa masalah ini adalah masalah khilafiah, iaitu jika ditolak atau diterima, sama ada dengan ilmu atau dengan tidak ada ilmu, tetap tidak menjejaskan akidah kita, iman kita dan agama kita. Jika tidak, pastilah sudah dihukumkan kafir kepada mana-mana satu pihak yang menolak atau menerima itu.

Selagi Imam Mahdi itu tidak muncul, selagi itulah kita boleh saja menerima atau menolak, atau malah bersikap tengah-tengah. Dengan ini, amatlah diharapkan agar persoalan ini dapat diselesaikan dengan sebaik-baiknya kerana itulah yang dikehendaki oleh Islam. Kita patutnya bersikap berlapang dada mengenai masalah ini. Bertenang dan jangan bergopoh-gapah menghukum orang lain yang tidak sehaluan dengan kita sebagai orang yang rosak akidahnya atau tidak sempurna Islamnya.

Jika kita di pihak yang mempercayai kemunculan Imam Mahdi, jangan pula terburu-buru menghukum kafir terhadap orang yang tidak mempercayai kemunculan Imam Mahdi itu. Malah tidak patut pula kita beranggapan bahawa orang itu sudah tidak sempurna Islamnya. Terimalah perbezaan pendapat ini dengan dada terbuka.

Begitu pula jika kita berada di pihak yang menolak kemunculan Imam Mahdi, jangan pula lekas-lekas menghukumkan orang yang telah menetapkan siapa Imam Mahdi itu sebagai orang yang menyeleweng, rosak akidahnya, pembawa bidaah dan telah jatuh kafir. Ingatlah bahawa sesiapa yang menetapkan sesuatu persoalan furuk, selama-lamanya tidak akan menjatuhkan orang itu ke dalam kekufuran dan tidak akan sampai terseleweng akidahnya. Dalam Usul Fiqh, perkara ini sudah dijelaskan seterang-terangnya oleh Imam as-Syafie sejak awal Islam lagi dan telah juga diketahui umum, terutamanya yang mengaku dirinya pakar fiqh atau ulama syariat.

Namun begitu, sejarah tetap menjadi sejarah. Ada pula umat Islam sendiri yang sanggup mengkafirkan orang lain, membidaahkan mereka, menyesatkan mereka, mengkhurafatkan mereka, malah ada tuduhan yang menyatakan sudah menyeleweng dari ajaran Islam, hanya semata-mata kerana mereka mempercayai kemunculan Imam Mahdi. Kenapa boleh sampai begitu sekali keadaannya, kita pun kurang pasti. Mungkin ada niat lain yang cuba ditutup dengan menggunakan

alasan furuk khilafiah ini.

Di negara kita ini sendiri, Malaysia, telah ada tuduhan sesat, bidaah, menyeleweng, khurafat dan sebagainya dituduhkan kepada orang yang mempercayai kemunculan Imam Mahdi dan menetapkan orangnya. Antaranya, akhbar **Utusan Malaysia** pada hari Selasa hingga Khamis, 18 - 20 Oktober 1988, telah menyiarkan rencana secara bersiri yang ditulis oleh ***Astora Jb*** bahawa sesiapa yang mempercayai kemunculan Imam Mahdi adalah kesan daripada pengaruh khurafat orang-orang Yahudi.

Kononnya pendapat ini adalah daripada hasil kajian terbaru ulama dan sarjana Mesir. Tidak pula disebutkan judul buku atau tesis kajian tersebut, nama orang-orang yang terlibat dalam kajian tersebut dan dari universiti mana mereka yang membuat kajian itu. Tajuk rencananya itu ialah ***Tidak Ada Imam Mahdi yang akan Muncul***. Sayangnya, beliau hanya memasukkan pendapat sebelah pihak sahaja iaitu pihak yang menolak, tanpa mengambil langsung pendapat ulama yang menerima.

Menurutnya, kepercayaan kepada Imam Mahdi adalah berasal daripada kepercayaan Syiah, dan kepercayaan puak Syiah itu pula disemai oleh Abdullah bin Sabak, seorang Yahudi yang memeluk Islam dengan tujuan mahu menghancurkan Islam dari dalam. Beliau memetik beberapa nama sebagai sokongan hujahnya bahawa konsep al-Mahdi ditolak oleh ramai ulama, terutama oleh ***ulama moden dan terpelajar*** yang antaranya adalah Ibnu Khaldun, Dr Abdul Mun'im an-Namer, Syeikh Abdullah bin Zaid, Abul A'ala al-Maududi dan lain-lain.

Konsep Mahdi terdapat juga di dalam agama lain, katanya lagi. Antara lain, orang-orang Yahudi menyebutnya sebagai Messiah, manakala pengikut Kristian menyebutnya Masih. Demikian antara tulisan Astora Jb itu.

Ekoran dari rencana yang disiarkan itu, keesokannya, hari Jumaat, 21 Oktober 1988, khutbah Jumaat di Masjid Negara yang disampaikan oleh bekas Mufti Sabah, **Haji Said bin Haji Ibrahim**, telah secara khusus menjawab tulisan rencana berkenaan yang menyatakan secara tegas pula bahawa persoalan Imam Mahdi adalah sebahagian daripada akidah Islam, telah dibahaskan dengan panjang lebar oleh para ulama, tidak boleh dipertikaikan lagi, dan bukannya berasal daripada dongeng Yahudi dan tidak juga meniru konsep Syiah.

Perbezaan pendapat yang amat ketara oleh kedua-dua pihak ini menyebabkan orang ramai menjadi goncang dan bertambah keliru. Mana satu pendapat yang betul dan dapat diterima? Siapa di antara mereka ini yang patut diikut oleh semua orang? Siapa yang lebih pakar dalam hal ini? Apakah ada pendapat lain yang boleh diterima pakai oleh kita? Bagaimana sikap ulama-ulama lain yang lebih berwibawa dalam hal ini? Bagaimana pula jika kedua-dua pendapat ini tidak diikut oleh orang ramai?

Begitu juga yang berlaku kepada **Ustaz Haji Ashaari bin Muhammad**, pemimpin jemaah Al-Arqam suatu ketika dahulu. Beliau telah dituduh dengan pelbagai tuduhan yang berat-berat seperti; kafir, sesat, menyeleweng, bidaah, khurafat dan malah syirik, oleh Pusat Islam, para pemimpin utama negara dan Mufti-mufti seluruh Malaysia, sambil diapi-apikan oleh media-media utama negara, kerana beliau mengakui dan mempertahankan pendapatnya bahawa Saiyidi Syeikh Muhammad bin Abdullah as-Suhaimi adalah ***bakal*** Imam Mahdi, sehingga akhirnya menyebabkan beliau ditahan di bawah ISA, dan jemaah pimpinannya, beliau terpaksa bubarkan. Semuanya berlaku pada tahun 1993 - 1994. Peristiwa ini bolehlah dianggap sebagai peristiwa terbesar, terpanjang dan ***terhitam*** dalam sejarah pertelagahan pendapat mengenai Imam Mahdi di negara ini.

Sebenarnya, sesiapa yang telah sampai kepadanya perkhabaran yang yakin, ilmu yang benar, cukup segala syarat untuk berijtihad dan menepati apa yang telah digariskan oleh hadis-hadis, asar-asar sahabat RA dan ucapan para tabiin, serta kasyaf para ulama muktabar, maka bolehlah dia

menetapkan seseorang itu sebagai Imam Mahdi. Pendapatnya itu boleh digunakan untuk dirinya sendiri dan boleh pula diberitakan kepada orang lain yang mahu percaya dan yakin dengan perkhabarannya.

Tidak patut ada unsur-unsur paksaan di sini. Tidak boleh pihak yang mendakwa itu memaksa orang ramai percaya dan yakin dengan ceritanya dan tidak boleh pula pihak yang tidak percaya, memaksa orang ramai untuk tidak mempercayainya atau menolaknya. Semuanya terserah sepenuhnya kepada setiap individu untuk percaya atau menolaknya, meyakini atau mengingkarinya. Juga tidak boleh seseorang itu memaksa orang lain untuk bersikap tawaquf dalam hal ini.

Pihak yang percaya, hanya boleh menekankan pendapatnya itu kepada orang ramai jika dia benar-benar boleh mendatangkan bukti-bukti yang kukuh dan hujah yang jitu, yang bertepatan dengan dalil-dalil daripada hadis-hadis. Pihak yang menolak pula, hendaklah mendatangkan hujah-hujah yang jelas dan bukti-bukti yang tepat jika mahukan orang ramai turut menolak hujah pihak pertama tadi. Jika tidak ada hujah dan tiada pula bukti yang dapat membantu, lebih baik diam sahaja dan serahkan urusan ini kepada Allah SWT untuk menentukan seterusnya. Kita tidak boleh berbuat lebih daripada apa yang telah digariskan oleh para ulama muktabar dahulu.

Hukum Mengingkari Imam Mahdi

Ingkarkan Imam Mahdi di sini ada dua bentuk yang utama. Yang pertama ialah ingkarkan hadis-hadis yang bersangkut dengan Imam Mahdi dan yang kedua ialah ingkarkan kedatangan

seseorang yang dipanggil sebagai Imam Mahdi ke dunia ini. Ada orang yang ingkarkan salah satu daripadanya dan ada pula yang ingkarkan kedua-duanya sekali. Huraian bagi hal ini sudah pun dibentangkan dalam bab terdahulu.

Imam Ibnu Hajar al-Haitami dalam kitabnya *Al-Qaulul Muhtasar Fi Alamatil Mahdiyul Muntazar* ada meriwayatkan sebuah hadis yang diambilnya daripada riwayat Abu Bakar al-Iskafi dalam kitabnya **Fawa'idul Akhbar**, yang terjemahannya berbunyi kira-kira begini;

Sabda Rasulullah SAW,

> "*Sesiapa yang mendustakan kedatangan Dajjal, maka kafirlah dia, dan sesiapa yang mendustakan kedatangan al-Mahdi, maka kafirlah dia.*"
>
> (Abu Bakar al-Iskafi)

Hadis ini tidak pula menghukumkan secara qat'ie orang yang menolak kemunculan Imam Mahdi. Dapat difahamkan di sini bahawa kafir yang disebutkan dalam hadis itu bererti ingkar, yakni ingkar kepada hadis-hadis yang menyebutkan kedatangan Imam Mahdi itu, bukan kafir secara mutlak. Kafir secara mutlak hanya boleh dihukumkan kepada seseorang atas penolakannya pada perkara yang jelas hukumnya dalam Islam, bukan pada perkara furuk seperti Imam Mahdi ini. Jadi, hukum daripada hadis ini tidak salah, yang salah ialah kefahaman kita sahaja kerana tidak faham maksud sebenar hadis itu. Kefahaman kita sebenarnya yang dangkal, bukan matan hadis itu yang syaz.

Maka tidak patutlah kita lekas-lekas menghukum orang yang tidak mempercayai kemunculan Imam Mahdi sebagai kafir dan keluar dari Islam, hanya semata-mata berdasarkan hukum zahir daripada hadis yang diberikan di atas. Juga, jika tidak percaya akan kemunculan Imam Mahdi, tidak patut pula kita lekas-lekas menolak terus hadis di atas dengan menyatakannya sebagai dhaif atau berkemungkinan bertaraf mauduk. Jangan pula kita katakan hadis itu sengaja dibuat-buat atau direka-reka kerana '***dilihat***' menyalahi kaedah umum usul fiqh.

Menurut Ibnu Khaldun pula, hadis tersebut dikatakan palsu kerana dikatakan periwayat hadisnya adalah seorang pemalsu hadis. Kerana alasan yang satu itu, beliau menolak terus konsep Imam Mahdi.

Dalam kitab *Al-Mahdiyul Muntazar*, yang dikarang oleh Grand Muhaddis Abil Fadhal Syeikh Abdullah bin Sadek, Ph.D., disebutkan (terjemahannya) kira-kira begini;

> ***Adalah dusta sesiapa yang mendakwa dirinya Imam Mahdi, berdosa sesiapa yang mengaku dan membenarkannya, sedang dia itu sunyi daripada sifat-sifat dan ternafi daripada alamat-alamat.***

Ertinya orang yang mengaku dirinya sebagai Imam Mahdi sedangkan dia tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh hadis-hadis bolehlah dihukumkan berdosa kerana dia itu berdusta. Dia juga telah melanggar hadis-hadis Nabi SAW, sama ada dengan sengaja atau tidak sengaja. Hanya itu sahaja hukum yang dapat '***dijatuhkan***' kepada orang yang mendakwa dirinya sebagai Imam Mahdi. Tidak lebih dan tidak kurang.

Ulama Yang Bersikap Pertengahan

Imam al-Qurtubi, seorang tokoh tafsir yang terkenal, menyatakan secara jelas bahawa bersikap tawaquf dalam soal ini adalah jalan yang paling selamat untuk sekalian umat Islam. Beliau yang sudah bertaraf ulama besar itu pun masih amat berhati-hati mengeluarkan pendapatnya. Tidak keluar daripadanya sesuatu hukuman yang muktamad dan pendiriannya yang qat'ie dalam hal ini, walaupun beliau ada menyatakan hadis-hadis mengenai Imam Mahdi di dalam kitab terkenalnya ***At-Tazkirah***. Beliau sebenarnya tidak mahu melihat umat Islam terus berbalah dan berpecah hanya semata-mata kerana isu Imam Mahdi ini.

Imam Ibnu Hajar al-Haitami, seorang ulama besar yang terkenal amat mempercayai kemunculan Imam Mahdi, semasa menjawab satu pertanyaan mengenai si fulan yang sudah (benar-benar) 40 tahun mati tetapi dikatakan oleh para pengikutnya bakal muncul sebagai Imam Mahdi suatu masa kelak, cuma mampu menyatakan bahawa,

"***Ini adalah iktikad yang batil, sesat yang keji dan jahil***."

Maknanya, beliau tidak berani menghukum orang-orang yang mempercayai perkara itu lebih dari itu. Beliau tidak sampai mengatakan orang itu sudah menyeleweng, rosak akidahnya, sudah syirik, sudah murtad atau sebagainya yang boleh membawa maksud keluar dari Islam. Beliau sangat berhati-hati menghukum orang yang salah keyakinan terhadap Imam Mahdi. Maknanya beliau sangat mengambil jalan tengah dalam soal ini, semasa berhadapan dengan orang-orang awam.

Selain itu, disebutkan pula oleh beliau (Imam Ibnu Hajar al-Haitami) sebab-sebab utama beliau mengarang kitab ***Al-Qaulul Muhyil Mahdiyul Muntazar*** adalah;

> *Kawan-kawan seangkatan meminta agar saya menyusun kitab ini, sebab ada khabar yang menyatakan bahawa si fulan, si fulan dan si fulan adalah Imam Mahdi, padahal kawan-kawan saya tadi tidak melihat mereka, kecuali dalam keadaan sesat lagi menyesatkan. Bagaimana mereka tidak sesat lagi menyesatkan? Sedangkan berdasarkan hadis-hadis yang sahih, mereka adalah dusta, bodoh dan diancam neraka.*

Nyatalah beliau sendiri pun tidak menghukum mereka dengan suatu hukuman yang pasti dari hukum Islam, sebaliknya hanya menyatakan mereka sebagai sesat, dusta, bodoh dan diancam neraka.

Bekas Mufti Wilayah Persekutuan, Almarhum **Tan Sri Syeikh Mohsin**, ketika ditanya tentang persoalan Imam Mahdi, beliau hanya berkata,

"***Siapa-siapa yang boleh membuktikan sifat tersebut, maka bolehlah diakui dia sebagai Imam Mahadi***."

(Dipetik dari majalah **Al-Islam**, keluaran bulan April, 1981, edisi Jawi, keluaran Kumpulan Utusan Melayu).

Bekas Sahibus Samahah Mufti Kerajaan negeri Selangor Darul Ehsan, **Dato' Haji Ishak Haji Baharom** semasa ditanya oleh para wartawan, menyatakan sebaik-baik sikap umat Islam dalam masalah yang diikhtilafkan oleh ulama seperti konsep al-Mahdi ini adalah:

Tawaqquf, neutral atau berkecuali.

Pusat Penyelidikan Islam sendiri, dalam sebuah buku kecil yang ditulis oleh ***Wan Alias Wan Abdullah***, bertajuk **Aliran Syiah**, dengan kerjasama Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, yang diterbitkan oleh Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri Malaysia, dengan tegas dan jelas menyatakan bahawa,

"***Terpulanglah kepada pembaca untuk membuat keputusan di dalam hal ini.***"

Kebanyakan ulama di Malaysia, Indonesia, Selatan Thailand, Asia Selatan dan Asia Tengah pada hari ini juga menetapkan bahawa persoalan Imam Mahdi adalah persoalan IJTIHAD, bukan persoalan AKIDAH. Ertinya, segala perbezaan pendapat yang timbul adalah persoalan khilafiah sahaja dan tidak merosakkan akidah seseorang. Ulama yang berpendirian demikian adalah dari golongan ulama yang menerima sistem ***pendidikan lama***, manakala cendekiawan Islam yang menerima sistem ***pendidikan moden***, ada yang menerima dan ramai pula yang menolak.

Oleh kerana persoalan ini hanyalah persoalan ijtihad, maka bukanlah termasuk dalam masalah akidah yang diberatkan ke atas semua umat Islam. Persoalan ini insya-Allah tidak akan ditanya kepada kita di dalam kubur, di akhirat kelak dan tidak pula diseksa kerananya, sama ada percaya atau tidak. Tidak diberatkan kepada kita untuk mengetahui dan mendalami soal ini, sama ada sebagai suatu ilmu fardhu ain atau sebagai asas kepercayaan.

Seorang ulama, politikus, wartawan dan pemikir terkemuka Pakistan, **Sayyid Abu al-A'ala al-Maududi**, mempunyai dua pendapat yang jauh berbeza iaitu pendapat yang menolak kemunculan Imam Mahdi dan pendapat yang bersikap pertengahan. Pendapatnya yang pertengahan adalah seperti berikut::

> *"Seandainya pengharapan bahawa Islam akan sepenuhnya menguasai jagat raya dalam pemikiran, kebudayaan dan politik benar-benar tercipta, maka kedatangan sang pemimpin besar (al-Mahdi) yang berwibawa melaksanakan revolusi sahabat (Khalafaa al-Rasyidiin) itu, pasti bukan suatu yang mustahil."*

Seterusnya beliau mengecam golongan yang menganggap kedatangan Imam Mahdi sebagai dongeng dengan menyatakan:

> *"Orang-orang yang kelihatannya tidak bersetuju atas pengharapan seperti ini, menurut akal sihat, adalah lupa daratan. Pemimpin-pemimpin yang rosak seperti Lenin dan Hitler sahaja yang dapat tampil (dan diterima) di panggung sejarah dunia. Lalu apakah alasannya menganggap kehadiran seorang pemimpin kebajikan sebagai sesuatu yang mustahil dan tidak pasti?"*

Seorang cendekiawan Islam terkemuka yang juga seorang ahli falsafah, **Al-Kindi** turut menjelaskan keyakinannya terhadap kedatangan Imam Mahdi pada akhir zaman, dan kedatangannya adalah untuk memperbaharui kemurnian Islam. Menurutnya lagi, Imam Mahdi akan melaksanakan keadilan dan akan menakluk Sepanyol, Rom dan kota Kostantinopel. Seterusnya Imam Mahdi akan memerintah dunia.

Beliau bersikap berhati-hati dengan hanya menerima hadis-hadis yang sudah diiktiraf sebagai hadis sahih sahaja sebagai pegangannya. Ini mungkin disebabkan beliau amat menyedari bahawa beliau bukanlah seorang ulama ahli hadis, yang boleh mengeluarkan sesuatu keputusan yang jitu dalam hal ini. Dan ternyata pula, pendirian beliau ini adalah baik sekali bagi dirinya. Beliau tidak pernah dikomen oleh ulama lain, kecuali oleh Muhammad Abdullah Annan, seorang peguam sivil dan ahli sejarah Mesir. ***M. A. Enan*** itu telah mengecam beliau sebagai seorang cendekiawan dan filsuf

agung yang fikirannya aneh kerana mempercayai kemunculan Imam Mahdi.

Ulama Yang Bersangatan Menentang Kemunculan Imam Mahdi

Tidak cukup dengan menolak bakal munculnya Imam Mahdi ke dunia ini, sebahagian ulama, cendekiawan dan sarjana telah berlebih-lebihan dalam penolakan mereka. Hal ini benar-benar terjadi sehingga mereka mendakwakan bermacam-macam perkara, dari hujah yang dapat diterima oleh akal, hinggalah kepada hujah-hujah yang langsung tidak dapat diterima oleh akal kita yang sihat. Semua ini menunjukkan penolakan yang berlebih-lebihan dan penuh emosi, tanpa dapat memikirkan mana yang benar dan mana yang salahnya lagi. Akhirnya mereka menjadi sesat dan seterusnya cuba menyesatkan pula orang lain.

Penolakan ini bermula dari yang sederhana hinggalah kepada yang melampau. Hal ini sebenarnya adalah suatu yang sudah lumrah dalam kehidupan kita sehari-hari, di mana-mana pun jua, pada mana-mana bangsa, pada mana-mana agama pun. Semuanya ada yang bersikap kurang bijak dan tidak menunjukkan kematangan ilmu dan pengalaman.

Terdapat banyak faktor yang menyebabkan mereka menjadi demikian, mengeluarkan pendapat yang jauh bercanggah dengan jumhur ulama dan sebenarnya menimbulkan lebih banyak lagi perpecahan pendapat di kalangan umat Islam, antaranya:

1. *Rasa rendah diri kepada dunia Barat* yang sedang 'memerintah' dunia ketika itu. Pertentangan yang amat hebat antara tamadun Islam yang hampir rata dengan bumi dengan tamadun Barat yang sedang marak mengembangkan sayapnya ke seluruh dunia menyebabkan para cerdik pandai ini mencari-cari kesalahan di dalam umat Islam sendiri. Hasilnya, mereka nampak bahawa kepercayaan kepada munculnya Imam Mahdi adalah salah satu punca yang memundurkan umat Islam. Maka ***disalahkanlah Imam Mahdi*** itu kerana menyebabkan umat Islam mundur, dan tamadunnya hampir runtuh.

1. *Kurang ilmu agama, tetapi cuba-cuba mencampuri urusan agama.* Ini berlaku kepada beberapa orang cerdik pandai terutama di Timur Tengah dan Mesir. Akibatnya mereka terjebak dalam perangkap yang sengaja mereka cari dan masuki. Akibatnya, mereka sampai ke tahap merendah-rendahkan peribadi Rasulullah SAW sendiri, sama ada secara mereka sedar atau tidak sedar.

1. *Berlainan akidahnya daripada akidah Ahlus Sunnah wal Jamaah.* Mereka ini kebanyakannya adalah dari kalangan pengikut mazhab Syiah. Antara tujuannya adalah untuk menimbulkan

ragu-ragu terhadap hadis mengenai Imam Mahdi Ahlus Sunnah dan pada masa yang sama cuba menerapkan kepercayaan terhadap Imam Mahdi Syiah mereka pula.

1. *Pengaruh persekitaran yang menekan mereka.* Ketika itu, umat Islam memang diakui sedang amat lemah dari segala segi. Banyak perbalahan berlaku disebabkan oleh perkara remeh-temeh, khilafiah dan ijtihad semasa. Perbalahan yang berlaku antara pengikut mazhab yang berlainan juga boleh membawa pergaduhan dan pertumpahan darah sesama umat Islam. Antara soal yang sering dipertikaikan termasuklah mengenai diri Imam Mahdi. Kerana itu, mereka berasa perlu mencampuri urusan ini dan mengeluarkan pendapat mereka pula, yang mereka rasakan betul, walhal pendapat merekalah yang sebenarnya pelik-pelik dan ganjil-ganjil.

1. *Pengaruh pendidikan sekular yang menguasai **jiwa** dan pemikiran mereka.* Maka berdasarkan logik ilmu sains yang dipelajarinya itulah yang diguna pakai untuk menilai, mengkritik dan menghuraikan konsep Imam Mahdi itu, tanpa menyedari pendapat mereka itu tidak sesuai dengan kaedah penilaian, kritikan dan huraian yang sebenar menurut Islam. Memang menurut kaedah sains, Imam Mahdi adalah sesuatu yang tidak logik.

1. *Mempunyai sikap merendah-rendahkan golongan ulama terdahulu* yang sudah berjasa besar. Antara ulama besar yang sering dijadikan sasaran adalah seperti Imam Ibnu Hajar, Imam as-Suyuti dan Imam Mahyuddin Ibnu Arabi. Mereka ini sering dijadikan mangsa kerana mereka inilah yang menyatakan secara berani dan tegas pendapat mereka terhadap konsep Imam Mahdi. Banyaklah komen dan kritikan hebat ditujukan khusus kepada mereka ini, seolah-olah si pengkritik itu adalah lebih bijak, pandai dan takwa daripada yang dikritik. Seolah-olah si pengkritik itulah yang lebih bijaksana dan lebih dalam ilmunya.

1. *Memandang rendah agama sendiri.* Mereka ini memang datang dari golongan yang mendapat pendidikan sekular, berfikiran sekular dan hidup secara sistem sekular yang dipelajarinya itu. Kesannya, mereka sentiasa memandang rendah setiap apa yang disebutkan oleh para ulama terdahulu berhubung soal-soal agama, termasuklah soal Imam Mahdi ini. Mereka malu dengan agama sendiri dan menganggap agama Islam sebagai agama *low-class*. Tamadun Barat dipandang lebih tinggi daripada agama Islam.

1. *Menolak berlakunya karamah kepada para wali.* Dalam hadis dan riwayat mengenai Imam Mahdi, perkara keramat kepada Imam Mahdi itu adalah suatu yang lumrah, dan sekali imbas seolah-olah melebihi apa yang pernah berlaku kepada Nabi Muhammad SAW. Kerana itulah ramai ulama moden hari ini mempertikai kesahihan hadis-hadis tersebut kerana tidak bersesuaian dengan hukum syarak dan logik akal mereka. Bolehkah Imam Mahdi itu mendapat suatu keramat yang kehebatan keramat itu tidak pernah diterima oleh sesiapa pun termasuk Rasulullah SAW sendiri? Demikian antara soalan yang sering dijadikan alasan. Seterusnya, hadis-hadis sedemikian ***ditongsampahkan*** sahaja oleh mereka, dan periwayatannya dianggap sebagai suatu cerita dongeng semata-mata.

1. *Mahukan umat Islam membina kemajuan sendiri* yang setanding dengan kemajuan dunia Barat. Jika umat Islam asyik dengan Imam Mahdi sahaja, sampai bila-bila pun mereka tidak akan maju dan akhirnya akan menjadi pengikut kepada kemajuan yang dicipta oleh Barat. Maka mereka harus melupakan Imam Mahdi dan bangun serentak membina kekuatan dan kemajuan sendiri, yang setanding atau lebih maju dari apa yang sedang dikecapi oleh Barat hari ini, katanya.

1. *Mahukan agama dan umat Islam dibersihkan dari sebarang noda dan kekotoran syirik.* Mereka

mendakwa umat Islam telah secara sedar atau tidak sedar, tercemar akidahnya disebabkan mempercayai Imam Mahdi yang akan muncul suatu hari nanti. Mereka berasa amat sedih atas apa yang berlaku ini dan menentang sekeras-kerasnya kerana mahu umat Islam bersih semula akidahnya dari sebarang syirik Imam Mahdi itu dan mempercayai konsep Imam Mahdi secara ala kadar sahaja, tak usah lebih-lebih. Menurut mereka, tidak akan ada keramat Imam Mahdi yang zahirnya mampu melebihi dari apa yang pernah diterima oleh Nabi Muhammad SAW sendiri.

1. *Sengaja mahu mencari nama* dengan menimbulkan isu-isu sensasi. Golongan sebegini tidak ramai tetapi amat berkesan dalam usahanya mempengaruhi kumpulan umat yang lemah iman dan cetek ilmunya. Biasanya usaha mereka ini dapat dihidu dengan cepat dan dibendung lebih awal. Jika tidak dibendung pun, pasti akan musnah bersama-sama musnahnya si pembawa cerita itu. Lazimnya mereka membawa isu-isu yang berbentuk negatif dan memburuk-burukkan Islam melaluinya.

1. *Terpengaruh dengan kaedah Zionis* yang berjaya menghapuskan kepercayaan munculnya Messiah daripada khayalan hati sanubari bangsa Yahudi, yang akan menyelamatkan dunia ini, dan mereka kembali semula ke dunia nyata, berusaha membina kekuatan sendiri tanpa perlu mengharap kedatangan sang Messiah itu untuk menyelamatkan mereka. Maka mereka cuba menuruti kaedah yang telah terbukti berjaya dilakukan oleh puak sekular Zionis itu, dengan harapan umat Islam tidak lagi hanyut dalam cereka dongeng Imam Mahdi mereka dan kembali semula ke alam nyata. Maksud mereka ialah umat Islam perlu bekerja keras untuk hidup dan maju di dunia ini tanpa memerlukan bantuan daripada Imam Mahdi yang entah bila akan munculnya itu. Demikian anggapan mereka.

Antara yang menolak kemunculan Imam Mahdi secara yang sederhana, bermula daripada **Ibnu Khaldun** yang menyatakan bahawa hadis-hadis berkenaan Imam Mahdi itu dhaif belaka, hanya sedikit-sedikit yang sahih. Beliau telah mengkaji sebanyak tiga puluh buah hadis mengenai Imam Mahdi dari pelbagai sudut. Kemudian beliau merumuskan pendapatnya itu dengan menyatakan bahawa Imam Mahdi tidak akan keluar pada akhir zaman. Hadis-hadis mengenai Imam Mahdi tidak sepatutnya diterima oleh seluruh umat Islam, begitulah fahamnya.

Syeikh Mahmud Syaltut, salah seorang Syeikh Al-Azhar, Mesir pernah menyatakan bahawa Nabi Isa AS sudah wafat dan tidak akan turun lagi ke dunia. Beliau adalah anak murid kepada Syeikh Muhammad Abduh, dan fahamannya adalah lanjutan dari fahaman gurunya yang menolak konsep Imam Mahdi dan Nabi Isa AS. Di dalam kitabnya ***Fatawa***, beliau menyangkal kepercayaan tentang turunnya Nabi Isa AS sebagai tanda-tanda besar kiamat. Fahamnya, apabila Nabi Isa AS tidak ada dan tidak turun ke dunia ini, maka Imam Mahdi pun tidak ada juga kerana kedua-dua tokoh ini adalah saling berkait, seperti saling berkaitnya jerami-jerami yang membentuk sehelai tikar. Tidak akan sempurna yang satunya tanpa adanya yang satu lagi.

Syeikh Muhammad Muhyiddin Abdul Hamid menyebutkan bahawa, sesetengah penulis (ulama) yang membahaskan segala perkara yang datang dalam soal Al-Mahdi dan Dajjal itu, sebenarnya adalah suatu perkara dongeng yang berasal daripada kisah-kisah Israiliyat. Oleh itu, semua cerita tentang Imam Mahdi hendaklah ditolak bulat-bulat oleh sekalian umat Islam.

Begitu juga **Dr. Khalil Haras** yang mentashihkan kitab *Khasa'is Imam as-Suyuti* RH, menyebutkan bahawa semua hadis berkenaan Al-Mahdi itu, tidak ada walau sebuah pun daripadanya yang sah, dengan kepercayaan Syiah tertera jelas padanya. Oleh kerana akidah Syiah jelas bercanggah dengan akidah Ahlus Sunnah, menurut beliau, konsep Imam Mahdi ini haruslah ditolak keseluruhannya, sama seperti kita menolak akidah Syiah keseluruhannya.

Syeikh Muhammad Abduh juga dilaporkan pernah menyebutkan bahawa Imam Mahdi itu tidak ada, sambil menolak kemunculannya pada akhir zaman. Dajjal itu tidak ada dan Nabi Isa AS sudah wafat, tidak akan turun lagi ke dunia ini kerana orang yang sudah wafat tidak akan hidup lagi ke dunia ini. Kewafatan Nabi Isa AS sudah dijelaskan oleh al-Quran sendiri, seperti yang terdapat di dalam Surah Ali Imran, ayat 55, katanya.

Anak muridnya, **Syeikh Muhammad Rasyid Ridha al-Qalmuni** menulis di dalam majalah ***Al-Manar*** bahawa, Syeikh Muhammad Abduh ketika ditanya mengenai Dajjal dan Nabi Isa AS, menjelaskan yang Dajjal itu adalah andaian atau bayangan karut dan bohong. Rasyid Ridha juga menyatakan pendapatnya sendiri bahawa,

> *Tiada nas yang sarih dan tegas tentang turunnya Nabi Isa dari langit. Hal itu hanyalah akidah kepercayaan kebanyakan orang Kristian, dan mereka telah mencuba sepanjang zaman sejak kelahiran Islam lagi untuk menyebarkan akidah itu di kalangan umat Islam.*

Dalam kesempatan yang lain, Syeikh Rasyid Ridha menyatakan pula pendiriannya sendiri bahawa kepercayaan terhadap kemunculan Imam Mahdi pada akhir zaman adalah kepercayaan yang berbahaya. Unsur-unsur dongeng adalah jelas sekali di dalamnya. Katanya;

> *Sekalipun al-Mahdi memang akan muncul, sikap kami tidak mempercayainya tentu tidak menjejaskan iman, sekalipun jika al-Mahdi itu benar-benar mempunyai kuasa luar biasa seperti yang didakwakan.*

Syeikh Abdul Mut'al as-Sha'iedi dalam *Al-Mujaddidun Fil Islam*, menyebutkan bahawa, telah tersebar pada orang-orang Islam pendapat mengenai Imam Mahdi al-Muntazar. Mereka mempunyai hadis-hadis daripada Rasulullah SAW, sedangkan Ibnu Khaldun telah menyatakan dengan lebih lanjut bahawa hadis-hadis itu sanad-sanadnya dhaif, tetapi hadis-hadis itu telah sedia masyhur di kalangan orang Islam.

Abul A'ala al-Maududi al-Hindi diketahui mempunyai dua pendapat berbeza mengenai Imam Mahdi. Pendapat kedua beliau ialah menolak konsep Imam Mahdi dengan menyatakan bahawa;

> *Tidaklah boleh ditafsirkan bahawa dalam Islam ada suatu jawatan yang dinamakan al-Mahdi, hingga umat Islam wajib meyakininya. Jika tidak, akan terjadi hal-hal yang merosakkan akidah dan kehidupan mereka di dunia dan di akhirat.*
>
> *Apa yang sesuai disebutkan berhubung dengan perkara ini ialah bahawa kepercayaan terhadap al-Mahdi bukan sebahagian daripada akidah Islam. Tidak ada sebuah pun kitab karangan ulama Ahlus Sunnah menyebutnya (bahawa konsep al-Mahdi adalah soal akidah).*

Antara penulis yang bersikap melampau dalam pendapat dan penulisan mereka mengenai Imam Mahdi adalah seperti **Syeikh Muhammad Fahim Abu 'Ubaih** dalam kitabnya *Naskhatul Asli Bidayah Wan Nihayah, Al-Hafiz Ibnu Kasir*, pada bahagian ***Al-Fitan Wal Malahim*** menyebutkan bahawa,

> *Kita berjalan mengikut pihak yang mengatakan bahawa keluar Al-Mahdi dan turunnya Nabi Isa AS, kedua-duanya adalah bayangan bagi kemenangan, kebaikan di atas kejahatan dan Dajjal itu bayangan bagi melampaunya fitnah dan banyak sesat pada sesuatu masa, kemudian akan hapus dengan datangnya kebenaran daripada Allah. Adapun binatang (**Dabbatul Ardhi**) yang disebutkan oleh Al-Quran bukanlah seperti yang disifatkan oleh riwayat-riwayat*

hadis yang pelik dan menghairankan. Hanya ia suatu jenis binatang yang melata di atas bumi, membinasakan manusia dan harta benda mereka, ketika manusia itu sedang bermaharaja lela dengan kecelaan. Sebahagian dari binatang itu adalah ham-ham yang membawa kebinasaan dan mengancam harta benda…

Dia menafikan hadis-hadis yang menyatakan bahawa Sayidina Umar RA hendak membunuh Dajjal dari jenis manusia itu dan menafikan erti Dajjal yang Rasulullah SAW perintahkan kita, supaya berlindung daripadanya di dalam setiap tahiyat akhir sebelum salam.

Begitu pula seorang penulis buku-buku sejarah dan peguam sivil di Kaherah, **Muhammad Abdullah Annan (**atau ejaan Inggerisnya **M. A. Enan)**, menyebutkan bahawa dongeng Al-Mahdi itu bukannya buatan orang-orang Syiah, walaupun mereka turut menggunakannya. Dongeng semacam ini sudah pun ada dan bermula sejak zaman Nabi SAW lagi. Ada beberapa buah hadis yang bermacam-macam jenis, yang menunjukkan dongengnya Al-Mahdi itu, sedangkan hadis-hadis itu disyaki dan banyak dipertikaikan orang. Ada perkataan-perkataan yang dikatakan datang dari satu kumpulan sahabat utama (asar)… seperti juga halnya Al-Mahdi, ada pula Al-Masihul Muntazir, yang ia berasal dari Yahudi dan di dalam Islam ia mempunyai tempat juga, bercampur aduk dengan kisah Al-Mahdi. Dikatakan orang bahawa Al-Masihul Muntazir akan datang selepas datangnya Al-Mahdi atau dia datang bersama-samanya dan dia berimam dengannya.

Di dalam bukunya yang bertajuk ***Detik-detik Menentukan dalam Sejarah Islam***, beliau yang menganggap kepercayaan terhadap Imam Mahdi itu sebagai dongeng yang dipercayai oleh umat Islam. Beliau bersikap amat sinis terhadap tokoh-tokoh cendekiawan Islam yang percaya kepada konsep Imam Mahdi, terutamanya al-Kindi dengan menyatakan,

"Suatu keterangan yang ganjil daripada seorang tokoh filsuf yang berfikiran liberal."

Di sini, Muhammad Abdullah Anan telah melakukan banyak kesalahan, dari yang besar hinggalah kepada yang kecil. Yang besarnya ialah dia menuduh Nabi kita SAW membiarkan berlakunya dongeng Al-Mahdi pada zaman baginda itu, dan menuduh para sahabat yang utama menyebarkan dongeng Al-Mahdi. Kemudian dia mengecam pula secara borong para ulama yang percaya kepada kemunculan Imam Mahdi. Kalau ikutkan mazhab Maliki, Muhammad Abdullah Anan itu hendaklah dihukum pancung kerana menuduh Rasulullah SAW cuai semasa menyampaikan ajaran Islam sehingga ada cerita-cerita dongeng yang dibiarkan begitu sahaja tanpa baginda tegah.

Yang kecilnya, beliau begitu prihatin terhadap cendekiawan lain yang percaya kepada kemunculan Imam Mahdi, lalu disindirnya habis-habisan seolah-olah kepercayaan sebegitu adalah suatu kesalahan yang besar dan tidak akan diampunkan oleh Tuhan. Atau mungkin beliau mempercayai ketokohan dan kecendekiawanan al-Kindi itu telah tercemar teruk akibat beliau percaya kepada kemunculan Imam Mahdi. Kerana itu, beliau pun berusaha menunjukkan kepada seluruh orang Mesir bahawa al-Kindi telah ***tersilap percaya*** dalam kes ini. Atau dia sendiri merasakan dirinya sudah cukup cerdik cendekia sehingga setaraf dengan al-Kindi, sebab itulah dia boleh membangkang apa sahaja yang dirasakannya tidak kena dengan pemikiran al-Kindi itu.

Sebagai seorang peguam yang terkenal, beliau sepatutnya tidak ikut campur tangan dalam perkara yang bukan menjadi bidang tugasnya. Beliau adalah seorang sarjana yang datang dari lulusan undang-undang sivil, bukannya dari kalangan yang berpendidikan agama yang tinggi, dan beliau pun tidak pernah begitu mendalami perkara yang cuba diterokanya itu. Hanya dengan mendengar-dengar sahaja beberapa aspek mengenai Imam Mahdi, beliau terus sahaja membuat kesimpulan, tanpa merujuk kepada sumber-sumber yang lebih berwibawa. Maka jadilah beliau seperti tikus yang cuba membaiki labu.

Syeikh Abdullah bin Zeid, Yang Dipertua Mahkamah Syariah dan Hal Ehwal Agama Qatar, pernah menulis di dalam kitabnya ***Majmu' ar-Rasail*** yang (terjemahannya) berbunyi kira-kira begini,

Para penyokong konsep al-Mahdi mendakwa bahawa al-Mahdi akan membawa keamanan dan keadilan di dunia dalam tempoh tujuh atau sembilan tahun. Apakah ini bererti bahawa al-Mahdi akan dibantu oleh kuasa luar biasa atau mukjizat?

Apakah al-Mahdi akan mendapat bantuan daripada malaikat atau dari para jin, seperti pertolongan yang didapati oleh Nabi Daud AS?

Apakah al-Mahdi itu lebih mulia dan lebih agung daripada Nabi Muhammad SAW yang selama 23 tahun berjuang menegakkan agama Allah dengan bantuan mukjizat al-Quran dan mendapat kecederaan di kepalanya sedangkan kejayaannya terbatas di jazirah Arab sahaja?

Secara jujur saya katakan bahawa saya adalah salah seorang dari keturunan Rasulullah SAW dari Hasan bin Ali. Andainya pada hari ini ada seorang yang bernama Muhammad bin Abdullah, berdahi luas, berhidung mancung, tinggi, (lalu) mengaku sebagai al-Mahdi, sayalah orang yang pertama menentangnya kerana saya yakin dia adalah pendusta yang ingin mencemar kesucian agama Islam.

Selain golongan yang menolak terus kedatangan Imam Mahdi ke dunia ini, ada pula segolongan lain yang menyatakan bahawa hakikat Mahdi yang dimaksudkan itu tidak berbentuk manusia. Mahdi itu mungkin hanya berbentuk hasil perjuangan seluruh umat Islam. **Syeikh Muhammad Ali az-Za'bi**, seorang ulama dari Lubnan menyatakan (terjemahannya) kira-kira begini:

Walaupun pendapat mengenai al-Mahdi itu berbagai-bagai, masing-masing pihak bersetuju mengatakan bahawa ia adalah satu bentuk bantuan yang akan datang agar para pejuang Islam yang lemah tidak putus asa… Tidak penting bagi kita sama ada bantuan itu berupa seorang manusia atau berupa hasil perjuangan kita, kerana kita telah bersepakat bahawa kedatangannya sebagai pelaksana ajaran-ajaran Allah. Adalah menjadi kewajipan kita berusaha melaksanakannya agar kita dapat menikmati kedatangan al-Mahdi itu walaupun ia mungkin datang dalam bentuk bukan manusia…

Di negara kita sendiri, ramai cendekiawan Islam hari ini yang menunjukkan penentangan secara terang-terangan terhadap konsep Imam Mahdi. Salah seorang yang kuat menentang konsep Imam Mahdi ini adalah **Prof. Madya Dr. Abdulfattah Haron Ibrahim** dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau telah merumuskan bahawa amalan tarekat sebenarnya tidak ada dalam Islam, samalah seperti konsep Imam Mahdi yang juga tidak wujud dalam akidah Islam. Pendapatnya ini dibentangkan oleh beliau dalam kertas kerjanya di Simposium Falsafah Islam, pada bulan Disember 1988.

Beliau turut menolak semua andaian di dalam buku Aurad Muhammadiah Pegangan Darul Arqam yang ditulis oleh Ustaz Haji Ashaari Muhammad mengenai pengasas Aurad Muhammadiah atau tarekat Muhammadiah. Beliau turut memetik pendapat Ibnu Khaldun dan secara tegas menyatakan bahawa konsep Imam Mahdi adalah datang dari pengaruh Syiah dan falsafah Neoplatonisme. Secara umumnya, daripada penolakan kedua-dua masalah berkenaan, beliau sebenarnya telah menolak konsep Imam Mahdi dan tarekat sekali gus.

Di sini, beliau kelihatan lebih dipengaruhi oleh pendapat Ibnu Khaldun dan Wahabi yang mengikut pendapat Ibnu Taimiyah. Ibnu Taimiyah, seperti diketahui, menolak sama sekali konsep tarekat dalam Islam dan menolak juga konsep Imam Mahdi. Sayangnya, pendapat profesor madya ini amat berat sebelah. Beliau hanya memasukkan pendapat orang yang menentang konsep Imam Mahdi,

tanpa menyentuh langsung pendapat ulama-ulama muktabar yang yakin dengan konsep Imam Mahdi ini.

Selain beliau, ramai lagi cendekiawan Islam yang menolak konsep Imam Mahdi ini. Hanyalah nama mereka adalah ***nama-nama kecil***, maka pendapat dan nama mereka kuranglah terserlah. Jika dikenali pun, hanyalah di dalam kelompok yang lebih kecil dan tidak menonjol sangat. Oleh itu, pendapat mereka dianggap hanya menumpang pada pendapat tokoh-tokoh cendekiawan lain yang lebih terkenal. Berbeza dengan ulama pondok, kebanyakan mereka percaya kepada konsep Imam Mahdi, dan mereka juga lazimnya berpendapat bahawa masalah ini adalah perkara yang diikhtilafkan oleh para ulama Islam sejak dahulu.

Demikianlah beberapa nama yang sudah tercatat di dalam sejarah umat Islam sebagai golongan yang sudah berlebih-lebihan dalam penentangan mereka terhadap kemunculan Imam Mahdi, Nabi Isa AS dan Dajjal. Sikap seperti ini amat tidak digalakkan oleh Islam, kerana aspek ilmu yang sebenar-benarnya dan tujuan mendapatkan kebenaran hendaklah diletakkan di hadapan sekali, melebihi daripada sebarang kepentingan peribadi.

Sikap seperti ini hanya akan membawa lebih banyak perpecahan di kalangan umat Islam, memanjangkan pertelingkahan, menambahkan lagi retak persaudaraan yang telah pun sedia retak, dan amat menggembirakan hati musuh Islam yang sebenarnya bertempik sorak kegembiraan di belakang kita, tanpa kita sedari. Sikap yang penuh emosi seperti ini hendaklah dielakkan sungguh-sungguh daripada diri kita semua.

Apa dan siapa yang mereka tentang sebenarnya? Kenapa mereka menentangnya? Ada beberapa golongan yang mereka tentang dan ada beberapa sebab mereka menentang masalah Imam Mahdi ini. Antara golongan yang mereka tentang itu adalah hadis-hadis Rasulullah SAW itu sendiri. Mereka menentangnya kerana beranggapan hadis-hadis itu dhaif dan patut ditentang sepenuhnya. Jangan percaya walau kepada sebuah hadis pun. Begitulah kehendak hati mereka sebenarnya.

Jika seseorang itu mengingkari kemunculan Imam Mahdi semata-mata dengan alasan bahawa hadis-hadisnya dhaif, maka hal itu bolehlah kita berlapang dada dan menganggapnya sebagai tidak apa-apa. Tetapi jika penolakannya itu dibuat dengan pengingkaran secara mutlak dan dikaitkan pula dengan hal-hal lain yang sebenarnya lebih berupa zanni, ditolak secara melampau-lampau, semata-mata dengan menggunakan logik akal mentahnya dan malah kadang-kadang alasannya tidak logik, maka penolakan itu hendaklah ditentang.

Tidak sepatutnya penerimaan atau penolakan terhadap sesuatu perkara itu dilakukan secara terburu-buru, terlalu mengikut nafsu, dengan penuh emosi terhadap pihak yang satu lagi, menghina dan merendah-rendahkan pendapat pihak yang tidak sependapat dengannya dan terlalu membesar-besarkannya sehingga menjadi berlebih-lebihan pula, maka semuanya itu adalah tidak selari dengan semangat dan roh yang dikehendaki oleh Islam. Sepatutnya kita bersikap sederhana dan meraikan pendapat pihak lain, kerana itulah ilmu yang ada pada mereka dan itu jugalah keyakinan mereka.

Golongan kedua yang mereka tentang adalah umat Islam sendiri, iaitu yang percaya kepada kemunculan Imam Mahdi itu. Umat Islam yang percaya ini ditentang kerana kononnya mereka terlalu mudah percaya kepada sesuatu ***perkhabaran***, sedangkan mereka tidak mempunyai ilmu yang mendalam dan tidak mendapat bukti yang ***benar-benar kukuh***. Golongan ketiga yang mereka tentang adalah dari kalangan ahli tasawuf atau ahli sufi yang begitu yakin dengan konsep Imam Mahdi dan membawa pula beberapa cerita yang langsung tidak masuk dek akal. Sudahlah hadis-hadis mengenai Imam Mahdi itu dhaif, mereka ini bawakan pula cerita-cerita yang lebih berbentuk fantasi. Akhirnya umat Islam terus diselimut oleh khayalan-khayalan yang menyebabkan mereka terus mundur berbanding umat Barat.

Timbul satu lagi pertanyaan baru. Jika semua hadis mengenai Imam Mahdi dan Nabi Isa AS ditolak oleh ulama gerakan tajdid seperti Muhammad Abduh, Rasyid Ridha dan al-Maududi, apakah ini bererti bahawa mereka juga menolak semua hadis yang menyebutkan alamat-alamat besar kiamat? Sebahagian besar dari alamat kecil kiamat sudahpun berlaku, malah ramai percaya bahawa semua alamat kecil kiamat seperti yang disabdakan oleh baginda SAW itu sudahpun benar-benar berlaku. Yang belum berlaku lagi hanyalah tanda-tanda besarnya sahaja.

Jika semua hadis mengenai Imam Mahdi dan Nabi Isa AS ditolak, maka tanda-tanda lain juga banyak yang harus ditolak sama seperti Dajjal, Yakjuj dan Makjuj, terbit matahari dari sebelah barat, datang api, dimatikan semua orang Islam oleh angin sejuk dan dikumpulkan manusia di Syam. Dan berdasarkan bukti-bukti pembacaan yang pernah diterima, memang mereka secara halusnya menolak kemunculan tanda-tanda besar di atas kerana tidak ada disebutkan di dalam al-Quran.

Kenapa Mesti Anti dengan Imam Mahdi?

Sudah menjadi semacam sunnah alam, setiap sesuatu itu pasti ada yang menyokong dan ada pula yang akan menentangnya. Perkara Imam Mahdi ini juga tidak terkecuali kerana memang sudah diketahui umum pula bahawa ada yang menyokong dan mempercayainya, manakala segolongan lagi menentangnya dengan segala daya upaya yang ada pada mereka. Kebanyakan mereka adalah dari kalangan cendekiawan atau sarjana Islam mutaakhirin.

Kadang-kadang kita hairan mengapa mereka mesti menentang kemunculan Imam Mahdi. Memang kita akui bahawa ada suatu pepatah Arab yang menyebutkan bahawa,

Setiap manusia itu memusuhi apa yang dia tidak ketahui.

Tetapi, apakah alasan sebenar mereka menentang kemunculan Imam Mahdi itu tidaklah kita ketahui. Hanya beralasankan jahil terhadap isu Imam Mahdi, tidaklah dapat diterima bulat-bulat, sekalipun ada benarnya juga. Kita harus ingat bahawa isu Imam Mahdi bukan reka-rekaan tukang-tukang cerita kerana ia diberitakan sendiri oleh baginda Rasulullah SAW, perawinya adalah orang-orang yang sama yang meriwayatkan hadis-hadis mengenai hukum-hukum Islam yang lain, sanadnya saling kuat-menguat, matannya saling berkaitan, dan tarafnya bukan lagi maudhuk tetapi sudah sampai ke taraf mutawatir maknawi.

Apa yang perlu kita takutkan terhadap Imam Mahdi? Beliau datang bukannya membawa bala, malah menghilangkan bala. Tidak juga untuk menyusahkan kita, jauh sekalilah mahu menyekat pembangunan dan kemajuan umat. Kita kata kita bimbang kepercayaan kepada Imam Mahdi akan menyebabkan umat Islam leka dan terus mundur. Apakah dengan menolak terus kedatangan Imam Mahdi, umat Islam dapat maju dan membangun serta mampu mengalahkan tamadun orang-orang kafir Barat itu? Jawabnya, tidak juga.

Sebab itu setiap umat Islam tidak perlu berasa takut terhadap kemunculan Imam Mahdi. Kita tidak perlu takut dengan Imam Mahdi kalau kita tidak berbuat apa-apa kesalahan. Lainlah kalau kita sudah banyak buat dosa dan kezaliman terhadap manusia, maka patutlah kita berasa takut. Jika takut, bertaubatlah segera dan tinggalkan segala perbuatan lama yang jahat itu, insya-Allah tidak akan ada apa-apa apabila Imam Mahdi itu muncul nanti. Jangan pula kita berasa bimbang, berprasangka yang

bukan-bukan dan lebih-lebih lagi jangan memperkecil-kecilkan beliau.

Sebaik-baiknya sikap kita ialah jangan sampai tidak percaya langsung, dan jangan juga sampai tidak tahu-menahu langsung tentang Imam Mahdi. Bukan apa, kalau kita tidak percaya langsung, takut-takut nanti apabila beliau datang, kita masih lagi cuba menafikan dan menolaknya. Sesiapa yang tetap menolak Imam Mahdi sedangkan pada ketika itu beliau sudah muncul di depan mata, bererti dia sudah berada di pihak musuh Islam, yakni kafir.

Kadang-kadang kita menolak kemunculan Imam Mahdi kerana ***masih sayangkan*** sistem Barat yang telah sekian lama menguasai hati dan fikiran kita dan umat manusia seluruhnya. Mungkin masih ada rasa sayang hendak meninggalkan sistem pusaka mat saleh itu, biar pun telah lapuk dan terlalu reput. Maklumlah, benda yang telah lama dan hampir sebati dengan hati kita, bukan senang hendak menanggalkannya. Di samping itu, mungkin juga kerana ada perasaan kurang yakin dengan orang pilihan Allah itu untuk menerajui kita umat Islam seluruhnya.

Jika itu alasan kita, mudahlah untuk menjawabnya. Biarkan Islam naik dahulu dan lihatlah perubahan yang mampu dilakukannya, kemudian fikirkan semula buruk baiknya sistem yang naik memerintah itu. Adakah sistem itu lebih baik daripada sistem Barat atau Baratkah yang lebih baik daripada sistem Islam? Jika Islam lebih baik, maka kita sangatlah beruntung dan bertuah kerana mendapat dua kejayaan sekali gus. Jika sistem Islam itu gagal, ketahuilah bahawa yang gagal itu bukan agama Islam, tetapi kelemahan pengikut-pengikut yang melaksanakannya. Kita tidak rugi apa-apa kerana sebenarnya kita telah mencuba. Malah kita sebenarnya telah diberikan pahala kerana mencuba!

Imam Mahdi Sudah Lahir?

Selain meyakini zahirnya Imam Mahdi, ada pula segolongan ulama Ahlus Sunnah yang meyakini bahawa Imam Mahdi itu kini **sudah pun lahir dan masih hidup**. Ertinya mereka sudah pun menetapkan secara batang tubuh orang yang dikatakan sebagai Imam Mahdi. Sayid al-Amin menyebutkan 13 nama ulama besar Ahlus Sunnah yang berkeyakinan demikian iaitu:

1. Kamaluddin Muhammad bin Talhah as-Syafie.
2. Muhammad bin Yusuf al-Kanji as-Syafie.
3. Ali bin Muhammad as-Sabbagh al-Maliki.
4. Abul Muzaffir Yusuf al-Baghdadi al-Hanafi.
5. Imam Mahyuddin Ibnu Arabi.
6. Abdul Rahman bin Ahmad as-Syasni al-Hanafi.
7. Syeikh Abdul Wahab asy-Syakrani.
8. Imam Ata'ullah bin Ghiasuddin.
9. Muhammad bin Muhammad al-Bukhari.
10. Al-Arif Abdul Rahman.
11. As-Syeikh Sayid Hasan al-Iraqi.
12. Ahmad bin Ibrahim al-Balazari.
13. Abdullah bin Ahmad (Ibnul Khosyab).

Selain nama-nama di atas, ulama-ulama lain yang meyakini Imam Mahdi **sudah lahir dan masih hidup** adalah Imam as-Suyuti, Imam ar-Ramli, Habib Alwi al-Haddad dan Syeikh Ali al-Khawas. Selain mereka, ramai lagi ulama yang turut meyakini hal yang demikian, cuma sebahagian besar mereka tidak menyatakan secara jelas akan keyakinan mereka itu.

Imam as-Suyuti menyebut bahawa gurunya, Sayid Hasan al-Iraqi menegaskan bahawa Imam Mahdi sudah lahir pada tahun 255 Hijrah. Menurut Imam as-Suyuti lagi, perkara ini telah dipersetujui oleh Syeikh Ali al-Khawas. Imam Ahmad ar-Ramli menyatakan bahawa Imam Mahdi sudah pun lahir. Secara lebih tegas dan jelas, Imam Abdul Wahab as-Syakrani menyatakan pada tahun 1301 Hijrah, umur Imam Mahdi adalah 1,046 tahun.

Pada zaman ini, ramai juga ulama, terutama di sebelah Timur ini yang menyatakan dan meyakini bahawa Imam Mahdi itu sudah lahir dan hidup di dalam alam ghaib iaitu alam para wali. Beliau dikatakan sedang menjalani suluk, beruzlah dan mendapat tarbiah secara langsung daripada Allah melalui Rasulullah SAW dan para sahabat besar untuk menjadikannya sebagai pemimpin akhir zaman yang sempurna.

Para pengikut Syiah pula lebih berani. Mereka mendakwa bahawa Imam Mahdi itu telah pun lahir, kini sedang berada di *alam ghaibah kubra* dan akan bangkit semula. Kini Imam Mahdi Syiah itu sedang berada di alam ghaibnya, yang pusatnya ialah di dalam sebuah gua. Dari gua itulah Imam Mahdi mereka memberi arahan itu dan ini melalui Timbalan-timbalannya yang dilantik khusus untuk tujuan itu.

Mereka ini bukan sahaja meyakini Imam Mahdi itu sudah lahir, malah mereka telah pun secara pasti menetapkan bahawa Imam Mahdi itu adalah Muhammad bin Hasan Al-Askari, yang kini sedang berada di alam ghaib dan menanti masa sahaja untuk keluar memerintah dunia ini. Pihak Syiah yang lain mendakwa bahawa yang bakal muncul itu adalah Imam Muhammad bin Ali Al-Hanafiah, putera Sayidina Ali KMW. Juga didakwa sebagai belum mati dan sedang berada di alam ghaib, sama seperti yang didakwa terhadap Muhammad bin Hasan Al-Askari.

Namun tidak pernah pula kedengaran ada ulama Ahlus Sunnah wal Jamaah di negara ini yang secara terang-terangan menyatakan bahawa orang Syiah itu telah kufur, sesat, bidaah, khurafat atau sebagainya, seperti yang lazim dituduhkan oleh mereka kepada sesama golongan Ahlus Sunnah sendiri, terutama di kalangan ahli tasawuf atau jemaah kebenaran.

Ada Dua Orang Imam Mahdi?

Berdasarkan kisah yang diceritakan oleh para ulama yang soleh sejak zaman dahulu lagi hinggalah sekarang, ada dua orang Imam Mahdi yang pernah dikisahkan, yang berada di kalangan umat Islam sejak dari dulu hinggalah ke hari ini. Imam Mahdi yang dikisahkan di sini adalah dari kalangan Ahlus Sunnah sahaja, bukan dari aliran-aliran lain. Kedua-dua Imam Mahdi ini mempunyai ciri-ciri dan tanda-tanda yang menepati apa yang telah disebutkan di dalam hadis-hadis Nabi SAW. Baik juga jika kita perhatikan kedua-dua kisah ini, dengan tujuan untuk menambah ilmu, mematangkan lagi pemikiran, mempertajamkan minda dan bagi sebahagian orang, untuk menambahkan lagi keyakinan.

Kisah Pertama:
Cerita Sayid Syeikh Hasan Al-Iraqi

Imam as-Suyuti memindahkan kata-kata gurunya, al-Iraqi, bahawa Imam Mahdi dilahirkan pada tahun 255 Hijrah. Imam as-Suyuti berkata bahawa perkara ini telah dipersetujui oleh Syeikh Ali al-Khawas. Imam as-Suyuti berkata lagi bahawa umur Imam Mahdi, sehingga waktu beliau itu, iaitu tahun 958 Hijrah ialah 703 tahun. Kisah yang selengkapnya adalah begini:

Sayid Hasan al-Iraqi telah menceritakan satu kisah kepada Sayid Abul Abbas al-Harisi dengan katanya:

"Aku hendak menceritakan kepadamu satu kisah pada permulaan hidupku sehinggalah waktu ini, seolah-olah engkau adalah sahabatku sejak dari kecil lagi."

Dia menyambung lagi, "Sebenarnya aku adalah anak muda yang berasal dari Damsyik, bertugas sebagai pengusaha kerjatangan. Pada suatu hari Jumaat, aku bersama-sama kawan-kawanku telah duduk berkumpul dengan tujuan berfoya-foya, bersuka-suka, bergelak ketawa, bermain-main dan menunggang arak. Tiba-tiba datang suatu suara yang berupa satu peringatan daripada Allah SWT, "*Apakah untuk ini kau dijadikan*?"

"Setelah aku dikejutkan dan sedar, aku terus meninggalkan kawan-kawanku bersama-sama dengan perbuatan mungkar mereka. Aku lari daripada mereka. Rupa-rupanya mereka mengekori aku dari belakang tetapi mereka tidak menjumpai aku. Aku terus masuk ke dalam Masjid Jamik Bani Umaiyah. Aku terkejut apabila aku dapati ada seorang lelaki yang sedang duduk di atas kerusi, seolah-olah dia itu adalah Imam Mahdi Alaihis Salam. Datanglah perasaan yang mendalam dalam hatiku untuk bertemu dengannya sehingga aku berdoa di dalam setiap kali sujud sembahyang dengan harapan dapat bertemu dengan lelaki itu.

Pada suatu malam selepas solat maghrib, aku mendirikan solat sunat, tiba-tiba muncul seorang lelaki di belakangku. Dia mengusap bahuku dan berkata, "Wahai anakku, Allah telah mengabulkan doamu terhadap apa yang engkau hajati. Aku adalah Imam Mahdi."

Lantas aku bertanya, "Apakah tuan sudi pergi ke rumahku (dan tinggal beberapa hari) bersama-sama denganku?"

Dia menjawab, "Baiklah." Lalu dia mengikuti aku.

Apabila sampai di rumahku, dia berkata, "Kosongkanlah satu tempat yang boleh aku duduk bersendirian."

Aku pun menunaikan hajatnya. Al-Mahdi duduk bersama-samaku selama tujuh hari tujuh malam. Semasa itu jugalah dia telah membacakan/mengijazahkan kepadaku zikir-zikir.

Dia berkata, "Aku akan ajarkan dan memberitahu kamu wirid-wiridku yang mana hendaklah engkau berkekalan melakukannya. Insya-Allah berpuasalah sehari dan berbukalah pada keesokannya. Lakukanlah solat sebanyak lima ratus rakaat semalaman."

Aku pun menunaikan suruhannya.

Mulai saat itu, aku pun menunaikan solat sebanyak itu di belakangnya pada tiap-tiap malam. Pada waktu itu, aku masih muda remaja dan sebagai anak muda yang kacak dan bergaya. Selepas itu, al-Mahdi berkata, "Janganlah engkau duduk (bersembahyang dan berzikir) kecuali di belakangku." Aku pun menurut perintahnya.

Dari situ aku dapat melihat bahawa serbannya adalah serban orang Ajam dan dia mengenakan jubah dari bulu-bulu yang indah.

Setelah tamat tujuh hari, dia pun meninggalkan aku dan aku juga mengucapkan selamat tinggal kepadanya. Akhir sekali dia berkata kepadaku, "Ya Hasan, tidak pernah berlaku pertemuan

seumpama ini di antara aku dengan seseorang kecuali antara aku dengan engkau. Kekalkanlah wirid-wirid itu sehinggalah ke waktu tuamu. Sesungguhnya engkau akan dipanjangkan umur."

Sekadar itu sahaja perkataan al-Mahdi kepadaku. Sayid Hasan berkata, "Umurku pada waktu itu (sewaktu menceritakan pengalaman ini) adalah 127 tahun." Sayid Hasan al-Iraqi telah meninggal dunia pada tahun 930 Hijrah (semoga Allah taala merahmati akan rohnya yang mulia itu, amin) seperti yang diriwayatkan orang.

Kisah Kedua:
Cerita Sayidi Syeikh Muhammad bin Abdullah As-Suhaimi

Yang dimaksudkan di sini ialah peribadi yang disebutkan dalam Manaqib yang terkenal di Asia Tenggara ini iaitu Sayidi Syeikh **Muhammad bin Abdullah** As-Suhaimi Rahimahullahu Taala Anhu, seorang lelaki berketurunan Sayid yang lahir di Sudagaran, Wonosobo, Pulau Jawa, pada tahun 1259H. Terkenal di kalangan anak muridnya dengan panggilan **Kiyai Agung** atau **Embah Agung**.

Berdasarkan keturunannya, beliau adalah keturunan Ahlulbait, dari sebelah keturunan Sayidina Husain bin Sayidina Ali RA. Namanya adalah Muhammad bin Abdullah bin Umar bin Abdul Rahim bin Abdul Karim bin Muhyiddin bin Nuruddin bin Abdul Razak al-Madani bin Hasan bin Abu Bakar asy-Syaibani. Dikenali dengan panggilan Abu Abdillah, sama seperti yang disebutkan di dalam hadis-hadis dan sama dengan panggilan Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

Datang dari keturunan Bani Basyiban, yang berasal dari Hadramaut. Datuk neneknya berpindah ke Tanah Jawa, bertempat di Kota Bondowasa, daerah Basuki, Jawa Timur. Menurut **Muhammad Amin bin Fadhlullah Al-Mubhi** dalam kitabnya *Khulasatul Asar Fi A'ayan al-Qarnil Hadi Asyar*, bahawa sebahagian Bani Basyiban telah meninggalkan Hadramaut dan Makkah sejak kurun kesepuluh Hijrah lagi, kebanyakannya ke India. Hal seperti ini turut disebutkan oleh **Sayid Muhammad al-Idrus** dalam kitabnya, *Aidhahu Asrar 'Ulumul Muqarrabin*.

Menurut **Majalah Ar-Rabithah** yang diterbitkan di Jakarta, Indonesia pada tahun 1347 Hijrah (1929M), Bilangan 8 - 9, disebutkan bahawa Bani Basyiban itu adalah dari keturunan Sayidul Faqih Muqaddim ***Muhammad Baklawi***. Dan menurut ulama yang mengetahui, Bani Basyiban sudah tiada lagi pada masa itu di Hadramaut.

Jelaslah bahawa beliau adalah orang yang mulia, dari keturunan yang mulia-mulia dan beragama yang tinggi. Memang, orang yang bakal menjadi Imam Mahdi mestilah datang dari keturunan yang baik-baik dan mulia, tinggi-tinggi penghayatan Islamnya, sangat menjaga hal ehwal agama dan sangat berakhlak mulia.

Beliau pernah menuntut di Mesir dan Makkah sebelum pulang ke Nusantara. Beliau sempat menerima ajaran kerohanian daripada Sayidina Khidir AS dan mengalami beberapa kejadian ajaib di sana. Beliau dituruti oleh isterinya di Makkah semasa pengajiannya itu.

Sebelum mendapat aurad yang sekarang diamalkannya, dikatakan sebelum itu beliau pernah berasa keberatan serta tidak cukup masa untuk mengamalkannya dengan sempurna. Lalu beliau pun berdoa kepada Allah agar ditunjukkan cara untuk meringkaskan seluruh amalannya itu atau apa cara pun untuk mengatasinya.

Tidak lama kemudian, beliau pun mendapat alamat menyuruhnya masuk ke dalam Kaabah

selepas tengah malam pada suatu malam tertentu. Apabila masuk ke dalam Kaabah, beliau mendapati beliau telah bertemu dengan roh Rasulullah SAW dalam keadaan jaga, bukan mimpi, dan baginda SAW telah mengajarkannya bacaan aurad yang pada hari ini lebih dikenali dengan nama Aurad Muhammadiah. Maka jadilah aurad itu sebagai induk bagi seluruh amalannya yang banyak itu, dan diizin untuk diturunkan kepada sesiapa muridnya yang mahu mengamalkannya.

Setelah pulang ke Nusantara, beliau memilih Singapura dan Kelang sebagai tempat tinggalnya. Di dua tempat inilah beliau mengembangkan ajaran Islam kepada seluruh penduduk setempat. Selain itu, dinyatakan juga beberapa kejadian pelik yang berlaku ke atas dirinya, iaitu karamahnya. Ada yang besar, dan ada yang kecil, iaitu sesuai dengan kedudukannya sebagai seorang yang benar-benar bertaraf wali Allah.

Setelah beberapa lama, pada suatu hari, beliau memanggil sebahagian ahli keluarganya dan beberapa orang murid kanannya untuk berunding. Menurutnya, sudah sampai masa untuknya ghaib daripada mereka, bukan mati, kerana beliau akan kembali lagi. Disebutkannya juga sebab beliau ghaib itu, ke mana ghaibnya dan siapa yang beliau akan jadi. Sesiapa yang panjang umur, insya-Allah akan bertemu dengannya lagi.

Setelah itu beliau berunding dengan mereka cara untuk menutup kehilangannya yang sementara itu. Kata putus diambil setelah perundingan itu iaitu meninggalkan sesuatu yang nampaknya seperti jasad untuk menggantikan dirinya yang sebenar. Tujuannya untuk mengelakkan buruk sangka dan tuduhan dari orang ramai pada masa itu yang tidak tahu-menahu akan hujung pangkal kisahnya itu.

Setelah selesai perundingan itu, maka Syeikh as-Suhaimi pun ***meninggallah*** di Kelang pada 1925M (1343 Hijrah) dalam usia 82 tahun, dikebumikan di sana, dan makamnya masih tetap terpelihara hingga ke hari ini di Kelang. Menurut anak-anak Syeikh as-Suhaimi, bapanya masih lagi hidup dan selalu ditemui, sama ada didatangi atau diziarahinya dari semasa ke semasa, di Kelang atau Singapura. Cuma akhir-akhir ini, beliau jarang-jarang datang kerana urusannya semakin bertambah kerana masa untuknya kembali lagi ke dunia nyata ini sudah semakin hampir.

Antara anaknya yang terkenal soleh dan alimnya, ramai anak muridnya dan paling menonjol ialah Al-Allamah Al-Marbiyal Khobir, dan Khatibul Qadir dan Da'ie Al-Basyir Ilallah, As-Syeikh Sayid Muhammad Fadhlullah ibnu As-Syeikh Sayid Muhammad as-Suhaimi, yang terkenal dengan sebutan **Fadhlullah Suhaimi** al-Azhari. Lahir di Singapura dan meninggal dunia juga di Singapura, pada tahun 1964 (1384H), berusia 78 tahun.

Kesimpulan Dari Kedua-dua Cerita Imam Mahdi Tadi

Jika diperhatikan kedua-dua cerita tadi, ada beberapa perkara yang amat menarik mengenai kedua-dua peribadi yang dikatakan Imam Mahdi berkenaan. Antaranya disebutkan di sini ialah;

1. Kedua-dua tokoh yang dikatakan sebagai Imam Mahdi itu dilihat atau diriwayatkan sebagai orang muda. Hal ini mungkin berdasarkan hadis-hadis yang menyatakan demikian.

2. Ciri-ciri Mahdi pada kedua-duanya adalah menepati dengan apa yang telah disebutkan di dalam hadis-hadis, asar-asar dan juga keterangan para ulama muktabar.

3. Kedua-dua Imam Mahdi itu berada di alam wali, tidak di alam nyata ini dan sedang memerintah di alam wali tadi. Hanya sekali-sekala sahaja mereka ini menzahirkan diri ke alam

nyata, dengan maksud tertentu, untuk masa yang tertentu dan kepada orang-orang yang tertentu pula.

4. Kedua-duanya berumur panjang. Umur panjang itu adalah lebih baik dalam mencapai kesempurnaan ibadah kepada Allah. Semakin panjang umur seseorang wali itu, semakin sempurnalah kualiti ibadah mereka kepada Allah. Hal ini adalah lebih disukai oleh kebanyakan wali berbanding umur yang pendek.

5. Kedua-duanya bukan dari bangsa Arab, tetapi keturunan Ajam, yakni bukan dari bangsa Arab. Memang mereka berketurunan Rasulullah SAW dan tergolong dalam Ahlulbait, tetapi sudah jauh Arabnya sehingga dapat pula dikatakan sebagai orang Ajam. Hal ini sangat bersesuaian pula dengan maksud hadis-hadis yang disampaikan oleh baginda SAW kepada kita.

6. Kedua-duanya membawa wirid-wirid yang bersesuaian dengan zaman berkenaan. Imam Mahdi pertama membawa wirid-wirid yang sesuai dengan zaman dahulu, manakala Imam Mahdi kedua membawa wirid-wirid yang sesuai pula dengan keadaan zamannya sekarang ini. Kedua-duanya juga menurunkan wirid mereka kepada anak murid masing-masing untuk diamalkan.

7. Setiap zaman memang ada beberapa Mahdi yang diutus oleh Allah untuk menyelamatkan manusia dan bumi ini daripada dihancurkan oleh Allah atas dosa-dosa yang mereka lakukan. Maka, apabila mati seorang Mahdi, akan diutus pula Mahdi yang lain, sehinggalah lahirnya Mahdi sebenar yang dimaksudkan oleh hadis-hadis.

8. Mahdi pertama tidak menyebutkan bahawa dirinya akan muncul kemudian kelak ke dunia ini, manakala Mahdi kedua memang menyatakan bahawa dirinya akan muncul semula ke dunia ini suatu masa nanti dan menjadi Imam Mahdi yang disebut-sebut itu.

9. Kedua-dua Imam Mahdi itu memang tidak popular semasa mereka hidup di kalangan manusia, tetapi menjadi popular setelah mereka berada di alam ghaib, iaitu di alam wali. Tiada siapa yang sedar bahawa orang itu adalah bakal Imam Mahdi suatu masa nanti.

10. Kedua-duanya adalah orang yang sangat banyak ibadat mereka kepada Allah. Ini amat bersesuaian pula dengan kedudukan mereka yang tinggi pada sisi Allah dan mulia pada pandangan seluruh manusia. Sembahyang malam sebanyak lima ratus rakaat adalah amalan para sahabat RA pada zaman Nabi SAW. Kedua-duanya juga menjadi ikutan zahir batin seluruh umat Islam dalam hal-hal yang menyangkut dengan urusan agama mereka.

11. Kedua-duanya tidak memakai pakaian yang lazim dipakai oleh bangsa Arab pada zaman mereka tetapi memakai pakaian yang lazim dipakai oleh orang-orang Ajam. Ini sesuai dengan makluman hadis-hadis mengenainya. Dan sesuai dengan kedudukan mereka sebagai sebaik-baik manusia, pakaian mereka juga adalah dari jenis kain yang terbaik yang ada pada zaman mereka. Kain bulu yang dimaksudkan dalam cerita pertama adalah menunjukkan ketinggian kedudukan si pemakainya kerana kain bulu lazimnya dipakai oleh golongan atasan pada masa itu. Bukan sebarang-barang orang yang mampu memakai kain dari jenis itu.

12. Kedua-duanya adalah dari kalangan ahli tasawuf yang gigih dalam amalan tasawuf mereka. Imam Mahdi pertama beramal ibadat sedemikian banyak setiap malam, manakala Imam Mahdi kedua pula mendapat aurad zikirnya secara langsung daripada Rasulullah SAW sendiri, iaitu suatu hal yang dianggap mesti bagi semua guru tarekat sejak zaman dulu-dulu lagi. Maka mereka yang bakal menjadi Imam Mahdi lebih-lebih lagi aula mendapatkannya terus daripada Rasulullah SAW sendiri. Malah, tidak sah dakwaannya itu jika mereka mendakwa dirinya sebagai Imam Mahdi sedangkan wiridnya sendiri diijazahkan oleh orang lain, yang bukannya

Rasulullah SAW.

13. Kedua-duanya boleh meramalkan apa yang akan berlaku pada masa hadapan. Dan mereka menyebutkannya dengan penuh kepastian, tidak ada ragu-ragu. Yang pertama, menyatakan umur syeikh yang panjang, manakala yang kedua turut mempunyai banyak ramalan yang ternyata adalah betul. Ini sebenarnya adalah karamah dari Allah untuk mereka berdua sebagai Sahibul Zaman bagi zaman masing-masing.

14. Jika kita keberatan untuk menerima dan mempercayai salah satunya, jangan pula tolak kedua-duanya sekali. Sepatutnya kita mengkaji lebih dalam, berfikir habis-habisan, meneliti betul-betul dan mencari kebenaran sebelum membuat apa-apa keputusan. Sebagai seorang yang berilmu agama yang tinggi dan matang pula dalam soal agama, kita hendaklah bersikap lapang dada. Orang yang matang fikirannya tidak mudah dipengaruhi oleh orang lain, tidak tergesa-gesa menolak sesuatu pendapat dan berfikir banyak kali. Sebelum bercakap, banyak berfikir kerana takut tersalah dalam percakapannya itu. Dia menerima sesuatu pendapat dengan alasan yang jitu dan menolak sesuatu pendapat juga dengan alasan yang jitu, tidak mengikut-ikut sahaja tanpa mendapatkan sebarang kepastian.

15. Kemungkinan kedua-dua Imam Mahdi itu adalah **orang yang sama** adalah besar. Ini disebabkan keupayaan Imam Mahdi itu keluar sebelum beliau lahir adalah suatu yang tidak mustahil dan pernah berlaku kepada wali yang lebih rendah tarafnya daripada beliau. Jika ini benar-benar berlaku, itu adalah suatu keramat yang Allah kurniakan kepadanya. Beliau adalah orang yang sangat dikasihi oleh Allah SWT, maka tidak mustahil pula bahawa orang yang diceritakan itu sebenarnya adalah orang yang sama - yang pertama muncul sebelum lahirnya dan yang kedua adalah setelah beliau benar-benar lahir ke dunia ini. Jika seorang wali yang bertaraf wali biasa pun boleh muncul ke dunia sebelum lahirnya lagi, maka bakal Imam Mahdi lebih-lebih lagi aula mendapatkan keistimewaan itu.

16. Imam Mahdi pertama muncul pada akhir kurun ketiga Hijrah, iaitu masa yang terakhir dari tiga peringkat zaman yang terbaik dalam Islam. Maka bolehlah dikatakan bahawa kemunculan Imam Mahdi pertama tadi sebenarnya adalah untuk mengambil berkat dari zaman yang terbaik itu, untuk dibawa ke zaman kemudian daripada itu. Maka apabila Imam Mahdi sebenar muncul, kemunculannya itu hanyalah ***sambungan*** daripada kemunculannya yang pertama dahulu, iaitu dari zaman yang terbaik yang disebutkan oleh hadis. Ini amatlah sesuai dengan maksud hadis yang menyatakan bahawa Imam Mahdi akan mengembalikan zaman kegemilangan Islam, sama seperti yang pernah dibawa oleh baginda Rasulullah SAW sendiri, pada Zaman Kenabian dahulu.

17. Kedua-dua imam ini adalah imam ghaib. Ertinya, konsep imam yang ghaib adalah sesuatu yang diterima baik oleh kalangan ulama besar Ahlus Sunnah, bukan semata-mata wujud di dalam mazhab Syiah. Namun jika kita perhatikan baik-baik, terdapat perbezaan yang amat ketara antara ghaibnya Imam Mahdi Ahlus Sunnah dengan ghaibnya Imam Mahdi puak Syiah. Oleh itu, tidak perlu timbul persoalan bahawa konsep Imam Mahdi yang ghaib adalah berpunca dari ajaran Syiah yang sesat lagi menyesatkan. Tuduhan bahawa percaya kepada imam yang ghaib boleh merosakkan akidah adalah tidak benar dan dibuat berdasarkan ilmu yang amat dangkal dan alasan yang amat lemah.

Salahkah Berdoa Disegerakan Kemunculan Imam Mahdi?

Oleh kerana masalah ini adalah masalah furuk, juga bersifat masalah khilafiah sahaja atau dikatakan sebagai suatu tajuk yang merupakan ijtihad semata-mata, maka sudah pastilah tidak ada salah dan dosa jika kita memohon kepada Allah SWT agar disegerakan janji-janji Allah itu, demi maslahat umum umat Islam. Malah sebenarnya, itulah yang sangat dituntut oleh Nabi SAW, sebagai lambang keprihatinan kita terhadap isyarat-isyarat tersembunyi yang terdapat di dalam hadis-hadis.

Berikut adalah antara alasan yang boleh diberikan yang dapat menyokong pendapat berkenaan, yang antaranya adalah;

1. Doa adalah salah satu ikhtiar yang Allah berikan kepada manusia dan jin. Doa juga adalah senjata yang amat mustajab untuk mendapatkan sesuatu pertolongan daripada Allah. Setiap manusia, khususnya orang-orang mukmin amatlah dituntut oleh agama kita agar berdoa, kerana doa adalah antara ikhtiar yang terbaik. Berikhtiar adalah wajib. Memakbulkannya atau tidak adalah hak mutlak Tuhan.

2. Manusia dituntut mencari jalan agar mencapai kesejahteraan hidup sama ada di dunia, apatah lagi di akhirat sana. Imam Mahdi membawa kesejahteraan hidup yang merata, dan hal ini sudah dijanjikan oleh banyak hadis, daripada yang sahih hinggalah kepada yang dhaif. Tidak ada keraguan lagi padanya.

3. Manusia wajib mencari pemimpin yang ditunjuk, jika mereka hidup pada awal setiap kurun Hijrah seperti yang disabdakan oleh hadis. Pemimpin yang ditunjuk ini adalah ***seorang*** yang bertaraf mujaddid, bukan sekadar seorang ulama biasa dan bukan pula sekumpulan ulama. Beliau adalah seorang pemimpin yang sudah dijanjikan untuk manusia, bukan sahaja secara umum, malah secara amat khusus dan berulang-ulang pula.

4. Ini adalah janji Allah dan rasul-Nya untuk kita. Tidak salah jika kita menuntut janji Allah itu untuk kita, sama seperti janji-janji-Nya yang lain, sama ada yang berupa balasan di dunia mahupun yang di akhirat.

5. Perbuatan ini adalah termasuk jihad pada jalan Allah kerana setiap orang yang membantu menegakkan Islam di atas muka bumi ini adalah dianggap sebagai mujahid. Dan paling istimewa, mereka membantu Imam Mahdi menegakkan semula Islam di atas muka bumi ini, untuk kali yang kedua.

6. Perkhabaran Islam naik semula sudah dijelaskan oleh Nabi SAW dalam banyak hadis. Maknanya, sesiapa yang berjuang, perjuangannya adalah tepat seperti yang disebutkan oleh hadis. Perjuangannya benar-benar atas landasan agama dan disahkan pula oleh Nabi SAW sendiri. Siapa yang tidak mahu berjuang atas landasan yang benar lagi sahih?

7. Orang-orang dari mazhab lain, terutamanya Syiah telah lama berdoa bersungguh-sungguh dan amat menanti-nantikan kemunculan Imam Mahdi. Jika puak Syiah yang salah akidahnya itu pun boleh sedemikian beria-ia, kenapa kita yang yakin kita adalah benar akidahnya tidak bersungguh-sungguh seperti mereka? Sepatutnya kitalah yang lebih bersungguh-sungguh dan beria-ia berdoa dan berusaha agar hadis-hadis itu menjadi kenyataan. Kini keadaannya sudah jadi terbalik. Jangan sampai pula nanti, Imam Mahdi itu keluar ke dunia ini disebabkan oleh doa orang-orang Syiah itu pula!

8. Kalau tesalah sekali pun, tetap akan mendapat pahala iaitu pahala berdoa dan pahala kerana

berusaha. Setiap doa dan setiap usaha akan tetap diberikan pahala biar pun usaha itu gagal atau tidak didapati oleh kita.

9. Keadaan umat Islam di seluruh dunia pada hari ini yang amat menyedih dan memilukan, menyebabkan kita amat patut berdoa agar umat Islam yang hanya tinggal namanya sahaja ini dapat diselamatkan oleh seorang pemimpin yang sejati, yang dapat membela seluruh umat Islam, dan melepaskan mereka daripada jerat Barat yang sangat mencengkam ini. Umat Islam sedang diperkotak-katikkan oleh musuh-musuh lamanya iaitu Kristian, Yahudi, komunis, nasionalis dan kapitalis, beralasankan sistem sosialis dan demokratik.

Malah al-Quran sendiri memerintahkan kita agar selalu memanjatkan doa agar segera diturunkan-Nya seorang pemimpin sejati yang akan membela kita umat Islam seluruhnya. Arahan itu dibuat oleh Allah SWT melalui kisah kaum Bani Israel pada zaman dahulu. Seluruh kaum Bani Israel pergi mendatangi Nabi Samuel AS memintanya mendoakan kepada Allah agar ditunjukkan kepada mereka seorang pemimpin yang akan membela dan membantu mereka mengalahkan kekejaman Raja Jalut. Hasil daripada doa mereka itu, Allah tunjukkan kepada mereka ***Talut***, seorang petani yang tinggal di pedalaman. Maka, salahkah kita turut sama mendoakan agar pemimpin sejati itu segera Dia munculkan? Tidak bolehkah kita hanya mengikut apa yang sudah ditunjukkan oleh al-Quran sendiri?

Bagi mana-mana umat Islam yang amat prihatin terhadap keadaan umat Islam pada hari ini, tahu benar peri pentingnya kemunculan seorang pemimpin yang boleh membawa seluruh umat Islam kembali kepada Tuhan dan mencapai kemuncak kejayaan, pastilah sangat menanti-nantikan kemunculan pemimpin berkenaan dan tidak akan henti-henti mendoakan agar kemunculannya segera berlaku, pada kurun ini.

Begitu juga sebelum lahirnya Nabi Muhammad SAW, beberapa tanda sudah kelihatan dan jelas pada pandangan orang-orang yang tahu dari kalangan pendeta Yahudi dan pendeta Kristian. Namun, semakin dekat dengan masa diutuskan baginda SAW, semakin galak mereka mendoakan agar pemimpin akhir zaman itu (Nabi Muhammad SAW) segera dibangkitkan. Sayangnya, mereka mendoakan agar Nabi Muhammad SAW itu lahir dari kalangan bangsa mereka. Apabila Nabi Muhammad SAW itu lahir dari celah-celah bangsa Arab, mereka terus menolaknya dengan alasan baginda SAW bukan dari kalangan bangsa mereka.

Namun, pengajaran daripada kisah ini ialah tidak salah jika kita mendoakan agar pemimpin akhir zaman ini segera dibangkitkan oleh Allah SWT. Hanya itulah satu-satunya cara untuk memulihkan keadaan umat Islam ini seluruhnya yang sedang amat hina dan lekeh pada pandangan seluruh dunia. Kita hina di mana-mana sahaja kita berada kerana kita ibarat anak yatim yang tiada beribu dan berbapa atau seperti sang musafir yang sesat, tiada tempat hendak mengadu masalah yang sedang dihadapi.

Maka jelaslah di sini bahawa tidak ada salahnya jika kita berdoa agar Imam Mahdi itu segera dibangkitkan-Nya untuk kita seluruhnya, bukan untuk kita seorang sahaja atau hanya untuk kumpulan kita sahaja. Kalaulah doa kita dimakbulkan oleh Allah SWT, maka bayangkanlah betapa besar pahala yang akan kita dapat kerana telah membantu seluruh umat Islam di seluruh dunia daripada segala masalah dan penindasan yang sedang mereka terima ini. Berdoa agar Imam Mahdi muncul tidak memerlukan apa-apa modal, sedangkan balasannya cukup-cukup besar, tidak ***termakan*** dek kita seorang di akhirat nanti. Maka, sepatutnya kita berdoalah banyak-banyak dan sentiasa berharap agar segera ditunaikan-Nya akan segala janji-Nya itu, pada zaman kita ini. Amin ya Rabbal 'Alamin.

Sahihkah Hadis-hadis Itu?

Masalah inilah yang sebenarnya menghantui pemikiran, pendapat, kepercayaan dan sikap umat Islam umumnya pada hari ini. Bukan sahaja di negara kita Malaysia, malah di seluruh dunia Islam amnya, sejak zaman dahulu lagi hinggalah ke hari ini, tidak kira apa mazhab pun, masalah ini tetap sama sahaja.

Jika ada mana-mana ulama atau orang perseorangan yang cuba membangkitkan masalah yang cukup khilafiah ini, reaksi-reaksi berikut akan dapat dilihat pada orang yang kita ajukan itu.

1. ***Menolak serta-merta***. Alasan yang diberikannya ialah hadis-hadis mengenai Imam Mahdi adalah hadis palsu atau sangat dhaif. Mereka ini lazimnya tidak mengetahui ilmu sanad dan rawi hadis, ilmu jarah dan ta'dil serta tingkatan-tingkatan hadis.

2. ***Menolak mentah-mentah*** serta memandang rendah orang yang menimbulkan masalah ini, kerana katanya mempercayai perkara yang tidak jelas dalam masalah agama. Mereka ini adalah golongan yang banyak dipengaruhi oleh corak pemikiran yang telah diacu oleh pihak penjajah sejak dahulu.

3. ***Menolak sebahagian hadis*** yang berkaitan dengan Imam Mahdi termasuk mengenai Pemuda Tamim, Pemuda Bani Hasyim, Al-Haris Harras dan lain-lain. Hadis-hadis yang ada kelihatan hanya sesuai untuk zaman dahulu sahaja, bukan pada zaman ini. Mereka ini hanya menilai hadis berdasarkan maksud zahirnya sahaja, bukan makna yang tersirat yang ada di sebalik hadis-hadis berkenaan.

4. ***Menolak dengan alasan*** menunggu ketibaan Imam Mahdi tanpa berusaha adalah perbuatan yang sia-sia. Lebih baik umat Islam bangun dan membina kekuatan sendiri dan menegakkan negara Islamnya sendiri tanpa perlu menunggu munculnya Imam Mahdi. Konsep Al-Mahdi itu sebenarnya ada di dalam diri setiap umat Islam dan Mahdi itu adalah sekumpulan umat Islam sendiri yang berusaha membawa kemajuan. Mereka yang berpendapat begini adalah dari kalangan cendekiawan Islam dan para sarjana Islam yang mengaji di universiti luar negeri, terutama di negara Barat.

5. ***Menolak*** dengan alasan sudah lebih seribu tahun, namun Imam Mahdi tidak juga muncul, dan

kemungkinannya tidak akan muncul lagi ke dunia ini. Lagipun ini adalah zaman moden, bagaimana Imam Mahdi itu akan muncul pada zaman moden ini? Takkan Imam Mahdi itu nanti naik kuda dan mengacungkan pedang? Inikan zaman moden, tak sesuai sangatlah keadaannya nanti. Mereka ini banyak dipengaruhi oleh logik akal mentah mereka yang pendek semata-mata, tanpa mengetahui bahawa hadis-hadis berkenaan mempunyai maksud tersirat yang sekali-kali tidak mereka ketahui.

6. ***Bersikap berdiam diri*** kerana memang tidak tahu dan tidak pernah ambil tahu. Mereka adalah dari kalangan orang awam yang tidak mendapat pengetahuan yang mencukupi mengenai persoalan agama, apatah lagi masalah Imam Mahdi yang khilafiah ini. Mereka serba salah hendak menjawab soalan ini.

7. ***Tidak menerima dan tidak pula menolak*** kemunculan Imam Mahdi sambil menyatakan pendiriannya bahawa semua itu mungkin saja ada dan mungkin saja tidak ada. Bersikap pertengahan adalah lebih selamat bagi mereka dan golongan seperti ini memang ramai pada masa ini.

8. ***Tidak menolak sepenuhnya***, yakni menerima konsep Mahdi tetapi menyatakan bahawa Mahdi itu sebenarnya adalah umat Islam itu sendiri. Oleh itu, mereka perlu bangun dan membina kekuatan ummah melalui jalan politik dan ekonomi, serta dihiasi oleh akhlak yang mulia. Kebanyakan mereka ini adalah golongan pentadbir, ahli politik, teknokrat Islam dan ahli ekonomi Islam yang mendapat pendidikan formal dari Barat.

9. ***Menerima konsep*** Mahdi tetapi bertanya semula, bilakah Imam Mahdi itu akan muncul. Siapa dia Imam Mahdi itu? Sejauh mana 'modennya' Imam Mahdi itu nanti? Mereka ini adalah golongan yang banyak tanya tetapi tidak dapat memikirkan lebih jauh daripada itu.

10. ***Menerima sepenuhnya***, tetapi berbeza pendapat mengenai diri Imam Mahdi itu yang jika dilihat menurut kaedah Ahlus Sunnah adalah tidak tepat sama sekali. Mereka ini adalah golongan yang cuba mengambil kesempatan daripada sesuatu keadaan atau ada niat yang lain.

11. ***Menerima sepenuhnya*** konsep Imam Mahdi, meyakini semua hadis yang berkaitan dengannya dan menanti-nanti kemunculan Imam Mahdi itu ke dunia ini, dengan penuh harap, penuh kerinduan, penuh kasih sayang, penuh gembira dan kadang-kala seperti tidak sabar menunggu lebih lama lagi. Mereka ini ada dua golongan yang besar iaitu Ahlus Sunnah wal Jamaah dengan Imam Mahdinya sendiri dan puak Syiah dengan Imam Mahdinya pula, yang jauh berbeza keperibadiannya daripada Imam Mahdi Ahlus Sunnah.

12. ***Golongan yang terpinga-pinga*** untuk menjawab kerana tidak pernah tahu dan tidak pernah ambil tahu. Mereka adalah golongan majoriti orang awam dalam Ahlus Sunnah wal Jamaah. Hal ini berbeza dengan Syiah yang amat mengajarkan kepada golongannya akan konsep Imam Mahdi ini. Antara sebabnya ialah Ahlus Sunnah tidak pernah menekankan peri pentingnya Imam Mahdi itu kepada masa depan dan ***survival*** umat Islam, seperti yang Syiah ajarkan kepada pengikut mereka.

Kemudian, jika kita lihat dengan lebih teliti dan saksama (jika orang itu memang mahu mencari kebenaran hakiki), akan kita dapati bahawa hadis-hadis yang menceritakan mengenai Imam Mahdi dapat dikategorikan kepada tiga bahagian, iaitu hadis-hadis yang sahih, hadis-hadis yang hasan dan

hadis-hadis yang dhaif. Maka yang maudhuk itu tidaklah kita masukkan ke dalam perbicaraan kita ini.

Semua ulama kenamaan dalam mazhab Ahlus Sunnah wal Jamaah bersetuju bahawa hadis-hadis sahih mengenai Imam Mahdi adalah hadis yang sudah boleh dikategorikan sebagai hadis mutawatir maknawi. Hadis mutawatir maknawi adalah sekumpulan besar hadis yang berbagai-bagai matan, rawi dan sanadnya, tetapi semua hadis berkenaan menceritakan satu perkara atau mauduk yang sama iaitu mengenai Imam Mahdi.

Imam an-Nawawi, seorang tokoh ulama terkenal dalam mazhab Syafie dan juga seorang pakar hadis pada zamannya berkata,

> "*Beberapa buah hadis yang tersebut ini, walaupun semua sanadnya dhaif, tetapi kerana satu sama lain saling menguatkan, maka hadis-hadis ini menjadi hadis hasan. Dan hadis yang demikian ini boleh digunapakai sebagai hujah. Pendapat yang seperti ini pada zaman lampau telah dikemukakan oleh Imam al-Baihaqi dan ulama-ulama lain. Sebenarnya nilai kedhaifan hadis berkenaan terletak pada buruknya hafazan, atau tercampur-campurnya hafazan, atau adanya pemalsuan, tetapi rawi-rawinya adalah orang-orang yang jujur dan taat melaksanakan perintah agama. Adapun hadis yang dhaif kerana adanya pendustaan atau menyalahi hadis-hadis yang lain, maka yang demikian itu tidaklah dapat lagi diangkat tarafnya menjadi hadis hasan.*"

Grand Muhaddis Abdullah bin Sadek, Ph.D., menyatakan di dalam bukunya, ***Al-Mahdiyul Muntazar***, kira-kira begini:

> *"Malang sekali, terdapat ramai orang, termasuk yang berpengetahuan percaya bahawa tidak ada al-Mahdi. Ini sebenarnya disebabkan kejahilan mereka terhadap sabda-sabda Nabi SAW yang menyatakan kemunculannya pada akhir zaman nanti."*

Tulisnya lagi pada bahagian ***Pengenalan*** bukunya itu,

> "*Adalah sangat mustahil hadis-hadis (mengenai Al-Mahdi) yang telah disahkan sebagai mutawatir oleh Al-Huffaz, (masih) boleh lagi dikatakan palsu (oleh orang ramai).*"

Kalangan yang belajar ilmu mustalah hadis amat memahami dan mengakui betapa benarnya ucapan Hafiz kenamaan ini. Tidak ada keraguan lagi padanya.

Hadis-hadis yang Diakui Sebagai Sahih

Bagaimanapun, sebagai memenuhi rasa ingin tahu kebanyakan umat Islam, terutama yang rajin mengkaji dan yang inginkan kepastian, serta yang inginkan keyakinan yang putus, berikut adalah antara hadis yang secara jelas dikategorikan oleh **semua ulama hadis** sebagai **<u>hadis sahih</u>** mengenai diri Imam Mahdi itu:

A. Abdullah bin Mas'ud RA meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda,

> *"Dunia ini tidak akan hancur sehingga seorang lelaki dari kalangan ahli keluargaku, yang namanya seperti namaku, memerintah seluruh bangsa Arab."* (Sunan at-Tarmizi, Jilid 9; Sunan Abu Daud, Jilid 5).
>
> Hadis-hadis dengan matan yang hampir serupa juga turut diriwayatkan daripada Sayidina Ali bin Abi Talib, Abu Said al-Khudri, Ummu Salamah dan Abu Hurairah RA.

B. Nabi SAW bersabda,

"Allah akan mengeluarkan dari persembunyiannya al-Mahdi (iaitu) dari kalangan kaum keluargaku sejurus sebelum hari kiamat walaupun kiamat itu cuma tinggal sehari sahaja. Dia akan menyebarkan keadilan dan kesaksamaan di atas muka bumi ini dan menghapuskan kezaliman dan penindasan." (Musnad Ahmad Ibnu Hanbal, Jilid 1)

C. Sayidina Ali bin Abi Talib KMW berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda,

"Jika cuma tinggal sehari sahaja sebelum kiamat tiba, nescaya Allah pasti akan mengutuskan seorang lelaki dari kaum keluargaku yang akan memenuhkan dunia ini dengan keadilan dan kesaksamaan, seperti sebelumnya bumi ini dipenuhi dengan penindasan."

(Sunan Abu Daud)

D. Sayidina Ali bin Abi Talib KMW berkata bahawa Nabi SAW memberitahunya bahawa,

"Al-Mahdi yang dinanti-nantikan itu adalah dari kaum keluargaku. Allah akan menyempurnakannya dalam satu malam sahaja."

(Sunan Ibnu Majah, Jilid 2)

E. Sayidatina Ummu Salamah RA, Ummul Mukminin, berkata bahawa Nabi SAW bersabda,

"Al-Mahdi itu adalah dari keturunanku, daripada anak-anak Fatimah."

(Sunan Abu Daud, Jilid 2; Sunan Ibnu Majah, Jilid 2)

F. Rasulullah SAW mengisytiharkan bahawa,

"Al-Mahdi itu adalah dari kaum keluargaku, daripada keturunan Fatimah."

(Sunan Ibnu Majah, Jilid 2, Hadis No. 4086)

G. Nabi SAW memberitahu,

"Al-Mahdi itu adalah salah seorang daripada kami, dari kalangan Ahlulbait."

(Sunan Ibnu Majah, Jilid 2, Hadis No. 4085)

H. Abu Said al-Khudri RA menceritakan bahawa Nabi SAW bersabda,

"Al-Mahdi itu dahinya luas dan hidungnya mancung. Dia akan memenuhkan bumi ini dengan keadilan seperti sebelumnya bumi ini dipenuhi dengan kezaliman dan penindasan. Dia akan memerintah selama tujuh tahun."

(Sunan Abu Daud, Jilid 2, Bab Fusulul Muhimmah)

I. Abu Said al-Khudri RA menceritakan bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

"Al-Mahdi adalah dari keturunanku. Dahinya luas dan hidungnya tinggi. Dia akan memenuhkan bumi ini dengan keadilan dan kesaksamaan ketika dunia sedang dipenuhi dengan penindasan. Dia akan memerintah selama tujuh tahun."

J. Ummu Salamah RA menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

"Selepas kemangkatan seorang amir, akan berlaku pertelingkahan di kalangan penduduk. Ketika itu seorang penduduk Madinah akan melarikan diri dan pergi ke Makkah. Ketika di Makkah, beberapa orang penduduk akan menghampirinya antara Hajarul Aswad dengan Maqam Ibrahim, dan mendesak menerima baiat mereka kepadanya.

Sejurus selepas itu, satu angkatan yang besar akan datang dari Syam untuk menyerangnya tetapi

ketika mereka sampai di al-Baidak, yang di antara Makkah dan Madinah, mereka akan ditelan ke dalam bumi.

Melihatkan peristiwa ini, puak Abdal dari Syam dan sekumpulan Asoib dari Iraq akan mendatanginya dan berbaiat kepadanya. Kemudian seorang lelaki dari suku Quraisy, yang bapa saudaranya dari Bani Kalb menghantar satu pasukan tentera untuk menyerang al-Mahdi, dan cuba menguasainya, dengan izin Allah. Tentera ini adalah dari Bani Kalb. Malangnya dia tidak menerima apa-apa perkongsian dengan Kalb. Orang ini (Imam Mahdi) akan memulakan peperangan selepas pertempuran itu. Dia akan memimpin orang ramai berdasarkan Sunnah dan semasa pemerintahannya, Islam akan tersebar ke seluruh dunia. Dia memerintah selama tujuh tahun. Al-Mahdi akan meninggal dunia dan jenazahnya akan disembahyangkan oleh seluruh umat Islam di seluruh dunia."

(Abu Daud, Ibnu Majah, Al-Hakim, Ibnu Hibban & at-Tabrani)

K. Nabi SAW bersabda:

"Sekumpulan orang dari umatku akan berjuang menegakkan kebenaran sehingga hampir tibanya kiamat, apabila Isa anak Mariam AS turun, dan pemimpin mereka memintanya mengimamkan sembahyang, tetapi Isa AS menolaknya sambil berkata, "Tidak, sesungguhnya di kalangan kamu ada orang yang Allah telah jadikannya pemimpin ke atas yang lain dan Dia telah menzahirkannya untuk mereka." (Sahih Muslim)

L. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah RA bahawa Nabi SAW telah bersabda:

"Apakah reaksi kamu semua apabila Isa anak Mariam turun sedangkan Imam kamu adalah daripada kalangan kamu?"

(Sahih Muslim, bab Nuzul Isa, Jilid 2; Sahih al-Bukhari, Kitab Bad' ul-Khalq wa Nuzul Isa, Jilid 4)

M. Nabi SAW bersabda:

"Apakah keadaan kamu jika anak Mariam turun di kalangan kamu dan Imam kamu adalah dari kalangan kamu?" (Sahih Al-Bukhari, Kitabul Anbiyak, Bab Nuzul Isa bin Maryam)

N. Diriwayatkan daripada Jabir bin Samurah RA katanya, Rasulullah SAW bersabda:

"Setelah peninggalanku nanti akan ada dua belas orang Amir (Khalifah)." Jabir berkata, "Kemudian baginda bercakap sesuatu yang tidak kufahami, lalu aku bertanya kepada bapaku, lalu dia berkata, "Mereka semuanya dari golongan Quraisy."

(Abu Daud)

O. Dari Mustaurid Al-Qurasyi RA berkata, aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:

"Kiamat akan tiba (setelah) bangsa Rom membentuk sebahagian besar dari umat." Amru bertanya kepadanya (Mustaurid RA), *"Benarkah ucapanmu itu?"* Jawabnya, *"Aku mengucapkan apa yang aku dengar daripada Nabi SAW,"* dan lagi sabdanya, *"Kalau kamu menyebutkan demikian, sungguh mereka telah memiliki empat sifat. Pertama, mereka mempunyai kesabaran menempuh cubaan. Kedua, segera membaiki diri untuk pulih selepas kesusahan. Ketiga, menyerang balas selepas peperangan pertama dan keempat, mereka bersikap baik terhadap janda-janda, anak-anak yatim, yang lemah. Dan yang kelimanya ialah mereka bersikap baik dan mendiamkan diri sahaja terhadap penindasan oleh raja-raja."*

P. Dari Abdullah bin Busri RA dia berkata, Rasulullah SAW bersabda:

"(Jarak masa) antara Malhamatul Uzma (Perang Islam-Eropah) dan penaklukan kota-kotanya adalah enam tahun dan Dajjal akan keluar pada tahun yang ketujuh."

(Ibnu Majah)

Q. Kata Abu Nadrah RH, kami bersama-sama dengan Jabir bin Abdullah RA, lalu dia berkata:

"*Akan terjadi penduduk Iraq tidak menghantar bahan makanan dan dirham mereka*." Kami bertanya, "*Dari arah mana*?" Jawabnya, "*Dari arah bukan Arab, yang menahannya*." Kemudian dia berkata lagi, "*Aku syak bahawa penduduk Syam juga tidak menghantar dinar dan mud mereka*." Kami bertanya, "*Dari arah mana datangnya*?" Jawabnya, "*Dari arah Rom*." Kemudian dia diam seketika, kemudian berkata, "Telah bersabda Nabi SAW, "***Akan berlaku pada akhir zaman seorang khalifah yang menyebarkan harta sebanyak-banyaknya tanpa mengira-ngiranya***." Aku bertanya kepada Abu Nadrah dan Abu al-A'ala, "*Kami menyangka dia itu adalah Umar bin Abdul Aziz*." Jawabnya, "**Bukan**.*"* (Muslim)

R. Daripada Sauban RA katanya, Rasulullah SAW bersabda:

"Akan berbunuh-bunuhan dekat tempat simpanan Kaabah kamu tiga beradik, semuanya putera kepada seorang (bekas) khalifah. Kemudian tidak seorang pun antara mereka yang dapat (harta itu atau menjadi khalifah). Kemudian muncul Panji-panji Hitam dari sebelah Timur, lalu mereka membunuh kamu dengan satu pembunuhan (yang paling dahsyat) yang belum pernah dilakukan oleh mana-mana kaum pun. Apabila kamu semua melihatnya, hendaklah bersegera membaiatnya walaupun terpaksa merangkak di atas salji, kerana padanya ada Khalifah Allah, Al-Mahdi."

(Ibnu Majah)

Ada banyak lagi hadis yang sanadnya sahih-sahih belaka tetapi penulis tidak merasakan perlu dimasukkan semua sekali. Cukuplah sekadar yang ada ini untuk perhatian kita bersama. Oleh kerana banyaknya hadis mengenai Imam Mahdi yang dikategorikan sebagai sahih, seyogialah orang-orang yang menolak mengenai kedatangan Imam Mahdi, sama ada yang menolak dengan alasan bahawa hadis-hadisnya banyak yang dhaif, atau menolak peribadi yang bergelar Imam Mahdi itu akan keluar, eloklah berfikir semula.

Hadis-hadis di atas yang semuanya telah diakui sebagai sahih, menunjukkan dengan jelas bahawa cerita-cerita mengenai Imam Mahdi itu mempunyai asas yang kukuh dalam agama kita, bukan sekadar diada-adakan atau berita yang muncul kemudian, beratus-ratus tahun selepas kewafatan Nabi SAW. Ini kerana, Rasulullah SAW sendiri turut menyebutkan mengenainya, antaranya seperti yang dinyatakan di atas.

Hadis-hadis yang Diakui Sebagai Hasan

Hadis-hadis berikut adalah hadis-hadis yang dikatakan **tarafnya hasan** iaitu rendah sedikit daripada taraf hadis sahih. Hadis-hadis ini dikatakan hasan kerana para rawinya mempunyai sedikit kecacatan iaitu dari segi kekuatan ingatannya. Namun, hadis-hadisnya tetap boleh diterima kerana peribadi rawi-rawinya adalah baik dan jelas.

A. Ummu Salamah RA, Ummul Mukminin, meriwayatkan sebuah hadis daripada Nabi SAW:
"Al-Mahdi adalah daripada keturunanku, di antara anak-anak Fatimah."

B. Rasullullah SAW bersabda:
"Dunia ini tidak akan berakhir sehingga seorang lelaki dari keturunan al-Husain mengambil alih pentadbiran dunia dan memenuhnya dengan keadilan dan kesaksamaan seperti sebelumnya dipenuhi dengan kezaliman dan penindasan."

C. Abu Said al-Khudri RA menceritakan sebuah hadis bahawa Nabi SAW mengisytiharkan:
"Dunia ini akan dipenuhi dengan ketidakadilan dan penyelewengan. Ketika itulah, seorang lelaki dari kaum keluargaku akan naik dan memerintah selama tujuh atau sembilan tahun dan akan memenuhkan dunia ini dengan keadilan dan kesaksamaan."
(Musnad Ahmad bin Hanbal, Jilid 3)

D. Abu Said al-Khudri RA menceritakan bahawa Nabi SAW bersabda:
"Banyak cubaan dan bala bencana akan menimpa umatku daripada pemerintah mereka sebelum dunia ini kiamat. Akan berlaku satu bencana yang sememangnya tidak dapat dielakkan lagi. Terdapat banyak kezaliman iaitu dunia ini dipenuhi ketidakadilan dan penyelewengan yang akan memusnahkan kebaikan. Orang-orang yang beriman tidak mendapat pembelaan daripada penindasan yang berlaku itu. Pada ketika itulah Allah akan menghantar seorang lelaki daripada keturunanku untuk memenuhi bumi ini dengan keadilan dan kesaksamaan seperti sebelumnya dipenuhi dengan kezaliman dan penindasan. Seluruh penduduk langit dan bumi akan meredhai pemerintahannya. Bumi akan mengeluarkan segala isinya, dan langit pula akan menurunkan hujan selebat-lebatnya. Dia akan tinggal bersama-sama mereka selama tujuh atau sembilan tahun. Segala keberkatan dan kemakmuran akan Allah turunkan kepada bumi, sehingga mereka yang masih hidup amat mengharapkan agar orang yang telah mati dapat hidup semula."
(Ibnu Hajar, as-Sawa'iqul Muharriqah, ms 161)

E. Abu Hurairah RA berkata, dari Rasulullah SAW:
"Orang ramai akan berbaiat kepada al-Mahdi antara Rukun dengan Maqam (di Makkah)."
(Ibnu Tawus, Kitabul Malahim wal Fitan, ms 64)

F. Daripada Abdullah RA daripada Nabi SAW sabdanya:

"Kalaulah tidak tinggal bagi dunia ini melainkan sehari sahaja lagi, nescaya akan dipanjangkan oleh Allah hari itu sehingga dibangkitkan padanya seorang lelaki dari umatku atau dari ahli keluargaku yang sama namanya seperti namaku dan nama ayahnya seperti nama ayahku."

(At- Tarmizi)

G. Dari Huzaifah RA katanya, Nabi SAW bersabda:

"Kalaulah tidak tinggal daripada umur dunia melainkan sehari sahaja lagi, akan dipanjangkan oleh Allah hari itu sehingga didatangkannya seorang lelaki dari ahli keluargaku, yang berdiri malaikat di antara dua tangannya dan dia akan mengembangkan agama Islam."

Sebenarnya, hadis yang telah disahkan tarafnya sebagai hasan juga sangat banyak, tetapi oleh kerana dirasakan tidak perlu mengulang-ulang tulis hadis berkenaan untuk bahagian seterusnya, tidaklah dimasukkan lebih banyak lagi untuk mengelakkan rasa jemu membacanya.

Oleh kerana banyak pula hadis yang sampai tarafnya kepada hasan, maka tidak syak lagilah bahawa memang kisah Imam Mahdi itu tidaklah diada-adakan. Banyaknya hadis yang bertaraf hasan amat jelas membantu menguatkan lagi hadis yang dikatakan dhaif, juga menguatkan dakwaan bahawa kisah mengenai kedatangan Imam Mahdi adalah benar lagi sahih.

Adapun hadis-hadis yang dikatakan mutawatir, iaitu taraf hadis yang paling tinggi selepas al-Quran, adalah banyak sekali. Jumlahnya lebih banyak daripada yang diberikan tadi, iaitu lebih banyak daripada hadis yang sampai kepada taraf sahih. Bezanya, kebanyakan hadis itu adalah berbentuk **mutawatir maknawi**, iaitu sejumlah besar hadis yang sama maksud tetapi berbeza-beza dari segi susunan matannya.

Selepas hadis mutawatir, hadis sahih adalah hadis yang dikategorikan paling tinggi, kerana telah melepasi lima syarat untuk menjadi hadis sahih. Mana-mana hadis yang dapat memenuhi kelima-lima syarat itu sekali gus, barulah diiktiraf sebagai hadis sahih. Seperti yang dimaklumi, hadis sahih terbahagi kepada dua jenis iaitu **sahih lizatih** (mencapai taraf sahih tanpa bantuan hadis lain) dan **sahih lighairih** (mencapai taraf sahih dengan bantuan hadis lain yang sama kuat dengannya).

Lazim pula para ulama menyatakan bahawa hadis yang disebut sebagai sahih lighairih adalah juga hadis hasan lizatih. Dan seperti yang dimaklumi, hadis sahih adalah hadis yang mencapai taraf paling tinggi, boleh dijadikan hujah dalam bab akidah dan hukum syarak.

Hadis-hadis yang Dikatakan Sebagai Dhaif

Hadis-hadis berikut telah dikenal pasti dan dikatakan sebagai hadis dhaif oleh sebahagian ulama walaupun diterima pula oleh sebahagian besar ulama hadis yang lain. Walau apa pun, jika dikumpulkan semua sekali hadis berkenaan, dapatlah dikatakan dari segi maksudnya, semua yang dikatakan dhaif ini membawa maksud yang satu.

Marilah pula kita lihat sebahagian daripada hadis berkenaan, untuk pertimbangan atau tasawur awal kita.

A. Ammar bin Yasir RA menceritakan:

> *"Apabila Nafsuz Zakiyah telah terbunuh, satu suara dari arah langit akan menyeru:* ***'Pemimpin kamu semua adalah si anu dan si anu.'*** *(iaitu al-Mahdi dan Pemuda Bani Tamim). Berikutan itu, al-Mahdi akan muncul dan akan memenuhkan bumi ini dengan keadilan dan kesaksamaan."*
>
> (Ibnu Tawus, Kitabul Malahim wal Fitan, ms 179)

B. Abdullah bin Umar RA mendengar ada seorang Arab menyebutkan di hadapannya bahawa al-Mahdi itu adalah Muawiyah bin Abu Sufian. Abdullah RA berkata:

> *"Itu bukanlah seperti yang kamu kata. Al-Mahdi adalah orang yang Nabi Isa bersembahyang di belakangnya."*
>
> (Ibnu Tawus, Kitabul Malahim wal Fitan, ms 179)

C. Mujahid RA menyatakan mengenai Mahdi:

> *"Seorang sahabat Nabi SAW memberitahuku bahawa al-Mahdi tidak akan muncul sehinggalah Nafsuz Zakiyah mati dibunuh. Pada ketika itulah dia akan mengambil alih pemerintahan dan akan memenuhkan bumi ini dengan keadilan dan kesaksamaan."* (Ibnu Tawus, Kitab al-Malahim wal Fitan, ms 171)

D. Seorang tabiin bernama Salmah bin Zafar RH meriwayatkan bahawa pada suatu hari orang ramai sedang berbincang mengenai kemunculan al-Mahdi di hadapan Huzaifah RA. Huzaifah berkata:

> *"Kalaulah al-Mahdi itu zahir ketika kamu masih dekat dengan zaman kenabian, dan ketika sahabat-sahabat baginda masih hidup di kalangan kamu, maka kamu benar-benar beruntung. Tetapi tidaklah demikian halnya. Al-Mahdi tidak akan zahir sehinggalah manusia dikelilingi oleh penindasan dan kekejaman, dan tidak seorang pun yang lebih dikasihi dan diharapkan (oleh mereka) melebihi daripadanya."*
>
> (Kitab Al-Hawi Lil Fatawa, Jilid 2, ms 159)

E. Abu Ishak memberitahu bahawa Sayidina Ali KMW ketika memandang anaknya al-Hasan RA, berkata:

> *"Anakku ini adalah seorang Sayid, seperti yang Nabi SAW menamakan dia. Daripada keturunannyalah akan muncul seorang lelaki yang namanya seperti nama Nabi kamu. Dia akan menyerupai Nabi kamu dari segi akhlak tetapi tidak dari segi rupa." Kemudian dia menyebutkan riwayat bahawa bumi ini akan dipenuhi dengan keadilan (semasa pemerintahannya).*
>
> (Abu Daud)

Jika kita perhatikan baik-baik kandungan hadis-hadis yang dikatakan sebagai dhaif ini, kita akan dapati bahawa yang sebenarnya dhaif itu adalah rawinya dan juga sanad yang kurang memuaskan. Maksudnya, hadis-hadis itu dikatakan dhaif kerana rawi yang tidak memenuhi salah satu dari lima syarat untuk menjadi sahih, bukan kandungan hadis berkenaan. Kalaulah isi kandungan hadis berkenaan yang dijadikan ukuran sahih atau tidak, ternyata bahawa hadis-hadis berkenaan

sebenarnya adalah **sahih** kerana apa yang diperkatakan oleh hadis tersebut memang telah benar-benar berlaku.

Hanya kerana para ulama mengikut dengan ketat disiplin ilmu ***Jarah wat Ta'dil*** yang telah ditetapkan, maka hadis-hadis berkenaan terpaksa dimasukkan ke dalam golongan hadis dhaif, iaitu dhaif dari segi rawi dan sanad sahaja, bukan kandungan hadis berkenaan.

Memang diakui bahawa hadis-hadis yang dikategorikan sebagai dhaif sangatlah banyak, jauh lebih banyak daripada jumlah hadis yang disahkan sebagai sahih dan hasan. Yang disertakan di sini hanyalah sekadar contoh daripada beberapa buah yang memang telah sedia masyhur di kalangan orang ramai sejak dahulu lagi.

Syiah dan Persoalan Imam Mahdi yang Bernama Muhammad bin Al-Hasan Al-Askari

Setelah itu, terkenal pulalah Imam Mahdi dalam mazhab Syiah. Jika kita rajin meneliti kitab-kitab Syiah, akan kita temui pula seorang lagi individu yang begitu legenda, yang menurut ajaran Syiah, peribadi itu diyakini sepenuhnya oleh mereka sebagai Imamul Mahdi al-Muntazar. Disertakan pula beberapa banyak hadis yang menurut dakwaan mereka adalah hadis-hadis sahih, yang menceritakan mengenai Imam Mahdi tadi.

Asal-usul bermulanya konsep Imam Mahdi Syiah ini adalah daripada perjuangan kaum Syiah (Syiatu Ali) yang sedang hebat ditekan oleh pemerintah Bani Umaiyah dan Bani Abbasiyah, berusaha memulihkan kuasa khalifah yang didakwa menjadi hak mutlak Ahlulbait, iaitu (menurut Syiah) keluarga Ali bin Abi Talib KMW dengan isterinya Siti Fatimah RA, sesudah wafatnya Rasulullah SAW. Maknanya, munculnya konsep Imam Mahdi bagi Syiah adalah kesan langsung daripada sengketa politik mengenai jawatan khalifah antara dua orang sahabat besar RA.

Menurut Syiah, terdapat lebih seribu buah hadis sahih yang menceritakan tentang Imam Mahdi, sedangkan menurut Ahlus Sunnah wal Jamaah, jumlahnya yang sahih tidak sampai pun seratus buah. Itupun setelah dicampur sekali dengan asar para sahabat RA dan ucapan para tabiin. Begitulah jauhnya beza antara Ahlus Sunnah dengan Syiah.

Bagi kita penganut Ahlus Sunnah wal Jamaah, hadis-hadis yang dikemukakan oleh orang-orang Syiah itu bolehlah dipertikaikan, malah kebanyakan kita akan menganggapnya sebagai palsu semata-mata. Namun, atas dasar ilmu, kita patut juga melihat dan mengetahui dalil-dalil yang dijadikan sandaran oleh penganut mazhab Syiah itu.

Setiap orang yang diberikan hidayah oleh Allah mengetahui bahawa Imam Mahdi yang ditunggu-tunggu oleh Syiah, sebenarnya tiada dan tidak pernah wujud. Watak Mahdi Syiah itu dongeng semata-mata. Umat Islam di seluruh dunia telah menderita pelbagai kesusahan, tipuan dan halangan serta bala akibat kepercayaan mistik Syiah ini, yang amat hebat mempropagandakan Imam Mahdi mereka.

Seorang ulama terkenal Syiah di Iran, **Lutfullah as-Safi Golpaygani**, telah mengumpulkan semua hadis yang menceritakan mengenai Imam Mahdi di dalam kitabnya yang bersifat ensiklopedia, *Muntakhabul Asar Fil Imamus Sani 'Asyar*, yang menurutnya, beliau telah menggabungkan sumber Ahlus Sunnah dan Syiah. Di dalam kitab besarnya itu, beliau menyalin sebanyak 60 buah hadis daripada Ahlus Sunnah wal Jamaah berserta sanad-sanadnya sekali dan 90 buah hadis daripada mazhab Syiah berserta sanad-sanadnya, yang tujuannya untuk menunjukkan bahawa perkhabaran mengenai Imam Mahdi bukanlah direka-reka atau tidak mempunyai asas. Berikut adalah senarai penuh yang beliau berjaya kumpulkan:

1. 91 buah hadis mengenai: "Imam-imam berjumlah dua belas orang, yang pertama adalah Ali bin Abi Talib dan yang terakhir adalah al-Mahdi."

2. 94 buah hadis mengenai: "Imam-imam adalah dua belas orang dan yang terakhir adalah al-Mahdi."

3. 107 buah hadis mengenai: "Imam-imam adalah dua belas orang, sembilan darinya adalah keturunan Husain, dan yang kesembilan adalah al-Qaim."

4. 389 buah hadis mengenai: "Al-Mahdi adalah dari keturunanku."

5. 214 buah hadis mengenai: "Al-Mahdi adalah dari keturunan Ali."

6. 192 buah hadis mengenai: "Al-Mahdi adalah dari keturunan Fatimah."

7. 185 buah hadis mengenai: "Al-Mahdi adalah dari keturunan Husain."

8. 148 buah hadis mengenai: "Al-Mahdi adalah keturunan kesembilan dari Husain."

9. 185 buah hadis mengenai: "Al-Mahdi adalah dari keturunan Ali bin al-Husain."

10. 103 buah hadis mengenai: "Al-Mahdi adalah dari keturunan Imam Muhammad al-Baqir."

11. 103 buah hadis mengenai: "Al-Mahdi adalah dari keturunan Imam Jaafar Sadiq."

12. 99 buah hadis mengenai: "Al-Mahdi adalah keturunan keenam dari Imam Jaafar Sadiq."

13. 101 buah hadis mengenai: "Al-Mahdi adalah dari keturunan Imam Musa al-Kazim."

14. 98 buah hadis mengenai: "Al-Mahdi adalah keturunan kelima dari Imam Musa al-Kazim."

15. 95 buah hadis mengenai: "Al-Mahdi adalah keturunan keempat dari Imam Ali Ridha."

16. 90 buah hadis mengenai: "Al-Mahdi keturunan ketiga dari Imam Muhammad Taqi."

17. 90 buah hadis mengenai: "Al-Mahdi adalah dari keturunan Imam Ali al-Hadi."

18. 145 buah hadis mengenai: "Al-Mahdi adalah putera Imam al-Hasan al-Askari."

19. 148 buah hadis mengenai: "Nama bapa Al-Mahdi adalah al-Hasan."

20. 47 buah hadis mengenai: "Nama dan nama bapa Al-Mahdi adalah seperti nama dan nama bapa Nabi SAW."

Bagi kita kalangan Ahlus Sunnah, sebahagian besar hadis Syiah yang dikemukakannya itu tidak dapat diterima, kerana tidak menepati kehendak ilmu hadis dalam ajaran kita, tetapi satu perkara adalah pasti iaitu kedua-duanya sama-sama meyakini dan mempercayai kehadiran Imam Mahdi ke dunia ini sebelum dunia ini kiamat.

Menurut ajaran tauhid Syiah, kepercayaan kepada Imam, terutamanya Imam Mahdi, adalah salah satu rukun iman mereka. Malangnya, menurut pandangan dan kajian para sarjana hari ini, kepercayaan mereka ini dikatakan datang daripada sumber Majusi (Zoroaster) dan Yunani, serta sebahagian daripada sisa-sisa kepercayaan masyarakat zaman jahiliyah. Benar atau tidak dakwaan tersebut, tidaklah dapat dipastikan dan tidak pula menjadi masalah bagi kita yang Ahlus Sunnah ini.

Ahlus Sunnah wal Jamaah meyakini bahawa Imam Mahdi itu adalah orang biasa, dilahirkan oleh seorang wanita biasa, dibesarkan sebagai orang biasa dan menjalani kehidupan sebagai mana orang biasa pada zamannya. Beliau tidak dikandung, dilahir dan besarkan secara rahsia, oleh seorang perempuan yang rahsia, dan tinggal di tempat yang rahsia, serta *kehilangannya* juga rahsia, seperti yang diyakini dan dipercayai oleh puak Syiah itu.

Maka, pada hari ini, rata-rata puak Syiah mempercayai bahawa Imam Mahdi al-Muntazar itu sebenarnya telahpun lahir, tetapi telah ghaib pula, masih belum mati, kini sedang berada di dalam alam ghaibnya sendiri di atas muka bumi ini dan akan muncul kembali pada akhir zaman kelak, iaitu apabila masanya telah sampai. Yang berbeza pada pandangan mereka, yakni antara firkah dalam mazhab Syiah itu sendiri adalah, siapakah dia individu Imam Mahdi yang bakal muncul itu sebenarnya.

Selain itu, adalah diperingatkan agar berhati-hati dengan kitab-kitab yang menceritakan mengenai Imam Mahdi ini kerana sebahagian kitab yang berada di pasaran adalah kitab-kitab panduan dan rujukan bagi orang-orang Syiah, bukan untuk kita, golongan Ahlus Sunnah wal Jamaah. Bilangan kitab-kitab mereka mengenai Imam Mahdi jauh lebih banyak berbanding kitab-kitab terkenal ulama kita mengenainya. Eloklah berhati-hati sebelum membaca apa-apa kitab mengenai Imam Mahdi ini.

Bagi orang ramai yang ingin mengkaji lebih lanjut tentang Imam Mahdi orang-orang Syiah, bolehlah meneliti kitab-kitab masyhur mereka tentangnya seperti yang disenaraikan ini, yang kebanyakannya berbahasa Arab atau Parsi.

1. Muhammad bin Yaakub **Al-Kulaini**, *Usulul Kafi*, Jilid 1.
2. Muhammad Baqir **Al-Majlisi**, *Biharul Anwar*, Jilid 46, Jilid 51 dan Jilid 52.
3. Muhammad Baqir **Al-Majlisi**, *Hayatul Qulub*.
4. *Isbatul Hudat*, Jilid 2, Jilid 6 dan Jilid 7.

5. Saad Muhammad Hasan, *Al-Mahdiyah Fil Islam*.
6. Imamul Faqih Abu Muhammad Abdullah bin Muslim bin Qutaibah **Al-Bahili** Doonavari, *Al-Imamah was Siyasah*, Jilid 2.
7. Syeikh Sulaiman Balkhi, *Yanabi'ul Mawaddah*, Jilid 1 dan Jilid 2.
8. Naubakhti, *Firaqusy Syiah*
9. Muhammad Karim Khurasani, *Tanbihatul Jaliyyah Fi Kasyful Asrar al-Batiniyah*.
10. Mir Khwand, *Tarikh-I Raudhatus Shafa*, Jilid 4.
11. *Zaka'irul 'Uqbah*.
12. Lutfullah as-Safi al-Golpaygani, *Muntakhabul Asar Fil Imamus Sani 'Asyar*.
13. Taha Husain, *Ali wa Farzandanasy*.
14. **Subhi Saleh**, *Nahjul Balaghah*.
15. Muhammad Karim Khan, *Irsyadul Ulum*, Jilid 3.
16. Ibnu Babuyah, *Kitab Kamaluddin wan Nikmah*, Jilid 2.
17. **Sheikh at-Tusi**, *Kitabul Ghaibah*.
18. **Sheikh At-Tusi**, *Al-Istibsar Fiddin*.
19. **Sheikh At-Tusi**, *Tahzibul Ahkam*.
20. Muhammad bin Saad Katib, *At-Tabaqat*, Jilid 2.
21. *Jami' Ahadis as-Syiah*, Jilid 1 (Pengenalan).
22. *Isbatul Wasiyah*.
23. Sayid Hashim Bahrani, *Tabsiratul Wali Fi Ma Ra'al Qaimul Mahdi*.
24. *Matolibus Su'al*.
25. *Kifayatut Tolib*.
26. *Al-Yawaqit Wal Jawahir*, Jilid 2.
27. *Sadaratuz Zahab* (edisi Beirut), Jilid 2.
28. *Al-'Ibar Fi Khabar Min Ghabar* (edisi Kuwait), Jilid 2.
29. Husain bin Muhammad Taqi Nuri, *Kasyful Asrar*.
30. **At-Tabarsi**, *Kifayatul Muwahhidin*, Jilid 2.
31. **At-Tabarsi**, *Al-Ihtijaj*.
32. Ibnu Syahr Asub, *Manaqib*, Jilid 4.
33. *Ilzamun Nasab*.
34. *I'lamul Wara'* (edisi Tehran).
35. *Rijal Najasyi*, Jilid 2.
36. Fihris Tusi, *Al-Istibsar*.
37. **Al-Jazairi**, *Anwarun Nukmaniyah* (edisi Tibriz), Jilid 2.
38. *Rijal Bu Ali*.
39. *Rijal Mamqani*, Jilid 1, Jilid 2 dan Jilid 3.
40. Ayatullah Sadr, *Kitabul Mahdiy*.
41. Tehrani, *Ad-Dhari'ah Ila Tasanifus Syiah*, Jilid 5.
42. **Al-Hurrul 'Amili**, *Wasailus Syiah*, Jilid 11.
43. **Al-Hurrul 'Amili**, *Fusulul Muhimmah*.
44. *Mustadrak al-Wasa'il*, Jilid 2.
45. Al-Arbili, *Kasyful Ghummah*, Jilid 3.
46. **Al-Mufid**, *Al-Irsyad*.
47. Nabil Zarandi, *Talkhisi Tarikh*.
48. Ali Muttaqi, *Kanzul Ummal*.
49. Ayatollah Ruhollah **Khomeini** Mosavi, *Al-Hukumatul Islamiyah*.
50. **Ibnu Abil Hadid** Al-Muktazili, *Syarah Nahjul Balaghah*.
51. Husain Tabatabai, *As-Syiah*.
52. Ali bin Husain **Al-Masudi**, *Murujuz Zahab*.

Selain senarai kitab yang diberikan di atas, masih ada banyak lagi buku tentang Imam Mahdi yang telah ditulis oleh ulama-ulama Syiah, terutama di Iran, sejak dari dahulu lagi hinggalah ke hari

ini. Oleh itu, sekiranya didapati ada tajuk-tajuk buku, sama ada yang berbahasa Arab, Inggeris atau Melayu mengenai Imam Mahdi, pastikan terlebih dahulu bahawa buku itu bukan buku puak Syiah, dan bukan pula buku-buku karangan pendokong mazhab Wahabi atau Ibnu Khaldun.

Namun, untuk dijadikan sebagai bahan penambah ilmu dan renungan semata-mata, penulis sertakan juga dalam buku ini beberapa perkara yang ada berkenaan Imam Mahdi puak Syiah seperti yang terdapat dalam kitab-kitab dan buku-buku karangan para ulama dan sarjana mereka sendiri.

Perhatikan baik-baik berapa besarnya perbezaan antara Imam Mahdi Ahlus Sunnah dengan Imam Mahdi Syiah ini. Selepas itu, nilailah sendiri sejauh mana kebenarannya berbanding dengan Imam Mahdi kita yang Ahlus Sunnah ini.

Jawatan:**Imam Maksum** yang Ke-12 dan terakhir.

Nama: Imam Muhammad bin Imam Al-Hasan Al-Askari.

Bonda: Narjis Khatun, bekas abdi berbangsa Rom.

Tarikh lahir: Jumaat, 15 Syaaban 255 Hijrah (kata satu riwayat).
Tahun 256 Hijrah (kata riwayat lain).

Tempat lahir: Kota Samarra, di utara Iraq (hari ini).

Gelaran: 1) Al-Mahdi, 2) Sahibul Zaman, 3) Al-Hujjah,

4) Al-Muntazar, 5) Al-Imamul 'Asr, 6) Al-Qaim,
7) Sohibul Amar, 8) Baqiyatullah. 9) Imamul
Khafi

10) Imamul Ghaib

Kuniyat: Abu Kasim.

Salasilahnya: Muhammad Al-Mahdi bin Al-Hasan Al-Askari bin Ali Al-Hadi bin Muhammad Taqi
bin

Ali Ar-Ridha bin Musa al-Kazim bin Jaafar As-Sadiq bin Muhammad al-Baqir bin
Ali bin

Sayidina Al-Husain bin Sayidina Ali bin Abi Talib.

Tarikh ghaib: Sekitar tahun 260 Hijrah.
264 Hijrah (menurut riwayat lain).

Sebab ghaib: 1. ***Dibunuh*** menggunakan penyodok yang dihayun pada dahinya oleh seorang
wanita tua

Yahudi.
2. Ghaib selepas diisytiharkan sebagai Imam Kedua Belas.
3. Ghaib sejurus sebelum diisytiharkan sebagai Imam Kedua Belas dan terakhir.

Makamnya: Akan dimakamkan di Karbala, Iraq (Karbala adalah tanah suci ketiga bagi puak
Syiah, selain dari

Makkah dan Madinah).

Menurut Syiah lagi, Imam Mahdi itu kini sedang ghaib. Ghaibnya itu menurut mereka bukanlah bererti dia berada di dalam gua di Samarra, tetapi berada di alam ghaib di atas muka bumi ini juga. Imam Syiah ini dikatakan bebas berada di mana-mana jua. Yang berada di gua itu hanyalah 'makamnya' sahaja. Ada dua jenis ghaib yang dimaksudkan untuk Imam Mahdi mereka ini iaitu:

1. ***Ghaib as-Sughra*** (Ghaib Kecil), yang bermula pada tahun 260 Hijrah (872M) dan berakhir pada tahun 329 Hijrah (939M), berlangsung selama kira-kira tujuh puluh tahun.

1. ***Ghaib al-Kubra*** (Ghaib Agung), yang bermula dari tahun 329 Hijrah (939M) dan akan berlanjutan sehingga ke suatu masa yang dikehendaki oleh Allah untuknya menzahirkan diri.

Sepanjang tempoh Ghaib as-Sughra itu, Imam Mahdi telah melantik para wasitah untuknya berhubung dengan dunia luar, yang lazim disebut sebagai ***Bab*** atau ***Naib***. Melalui mereka inilah Imam Ghaib akan menjawab semua persoalan dan memenuhi keperluan para pengikut Syiah kepadanya. Imam Ghaib ini hanya datang melalui para Naib atau Bab, atas sebab-sebab yang benar-benar mustahak sahaja.

Sepanjang sejarah puak Syiah, terdapat beberapa orang yang dikatakan telah dilantik sendiri oleh Imam Mahdi itu sebagai Naib atau Bab, iaitu sepanjang berlangsungnya proses **Ghaibat as-Sughra** (Ghaib Kecil) ini. Terdapat perbezaan jumlah dan nama Bab atau Naib mereka itu. Namun yang paling terkenal di antara mereka dan paling dipersetujui adalah empat orang sahaja. Mereka berempat yang dimaksudkan itu ialah:

1. *Osman bin Said al-Umri*, iaitu salah seorang sahabat bapa dan datuk Imam Mahdi yang sangat dipercayai. Beliau adalah Bab atau Naib yang pertama bagi Imam Mahdi.

1. *Muhammad bin Osman bin Said al-Umri*, iaitu anak kepada Osman bin Said, yang dilantik sebagai Bab kedua, menggantikan bapanya.

1. *Abul Qasim Husain bin Roh Nawbakhti*, menjadi Bab ketiga dan paling istimewa di antara empat Bab yang ada.

1. *Ali bin Muhammad Simmarri*, dilantik menjadi Bab keempat dan terakhir, menggantikan Bab ketiga. Selepas kematiannya, tidak ada Bab yang dilantik lagi hingga ke hari ini.

Selepas kematian Bab keempat dan terakhir itu, tiadalah lagi Naib Imam, pelantikan Naib Imam pun berakhir dan yang terpenting sekali, tahap kedua yang disebut ***Ghaibat al-Kubra*** pun bermula, dan akan berterusan hingga ke hari ini dan seterusnya ke hari kiamat, kerana yang sebenarnya, Imam Ghaib mereka ini memang tidak ada, tidak wujud dan tidak akan bangun-bangun ke dunia ini. Peribadinya tidak dapat dibuktikan telah benar-benar wujud. Hanya kata-kata dari Imam Kesebelas mereka sahaja yang dipegang cakapnya, dijadikan sandaran. Tapi tidak boleh benar-benar dapat dijadikan hujah sungguhpun beliau itu adalah ayah kepada Imam Kedua Belas mereka. Selain cakap Imam al-Hasan al-Askari sendiri, sumber lain adalah daripada mak cik kepada Muhammad bin Hasan sendiri (adik kepada ibu Muhammad bin Hasan), yang dikatakan paling banyak menceritakan mengenai anak saudaranya itu.

Kita pun yakin dan tahu bahawa Bab atau Naib itu sendiri sebenarnya adalah **jawatan auta** sahaja, bukan benar-benar dilantik oleh Imam Mahdi mereka. Dalam Islam, tidak ada suatu jawatan yang dinamakan Bab atau Naib seperti yang difahami dan diamalkan oleh puak Syiah itu. Kita yakin

bahawa merekalah yang sebenarnya melantik diri mereka sendiri sebagai Naib atau Bab, dan cakap Imam Mahdi yang dikatakan itu sebenarnya adalah cakap mereka sendiri, cuma disandarkan kepada Imam Mahdi, supaya orang ramai dengar dan taat. Sebabnya Imam Mahdi mereka itu sudah benar-benar mati, tidak lagi berada di alam ghaib, sudah benar-benar di alam barzakh, dan sepastinyalah tidak akan kembali ke dunia ini menjadi Imam Mahdi lagi. Mana mungkin orang yang berada di alam barzakh boleh mengutus surat kepada yang masih hidup, siap dengan cap-capnya sekali.

Imam Syiah yang kedua belas ini kononnya hanya ditonjolkan kepada pengikut Syiah oleh ayahnya semasa umurnya lima tahun, enam tahun, tujuh tahun atau sembilan tahun, iaitu pada tahun dia dighaibkan. Riwayat-riwayat yang banyak bertentangan ini menyebabkan kita lebih keliru. Yang ditonjolkan itu ***sepatutnya*** bukanlah budak yang berbadan kecil yang berumur enam tahun, tetapi seseorang yang sudah pun besar panjang. Menurut beberapa buah riwayat yang mutawatir dalam mazhab Syiah, yang pernah dilihat oleh mereka itu adalah seorang ***budak yang comel***. Ini menimbulkan pertentangan yang amat nyata antara dua cerita atau dua riwayat.

Ini berdasarkan riwayat kekeramatan Imam Syiah itu yang antara lain disebutkan, boleh bercakap kepada orang ketika masih di dalam rahim ibunya, membesar dengan pantas, sehingga ketika umurnya baru enam tahun sudah pun macam orang dewasa, dibesarkan oleh burung-burung, boleh memahami bahasa sekalian binatang, boleh mendengar doa orang yang jauh daripadanya, boleh muncul dan hilang pada bila-bila masa dan sebagainya. Sayang, semua cerita ini tidak dapat dipertahankan kebenarannya kerana tiada saksi yang benar-benar diyakini, melainkan cerita daripada pihak kedua atau ketiga ataupun keempat sahaja, bukan sumber aslinya. Demikianlah cerita puak Syiah dengan Imam Mahdi yang mereka percayai dan yakini itu.

Berdasarkan riwayat-riwayat yang amat jauh bertentangan itulah dibuat andaian bahawa, sama ada salah satunya betul atau kedua-duanya tidak betul. Adalah mustahil sama sekali dapat dikatakan bahawa kedua-dua cerita itu betul. Dan pada pendapat kita yang Ahlus Sunnah ini, kedua-dua riwayat itu adalah tidak betul atau diada-adakan. Kedua-duanya tidak dapat dipercayai dan dipegangi sebagai hujah yang kukuh. Kedua-dua cerita mereka tadi hanyalah cerita berdasarkan penglihatan kali pertama, bukan orang yang mereka betul-betul kenali batang tubuhnya. Periwayat-periwayatnya sendiri mengaku bahawa mereka ***tidak pernah*** melihat *budak kecil* itu sebelum ini dan tidak pula pernah melihatnya lagi selepas itu.

Pada hari ini, di pinggir kota Samarra itu, para pengikut Syiah Imamiah setiap hari memanggil-manggil Imam Mahdi mereka supaya segera bangun. Setiap hari, selepas sembahyang maghrib, mereka akan duduk di pintu gua berkenaan beramai-ramai lalu memanggil-manggil nama Imam Mahdi mereka itu supaya lekas bangun. Ini dilakukan berterusan sehinggalah ke pagi hari. Selepas itu mereka akan pulang semula ke rumah masing-masing. Maghrib besoknya, mereka datang lagi dan memanggil-manggil nama Imam mereka itu. Begitulah setiap hari mereka lakukan, dan begitulah dari semasa ke semasa amalan yang mereka lakukan. Sudah beratus-ratus tahun mereka amalkan perbuatan ini, turun-temurun dari satu generasi ke generasi seterusnya.

Percaya Kepada Raj'ah

Raj'ah adalah kepercayaan paling mengarut dalam ajaran Syiah. Nampaknya puak Syiah pada hari ini cuba menutup soal ini serapat-rapatnya, sehingga ramai orang bukan Syiah pada hari ini sudah tidak berapa perasan lagi mengenainya. Di dalam buku-buku baru yang dikarang oleh ulama Syiah moden, masalah ini nampaknya tidak disentuh lagi, atau cuba ditutup. Mungkin kerana mahu meraih simpati dan sokongan daripada pengikut Ahlus Sunnah kepada mereka. Para simpati Syiah hari ini yang semakin ramai di Malaysia juga tidak berapa perasan akan hal ini, atau sengaja buat-buat tidak

perasan.

Seorang ulama Syiah yang terkenal, **Al-Mufid**, telah menulis di dalam kitabnya, ***Al-Irsyad***, yang katanya, berikut ini adalah merupakan sebuah hadis atau ucapan Imam mereka, yang terjemahannya kira-kira begini:

> *Apabila bangkit Al-Qaim, akan dibangkitkan sama pembunuh Sayidina Al-Husain. Mereka akan dihidupkan semula lalu dibunuh dengan dihukum pancung di khalayak ramai, malah bapa-bapa pembunuh itu pun akan turut dibangkitkan dan dihukum.*

Berdasarkan riwayat itu, kita mengetahui bahawa mempercayai Raj'ah adalah cabang besar daripada kepercayaan terhadap Imam Mahdi mereka. Maknanya, Imam Mahdi mampu menghidupkan semula (atau Allah berikan kepadanya keistimewaan untuk menghidupkan) orang yang telah mati untuk diberi pembalasan di atas dunia ini, lalu dimatikan lagi untuk menerima pembalasan di akhirat kelak. Hanya di hadapan penyokong Ahlus Sunnah perkara ini seakan-akan cuba ditenggelamkan atau dikecilkan. Tujuannya tidak lain dan tidak bukan adalah untuk mendapatkan sokongan dan simpati daripada mereka. Selanjutnya, menurut **al-Irsyad** lagi, Imam Jaafar Al-Baqir pernah berkata mengenai hal raj'ah ini, yang dalam bahasa Melayunya kira-kira begini:

> *"Apabila bangun Al-Qaim yang dari ahli keluarga Nabi Muhammad SAW, maka akan dibangkitkan semula 500 orang (pemimpin) dari kaum Quraisy lalu dipancung leher mereka. Kemudian dihidupkan semula 500 orang (pemimpin) lagi lalu dipancung leher mereka, kemudian 500 lagi hinggalah dibuat seperti itu sebanyak enam kali."*
>
> (Al-Mufid, *al-Irsyad*, hal. 364)

Kita yang Ahlus Sunnah yakin bahawa Imam Jaafar al-Baqir tidak pernah berkata demikian, kerana beliau bukanlah seorang yang pendendam seperti yang diceritakan oleh penganut Syiah yang amat fanatik ini. Para Imam Syiah itu juga tidaklah pernah membuat apa-apa kenyataan yang bersifat balas dendam seperti itu. Mereka adalah orang-orang yang sangat mulia pada pandangan seluruh umat Islam, amat bertakwa kepada Allah SWT dalam segala perbuatan mereka, akhlak mereka amat terpuji dan tinggi, iman mereka amat tebal dan mereka amat terpilih di antara sekalian umat ini. Keturunan mereka juga amatlah mulia di kalangan sekalian manusia ini.

Mustahillah orang-orang yang seperti itu sifat dan keadaannya, masih lagi mempunyai sifat pendendam yang amat tebal terhadap umat Islam yang lain, terutama yang Ahlus Sunnah. Juga mereka tidak mendendami keturunan Sayidina Muawiyah atas segala kelakuan mereka itu kepada para Ahlulbait. Dan kita juga yakin, Imam mereka itu sebenarnya adalah para pengikut Ahlus Sunnah yang sangat taat dan amat saleh, bukannya berfaham Syiah. Taraf mereka adalah para wali yang istimewa, bukannya orang biasa seperti kita ini, atau seperti pengikut Syiah sendiri.

Lebih mengarut lagi ialah para Imam mereka yang sebelas orang itu akan turut dibangkitkan untuk diberi kesempatan memerintah pada akhir zaman, bergilir-gilir seorang lepas seorang mengikut urutan sehingga sampai kepada Imam Mahdi mereka. Ini berlaku kerana kononnya semasa hayat mereka dahulu, mereka tidak diberikan kesempatan untuk memerintah dunia ini dalam erti kata yang sebenarnya. Begitu jauh mengarutnya kepercayaan Syiah terhadap raj'ahnya para Imam mereka.

Imam-imam Syiah Ditunjuk Secara Batang tubuh

Sebuah kitab hadis yang paling sahih bagi orang-orang Syiah, yang setaraf dengan Kitab Sahih Al-Bukhari bagi Ahlus Sunnah, yang namanya ***Yanabi'ul Mawaddah***, susunan Syeikh

Sulaiman al-Balkhi, ada meriwayatkan sebuah ***hadis sahih*** mengenai **Imam Maksum** mereka yang dua belas orang itu, yang kononnya nama kesemuanya telah ditunjukkan secara batang tubuh oleh Rasulullah SAW. Hadis itu yang diterjemahkan berbunyi kira-kira begini:

> *Abu Sulaiman yang berkata, "Aku mendengar Rasulullah SAW dan Ahlulbaitnya berkata, "Pada malam aku Mikraj, Allah berfirman kepadaku: "Lihatlah di sebelah kanan Arasy." Lalu aku berpaling ke arahnya, maka aku dapati Ali, Fatimah, Hasan, Husain, Ali bin Husain, Muhammad bin Ali, Jaafar bin Muhammad, Musa bin Jaafar, Ali bin Musa, Muhammad bin Ali, Ali bin Muhammad, Hasan bin Ali dan Muhammad Al-Mahdi bin Hasan, seperti cakerawala yang berpusing-pusing di kalangan mereka. Dan Dia berfirman: "Wahai Muhammad, mereka itulah hujah-hujah-Ku ke atas hamba-hamba-Ku, merekalah Wasi-wasi-Ku."*
>
> (Yanabi'ul Mawaddah, hal. 487)

Hadis seperti ini tidak pernah ditemui di dalam kitab-kitab Ahlus Sunnah, walaupun hadis yang tarafnya amat dhaif sekalipun. Hadis ini sebenarnya bernafaskan ayat al-Quran dan hadis-hadis mengenai peristiwa Mikraj Rasulullah SAW ke langit. Ketika sampai ke sebelah kanan Arasy, Rasulullah SAW telah diperintahkan oleh Allah untuk melihat ke sebelahnya, iaitu kepada malaikat Jibril AS. Pada masa inilah Rasulullah SAW melihat rupa bentuk sebenar malaikat Jibril, dengan rupanya yang asal dan saiz yang asal juga, maka mereka semakin rapat dan rapat hingga jarak antara Rasulullah SAW dengan malaikat Jibril itu hanyalah lebih kurang sedepa sahaja, atau di dalam hadisnya disebutkan sejauh busur panah sahaja.

Itu riwayat di dalam hadis yang terdapat di kalangan Ahlus Sunnah. Tetapi orang-orang Syiah telah menukar makna ayat al-Quran dan matan hadis tersebut dengan lafaz yang amat jauh daripada Ahlus Sunnah. Hasilnya lahirlah beberapa buah hadis yang mengambil sempena daripada peristiwa Mikraj Rasulullah SAW itu. Antara hadis itu adalah seperti yang diberikan di atas. Di dalam hadis di atas, tempat malaikat Jibril AS telah ditukar kepada Imam-imam mereka, kerana mereka berkeyakinan bahawa Imam-imam mereka adalah lebih sempurna dan afdhal daripada malaikat Jibril. Kerana itu, tidaklah mengapa jika tempat malaikat Jibril **digantikan** dengan para Imam mereka yang maksum itu.

Imam Mahdi Syiah Adalah Imam Ghaib

Kitab Yanabi'ul Mawaddah juga mengakui bahawa Imam Mahdi mereka adalah imam yang ghaib kerana terdapat sebuah hadis yang menyebutkan demikian. Hadis tersebut terjemahannya berbunyi kira-kira begini:

> *Diriwayatkan dari Jabir bin Abdullah, beliau bertanya, "Wahai Rasulullah, adakah Al-Qaim dari anak cucumu akan ghaib?" Rasulullah SAW menjawab, "Ya." Lalu baginda SAW bersabda, "Wahai Jabir, ini adalah salah satu urusan dari urusan Allah, dan salah satu rahsia dari rahsia-rahsia Allah. Engkau jauhilah daripada syak kerana syak pada urusan Allah adalah kufur."*
>
> (Yanabi'ul Mawaddah, hal. 489)

Ahlus Sunnah juga mempercayai bahawa Imam Mahdi adalah iman yang ghaib, tetapi tidak semua yang mempercayainya. Konsep imam yang ghaib ini hanya dipercayai oleh kalangan ahli tasawuf dan para pengikut mereka sahaja, tidak dibawa kepada orang awam. Ahli-ahli tasawuf ini mendasarkan kepercayaan mereka itu kepada hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad bin Hanbal

RH. Hadisnya itu ada penulis sertakan pada bahagian berikut nanti, dan sesiapa yang mahu membandingkan hadis Imam Ahmad bin Hanbal itu dengan hadis puak Syiah di atas, bolehlah dilihat ke bahagian berkenaan.

Konsep imam ghaib Ahlus Sunnah ini nyata jauh berbeza daripada konsep imam ghaib bagi puak Syiah, yang secara jelas menyatakan bahawa sesiapa yang tidak mempercayai keghaiban imam mereka, dihukumkan kufur. Ini jelas diambil dari maksud zahir hadis yang diriwayatkan oleh mereka. Maknanya, mempercayai Imam Mahdi sebagai ghaib adalah merupakan salah satu cabang rukun iman yang wajib diketahui, diyakini dan disampaikan bagi sekalian pengikut mazhab Syiah.

Dan berdasarkan pengamatan penulis sendiri, setelah melihat kepada susur sanad dan rawi hadis yang dibawa oleh Imam Ahmad bin Hanbal RH itu, kemudian membandingkannya dengan susur sanad dan rawi hadis Syiah itu dengan teliti, tidaklah salah rasanya jika dikatakan bahawa puak Syiahlah yang sebenarnya ***meniru*** konsep imam ghaib daripada Ahlus Sunnah. Ini berdasarkan senarai rawi puak Syiah yang lebih panjang dan bercelaru, selain langsung tidak dikenali oleh kita sedangkan rawi dalam hadis Imam Ahmad itu adalah jauh lebih mantap dan lebih berwibawa dengan ***jarah wat takdil*** yang terang jelas.

Kesimpulannya, Syiah meletakkan Imam Mahdi mereka sebagai seorang yang sangat istimewa, lebih istimewa daripada Rasulullah SAW sendiri. Imam Mahdi mereka adalah imam yang maksum, setaraf dengan rasul-rasul kerana menurut Ahlus Sunnah, hanya rasul-rasul sahaja yang maksum. Bagi yang selain rasul dan nabi, atau golongan wali-wali disebut **mahfuz**. Imam Mahdi mereka akan menyempurnakan syariat Islam yang dibawa oleh baginda SAW, kerana syariat Islam masih belum sempurna dibawa oleh baginda SAW. Penyempurnanya adalah Imam Mahdi.

Imam Mahdi Syiah setaraf dengan Tuhan kerana mengetahui setiap sesuatu. Sifatnya yang sempurna dalam pemerintahan menjadikannya setaraf dengan Tuhan kerana setiap sesuatu tunduk dan patuh kepada Imam Mahdi termasuk setiap atom/zarah dan alam malakut. Imam Mahdi juga mampu membangkitkan orang yang telah mati, sebelum lagi dibangkitkan manusia di Padang Mahsyar. Imam Mahdi Syiah juga tidak akan mati melainkan dengan izinnya sendiri. Imam Mahdi juga mempunyai sifat tidak pernah lupa. Dan banyak lagi perkara yang menakjubkan mengenai diri Imam Mahdi dan Imam-imam mereka. Kebanyakannya melebihkan Imam-imam itu daripada rasul-rasul sendiri dan setara dengan sifat Allah. Lihatlah kitab-kitab Syiah sendiri jika mahukan lebih maklumat mengenainya.

Ringkasan Perbezaan Imam Mahdi Sunni - Syiah

Berdasarkan sumber-sumber sahih daripada kedua-dua belah pihak, Sunnah dan Syiah, memang diakui terlalu besar perbezaan antara Syiah dengan Ahlus Sunnah. Berikut adalah antara perbezaan yang amat ketara itu. Syiah yang dijadikan perbandingan ini adalah firkah Syiah Imamiah Isna Asyariyah.

		Syiah Imamiah	**Ahlus Sunnah wal Jamaah**
Jawatan	:	Imam Kedua Belas & terakhir bagi Syiah	Wali Qutub & tidak ditentukan sebagai

		Imamiah.	yang kedua belas.
Nama	:	Muhammad bin Al-Hasan Al-Askari.	Muhammad bin Abdullah.
Keturunan	:	Ahlulbait, generasi kedua belas.	Ahlulbait, generasi ke-33.
Nama Bapa	:	Al-Hasan Al-Askari bin Ali Al-Hadi.	Abdullah bin (tidak ditetapkan).
Nama Ibu	:	Narjis Khatun.	Aminah binti (tidak ditetapkan).
Keturunan Ibu	:	Rom / Eropah.	Ajam.
Tempat Lahir	:	Kota Samarra, Iraq.	Wilayah Ajam / Timur.
Kuniyat	:	Abu Qasim.	Abu Abdillah.
Bangsa	:	Arab Quraisy, Alawiyin.	Arab Quraisy + Ajam.
Makam	:	Kota Karbala, Iraq.	Baitulmaqdis, Palestin.
Perkahwinan	:	Belum berkahwin.	Sudah berkahwin.
Pemerintahan	:	Kira-kira seribu tahun.	Kira-kira empat puluh tahun.
Pembantu	:	4 orang Naib / Bab.	Ikhwan / Abdal / Nujabak / Asoib.
Ghaib	:	Ghaib as-Sughra (ghaib kecil) & Ghaib al-Kubra (ghaib besar).	Masuk ke alam wali & kini adalah Ketua Rijalul Ghaib.
Umur	:	6 atau 9 tahun.	40 tahun +
Taraf	:	Maksum, Imam Suci.	Wali Qutub / Sayidul Mujaddidin
Pelantikan	:	Ditunjuk secara khusus.	Ditunjuk secara umum.
Aurad / Tarekat	:	Tiada.	Ada / Wirid Tarekat.
Konsep	:	Ada Raj'ah.	Tiada Raj'ah.
Kepercayaan	:	Rukum iman.	Furuk-furuk kepada rukun iman.
Bilangan hadis	:	Lebih kurang seribu buah.	Tidak sampai seratus.

Mazhab Syiah Ada Beberapa Orang Imam Mahdi

Sudah terkenal pula di kalangan Syiah, selain Imamul Ghaib Muhammad bin al-Hasan al-Askari yang disebut sebagai Imam Mahdi, ada beberapa orang lagi yang diyakini oleh pengikut Syiah daripada firkah lain sebagai bakal Imam Mahdi dan akan muncul semula ke dunia ini. Persamaan kepercayaan di antara pelbagai firkah ini ialah bahawa semua Imam Mahdi mereka itu adalah Imam yang ghaib. Perbezaannya pula adalah dari segi nama wataknya, cara mereka ghaib dan tempat mereka ghaib.

Dalam huraian di sini, penulis ingin menyentuh mengenai keyakinan puak **Kaisaniah**, iaitu salah satu puak Syiah yang paling awal munculnya di dalam dunia Islam. Pengasas firkah ini adalah Kaisan, iaitu seorang khadam kepada ***Muhammad bin Ali bin Abi Talib***. Muhammad bin Ali adalah salah seorang anak Sayidina Ali KMW dengan isterinya yang bernama **Haulah** dari Bani Hanifah, yang dikahwininya setelah Sayidatina Fatimah az-Zahra meninggal dunia. Kerana itu beliau dipanggil Muhammad bin Ali al-Hanafiah, mengambil sempena nama kabilah ibunya itu.

Kaisan itu asalnya khadam kepada Sayidina Ali KMW. Setelah Sayidina Ali KMW meninggal dunia, beliau menjadi khadam pula kepada anak Sayidina Ali KMW, Muhammad bin Ali, yang lebih dikenali dengan gelaran **Muhammad al-Hanafiah**. Beliau seorang yang taat setia kepada Sayidina al-Husain dan al-Hasan RA. Apabila kedua-duanya meninggal dunia, Kaisan dan pengikut-pengikut setianya memperjuangkan pula hak keturunan Sayidina Ali KMW sebagai khalifah umat Islam. Dan orang yang diperjuangkan haknya ketika itu adalah Muhammad bin Ali.

Pada mulanya, mereka hanya menuntut hak terhadap jawatan khalifah itu sahaja. Namun, oleh pertambahan pengikut, yang kebanyakannya tidak begitu arif perjuangan sebenar telah beransur-ansur menukar corak. Jika mulanya hanyalah menuntut jawatan khalifah itu sahaja, akhirnya merebak lalu bertukar corak menjadi sebahagian daripada kepercayaan asas dalam mazhab mereka. Seterusnya dikembangkan lagi menjadi kepercayaan bahawa beliaulah yang bakal menjadi Imam Mahdi yang disebut-sebut itu.

Muhammad bin Ali sendiri menyedari akan hal ini, tetapi sudah agak terlambat untuk berbuat apa-apa kerana jumlah para pengikut yang ada sudah cukup ramai dan kesukaran untuk bertemu secara terbuka dengan mereka. Pergerakan beliau juga amatlah terhad akibat kekangan daripada pemerintah pada masa itu. Memang pemerintah ketika itu amat khuatirkan pengaruh keturunan Sayidina Ali KMW di kalangan rakyat. Maka mereka berusaha sedaya mungkin menutup pengaruh tersebut daripada tersebar di kalangan rakyat.

Apabila pengaruh tersebut gagal ditutup dan dikawal, mereka cuba menangkap dan membunuhnya pula. Maka ada andaian daripada banyak pihak bahawa Muhammad bin Ali ini melarikan diri daripada diburu oleh pihak pemerintah. Beliau dikatakan bersembunyi di daerah **Radhwa**, di kawasan pergunungannya, tidak jauh dari kota Madinah, di Jazirah Arab. Semasa di sana, beliau gagal dikesan lagi oleh pihak pemerintah. Di sanalah beliau dikatakan bersembunyi. Segolongan daripada pengikut Kaisan percaya bahawa Muhammad bin Ali ini tidak mati lagi, masih hidup dan akan keluar sebagai Imam Mahdi yang ditunggu-tunggu. Tetapi segolongan yang lain daripada mereka percaya bahawa Muhammad bin Ali sudah mati, cuma makamnya sahaja yang gagal dikesan.

Bagi yang percaya kemunculannya nanti, mereka mendakwa bahawa Muhammad bin Ali Hanafiah itu masih hidup lagi, tetapi telah ghaib, kini tinggal di pergunungan Radhwa itu, sambil diapit oleh dua ekor singa yang besar. Apabila tiba masanya kelak, beliau akan muncul sebagai Imam Mahdi lalu memulihkan keadilan di dunia dan mengembalikan kekuasaan ke tangan keluarga Rasulullah SAW.

Begitu terkenal sekali peribadi yang bernama Muhammad Ali Hanafiah ini di seluruh dunia Islam sehingga kesan daripada itu, lahirlah sebuah epik yang bernama Hikayat Muhammad Ali Hanafiah, yang menceritakan kisah hidup beliau dari mula hingga akhir. Buku cerita itu terdapat dalam versi Arab dan versi Parsi. Setelah itu diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa utama dunia. Sayangnya, banyak cerita di dalamnya adalah tambahan-tambahan yang tidak dapat dipastikan kesahihannya kerana tidak disandarkan kepada bukti-bukti sejarah. Penceritaan yang keterlaluan menyebabkan kita sangsi akan kebenarannya.

Kisah ini juga amat terkenal di kalangan orang-orang Melayu, melalui kisah epik tadi. Begitu terkenalnya beliau sehingga ramailah orang Melayu yang menamakan anak mereka dengan nama Muhammad Hanafiah atau Ali Hanafiah atau Muhammad Ali Hanafiah, sebagai mengambil berkat. Sehingga hari ini pun masih ramai orang Melayu yang menamakan anaknya dengan nama itu. Dan yang pasti, tidak ada unsur-unsur Syiah semasa menamakan anak mereka itu, hanya semata-mata mahu mengambil berkat. Tidak lebih daripada itu.

Begitu terkenalnya juga kisah beliau, termasuk di kalangan bangsa Melayu ini, sehingga sewaktu menentang tentera Feringgi dahulu, tentera-tentera Kesultanan Melayu Melaka menjadikan pembacaan Hikayat Muhammad Ali Hanafiah sebagai cara menaikkan semangat juang. Namun, walaupun telah membaca kisah kepahlawanan Muhammad Ali Hanafiah pada malam harinya, dan semangat juangnya telah begitu tinggi, tentera Kesultanan Melayu Melaka itu tetap kalah juga apabila berhadapan dengan peralatan perang Feringgi yang jauh lebih moden dan lengkap.

Keris, lembing dan tombak tetap tidak mampu melawan kekuatan senapang dan meriam kepunyaan Feringgi itu, sekalipun semangat melawan mereka cukup tinggi. Bilangan askar Melaka yang jauh lebih ramai juga tidak dapat membantu mereka mengalahkan Feringgi yang kecil sahaja bilangannya kerana mereka sedang berpecah belah. Kekalahan tentera Melaka itu sebenarnya adalah kerana mereka tiada kekuatan rohani yang membolehkan bantuan daripada Allah didatangkan terus kepada mereka, dan ketiadaan ***Orang Allah*** di dalam negeri dan angkatan itu. Faktor terpenting

inilah yang terselindung dan tidak tercium oleh sejarawan Malaysia hingga kini. Namun, satu perkara yang pasti ialah kisah kepahlawanan Muhammad Ali Hanafiah dan buku hikayatnya yang tebal itu tetap hidup dan terkenal hingga ke hari ini, menjadi satu-satunya yang masih tidak terkalahkan oleh mana-mana penjajah pun.

Kesimpulan oleh Penulis

Setelah meneliti dan mengkaji dengan mendalam persoalan Imam Mahdi bagi puak Syiah ini, sama ada Syiah Imamiah, Syiah Ismailiah, Syiah Zaidiyah dan sebagainya itu, dan setelah mengkaji dan meneliti sekian banyak hadis yang mereka kemukakan (berjumlah kira-kira seribu buah), maka penulis ingin mengemukakan pendapat sendiri tentang persoalan ini, untuk renungan bersama. Jika dirasakan benar, terimalah dan jika tersalah, terpulanglah.

Berdasarkan apa yang tersurat dan tersirat daripada periwayatan mengenai Imam Mahdi bagi puak Syiah itu, beberapa perkara dapat dikesan, yang antaranya adalah seperti berikut.

1. Imam Mahdi Syiah itu sebenarnya **tidak ada**, dan ekoran itu **tidak akan muncul** pada bila-bila masa pun. Ini dapat dikesan melalui dua buah cerita yang diketahui yang memungkinkan bahawa Imam Mahdi mereka itu sebenarnya memang tiada.
   a. Imam mereka itu **sudah mati** dan kini sedang berada di alam barzakh. Imam mereka itu dikatakan ***hilang*** semasa berusia enam, tujuh, lapan atau sembilan tahun. Yang sebenarnya Imam Mahdi mereka itu sudah pun mati, iaitu mati dalam erti kata yang sebenar-benarnya, kembali ke alam barzakh, tempat sementara untuk menuju ke alam mahsyar. Untuk menutup rasa kekecewaan mereka yang amat sangat itu, dikatakan bahawa Imam mereka itu hanya bersembunyi di dalam gua, tidak akan muncul melainkan pada hari dia dimunculkan kelak. Yang sebenarnya Imam mereka itu telah benar-benar mati dan ditanamkan di dalam gua itu. Ada pendapat yang mengatakan bahawa Imam mereka itu mendapat sakit dan mati kerana sakitnya itu. Ada pula yang mengatakan bahawa Imam mereka itu dibunuh oleh seorang wanita Yahudi dengan menggunakan penyodok tanah yang dihayunkan ke kepalanya. Dan beberapa riwayat lain lagi yang berbeza-beza.
   b. Imam mereka itu sebenarnya hanyalah sebuah legenda, wataknya **diadakan sementara** dan **ditiadakan semula** untuk kepentingan mereka sendiri. Ini dikeranakan lingkungan yang mengetahui keperibadian Imam mereka itu amatlah terbatas, dan disampaikan secara yang amat rahsia pula. Dalam hal ini, dirasakan bahawa Imam mereka itu hanyalah watak rekaan adalah lebih hampir kepada kebenaran. Kelahirannya amatlah rahsia, sehinggakan adik-beradik dan kaum keluarga Imam Hasan al-Askari sendiri pun tidak menyedarinya. Mereka tidak tahu bilakah ibunya mengandungkannya, tidak tahu juga bagaimana dia dibesar dan dipelihara. Tahu-tahu sudah ada seorang anak lelaki yang sudah pun besar panjang. Anak siapa yang diperalatkannya itu? Selepas itu, budak lelaki itu tidak pernah ditemui lagi oleh sesiapa pun dari kalangan mereka, termasuk kaum kerabatnya sendiri.

   Rumusannya, puak Syiah sebenarnya menanti kemunculan Imam Mahdi yang sudahpun benar-benar mati. Mereka juga menanti Imam Mahdi yang tidak akan muncul sampai bila-bila pun, walaupun mereka setia menantinya sehingga ke saat angin sangkakala pertama ditiupkan oleh malaikat Israfil AS.

2. Imam Mahdi Syiah itu sebenarnya lebih dari seorang dan tidak diketahui siapa sebenarnya yang akan keluar pada akhir zaman nanti. Masing-masing pihak mendakwa Imam Mahdi

merekalah yang akan muncul kelak, dan setiap dakwaan itu disertakan pula oleh beberapa buah ***hadis Nabi SAW*** dan ucapan daripada Sayidina Ali KMW dan Imam-imam yang lain. Apabila ini berlaku, terjadilah pertindihan maklumat dan tidak lagi kita ketahui yang mana satu Imam Mahdi yang akan muncul kelak. Jika ini berlaku juga (katakanlah begitu), maka pastilah pendapat salah seorang Imam mereka itu akan menjadi batil dan batal, sedangkan Imam-imam mereka itu didakwa sebagai orang-orang yang maksum. Menurut pandangan kita, maka semuanya itu tidak akan terjadi, insya-Allah kerana semua dakwaan itu tidak sesuai dengan kehendak dan syarat-syarat yang digunakan oleh Ahlus Sunnah wal Jamaah.

3. Imam Mahdi Syiah itu memiliki sifat-sifat yang tidak mampu dimiliki oleh mana-mana manusia pun, kerana sifat-sifat tersebut hanya boleh dan patut dimiliki oleh Allah semata-mata. Misalnya Imam Mahdi itu ditaati dan ditunduki oleh setiap zarah yang ada di alam ini, dia mengetahui setiap perkara dan nama, dia tidak akan lupa pada sesuatu, tidak akan tersilap dan banyak lagi. Lihatlah kitab-kitab muktabar dalam mazhab Syiah untuk mengetahui dengan lebih lanjut lagi akan hal ini. Sifat ini sebenarnya tiada pada sesiapa pun.

Ibnu Khaldun dan Persoalan Imam Mahdi

Untuk lebih jauh lagi mengenai topik kesahihan hadis-hadis berkenaan Imam Mahdi, marilah kita lihat pula pendapat Ibnu Khaldun, seorang cendekiawan Islam yang namanya lebih terkenal di dunia Barat sana, di dalam kitab terkenalnya, bernama **Al-Muqaddimah** (edisi Kaherah), yang juga lebih terkenal di dunia Barat, mulai daripada muka surat 311, yang secara penuhnya (terjemahan bebas) berbunyi begini:

> *Adalah sudah termasyhur (dan diterima ramai) oleh kebanyakan umat Islam sepanjang zaman, bahawa pada akhir zaman kelak, seorang lelaki dari kalangan Ahlulbait (Nabi Muhammad SAW) bakal menzahirkan dirinya, memperteguhkan semula Islam dan menegakkan keadilan. Dan bahawa setiap umat Islam akan mengikutinya, dan dia akan memperkukuhkan penguasaan Islam ke atas wilayah-wilayah Islam, dialah yang digelar sebagai al-Mahdi. Munculnya Dajjal dan keluarnya alamat-alamat hari kiamat seperti yang disebutkan dalam hadis-hadis sahih terjadi selepasnya. Isa akan turun setelah dia keluar lalu membunuh Dajjal, atau turun bersama-sama dengannya dan membantunya membunuh (Dajjal) itu. Apabila mendirikan sembahyang, Isa akan menjadi makmum (manakala) al-Mahdi sebagai imam. Untuk memperkukuhkan kepercayaan ini, diriwayatkan beberapa buah hadis yang oleh sebilangan ahli hadis diterima pakai dan menurut sebahagian yang lain dipersoalkan, dan selalu pula berlawanan dengan keterangan lain. Ahli-ahli sufi yang mutakhir telah menggunakan satu jalan dan kaedah untuk membuktikan darihal keturunan Fatimah ini dan mencari kekuatan akan hal ini melalui suatu proses kebatinan yang disebut* ***kasyaf****, yang menjadi dasar kepada kaedah mereka. Kebanyakan hadis yang ditemui yang menyatakan mengenai pemimpin agama itu memang sudah tersebar luas. Mereka telah membincangkannya secara terperinci sekali, (cuma disayangkan mereka) mengambilnya melalui rawi-rawi yang tidak dapat dipertanggungjawabkan dan ditolak periwayatannya dalam kebanyakan hadis.*

Begitulah sebahagian pendapat yang dikemukakan yang menjadi pegangan teguh Ibnu Khaldun. Beliau kemudian menyebutkan bahawa para rawi hadis ini adalah lemah dan mengkritik sifat siqah dan dhabit mereka itu, seperti yang dipegang oleh para ulama dan ahli hadis, berdasarkan penerimaan kajian kaedah sains sosial (yang beliau asaskan dan berpegang teguh pada ilmunya itu). Beliau turut memasukkan hadis-hadis yang dikajinya dan dikatakan sebagai dhaif atau maudhuk itu. Disertakannya sekali nama rawi-rawi hadis berkenaan dan mengkritik mereka sebagai rawi-rawi yang

lemah belaka.

Kenapa Ibnu Khaldun? Sebab beliau adalah orang yang paling terkenal di kalangan orang yang tidak mempercayai kemunculan Imam Mahdi dan dianggap orang yang mula-mula mengemukakan teori dan alasan bahawa para rawi yang meriwayatkan hadis berkenaan al-Mahdi tidak siqah, kurang dhabit dan sebagainya. Beliaulah orang pertama yang secara terang-terangan menentang kemunculan Imam Mahdi dan sekali gus menentang hadis-hadis mengenai Imam Mahdi. Juga disebabkan, orang-orang selepasnya apabila menolak hadis-hadis mengenai Imam Mahdi, akan memberikan alasan yang sama seperti yang telah dibentangkan oleh Ibnu Khaldun. Sebahagian mereka tahu bahawa alasan yang mereka gunakan datang daripada Ibnu Khaldun, tetapi sebahagian besarnya tidak sedar bahawa mereka telah ***termenggunakan*** alasan yang diberi oleh Ibnu Khaldun itu. Sebab utamanya adalah kerana mereka mengambil pendapat itu daripada sumber ketiga, atau keempat, bukan sumber aslinya.

Di dalam kitab terkenalnya ***Al-Muqaddimah*** itu, Ibnu Khaldun telah menggariskan enam faktor besar mengapa hadis-hadis mengenai Imam Mahdi patut ditolak oleh seluruh umat Islam di dunia ini. Beliau telah menghuraikannya dengan panjang lebar pendapatnya itu. Seperti dimaklumi, ramai sarjana Islam yang terpengaruh dengan hujah-hujah yang dikemukakannya itu dan mereka menerimanya dengan baik. Marilah kita menilai semula dengan teliti semua enam faktor yang dirasakan kurang tepat yang telah dikemukakan oleh Ibnu Khaldun itu:

Alasan 1: Periwayatan (tawatur) Hadis-hadis yang Kurang Diyakini

Sebilangan besar ulama Ahlus Sunnah meyakini dan mempercayai hadis-hadis berkenaan Imam Mahdi tidaklah salah terima. Mereka sebenarnya memindahkannya tanpa membandingkannya dengan sumber-sumber lain dan tanpa sebarang bantahan. Antara ulamanya ialah Imam Ibnu Hajar al-Haitami dalam kitabnya *as-Sawaiqul Muharriqah*; Shablanji dalam *Nurul Absar*; Ibnu Sabbagh dalam *al-Fusulul Muhimmah*; Muhammad as-Saban dalam *As'afur Raghibin*; Kanji as-Syafie dalam *al-Bayan*; dan seterusnya. Kebanyakan kesilapan semasa meriwayatkan hadis-hadis ini berpunca daripada kelemahan yang ditemui dalam sanad. Menurut Imam Ibnu Hajar al-Asqalani, sesebuah hadis yang diriwayatkan oleh setiap generasi tidak semestinya membawa kepada memperkukuhkan kesahihan sesebuah hadis, dan ini sebenarnya tidak sepatutnya dijadikan punca perselisihan.

Pendapat yang sama turut dipegang teguh oleh Sayyid Ahmad, Syeikhul Islam dan Mufti Syafie, yang menulis bahawa hadis-hadis mengenai Mahdi adalah sangat banyak dan *mutawatir*. Banyak daripadanya adalah *sahih*, yang lain dinilai sebagai *hasan*, dan sebahagian lagi adalah hadis-hadis *dhaif*. Namun, menurutnya lagi, walaupun kebanyakan hadisnya adalah lemah (dhaif), tetapi oleh kerana perawinya sangat ramai, sebahagian besar hadis itu dapat kuat-menguatkan yang lain, dan ini menjadikan penerimaannya dianggap sebagai sah dan menjadi mutawatir. Kerana itu beliau menyatakan hadis-hadis mengenai Imam Mahdi yang terdiri daripada berbagai-bagai tingkatan itu adalah sudah mencapai taraf mutawatir.

Antara yang meriwayatkan hadis mengenai Imam Mahdi adalah sekumpulan sahabat utama Nabi SAW. Ini termasuklah: Abdul Rahman bin Auf, Abu Said al-Khudri, Qais bin Jabir, Ibnu Abbas, Jabir, Ibnu Mas'ud, Ali bin Abi Talib, Abu Hurairah, Sauban, Salman al-Farisi, Huzaifah, Anas bin Malik, Ummu Salamah, dan lain-lain. Antara ulama hadis termasyhur yang meriwayatkan tentang Imam Mahdi dalam kitab-kitab hadis mereka ialah: Imam Abu Daud, Imam Ahmad bin Hanbal, Imam at-Tirmizi, Imam Ibnu Majah, Imam an-Nasa'i, Imam at-Tabrani, Imam Daruqutni, Abu Nuaim al-Isfahani dan sebilangan pengumpul hadis yang ternama. Senarai lengkap nama perawi

hadis dan kitab-kitab karangan mereka sudah pun disebutkan dalam bab yang terdahulu.

Alasan 2: Kelemahan Sanad yang Nyata:

Adalah mustahak dinyatakan bahawa kebanyakan ulama yang dikatakan sebagai lemah dalam sanadnya seperti yang didakwanya itu adalah orang yang dianggap berwibawa oleh ulama lain. Tambahan pula, kelemahan dalam periwayatan sesebuah hadis tidaklah boleh menjadi sebab mutlak untuk kita menolak keseluruhan hadis berkenaan kerana mereka masih tetap dipercayai. Ini kerana ciri-ciri istimewa sebegitu adalah suatu hal yang umum.

Tidak dinafikan sanad amat penting dalam meneliti hadis-hadis yang disampaikan kepada kita, sehinggakan **Abdullah bin Al-Mubarak** menyebutkan dalam kitabnya, ***Sahih Muslim Bisyarhin Nawawi***, Jilid 1, muka surat 75 bahawa:

"Sanad itu adalah sebahagian daripada agama. Kalaulah tiada kerana sanad, sesiapa pun boleh bercakap apa sahaja yang dia mahu."

Kerana itulah, merujuk kepada kitab Aj-Jarhu wat Takdil amatlah perlu untuk mengenali latar belakang perawi yang membawa sesebuah hadis. Namun begitu, peraturan yang sedemikian ketat hanya patut dilakukan terhadap masalah yang menyangkut pokok akidah, bukan furuk akidah seperti masalah Imam Mahdi ini, atau masalah yang benar-benar menyangkut soal halal haram, atau berkaitan maslahat umum yang mendesak. Dalam masalah Imam Mahdi ini, patut ada kelonggaran sedikit, mengenangkan masalah ini adalah masalah furuk sahaja, bukan perkara pokok dalam akidah.

Apabila sesuatu ciri rawi hadis itu didapati lemah oleh sebahagian ahli hadis, yang lain mendapati sebaliknya pula. Jadinya, pendapat awal yang menyatakannya lemah hanyalah boleh diterima jika alasan melemahkan riwayatnya dapat diperjelaskan dengan bukti yang benar-benar kukuh. Tambahan pula, masalah Imam Mahdi ini adalah masalah khilafiah sahaja, bukan masalah akidah. Maka soal rawi yang lemah, tidak perlulah begitu diambil serius.

Di dalam kitabnya *Lisanul Mizan,* Imam Ibnu Hajar al-Asqalani menyatakan:
'Lemahnya hadis-hadis mengenai Imam Mahdi itu, walaupun diandaikan melebihi daripada penerimaan umum, bolehlah dilakukan jika alasan untuk berbuat demikian dilakukan dengan penuh tegas. Sebaliknya, percubaan orang-orang berkenaan yang cuba (mencari jalan untuk) menjadikan hadis-hadis itu lemah, akhirnya tidak berbaloi.'

Imam Abu Bakar Ahmad bin Ali al-Baghdadi menulis:
Mestilah ditunjukkan kesalahannya bahawa hadis-hadis itu diterima dan digunakan sebagai bukti oleh Imam al-Bukhari, Muslim dan Abu Daud, walaupun sebahagian periwayat hadis mengkritik dan mengisytiharkannya dhaif, alasan kritikan dan kedhaifan mereka itu tidak dapat dijelaskan dengan baik dan tidak dapat juga dibuktikan dengan tepat.

Kalaulah semua alasan ***lemah*** itu benar-benar dilaksana dan dikuatkuasakan, hanya sebilangan kecil hadis sahaja yang akan benar-benar terselamat daripada apa-apa kritikan. Kerana itulah, adalah amat penting dalam kes-kes sebegini, hendaklah benar-benar diteliti hadis-hadisnya dan nilai keabsahannya digali untuk mendapatkan kebenaran.

Alasan 3: Rawi Tidak Dipercayai Kerana Dikatakan Syiah.

Kerap pula berlaku sesebuah hadis itu diisytiharkan dhaif atau mauduk kerana perawinya adalah seorang Syiah. Contohnya, Ibnu Khaldun, menolak Qutn bin Khalifah, salah seorang rawi hadis-hadis mengenai Imam Mahdi disebabkan beliau adalah seorang Syiah. Dalam hubungan ini, beliau dilihat agak tergesa-gesa menuduh rawi secara borong sahaja, contohnya beliau menyatakan bahawa 'Ijli menyebut bahawa Qutn adalah seorang yang baik dalam hadis, tetapi dituduh berfahaman Syiah. Selain itu, menurut Ahmad bin Abdullah bin Yunus dan Abu Bakar bin Ayyash, Qutn adalah tidak dipercayai dan hadis-hadisnya ditolak kerana kesesatan akidahnya itu. Kesilapan beliau adalah kerana di pihak lain, terdapat sebilangan ulama seperti Imam Ahmad bin Hanbal, an-Nasa'i dan lain-lain, yang mempercayainya dan menerima hadis-hadis yang diriwayatkannya.

Rawi lain yang bernama Harun telah dicap sebagai dhaif, kerana menurut Ibnu Khaldun lagi, dia dan anaknya adalah penganut Syiah. Sebahagian ulama hadis seperti Yazid bin Abu Ziyad dikatakan seorang rawi yang lemah kerana '*dia adalah salah seorang pemimpin Syiah*' dan salah seorang ulama Syiah di Kufah. Menurut ulasan Ammar az-Zahabi, Ibnu Khaldun tidak menyebutkan bahawa ahli-ahli hadis terkemuka seperti Imam Ahmad bin Hanbal, an-Nasa'i dan lain-lain menganggapnya siqah. Juga Abdul Razak bin Humam yang hadis-hadisnya dikatakan lemah oleh Ibnu Khaldun kerana dia dikatakan lebih berminat membawa hadis-hadis yang memuji Keluarga Nabi SAW dan terkenal kerana fahaman Syiahnya.

Memang benar dalam hal ini, sebahagian hadis yang diriwayatkan, ada yang dibawa oleh rawi yang bermazhab Syiah atau pro-Syiah. Hadis-hadis begini memang patut kita ragui kesahihannya, jika tidak terdapat sanad lain yang sampai kepada kita. Namun, satu perkara yang kita lupa atau seolah-olah kita lupa iaitu terdapat lebih banyak hadis mengenai Imam Mahdi yang benar-benar maudhuk dibawa oleh orang-orang yang tidak bermazhab Syiah. Oleh itu, kedua-dua pihak ini sepatutnya kita awasi benar-benar, bukan hanya dari pihak Syiah sahaja, seperti yang selalu diheboh-hebohkan oleh Ibnu Khaldun itu.

Alasan 4: Perbezaan Kepercayaan

Alasan lain yang digunakan untuk menafikan hadis-hadis yang diriwayatkan oleh sebahagian solihin dan ahli agama adalah perbezaan mazhab. Contohnya, salah satu isu sensitif yang banyak diperdebatkan dan memerlukan kajian mendalam pada masa dahulu ialah sama ada Al-Quran itu makhluk atau qadim. Terdapat sekumpulan umat Islam yang meyakini bahawa al-Quran bukan makhluk, dan adalah qadim. Sepihak lagi, iaitu puak Muktazilah mendakwa bahawa al-Quran itu adalah makhluk. Perselisihan pendapat mengenai hal ini tidak semata-mata hangat di meja perdebatan, malah turut mengakibatkan pertumpahan darah sesama Islam. Ramai ulama muttaqin yang menjadi mangsa pihak pemerintah akibat ketidakselarasan fahaman itu.

Dalam hal ini, jika ada mana-mana orang yang meriwayatkan hadis yang memuji Keluarga Nabi SAW dan keturunan Sayidina Ali bin Abi Talib KMW atau hadis-hadis yang berbau Syiah, kebanyakan ulama Ahlus Sunnah mengesyaki hadis yang mereka riwayatkan haruslah ditolak atau diumumkan sesat. Hadis-hadis mereka mestilah ditolak sama sekali. Namun begitu, terdapat juga sebilangan ulama ahli hadis yang masih tetap meriwayatkan hadis-hadis berkenaan setelah berasa puas hati dengan sanad dan rawi yang meriwayatkan hadis-hadis berkenaan. Lazimnya mereka meletakkan hadis-hadis ini sebagai hadis dhaif, dan dibincangkan dalam bab-bab khusus mengenai fadhailul amal (kelebihan-kelebihan amalan sunat).

Kita patut membaca ***Tarikh at-Tabari*** yang menyatakan sikap kita dalam hal ini kerana kebanyakan rawi (dan umum penganut Ahlus Sunnah wal Jamaah) mempercayainya sebagai pegangan kita. Imam Muslim, pengumpul *Sahih Muslim*, menurut at-Tabari, pernah berkata:

"Saya berjumpa dengan Jabir Jukfi. Tetapi saya tidak meriwayatkan sebarang hadis daripadanya kerana dia mempercayai ***raj'ah*** *(hidup semula pada zaman Imam Mahdi memerintah)."*

Kerana itu, semua hadis yang diterima oleh Imam Muslim daripada Jabir Jukfi langsung ditolak dan tidak dimasukkan ke dalam kitab sahihnya itu.

Dalam hal ini, pendapat Ibnu Khaldun dapatlah diterima dan selari dengan fahaman ulama Ahlus Sunnah yang lain. Hanya dalam soal ini sahaja pendapat Ibnu Khaldun itu dapat kita terima dan selaras dengan fahaman kita, sesuai dengan apa yang telah diajarkan oleh para ulama terdahulu.

Alasan 5: Banyak Prasangka Terhadap Rawi

Beliau banyak prasangka terhadap rawi dan hadis-hadis itu sendiri. Atas prasangkanya itu jugalah beliau menolak terus hadis-hadis mengenai Imam Mahdi. Seseorang yang membuat kajian mendalam mengenai hal ini dan berusaha mencari kebenaran mestilah mengetepikan sebarang prasangkanya sehingga habis kajiannya itu. Dan jika semasa kajiannya, satu bukti ditemui dalam sebuah hadis, dia hendaklah meneliti pula rawinya untuk membuktikan kesiqahannya pula. Kalau siqahnya dapat disahkan, maka hadis-hadisnya haruslah diterima juga. Adalah tidak adil menurut kaedah pengkajian, bahawa sesebuah hadis yang diriwayatkan oleh rawi yang dipercayai, ditolak dengan begitu mudah semata-mata kerana dia ditolak oleh seorang rawi yang lain.

Sikap sebegini bukanlah sikap yang sepatutnya ditunjukkan oleh seorang yang berfikiran ilmiah dan sarjana terkenal. Beliau sepatutnya mengkaji lebih mendalam lagi dengan meneliti pendapat ulama-ulama lain mengenai hal yang sama, supaya sikapnya menjadi lebih adil dan pendapatnya tidak dapat disangkal lagi. Orang yang hanya mengemukakan pendapat sebelah pihak sahaja, bukanlah sarjana namanya. Itu ***fotokopi pendapat*** namanya. Sarjana hari ini ramai yang bersikap fotokopi pendapat sahaja, sedangkan mereka sepatutnya mengkaji lebih banyak pendapat lain mengenai satu-satu hal.

Keadaan ini menjadikan mereka kelihatan kurang profesional dari segi ilmiahnya sedangkan mereka selalu mendakwa bahawa merekalah golongan profesional. Lihatlah bagaimana ulama-ulama ilmu hadis membuat kajian yang amat mendalam, sangat teliti dan begitu terperinci sebelum mereka menetapkan sesebuah hadis itu sahih, hasan atau dhaif. Itulah sikap dan cara yang sepatutnya mereka tunjukkan, dan itulah sikap yang sepatutnya diamalkan. Itulah profesional namanya, sama ada dari segi ilmiah, sikap, pandangan dan tindak-tanduknya.

Sehubungan itu, **Muhammad bin Ahmad bin Osman Zahabi**, yang menilai kehidupan Aban bin Taghlib, menulis:

Kalau seseorang membangkang mengapa kami mengisytiharkannya siqah, kerana dengki kepada kenyataan bahawa Aban adalah antara pencipta bidaah, saya menyatakan bahawa: Penciptaan (bidaah) itu ada dua jenis. Yang pertama adalah bidaah saghir seperti pelampau dalam Syiah, atau Syiah yang tidak melampau dan penyelewengan yang tidak berdosa besar. Penciptaan bidaah jenis ini biasa sahaja berlaku pada generasi kedua dan ketiga (zaman tabiin dan tabiit tabiin) daripada Sahabat Rasulullah …

Kalau ini dijadikan ukuran, maka hadis yang diriwayatkan oleh sebahagian rawi akan secara muktamad tertolak, sebilangan besar hadis-hadis Nabi SAW sepatutnya ditolak sama. Kesalahan pendapat ini sebenarnya adalah pendapat individu sahaja. Jenis bidaah yang satu lagi ialah bidaah akbar, seperti menolak sepenuhnya kekhalifahan dan mencerca Sayidina Abu Bakar dan Umar. Dalam hal ini, hadis-hadis yang dibawa oleh orang seperti ini tidak bernilai apa-apa dan sepatutnya ditolak sahaja (tanpa memerlukan alasan lagi).

Dan pada pandangan penulis sendiri, sikap yang ditunjukkan oleh Ibnu Khaldun itu telah menjerat dirinya sendiri, dan akibatnya lebih banyak merugikan diri. Pertama, beliau dilihat tidak bersikap tasamuh terhadap pendapat yang tidak sealiran dengannya. Kedua, sikap sebegini sebenarnya menjatuhkan imejnya sendiri sebagai seorang cendekiawan Islam yang disegani. Ketiga, beliau sendiri yang mengesahkan pendapat ulama lain bahawa beliau bukanlah seorang ulama ilmu hadis, yang layak membuat penilaian terhadap sesebuah hadis.

Alasan 6: Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim, dan kaitannya dengan hadis-hadis tentang Imam Mahdi.

Alasan inilah yang dianggapnya paling kukuh kerana memang di dalam kedua-dua buah kitab hadis sahih itu, tiada sebuah pun hadis yang diriwayatkan yang menyebutkan nama Imam Mahdi. Secara mudah pula beliau menyatakan bahawa tiada sebuah pun hadis mengenai Imam Mahdi yang mencapai taraf sahih.

Adalah mustahak diketahui bahawa hadis-hadis yang menyebut nama Imam Mahdi tidak ada diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam Muslim, tetapi ini tidaklah bermakna bahawa para rawi itu lemah hafazannya. Perlu diakui, kedua-dua mereka tidak meriwayatkan semua hadis yang meliputi seluruh tingkatan hadis. Jika kita benar-benar mendalami hadis-hadis mereka, kita akan dapati bahawa mereka sebenarnya ada meriwayatkan hadis mengenai Imam Mahdi, cuma tidak disebutkan nama al-Mahdi di dalamnya. Itu sahaja.

Menurut Imam al-Baihaqi, Imam al-Bukhari dan Muslim tidak meriwayatkan seluruh hadis. Contohnya, sebahagian hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari tidak terdapat di dalam Sahih Muslim dan begitu juga dengan Imam Muslim. Dalam masa yang sama, terdapat hadis-hadis di dalam Sahih Muslim yang ditolak oleh Imam al-Bukhari sendiri. Ini tidaklah menghairankan kerana Imam al-Bukhari itu jauh lebih kanan daripada Imam Muslim, sekali gus menjadi guru kepada Imam Muslim walaupun sebenarnya Imam al-Bukhari menganggap beliau hanyalah kawan karib sahaja.

Imam al-Bukhari menyatakan bahawa beliau hanya memasukkan hadis yang sahih sahaja ke dalam kitab hadisnya. Begitu juga seperti yang Imam Muslim lakukan iaitu meriwayatkan hanya hadis-hadis sahih di dalam kitabnya. Imam Abu Daud juga berbuat demikian. Fakta ini telah diteliti oleh Abu Bakar bin Dasa, yang mendengar Imam Abu Daud berkata:

"Aku telah mencatatkan 4,800 buah hadis ke dalam kitabku yang semuanya sama ada sahih atau hasan sahih."

Perkataan yang sama turut diriwayatkan oleh Abus Sabbagh, dengan kata-kata yang hampir sama dan menambah bahawa hadis-hadis dhaif telah dijelaskan di bawahnya oleh Imam Abu Daud.

Pendapat Lain Bagi Ibnu Khaldun

Ibnu Khaldun akhirnya merumuskan berkenaan hadis-hadis yang menceritakan mengenai Imam Mahdi sebagai berikut:

> *Kebenaran yang mesti diketahui oleh seseorang ialah tiada tokoh agama atau kuasa politik yang boleh benar-benar berjaya, melainkan tokoh atau kumpulan itu merasakan wujudnya sokongan kepada cita-cita agama dan politik, dan mempertahankannya daripada orang-orang yang menolaknya. Juga sehingga Tuhan akan menguruskan hal mereka itu. Kami telah menyebutkannya sebelum ini, dengan bukti-bukti yang tepat, yang kami bentangkan kepada pembaca. Kumpulan yang merasakan sedemikian adalah dari kalangan anak-anak Fatimah dan Bani Abu Talib, iaitu dari kalangan kaum Quraisy, yang sudah tiada lagi di mana-mana pun. Pengecualian hanya diberi kepada sisa-sisa keturunan Abu Talib - Hasani, Husaini, dan Jaafariah -- di Hijaz, di Makkah, al-Yanbu', dan Madinah. Mereka telah berpecah ke serata kawasan dan cuba menguasainya. Mereka kini menjadi golongan Badwi. Mereka mendiami dan memerintah di tempat-tempat terpencil dan mengeluarkan fatwa-fatwa yang jauh menyeleweng. Bilangan mereka mencecah beberapa ribu orang sahaja. Jika benarlah bahawa Mahdi itu akan zahir, inilah satu-satunya cara propaganda untuk membuatkannya benar-benar zahir. Dia mestilah salah seorang dari mereka, dan Allah mestilah menyatukan mereka untuk menjadi pengikutnya, sehingga dia mempunyai cukup kekuatan dan kumpulan pengikut untuk menambahkan kejayaannya, sekali gus menggerakkan rakyat menyokongnya. Satu cara lain - seperti yang dilakukan oleh Bani Fatimiah yang menyebarkan fahaman (tentang al-Mahdi) kepada seluruh rakyat di mana-mana jua, tanpa sokongan daripada pengikut dan juga kekuasaan, yang amat bergantung hubungannya dengan Keluarga Nabi Muhammad SAW - tidak akan diterima atau berjaya, untuk menyatakan sebab-sebab yang kami sebutkannya terdahulu.*

Sebagai tindak balas terhadap penilaian Ibnu Khaldun ini, kita mestilah menyisihkan fakta bahawa tidak ada keraguan, seseorang yang mahu menapak dan membesarkan kuasanya untuk mendirikan sebuah kerajaan mestilah mendapatkan sokongan yang tidak berbelah bagi daripada para pengikutnya untuk mencapai matlamatnya itu. Syarat yang sama juga mesti dipenuhi semasa menunggu zahirnya Imam Mahdi dan pembaharuan sejagatnya itu.

Tetapi itu adalah dalam kes orang biasa yang ingin menjadi pemerintah, bukannya Imam Mahdi. Imam Mahdi tidak memerlukan itu semua kerana segala-galanya telah diatur sebegitu rupa oleh Allah SWT sehingga apabila Imam Mahdi zahir nanti, beliau hanya perlu duduk di atas singgahsananya sahaja, tanpa perlu bersusah payah menumpahkan darah. Kerajaannya sudah dijanjikan, kemunculannya sudah ditetapkan. Mana satu kuasa makhluk yang mampu menahan Kehendak Allah yang Maha Berkuasa lagi Maha Berkehendak?

Penilaian yang dibuat oleh Ibnu Khaldun itu adalah berasaskan ilmu sains kemasyarakatan yang disusun olehnya sendiri. Kenalah berpegang kepada ilmu yang sendiri susun. Kalau kita sendiri tidak berpegang kepada ilmu sendiri, siapa lagi yang akan berpegang kepada ilmu kita. Maka kenalah pertahankan bermati-matian. Ilmu beliau itu adalah ilmu yang bersandarkan kepada zahir sesuatu dan logik semata-mata, tidak ada unsur-unsur lain yang perlu diambil kira atau dipentingkan sangat. Maka beginilah jadinya pendapat beliau itu - menentang arus secara membabi buta.

Beliau sepatutnya menilai Imam Mahdi secara luar dari kaedah sains sosialnya itu. Ini dikeranakan Imam Mahdi itu adalah orang Allah yang amat istimewa, yang jauh berbeza daripada orang kebanyakan atau pemimpin-pemimpin lain yang ada. Pendokong-pendokongnya disediakan oleh Allah, bukan oleh beliau sendiri, kerajaannya disediakan oleh Allah, bukan beliau yang membina

dari mula hingga besar dan kuat seperti lazimnya. Pusat pemerintahannya ditentukan oleh Allah, bukan oleh beliau atau pengikutnya. Masa keluarnya dan tempat keluarnya juga sudah ditetapkan, bukan ikut pandai-pandai sendiri.

Pemerintahannya dapat menyatukan hati seluruh manusia, bukan sekadar penyatuan zahir seperti yang dilakukan oleh pemimpin besar dunia yang lain, keberkatannya melimpah ruah, tiada terbayangkan, malah melebihi keberkatan yang pernah diterima oleh kaum Sabak pada zaman dahulu dan pemerintahannya amat meliputi seperti yang pernah dinikmati oleh Nabi Sulaiman AS. Inilah perkara-perkara yang tidak terfikirkan, tidak terjangkau dan tidak dapat dilogikkan oleh Ibnu Khaldun dan para pengikutnya sejak dahulu hingga kini.

Imam Mahdi Al-Arqam

Di negara kita Malaysia, terdapat beberapa kes Imam Mahdi palsu. Kebanyakan pendakwa sebagai Imam Mahdi itu gagal menunjukkan bukti yang sahih, sama ada berdasarkan dalil aqli ataupun naqli. Pendakwa Imam Mahdi itu juga dengan mudah dapat dikenal pasti dan ***dikuburkan*** oleh pihak berkuasa, tanpa perlu bersusah payah dan tanpa membuang banyak tenaga dan masa. Memang diakui dari semasa ke semasa sentiasa ada sahaja peribadi yang mengaku dirinya sebagai Imam Mahdi di negara ini, termasuk juga beberapa orang wanita.

Pusat Islam Malaysia, selaku badan yang dipertanggungjawabkan oleh kerajaan untuk menguruskan hal ehwal ***agama*** di Malaysia, mempunyai senarai lengkap nama-nama orang yang mengaku dirinya sebagai Imam Mahdi, pertubuhan dan jemaah yang dibawanya dan bentuk tindakan yang diambil terhadap mereka dan pengikut mereka. Ini dikeranakan sememangnya mereka itu sesat lagi menyesatkan, jahil dan mempunyai kepentingan tertentu. Orang yang sememangnya sesat memang mudah dikalahkan dan dibasmi. Tidak perlu susah-susah atau habiskan banyak masa, tenaga, wang ringgit dan fikiran, ***sekali pukul*** sahaja semuanya terus rebah.

Dan semua rakyat Malaysia, yang Islam mahupun yang bukan Islam, telah diberitahu secara sensasi dengan cerita bahawa Jemaah Al-Arqam mempunyai Imam Mahdinya sendiri. Laporan mengenai Imam Mahdi Al-Arqam itu diperbesar-besarkan oleh pihak media arus perdana, seperti akhbar, majalah, buletin, risalah dan media elektronik selama kira-kira setahun atau lebih. Akibatnya seluruh rakyat Malaysia kini sudah mengetahui siapa peribadi Imam Mahdi yang didakwa oleh Al-Arqam itu sebenarnya. Kisah itu dikatakan berpunca daripada kepercayaan para pengikut Al-Arqam terhadap seorang tuan guru yang meninggal dunia di Kelang hampir seratus tahun dahulu yang didakwa masih hidup dan bakal muncul semula sebagai Imam Mahdi.

Dan seperti yang biasa yang dilakukannya, Pusat Islam atau Jakim (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia) atau Baheis (Bahagian Hal Ehwal Islam), Jabatan Perdana Menteri Malaysia telah berusaha bersungguh-sungguh memerangi ajaran sesat Al-Arqam yang mencanangkan tok gurunya itu sebagai Imam Mahdi. Dalam hal ini, Pusat Islam tidak dianggap pelopor, sebaliknya bersifat ***mengekor*** dan dilihat banyak bermain politik dalam tindakannya.

1. Yang mula-mula menyatakan Al-Arqam sesat bukanlah Pusat Islam, tetapi kumpulan akhbar Utusan Melayu Malaysia Berhad, melalui semua penerbitan mereka. Mereka mula-mula menyatakan bahawa sebuah kumpulan sesat telah muncul di Sungai Penchala sekitar tahun 1971 lagi. Ketika itu Pusat Islam tidak ambil pusing pun, malah ***bukak sebelah mata*** pun tidak terhadap isu yang ditimbulkan oleh Utusan Melayu ini. Walhal pada lazimnya, jika sesuatu kumpulan itu dikatakan sesat, lekas sahaja Pusat Islam turun padang dan terus mengambil tindakan. Sejak itu, dari semasa ke semasa Kumpulan Utusan terus-menerus menyiarkan berita mengenai ***keburukan*** Al-Arqam, sedangkan Pusat Islam masih terus lena dalam urusannya sendiri.

2. Yang mula-mula memanggil pemimpin Al-Arqam untuk menemuinya pada tahun 1979 bukanlah Pengarah Pusat Islam atau para pegawai atasannya, tetapi adalah Timbalan Perdana Menteri ketika itu, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, merangkap Menteri Dalam Negeri. Orang-orang di Pusat Islam tidak pernah pun mempelawa mana-mana wakil dari Al-Arqam untuk bertemu muka bermuzakarah tentang perkara-perkara yang diperselisihkan. Tahu-tahu, Al-Arqam sudah dijatuhkan hukuman sesat dan mesti diharamkan segala-galanya, termasuk perkara yang tidak sepatutnya diharamkan. Patutnya Pusat Islamlah yang pertama dan mula-mula ditemui oleh Ustaz Haji Ashaari memandangkan soal akidah dan Imam Mahdi adalah di dalam bidang kuasa yang ada pada mereka, bukannya pada Timbalan Perdana Menteri. Pengharaman itu juga tidak dibuat secara serentak dan dengan sebab-sebab yang berbagai-bagai pula. Tidak ada keselarasan dalam keputusan dan tindakan. Masing-masing negeri dan kementerian mengharamkan Al-Arqam dengan alasan masing-masing dan pada masa yang berlain-lain pula.

3. Tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh Pusat Islam terhadap Al-Arqam tidak pernah yang konsisten. Sekejap kata sesat, sekejap kata membahayakan keselamatan, sekejap kata boleh merosakkan akidah, sekejap kata ingin ambil alih pemerintahan negara, sekejap kata militan, sekejap kata bertukar corak, dan seterusnya dan seterusnya. Sikap yang tidak konsisten ini menyebabkan semakin ramai orang yang keliru. Yang bercakap itu pula hanyalah ***orang yang itu itu*** juga. Tiada orang lain yang boleh bercakap mengenainya. Peluang tidak pernah diberi kepada pihak Al-Arqam untuk membela diri atau menjawab segala pertuduhan yang dibuat. Maknanya, tuduhan-tuduhan sesat itu sendiri dijadikan sebagai ***salah satu*** alasan untuk mengharamkan Al-Arqam. Jelasnya, tuduhan sesat itu hanyalah ***plaster terbesar*** daripada sekian banyak ***plaster*** yang lain yang harus digunakan untuk mengharamkan Al-Arqam ini.

4. Orang-orang politik campur tangan dalam hal Al-Arqam. Apabila orang-orang politik turut campur untuk mengharamkan Al-Arqam, orang akan berkata, ini adalah isu politik sahaja dan bukannya soal akidah. Apa perlunya ahli-ahli politik masuk campur dalam soal agama, terutamanya dalam soal akidah seperti ini? Apakah mereka sudah mempunyai ilmu agama yang mencukupi untuk memperkatakan soal ini? Akhirnya, orang ramai pula yang bertambah yakin bahawa isu Al-Arqam ini mempunyai motif politik yang kuat. Apabila ulama tertinggi Pas turut mengakui bahawa Al-Arqam sesat, maka bertambah yakin lagilah orang ramai bahawa isu ini sebenarnya adalah isu politik sahaja, bukannya isu akidah. Pihak ulama Pas hanya menyatakan bahawa Al-Arqam sesat tetapi tidak menunjukkan apa dan di mana sesatnya itu. Anehnya, Dewan Ulama Pas tidak pernah bermesyuarat pun untuk mengharamkan Al-Arqam. Tuduhan sesat itu sebenarnya hanyalah ***kambing hitam*** Pusat Islam yang turut ditumpang sekaki *disembelih* oleh pihak Pas.

Imam Mahdi yang dimaksudkan oleh Al-Arqam adalah Sayidi Syeikh Muhammad bin Abdullah As-Suhaimi yang lahir di Tanah Jawa, dikatakan meninggal dunia di Kelang dan makamnya masih terdapat di sana, dijaga dengan rapi hingga ke hari ini. Kisah dan riwayat hidup beliau telah penulis berikan pada bahagian sebelum ini. Silalah semak ke bahagian berkenaan, di bawah tajuk **Ada Dua Orang Imam Mahdi?** Penulis tidak berhajat memanjangkan lagi kisah tersebut pada bahagian ini.

Mula munculnya kisah Imam Mahdi bagi orang-orang Al-Arqam itu tersebar dikeranakan **Ustaz Mokhtar Yaakub**, orang kanan nombor satu Al-Arqam keluar daripada jemaah berkenaan bersama-sama beberapa orang lain. Keluarnya beliau itu berjaya dieksploitasi oleh pihak Kumpulan Utusan Melayu menyebabkan perkara itu menjadi heboh dan besar, melebihi daripada sepatutnya. Beberapa tuduhan yang bersifat khilafiah dan fitnah telah dilemparkan terhadap Al-Arqam dan

pemimpinnya, Ustaz Haji Ashaari bin Muhammad. Lebih memburukkan keadaan, tuduhan itu dibuat melalui akhbar harian dan majalah keluaran Kumpulan Utusan Melayu. Maka hebohlah satu negara dengan isu Imam Mahdi Al-Arqam, dan sejak itu tahu benarlah orang ramai bahawa yang dikatakan sebagai Imam Mahdi itu adalah Sayidi Syeikh Muhammad bin Abdullah As-Suhaimi, orang Kelang yang berketurunan Arab dari Keluarga Nabi SAW, menuntut di Tanah Arab beberapa lama, pernah tinggal di Singapura dan berasal dari Tanah Jawa.

Al-Arqam tidak menjawab tuduhan-tuduhan itu melalui akhbar harian dan majalah keluaran Kumpulan Utusan atau akhbar-akhbar lain, tetapi menjawabnya melalui buku yang ditulis sendiri oleh Ustaz Haji Ashaari bin Muhammad. Tajuknya ialah ***Aurad Muhammadiah Pegangan Darul Arqam, Sekali gus Menjawab Tuduhan***. Buku yang mula dijual sekitar bulan Oktober 1986 itu mendapat sambutan yang baik daripada orang ramai, terutama yang inginkan jawapan tepat dan sebenar daripada pihak Al-Arqam sendiri. Mereka ingin tahu apakah ada hujah dan nas agama dalam persoalan yang ditimbulkan oleh askar-askar upahan Pusat Islam dan dibantusebarkan oleh media-media arus perdana di negara ini.

Dan seperti yang dimaklumi, Ustaz Haji Ashaari bin Muhammad menyatakan secara terus terang bahawa beliau mempercayai dan berkeyakinan bahawa pengasas Aurad Muhammadiah, Sayidi Syeikh Muhammad bin Abdullah as-Suhaimi itu masih belum mati dan bakal muncul sebagai Imam Mahdi yang selalu disebut-sebut itu. Pusat Islam menekankan bahawa pendapat beliau ini jauh bercanggah daripada pengakuan pertamanya yang dibuat sebelum ini (tahun 1979) di hadapan Dr Mahathir. Namun keyakinannya ini hanyalah setakat *zanni* sahaja, bukan qat'ie.

Menurut Mustaffa Suhaimi, sekurang-kurangnya ada enam faktor besar yang menyebabkan konsep Imam Mahdi di dalam buku berkenaan dianggap terpesong, berserta jawapan dan alasan daripada pihak Al-Arqam sendiri:

1. *Andaian pertama ialah bahawa Sayidi Syeikh Muhammad bin Abdullah as-Suhaimi iaitu pengasas Aurad Muhammadiah adalah bakal Imam Mahdi yang akan muncul kelak. Andaian ini dianggap salah kerana tidak ada keterangannya di dalam al-Quran atau hadis Rasulullah SAW. Sudah ramai yang mengaku dirinya sebagai Imam Mahdi dan ternyata bahawa mereka itu pendusta. Pengakuan seperti ini adalah ramalan kosong. Selain boleh menjejaskan iman, orang yang mendakwa mempunyai hubungan rapat dengan Imam Mahdi yang masih ghaib, boleh memperalatkannya untuk kepentingan peribadi atau pertubuhan tertentu.*
   Pihak Al-Arqam pula menjelaskan bahawa menurut kaedah syarak, menentukan seseorang sebagai Imam Mahdi tidak menjejaskan iman dan tidak ada salahnya. Sebabnya konsep Imam Mahdi itu sendiri dipertikaikan oleh para ulama, di samping ada beberapa ulama (terutamanya ulama sufi) dan golongan (antaranya Syiah) yang telah menentukan siapa dia Imam Mahdi itu sendiri. Ramalan seperti ini bukanlah ramalan kosong tetapi merupakan suatu ijtihad, dan jika tersalah dalam ijtihadnya itu, tidaklah sampai berdosa. Ramai ulama yang mengakui bahawa masalah Imam Mahdi adalah soal khilafiah, soal furuk dan hanya Pusat Islam sahaja yang diketahui (menurut sepanjang sejarah Ahlus Sunnah ini) yang menyatakan bahawa soal Imam Mahdi adalah soal akidah. Maka menurut ulama, sebarang pendapat yang berlawanan dalam soal ini tidak boleh dihukumkan sesat, bidaah atau kufur. Selagi ijtihad mereka tidak menyalahi syarak, maka hal itu dibenarkan sahaja oleh Islam. Sungguhpun ramai yang mendakwa dirinya sebagai Imam Mahdi dan akhirnya didapati berdusta, ini tidaklah dapat dijadikan sebab untuk kita menafikan terus hadis mutawatir maknawi yang banyak itu. Apabila Imam Mahdi yang sebenar muncul, semua Mahdi palsu itu akan sirna juga. Imam Mahdi yang sebenar semasa muncul kelak hanya ada satu, tidak ada dua atau tiganya. Mengenai perbuatan memperalatkan nama Imam Mahdi untuk kepentingan peribadi, itu adalah hal ghaib yang hanya Allah sahaja yang mengetahuinya. Mana kita tahu apa yang dikatakan oleh hati seseorang? Layakkah kita menghukumnya hanya berdasarkan

syak wasangka kita sahaja? Pusat Islam sendiri memperalatkan banyak pihak untuk tujuan peribadi dan golongan tertentu, tidakkah itu juga suatu perbuatan yang salah? Kita tidak boleh menghukum seseorang berdasarkan apa yang dia fikirkan tetapi tidak/belum dilakukannya lagi. Perkara-perkara begitu hanya Allah sahaja yang tahu dan Dia sahaja yang layak menghukumnya.

2. *Konsep Imam Mahdi itu sendiri diragui oleh sesetengah ulama berasaskan rumusan bahawa hadis-hadis mengenai Imam Mahdi adalah lemah. Sebahagian ulama seperti Ibnu Khaldun, Al-Maududi dan Rasyid Ridha menolak terus konsep Imam Mahdi. Ibnu Khaldun menganggap hadis-hadis mengenai Imam Mahdi adalah hadis-hadis dhaif, maka harus ditolak terus konsep Imam Mahdi itu. Al-Maududi pula menyatakan kuasa ajaib yang ada pada Imam Mahdi adalah cerita dongeng yang didatangkan dari pengaruh bukan Islam.*

   Bagi Al-Arqam pula, memang konsep Imam Mahdi ditolak oleh sebahagian kecil ulama, tetapi diterima oleh sebahagian besar ulama. Sebahagian lagi bersikap pertengahan iaitu tidak menolak dan tidak pula menerima sepenuhnya. Pusat Islam hanya mengemukakan pandangan sebelah pihak sahaja, tanpa mengemukakan pandangan pihak yang satu lagi. Ibnu Khaldun silap dalam rumusannya kerana jumlah tiga puluh buah hadis yang dikajinya itu sebenarnya sudah mencapai taraf mutawatir maknawi, kerana menceritakan tentang tajuk yang sama, walaupun isinya berbeza-beza. Kerana itulah pandangan Ibnu Khaldun itu ditolak kerana beliau tidak mendalam ilmu dan kefahamannya terhadap selok-belok ilmu mustalah hadis. Al-Maududi pula dianggap silap dalam pandangannya kerana beliau tidak mendalami maksud tersirat daripada hadis-hadis berkenaan. Beliau membuat rumusan berdasarkan isi lahir daripada hadis-hadis itu, lalu membuat andaian bahawa cerita itu adalah dongeng, sedangkan yang dikatakannya dongeng itu sebenarnya adalah hadis-hadis Nabi SAW! Bagaimana orang yang fikirannya setinggi itu boleh melakukan kesilapan yang sebesar ini? Lagi pun beliau tidak mempunyai pendirian yang konsisten dalam hal ini, kerana pada satu ketika beliau menerima dan pada ketika yang lain beliau menolaknya pula tanpa menyatakan sebab-sebab perubahan pendiriannya itu.

3. *Pengasas Aurad Muhammadiah, Sayidi Syeikh Muhammad bin Abdullah as-Suhaimi, dikatakan tidak mati pada hal jasadnya diakui telah dikebumikan di Simpang Lima, Kelang. Pusara yang dijaga dengan baik itu juga diakui sebagai pusara beliau. Kenyataan ini dianggap berlawanan dengan hakikat kejadian setiap makhluk yang pasti akan mati apabila sampai masanya. Orang yang sudah mati juga tidak akan bangun kembali menjadi Imam Mahdi yang ditunggu-tunggu itu.*

   Al-Arqam mengakui mereka meyakini Sayidi Syeikh Muhammad bin Abdullah as-Suhaimi itu masih hidup dan bakal menjadi Imam Mahdi. Pusat Islam seperti tidak faham, atau buat-buat tidak faham, atau memang tidak faham-faham, atau tidak mahu faham dengan penggunaan ayat ***masih hidup*** atau ***belum mati***, kerana Pusat Islam sentiasa sahaja menggunakan ayat ***tidak mati*** dalam setiap tuduhannya. Lalu daripada situ mereka berkata Al-Arqam berakidah salah kerana menganggap seseorang itu ***tidak mati***, seperti tidak matinya Tuhan. Al-Arqam juga mengakui bahawa seseorang yang sudah mati tidak akan dapat bangun lagi, lalu menjadi Imam Mahdi kerana yang telah mati tetaplah mati, memang tidak akan bangun lagi melainkan pada hari kiamat kelak. Bagaimana kesilapan pemahaman sebesar ini boleh berlaku sedangkan matinya makhluk ini adalah soal akidah yang terpokok? Lagipun diakui bahawa Imam Mahdi itu bertaraf wali, maka mungkin sahaja umurnya Allah panjangkan lebih daripada manusia biasa, dighaibkan sementara dan kemudian nanti akan dimunculkan semula sebagai Imam Mahdi. Hal ini bagi para wali disebut sebagai karamah dan bagi para rasul disebut sebagai mukjizat. Kedua-duanya adalah perkara yang menyalahi adat kebiasaan, tetapi benar-benar berlaku. Orang-orang Al-Arqam tidak pernah menganggap bahawa Syeikh Muhammad bin Abdullah as-Suhaimi itu tidak akan mati, hanya dikatakan belum mati dan masih hidup. Itu sahaja. Apabila sampai umurnya kelak, Imam Mahdi itu tetap akan mati juga, sama seperti matinya orang lain.

4. *Lafaz syahadah di dalam Aurad Muhammadiah dikatakan telah diubah dengan ditambah nama-nama khalifah yang berempat dan juga Muhammad al-Mahdi. Syahadah tidak boleh ditambah, dikurangi atau diubah. Perbuatan demikian dihukumkan bidaah dan sesat, boleh mengelirukan orang ramai. Perbuatan menganggap ada lagi khalifah Rasulullah selain daripada khalifah yang berempat adalah menyalahi syarak dan bertentangan dengan hadis. Jika ada pun khalifah yang boleh dimasukkan sebagai Khalifah Rasulullah, hanyalah Khalifah Umar bin Abdul Aziz sahaja.*

Menurut Al-Arqam, kalimah syahadat itu tidak ditambah atau dikurang atau diubah. Kalimah syahadat itu tetap seperti asalnya. Ayat-ayat berikutnya bukan lagi merupakan syahadah kerana tidak ada perkataan **Asyhadu** lagi di hadapannya. Bacaan ini pun sebenarnya bukanlah syahadah, tetapi hanyalah salah satu wirid di dalam Aurad Muhammadiah. Namanya sahaja pun sudah ***Aurad***, bukannya ***Syahadah***. Pusat Islam silap besar dalam pemahamannya kerana mengatakan bacaan ini sebagai syahadah. Ekoran itu timbullah tuduhan dan implikasi yang sengaja direka-reka untuk mengelirukan lagi orang ramai. Bacaan-bacaan Aurad ini tidak sepatutnya mengelirukan orang ramai kerana Aurad ini bukannya boleh disebarkan sesuka hati kepada orang ramai. Hanya orang-orang yang telah mendapat ijazah khusus dari khalifah Aurad ini sahaja yang boleh mengamalkannya. Selepas syahadah itu, ayat berikutnya hanyalah memuji para khalifah Rasulullah SAW yang berempat. Tuduhan ini menampakkan betapa dangkalnya ilmu dan kurangnya kefahaman Pusat Islam (atau sengaja buat-buat tidak faham) terhadap masalah yang dihadapinya. Lafaz syahadah juga sebenarnya boleh ditambah dan dikurang menurut keperluan masa dan tempat. Hal ini biasa dilakukan di mana-mana pun sejak dahulu lagi, terutama dalam khutbah Jumaat dan doa selepas berwuduk.

Dan Imam Mahdi yang dikatakan sebagai khalifah Rasulullah SAW itu bukanlah dakwaan kosong, tetapi telah disebutkan sendiri oleh baginda SAW dalam beberapa buah hadis. Lihatlah hadis-hadisnya pada bahagian-bahagian berikut di dalam buku ini. Kalau Pusat Islam benar-benar mahu memarahi Al-Arqam kerana mengakui Imam Mahdi sebagai khalifah Rasulullah SAW, maka marahlah Rasulullah SAW kerana baginda sendiri yang menyebutkan demikian. Janganlah marahkan Al-Arqam kerana mereka hanya mengikut apa yang Rasulullah SAW sabdakan, bukannya pandai-pandai mereka sendiri. Rasulullah SAW pun tidak pernah menyatakan secara muktamad bahawa khalifah baginda hanya ada empat orang, tidak boleh lebih dan tidak boleh kurang. Jika ada hadis yang demikian, maka salahlah orang-orang Al-Arqam dan betullah Pusat Islam. Lagi pun alasan mereka yang menyatakan bahawa kalau ada orang lain yang boleh dimasukkan sebagai khalifah Rasulullah SAW, orang itu adalah Khalifah Umar bin Abdul Aziz, tidak orang lain. Alasan Pusat Islam ini sebenarnya memakan diri sendiri, kerana alasan mereka itu adalah alasan yang diberikan oleh para ulama sahaja, sedangkan penunjukan Imam Mahdi sebagai khalifah Rasulullah SAW dibuat oleh baginda SAW sendiri. Mana satu pendapat yang patut kita dahulukan, pendapat ulama atau sabda Nabi kita? Fikirlah sendiri akan jawapannya. Lagi pun, selain Khalifah Umar bin Abdul Aziz, ramai ulama yang memasukkan pemerintahan Sayidina al-Hasan bin Ali RA yang enam bulan itu sebagai sebahagian daripada Khulafa ur-Rasyidin. Tapi Pusat Islam tidak pernah komen pun? Takkan tak pernah jumpa, kot?

5. *Amalan Aurad Muhammadiah telah diajar oleh Rasulullah SAW kepada pengasas Aurad itu di dalam Kaabah, ketika beliau dalam keadaan jaga dan sedar. Kenyataan ini dianggap salah kerana kesannya ialah bahawa Nabi Muhammad SAW itu masih hidup.*

Al-Arqam tidak pernah mengatakan bahawa Rasulullah SAW itu masih hidup. Rasulullah SAW tetaplah sudah wafat sejak lebih seribu empat ratus tahun dahulu. Semua orang bersepakat mengenai kewafatannya. Yang ditemui oleh Syeikh Muhammad bin Abdullah as-Suhaimi itu adalah roh Rasulullah SAW. Roh Rasulullah tetap boleh ditemui oleh orang-orang tertentu sama ada melalui mimpi atau secara jaga, dari semasa ke semasa, lazimnya orang-orang yang bertaraf ulama sejati atau wali-wali, sama ada sekali atau berkali-kali. Dalam

peristiwa Israk, Rasulullah SAW bersembahyang mengimamkan nabi-nabi dan rasul-rasul, yang semuanya telah wafat di Masjidil Aqsa di Baitulmaqdis. Dan yang Rasulullah SAW temui dalam peristiwa itu adalah roh mereka, kerana mereka itu kita ketahui telah sedia wafat sejak ratusan malah ribuan tahun yang lalu.

Dalam peristiwa Mikraj pula, Rasulullah SAW menemui lagi mereka ini pada setiap lapisan langit, baginda SAW memberi salam dan mereka menjawab salam itu. Sempat pula bertanya khabar, malah Nabi Musa AS yang telah lama arwah itu sempat menangis di hadapan baginda SAW. Nabi Ibrahim AS duduk bersandar di atas kerusi kemegahannya, sedangkan beliau telah lama mati. Sempat pula diajarnya baginda SAW zikir untuk diamalkan oleh umat Islam seluruhnya. Malah sembahyang yang lima waktu ini, sebenarnya berjumlah lima puluh kali. Atas nasihat Nabi Musa AS yang telah lama arwah itu, baginda SAW memohon agar dikurangkan jumlahnya sehingga akhirnya menjadi lima waktu sahaja seperti yang ada pada hari ini. Apakah dengan cerita Israk dan Mikraj ini, Pusat Islam menganggap Rasulullah SAW bersalah besar ***kerana kesannya ialah bahawa rasul-rasul itu semuanya masih hidup?***

6. *Kenyataan bahawa Aurad Muhammadiah itu diajar oleh Nabi SAW kepada Sayidi Syeikh Muhammad bin Abdullah as-Suhaimi setelah Rasulullah SAW wafat, membawa pengertian bahawa masih ada syariat Nabi SAW yang boleh disampaikan sesudah Rasulullah SAW wafat. Kepercayaan seperti ini amat mengelirukan kerana kesannya ialah wahyu dan hadis masih boleh disampaikan oleh Nabi SAW sedangkan baginda telah lama wafat. Sesudah baginda SAW wafat, tidak ada lagi nabi atau rasul baru, tidak ada wahyu atau hadis lain, atau syariat lain.*

Keterangan Pusat Islam ini menampakkan **kejahilan dalaman** mereka sendiri. Kalau Rasulullah SAW boleh menerima ijazah wirid daripada Nabi Ibrahim AS dalam peristiwa Mikraj, apakah Rasulullah SAW yang lebih tinggi kedudukannya daripada Nabi Ibrahim AS tidak boleh memberikan ijazah wirid kepada umatnya sendiri? Lagipun, Syeikh Muhammad bin Abdullah as-Suhaimi itu dipercayai dan diyakini bertaraf wali besar, maka layaklah beliau mendapat kelebihan bertemu dengan baginda SAW secara jaga dan menerima wirid khas untuk diamalkan olehnya dan oleh pengikut-pengikutnya. Jika Wali Songo boleh bertemu secara jaga dengan baginda SAW di Kaabah, menerima wirid dan mendapat sebuah geriba sebagai buah tangan tidak pun dikatakan bersalah, apakah Sayidi Syeikh Muhammad bin Abdullah as-Suhaimi yang hanya menerima ijazah wirid itu dapat pula dikatakan bersalah? Lagipun mana ada syariat baru yang dibawa oleh Syeikh as-Suhaimi. Apakah yang semata-mata wirid itu pun mahu dianggap sebagai syariat juga?

Dato Mufti Brunei menjelaskan dengan tegas bahawa '*Adapun syariat mengenai hukum halal dan haram telah tertutup dengan terhentinya wahyu dan sesudah wafatnya Rasulullah SAW*.' Dato Mufti Brunei itu adalah salah seorang anak murid beliau juga, tidak pernah beliau mendapati gurunya itu bersalah. Lagipun, Syeikh Muhammad bin Abdullah as-Suhaimi itu adalah jelas datang dari anak cucu keturunan baginda SAW sendiri, apalah salahnya seorang datuk menziarahi cucu-cicitnya yang masih hidup, sekalipun dia sendiri sudah lama meninggal dunia.

Berdasarkan alasan-alasan syar'ie yang diberikan oleh Pusat Islam di dalam buku terbitannya, khusus mengenai kesesatan akidah Al-Arqam, nyatalah alasan-alasan tersebut adalah *hujah-hujah lama* yang pernah diberikan oleh Ibnu Taimiyah, Muhammad bin Abdul Wahab dan Ibnu Khaldun. Tidak alasan dan hujah baru yang mereka buat. Pendek kata, hujah yang diberi adalah hujah orang yang menentang konsep tasawuf dan keramat wali-wali, termasuk Imam Mahdi. Hujah dan alasan Pusat Islam itu jika diteliti benar-benar, amatlah lemahnya dan langsung tidak dapat digunakan apatah lagi dalam soal-soal penting begini, yang melibatkan akidah (kata Pusat Islam sendiri). Al-Arqam pula membawakan hujah yang diberi oleh para ulama terkemuka sepanjang zaman, yang semuanya mengamalkan tasawuf dan bertaraf wali serta mempercayai kemunculan Imam Mahdi. Boleh dicari dengan mudah di dalam kitab-kitab besar.

Pertembungan pendapat seperti ini sebenarnya tidak menguntungkan mana-mana pihak pun, kerana itu hanyalah memanjangkan sengketa yang telah sedia wujud sejak dahulu mengenai Imam Mahdi. Masalah perselisihan umat Islam mengenai konsep Imam Mahdi tetap tidak selesai juga. Pusat Islam juga dilihat tidak berminat menyatukan pandangan seluruh umat dalam masalah ini. Mereka dilihat lebih berselera menyerang dan menghentam Al-Arqam sahaja. Dan dari satu segi, sengketa ini menampakkan ***kekurangan-kekurangan*** yang nyata pada pihak Pusat Islam, baik dari segi keprihatinannya terhadap permasalahan umat Islam, keupayaannya menghapuskan kegiatan ajaran sesat, ketegasannya menghadapi sesuatu situasi, dan paling penting telah menghapuskan wibawanya sendiri pada mata umum. Mereka dilihat ***kalah besar*** dalam menang yang kecil. Menang tetapi kalah. Berjaya tetapi tidak diraikan kejayaannya. Menang tanpa berlawan, atau menang setelah lawannya diikat kaki tangan dan ditutup matanya, kemudian dihentam habis-habisan. Hanya ***pengadil kayu*** sahaja yang akan mengisytiharkan Pusat Islam sebagai pemenang.

Apa pun, Al-Arqam berjaya juga dikuburkan, pergerakan itu dibubarkan, pemimpin-pemimpin kanannya satu demi satu ditahan di bawah ISA dan perkampungan Islam mereka keseluruhannya disita, semuanya pada sekitar akhir tahun 1994 dan diikuti oleh gerakan kali kedua pada 1996. Namun satu perkara yang seolah-olah dilupakan orang ialah pertubuhan Al-Arqam tidak dibubarkan oleh Pusat Islam, atau Kementerian Dalam Negeri, atau Pendaftar Pertubuhan, atau oleh Perdana Menteri, atau oleh Majlis Fatwa Kebangsaan, atau sesiapa sahaja. Al-Arqam sebenarnya dibubarkan oleh pemimpin tertingginya sendiri iaitu Ustaz Haji Ashaari bin Muhammad, yang sekitar awal tahun-tahun 1990-an mula menggunakan panggilan lengkapnya ***Abuya Syeikh Imam Ashaari bin Muhammad At-Tamimi***. Jelaslah, bahawa Al-Arqam dihapuskan akibat dosa-dosa ahlinya yang banyak dan kelemahan yang nyata, bukan kerana ***gagahnya*** Pusat Islam dan pasukan upahannya. Pergerakan yang hakiki sekali-kali tidak akan dapat dikalahkan oleh musuh zahir mereka. Itu adalah janji Allah dan rasul-Nya. Ingat, Dia adalah Maha Teguh pada janji-janji-Nya.

Inilah persoalan sebenar yang tidak dinampak oleh kebanyakan orang termasuk kalangan pejuang-pejuang Al-Arqam sendiri. Pejuang Islam tulen tidak boleh punya banyak dosa, nescaya mereka akan tertinggal di belakang, malah akan lebih teruk lagi perangainya daripada orang-orang awam biasa, selepas itu. Pejuang Islam tulen adalah orang-orang yang suci zahir dan batinnya. Akibatnya, mana-mana yang tidak berapa faham akan perjuangan sebenar mereka, mahu tidak mahu pasti terkeluar daripada saf perjuangan sebenar, sama ada sebelum pembubaran Al-Arqam, atau pada peringkat awal pembubaran Al-Arqam itu, mahupun setelah beberapa lama masa berlalu.

Peristiwa pengharaman Al-Arqam dengan isu Imam Mahdinya yang berbangsa Jawa-Arab itu sebenarnya membuka mata ramai bahawa Imam Mahdi itu kelak adalah orang Melayu juga, dan bangsa inilah yang akan menguasai seluruh dunia dengan kekuatan Islam yang mereka punyai. Kekuatan Islam itu kini sebenarnya sudah berada dalam jiwa sanubari umat Melayu. Hanya kerana tiada lagi pemimpin Islam sejati yang dapat menonjolkannya, maka kekuatan dalaman itu masih tetap terpendam di dalam jiwa umat Melayu. Dan masa untuk kekuatan dalaman itu meletus sudah amat hampirnya kini. Dalam peristiwa pengharaman Al-Arqam ini, yang paling beruntung adalah bakal Imam Mahdi itu sendiri, kerana mendapat publisiti percuma dan cukup meluas daripada pihak akhbar dan pihak berkuasa Malaysia. Ustaz Haji Ashaari sendiri turut mendapat publisiti yang meluas dan lama, walaupun terpaksa menderita sebentar di dalam tahanan ISA, yang sisa-sisa kesakitannya masih lagi terasa hingga kini.

Peristiwa pahit dan paling hitam dalam sejarah umat Islam di Malaysia yang berkaitan dengan Imam Mahdi ini patut menjadi iktibar paling berguna kepada kita semua. Jangan menggunakan isu agama untuk ***membunuh*** agama. Sungguhpun Al-Arqam berjaya dihapuskan di Malaysia, yang sebenarnya mereka hapuskan itu hanyalah jemaah zahirnya sahaja. Al-Arqam adalah jemaah zahir, sedangkan jemaah hakikinya ialah Jemaah Aurad Muhammadiah. Jemaah hakiki ini tetap tidak berjaya dihapuskan atau diharamkan. Tidak ada alasan yang kukuh yang berjaya dibawa untuk mengharamkan

Aurad berkenaan. Maka hingga ke hari ini, Aurad Muhammadiah ini telah berkembang dan semakin berkembang, sesuai menurut keadaan semasa, kerana ini adalah zaman untuk Aurad itu berkuasa.

Yang paling malang bagi Pusat Islam ialah mereka hanya mampu berkokok di dalam rebannya sendiri. Benar, mereka hanya berjaya menghapuskan Al-Arqam di Malaysia sahaja, sedangkan Al-Arqam di luar negara telah begitu kukuh, hingga tidak terjejas walau sedikit pun. Di luar negara, logo Al-Arqam masih digunakan hingga ke hari ini, Aurad Muhammadiah tetap mereka amalkan secara bebas di kalangan mereka, mereka teruskan aktiviti-aktiviti perekonomian dan kemasyarakatan secara terbuka seperti dahulu juga, memakai pakaian yang sama seperti dahulu juga dan segala-galanya seperti biasa, malah kini semakin diperkemaskan lagi. Pusat Islam gagal mengharamkan Al-Arqam di luar negara. Tidak payah jauh-jauh, di Singapura sahaja logo Al-Arqam masih bebas terpampang di sana-sini. Di Indonesia, Jemaah Al-Arqam cukup berpengaruh di kalangan rakyat, perekonomiannya cukup meluas, program kemasyarakatannya meliputi, malah mereka bebas keluar masuk ke Istana Presiden. Begitu juga di Thailand, China dan kawasan-kawasan di sekitar Khurasan. Al-Arqam juga sudah bertapak lama di Tanah Arab. Semuanya ini tidak ***terharamkan*** oleh Pusat Islam yang hanya mampu melihat dari jauh sahaja, kerana di luar bidang kuasanya.

Yang lebih malang lagi, Pusat Islam sendiri dilihat tidak mempunyai satu bentuk pendirian yang muktamad terhadap isu Imam Mahdi ini, ketika badan itu sibuk memerangi Imam Mahdi Al-Arqam. Berdasarkan laporan-laporan akhbar dan media elektronik, nyata Pusat Islam sendiri bercelaru pendiriannya terhadap Imam Mahdi. Ada kalangan ahli panelnya menolak terus konsep Imam Mahdi dan menolak terus hadis-hadis mengenainya. Ada pula yang menerima konsep Imam Mahdi tetapi menolak pendapat bahawa Imam Mahdi itu berbangsa Melayu, walaupun campuran Arab-Melayu. Ada yang menerima konsep Imam Mahdi tetapi menolak terus konsep Pemuda Bani Tamim. Ada pula yang menerima konsep Pemuda Bani Tamim tetapi menolak pendapat bahawa Pemuda Bani Tamim itu dari Malaysia, yakni menolak pendapat bahawa Pemuda Bani Tamim itu adalah Ustaz Haji Ashaari Muhammad. Pusat Islam sendiri terpaksa berhempas pulas menentang Al-Arqam yang keseorangan itu, walaupun setelah mendapat bantuan penuh pelbagai pihak yang memberikannya bantuan. Dan, Pusat Islam sehingga ke hari ini masih lagi gagal menjelaskan pendirian muktamadnya terhadap konsep Imam Mahdi itu sendiri.

Namun, oleh kerana penolakan Pusat Islam itu sendiri tidak didasarkan kepada dalil dan hujah yang qat'ie, maka sesiapa pun tidak boleh dipaksa menerima atau menolak pendapat mereka itu. Pendapat mereka itu kekal sebagai suatu pendapat sahaja, tidak lebih dan tidak kurang. Tidak ada walau sebuah hadis pun yang dapat dikemukakan untuk menolak pendapat dan ijtihad yang telah dikeluarkan oleh Al-Arqam itu. Mana dia hadis yang dapat digunakan untuk menolak segala perkara yang telah ditimbulkan oleh Al-Arqam itu? Mana dalil yang dapat digunakan oleh mereka untuk mengharamkan segala pendapat Al-Arqam? Pendapat lawan pendapat, bolehkah diharamkan salah satunya? Hukum dan kaedah mana yang diguna pakai oleh Pusat Islam? Jika dinilai baik-baik dan teliti antara kedua-dua pendapat itu, pendapat siapakah yang lebih berwibawa dan konsisten untuk dianggap sebagai lebih benar? Walau apa pun, kita sebagai orang awam patut mengikut sahaja apa yang telah diputus dan ditetapkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan yang telah menetapkan bahawa Al-Arqam patut diharamkan.

Kita tidak bermaksud untuk mengungkit kembali apa yang telah berlaku dan telah diputuskan hukumnya oleh Majlis Fatwa Kebangsaan itu. Dan kita juga tidak bermaksud untuk membuka kelemahan dan kesilapan yang telah dilakukan oleh Pusat Islam itu. Tidak juga bermaksud mahu mencabar keputusan muktamad yang telah dibuat oleh Pusat Islam itu. Pengharaman Al-Arqam sebenarnya membawa rahmat dan kebaikan yang sangat banyak, yang tidak ternilai harganya kepada seluruh anggota perjuangan Islam. Sungguh, pengharaman Al-Arqam membawa lebih banyak rahmat dan kebaikan daripada kerugiannya, terutama kepada ahli-ahli perjuangan yang komited. Hal

ini amatlah diakui sendiri oleh bekas-bekas ahli Al-Arqam. Hanya jauhari yang kenal manikam. Kalaulah Al-Arqam tidak diharamkan pada suatu ketika dahulu, sudah tentu mereka tidak akan menjadi seperti apa yang berlaku pada hari ini.

Pertubuhan Al-Arqam sangat patut diharamkan dan seterusnya dihapuskan terus dari atas bumi Malaysia ini. Ini dikeranakan tugas dan peranannya sudah selesai. Tidak ada gunanya menyimpan sesuatu yang tidak sesuai digunakan lagi. Ibarat orang yang membuka tanah baru, peringkat awal membongkar tanah dan menerangnya dari hutan rimba sudah selesai. Maka alat yang digunakan untuk menerang hutan itu tadi sudah tidak sesuai lagi jika digunakan untuk tujuan menggembur tanah, menanam benih dan membuat parit. Mustahil kapak penebang dan gergaji mesin boleh digunakan lagi untuk tujuan membuat parit dan menggembur tanah.

Pastilah alat lain yang lebih sesuai pula digunakan. Kapak dan gergaji perlu disimpan sahaja di dalam rumah. Begitulah juga dengan Al-Arqam yang digunakan untuk menebang dan menerang perdu-perdu jahiliyah sehingga tanah yang hendak digunakan sudah terang dan rata. Apabila peringkat kedua iaitu ***menggembur tanah, menanam benih*** dan ***membuat parit***, maka Al-Arqam tidak diperlukan lagi. Simpan sahaja. Buang terus pun tidak mengapa.

Perbuatan beberapa orang bekas ahli Al-Arqam yang cuba menghidupkan semula Al-Arqam memang patut ditentang oleh setiap orang, terutamanya Pusat Islam, kerana perbuatan sedemikian adalah perbuatan orang yang buta perjuangan. Mustahillah dalam era begini, Al-Arqam masih boleh digunakan lagi. Al-Arqam adalah benda lama yang sudah tidak relevan lagi jika cuba dihidupkan oleh sesiapa pun. Jika dihidupkan juga, maka mereka yang menghidupkannya adalah orang-orang yang asas perjuangannya sudah begitu ketinggalan jauh ke belakang, sedangkan orang lain sudah amat jauh terkehadapan.

Jika dihidupkan sekali pun, jemaah itu tidak akan mampu membawa apa-apa yang bererti kepada masyarakat Islam, malah akan lebih merosakkan lagi nama jemaah Al-Arqam itu sendiri kerana ketidaksesuaiannya dengan peredaran zaman. Pejuang sejati adalah orang yang sangat peka terhadap setiap perubahan yang berlaku pada zamannya dan dia akan terlebih dahulu berubah sebelum zaman itu menerima sebarang perubahan. Barulah pejuang kebenaran itu dikatakan sebagai mendahului zamannya, bukannya sekadar mengekor zaman. Yang suka mengekor tidak boleh menjadi pemimpin umat ini dalam erti kata yang sebenarnya. Atau lebih ringkas disebut sebagai pemimpin sejati.

Hal ini perlu difahami betul-betul kerana pada peringkat kedua dan ketiga kebangkitan semula Islam, para pendukung perjuangannya tidak boleh lagi duduk di kampung-kampung, beruzlah daripada pandangan masyarakat umum. Mereka kini harus berada di bandar-bandar dan kota, mampu mendirikan *bandar-bandar Islam* dan bukannya lagi mendirikan perkampungan-perkampungan Islam seperti dahulu. Al-Arqam tidak lagi relevan dengan era 2000 Masihi ini kerana Al-Arqam lebih bersifat kekampungan, bukannya berimejkan kota Islam. Insya-Allah tidak lama lagi kita akan sibuk pula mendirikan *negara Islam*, seterusnya sibuk pula mendirikan *rantau Islam* dan seterusnya *dunia Islam* atau jagat raya Islam. Semua ini bukannya impian kosong, sebab sudah disebutkan oleh hadis-hadis yang mulia.

Berbalik kepada soal asal. Dari mana Ustaz Haji Ashaari Muhammad mendapat maklumat mengenai syeikh tarekatnya itu bakal muncul sebagai Imam Mahdi? Salah satu sumber zahirnya adalah bersandarkan kepada kenyataan yang dibuat oleh Al-Fadhil Ustaz Muhammad Taha Suhaimi, cucu kepada Sayidi Syeikh Muhammad bin Abdullah as-Suhaimi, seperti yang tersiar dalam akhbar ***Sunday Times***, Singapura, pada 13 Julai 1986. Ketika itu, tidak timbul langsung apa-apa dakwaan daripada Pusat Islam bahawa Ustaz Muhammad Taha Suhaimi telah sesat dan bidaah kerana mengaku datuknya bakal Imam Mahdi. Tetapi apabila perkara yang sama disebut oleh Ustaz Haji

Ashaari bin Muhammad, iaitu mengulang sahaja pendapat Ustaz Muhammad Taha Suhaimi, Pusat Islam mengambil tindakan yang sangat agresif, seolah-olah singa kelaparan yang baru dikejutkan dari tidurnya oleh seekor mangsa.

Menurut Mustaffa Suhaimi, terdapat enam alasan utama mengapa cucu pengasas Aurad Muhammadiah itu iaitu Ustaz Taha Suhaimi membuat dakwaan demikian terhadap datuknya itu yang antaranya adalah;

1. Pengakuan itu sebenarnya adalah lanjutan daripada pendedahan-pendedahan lain yang telah dibuat di dalam buku Manaqib Syeikh Muhammad as-Suhaimi. Buku manaqib ini, yang ditulis dalam bahasa Jawa, seperti juga buku-buku manaqib syeikh tarekat yang lain, tidak dimaksudkan untuk sebaran umum. Sebarannya memang dihadkan kepada para pengikut dan pengamal Aurad Muhammadiah sahaja. Orang luar memang tidak perlu tahu dan tidak perlu ambil tahu akan isi kandungannya, apa lagi mempertikaikannya.
   Maknanya pendedahan ini adalah sambungan daripada pendedahan yang pernah dibuat oleh bapanya sendiri. Pendedahan di dalam manaqib itu dibuat oleh anak pengasas Aurad, Ustaz Muhammad Fadhlullah Suhaimi dengan tujuan khusus untuk memperkuatkan bukti bahawa Aurad Muhammadiah itu adalah tarekat yang sah dan berasal daripada Rasulullah SAW sendiri. Tujuannya yang lain adalah untuk memberitahu para pengikut bahawa syeikh tarekat mereka telah diberi nikmat karamah yang besar oleh Allah. Dengan ini, mereka akan bertambah giat lagi beramal dengan wirid-wirid tarekat mereka itu. Hal seperti ini sudah biasa dilakukan oleh mana-mana tarekat pun, sejak dulu-dulu lagi.

2. Pendedahan itu asalnya bertujuan khusus untuk para pengikut dan pengamal Aurad sahaja, dengan tujuan meyakinkan lagi mereka bahawa Aurad yang mereka amalkan itu adalah Aurad tarekat yang benar. Tidak timbul soal orang luar ambil peduli atau tidak, percaya atau tidak, tahu atau tidak. Memang setiap pendedahan mengenai syeikh tarekat adalah khusus untuk kegunaan dalaman sahaja, tidak untuk tatapan umum, apatah lagi untuk tujuan disensasikan dalam mana-mana penerbitan. Lagi pun, pengikut dan pengamal Aurad itu semakin bertambah dan meliputi kawasan yang jauh-jauh. Pengamal Aurad ini semakin banyak terdapat di Singapura, Johor, Tanah Jawa dan Sumatera. Pendedahan terhadap datuknya ini dirasakan perlu dan dibolehkan dalam keadaan yang kukuh seperti ini.

3. Menentukan siapa dia Imam Mahdi itu secara khusus sebelum munculnya, hukumnya adalah harus dan tidak merosakkan akidah. Ini memandangkan bahawa soal ini adalah soal yang khilafiah sahaja. Atas dasar itu, beliau mengumumkan kepada para pengamal khususnya dan orang ramai amnya bahawa datuknya itu adalah bakal Imam Mahdi yang akan muncul tidak lama lagi. Ini berdasarkan beberapa isyarat dalaman yang beliau terima dan hanya beliau yang lebih memahaminya, berkat daripada Aurad yang beliau amalkan sejak dahulu lagi. Beliau yakin bahawa ijtihadnya itu adalah benar, dan mendapat pahala kerana beliau yakin beliau sudah mendapat ilmu yang mencukupi dan mencapai tahap mampu mengeluarkan ijtihadnya sendiri, khusus dalam soal Imam Mahdi ini sahaja.

4. Pengakuan itu tidak dibuat oleh pengasas Aurad Muhammadiah itu sendiri, juga tidak timbul dari pengaruh nafsu, tidak juga timbul dari khayalan cucu pengasas Aurad itu, tidak juga dengan tujuan duniawi. Pengakuan itu dibuat berdasarkan fakta dan sumber-sumber yang meyakinkan akan kebenaran pengakuannya itu. Tidak berlaku sebarang kesilapan fahaman antara ucapan beliau dengan apa yang dicatat oleh wartawan yang melaporkan berita itu. Beliau sendiri pun bertanggungjawab penuh terhadap pengakuannya mengenai diri datuknya itu. Sebelum pengakuan ini dibuat, beliau sudah mengkajinya sungguh-sungguh dan mendapatkan segala maklumat yang diperlukan dari orang-orang salih yang masih hidup lagi, kini sudah berumur lanjut yang pernah berjumpa sendiri dengan datuknya itu.

5. Pengakuan ini adalah suatu ijtihad, yang jika betul akan mendapat dua pahala dan jika salah tetap mendapat satu pahala. Oleh kerana konsep Imam Mahdi sendiri adalah ikhtilaf dan furuk dalam Islam, maka tidaklah salah jika beliau berijtihad mengenainya. Sama ada ijtihadnya itu benar atau salah, tidaklah sampai menjejaskan akidah sebagai seorang Islam sejati. Orang-orang Islam awam pun tidak akan terjejas apa-apa dalam hal ini, sama ada mahu percaya atau tidak, yang terbaca berita itu atau tidak. Beliau pun tidak pernah memaksakan kepercayaannya ini kepada sesiapa pun dari kalangan orang awam.

6. Pengakuan itu dibuat bukan bermotif politik kerana beliau dikenali sebagai seorang yang tidak pernah memasuki mana-mana parti politik di Singapura sehingga ke akhir hayatnya. Beliau lebih dikenali sebagai seorang guru agama yang gigih dalam usaha dakwahnya dan ini meyakinkan lagi kita bahawa beliau tidak mempunyai sebarang kepentingan atas pengakuannya mengenai diri datuknya itu. Beliau menyebutkan hal itu untuk hebahan di kalangan para pengamal Aurad berkenaan di Singapura sendiri khususnya dan di selatan Semenanjung Malaysia amnya.

Dan menurut Ustaz Taha Suhaimi sendiri berdasarkan pandangannya sebagai orang yang berkecuali, asas pengharaman terhadap Al-Arqam itu dikatakan berpunca dari unsur-unsur luar yang sebenarnya tidak ada sangkut pautnya dengan Al-Arqam. Jika ada pun, tidaklah begitu kuat untuk sampai membolehkan Al-Arqam diharamkan. Jelasnya, Al-Arqam itu sendiri dijadikan ***kambing hitam*** untuk kepentingan pihak-pihak tertentu. Beberapa alasan dan tuduhan sengaja dicari-cari dan digembar-gemburkan kepada umum untuk membolehkan mereka mengharamkan terus Al-Arqam. Betul atau tidak, cerita lain. Antara alasan yang sering digunakan oleh mereka adalah:

1. Persoalan yaqazah. Orang ramai memang tidak faham apa itu yaqazah, boleh atau tidak berlakunya, siapa dan di mana, serta bagaimana bentuk berlakunya. Orang yang telah mati mustahil bangun semula.

2. Bertemu dan bercakap-cakap dengan Rasulullah SAW dan Imam Mahdi. Hal ini menyalahi syariat bagi Pusat Islam kerana Rasulullah SAW sudah lama wafat dan mustahil dapat ditemui, apatah lagi berbual-bual dengannya.

3. Ajaran yang tidak Islamik atau didakwa membawa ajaran baru. Walaupun persoalan ini agak sensitif, tetap juga dikemukakan dengan beberapa ***pembetulan*** dari semasa ke semasa.

4. Mahu mengambil alih pentadbiran Pusat Islam. Inilah punca sebenar mengapa Al-Arqam diserang habis-habisan oleh pegawai-pegawai tertinggi Pusat Islam dan kerajaan.

5. Pakaian yang tidak mencerminkan identiti bangsa Melayu kerana mengambil bentuk pakaian dari negara Arab yang sudah pasti iklimnya jauh berbeza daripada iklim kita di Malaysia ini dan tidak sesuai dengan suasana masyarakat Malaysia yang majmuk.

6. Mengeksploitasi wanita untuk tujuan seks. Hujah paling kuat adalah penghambaan seks dan nikah cerai secara sesuka hati sahaja. Orang Al-Arqam dituduh suka kahwin banyak atau beristeri ramai.

7. Melarikan anak orang. Al-Arqam dituduh melarikan beberapa anak orang, kemudian melakukan kaedah ***torture*** terhadap mereka yang dilarikan itu supaya mengikut jemaah mereka.

8. Mahu mengambil alih pemerintahan Malaysia daripada Perdana Menteri Malaysia sekarang.

Inilah salah satu alasan utama yang mereka buat untuk mengharamkan Al-Arqam.

9. Mengancam keselamatan. Keselamatan siapa? Sehingga ke saat akhir Al-Arqam diharamkan, tidak seorang pun daripada mereka yang mengangkat senjata menyerang polis, menteri atau orang ramai.

10. Menubuhkan Tentera Badar yang kononnya berpusat di Bangkok. Sehingga ke hari ini, Pusat Islam masih gagal menunjukkan sebarang bukti terhadap tuduhan lisan mereka itu, sedangkan mereka sebelum itu katanya ada bukti kukuh terhadap apa yang mereka dakwakan itu.

11. Al-Arqam mengamalkan amalan Silat Sunda yang menyalahi akidah kerana amalan menyeru roh sebelum boleh bersilat. Sebenarnya orang-orang Al-Arqam tidak pernah mengamalkan Silat Sunda.

12. Corak perjuangan yang sudah berubah. Dahulu, katanya Al-Arqam bergerak sebagai badan dakwah dan setelah sekian lama, mereka sibuk menceritakan tentang Imam Mahdi pula.

13. Al-Arqam adalah sebuah pertubuhan yang tidak berdaftar dengan mana-mana pihak pun. Oleh itu, Al-Arqam perlu diharamkan terus atau terpaksa didaftarkan untuk menjadikannya ***halal***.

14. Memperalatkan beberapa orang tokoh koperat dan pemimpin-pemimpin negara yang bergambar dengan mereka untuk menunjukkan bahawa mereka mendapat sokongan daripada golongan berkenaan.

15. Ustaz Haji Ashaari bin Muhammad dikatakan mendakwa dirinya wali Allah. Ada pula berita yang mengatakan beliau mengaku dirinya sebagai nabi dan sebagainya.

16. Menarik seberapa ramai pelajar universiti yang sedang menuntut, terutama yang perempuan untuk menyertai jemaah Al-Arqam.

Ada beberapa alasan lagi yang sering digunakan untuk mengharamkan Al-Arqam oleh Pusat Islam. Namun cukuplah dengan beberapa alasan yang diberikan di atas, kerana alasan-alasan yang di atas itulah yang paling sering digunakan untuk tatapan masyarakat umum.

Dari segi kepentingan ahli-ahli politik Malaysia pula, pada masa itu, ada empat sebab utama dan segera yang menjadikan Ustaz Haji Ashaari Muhammad perlu dikekang pergerakannya, dakwahnya disekat, jemaahnya dihapuskan, imejnya dijatuhkan dan pengaruhnya cuba dimusnahkan.

1. Ditandai dengan ramalan paling kontroversi oleh ***Syed Hussein Alattas*** dalam buku politiknya ***Talqin Untuk Umno*** (Jun 1988). Ramalan oleh Syed Hussein inilah yang amat menggemparkan seluruh ahli politik Umno terutamanya, Barisan Nasional dan pihak pembangkang amnya. Umno pada ketika itu sedang menghadapi perpecahan yang amat serius dan hampir gagal dibendung oleh Presidennya sendiri. Ramalan oleh Syed Hussein ini bukanlah alang-alang dan tidak boleh dipandang sebelah mata. Sama ada logik atau tidak, ramalannya tetap perlu diambil kira kerana setakat buku itu ditulis, sudah beberapa banyak ramalannya yang sebelum itu dikira tidak logik, telah benar-benar berlaku. Maka ramalan beliau kali ini, bahawa Ustaz Haji Ashaari bin Muhammad bakal menjadi Perdana Menteri Malaysia yang kelima menyebabkan beberapa pihak ***panas punggung*** dan memikirkan secara serius cara-cara untuk menggagalkan ramalan tersebut. Dan Syed Hussein juga begitu serius dengan ramalannya kerana selepas buku ***Talqin Untuk Umno*** ini, beliau masih lagi

mempertahankan ramalannya dalam sekurang-kurangnya sebuah buku politik yang ditulis selepas itu iaitu ***Memo Kepada Perdana Menteri*** (Februari 1992). Kerana itulah tindakan terhadap pemimpin Al-Arqam itu perlu ditangani secara begitu serius pula.

2. Jemaahnya semakin berkembang. Al-Arqam tidak dilihat sama dengan Pas, Abim, Tabligh atau jemaah-jemaah lain. Pas hanya *mengandalkan* tokoh-tokoh dan isu yang menjurus ke arah politik semata-mata. Sungguhpun mereka mendakwa memperjuangkan Islam, tidak ada jasa yang dilihat jelas dihasilkan oleh tangan-tangan mereka kepada rakyat yang benar-benar dapat dinikmati oleh rakyat selain mencaci pemimpin kerajaan, mengata orang itu dan ini, sambil mendakwa mereka lebih bijak bercakap dan berhujah daripada pihak lawan. Iman dan ilmu juga ditakuk lama, tiada perubahan kerana menyertai Pas. Abim pula lebih menumpukan perhatian kepada teori, seminar, forum, kertas kerja, universiti dan golongan kolar putih yang profesional. Rakyat biasa atau marhaen agak sukar untuk diterima menjadi ahli aktif atau memegang jawatan yang tinggi di dalamnya. Jika ada pun, boleh dibilang dengan jari. Jemaah Tabligh tidak berminat dengan politik, walaupun cara pendidikannya baik. Semuanya ini tidak merisaukan mana-mana pemimpin kerajaan pun. Al-Arqam jauh berbeza daripada semuanya itu, malah dengan kerajaan pun mereka jauh berbeza dari hampir semua sudut. Apa yang mereka buat, dalam apa bidang pun adalah sepuluh tahun lebih terkehadapan daripada jemaah-jemaah lain dan daripada kerajaan sendiri. Ini yang benar-benar merisaukan para pemimpin kerajaan. Lagipun perkembangan jemaah Al-Arqam yang mampu menjangkau hingga ke Khurasan, China, Timur Tengah, Amerika Syarikat dan Eropah adalah sesuatu yang tidak pernah terfikirkan oleh mana-mana pemimpin pun, malah tokoh koperat terbesar di Malaysia pun tidak mampu melakukan apa yang Al-Arqam telah lakukan.

3. Pengaruhnya semakin menular dan mengukuh di kalangan rakyat Malaysia. Al-Arqam baru berusia dua puluh lima tahun tetapi pengaruhnya sudah cukup besar, bukan sahaja di Malaysia malah menjangkau ke beberapa buah negara luar. Pengaruh mereka bukan sahaja di kalangan marhaen yang tinggal di kampung-kampung, malah pemimpin-pemimpin kanan kerajaan yang bertaraf menteri pun turut menyokong Al-Arqam. Bukan sahaja orang-orang miskin dan tidak berharta yang simpati dengan Al-Arqam, malah tokoh koperat juga amat simpati dengan mereka. Dakwah mereka tidak terhad di kota-kota besar seperti Kuala Lumpur dan Johor Baharu, malah mereka juga sentiasa pergi ke pedalaman Sabah dan Sarawak dengan perbelanjaan sendiri, menanggung segala susah payah. Mereka tidak setakat pergi ke universiti-universiti untuk berdakwah, malah pergi ke perkampungan-perkampungan Orang Asli di serata negeri di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Juga berdakwah kepada golongan-golongan terbiar seperti mak nyah, penagih dadah dan artis-astis yang sudah *terlalu jauh hanyut*. Mana dia parti politik atau badan dakwah lain yang sanggup berbuat seperti mereka?

4. Tawaran terbukanya untuk mengambil alih menguruskan Pusat Islam selama setahun. Tawaran terbuka oleh Ustaz Haji Ashaari bin Muhammad ini dibuat melalui akhbar rasminya Al-Arqam dan turut disiarkan oleh Mingguan Islam. Menurut beliau, biarlah Pusat Islam ditabdir secara percuma oleh Al-Arqam selama setahun dan selepas itu, jika mereka gagal, pihak kerajaan bolehlah ambil semula pentadbirannya dan jika Al-Arqam berjaya menguruskannya dengan cemerlang, pihak kerajaan boleh memikirkan sama ada mahu diserahkan lagi pengurusannya kepada Al-Arqam atau mahu diambil semula. Tawaran terbuka ini rupa-rupanya disambut dengan segala macam serangan yang bertubi-tubi oleh Pusat Islam sendiri, sebagai menunjukkan yang mereka masih gagah, masih mampu ***buat kerja*** dan ***tidak sekoman*** yang didakwa oleh Al-Arqam itu.

Jelaslah, bahawa isu Imam Mahdi Al-Arqam ini adalah ***kambing hitam*** yang digunakan oleh Pusat Islam dan kerajaan Malaysia untuk menutup kelemahan mereka, menghapuskan pengaruh

Ustaz Haji Ashaari bin Muhammad dan jemaah Al-Arqam yang dipimpin oleh beliau itu. Ada isu lain yang tidak didedahkan kepada umum. Itulah sejarah pelik Al-Arqam, yang kini sudahpun berkubur dan tinggal sebagai suatu bahan sejarah yang mempunyai berbagai-bagai rona. Pejuang-pejuang Islam tidak patut memperjuangkan alat atau wadah, tetapi sepatutnya memperjuangkan Islam itu sendiri atau mendukung kebenaran itu sendiri. Orang yang memperjuangkan alat, atau orang yang memperalatkan Islam dalam perjuangan mereka adalah golongan yang tertipu dan menipu.

Sekarang, isu Al-Arqam tidak patut ditimbulkan lagi dan tidak boleh ditimbulkan semula. Umpama orang yang telah lama mati, tidak akan hidup semula melainkan di akhirat kelak. Begitu jugalah dengan Al-Arqam. Perjuangan hari ini adalah untuk menegakkan ***Bandar Islam***, bukan lagi Darul Arqam (***Kampung Islam***). Oleh itu, sekali lagi ditegaskan bahawa Al-Arqam sudah tidak sesuai dengan perkembangan Islam pada masa ini. Jemaah Al-Arqam yang berada di luar negara juga sudah mula menukar arah dan teknik perjuangan kepada bentuk baru ini dan meninggalkan imej lama mereka, biar pun mereka yang luar sana tidak diusik oleh pihak pemerintah di negara masing-masing. Perjuangan di bandar lebih membawa kesan kepada sesiapa sahaja kerana lazimnya pemikiran orang bandar lebih terbuka dan lebih mudah menerima perubahan. Orang bandar juga lebih berupaya menjadi peneraju manakala orang kampung pula lebih bersifat mengekor sahaja.

Kalau mendirikan sebuah *perkampungan Islam* sahaja sudah amat payahnya, inikan pula kalau hendak mendirikan sebuah *bandar Islam*, maka lebih-lebih lagilah payahnya. Kerana itulah jika ada mana-mana individu yang berupaya mendirikan sebuah bandar Islam tanpa menimbulkan sebarang masalah kepada masyarakat sekitarnya, maka orang itu bukanlah calang-calang pemimpin. Pastilah dia itu seorang yang pemikirannya cukup besar, strateginya cukup tersusun dan kepemimpinannya cukup berwibawa. Jika pada satu-satu masa ada orang yang mampu melakukan hal ini, maka tidak syak lagi orang itulah yang sepatutnya menjadi pemimpin seluruh umat manusia ini. Sebabnya, pada satu-satu masa, hanya seorang sahaja dari kalangan umat Islam ini yang Allah berikan keupayaan begini, tidak kepada mana-mana orang, biar sepandai dan sekaya mana pun orang itu. Pemuda Bani Tamim itu dilahir dan berjuang di Malaysia ini kerana rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama. Maka cabaran mendirikan sebuah bandar Islam di sini jauh lebih hebat daripada mendirikan sebuah bandar Islam di kalangan penduduk yang rata-rata beragama Islam.

Sikap Umat Islam yang Sepatutnya

Umat Islam adalah umat yang paling pandai, berilmu tinggi, berfikiran matang, berfikiran jauh, berpandangan luas, berfikiran terbuka, tidak emosional, tidak terburu-buru, mudah dibawa berunding, akhlak yang terpuji, punya pendirian yang tetap, sikapnya lembut tidak mudah ditarik tegap tidak mudah digoyang, keyakinannya cukup tinggi dan ilmunya tidak boleh dijual beli. Mereka mempunyai al-Quran dan hadis untuk dipegang dan diikuti, mereka mempunyai Allah taala untuk ditaati, dicintai dan ditakuti, dan mempunyai Nabi Muhammad SAW untuk dipatuhi dan disayangi. Al-Quran sendiri menyuruh setiap umat Islam agar berlaku adil dalam semua perkara, banyak berfikir dan berakhlak mulia.

Mengenai masalah Imam Mahdi ini, sepatutnya setiap umat Islam, tanpa mengira mazhab dan pegangan, sama-sama mempunyai pendirian yang jelas, jitu dan alasan yang kukuh. Jangan terikut-ikut dengan sesuatu yang dirasakan sesuai dengan citarasa dan selera kita sahaja. Islam adalah agama yang sesuai untuk semua, bukan untuk kita seorang atau berdua sahaja. Setiap pendirian kita dalam sesuatu masalah sepatutnya berlandaskan ilmu yang hakiki, sesuai pula dengan suasana zaman yang kita hidup di dalamnya, sesuai pula dengan tahap ilmu dan pemikiran kita sendiri, sesuai dengan

budaya masyarakat yang kita amalkan dan sesuai dengan pemimpin sejati pada zaman kita itu.

Sayangnya, umat Islam pada hari ini berpecah-pecah dan berbeza-beza pendapat dalam masalah khilafiah Imam Mahdi ini sejak sekian lama, akibat masing-masing tidak mahu mendengar hujah dan pendapat lawan, tidak mahu tunduk pada kebenaran, tidak mahu memikirkan hujah lawan dan sentiasa merasakan pendapatnyalah yang amat benar lagi betul. Hati umat Islam sudah terlalu jauh daripada Tuhannya, sehingga masing-masing sudah tidak merasakan yang mereka diperhatikan oleh Allah taala. Akibatnya, masalah yang asalnya cuma suku jengkal panjangnya, kini sudah menjadi lebih sedepa panjangnya. Malah akan terus-menerus menjadi beberapa depa lagi pada masa akan datang. Tiada jalan penyelesaian yang dapat dicari. Hanya hidayah Allah SWT sahaja yang dapat menyelamatkan kita dari terus-menerus berada dalam kegelapan perpecahan mengenai masalah ini.

Sikap Para Ulama yang Sepatutnya

Sesiapa yang telah Allah SWT pilih dia menjadi sebagai seorang ulama, patutnya banyak-banyak bersyukur atas nikmat yang cukup besar itu, yang tidak diberikan-Nya kepada orang lain. Pemilihan mereka sebagai ulama itu disertakan sekali dengan satu tanggungjawab yang cukup besar dan berat yang perlu ditunaikan sepenuhnya. Maka kerana itu, mereka mempunyai tanggungjawab yang cukup besar, iaitu untuk menunaikan amanah sebagai ulama itu dengan penuh ikhlas, atau bersedia menerima azab neraka yang paling pedih jika amanah itu disia-siakan. Azab neraka untuk para ulama yang suk adalah jauh lebih dahsyat dan berat daripada azab yang diterima oleh seorang penzina, dan akan dicampakkan ke dalam neraka lima ratus tahun lebih awal daripada seorang penyembah berhala.

Para ulama adalah orang yang paling tahu selok-belok agama Islam di kalangan umat ini. Sikap ulama yang membisu daripada memperkatakan masalah ini secara terus terang dan berani, menyebabkan umat Islam menjadi berpecah belah dan bercanggah pendapat seperti yang dapat kita lihat pada hari ini. Ulama zaman dahulu berani dan tegas pendirian mereka, didasarkan hujah yang kukuh dan sukar dibantah lagi. Mereka amat bersikap terbuka dan sedia mendengar pendapat dari pelbagai pihak, sekali pun dari pihak yang lemah dan kecil, atau dari pihak yang sedia diketahui akan kesesatannya. Setiap pendapat itu mereka timbang dengan berhati-hati dan penuh teliti, sesuai dengan kedudukan mereka sebagai seorang ulama, bukan sekadar seorang sarjana dan cendekiawan semata-mata.

Pendapat mereka itu dibukukan untuk tatapan umat sezaman dan juga untuk panduan generasi kemudian. Mereka menjelaskan perkara yang hak sebagai hak, dan yang batil sebagai batil. Ilmu dan ijtihad mereka sesuai untuk umat Islam pada zaman mereka, walaupun kebanyakannya masih lagi boleh diguna pakai oleh umat zaman ini. Mereka telah mendapat sekurang-kurangnya satu pahala kerana ijtihad mereka itu, yang dibuat berdasarkan segenap ilmu, keupayaan dan kesesuaian yang diperlukan pada zaman itu.

Mereka tidak terikat atau cenderung kepada mana-mana pihak, baik dari pihak pemerintah mahupun pihak lain yang cuba mengambil kesempatan. Mereka mengeluarkan pendapat dan ijtihad dengan penuh rasa tanggungjawab terhadap Allah, agama Islam, umat Islam dan dirinya sendiri. Niat mereka begitu ikhlas dalam ijtihad mereka. Hasilnya, mereka sangat dimuliakan oleh Allah SWT, juga sangat dihormati oleh sekalian umat Islam, amat didengki oleh ulama zahir yang sezaman dan sangat ditakuti oleh para pemerintah pada masa mereka hidup. Nama mereka terus hidup dan segar sepanjang zaman, malah mekar mewangi dalam setiap hati sanubari umat Islam walau di mana sahaja. Hujah dan alasan mereka tetap tidak terpatahkan oleh lawan, walaupun cuba dikumpulkan segenap hujah dari sekian ramai cendekiawan dan sarjana sekalipun. Ini tidak lain tidak bukan adalah kerana

keikhlasan mereka dalam berijtihad tadi, yang dilakukan dengan penuh rasa tanggungjawab.

Ulama dahulu mampu membentuk dan mencorak umat Islam keseluruhannya, dijadikan ***role model*** oleh setiap umat dalam setiap aspek kehidupan. Pakaian mereka sahaja sudah dapat membezakan mereka daripada orang awam, dan orang awam meniru bentuk pakaian yang dipakai oleh ulama tadi dan menganggapnya sebagai suatu sunnah. Rumah tangganya menjadi ***uswatun hasanah*** dan dirujuk oleh orang awam sebagai keluarga contoh. Ibadah mereka diikut oleh para abid dan solihin, malah orang awam pun menjadi banyak ibadah mereka kesan mengikut banyaknya ibadah para ulama yang mereka contohi tadi. Wirid zikir mereka tidak terkirakan lagi banyaknya, tasbih tidak lekang dari tangan mereka. Tawakal mereka setinggi gunung, sehingga mereka tidak lagi risau dengan rezeki mereka dan ini turut diikut oleh orang awam, sehingga yang miskin menjadi redha dengan rezeki mereka yang sedikit.

Dengan berbuat begini, barulah para ulama akan dihormati semula oleh semua pihak. Umat akan merujuk segala permasalahan mereka, dari yang sebesar-besarnya hinggalah kepada yang sekecil-kecilnya kepada institusi ulama yang bebas, berwibawa dan tegas ini. Dengan ini, diharapkan agar institusi ulama akan diangkat semula ke kedudukannya yang asal dan sepatutnya untuk mereka - bebas, berkecuali, berwibawa dan amat dihormati. Namun, adakah mana-mana ulama hari ini yang bersih lidahnya daripada berkata-kata yang tidak perlu? Mana dia ulama yang mempunyai segala ciri-ciri di atas pada zaman ini? Mana dia ulama yang boleh dijadikan ***role model*** untuk diikut oleh sekalian umat Islam pada zaman ini? Tunjukkan siapa dia orangnya.

Seterusnya sikap seperti ini mampu membuka minda seluruh umat Islam terhadap kedudukan sebenar soal khilafiah ini, dan ranting-ranting masalah yang berkaitan dengannya. Akhirnya setelah semuanya mendapat kefahaman yang jitu dan pasti, seluruh umat akan bersatu hati, bersatu fikiran dan bersatu tenaga membangunkan Islam ini. Tidakkah itu hasil yang kita idam-idamkan selama ini? Sayang sekali kerana para ulama yang ada tidak bersuara. Atau jika bersuara pun, hanya menyentuh soal-soal yang selamat, yang tidak menyinggung pihak pemerintah terutamanya. Para ulama juga tidak bersatu hati dan bersatu jiwa raga sepenuhnya. Mereka hanya mampu bersatu dari segi zahir iaitu mengikut persatuan-persatuan ulama yang mereka masuki sahaja, tidak dari segi fikrah, kefahaman, penghayatan, pengamalan dan matlamat.

Oleh itu, sebagai panduan am kepada para ulama khususnya dan bakal ulama amnya, penulis sertakan di sini beberapa panduan paling asas yang patut menjadi renungan kita bersama, kemudian sama-sama diamalkan dengan bersungguh-sungguh iaitu:

1. Jika ulama sendiri hatinya amat jauh daripada Tuhan, maka para pemimpin dan rakyat langsung tidak ada Tuhan di dalam hatinya.
2. Jika ulama sendiri mencari dunia, maka pemimpin dan rakyat akan mengejar dunia sungguh-sungguh.
3. Jika ulama tidak dapat dijadikan model ikutan, pemimpin dan rakyat akan meninggalkan ulama dan mengikut para penyanyi dan pelakon sebagai model ikutan mereka.
4. Jika ulama pintu hatinya tertutup daripada hidayah Allah, pemimpin dan rakyat akan mati hati mereka daripada mendapat hidayah Allah.
5. Jika ulama tidak mendapat hidayah, segala ungkapannya terhadap pemimpin dan rakyat akan menjadi seperti mencurahkan air ke atas kulit telur burung kasawari.
6. Jika ulama malu beramal dengan amalan sebenar Islam, pemimpin dan rakyat akan tidak mahu lagi beramal dengan sunnah.
7. Jika ulama sudah tidak takutkan Allah, pemimpin hilang takut kepada ulama dan rakyat akan hilang segan kepada ulama.

Para ulama sepatutnya melihat keadaan masyarakat yang amat kronik pada hari ini dan berasa

amat risau dengan apa yang telah berlaku. Ingatlah, apa yang berlaku pada hari ini adalah akibat daripada sikap para ulamanya yang tidak berjihad pada jalan Allah dengan sungguh-sungguh. Mereka sepatutnya melihat apa yang berlaku di atas dan apa yang terjadi di bawah. Kalau tidak terasa apa-apa pada lubuk hatinya, itu tandanya hati ulama itu telah benar-benar mati daripada mendapat hidayah Allah. Kita pasti akan ditanya apa yang telah kita lakukan untuk memperbaiki kerosakan umat yang berlaku pada hari ini.

Apabila pemimpin yang di atas sudah rosak, itu tandanya bahawa institusi ulama sudah rosak. Hadis Nabi SAW ada menyebutkan bahawa rosaknya pemimpin adalah dikeranakan oleh rosaknya para ulama. Sekiranya institusi ulama tidak rosak, para pemimpinnya juga pasti tidak akan rosak. Jika rosak pun, tidaklah seteruk yang berlaku pada hari ini. Hal ini sudah dijelaskan oleh baginda SAW sejak awal-awal lagi. Jika ulamanya bertakwa, pasti para pemimpinnya akan menjadi pemimpin yang baik kepada rakyat. Kemudian, apabila rakyat biasa sudah rosak, malah amat kronik pula keadaannya, maka ketahuilah bahawa itu dikeranakan oleh rosaknya pemimpin mereka tadi, dan kita telah ketahui bahawa rosaknya pemimpin disebabkan oleh rosaknya para ulama.

Maka jelaslah di sini, ulamalah yang memikul tugas yang amat berat dan besar, yang diletakkan di atas pundak mereka oleh Allah. Allah tidak berikan mereka kelebihan ilmu-Nya secara percuma atau tanpa tanggungjawab yang menyertainya. Oleh itu, berbahagialah sesiapa yang menerima kelebihan ilmu-Nya dan berbahagialah pula orang yang diberi kemampuan menunaikan amanah-Nya itu. Maka fikirkanlah semua ini wahai orang yang berstatus ulama!

Bagaimanakah caranya untuk mengatasi semua masalah yang amat besar, rumit dan payah ini? Jawapannya ialah dengan kembali semula kepada apa yang diperintahkan oleh baginda SAW di dalam hadisnya iaitu mencari siapa dia pemimpin yang telah Allah tunjukkan untuk zaman ini. Kita masih lagi berada pada awal kurun Hijrah. Oleh itu, marilah kita cungkil semula hadis-hadis yang berkaitan dengan peristiwa akhir zaman. Semoga dengan itu kita akan dapat mencari, mencungkil, membuka dan menjawab persoalan penting; ***Siapa dia pemimpin yang ditunjuk itu untuk zaman kita ini***? Hanya dengan mendapatkan orang yang Allah telah utuskan untuk memimpin umat pada zaman ini sahajalah tanggungjawab yang sedang dipikul (sebenarnya mereka sudahpun tidak terpikul!) oleh para ulama ini dapat dialihkan kepada pemimpin itu. Hanya dia sahaja yang mampu menyelesaikan tugas yang tidak terpikul oleh para ulama itu, biar pun mereka berkongsi beramai-ramai untuk cuba memikulnya.

Setelah itu, tunjukkan dan hebahkan kepada orang ramai bahawa inilah dia pemimpin yang ditunjuk oleh Allah untuk sekalian manusia pada zaman ini, supaya mereka dapat mengenalinya, melihatnya, mentaatinya dan menjadikan dia sebagai pemimpin mereka. Dengan itu, para ulama boleh tidur dengan aman damai dan selesa di dalam rumah masing-masing kerana beban mereka sudah terlepas dan jika mati pun, bolehlah mati dengan senyuman dan wajah yang berseri-seri. Insya-Allah akan selamat pula di dalam kubur dan selamat juga di akhirat sana. Tidakkah semua ini menjadi ***impian emas*** (golden dreams) kita sebagai seorang ulama? Jika semua ini tidak ada, apa peranan kita sebenarnya? Oleh itu, carilah jalan dari mana kita hendak bermula. Ingatlah, perjalanan yang jauh bermula daripada langkahan yang pertama. Jika tidak mula melangkah, kita tidak akan sampai ke mana pun.

Sikap Para Sarjana dan Cendekiawan Islam yang Sepatutnya

Para sarjana dan cendekiawan Islam adalah orang yang mempunyai ilmu yang mendalam bagi sesuatu matan (cabang) ilmu, mengkaji sesuatu isu secara mendalam dan adil, tanpa menyebelahi mana-mana pihak, tidak mencari sebarang kepentingan, kemudian mengeluarkan teori-teori dan resolusi-resolusi yang dirasakan terbaik, hasil daripada pemikirannya sendiri atau cantuman beberapa pemikiran, berusaha membantu memajukan umat Islam dalam serba-serbi, terutama dari segi zahirnya dengan segenap ilmu yang ada pada mereka. Mereka dianggap sebagai golongan yang profesional dalam bidang dan pengkhususan mereka itu. Demikian secara ringkas maksud sarjana dan cendekiawan Islam menurut pandangan penulis.

Namun, itu hanyalah benar di atas kertas sahaja, tidak selalunya benar di dalam realiti kehidupan. Sebab itu kita dapati banyak sarjana dan cendekiawan yang menyalahi etika kesarjanaannya atau kecendekiawanannya. Mereka tidak mengkaji sesuatu isu dengan teliti, tidak secara mendalam, selalu berat sebelah, mempunyai kepentingan tertentu, penuh syak wasangka terhadap pendapat pihak lain yang tidak bersesuaian dengan pendapatnya, hanya mengemukakan pendapat satu-satu pihak sahaja dan tidak begitu berusaha memajukan seluruh umat Islam. Mereka lebih mementingkan kebajikan golongan-golongan tertentu yang dihadapkan persoalan ini dan lazim pula memandang rendah terhadap umum umat Islam kerana berasakan ilmu orang awam itu tidak setaraf dengan ilmu mereka, atau tidak sematang ilmu mereka. Ilmu mereka jarang yang dapat dipraktikkan dalam kehidupan sebenar bermasyarakat. Ilmu mereka sesuai dibincang dalam forum-forum, seminar-seminar atau bengkel-bengkel kerana bentuk-bentuk demikian lebih sesuai untuk mereka melontarkan teori demi teori, pendapat demi pendapat dan gagasan demi gagasan.

Sikap seperti ini hanya menyebabkan berlaku satu jurang yang amat besar dan dalam antara golongan sarjana ini dengan umat Islam umum. Antara satu golongan terhadap golongan yang lain, saling memandang rendah terhadap golongan yang satu lagi. Masing-masing menaruh syak wasangka dan kata-mengata di belakang. Jika bertemu, sudah tidak terasa kemesraan antara kedua-dua golongan ini, tidak masuk ke hati. Cakap-cakap golongan sarjana dan cendekiawan ini sudah ***tidak berbisa*** lagi, tidak tajam dan tidak mampu menusuk ke lubuk hati umat Islam. Mereka dan pendapat mereka tidak dianggap berwibawa dalam soal agama, baik soal agama yang besar-besar, apatah lagilah dalam soal-soal yang lebih kecil. Ilmu mereka besar tetapi cakapnya tidak setajam mata pedang. Taraf mereka tidak lebih daripada seorang biasa sahaja. Pakaian zahir mereka pun sudah cukup untuk membuktikan kebenaran hal ini.

Dalam soal Imam Mahdi ini, para sarjana dan cendekiawan Islam tidak berani lagi memperkatakannya secara terus terang, takut nanti dikata sebagai golongan yang mundur, percaya kepada dongeng dan sebagainya. Sebab itu para sarjana hari ini cuba menafikan kemunculan Imam Mahdi dengan pelbagai alasan. Kesannya, umat Islam dilontarkan dengan pendapat satu-satu golongan sahaja, iaitu golongan yang tidak percaya kepada kemunculan Imam Mahdi. Para sarjana dan cendekiawan kelihatan cukup takut terhadap tekanan dan ancaman dari pihak pemerintah yang memerintah di negara masing-masing. Jika diperkatakan juga, disampaikan dengan penuh lemah lembut dan *berlapik tujuh lapis*. Tiada yang berani memperkatakannya secara terperinci atau lengkap, takut nanti ada pihak yang akan tersinggung.

Sepatutnya merekalah golongan yang paling berani memperkatakan soal ini, supaya umat Islam tidak terus-terusan berpecah dan bertelagah. Merekalah sepatutnya golongan yang menyatukan seluruh hati umat Islam, fikiran umat Islam dan kefahaman umat Islam mengenai soal Imam Mahdi ini. Hal ini dikeranakan mereka mempunyai cukup segala ***peralatan*** dan kemudahan untuk membuat kajian dan penelitian dalam usaha menyatukan umat. Mereka juga mempunyai segala kepakaran untuk memikirkan resolusi terbaik dalam usaha penyatuan pendapat ini. Mereka juga mendapat biaya yang mencukupi untuk menjalankan usaha ini. Mereka juga mempunyai jaringan yang cukup luas dan sokongan dari pelbagai pihak dalam menjalankan kajian mereka.

Sebarang pendapat mereka dapat pula disiarkan secara penuh dan bebas dalam semua jenis dan bentuk media yang terdapat di dalam sesebuah negara itu, malah boleh pula disebarkan ke seluruh dunia Islam dan kepada seluruh umat Islam di mana sahaja mereka berada. Sayangnya, hal ini rupa-rupanya tidak berlaku dan insya-Allah tidak akan berlaku. Rupa-rupanya Allah SWT telah menentukan bahawa agama Islam ini tidak akan dibangunkan oleh golongan ini. Keadaan semasa dan sejarah silam mengajar kita mengenainya melalui bukti-bukti yang nyata. Ilmu yang mereka miliki rupa-rupanya tidak mampu membantu mereka membangunkan umat Islam, ilmu yang banyak itu juga tidak mampu ***memperkasakan*** iman mereka dan iman anak-anak didik mereka.

Sekiranya benar pendapat bahawa Islam dimiliki dan ditinggikan oleh golongan sarjana dan cendekiawan Islam ini, mengapa para siswazah yang keluar dari universiti dalam jurusan pengajian Islam, masih tidak kenal Tuhan, tidak cinta kepada Tuhan, tidak sayang kepada Tuhan, tidak beradab dengan Tuhan, masih tidak mampu membangunkan Islam di dalam diri dan jiwa raganya? Mengapa para siswazah ini dilihat dan dianggap sama sahaja tarafnya dengan siswazah dari jurusan ekonomi atau jurusan perakaunan? Di mana silapnya?

Jika benar universiti adalah pusat penyebaran Islam, mengapa pakaian pensyarahnya, baik lelaki mahupun perempuan, tidak lebih hebat dan bertakwa daripada pakaian golongan lain yang bukan dari jurusan Islam? Sepatutnya para pensyarah adalah uswatun hasanah bagi sekalian anak muridnya khususnya dan sekalian umat Islam umumnya. Bukan pula bererti di sini, penulis seorang yang antiuniversiti. Menuntut ilmu adalah wajib, dan belajar di universiti adalah salah satu cara untuk menunaikan kewajipan tersebut. Jika berkemampuan, belajarlah di universiti mana pun dan dalam jurusan apa pun. Cuma dikesalkan ialah sikap mereka yang mengajar agama, tetapi kelihatan seperti mahu meruntuhkan agama sendiri melalui bidang agama. Itu sahaja yang dikesalkan. Pensyarahnya dilihat sebagai bukan seorang yang boleh dijadikan ikutan. Cakapnya tidak ***bi lisanul hal.*** Diri, keluarga, akhlak dan keperibadiannya tidak dapat dicontohi oleh anak muridnya sendiri mahupun masyarakat awam sebagai uswatun hasanah.

Sikap Para Pemerintah yang Sepatutnya

Pemerintah adalah orang yang diberi tanggungjawab menguruskan segala hal yang berkaitan dengan umat, dari yang zahir hinggalah yang batinnya, dari hal-hal yang berkaitan dengan dunia mereka hinggalah kepada soal-soal agama rakyatnya. Semuanya akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak dan akan ditanya tentang apa yang diuruskan. Oleh itu, tanggungjawab pemerintah amatlah besar dan berat, tambahan pula pada akhir zaman seperti zaman kita sekarang ini. Dapatlah dirasakan zaman ini adalah zaman yang cukup berat dan besar tanggungjawab mereka. Ini disebabkan rakyatnya semakin bertambah dan kemudahan asas juga semakin bertambah. Cengkaman kuasa kuffar Barat juga kian kuat mencengkam negara mereka.

Mereka bertanggungjawab menguruskan hal-hal kebajikan rakyatnya dari yang zahir

hinggalah yang batin, dari yang sekecil-kecil perkara hinggalah kepada yang sebesar-besarnya. Baik dan maju umat Islam seluruhnya adalah kerana baik dan majunya pihak pemerintah, manakala buruk dan rosak umat Islam seluruhnya adalah kerana buruk dan rosaknya pihak pemerintah. Apabila pihak pemerintah sendiri membiarkan rakyatnya tanpa berusaha mencari jalan menyatukan mereka, umat Islam akan terus berpecah belah dan berselisih pendapat dalam hampir semua perkara, tanpa dapat disatukan lagi. Mereka sendiri akan turut disibukkan oleh urusan (yang asalnya) remeh-temeh yang tidak kunjung putus tanpa dapat lagi menyatukan mereka, dalam erti kata yang sebenar-benarnya.

Itulah kegagalan sejati pihak pemerintah dalam hal ini, suatu hal yang dianggap kecil tetapi tetap tidak mampu diselesaikan. Mungkin kerana dilihat sebagai terlalu kecil, maka hal ini terbiar begitu sahaja tanpa sebarang usaha untuk menyelesaikannya. Malah pihak pemerintah sendiri yang dilihat seolah-olah mahu masalah ini terus bermaindi kalangan rakyat, agar mereka lupakan sejenak masalah politik dalam negara yang sedang hebat bergolak itu. Untuk meredakan sekejap kemarahan rakyat terhadap mereka, rakyat dibiarkan terus bermain dengan soal Imam Mahdi ini.

Mereka juga amat sensitif terhadap masalah Imam Mahdi ini kerana apabila Imam Mahdi keluar nanti, habislah kekuasaan mereka *dirampas* oleh Imam Mahdi tersebut. Segala penat lelah mereka selama ini menjadi sia-sia sahaja, kekayaan yang mereka kumpulkan akan *diambil* oleh Imam Mahdi tanpa dapat disorok-sorok lagi. Segala rahsia kejahatan mereka akan terbongkar habis hingga ke akar-akar umbinya sekali, dan ini pasti memalukan mereka. Apabila Imam Mahdi keluar nanti, pengaruh mereka terhadap rakyat yang susah payah dibina selama bertahun-tahun ini akan musnah sirna di telapak kaki Imam Mahdi dalam sekelip mata sahaja, hingga akhirnya mereka tidak mempunyai sebarang pengaruh lagi. Itulah *bayangan hantu* Imam Mahdi bagi mereka yang banyak dosa.

Sepatutnya setiap pemerintah kenalah sedar bahawa ini adalah zaman Imam Mahdi, bukan lagi zaman mereka. Maka Imam Mahdilah yang paling berhak ke atas pemerintahan semua negara Islam di dunia ini. Beliaulah yang paling berhak memerintah ke atas seluruh dunia kerana sudah disebutkan oleh hadis-hadis yang cukup banyak, sehingga sudah melepasi tahap hadis mutawatir. Sepatutnya setiap pemerintah mentaati suruhan Rasulullah SAW itu, kerana isyarat yang diberi sudah cukup jelas dan terang untuk difahami oleh semua orang, terutama pemerintahnya. Berilah laluan kepada Imam Mahdi untuk naik, jika kita benar-benar taatkan Allah SWT dan taatkan setiap suruhan Rasulullah SAW, serta tidak mempunyai kepentingan duniawi. Barulah kita diiktiraf sebagai seorang umat yang baik dan akan dibalasi dengan yang lebih baik pula. Nilaian dunia ini dengan akhirat nanti, apalah sangat nilainya. Kita tidak rugi sedikit pun. Mungkin kehilangan kuasa dan pengaruh untuk seketika di dunia ini, tetapi tidak di akhirat yang kekal abadi.

Dan bagi orang-orang Islam yang sedang memasang cita-cita untuk menjadi pemerintah di mana-mana negara di dunia pada masa ini, eloklah berfikir sepanjang-panjangnya dahulu. Ingat, ini adalah masa untuk Imam Mahdi muncul dan memerintah, usahlah kita yang menjadi salah seorang penghalangnya, biar pun kita mempunyai niat yang baik, untuk mendaulatkan Islam di negara ini, misalnya. Tugas itu sebenarnya adalah tugas Imam Mahdi dan orang-orangnya yang sangat terpilih, kerana hal ini sudah disebutkan oleh baginda SAW dalam banyak hadis, bukannya tugas kita yang entah siapa-siapa ini. Siapa kita yang mahu menggantikan tugas Imam Mahdi itu? Lebih baiklah kita menjadi pengikut sahaja. Batalkan sahaja niat mahu menjadi pemerintah itu. Kita akan selamat di dunia ini dan insya-Allah akan lebih selamat lagi di akhirat sana.

Ahli-ahli politik dari pelbagai parti, sama ada yang berbentuk sekular sepenuhnya, lebih-lebih lagi yang mendakwa ia mendukung parti Islam, perlu ingat bahawa mereka sebenarnya sudah tidak layak dan tidak mampu untuk memerintah umat Islam pada masa ini. Rasulullah SAW sudah menyatakan bahawa setiap pemerintah yang naik menggantikan pemerintah sebelumnya, akan memerintah dengan lebih zalim daripada pemerintah yang digantikannya, yang katanya dahulu adalah

pemerintah yang zalim. Hadis Rasulullah SAW ini perlu direnung kembali dengan sungguh-sungguh dan dinilai dengan keadaan pemerintah semasa. Buka mata dan minda luas-luas. Lihatlah di seluruh dunia, terutama dunia Islam, setiap kali turun seorang pemerintah, pasti pemerintah yang menggantikannya akan berlaku lebih zalim daripada pemerintah yang digantikannya itu. *Sehabis-habis baik* pun adalah mereka akan berlaku sama zalim dengan pemerintah yang digantikannya tadi. Ini hakikat sejarah zaman ini, tidak perlu lihat jauh-jauh sejarah zaman lampau. Fikirkanlah baik-baik kalau kita benar-benar beriman kepada Allah SWT dan taatkan Rasulullah SAW.

Pihak pemerintah juga sepatutnya berperanan menjelaskan kepada sekalian rakyat akan konsep Imam Mahdi ini kepada sekalian rakyat dengan sejelas-jelasnya. Jika perkara ini dijelaskan dengan panjang lebar dan baik, pastilah sekalian rakyat akan dapat disatukan dan perpecahan dapat dielakkan. Mereka juga akan menjadi umat yang lebih maju dalam segala hal dan lebih soleh daripada sebelumnya. Apabila rakyatnya sudah mencapai taraf soleh, akan berkurang pula masalah-masalah jenayah dan gejala sosial yang lain. Keberkatan dari Tuhan juga turun kepada kita semua. Dan ini sebenarnya amat menguntungkan pihak pemerintah itu sendiri. Sayang, pihak pemerintah lebih suka menggunakan ***jalan yang amat jauh dan berliku***, walaupun jalan pintas yang lurus sudahpun terbentang di depan mata.

Orang-orang yang diberi kuasa memerintah juga hendaklah memberi ruang yang lebih kepada ulama untuk bersuara, menjelaskan perkara sebenarnya kepada seluruh rakyat, siapa dia Imam Mahdi itu, di mana munculnya, bila munculnya, apa tanda-tandanya, apa ciri-ciri pengikutnya dan sebagainya lagi. Apa yang berlaku hari ini ialah, para ulama ditekan-tekan dengan pelbagai cara, dari yang sehalus-halusnya hinggalah kepada yang sekasar-kasarnya. Para ulama dikategorikan oleh pemerintah kepada yang taat, yang berkepentingan, yang suka melawan, yang berkecuali dan yang keras kepala. Ulama kerajaan adalah ulama yang dilihat mempunyai kepentingan peribadi atau poket sendiri. Ulama yang lain dikategorikan sebagai ulama yang suka melawan.

Maka tindakan yang diambil terhadap mereka adalah berdasarkan kategori-kategori yang telah ditetapkan tadi. Di Malaysia, golongan ulama yang menentang kerajaan akan digam mulutnya, atau diikat kaki tangannya sehingga mereka tidak bebas bergerak dan bersuara. Jika di negara-negara lain, ulama yang berani bercakap menyatakan salah itu dan ini, ramai yang ditembak mati secara gelap. Hal ini memang sudah lama berlaku, sehingga akhirnya para ulama yang ada tenggelam dan terbiar. Tidak ada orang yang berani menghampiri mereka, kerana takut dikatakan sebagai tali barut ulama berkenaan atau sekurang-kurangnya penyokong ulama itu tadi. Tindakan ini juga adalah usaha untuk menyelamatkan nyawa si ulama berkenaan, agar tidak ditembak mati secara gelap.

Mereka perlu ingat bahawa tugas mereka terhadap rakyat ialah membawa dan memimpin mereka menuju kepada Tuhan. Tugas mereka bukan semata-mata memenuhkan keperluan fizikal rakyatnya. Keperluan fitrah manusia kepada Tuhannya adalah perkara paling perlu dan paling utama. Di situlah terletaknya kunci sebenar perpaduan seluruh umat Islam, sama ada di dalam negara mereka sendiri ataupun di seluruh dunia Islam. Tugas mengenalkan Tuhan ini tidak terletak pada bahu ulama semata-mata. Sebagai panduan, berikut ini diberikan beberapa perkara dan alasan, jika kita sebagai pemerintah mengabaikan tugas mengenalkan hati manusia kepada Tuhan yang sejati.

1. Kalau dengan Tuhan pun mereka tidak kenal, dengan pemerintah lagilah mereka akan buat-buat tidak kenal. Kalau kenal pun, hanya kerana ada kepentingan sendiri. Jika tiada kepentingan, tidak ada sesiapa pun yang kenal siapa pemerintahnya.
2. Kalau dengan Tuhan pun mereka tidak tahu bersyukur, dengan pemerintah lagilah mereka tidak tahu bersyukur dan berterima kasih.
3. Kalau dengan Tuhan pun mereka tidak beradab, dengan pemerintah lagilah mereka tidak tahu beradab.
4. Kalau dengan Tuhan pun mereka sanggup melawan (derhaka), dengan pemerintah lagilah

mereka berani melawannya.

5. Kalau dengan Tuhan pun mereka tidak peduli, dengan pemerintah lagilah mereka tidak peduli.
6. Kalau dengan Tuhan pun mereka boleh lupa, dengan pemerintah lagilah mereka lupa.
7. Kalau dengan Tuhan pun mereka tidak boleh bersabar, dengan pemerintah lagilah mereka tidak sanggup bersabar.
8. Kalau dengan Tuhan pun mereka marah-marah, dengan pemerintah lagilah mereka mudah marah.
9. Kalau dengan Tuhan pun mereka tidak amanah, dengan pemerintah lagilah mereka tidak amanah.
10. Kalau nasihat Tuhan pun mereka tinggalkan, nasihat pemerintah lagilah mereka tidak ambil langsung.
11. Kalau dengan Tuhan pun mereka boleh letakkan di belakang, dengan pemerintah lagilah mereka letak di belakang.
12. Kalau dengan Tuhan pun mereka tidak boleh redha, dengan pemerintah lagilah mereka tidak tahu redha.

Sikap Pemimpin Jemaah-jemaah Islam yang Sepatutnya

Jemaah-jemaah Islam pada hari ini memang cukup banyak. Ada yang besar dan ada yang kecil. Ada yang terhad di sesuatu kawasan dan ada yang melangkau ke hampir seluruh dunia. Ada yang telah panjang usia perjuangan mereka dan ada yang baru berusia tidak sampai setahun jagung. Ada yang dibenarkan oleh pihak pemerintah dan banyak pula yang ditentang oleh pihak pemerintahnya sendiri. Ada yang benar-benar mengikut ajaran Ahlus Sunnah dan banyak pula yang tidak senafas dengan Ahlus Sunnah. Ada yang terkenal dan banyak yang tidak diketahui langsung oleh orang ramai.

Jemaah-jemaah Islam yang ada pada hari ini umpama kapal-kapal kecil yang belayar ke satu destinasi yang telah ditetapkan, walaupun masa sampainya tidak ditetapkan. Masing-masing bergerak mengikut arus yang tertentu dengan tujuan yang sama. Setiap jemaah ini cuba mengembalikan penghayatan Islam kepada seberapa ramai umat Islam yang mahu kembali kepada Islam. Dalam melaksanakan cita-cita dan usaha murni ini, sepatutnya tidak timbul rasa iri hati dan marah oleh sebuah jemaah Islam terhadap jemaah Islam yang lain, yang dilihat lebih terkehadapan dan menonjol daripada jemaah mereka sendiri.

Lazimnya apabila umat Islam berkumpul dalam sesebuah jemaah kebenaran, maka terdapatlah di dalamnya orang-orang yang bertaraf wali Allah, atau bertaraf orang saleh, atau bertaraf mukmin sejati, atau sekurang-kurangnya pun bertaraf muslim yang baik. Maka lazim pula jemaah berkenaan mendapat bantuan terus daripada Allah dalam pelbagai bentuk, terutamanya karamah atau sekurang-kurangnya maunah. Maka keberadaan orang-orang begini di dalam jemaah Islam berkenaan amatlah diperlukan, kerana dengan adanya merekalah turun bantuan-bantuan terus daripada Allah kepada jemaah berkenaan khususnya dan kepada seluruh umat Islam amnya. Pemimpin jemaah ini lazim mendapat ilmu-ilmu rahsia daripada Allah. Kerana itu, setiap pemimpin jemaah Islam perlu membantu memperkenalkan siapa dia pemimpin sejati untuk zaman ini kepada seluruh pengikutnya dan seluruh umat Islam amnya, sekalipun pemimpin sejati berkenaan bukan datangnya daripada jemaah pimpinan mereka.

Hal ini perlu diperhatikan kerana secara lazimnya pemimpin-pemimpin jemaah Islam ada diberi rasa hati yang kuat, ilmu yang tidak ada pada orang ramai dan firasat yang hampir tepat dalam menentukan siapa pemimpin sejati untuk zaman masing-masing. Hebahan seperti ini adalah perlu

untuk memastikan orang ramai tidak tersilap pilih pemimpin yang akan memimpin mereka. Jangan biarkan orang-orang yang kita pimpin itu tersalah pilih orang yang akan memimpin mereka dengan sebenar-benarnya. Orang ramai tidak dapat disalahkan seratus peratus dalam hal ini kerana mereka tidak mendapat penjelasan yang tepat dan ilmu yang mantap mengenai siapa pemimpin yang perlu mereka pilih pada sesuatu masa. Maka mereka pun akan memilih ahli-ahli politik yang ada pada masa mereka sebagai pemimpin mereka, tanpa mengetahui bahawa pada awal kurun ini, Allah sudah tetapkan pemimpin sejati yang sepatut dan selayaknya menjadi ikutan seluruh umat Islam dan juga seluruh umat manusia. Peranan pemimpin jemaah Islam amatlah besar dan bererti dalam hal ini, jika dilaksanakan sepenuhnya.

Pemimpin seperti inilah yang sepatutnya ditonjolkan ke hadapan kerana itu adalah isyarat dan perintah daripada Nabi SAW yang sangat kita sanjungi dan kita ikuti segala perintahnya. Jangan biarkan umat Islam terus-menerus tersalah pilih pemimpin, dengan memilih pemimpin yang fasik atau zalim sebagai pemimpin mereka, atau bukan dari kalangan orang yang benar, sedangkan ini adalah awal kurun Hijrah. Sesiapa yang memilih pemimpin selain daripada orang yang Allah telah pilih sebagai pemimpin mereka, maka mereka adalah orang-orang yang sesat dan fasik, serta nyata zalimnya. Dan orang-orang yang membiarkan dirinya dipilih dan dilantik sebagai pemimpin oleh umat Islam sedangkan ini adalah awal kurun Hijrah, maka dia adalah orang yang berbuat tiga kali zalim iaitu zalim terhadap seluruh umat Islam, zalim kepada Allah dan rasul-Nya dan zalim terhadap pemimpin sejati yang ditentukan oleh Allah itu.

Sikap Orang Ramai yang Sepatutnya

Orang awam adalah golongan yang teramai. Kebanyakan mereka tidak tahu-menahu langsung mengenai soal Imam Mahdi ini. Mereka juga mudah ditarik ke sana ke mari oleh mana-mana golongan pun. Jika pemerintah kata Imam Mahdi itu tidak ada, mereka pun dengan mudah pula ikut mengatakan bahawa Imam Mahdi itu tidak ada. Jika ada satu golongan lain mengatakan Imam Mahdi itu ada dan benar, mereka pun ikut kata itu adalah benar dan ada. Kemudian jika ada golongan lain mengatakan bahawa Imam Mahdi itu mungkin ada dan mungkin tiada, mereka pun ramai-ramai akan kata bahawa Imam Mahdi itu mungkin ada dan mungkin tiada. Begitulah sikap mereka, sepanjang masa dalam keadaan yang serba mungkin. Ini sudah pun berlaku dalam sejarah umat Islam sejak sekian lama dahulu, sejak ratusan tahun dahulu lagi.

Oleh itu, adalah wajar bagi setiap orang Islam bersikap sederhana, sesuai dengan kedudukan ilmu mereka dalam soal ini. Bersikap sederhana atau **wasatiah** ini amatlah dituntut oleh Islam, khususnya dalam hal yang melibatkan hubungan baik antara sesama umat Islam itu sendiri. Sikap melampau, emosi dan terburu-buru dalam soal ini adalah satu sikap yang menyalahi kehendak agama Islam. Ingatlah, Allah SWT tidak menyukai golongan yang melampau dalam urusan beragama dan urusan hidup bermasyarakat.

Jangan bersikap terlalu lancang lidah mempertikaikan kebolehan orang itu dan orang ini, dengan hanya melihat dari segi luarannya sahaja. Ingat, pandangan mata selalunya silap dan menipu kita. Kerana itu, ikutlah pandangan dari pihak yang dilihat dan dinilai benar-benar menjalankan kebajikan di tengah-tengah masyarakat. Jangan ikut atau terpengaruh dengan pandangan dari pihak yang terkongkong oleh sesuatu sistem atau terkongkong dalam kelompok tertentu sahaja. Jika tidak pun, sembahyang istikharah dan mintalah petunjuk yang jelas dalam soal ini. Itulah sikap kita yang sebaik-baiknya.

Cara yang terbaik menangani masalah ini ialah dengan mencari ilmu yang bersesuaian dengan perkara yang dibincangkan. Dapatkan pandangan dari pelbagai golongan dan pelbagai tempat, jangan

terlalu mudah mengikut satu-satu pandangan yang diberikan. Timbalah ilmu mengenainya sebanyak mungkin dan perincikan pendapat-pendapat dari pelbagai pihak. Kemudian istikharah kepada Tuhan untuk mendapatkan jawapan muktamad. Setelah berasa yakin dengan ilmu yang ada dan berpuas hati dengan jawapan dari pihak-pihak yang ditanya tadi, barulah buat satu keputusan yang tetap dan muktamad. Jangan ikutkan pandangan masyarakat umum secara melulu dan sempit. Sikap emosional dan fanatik melulu hanya membawa kerosakan kepada hidup bermasyarakat dan menjatuhkan imej seseorang itu.

Sistem Khalifah Akan Naik Semula Memerintah Seluruh Dunia

Dari Nukman bin Basyir katanya,
"Suatu ketika kami sedang duduk-duduk di Masjid Nabawi SAW dan Basyir itu adalah seorang yang tidak banyak cakap. Datanglah Abu Saklabah lalu berkata, "Wahai Basyir bin Saad, adakah kamu hafaz hadis Rasulullah SAW tentang para pemerintah?" Huzaifah RA lalu segera menjawab, "Aku hafaz akan khutbah baginda SAW itu." Maka duduklah Abu Saklabah Al-Khusyna (untuk mendengarkan hadis berkenaan). Maka kata Huzaifah RA, Nabi SAW telah bersabda,

> *"Telah berlaku* ***Zaman Kenabian*** *ke atas kamu. Maka berlakulah zaman itu seperti yang Dia kehendaki, kemudian Allah pun mengangkat zaman itu seperti yang Dia kehendaki.*
>
> *Kemudian berlakulah* ***Zaman Kekhalifahan*** *yang berjalan menurut cara Zaman Kenabian. Maka berlakulah zaman itu seperti yang dikehendaki oleh Allah ia berlaku. Kemudian diangkat-Nya apabila Dia berkehendak mengangkatnya.*
>
> *Kemudian berlakulah pula* ***Zaman Pemerintahan Yang Menggigit*** *(Fitnah). Maka berlakulah zaman itu seperti yang dikehendaki oleh Allah berlakunya. Kemudian Dia mengangkatnya seperti yang Dia kehendaki mengangkatnya.*
>
> *Kemudian berlakulah* ***Zaman Pemerintah Yang Zalim*** *(Diktator). Maka berlakulah zaman itu seperti yang Allah kehendaki ia berlaku. Kemudian Dia mengangkatnya apabila Dia mahu mengangkatnya.*
>
> *Kemudian berlakulah pula* ***Zaman Kekhalifahan*** *yang berlaku menurut cara Zaman Kenabian."*
>
> Kata Huzaifah RA, *"Kemudian baginda SAW diam."*

Hadis ini diriwayatkan oleh **Imam Ahmad** di dalam kitab ***Musnad Al-Imam Ahmad bin Hanbal***, Juzuk 4, halaman 273. Juga terdapat di dalam Kitab As-Silsilatus Sahihah, Jilid 1, hadis nombor 5.

Daripada Jabir bin Majid As-Sadafi RA, katanya Rasulullah SAW bersabda,

> *"Selepasku, akan berlaku zaman kekhalifahan. Selepas itu berlaku pula zaman Amir-amir. Selepas itu berlaku pula zaman Raja-raja dan selepas raja-raja, zaman diktator. Kemudian, seorang lelaki dari ahli keluargaku akan datang (memerintah) dan memenuhkan dunia ini dengan keadilan seperti sebelumnya yang dipenuhi dengan kekejaman. Kemudian, naik memerintah selepasnya Al-Qahtani, dan demi Zat yang menghantarku dengan kebenaran, dia tidaklah jauh berbeza daripada al-Mahdi."*
>
> (At-Tabrani, Ibnu Mandah, Abu Nuaim & Ibnu Asakir)

Kedua-dua buah hadis di atas menyebutkan umat Islam sejak dari masa hayatnya baginda SAW lagi hinggalah ke hari kiamat, akan melalui **LIMA ZAMAN** pemerintahan. Walaupun istilahnya ada sedikit berbeza, maksudnya sama sahaja dan urutan zamannya juga sama. Kelima-lima zaman yang dimaksudkan itu berserta huraian ringkas bagi setiap zaman itu adalah:

1. **Zaman Kenabian**, iaitu zaman umat Islam diperintah oleh pembawa ajaran Islam itu sendiri, Nabi Muhammad SAW. Itulah zaman kemuncak bagi segala zaman pemerintahan, zaman contoh, zaman terbaik di antara segala zaman, sejak dari Nabi Adam AS hinggalah ke hari ini. Zaman ini telahpun berlaku dan telah juga berlalu, iaitu dengan wafatnya baginda SAW pada tahun 10 Hijrah. Dalam hadis kedua, zaman ini disebutkan sebagai *selepasku* sahaja, iaitu ringkasan daripada Zaman Kenabian.

2. **Zaman Kekhalifahan**, iaitu pemerintahan yang berjalan berdasarkan Zaman Kenabian. Pemerintahannya adalah berpandukan benar-benar kepada wahyu Allah dan Sunnah Rasulullah SAW. Zaman ini dipanggil Zaman Khulafa ur-Rasyidin, khalifah yang mendapat petunjuk. Mereka adalah Khalifah Abu Bakar As-Siddiq RA, Umar bin Al-Khattab RA, Osman bin Affan RA dan Ali bin Abi Talib KMW. Sebahagian ulama turut memasukkan zaman pemerintahan Sayidina al-Hasan bin Ali RA yang singkat itu (6 bulan) ke dalam Khulafa ur-Rasyidin. Itulah dia 30 tahun yang dimaksudkan oleh baginda SAW dalam hadisnya yang berbunyi (terjemahan) kira-kira: ***"Kekhalifahan akan berlaku ke atas umatku selama 30 tahun. Selepas itu, berlaku pula zaman amir-amir."*** Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Ahmad, At-Tarmizi dan lain-lain. Hadis yang kedua juga menyebutkan Zaman Kekhalifahan. Zaman ini telah berlaku menurut catatan sejarah dan telah juga berlalu daripada kita.

3. **Zaman Pemerintahan Yang Menggigit (Fitnah)**, iaitu zaman yang bermula sejak turunnya Sayidina Hasan bin Ali RA sehinggalah berakhir pada tahun 1924M. Ini termasuklah zaman Umaiyah, Abbasiah, Mameluk, Fatimiyah, Moghul, Seljuk, Ayubiah, sehinggalah ke saat jatuhnya kerajaan Osmaniah, Turki pada tahun 1924. Zaman ini termasuklah semua wilayah yang diperintah oleh pemerintah Islam, yang memakai bermacam-macam gelaran itu seperti Amir, Khalifah, Sultan, Raja dan sebagainya. Namun terdapat beberapa orang pemerintah yang patut dikecualikan, kerana adil pemerintahan mereka. Antaranya yang lazim kita kenal ialah Umar bin Abdul Aziz, Abdullah bin az-Zubair, Muhammad al-Fateh dan Salahuddin Al-Ayubi. Dalam hadis yang kedua, zaman pemerintahan ini lebih diperincikan sehingga dibahagi kepada dua, disebutkan sebagai Zaman Amir-amir dan Zaman Raja-raja. Maknanya, Zaman Amir-amir itu berlaku lebih dahulu, kemudian barulah diikuti oleh Zaman Raja-raja, untuk menunjukkan lebih-lebih lagi zalimnya daripada zaman sebelumnya. Zaman ini juga telah berlaku dan kini hanya menjadi bahan sejarah bagi pengkaji sejarah, dan juga telah berlalu daripada kita, seperti urutan yang ditetapkan.

4. **Zaman Diktator**, iaitu zaman pemerintahan yang bermula sejak jatuhnya Kerajaan Osmaniah dan berlangsung hingga kini. Pada zaman ini, seperti yang diisyaratkan, raja-raja sudah tidak ada lagi. Yang ada hanyalah para pemimpin yang digelar Presiden atau Perdana Menteri. Kedua-duanya adalah sistem diktator, seperti yang telah diisyaratkan oleh kedua-dua buah hadis di atas. Jika ada pun raja-raja, sudah tidak mempunyai kuasa penuh lagi seperti zaman-zaman sebelumnya. Zaman ini termasuklah semua pemerintah yang menguasai dunia Islam, sama ada yang menggunakan sistem imperial (beraja), berorientasikan parti-parti politik (Perdana Menteri), pemerintahan rakyat, sosialis atau republik (Presiden). Semuanya tidak berpandukan kepada sistem Islam yang sejati, tepat seperti apa yang kita alami hari ini. Zaman diktator ini sedang berlangsung dan insya-Allah akan diangkat oleh-Nya tidak lama

lagi. Berdoalah banyak-banyak agar zaman ini segera Dia angkatkan daripada kita.

5. **Zaman Kekhalifahan**, yang pemerintahannya sama dengan pemerintahan zaman Khulafa ur-Rasyidin dan Zaman Kenabian. Zaman ini belum lagi berlaku, dan insya-Allah akan berlaku, kerana telah disebut dan dijanjikan oleh Nabi Muhammad SAW, Sodiqul Masduq. Untuk menghadapi zaman ini, kita umat Islam perlulah bersedia dan bersungguh-sungguh menghadapi kedatangannya, yang tidak perlu diragui lagi itu. Antara caranya ialah dengan mengamalkan sungguh-sungguh cara hidup Islam dalam seluruh aspek kehidupan kita, dan menurut jejak para Salafus Soleh. Untuk membina kejayaan seperti zaman dahulu, kita mestilah mengikut apa yang umat zaman dahulu (Zaman Rasulullah SAW) lakukan - ***peningkatan dalaman***. Para pengamal ajaran Islam akan menjadi **ghurabak** (orang asing), seperti yang berlaku kepada generasi awal Islam dahulu. Melalui para ghurabak inilah Allah turunkan pertolongan-Nya sehingga naik Imam Mahdi memerintah seluruh umat Islam di seluruh dunia. Penurunan seorang khalifah oleh Allah SWT kepada umat Islam merupakan satu nikmat yang amat besar, seperti firman-Nya yang terjemahannya kira-kira begini,

> ***"Dan ingatlah ketika Musa berkata kepada kaumnya, "Wahai kaumku, ingatlah nikmat Allah ke atas kamu ketika Dia mengangkat nabi-nabi dari kalangan kamu dan dijadikan-Nya kamu raja-raja."***
>
> (Al-Maidah : 20)

Bagaimanakah Cara Sebenar Islam Naik Semula?

Setiap orang yang mengaku beragama Islam, mahu tidak mahu pasti inginkan Islam memerintah negara ini khususnya, dan dunia ini amnya. Namun ramai yang masih tidak mengetahui bagaimanakah caranya Islam dapat naik semula untuk memerintah dunia ini. Masih ramai yang tertanya-tanya bagaimanakah caranya Islam boleh muncul sebagai kuasa baru dunia itu. Dan masih terlalu ramai yang tidak nampak apakah ada cara yang sesuai untuk Islam naik. Selain itu, masih ramai yang keliru dengan kaedah kemunculan semula Islam pada kali ini.

Akibat daripada itu, ramailah yang mengikut-ikut sahaja cara yang sedia ada. Ramailah yang taklid buta dan yang mentaklidbutakan orang, sedangkan pada masa yang sama mereka sibuk mengajak orang ramai supaya jangan bertaklid buta, kononnya tidak akan maju sampai bila-bila. Masing-masing masih tidak jelas apa itu pemerintahan Islam yang sebenar, dan jika dikatakan kepadanya bahawa Islam naik tidak melalui kaedah politik yang digunakan pada hari ini, tiba-tiba sahaja mereka akan garu kepala yang tidak gatal. Tidak kurang pula yang terus menolak tanpa berfikir lagi dan sebagainya.

Setelah itu, timbul pula beberapa persoalan yang amat penting untuk dijawab dengan penuh saksama dan tepat menurut kehendak ajaran Islam yang tulen. Antara persoalan utama yang selalu diajukan jika diberitahu kepadanya bahawa Islam tidak naik melalui sistem yang sedia ada ialah, apakah kaedah itu adalah;

1. Kaedah politik Barat, yang menekankan penggunaan sepenuhnya sistem demokrasi yang

diasaskan oleh Barat, sistem politik ala-Barat atau menggunakan gabungan antara sistem demokrasi yang disesuaikan dengan Islam (½ demokrasi dan ½ lagi Islam)?

2. Kaedah rampasan kuasa seperti yang pernah digunakan di Pakistan, Afghanistan, Libya dan Iran?

3. Kaedah jihad terhadap yang berlainan agama seperti mengebom gereja-gereja, menyerang kuil-kuil dan membunuh pengikut-pengikut mereka seperti oleh KMM, Al-Ma'unah, GAM dan MILF?

4. Kaedah cakna dan memperkasakan ilmu pengetahuan seperti yang sering dilaung-laungkan oleh para sarjana dan cendekiawan Islam di hampir setiap puncak menara gading?

5. Kaedah penguasaan ekonomi seperti yang dicanang dan dipraktikkan oleh para usahawan dan koperat Islam?

6. Kaedah penerapan nilai-nilai Islam yang menekankan penghayatan secara tebuk-tebuk seperti yang pernah cuba diterapkan ke dalam sistem pentadbiran dan perbankan kita suatu ketika dahulu?

7. Atau adakah cara lain lagi, selain daripada yang di atas, yang boleh digunakan untuk membolehkan Islam naik semula memerintah dunia ini? Jika ada, apakah nama cara itu? Siapa pengasasnya? Di mana tempatnya? Apakah orang itu sudah ada pada masa kita ini? Bagaimana fikrahnya? Bagaimana ilmunya? Apa nama partinya jika dia orang politik? Jika dia bukan orang politik, apakah nama gerakannya? Militankah dia?

Islam tidak akan dan tidak pernah berjaya jika dinaikkan menggunakan kaedah yang lain daripada kaedah Islam itu sendiri. Diumpamakan kita membasuh kain yang terkena tahi ayam dengan menggunakan arak. Itulah umpamanya orang yang cuba menegakkan Islam dengan menggunakan kaedah selain dari kaedah yang ada dalam Islam itu sendiri. Ada yang berkata, kita naik dahulu dengan cara Barat, dan selepas mendapat kuasa nanti, kita tukarlah sistem Barat itu dengan sistem Islam. Cara ini juga tidak betul kerana apabila kita menggunakan kaedah yang selain dari Islam, pastilah hasilnya akan melencong pula dari yang disasarkan.

Kaedah rampasan kuasa tidak akan berjaya kerana bukti-bukti sejarah yang terang jelas menunjukkan bahawa kaedah ini sentiasa gagal membawa keamanan kepada sesebuah negara itu, malah rakyat akan bertambah membenci kerajaan yang didirikan secara kekerasan dan rampasan kuasa. Kaedah jihad seperti yang cuba dilaksanakan oleh beberapa pihak sebenarnya bukanlah bentuk jihad yang dikehendaki oleh Islam. Ada banyak bentuk jihad yang lain yang lebih sesuai diterapkan kepada orang ramai, sama ada kepada yang beragama Islam sendiri, mahupun kepada orang yang bukan Islam. Jihad dengan senjata bukanlah kaedah yang pertama dan utama yang patut kita gunakan. Lagipun kaedah ini tidak pernah disebutkan oleh Rasulullah SAW dalam hadis-hadis mengenai peristiwa akhir zaman.

Kaedah cakna dan memperkasakan ilmu seperti yang selalu disebut-sebut di hampir setiap forum dan seminar sebenarnya bukanlah kaedah yang terbaik untuk membangunkan Islam. Ilmu yang tidak disertakan tauhid, roh Islam dan amalan hati pasti akan gagal juga. Apatah lagi jika guru yang mengajar agama Islam itu adalah orang yang tidak tentu akidahnya, orangnya fasik ataupun orang kafir. Jika benar dengan memperkasakan ilmu-ilmu agama dapat membangunkan ummah, kenapa sehingga kini universiti masih gagal menunjukkan bahawa merekalah pelopor terhadap kebangkitan semula Islam di rantau sebelah sini? Setakat buku ini ditulis, tidak pernah lagi ada orang yang berkata bahawa kebangkitan semula Islam pada zaman ini di Timur ini, bermula di universiti,

dibangkitkan oleh para pensyarahnya. Kaedah penguasaan ekonomi juga menunjukkan hasil yang hampir sama jika dilihat secara umum, menurut kaca mata orang ramai.

Kaedah penerapan nilai-nilai Islam dalam sistem pentadbiran dan perbankan juga tidak menunjukkan bahawa kaedah ini mampu menjadi peneraju kebangkitan semula Islam pada zaman ini. Malah sebenarnya kaedah ini lebih banyak menghasilkan orang-orang yang berpura-pura dan bersikap ***berketrampilan*** (serba boleh). Maksudnya, orang itu akan mempermain-mainkan Islam sama ada secara sedar atau tidak. Misalnya mereka berpakaian biasa yang terdedah sana dan sini pada hari-hari biasa, manakala pada hari Jumaat, bertudung litup. Kemudian pada hari lain, buka semula seperti biasa. Atau contoh lain ialah orang itu boleh menjadi imam sembahyang pada satu masa, manakala pada masa yang lain, dia juga mampu menjadi ***imam*** semasa berjudi atau minum arak.

Memang persoalan seperti ini pernah ditimbulkan oleh orang ramai. Pada hari ini, umat Islam sudah mula *frust* dan *fed up* terhadap sistem politik yang ada dan digunakan pada hari ini. Mereka bukan tidak mahukan Islam itu naik, tetapi jemaah-jemaah yang kononnya mendukung perjuangan menegakkan sebuah negara Islam masih belum juga menampakkan sebarang persediaan untuk menyambut tugas yang maha besar itu. Mereka masih lagi sibuk dengan cara dahulu juga iaitu bertempik dengan penuh semangat sambil mencerca pihak lawan yang kononnya tidak mahukan Islam, tidak nampak lagi usaha yang bersungguh-sungguh dari mereka, yang menjurus ke arah itu, sedangkan canangannya sudah begitu lama diuar-uarkan.

Sebenarnya memang benar bahawa Islam tidak naik dengan cara yang sedia ada pada hari ini, dan sekali-tidak tidak akan naik dengan cara itu. Islam ada sistemnya sendiri yang amat jauh berbeza daripada sistem-sistem yang sedia ada, baik pada hari ini mahupun pada masa lalu. Kaedah yang kita amalkan pada hari ini bukanlah kaedah Islam atau kaedah yang sesuai dengan Islam. Untuk memudahkan pemahaman tentang masalah ini, berikut diperturunkan beberapa ciri khusus yang perlu diperhatikan semasa menilai seseorang itu, sama ada layak kita jadikan pemimpin Islam kita atau tidak. Jika tidak ada, maka tidak layaklah dia memperkatakan negara Islam, apatah lagi mahu memerintahnya.

1. Mula-mula sekali *Allah SWT turunkan pemimpin berkenaan*. Ini adalah perlu kerana pada diri pemimpin berkenaanlah Allah wakilkan pentadbiran-Nya untuk menguruskan sekalian manusia. Hanya dengan orang yang telah Allah SWT sendiri pilih secara khusus untuk menjadi wakil-Nya mentadbir manusia, barulah Islam akan turut sama naik, bersama-sama dengan naiknya pemimpin berkenaan sebagai pemerintah manusia. Hal ini tidaklah perlu dihairankan sangat, atau dipertikaikan lagi, kerana contohnya sudah amat jelas. Contohnya Rasulullah SAW dilantik sebagai pemimpin manusia melalui firman-Nya:

   "Wahai sekalian manusia, sesungguhnya aku adalah utusan Allah kepada kamu sekaliannya."
   (Al-Aa'raf : 158)

   Orang yang menjadi rasul adalah juga pemimpin bagi umatnya, kerana salah satu tugas rasul itu adalah memimpin umatnya melaksanakan syariat Allah, dan sekali gus menjadi ketua bagi umat masing-masing. Begitu juga dengan Bani Israel yang Allah datangkan Talut sebagai pemimpin mereka. Ini ditegaskan dalam firman-Nya yang bermaksud,

   "Dan nabi mereka (Nabi Samuel AS) berkata kepada mereka, "Sesungguhnya Allah telah mengangkat untuk kamu semua Talut sebagai raja…"
   (Al-Baqarah : 247)

   Begitu juga semasa Allah SWT melantik Nabi Musa AS sebagai pemimpin mereka, seperti firman-Nya yang bermaksud,

"Dan ingatlah ketika Musa berkata kepada kaumnya, "Wahai kaumku, ingatlah nikmat Allah kepada kamu semua ketika Dia melantik di kalangan kamu nabi-nabi dan dijadikannya kamu raja-raja."
(Al-Maidah : 20)

Orang itu dan kepemimpinannya mestilah bertaraf ***Khalifah***. Ini sesuai dengan firman Allah SWT yang bermaksud,
"Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat, "Sesungguhnya Aku hendak menciptakan seorang khalifah di atas muka bumi…"
(Al-Baqarah : 30)

2. *Disesuaikan dengan zaman munculnya*. Pemimpin seperti ini tidak diturunkan secara semberono sahaja, malah ditentukan pada setiap zaman, bentuk-bentuk kepemimpinan yang perlu dilakukannya. Misalnya untuk zaman ini, pemimpin itu mestilah berusaha menghidupkan kembali sistem pemerintahan Islam sepusat (*Centralized Islamic World*) yang negara-negara Islam lain tumpang bernaung di bawahnya dan dia juga berusaha menghidupkan kembali sistem khalifah. Pemimpin itu perlu berjuang ke arah ini pada zaman ini kerana sistem khalifah sudah lama dipadamkan dari dunia Islam oleh kuasa-kuasa Barat. Kalau pemimpin berkenaan hanya pandai berkokok tentang Islam *di bawah tempurung* sahaja, dan tidak pernah cuba menghidupkan sistem khalifah seperti dahulu, maknanya dia bukan pemimpin Islam sejati, malah dia adalah pemimpin yang mencari kepentingan peribadi. Kalau pemimpin itu tidak pernah berusaha membawa pentadbiran Islamnya keluar dari sempadan negaranya, maka dia juga bukanlah seorang pemimpin sejati yang ditunjuk oleh Allah untuk kita. Dia sebenarnya hanyalah seorang pemimpin biasa yang apabila tiba masanya, pasti akan turun juga dari pemerintahannya (sama ada secara sukarela atau terpaksa) untuk memberi laluan kepada pemimpin sejati itu naik memerintah.

3. *Diberikan sifat-sifat khusus* yang jauh berbeza daripada pemimpin lain untuk memudahkan orang ramai mengenalinya. Pada satu-satu masa, yakni pada setiap seratus tahun, hanya dia seorang sahaja yang diberikan ***sifat-sifat khusus*** begini, yang sebenarnya bukanlah suatu yang asing dalam Islam. Hanya dikeranakan umat Islam sudah terlalu lama tidak mengamalkannya atau melihat Islam secara realiti, maka apa yang dibawanya itu dilihat sebagai sesuatu yang baru. Itulah salah satu sifat utama seorang pemimpin yang ditunjuk oleh Allah, mampu membawa perubahan yang menyeluruh kepada seluruh umat, tanpa mengira sempadan negara dan bangsa. Apa yang dibawanya itu amat asing bagi, bukan sahaja orang-orang kafir malah umat Islam sendiri, termasuk kalangan ulamanya. Ini sesuai dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud,
"*Islam itu permulaannya adalah asing, dan nanti akan kembali menjadi asing, seperti permulaannya. Maka beruntunglah orang-orang yang asing itu.*"
Muslim

4. *Dikhususkan ilmu, penghayatan dan kefahaman kepadanya* yang bersesuaian dengan zaman itu. Ini amatlah penting kerana dengan pemberian sifat-sifat khusus seperti inilah mereka diberi kemampuan untuk membawa seluruh manusia kepada Allah, sedangkan sebelumnya mereka begitu hanyut dengan pelbagai bentuk keduniaan yang melalaikan. Dengan ilmu mereka yang sentiasa hidup itulah, umat Islam akan tertarik hatinya untuk kembali mengamalkan ajaran Islam, bertaubat dari perangai lamanya dan bertukar menjadi orang yang saleh. Ini tidak perlu dihairankan kerana Rasulullah SAW pernah berbuat demikian terhadap para sahabat baginda seperti yang banyak diriwayatkan, baik di dalam buku-buku sejarah Islam mahupun di dalam buku-buku sejarah umat Islam. Hal ini tidak akan Allah berikan kepada mana-mana pemimpin pun pada sesuatu zaman itu. Jika ciri-ciri ini ada pada seseorang, maka orang itulah pemimpin sejati kita, tidak akan ada dua atau tiganya lagi. Jika hendak terjumpa pun

orang yang mempunyai ciri-ciri yang sama, kenalah tunggu hingga seratus tahun lagi. Itupun jika umur kita masih panjang atau dunia ini masih belum dikiamatkan lagi.

5. Pemimpin umat Islam adalah *orang yang paling bertakwa di kalangan manusia*. Mereka bukan sahaja orang Islam, malah dia beriman kepada Allah. Dia membesarkan sembahyang bagi dirinya dan memerintahkan pengikutnya membesarkan sama sembahyang. Allah SWT sangat dibesarkan, ditakuti dan dicintai melebihi dari segala-galanya. Segala ungkapan cinta dan asyik, tertuju khusus kepada Allah. Apabila pemimpinnya sendiri mencintai Allah, pastilah rakyatnya akan turut sama mencintai Allah. Sunnah Rasul SAW sangat dibesarkan dalam setiap aspek kehidupan sehingga perkara yang kecil-kecil pun dibesarkan sama, kerana kecintaan mereka kepada Rasulullah SAW terzahir dalam setiap tindak tanduk mereka. Semua ini sudah diterangkan oleh Allah SWT sendiri seperti firman-Nya yang mafhumnya,
"Sesungguhnya pemimpin kamu adalah Allah, Rasul-Nya dan orang-orang yang beriman, yang sentiasa mendirikan sembahyang, yang mengeluarkan zakat dan adalah mereka itu orang-orang yang rukuk."
(Al-Maidah : 55)

6. *Ditentukan tempat munculnya.* Rasulullah SAW sudah menjelaskan tempat munculnya pemimpin akhir zaman. Untuk akhir zaman ini, tempat munculnya juga sudah dijelaskan oleh Nabi SAW dengan menyatakan, yang maksudnya,
"Seorang lelaki dari anak cucu Al-Hasan akan datang dari arah Timur. Jika dia menghadap ke arah gunung, akan dipukulnya sampai rata, sehingga mereka berjaya melaluinya."

Orang yang dimaksudkan dalam hadis ini adalah Syuaib bin Saleh at-Tamimi, datang dari keturunan Sayidina Hasan bin Ali RA iaitu keturunan Ahlulbait dan tempat munculnya adalah di Timur. Timur yang dimaksudkan itu adalah di Asia Tenggara ini, iaitu kawasan tempat tinggal kita sekarang.

7. *Ditentukan pengikut-pengikutnya.* Pada zaman Rasulullah SAW, ditentukan bahawa pengikut-pengikut baginda disebut sebagai Sahabat, ditentukan pula bahawa Allah SWT telah meredai mereka semuanya dengan firman-Nya yang bermaksud,
"Sesungguhnya Allah telah redha kepada orang-orang mukmin (para sahabat) semasa mereka berbaiat kepadamu di bawah pohon, maka Allah mengetahui apa yang ada di dalam hati mereka, lalu Allah turunkan ketenangan ke atas mereka dan memberi balasan kepada mereka dengan kemenangan yang hampir." (Al-Fath : 18)

Manakala untuk umat akhir zaman iaitu zaman kita ini, para pengikutnya juga adalah khusus seperti yang pernah disebutkan oleh Sayidina Ali KMW,
"Apabila dia yang dari ahli keluarga Muhammad SAW keluar, Allah akan mempertemukan para pengikutnya dari Timur dan Barat dengannya, seperti bertemunya awan-awan pada musim luruh. Mereka adalah ar-Rufaqak, mereka datang daripada penduduk Kufah, dan Wali Abdal yang datang daripada penduduk Syam."

Selain mereka ini, ada sekumpulan lagi pengikut khususnya yang bilangannya lebih besar, yang merangkumi para Rufaqak itu tadi dan disebut sebagai Ikhwan. Ini dijelaskan oleh sabda Nabi SAW yang maksudnya,
"*Aku tersangat rindu kepada para Ikhwanku." Maka bertanyalah para sahabat, "Ya Rasulullah SAW, bukankah kami ini Ikhwanmu?" Rasulullah SAW menjawab, "Bukan, malah kamu adalah sahabatku. Sedangkan Ikhwanku adalah orang yang beriman denganku walaupun mereka tidak pernah melihatku.*"
Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abu Hurairah RA dan Anas RA dengan matan yang sedikit berlainan.

Ikhwan inilah golongan yang memperkembangkan Islam pada akhir zaman, menggantikan para sahabat RA yang telah memperkembangkan Islam pada awal Islam dahulu. Mereka ini juga telah Allah redhai kepada mereka seperti yang disebutkan oleh sebuah lagi hadis, riwayat Imam Muslim.

Dari Nawas bin Sam'an RA, katanya, Suatu pagi Rasulullah SAW menyebutkan hal Dajjal.

"… (Hadisnya panjang… dipendekkan*) … Isa AS mengejar Dajjal itu sampai ditemuinya di Bab Lud lalu dibunuhnya. Kemudian, suatu kaum (maksudnya para Ikhwan) yang dipelihara Allah daripada tipuan Dajjal, datang menemui Nabi Isa bin Maryam AS. Lalu dibarutnya muka mereka dan diceritakannya kepada mereka* <u>*tingkat kediaman mereka di dalam syurga*</u>*. Dalam keadaan demikian, ketika itu Allah mewahyukan kepada Isa AS: …"*

Muslim

8. *Diuji dengan cabaran-cabaran khusus untuk memantapkannya*. Cabaran dan dugaan ini cukup berat, sekira-kira tidak tertanggung oleh mana-mana pemimpin lain pun di dunia ini pada masa itu. Ini adalah suatu yang amat perlu supaya beliau akan lebih bersih hatinya, lebih tahan menerima ujian, cukup sabar menghadapi cubaan, lebih bersedia menghadapi tugas dan cabaran lebih besar pada masa-masa hadapan, memantapkan hatinya, menghapuskan dosa-dosa dan kesalahannya, dosa-dosa ahli dan jemaahnya dan lebih kuat imannya kepada Allah. Ini sesuai dengan sebuah hadis yang terjemahannya berbunyi kira-kira begini,

"…Kami Ahlulbait, telah Allah pilih akhirat kami lebih dari dunia kami. Kaum kerabatku akan menerima bencana dan penyingkiran selepasku kelak sehingga datanglah Panji-panji Hitam dari Timur. Mereka meminta kebaikan tetapi tidak diberikannya. Maka mereka pun berjuang dan memperoleh kejayaan. Sesiapa di antara kamu atau keturunan kamu yang hidup pada masa itu, datangilah Imam yang dari ahli keluargaku walau terpaksa merangkak di atas salji. Sungguh, mereka adalah pembawa Panji-panji yang mendapat hidayah…" (At-Tarmizi, Al-Hakim, Abu Daud)

9. *Diuji dan ditapis pengikut-pengikutnya untuk menguji kekuatan iman dan keikhlasan hatinya*. Hal ini amat perlu kerana dengan melalui ujian dan tapisan demi tapisan itulah baru diketahui siapa yang benar-benar ikhlas berjuang kerana Allah, dan sesiapa yang banyak dosanya pasti tertinggal. Ingat, walau berapa ramai pun yang tertinggal, Pemuda Bani Tamim tetap bergerak ke hadapan dan langkahannya tetap laju mara menuju ke matlamat yang telah ditetapkan oleh Jadual Allah. Sesiapa yang mahu mengikutnya perlulah bersabar dan tahan menerima ujian, biar seberat mana pun ujian yang terpaksa diterima itu. Jika Pemuda Bani Tamim terpaksa melalui tujuh tahap ujian berat seperti di atas, maka pengikut-pengikutnya terpaksa juga menerima ketujuh-tujuh ujian itu, tidak dapat tidak. Cuma bezanya, setinggi mana pun ujian yang diterima oleh si pengikut, tetap tidak lebih berat daripada ujian yang ditanggung oleh Pemuda Bani Tamim itu sendiri. Beliau terpaksa menanggung segala ujian itu yang jauh lebih berat dan sukar daripada apa yang diterima oleh pengikutnya.

10. *Dinaikkan secara yang tidak zalim*. Bolehkah Islam ditegakkan setelah kerajaan yang sedia ada ditumbangkan secara zalim? Ertinya, kita menegakkan keadilan dengan cara yang zalim? Talut dinaikkan sebagai raja dengan cara yang tidak zalim. Dia tidak merampas kuasa dan tidak pula dengan melobi rakyat supaya menyokongnya. Kemunculannya adalah hasil doa dan rintihan rakyat dari kalangan Bani Israel kepada Allah. Nabi Musa AS juga menjadi pemerintah bagi Bani Israel secara semula jadi, tidak ada pengaruh-mempengaruhi dan tidak pernah pula menabur janji-janji manis kepada rakyat. Nabi Muhammad SAW juga tidak pernah menjadi pemimpin dengan menjatuhkan pemimpin Quraisy di Makkah, tidak pernah juga mempengaruhi penduduk Makkah supaya menyokong baginda, tidak pernah menabur janji-janji manis atau janji-janji politik, tidak juga melalui undi dan sokongan rakyat. Malah jauh sekali daripada mencerca peribadi-peribadi pemimpin Quraisy di kota Makkah itu biarpun mereka itu amat nyata kafirnya, malah sudah dimaktubkan kekafiran mereka di

dalam Al-Quran. Setiap pemimpin yang zalim dijatuhkan oleh Allah kerana mereka menentang rasul-rasul dan wali-wali Allah dan dalam konteks akhir zaman, pemerintah itu dijatuhkan kerana mereka menentang pemimpin sejati akhir zaman. Mereka juga dijatuhkan oleh Allah kerana dosa-dosa mereka sendiri yang sudah terlalu banyak dan kerana terlalu zalim terhadap ***Orang-orang Allah***, bukannya oleh *kuasa rakyat* atau melalui sistem demokrasi.
Allah SWT telah mengingatkan kita bahawa pemerintah (dan rakyat) yang zalim itu akan Dia binasakan kerana kezaliman mereka pada waktu yang telah Dia tetapkan sendiri seperti dalam firman-Nya yang bermaksud kira-kira begini,
"Dan (penduduk) negeri itu telah Kami binasakan apabila mereka berbuat zalim, dan Kami jadikan bagi mereka itu kebinasaannya pada waktu yang telah dijanjikan."
(Al-Kahfi : 59)

Pemimpin akhir zaman juga tidak pernah melobi rakyat supaya menyokongnya. Sokongan rakyat kepadanya datang dengan sendiri, melalui hati yang sangat rapat dengan Allah. Sokongan rakyat adalah dengan melaksanakan setiap perintahnya dengan sepenuh taat, tidak berbuat jahat walaupun berada jauh daripada pemimpinnya itu atau tanpa pengetahuan pemimpinnya. Malah setelah pemimpinnya mati sekalipun, mereka tetap tidak akan berbuat jahat kerana mereka taatkan pemerintah mereka tidak mengira sama ada pemimpin mereka itu ada di hadapan atau jauh ataupun setelah matinya. Itulah pemimpin sejati, pemimpin yang sentiasa berada di hati, bukan di jari.

11. *Diangkat sebagai pemimpin pada masa yang bersesuaian*. Lazimnya pada awal setiap kurun Hijrah. Ulama yang zahir bukan pada masanya yang tepat, tidak sekali-kali boleh dikatakan sebagai mujaddid walaupun ilmunya sangat luas, jasanya sangat besar terhadap umat Islam, pemahamannya dikagumi, tulisan-tulisannya sangat banyak dan matinya pun sebagai seorang syahid. Seorang mujaddid mestilah zahir pada awal kurun Hijrah, bukan di tengah-tengah kurun. Ini sesuai dengan sabda Nabi SAW yang maksudnya,
"Sesungguhnya Allah akan membangkitkan pada awal setiap seratus tahun orang yang akan memperbaharui urusan agamanya." (Abu Daud, At-Tabari, Al-Hakim dan Al-Baihaqi)

Ertinya, apabila tiba sahaja pada setiap awal kurun Hijrah, maka umat Islam mestilah menumpukan perhatian mereka untuk mencari siapakah dia pemimpin yang Allah utuskan untuk kurun berkenaan. Hal ini telah Allah wajibkan kepada kita, semua umat Islam, untuk mencarinya, mengisytiharkan nikmat ini ke seluruh dunia dan kemudian bersama-sama melantiknya sebagai pemimpin seluruh umat Islam, tanpa mengira sempadan mazhab, pendidikan, geografi atau sebagainya lagi. Hanya dengan inilah sahaja caranya Islam akan menjadi tinggi dan nasib umat Islam akan terbela sepenuhnya daripada segala macam kesukaran dan penderitaan yang sedang kita tanggung pada hari ini. Nasib kita di akhirat sana pun akan lebih terbela dengan keberadaan orang pilihan Allah ini di tengah-tengah kita.

12. *Diberi keupayaan* menghapuskan khurafat-khurafat dan bidaah yang sedang berleluasa. Ini sesuai dengan firman-Nya yang bermaksud,
"Dan perangilah mereka sehingga tidak ada lagi fitnah supaya agama (Islam yang satu) itu hanyalah untuk Allah semata-mata…"
(Al-Anfal : 39)

13. *Diberi keupayaan menghapuskan* sistem-sistem yang tidak Islamik dan menggantikannya dengan kaedah Islam tulen, seperti firman-Nya yang bermaksud,
"Dialah yang mengutus Rasul-Nya (dengan membawa) petunjuk dan agama yang benar untuk dimenangkan oleh-Nya atas segala agama yang lain keseluruhannya, walaupun orang-orang musyrik itu

tidak menyukai." (At-Taubah : 33)

14. Diberi keupayaan *membawa keadilan yang merata*, yang sesuai dengan tuntutan syarak. Adil yang dimaksudkan adalah adil menurut Al-Quran, bukannya adil menurut kaca mata Barat. Keadilan yang hakiki tidak akan mampu ditegakkan melainkan oleh seorang pemimpin yang ditunjuk dan didatangkan khusus oleh Allah untuk manusia. Hal ini barang kali agak jelas dan mudah, menurut kefahaman masing-masing. Oleh itu, tidak perlulah diperpanjangkan lagi di sini.

15. *Pemimpin sejati adalah orang yang ditaat zahir dan batin*. Pada hari ini, ramai pemimpin yang sudah tidak dihormati lagi oleh rakyatnya. Malah orang bawahannya juga sudah tidak tahu lagi menghormati pemimpin mereka. Hal ini sebenarnya adalah disebabkan pengaruh sistem Yahudi yang menyusup masuk ke dalam budaya dan hati kita secara yang amat halus sehingga tidak kita sedari. Memang orang-orang Yahudi tidak pernah mahu menghormati sesiapa pun. Usahkan orang yang bertaraf pemimpin atau raja di kalangan mereka, malah orang yang bertaraf rasul pun tidak pernah mereka hormati. Lihatlah bagaimana Al-Quran merakamkan cara mereka memanggil nabi mereka. Disebutkan di dalam beberapa banyak ayat Al-Quran, mereka memanggil Nabi Musa AS itu dengan sebutan, *"Wahai Musa!…"* sahaja. Tidak ada disebutkan mereka memanggilnya dengan Alaihissalam atau Rasulullah. Begitulah biadabnya mereka terhadap rasul-rasul mereka sendiri.

Pemimpin yang sejati ditaati perintahnya zahir dan batin. Beliau mestilah berusaha membina peribadinya dahulu dengan ajaran-ajaran Islam, kemudian membina keluarganya dengan persekitaran Islam, kemudian barulah beliau mendirikan sebuah jemaah untuk memulakan kepemimpinannya ke tahap yang lebih luas. Ahli-ahli jemaah ini sentiasa taat kepada beliau kerana meyakini kepemimpinan beliau. Itulah bentuk kepemimpinan yang dikehendaki seperti dalam sabda Nabi SAW yang maksudnya,

"Tiada Islam melainkan dengan jemaah, tiada jemaah melainkan dengan kepemimpinan dan tiada kepemimpinan melainkan dengan ketaatan."

Begitu juga sabda Nabi SAW yang menyebutkan, maksudnya,

"Sesiapa yang mentaatiku maka bererti dia telah mentaati Allah dan sesiapa yang menderhakaiku maka bererti dia telah menderhakai Allah. Sesiapa yang mentaati Amirku maka bererti dia mentaatiku dan sesiapa yang menderhakai Amirku maka bererti dia telah menderhakaiku."

Untuk mendapatkan pengesahan seseorang itu sebagai pemimpin umat, perlu berlaku baiat antara si pemimpin dengan si rakyat yang dipimpin. Orang yang tidak berbaiat kepada pemimpin, mendapat dosa yang besar dan dianggap penderhaka, sehinggalah dia membaiat pemimpin berkenaan. Ini telah digambarkan oleh baginda SAW dalam hadisnya yang bermaksud,

"Sesiapa yang mati sedangkan pada lehernya tiada tanggungan baiat, maka matinya adalah mati dalam keadaan jahiliyah."

(Muslim)

Selain itu, sesebuah jemaah atau parti yang memperjuangkan kebenaran seharusnya mampu melakukan yang berikut, sebagai tanda merekalah golongan yang dimaksudkan oleh hadis-hadis dan patut disokong sepenuhnya.

1. Ahli yang memasukinya mampu melakukan perubahan hati. Perubahan ini berbentuk membersihkan hati mereka daripada dosa dan titik-titik hitam. Jemaah menggalakkan mereka banyak-banyak bertaubat.

2. Ahli-ahlinya mampu menyelaraskan pemahaman terhadap hampir seluruh aspek perjuangan. Hal ini hanya mampu dilakukan oleh sebuah jemaah sahaja dalam setiap seratus tahun atau pemimpinnya itu seorang yang bertaraf mujaddid atau sekurang-kurangnya bertaraf imam mujtahid mutlak.

3. Ahli-ahlinya mampu melakukan perubahan fizikal. Pakaian mereka semakin kemas menurut syarak dan sentiasa dipatuhi sepanjang masa, walau di mana sahaja mereka berada, bukan sahaja semasa di hadapan para pengikut mereka.

4. Ahli-ahlinya mampu mempertingkatkan iman dari semasa ke semasa. Jika ini dapat dilakukan, itulah juga tandanya jemaah itu adalah jemaah kebenaran.

5. Ahli-ahlinya mampu memperkemaskan ibadat-ibadat wajib dan istiqamah dengan ibadat yang sunat-sunat. Salah satu tanda orang yang dikasihi oleh Allah SWT ialah mereka sentiasa memperkemaskah ibadat yang wajib dan istiqamah dengan ibadat yang sunat-sunat. Hanya jemaah kebenaran sahaja yang mampu menitikberatkan ibadat sunat ini di kalangan ahlinya. Jika selain jemaah kebenaran, pengikut imam mujtahid mutlak juga boleh berbuat demikian. Yang selain dari itu, semuanya pasti gagal.

6. Ahli-ahlinya mampu memimpin zaman kerana pemimpin mereka bertaraf Sahibul Zaman, bukannya dipimpin oleh zaman. Kepemimpinan mereka mendahului zamannya dan tidak terkejar oleh jemaah lain, sekurang-kurangnya dalam tempoh masa yang terdekat. Kaedah perjuangan mereka tepat menurut keperluan zaman.

7. Ahli-ahlinya tidak menggunakan kaedah semasa, baik dalam bidang politik, ekonomi, pendidikan, keilmuan dan sebagainya. Kaedah mereka adalah ***kaedah lama***, kaedah yang sudah tidak diketahui lagi oleh kalangan ilmuwan, walau yang paling cerdik sekalipun.

8. Mengajak ahli-ahlinya menghisab dosa-dosa dan kesalahan sendiri, tidak memperkatakan dosa-dosa dan kesalahan-kesalahan orang lain. Lidah mereka bersih daripada menipu, mengata-ngata orang, memfitnah, membuka aib/kesalahan orang lain atau memperkatakan dosa orang lain.

9. Ahli-ahlinya menganggap tugas kepemimpinan adalah suatu tanggungjawab yang amat berat untuk dipikul dan akan dihisab dengan teliti di akhirat kelak. Kerana itu, setiap tugas yang diamanahkan kepada mereka akan dijalankan dengan penuh tanggungjawab walaupun tiada yang mengawasi pekerjaannya.

10. Ahli-ahlinya tidak meminta sebarang jawatan untuk memimpin dan tidak berhasrat untuk meminta jawatan. Hal ini amatlah sukar kerana lazimnya setiap parti politik akan meminta orang ramai menyokongnya untuk mendapatkan jawatan dalam sesebuah parti dan seterusnya dalam pentadbiran negara.

11. Ahli-ahlinya diajak sentiasa mengingati Allah SWT dalam setiap masa dan ketika. Hanya dengan hati yang sentiasa mengingati Allah sahajalah pertolongan-Nya akan tiba dan perjuangan mereka sentiasa dibantu.

12. Ahli-ahlinya diajak ***sangat-sangat*** mencintai Allah SWT dan merindui Rasulullah SAW sepenuh hati.

13. Jemaahnya mampu membangunkan menurut sunnah sehingga mereka mampu berdikari tanpa bantuan dan sokongan mana-mana pihak.

14. Ahli-ahlinya tidak terjejas oleh sebarang perubahan duniawi yang merosak dan melalaikan. Jemaah-jemaah lain tidak akan mampu menjaga ahli-ahlinya daripada terikut-ikut dengan pengaruh semasa yang merosakkan.

15. Ahli-ahlinya tidak dibiarkan begitu sahaja kerana setiap ahlinya adalah ahli-ahli yang terpimpin dan sentiasa dipimpin. Itulah sikap pemimpin yang benar-benar bertanggungjawab. Kebajikan mereka sentiasa diisi.

16. Keluarga ahli mereka juga diperhatikan dan turut diasuh dengan keperluan yang sesuai dengan kehendak jemaah. Keluarga ahli mendapat kefahaman yang sama dengan kefahaman pemimpin.

17. Setiap ahli yakin dengan perjuangan mereka dan yakin mereka akan mendapat bantuan daripada Allah SWT. Kerana itu mereka sentiasa memperbaiki diri dan mengikis dosa-dosa dengan harapan doa mereka tidak lagi terhijab akibat dosa-dosa berkenaan.

18. Mereka ditakuti oleh kawan dan lawan. Musuh amat gerun terhadap mereka. Yang sealiran dengan mereka amat sayang dengan mereka ini dan sentiasa bergantung harap kepada mereka.

19. Mampu membawa perubahan yang besar kepada corak dan aliran politik semasa dengan hanya sepatah kata, atau dengan satu ungkapan yang pendek sahaja. Betapalah besar perubahan yang akan mampu dibawanya jika mereka dibenarkan bercakap dengan panjang lebar.

Jika ciri-ciri di atas ada pada sesebuah jemaah atau parti, jangan tangguh-tangguh lagi. Itulah dia jemaah atau parti yang memperjuangkan kebenaran seperti yang telah dijanjikan akan muncul pada akhir zaman. Beramai-ramailah kita mengikutinya dengan hati yang ikhlas dan keyakinan yang penuh. Semoga kita akan mendapat salah satu tempat sebagai salah seorang yang berbahagia di dunia ini dan lebih-lebih lagi bahagianya di akhirat kelak.

Pesanan Berat *Imam al-Ghazali RH*, Khusus Buat Para Pejuang Kebenaran

"Jika engkau mahu mengikut petunjuk para Imam, kuatkanlah dirimu untuk menerima musibah-musibah dengan jiwa yang tabah, sewaktu menghadapi setiap kepahitan, dan dengan hati yang sabar, walaupun dadamu bergoncang.

"Lisanmu dikunci, matamu dikendalikan, rahsiamu disembunyikan hanya untuk diketahui oleh Tuhanmu sahaja.

"Namamu biar tidak terkenal, pintu rumahmu tertutup rapat, bibirmu tersenyum, perutmu kelaparan, hatimu terluka, pasarmu tiada sambutan, pangkatmu dipendam dan keaibanmu ditonjolkan.

"Setiap hari kamu menelan rasa pahit daripada pengaruh zaman dan teman, sedangkan hatimu menurut dalam sedar.

"Pada waktu siang, kamu sibuk mengislahkan manusia tanpa berkira-kira. Malam pula kamu tenggelam dalam keasyikan kepada Tuhan.

"Ambillah kesempatan pada waktu malam. Jadikannya jalan dan persiapan untuk hari kiamat yang padanya sukar sekali untuk mencari jalan."

Berjuang itu Berat,
Hanya Hati yang Benar-benar
Pejuang yang Sanggup Terus
Bertahan.

BAHAGIAN 2

Asal-usul Keturunannya

Mengenai keturunan Imam Mahdi, sudah jelas dinyatakan dalam banyak hadis bahawa Imam Mahdi itu berketurunan Rasulullah SAW, atau dengan lebih tepat lagi, Ahlulbait, yang keturunannya bersambung terus secara jelas dengan baginda Rasulullah SAW. Bagaimanapun, untuk lebih meyakinkan lagi hati kita, marilah kita lihat hadis-hadis berikut berserta huraian ringkas yang diberikan di bawah ini.

1. Beliau Berketurunan Rasulullah SAW

A. Dari Sayidina Ali KMW, dia berkata, Rasulullah SAW bersabda,

"Al-Mahdi itu adalah dari golongan kami, wahai Ahlulbait, semoga Allah akan menyempurnakannya dalam satu malam."

(Ibnu Majah)

B. Abdullah bin Mas'ud RA meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda,

"Dunia ini tidak akan hancur sehingga seorang lelaki dari ahli keluargaku, yang namanya seperti namaku, memerintah seluruh bangsa Arab."

(At-Tarmizi & Abu Daud)

C. Sayidina Ali bin Abi Talib KMW meriwayatkan sebuah hadis daripada Nabi SAW yang memberitahunya bahawa,

"Al-Mahdi yang dinanti-nantikan itu adalah dari kaum keluargaku. Allah akan menyempurnakannya dalam satu malam sahaja."

(Ibnu Majah)

D. Dari Abdul Rahman bin Auf RA katanya, sabda Nabi SAW,

"Sungguh Allah akan melahirkan seorang lelaki daripada keturunanku, yang (antara sifat utamanya ialah) giginya berjarak, dahinya lebar, keadilannya sangat meliputi seluruh alam dan akan mendapatkan harta-benda dengan melimpah-limpah."

(Abu Nuaim)

E. Dari Abdullah bin Mas'ud RA katanya, sabda Nabi SAW,

"Jika tidak tinggal umur dunia ini melainkan hanya sehari sahaja, nescaya Allah akan memanjangkan hari itu sehinggalah dibangkitkan-Nya seorang lelaki dari keturunanku atau dari kaum Keluargaku, yang namanya menyerupai namaku, dan nama bapanya menyerupai nama bapaku. Dia akan memenuhi bumi ini dengan keadilan dan kesaksamaan sebagaimana bumi ini sebelumnya dipenuhi dengan penindasan dan kezaliman."

(Abu Daud & At-Tarmizi)

F. Dari Sayidina Ali bin Abi Talib KMW katanya, Rasulullah SAW bersabda,

"Kalaulah hanya tinggal sehari sahaja lagi umur dunia ini, pasti Allah akan panjangkannya sehingga dibangkitkan-Nya seorang lelaki dari ahli keluargaku yang akan memenuhkan dunia ini

dengan keadilan seperti sebelumnya yang dipenuhi oleh kezaliman."
(Abu Daud)

G. Sabda Nabi SAW,
"Al-Mahdi itu adalah salah seorang dari kaum keluargaku, Ahlulbait."
(Ibnu Majah)

H. Sabda Nabi SAW,
"Dunia ini tidak akan lenyap sehingga seorang lelaki dari kalangan bangsa Arab muncul, yang namanya seperti namaku."
(At-Tarmizi)

I. Abu Said al-Khudri RA menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda,
"Al-Mahdi adalah dari keturunanku. Dahinya luas dan hidungnya mancung. Dia akan memenuhkan bumi ini dengan keadilan dan kesaksamaan ketika dunia sedang dipenuhi dengan penindasan. Dia akan memerintah selama tujuh tahun."

J. Rasulullah SAW mengisytiharkan bahawa,
"Al-Mahdi itu adalah salah seorang daripada kami, dari kalangan Ahlulbait."
(Ibnu Majah)

K. Nabi SAW bersabda,
"Allah akan mengeluarkan dari persembunyiannya al-Mahdi (iaitu) dari kalangan kaum keluargaku sejurus sebelum hari kiamat walaupun kiamat itu cuma tinggal sehari sahaja. Dia akan menyebarkan keadilan dan kesaksamaan di atas muka bumi ini dan menghapuskan kezaliman dan penindasan." (Imam Ahmad)

Hadis-hadis yang memperakukan bahawa Imam Mahdi adalah keturunan baginda SAW adalah banyak dan sebahagiannya adalah seperti yang dinyatakan di atas. Hadis-hadis yang menceritakan mengenai hal ini memang banyak dan yang dinyatakan di atas hanyalah sebahagian daripadanya. Oleh kerana banyaknya hadis yang menceritakan tajuk yang sama, dan dari pelbagai tingkatan kesahihan pula, maka tidak syak lagilah Imam Mahdi itu memang asal-usul keturunannya adalah daripada Rasulullah SAW.

Memang tidak syak lagi Imam Mahdi itu adalah salah seorang dari Ahlulbait dan kedudukannya adalah lebih utama pada sisi Rasulullah SAW daripada orang lain yang sezaman dengannya mahupun dari zaman yang dahulu, sehingga kepada para sahabat RA. Ketinggian kedudukannya pada sisi Allah SWT dan pada sisi Rasulullah SAW sudah hampir tidak perlu dinyatakan lagi kerana sudah disebutkan sendiri oleh baginda Rasulullah SAW dalam beberapa buah hadis, antaranya seperti yang telah diriwayatkan.

Kerana itu orang yang mengaku dirinya Imam Mahdi atau yang didakwa oleh para pengikutnya sebagai Imam Mahdi perlu menunjukkan susur galur keturunannya yang jelas, dan disertakan bukti-bukti yang kukuh, yang dapat dipertahankan bahawa dia memang berketurunan Rasulullah SAW, dan saksi-saksi bebas yang dapat menerangkan secara terperinci akan keluarganya dan sejarah latar belakang keluarganya itu. Jika ini dapat dilakukan, maka jelaslah bahawa dakwaan itu adalah benar dan si pendakwa dapatlah diterima sebagai Imam Mahdi, sesuai dengan isyarat hadis Rasulullah SAW yang banyak itu.

2. Beliau Berketurunan Sayidatina Fatimah RA

A. Dari Said bin al-Musayyab RH, dia berkata,

"Kami berada bersama-sama dengan Ummu Salamah RA, lalu kami saling menyebut-nyebut al-Mahdi, maka dia berkata, "Saya mendengar Rasulullah SAW bersabda, *"Al-Mahdi adalah dari anak keturunan Fatimah."*

(Ibnu Majah)

B. Ummu Salamah RA, Ummul Mukminin, menceritakan bahawa dia mendengar Rasulullah SAW bersabda,

"Al-Mahdi adalah dari keturunanku, dari anak cucu Fatimah." (Abu Daud & Ibnu Majah)

C. Qatadah RH berkata,

"Aku bertanya kepada Said bin Al-Musayyab RH, *"Adakah al-Mahdi itu benar?"* Dia menjawab, *"Ya."* Aku bertanya lagi, *"Dari siapa dia datang?"* Jawabnya, *"Dari anak-anak Fatimah RA."*

D. Dari Imran bin al-Husain RA katanya, Rasulullah SAW bersabda kepada anaknya Fatimah RA,

"Khabarkanlah berita gembira, bahawa al-Mahdi itu adalah dari (keturunan) kamu."
(Ibnu Asakir)

E. Kata Sayidina Ali KMW,

"Al-Mahdi itu adalah seorang lelaki dari kami, dari anak-anak Fatimah RA."

F. Sabda Nabi SAW,

"Benar, dia memang sebenarnya, dan dia adalah dari anak-anak Fatimah."

G. Rasulullah SAW mengisytiharkan bahawa,

"Al-Mahdi itu adalah dari kaum keluargaku, daripada keturunan Fatimah."
(Ibnu Majah)

Hadis-hadis di atas memperincikan lagi keturunan Imam Mahdi itu iaitu dari keturunan Rasulullah SAW melalui puteri bongsu kesayangan baginda SAW. Banyaknya hadis yang menyebutkan perkara demikian membantu menjelaskan lagi kedudukan Imam Mahdi sebagai salah seorang Ahlulbait yang paling utama. Jika kumpulan hadis sebelumnya menyatakan Imam Mahdi itu adalah dari keturunan Rasulullah SAW, maka kumpulan hadis yang kedua ini menyatakan pula bahawa Imam Mahdi itu adalah dari keturunan Rasulullah SAW melalui puteri kesayangan baginda SAW dan kesayangan seluruh umat Islam, iaitu Sayidatina Siti Fatimah az-Zahra' al-Batul.

3. Beliau Berketurunan Sayidina Ali KMW

A. Sabda Nabi SAW,

"Akan keluar dari sulbi ini (Sayidina Ali KW) seorang pemuda yang akan memenuhkan bumi ini dengan keadilan. Maka apabila kamu meyakini yang demikian itu, hendaklah kamu turut menyertai Pemuda dari Bani Tamim itu. Sesungguhnya dia datang dari sebelah Timur dan dialah pemegang panji-panji al-Mahdi. (At-Tabrani)

Hal ini sebenarnya lebih merupakan pelengkap dan pemutus kata mengenai asal keturunan Imam Mahdi. Memang diakui bahawa suami Siti Fatimah az-Zahra RA sepanjang hayatnya adalah Sayidina Ali KMW, tidak ada yang lain. Maka hadis ini lebih berfungsi membantu menguatkan lagi

kebenaran hadis yang menyebut bahawa Imam Mahdi itu memang berasal daripada keturunan Rasulullah SAW. Keadaan ini samalah ibarat cahaya di atas cahaya, terang di atas terang, atau seperti kata pepatah Melayu, *sudah terang lagi bersuluh*.

4. Beliau Dari Keturunan Sayidina Al-Hasan dan Al-Husain bin Ali RA

A. Rasulullah SAW bersabda kepada Fatimah RA,

> *"Demi Allah yang mengutus aku sebagai Nabi yang sebenarnya, sungguh daripada keturunan al-Hasan dan al-Husain akan lahir al-Mahdi untuk umat ini."*

B. Abdullah bin Amru RA berkata,

> *"Seorang lelaki dari anak cucu al-Hasan akan datang dari arah Timur. Jika dia menghadap ke arah gunung, akan dipukulnya hingga rata sehingga mereka berjaya melaluinya."*

C. Rasulullah SAW bersabda,

> *"Dunia ini tidak akan berakhir sehingga seorang lelaki dari keturunan al-Husain mengambil alih pentadbiran dunia dan memenuhkannya dengan keadilan dan kesaksamaan seperti sebelumnya yang dipenuhi dengan kezaliman dan penindasan."*

D. Abu Ishak memberitahu bahawa Sayidina Ali KMW ketika memandang anaknya al-Hasan RA, berkata,

> *"Anak aku ini adalah seorang Sayid, seperti yang Nabi SAW menamakan dia. Daripada keturunannyalah akan muncul seorang lelaki yang namanya seperti nama Nabi kamu. Dia akan menyerupai Nabi kamu dari segi akhlak tetapi tidak dari segi rupa." Kemudian dia menyebutkan riwayat bahawa bumi ini akan dipenuhi dengan keadilan (semasa pemerintahannya)."*
>
> (Abu Daud)

Oleh kerana keturunan Sayidina Ali KMW memang ramai, terutamanya dari sebelah isteri-isterinya yang lain, maka dikhabarkan lagi bahawa Imam Mahdi itu adalah dari anaknya yang bernama al-Hasan dan al-Husain RA, iaitu cucu-cucu kesayangan Rasulullah SAW.

Antara kedua-dua orang cucu baginda SAW ini, Sayidina al-Husain RA adalah lebih menonjol berbanding Sayidina al-Hasan RA. Maka ditetapkan lagi oleh para ulama bahawa, Imam Mahdi itu dari sebelah bapanya adalah terus kepada Sayidina al-Husain RA, manakala dari sebelah ibunya adalah datang dari sebelah Sayidina al-Hasan. Demikian pendapat yang dirumuskan oleh Imam Ibnu Hajar al-Haitami dalam kitabnya yang terkenal itu.

Adanya hadis-hadis yang sekejap menyebutkan Imam Mahdi itu berketurunan Sayidina al-Husain, sekejap menyebutkan Imam Mahdi itu berketurunan Sayidina al-Hasan, dan sekejap lagi menyebutkan Imam Mahdi itu dari keturunan kedua-dua al-Hasan dan al-Husain itu, sebenarnya bukanlah menunjukkan pertentangan. Tidaklah sepatutnya apabila ini berlaku, maka ketiga-tiga bentuk hadis ini ditolak.

Pertentangan yang berlaku ini hanyalah bersifat luaran, kerana tidak dijelaskan secara mendalam maksudnya itu. Sebenarnya memang Imam Mahdi itu datang dari keturunan Sayidina al-Hasan dan Sayidina al-Husain, dari bapa mereka Sayidina Ali KMW dan dari ibu mereka Sayidatina Siti Fatimah RA.

5. Beliau Berketurunan Sayidina Al-Abbas RA

A. Rasulullah SAW bersabda,

"Al-Mahdi adalah dari keturunan (Sayidina) Abbas, bapa saudaraku."
(Ad-Daruqutni)

B. Dari Ibnu Abbas RA, Rasulullah SAW bersabda,

"Ingatlah wahai paman. Adalah aku ini membawakan khabar gembira kepadamu, sesungguhnya keturunan paman adalah orang yang suci-suci. Daripada paman (nanti) akan lahir al-Mahdi pada akhir zaman. Dengannya Allah akan menyebarkan hidayah, memusnahkan kesesatan. Sesungguhnya Allah taala memulakan (pemerintahan dan Islam) ini dengan aku dan akan mengakhirinya dengan keturunan paman." (Ar-Rafie)

C. Dari Abu Hurairah RA, katanya, Rasulullah SAW bersabda,

"Ingatlah wahai Abul Fadhal (Ibnu Abbas RA), saya membawa berita gembira kepadamu, sesungguhnya Allah memulakan agama ini denganku dan dengan keturunanmu nanti Allah akan mengakhirkannya."
(Abu Nuaim)

D. Dari Ibnu Abbas RA, katanya Rasulullah SAW berdoa,

"Ya Allah, tolonglah al-Abbas dan keturunannya (tiga kali). Wahai pakcikku, ketahuilah, bahawa al-Mahdi al-Muntazar, yang menyayangi dan disayangi itu adalah dari anak keturunanmu." (Haisam & Ibnu Asakir)

E. Dari Sayidina Ali RA, katanya, Rasulullah SAW bersabda,

"Wahai pakcikku, ketahuilah, sesungguhnya Allah memulakan agama ini denganku dan Dia menutupnya dengan keturunanmu."
(Al-Khatib & Ibnu Asakir)

Hadis-hadis ini menjelaskan pula bahawa Imam Mahdi itu adalah dari keturunan Al-Abbas RA, bapa saudara Nabi Muhammad SAW dan maksud yang disampaikan di dalam hadis-hadis berkenaan adalah terang sekali, tidak perlu dihuraikan lagi.

Semua hadis di atas, jika dilihat sekali imbas semua sekali, secara zahirnya memanglah sangat bertentangan. Semuanya jika dibaca sekali imbas, mampu membuatkan kita kalut seketika. Ramai ulama tidak berani memasukkan kesemua hadis di atas secara sekali gus kerana takut akan mengelirukan umat Islam. Dalam banyak-banyak buku dan kitab, hanya disebutkan beberapa buah hadis sahaja, seperti Imam Mahdi itu dari keturunan Sayidina al-Hasan sahaja, atau al-Husain sahaja, atau keturunan Rasulullah SAW, tanpa menyebutkan keturunannya dari al-Hasan atau al-Husain.

Mana tidaknya, sebahagian hadis menyebutkan dengan jelas sekali bahawa Imam Mahdi itu adalah dari keturunan Nabi Muhammad SAW sendiri, beberapa buah hadis lain menyatakannya dari keturunan Sayidina al-Hasan, beberapa buah hadis yang lain menyebutkannya datang dari keturunan Sayidina al-Husain pula, dan beberapa buah hadis lagi menyebutkan bahawa Imam Mahdi itu datang dari keturunan Sayidina Al-Abbas, bapa saudara Nabi Muhammad SAW yang baginda muliakannya.

Ini menyebabkan ramai ulama terkemudian berkerut kening membacanya dan berkerut dahi memikirkannya. Akhirnya dicari-cari jalan supaya sebahagian hadis itu diisytiharkan maudhuk sahaja, untuk memudahkan cerita. Sebahagian yang lain pula berkata, tak usah masukkan hadis-hadis ini sebab jelas berlawanan. Mana satu yang betul pun, *wallahu a'alam*, katanya. Alasannya, mengikut

kaedah ilmu **jarah wat takdil**, kalau matan hadis-hadis itu ***sakit***, maka sanadnya juga sebenarnya ***sakit***.

Memang jika dilihat secara zahirnya, demikianlah yang berlaku dan yang mudah difahami oleh semua orang. Tapi tidaklah demikian sebenarnya. Mustahil Rasulullah SAW bersabda menyebutkan dua perkara yang amat bertentangan itu dan tidak menyedari maksud kedua-dua ucapannya. Para sahabat RA dan tabiin hanya meriwayatkan apa yang mereka dengar, jadi tidaklah salah apa-apa pada mereka. Dari situ, satu titik pertemuan perlulah dicari agar yang dilihat bertentangan, akan jadi tidak bertentangan.

Hadis-hadis ini jika dicantumkan sekali, akan membawa satu makna yang besar dan tidak sekali-kali bertentangan. Maksud sebenar hadis-hadis ini ialah bahawa Imam Mahdi itu memang dari keturunan orang-orang mulia, keturunan Nabi SAW, dari anak cucu Fatimah RA. Datuk neneknya yang dari pencar Sayidina al-Hasan akan berkahwin dengan pencar dari Sayidina al-Husain, yang seterusnya akan berkahwin pula dengan pencar dari Sayidina Abbas RA. Demikian penjelasan daripada Imam Ibnu Hajar al-Haitami.

Maksud tersiratnya ialah Imam Mahdi itu adalah pengumpul segala kemuliaan keturunan Quraisy, yang mengumpulkan semula keturunan dari Abdul Muttalib yang ramai anak itu pada dirinya. Sesuai dengan itu pula, maka Imam Mahdi itulah orang yang bakal menerima segala keistimewaan, segala kemuliaan, segala kebaikan, segala darjat, segala kedudukan, segala ilmu dan segala kekuasaan yang pernah diperoleh oleh sekalian anak cucu Abdul Muttalib. Selepas itu, tiada lagi orang yang akan menerima apa-apa keistimewaan yang seumpamanya lagi.

Keadaan ini samalah dengan peribadi baginda Rasulullah SAW yang mengumpulkan segala kemuliaan kaum Quraisy pada dirinya sehingga jadilah Baginda SAW itu sebagai semulia-mulia peribadi di kalangan bangsa Arab dan di kalangan bangsa Quraisy, juga semulia-mulia keturunan dari Bani Hasyim dan semulia-mulia keturunan dari Bani Abdul Muttalib.

Baginda SAW juga adalah pengumpul segala kemuliaan para nabi dan rasul sejak dulu-dulu lagi pada dirinya, mulai dari Nabi Adam AS hinggalah kepada Nabi Ibrahim AS, sehingga jadilah Baginda SAW itu semulia-mulia rasul di kalangan sekalian nabi dan rasul yang telah pernah diturunkan oleh Allah ke atas dunia ini.

Daripada sekian banyak hadis, pendapat yang menyatakan bapanya dari keturunan Sayidina al-Hasan adalah lebih lemah, dan pendapat yang lebih kuat adalah pendapat yang menyatakannya dari keturunan Sayidina al-Husain. Ini sesuai dengan maksud sebuah hadis yang menyatakan demikian. Maknanya, keturunan bapanya adalah dari anak cucu Sayidina al-Husain, terus sehingga sampai kepada dirinya, manakala hadis yang menyatakannya dari keturunan Sayidina al-Hasan, bermaksud dari sebelah ibunya. Begitu juga keturunannya yang bercampur tadi (antara anak cucu Sayidina al-Hasan dan al-Husain RA) akan berkahwin pula dengan seorang perempuan yang asal-usul keturunannya adalah dari anak cucu Sayidina Al-Abbas RA. Demikianlah pendapat yang lebih dapat diterima, wallahu a'alam.

Hasil daripada cantuman ketiga-tiga keturunan Ahlulbait itu, akan bercampur lagi dengan penduduk Ajam, yang bukan Arab, sehingga dari keturunan itu, lahirlah seorang pemuda yang asal-usulnya adalah Arab tetapi rupa bentuk, bahasa, adat resam, pemikiran dan gaya bawaannya sudah lebih mirip dan cenderung kepada cara penduduk Ajam yang menjadi tempat tinggalnya itu. Dan untuk akhir zaman ini, Ajam yang dimaksudkan itu, rasa-rasanya tidak lain dan tidak bukan adalah bangsa Melayu ini. Dan di Timur itulah Imam Mahdi dilahirkan, sesuatu yang tidak pernah terfikirkan dan terduga oleh mana-mana pihak pun sebelum ini, malah yang ada pada masa ini juga amat sukar menerima hakikat kenyataan ini. Memang kelihatan mustahil bangsa Melayu akan bangun

memerintah seluruh dunia kerana semua orang di dunia ini sudah sedia maklum akan ***sifat-sifat buruk*** bangsa Melayu ini. Namun, satu perkara yang pasti adalah kenyataan bahawa di kalangan semua bangsa yang memeluk Islam, bangsa Melayu sahaja lagi yang belum pernah memerintah dunia, sejak kewujudan bangsa itu ke dunia ini. Ini adalah suatu kenyataan dan setiap bangsa lain pada hari ini harus menerima kenyataan ini dengan, sama ada terpaksa atau sukarela, gembira atau risau.

Begitulah hebatnya peribadi Imam Mahdi ini. Siapa yang tidak gecur liur dengan segala kelebihan yang ada padanya itu. Sudah pasti semua orang amat teringin memiliki segala kelebihan yang disebutkan itu. Akibatnya, ramailah yang dengan muka tak malu, mengaku dirinya sebagai Imam Mahdi. Namun, sifat-sifat Imam Mahdi yang perlu ada pada dirinya, satu pun tidak terpenuh olehnya.

Di sini, penulis ingin menafikan pendapat beberapa orang penulis lain yang menyandarkan pendapat mereka kepada teori beberapa orang sarjana dan cendekiawan reformis terdahulu yang mengandaikan bahawa hadis-hadis mengenai keturunan Imam Mahdi daripada Bani Abbas sebagai hadis-hadis maudhuk dan bertujuan menaikkan nama Daulah Bani Abbasiyah di Baghdad dahulu. Andaian ini amatlah jauh dari kebenaran dan dibuat berdasarkan syak wasangka dan zanni semata-mata, dan dengan penuh kejahilan. Mungkin ada niat jahat yang terselindung di sebalik penyataan sedemikian. Jika mereka ini diminta memberikan bukti yang benar-benar kukuh terhadap andaian dan teori mereka itu, pasti mereka akan gagal membawakannya kepada kita. Yang pasti, memang tidak ada satu hujah pun yang dapat dibawakan untuk menyokong dakwaan mereka itu.

Dakwaan mereka ini sebenarnya didasarkan kepada fakta sejarah yang berlaku pada zaman Bani Abbasiyah dahulu, yang cuba mencari pengaruh rakyat jelata dengan pelbagai cara, termasuk mendakwa keturunan mereka adalah dari kerabat Rasulullah SAW dan dari mereka bakal lahirnya Imam Mahdi kelak. Andaian sebegini jelas adalah dakwaan orang-orang bodoh dan emosional yang tidak perlu diperhatikan.

Mereka yang mendakwa demikian seolah-olah merasakan diri mereka lebih pintar dan bijak daripada Imam Ibnu Hajar al-Haitami, atau Imam al-Qurtubi atau Imam Jalaluddin as-Suyuti RH. Sepanjang pengetahuan kita, ketiga-tiga Imam umat Islam ini adalah orang-orang yang sangat alim dalam ilmu hadis, alim dalam pelbagai bidang ilmu lain, malah keilmuan mereka diiktiraf sepanjang zaman sebagai yang terbaik antara yang terbaik. Mereka yang menolak hadis-hadis di atas, apakah taraf ilmu mereka? Adakah sama taraf dengan ketiga-tiga Imam itu atau lebih tinggi lagi daripada ketiga-tiganya?

Oleh itu, pendapat mereka dengan mudah pula ditolak oleh sekalian umat Islam, kerana mereka sendiri tidak cukup syarat untuk menolak sesebuah hadis itu, sedangkan hadis-hadis itu diterima oleh pakar hadis dan ulama kenamaan sebagai hadis yang dapat dipegang kebenarannya, dan dimasukkan riwayatnya di dalam buku atau kitab mereka itu. Maka apa alasan lagi yang dapat dikemukakan untuk menangkis hujah para Imam berkenaan? Jika tidak ada hujah, maka benarlah pendapat para Imam berkenaan, dan kita kenalah ikut ijtihad mereka. Sama ada kita suka atau tidak, setuju atau tidak setuju, itu cerita nombor dua atau, belakang kira. Sekurang-kurangnya untuk sementara ini, kita kenalah berpegang kepada pendapat jumhur ulama yang muktabar, jika kita benar-benar mahu selamat. Hanya setelah ada pendapat lain yang lebih berwibawa, dengan hujah yang lebih kukuh pula daripada pendapat para imam yang kenamaan itu, barulah kita dibolehkan ikut pendapat baru itu. Jika tidak, ikutlah sahaja pendapat yang sedia ada pada hari ini.

6. Imam Mahdi Adalah Seorang Lelaki

A. Dari Sayidina Ali bin Abi Talib KMW katanya, Rasulullah SAW bersabda,

> *"Kalaulah hanya tinggal sehari sahaja lagi umur dunia ini, pasti Allah akan panjangkannya sehingga dibangkitkan-Nya seorang lelaki dari ahli keluargaku yang akan memenuhkan dunia ini dengan keadilan seperti sebelumnya yang dipenuhi oleh kezaliman."*
>
> (Abu Daud)

Sebenarnya memang terdapat banyak hadis yang menyebutkan bahawa Imam Mahdi itu adalah seorang lelaki, bukannya perempuan. Yang diberikan di atas hanyalah sebagai contoh sahaja dari sekian banyak hadis dan asar para sahabat RA. Maknanya, jika ada mana-mana wanita yang mendakwa bahawa dirinya adalah Imam Mahdi, maka dakwaan itu dengan mudah sahaja ditolak dan tertolak. Mustahillah Nabi SAW menyebutkan bahawa Imam Mahdi itu berjambang, berjanggut tebal dan sebagainya, jika dia itu wanita. Amat jarang didapati ada wanita yang berjanggut, bermisai dan berjambang. Mustahil pula wanita memakai serban, kerana serban itu pakaian khusus lelaki.

Maknanya, jika ada mana-mana wanita yang mengaku dirinya Imam Mahdi, secara tidak langsung juga dia menafikan hadis-hadis mengenai Imam Mahdi, kerana hadis-hadis itu menceritakan sifat-sifat seorang lelaki tulen, bukannya sifat sebagai seorang wanita. Lagipun, secara umumnya, seorang wanita tidak akan termampu menerima tugas yang sedemikian berat dan besar itu, yang secara lazim juga, sebenarnya tidak termampu untuk ditanggung oleh kebanyakan lelaki biasa. Hanya Imam Mahdi sahajalah yang diberi keupayaan oleh Allah SWT untuk sanggup menanggung beban yang sedemikian berat itu ke atas bahunya seorang. Bukan sebarang lelaki yang dapat menanggung beban tugas yang diamanahkan kepadanya itu.

Memang ada wanita yang diangkat martabatnya ke taraf seorang wali, tetapi tidak ada mana-mana wali wanita pun yang diberi amanah untuk menguruskan kaum lelaki seperti yang berlaku dalam sistem politik Barat hari ini. Allah tidak menjadikan wanita untuk menguruskan hal-hal umum masyarakat dan bebas keluar ke sana ke mari tanpa sekatan atau halangan. Wanita solehah hanya dibenarkan keluar untuk urusan yang benar-benar mustahak dan yang membawa manfaat sahaja. Tidak semua keadaan kaum wanita boleh menguruskan hal-hal yang sepatutnya diuruskan oleh kaum lelaki, atau sewenang-wenangnya masuk campur dalam urusan yang dikhususkan untuk orang lelaki.

Maksud **lelaki** di sini adalah lelaki yang sebenar, yang berkahwin dengan wanita dan menjadi seorang bapa kepada anak-anak kandungnya sendiri. Yang dikatakan lelaki juga adalah bermaksud Imam Mahdi itu adalah orang Allah, yang bertaraf muqarrabin atau disebut sebagai **Rijalullah**. Itulah maksud lelaki dari segi batinnya. Rijalullah itulah lelaki sejati. Maksud lelaki juga adalah golongan atau orang yang menguasai orang lain kerana maksud lain bagi kalimat **Rijal** ialah yang menguasai, iaitu menguasai orang lain. Maka Imam Mahdi itu adalah orang yang dimampukan oleh Allah SWT untuk menguasai orang lain, baik dari segi ilmunya, kefahamannya, penghayatannya, keagamaannya, cara hidupnya, pandangan hidupnya, harta benda dan sebagainya lagi.

Perkataan lelaki juga dimaksudkan sebagai pembela, iaitu pembela agama Allah di atas muka bumi ini dan pembela kepada seluruh kaum muslimin terhadap orang-orang kafir, selain menjadi pembela kepada seluruh kaum Ahulbait yang sebelumnya terpisah-pisah dan bertaburan di merata-

rata tempat. Apabila Imam Mahdi muncul kelak, beliau akan menjadi pembela agama Allah ini, menjadi pembela kepada seluruh kaum mukminin dan muslimin yang sedang ditindas, dan pembela kepada seluruh Ahlulbait yang hidup ketika itu.

Maksud **rijal** inilah juga yang menyempurnakan beliau sebagai Imam Mahdi bagi umat ini, pada zaman ini.

Sifat-sifat Peribadi

Sifat-sifat peribadi beliau ada dinyatakan sama ada oleh hadis-hadis, mahupun oleh para tabiin dan juga para ulama yang kemudian daripadanya. Keterangan yang berterabur di sana-sini itu bolehlah disusun semula sehingga menjadi satu keterangan yang jelas. Perlu juga dinyatakan di sini bahawa beliau lebih banyak sifat bangsa Timurnya (Ajam) daripada bangsa Arabnya.

Ini disebabkan tempat lahirnya adalah di negeri sebelah Timur, keturunannya memang telah bercampur dengan bangsa Timur, adat istiadatnya sedikit sebanyak bercampur dengan adat istiadat bangsa Timur dan bahasa yang digunakannya juga adalah bahasa bangsa Timur itu. Pendek kata, Timurlah yang lebih menonjol pada diri beliau, sama ada sebelum munculnya atau pada ketika munculnya kelak.

Timur yang dimaksudkan di sini adalah **Malaysia dan Indonesia**. Tidak ada kawasan lain di dunia ini yang lebih layak dipanggil Timur selain daripada Asia Tenggara inilah. Sebabnya, jika Khurasan kita katakan Timur, Nabi SAW sudah pun menyatakan dengan jelas dalam beberapa buah hadis nama Khurasan, dan tidak ada pula sebarang hadis yang menyatakan Khurasan itu sebagai Timur. India, Afghanistan dan Pakistan juga tidak boleh dikatakan Timur kerana kerana dalam hadis-hadis yang berkenaan juga disebutkan bahawa raja India akan diperangi dan dikalahkan oleh Pemuda Bani Tamim semasa **DALAM PERJALANAN** mereka mencari Imam Mahdi. Jadi, mustahillah benua kecil India dapat dikatakan Timur, sebab India akan diperangi dalam perjalanan beliau menuju ke Makkah.

Iran dan Iraq juga lebih-lebih lagi tidak layak dipanggil Timur kerana negara berkenaan disebut dengan jelas dalam beberapa buah hadis, dengan nama Kufah dan Ma Wara an-Nahar, juga kadang-kadang disebut Parsi. Jadi, mana dia negara lain yang benar-benar boleh dikatakan Timur? Takkanlah Thailand, Hong Kong dan China itu boleh dikatakan Timur, kerana di negara-negara berkenaan, umat Islam adalah amat minoriti dan tidak akan mampu bangun menjadi kuasa pemerintahan untuk Imam Mahdi.

Jika demikian, jelaslah bahawa tidak ada kawasan lain lagi yang lebih patut dikatakan Timur, selain kawasan kita inilah sahaja dan merupakan satu-satunya kawasan yang paling layak digelar Timur. Dalam sebuah hadis sahih (riwayat Imam Muslim) disebutkan bahawa Timur adalah kawasan

yang paling hujung bumi ini yang manusianya menerima Islam sebagai agama mereka.

Amat jelaslah bahawa yang dimaksudkan dengan hujung bumi ini adalah Asia Tenggara kerana di sinilah kawasan terakhir yang manusianya beramai-ramai menerima Islam sebagai agama mereka. Kawasan selepas Asia Tenggara ini, tidak ada yang menerima Islam secara beramai-ramai sehingga bangsa yang beragama Islam itu mampu memerintah negara. Jika ada yang Islam pun, hanyalah golongan yang amat minoriti. Lihatlah contohnya di Korea, Jepun dan negara-negara Kepulauan Pasifik.

Maknanya, Imam Mahdi itu boleh pula dikatakan Ahlulbait yang berbangsa Melayu, memakai adat istiadat Melayu dan bercakap dalam bahasa Melayu. Jika demikian, alangkah bertuahnya bangsa Melayu pada akhir zaman ini! Sama seperti bertuahnya bangsa Arab zaman dahulu kerana memiliki Nabi SAW, yang lahir dari bangsa mereka, bercakap dalam bahasa mereka dan memakai adat istiadat mereka.

Bagaimanapun, sebagai perincian sifat peribadinya, berikut ini dinukilkan beberapa sifat khusus beliau, keadaannya, kemunculannya dan pemerintahannya seperti yang kita dapati daripada sumber-sumber hadis, asar dan juga ucapan tabiin.

1. Namanya Muhammad

A. Dari Abdillah RA berkata, Rasulullah SAW bersabda,

"Dunia ini tidak akan binasa sehingga seorang dari Ahlulbaitku menguasai seluruh bangsa Arab yang namanya sama dengan namaku." (At-Tarmizi & Abu Daud)

B. Dari Abdillah RA dari Rasulullah SAW, bersabda,

"Seorang dari keluargaku akan berkuasa yang namanya sama dengan namaku."

C. Dari Abu Hurairah RA, dia berkata, Rasulullah SAW bersabda,

"Seandainya umur dunia ini tidak tersisa melainkan sehari, pasti Allah akan panjangkan hari itu sehingga dia berkuasa." (At-Tarmizi)

D. Sabda Nabi SAW,

"Dunia tidak akan lenyap sehinggalah bangsa Arab diperintah oleh seorang lelaki dari kaum keluargaku, yang namanya menyamai namaku." (Abu Daud)

E. Daripada Zar, dari Abdullah RA, dari Nabi SAW yang bersabda,

"Tidak hilang atau tidak habis umur dunia ini sehinggalah diperintah seluruh bangsa Arab oleh seorang lelaki dari ahli keluargaku yang sama namanya dengan namaku." (Abu Daud)

Hadis-hadis yang diberikan itu, walaupun semuanya tidak sama matannya, tidak syak lagi menyatakan dengan jelas bahawa:

1. Imam Mahdi sudah pasti, tidak ragu-ragu lagi, akan zahir ke dunia ini, tidak lama sebelum kiamat kubra berlaku.
2. Imam Mahdi memang benar-benar berketurunan Ahlulbait, dari keturunan Rasulullah SAW, suatu hal yang sudah pun diperakui oleh baginda SAW sendiri. Disebutkan berulang-ulang dalam banyak hadis, antaranya adalah seperti yang diberikan tadi.
3. Imam Mahdi akan memerintah seluruh bangsa Arab, suatu hal yang sama yang pernah dilakukan oleh para Khulafa ur-Rasyidin dahulu. Selepas itu, bangsa Arab sentiasa berpecah, mengikut kepala masing-masing, hampir mustahil untuk disatukan kembali, sehinggalah datang Imam Mahdi yang akan menyatukan semula kepala mereka sehingga menjadi satu, sama seperti yang pernah dilakukan oleh para Khulafa dahulu.
4. Hanya empat orang pemerintah yang benar-benar mampu menguasai dan menyatukan seluruh bangsa Arab di bawah pemerintahan mereka iaitu Sayidina Umar al-Khattab RA (Khulafa ur-Rasyidin), Khalifah Umar bin Abdul Aziz, Imam Mahdi dan Nabi Isa AS.
5. Pemerintah yang turut mampu menyatukan bangsa Arab, selain yang berempat di atas adalah Sayidina Abu Bakar As-Siddiq, Sayidina Osman, Sayidina Ali, Sultan Muhammad al-Fateh dan Syuaib bin Saleh at-Tamimi, yang merupakan pembuka jalan bagi naiknya pemerintahan oleh Imam Mahdi. Selain mereka ini, tiada pemimpin lain yang boleh menyatukan bangsa Arab dalam erti kata yang sebenar-benarnya.
6. Nama sebenarnya, yang disebut-sebut di khalayak orang ramai adalah Muhammad atau Ahmad, atau nama yang serupa dengan nama Nabi SAW, bukan dengan nama lain seperti Hasan, Rahim atau sebagainya.
7. Kedatangannya ke dunia ini merupakan suatu janji Allah dan juga janji baginda SAW, suatu hal yang tidak salah jika kita menuntutnya, kerana memang hal itu sudah dijanjikan dan janji itu diulang-ulang banyak kali pula. Maka lebih layaklah kita menuntutnya untuk zaman kita ini. Siapa yang tidak mahukan segala kelebihan yang telah Allah janjikan kepada kita melalui lidah Rasul-Nya SAW itu?
8. Jika syarat yang pertama ini pun sudah tidak terpenuhi, iaitu namanya bukan Muhammad, maka orang yang mendakwa dirinya Imam Mahdi itu, patut sangatlah kita tolak sebab sudah tidak memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh hadis. Sudah nyata sangat dustanya itu.

2. Nama Bapanya Abdullah

A. Sayidina Ali KMW, ketika memandang anaknya al-Hasan RH, berkata,

> *"Anakku ini adalah seorang Sayid, seperti yang Nabi SAW menamakan dia. Daripada keturunannyalah akan muncul seorang lelaki yang namanya seperti nama nabi kamu. Dia akan menyerupai Nabi kamu dari segi akhlak tetapi tidak dari segi rupa." Kemudian dia menyebutkan riwayat bahawa bumi ini akan dipenuhi dengan keadilan (semasa pemerintahannya)."*
>
> (Abu Daud)

B. Dari Abdullah RA katanya, sabda Nabi SAW,

> *"Kalaulah umur dunia ini hanya tinggal sehari sahaja lagi, pasti Allah akan panjangkan hari itu sehingga diutuskan-Nya seorang lelaki dari ahli keluargaku, yang namanya seperti namaku dan nama bapanya seperti nama bapaku. Dia akan memenuhkan dunia ini dengan keadilan dan kesaksamaan seperti sebelumnya dipenuhi oleh penindasan dan kezaliman."*
>
> (Abu Daud & At-Tarmizi)

C. Daripada Abdullah RA daripada Nabi SAW sabdanya,

"Kalaulah tidak tinggal bagi dunia ini melainkan sehari sahaja lagi, nescaya akan dipanjangkan oleh Allah hari itu sehingga dibangkitkan padanya seorang lelaki dari umatku atau dari ahli keluargaku yang sama namanya seperti namaku dan nama ayahnya seperti nama ayahku."

(At-Tarmizi)

Daripada hadis Nabi SAW dan asar daripada Sayidina Ali KMW ini, serta beberapa hadis lain yang tidak dimasukkan di sini, dapatlah disebutkan beberapa perkara, antaranya:

1. Imam Mahdi adalah dari keturunan Sayidina al-Hasan. Maksudnya keturunan dari Sayidina al-Hasan yang perempuan, akan membawa kepada turunnya Imam Mahdi. Hal ini sebenarnya hanyalah bersifat penjelasan, tidak perlulah kita mengoreknya habis-habisan untuk mendapatkan kesahihan. Cukuplah sekadar mempercayai dan meyakini apa-apa pekhabaran yang telah disampaikan oleh baginda SAW itu.
2. Sayidina al-Hasan adalah seorang yang lemah lembut dan mencintai keamanan. Maka daripada keturunannya kelak akan lahir seorang pemimpin yang membawa keamanan sejati ke seluruh dunia ini iaitu Pemuda Bani Tamim.
3. Diulang sekali lagi, namanya yang sebenar ialah Muhammad, sama seperti nama Nabi kita SAW, tidak menggunakan nama-nama yang lain.
4. Nama bapanya adalah Abdullah, sama nama seperti nama bapa Nabi SAW. Hal ini berlawanan dengan Imam Mahdi bagi puak Syiah kerana bagi mereka, nama bapa Imam Mahdi mereka bukan Abdullah. Bagi puak Syiah Imamiah, nama bapa Imam Mahdi mereka adalah al-Hasan al-Askari dan bagi Syiah Kaisaniah pula, bapa Imam Mahdi mereka adalah Sayidina Ali KMW!
5. Akhlak Imam Mahdi adalah sama dengan akhlak baginda Rasulullah SAW dan hal ini disebutkan dengan jelas oleh Sayidina Ali KMW. Ini juga menunjukkan ketinggian imannya pada sisi Allah SWT, kerana akhlak adalah lambang ketinggian iman. Pemimpin sejati (Imam Mahdi) semestinyalah akhlaknya salin tak tumpah dengan akhlak pemimpin sejati juga (Rasulullah SAW).
6. Rupa zahirnya tidak sama dengan rupa zahir Baginda SAW kerana menurut yang disebutkan dalam riwayat-riwayat masyhur, Nabi SAW itu orangnya putih dan tampan sekali, manakala Imam Mahdi kulitnya kemerah-merahan dan kelihatan seperti orang Ajam.
7. Pemerintahannya sudah dijanjikan, dan dijanjikan juga sebagai suatu pemerintahan yang adil dan saksama. Yang berani menghalang kemunculannya sebagai pemimpin akan mendapat sebesar-besar azab dan seksaan.
8. Dunia sebelumnya dipenuhi dengan kezaliman dan penindasan. Yang kuat menindas yang lemah, yang berkuasa menzalimi rakyat jelatanya, yang kaya menindas yang miskin dan seterusnya. Yang miskin, yang tidak berkuasa dan orang bawahan turut berbuat zalim dengan melakukan jenayah-jenayah sivil, menipu orang lain, mencari harta haram, menentang pemerintah dan tidak redha dengan keadaan miskinnya itu.

3. Kuniyahnya Abu Abdillah

A. Sabda Nabi SAW,

"Nama yang diberikan kepada al-Mahdi adalah (seperti) namaku, perawakannya (adalah sama) seperti perawakanku, akhlaknya (sama) seperti akhlakku dan kuniyahnya ialah Abu Abdillah."

Berdasarkan hadis di atas, Imam Mahdi itu diperincikan lagi oleh Rasulullah SAW dengan

lebih lanjut sifat-sifat zahirnya seperti berikut:

1. Nama Imam Mahdi adalah Muhammad. Ini adalah penjelasan yang selalu diulang oleh, sama ada Baginda SAW sendiri mahupun oleh kalangan Sahabat RA. Maka tidak syak lagi, memang nama sebenar Imam Mahdi itu adalah Muhammad. Di langit, nama Imam Mahdi itu adalah Ahmad, juga sama nama dengan nama Nabi SAW di langit, iaitu Ahmad.
2. Perawakan Imam Mahdi juga adalah sama seperti perawakan Nabi Muhammad SAW. Maka adalah mustahil seseorang yang mengaku dirinya sebagai Imam Mahdi sedangkan perawakannya tidak ada persamaan langsung dengan perawakan baginda SAW.
3. Dijelaskan sekali lagi bahawa akhlak Imam Mahdi itu adalah jelmaan kepada akhlak baginda SAW. Maka sangat beruntunglah orang yang dapat melihat akhlak Baginda SAW semasa hayatnya dan amat beruntung juga orang yang dapat melihat akhlak Imam Mahdi semasa hayatnya. Sebabnya, akhlak mereka berdua itu adalah sama, dan dapat ditiru dan dicontohi hasil penglihatan mereka sendiri, bukan sekadar dengar-dengar riwayat sahaja.
4. Kuniyah Imam Mahdi itu ada banyak, salah satunya seperti yang disebut oleh hadis ialah Abu Abdillah, sempena nama salah seorang anak lelakinya, Abdullah. Gelaran seperti ini lazim di kalangan bangsa Arab, sama ada pada masa dahulu mahupun sekarang. Gelaran Abu Abdillah ini juga adalah salah satu kuniyah bagi Nabi Muhammad SAW. Para ulama terdahulu juga sangat ramai yang menggunakan kuniyah seperti ini, sebagai mengambil berkat daripada kuniyah baginda SAW dan kuniyah Imam Mahdi yang bakal muncul. Ulama dan sarjana Islam di Nusantara pada hari ini tidak lagi menggunakan kuniyah seperti ini dengan beralasankan kononnya itu adalah adat istiadat bangsa Arab sahaja, bukan dari syariat Islam sejati, maka tidak perlu dicontohi.
5. Secara tidak langsung hadis ini menyatakan bahawa orang yang menjadi Imam Mahdi itu mestilah seorang yang **TELAH BERKAHWIN** dan telah mempunyai anak, bukannya seorang bujang atau masih remaja. Orang yang telah berkahwin tetapi tidak mempunyai anak atau masih belum mendapat anak, tidak boleh mendakwa dirinya sebagai Imam Mahdi kerana sudah tidak bertepatan dengan kehendak hadis di atas.
6. Salah seorang anaknya mestilah bernama Abdullah, sama seperti nama anak Nabi SAW, yang dengan itu, terkenal pulalah panggilannya dengan Abu Abdillah (Bapa kepada si Abdullah). Hal ini susah ditemui di kalangan bangsa Melayu tulen kerana jarang-jarang ada orang Melayu yang menamakan anaknya sama dengan nama datuknya, seperti Abdullah bin Muhammad bin Abdullah.
7. Jika Muhammad al-Mahdi itu mempunyai nama-nama panggilan yang lain, tidaklah menjadi masalah kerana Abu Abdillah itu hanyalah salah satu daripada kuniyahnya yang banyak itu. Rasulullah SAW sendiri tidak pula menyatakan bahawa Imam Mahdi itu ***tidak boleh*** mempunyai kuniyat yang lain selain dari yang dinyatakan oleh baginda SAW itu.
8. Imam Mahdi mempunyai sifat sebagai seorang ayah yang sejati. Kerana itu apabila zahir kelak, beliau akan memanggil sekalian umat Islam sebagai ***anakku***, manakala kita sebagai rakyatnya, akan memanggil Imam Mahdi sebagai ***ayahku*** atau ***wahai ayah***. Hanya pemimpin yang sejati sahaja yang akan sanggup berbuat demikian terhadap sekalian pengikut dan rakyatnya, tanpa mengira taraf dan keadaan. Pemimpin hari ini yang datang dari pendidikan sekular atau Barat, tidak mahu memanggil pengikut-pengikutnya sebagai ***anakku*** dan tidak mahu pula para pengikutnya memanggilnya sebagai ***ayahku***. Amalan seperti ini adalah amalan ulama muttaqin zaman dahulu seperti Imam al-Ghazali RH dan sebagainya.
9. Abu Abdillah adalah istilah yang digunakan oleh Rasulullah SAW untuk menunjukkan bahawa Imam Mahdi itu adalah ketua bagi sekalian hamba Allah yang saleh-saleh dan wali-wali. Itulah maksud tersiratnya yang tidak diketahui lagi oleh kebanyakan ulama hari ini. Ini menunjukkan Rasulullah SAW sendiri menceritakan secara amat tersirat bahawa Imam Mahdi itu adalah seorang wali yang terbesar dan teristimewa pada zamannya.

4. Imam Mahdi Adalah Seorang yang Sangat Khusyuk

A. Kata tabiin RH,

> *"Al-Mahdi adalah seorang yang sangat khusyuk kerana Allah, seperti tenangnya sayap burung nasar (helang)."*

Berdasarkan asar di atas, dapatlah pula kita simpulkan beberapa hal, yang antaranya adalah:

1. Imam Mahdi adalah benar-benar seorang pemimpin yang didatangkan oleh Allah untuk umat ini, pada akhir zaman. Burung helang yang para tabiin gambarkan adalah lambang kepimpinan, sebab burung helang itu adalah raja segala burung. Apabila burung helang berada pada sesuatu tempat, burung-burung lain akan cuba menjauhkan diri daripadanya kerana faham akan penguasaan burung helang di kawasan berkenaan.
2. **Burung helang** adalah lambang penguasaan langit dan bumi, sebab burung helang bebas meneroka angkasa tanpa sekatan, bebas ke mana sahaja. Burung helang juga menguasai bumi kerana helang menyambar mangsa dari langit ke bumi dalam masa yang cukup singkat dan amat pantas pula. Mangsa burung helang ada di atas langit, ada di atas pokok dan ada pula di atas permukaan bumi. Di dalam air pun ada juga mangsa burung helang.
3. Burung helang adalah lambang kepimpinan yang dinamik dan maju kerana helang memang ditakuti oleh burung-burung lain. Apabila sang helang sedang menguasai langit, tiada burung lain yang berani angkat kepala kerana takut disambar atau dihalau oleh burung helang tadi.
4. Imam Mahdi memang seorang ahli agama yang mementingkan aspek akidah, syariat dan kerohanian sehingga mampu menenangkan setiap hati manusia, seperti tenangnya sayap helang yang menentang arus angin yang bertiup, yang keadaan sayapnya sentiasa terbentang mengepak.
5. Imam Mahdi adalah seorang Imam yang benar-benar khusyuk dalam ibadahnya, seperti khusyuknya Baginda SAW dan para sahabat RA semasa mereka sedang bersembahyang.
6. Imam Mahdi mampu membawa umatnya kembali kepada khusyuk dalam ibadat mereka, suatu perkara yang telah hilang sejak sekian lama dahulu dan belum lagi ditemui hingga kini. Para ulama hari ini juga sudah bungkam mulutnya apabila ditanya apa itu khusyuk dan bagaimana cara sbeenar hendak mendapatkan khusyuk. Imam Mahdi tidak perlu menjawab itu semua kerana jawapannya ada pada amalan dan jiwa beliau yang amat khusyuk itu sehingga akhirnya semua umat Islam turut mendapat khusyuk dalam ibadat mereka.
7. Imam Mahdi adalah seorang yang amat ikhlas dalam setiap ibadat dan pekerjaan yang dilakukannya. Kerana itulah Imam Mahdi sentiasa dibantu oleh Allah dan diberikan keberkatan pada kedua-dua tangannya untuk dirasai oleh sekalian manusia. Keberkatan Imam Mahdi itu digambarkan pada kedua-dua kepak burung helang yang disebutkan.
8. Imam Mahdi adalah seorang yang pemurah. Sayap yang terbuka adalah lambang kemewahan hidup di bawah kelolaan seorang pemimpin yang amat adil dan bertimbang rasa. Hidup jadi mudah dan berkat, masyarakat jadi kaya-raya dan harta benda melimpah ruah. Begitu sekali pemurahnya Imam Mahdi sehingga pintu bilik perbendaharaannya yang penuh harta benda itu tidak pernah berkunci, dan hanya ditunggu oleh seorang penjaga yang tidak bersenjata. Harta yang ada di dalamnya juga tidak pernah diaudit, dan sesiapa yang mahu meminta harta, akan disuruh ambil seberapa banyak yang mahu diambilnya atau yang termampu dibawanya.
9. Kepak yang terbuka juga adalah lambang kasih sayang yang merata. Kasih sayangnya itu dapat dirasakan oleh sekalian rakyatnya, hatta yang jauh di ceruk pedalaman atau di ceruk gunung sekalipun.
10. Maksud khusyuk juga adalah turunnya berkat dan diangkat perbuatan maksiat daripada manusia yang beriman. Ini dikeranakan khusyuk tidak akan sekali-kali mereka peroleh melainkan setelah diangkat terlebih dahulu perbuatan maksiat dari kalangan manusia sehingga tiada lagi yang berani melakukan maksiat secara terang-terangan sehingga masalah sosial dan jenayah mencapai tahap

zero percent dan setelah diturunkan berkat yang merata ke atas seluruh dunia ini. Setelah kedua-dua perkara ini benar-benar berlaku, barulah rasa khusyuk itu didapati oleh semua umat Islam. Selagi masih ada perbuatan maksiat dan dosa dilakukan oleh manusia, maka selagi itulah rasa khusyuk tidak akan manusia peroleh dalam apa-apa ibadat pun.

5. Amalannya Sangat Banyak dan Berakhlak Terpuji

A. Kata tabiin RH,

> *"Al-Mahdi adalah seorang yang sangat banyak amal ibadatnya, sangat baik pergaulannya dan sangat berbelas kasihan kepada orang-orang miskin."*

Daripada asar dan kata-kata tabiin di atas, dapatlah disebutkan pula beberapa perkara lagi mengenai diri Imam Mahdi yang ditunggu-tunggu itu, antaranya adalah:

1. Imam Mahdi amat banyak amalannya. Amalan yang dimaksudkan adalah amalan sunatnya. Solat tahajudnya sahaja berjumlah lima ratus rakaat setiap malam yang dibuat secara istiqamah. Belum lagi wirid, zikir, selawat, bacaan al-Quran dan sebagainya. Ringkasnya, amalan Imam Mahdi adalah menyamai dengan amalan para sahabat yang utama pada zaman Nabi SAW dahulu.
2. Imam Mahdi adalah seorang yang amat baik pergaulannya dengan semua orang, terutama dengan orang yang baik-baik dan kuat amal ibadahnya. Pergaulan yang baik antara sesama manusia adalah salah satu sifat utama Nabi SAW.
3. Imam Mahdi tidak pernah bergaul dengan orang yang buruk akhlaknya kerana orang jahat takut berkawan dengannya, manakala orang-orang saleh amat rindu untuk bertemu dan bergaul dengannya. Jika orang yang jahat atau buruk akhlaknya berkawan dengan Imam Mahdi, maka orang itu akan menjadi baik kerana mendapat berkat daripada Imam Mahdi atau terikut-ikut perbuatannya hasil melihat sendiri amalan terpuji Imamul Mukminin ini. Hanya yang benar-benar berhati munafik atau yang keras kekafirannya sahaja yang tidak akan dapat diubah lagi akhlak, akidah dan amalannya.
4. Salah satu sifat utama Nabi SAW ialah amat berbelas kasihan kepada orang-orang miskin, dan sebagai pengganti Rasul semasa ketiadaan Rasul, Imam Mahdi sudah ditentukan memiliki sifat yang utama ini. Dan sifat ini adalah salah satu sifat terpuji Imam Mahdi. Dengan melihat sifat utama ini, maka dapatlah dibayangkan oleh sekalian umat Islam bagaimana bentuk sebenar akhlak Rasulullah SAW semasa hayat baginda dahulu.
5. Kualiti ibadatnya adalah terbaik pada zamannya. Tabiin tidak menyebutkan ibadat itu berdasarkan apa yang dibuat pada zahirnya semata-mata, tetapi yang lebih penting ialah nilai ikhlasnya yang tinggi, istiqamah dalam melakukannya dan khusyuk dalam melakukannya. Itulah yang sebenarnya dimaksudkan. Amalan yang sedikit tetapi dibuat dengan sepenuh ikhlas adalah amat utama dan mendapat balasan yang amat besar. Maka amalan yang banyak dan dibuat dengan penuh ikhlas adalah lebih-lebih lagi utama dan terpuji pada sisi Allah SWT.
6. Pemimpin dunia pada hari ini sudah tidak tahu lagi bergaul dengan rakyatnya dengan cara yang baik, atau tidak baik pergaulannya dengan rakyat. Mereka hanya bergaul dengan orang ramai secara yang rasmi dan mengehadkan golongan yang akan digaulinya. Rumah mereka pun adalah yang paling jauh daripada orang ramai dan paling jauh juga daripada masjid-masjid. Imam Mahdi akan menunjukkan cara pergaulan yang sebenar, seperti yang dikehendaki oleh agama, kepada seluruh pemimpin yang lain dan juga kepada orang ramai, seperti yang pernah dilakukan oleh baginda SAW dahulu dan para Khulafa ur-Rasyidin. Dengan pencontohan itulah, dapatlah para

pemimpin yang lain mengamalkannya pula kepada rakyat masing-masing.

6. Umur Imam Mahdi

A. Sabda Nabi SAW,

> *"Al-Mahdi adalah daripada anakku, dia berusia 40 tahun. Wajahnya bagaikan bintang yang bergemerlapan, pipi kanannya ada tahi lalat, kulitnya kemerah-merahan seolah-olah dia adalah keturunan Bani Israel, dia akan mengeluarkan harta karun dan akan menundukkan kota-kota maksiat."* (Abu Nuaim)

B. Kata tabiin RH,

> *"Al-Mahdi adalah seorang yang beralis nipis lagi terpisah kedua-duanya dan besar biji matanya. Dia akan keluar dari Hijaz dan berkhutbah di atas mimbar Damsyik, sedangkan usianya baru 18 tahun."*

Daripada kedua-dua buah riwayat di atas, beberapa perkara dan kefahaman dapat kita ambil, yang secara ringkasnya, antaranya:

1. Semacam ada pertentangan antara hadis Nabi SAW dengan ucapan tabiin, jika kedua-duanya dinilai secara zahirnya sahaja. Namun sebenarnya tidak ada percanggahan apa-apa walaupun dilihat secara zahirnya, kedua-dua matan itu nyata amat bercanggah!
2. Alasan yang dapat diberikan ialah mustahil para tabiin tidak mengetahui hadis Rasulullah SAW itu, sehingga mereka mengucapkan sesuatu yang nyata berlawan dengan apa yang telah jelas disebutkan oleh hadis. Alasan kedua, mustahil para tabiin sengaja mencipta atau mereka-reka cerita akan sesuatu yang telah jelas disebutkan oleh baginda SAW. Jika ini berlaku, sudah pastilah ucapan tabiin itu tadi akan awal-awal lagi ditolak oleh para ulama hadis yang mengerti benar-benar maksud tersiratnya, terutama yang pakar-pakar dalam hal berkenaan.
3. Nabi SAW menyebutkan bahawa Imam Mahdi itu adalah dari keturunan Baginda SAW sendiri, iaitu Ahlulbait. Dan hal ini amatlah jelas dan terang, tidak perlu lagi dihuraikan lebih panjang lebar.
4. Umur Imam Mahdi adalah 40 tahun dan di dalam hadis ini, tidak disebutkan apa kaitan umur yang 40 itu dengan sesuatu. Mungkin ramai ulama yang dengan mudah sahaja mengatakan bahawa semasa umurnya 40 tahun itulah beliau dilantik sebagai Imam Mahdi, seperti yang banyak didapati di dalam kitab-kitab mereka, yakni berdasarkan hadis-hadis lain, yang secara zahirnya menyatakan demikian. Hal ini sebenarnya tidaklah salah, malah memang ada alasan yang kukuh untuk mempercayainya juga, iaitu jika dilihat hadis-hadis lain yang menyatakan demikian.

5. Kemungkinan yang lebih tepat ialah semasa usianya 40 tahun itulah, beliau dilantik sebagai **Qutubul Aulia**, walaupun belum lagi dilantik sebagai Imam Mahdi. Mungkin juga dalam usia demikian, beliau mendapat tahu bahawa dirinya adalah calon untuk menjadi Imam Mahdi seperti yang disebutkan dalam hadis-hadis, asar dan ucapan tabiin. Sebelum itu, beliau tidak mengetahui akan hal ini. Mungkin juga dalam usia 40 tahun itulah, beliau mula menjalankan tugas sebagai **Qutubul Aulia** dan sekali gus merangkap Imam Mahdi untuk umat Islam pada zaman ini.
6. Jadi, yang lebih baik, usahlah mengandaikan maksud hadis itu semata-mata menurut fahaman kita yang cetek ini, tanpa merujuk kepada erti yang hakikatnya. Lihatlah pendapat dan ijtihad para ulama yang lebih dalam ilmunya dan tinggi kefahamannya.
7. Wajahnya bergemerlapan bagaikan bintang. Maksudnya ialah wajahnya amat berseri-seri dan menggembirakan setiap mata yang melihatnya. Seri wajahnya itu adalah seri wajah ahli syurga, seri wajah salah seorang penghulu syurga, seri wajah kekasih Allah SWT, seri wajah dari seorang ahli ibadat, seri kerana amat bersih hatinya dan juga seri dari keikhlasan hatinya.
8. Kulitnya kemerah-merahan seperti kulit orang Israel. Nyatalah bahawa Imam Mahdi bukan lagi berkulit seperti kulit orang Arab, tetapi lebih kepada corak kulit orang Ajam dengan warna yang kemerah-merahan. Maksud tersiratnya ialah, kulit yang merah itu tanda negeri tempat lahirnya adalah negeri yang panas. Kulitnya macam kulit orang Israel itu adalah tanda bahawa keturunannya sudah bercampur antara Arab dengan Ajam, iaitu penduduk asal dari negeri 'yang panas cuacanya' tadi. Orang-orang Arab yang datang ke Timur ini, lazimlah kulit mereka menjadi kemerah-merahan.
9. Ada tahi lalat besar pada pipi kanannya. Tahi lalat hidup yang terdapat pada pipinya itu tidak bersifat semulajadi, iaitu tidak ada semasa Imam Mahdi masih kecil dan remaja. Mungkin setelah beberapa puluh tahun umurnya, barulah tanda itu ada pada pipi kanannya. Sebab itulah tidak disebutkan tahi lalat itu wujud sejak kecilnya atau sejak lahir lagi.
10. Mengeluarkan harta karun dengan banyaknya. Apabila Imam Mahdi dilantik sebagai Imam, maka bumi dan langit pun mengeluarkan khazanah masing-masing untuk kemudahan manusia. Hal ini berlaku dengan lebih hebat lagi setelah matinya Dajjal dan turunnya Nabi Isa AS di kalangan umat Islam. Ketika itu, seluruh nikmat dunia yang pernah dikecapi oleh umat terdahulu akan dapat dikecapi oleh mereka yang hidup pada masa itu. Juga sebahagian nikmat dunia yang tidak pernah dikeluarkan kepada mana-mana umat pun akan dikeluarkan kepada sekalian umat Islam untuk dinikmati dan disyukuri.
11. Menundukkan kota-kota maksiat adalah salah satu tujuan utama Imam Mahdi diturunkan. Dengan turunnya Imam Mahdi, bumi ini akan disapu segala dosanya sehingga akhirnya bumi ini dipenuhi dengan kesucian dan kebersihan, zahir dan batin. Apabila ini berlaku, keberkatan turun mencurah-curah dari langit, melebihi daripada turunnya hujan yang amat lebat sekalipun. Semasa menundukkan kota-kota maksiat ini, Imam Mahdi akan melalui enam peperangan besar yang turut disertainya. Setelah itu, tidak akan ada peperangan lagi di dunia ini, melainkan berperang dengan Dajjal dan pengikut-pengikutnya dari kalangan bangsa Yahudi sahaja.
12. Alis matanya nipis dan terpisah antara kedua-duanya. Keadaannya yang seperti ini adalah suatu yang lazim bagi orang Melayu dan orang-orang di Timur sini. Makna tersiratnya ialah Imam Mahdi itu memang seorang lelaki yang berwajah tampan dan mukanya berseri-seri, sedap mata memandang.
13. Biji matanya besar.
14. Beliau belajar di Hijaz. Syarat ini perlulah dipenuhi kerana telah dijelaskan begitu. Namun, ramai orang tidak memahami maksud ucapan tabiin ini, lalu terus mendakwa dirinya sebagai Imam Mahdi sedangkan jejak kaki pun tidak pernah ke Hijaz itu. Maksud belajar itu adalah belajar daripada guru-guru yang bertaraf wali dan mujtahid, terkenal salehnya dan mendapat bimbingan secara langsung dalam hal tarekat sufi.
15. Mampu menyampaikan ceramah agama dalam usia yang masih muda iaitu selepas habis belajar di Hijaz. Imam Mahdi yang masih muda itu akan merantau ke Damsyik, dan sepanjang tinggal di sana, beliau akan diminta mengajar orang ramai ilmu agama, sedangkan usianya masih amat muda. Orang ramai juga tidak tahu bahawa yang mengajar itu adalah bakal Imam Mahdi bagi

seluruh umat Islam ini.

16. Ucapan tabiin itu tidak menyebutkan langsung bahawa **'bakal'** Imam Mahdi itu datang ke Damsyik sebagai Imam Mahdi. Jadi, kesimpulan yang lebih tepat, kedatangannya ke Damsyik adalah semata-mata untuk menuruti jejak ahli keluarganya yang masih tinggal saki-baki lagi itu, bukannya datang dengan ***title*** sebagai 'Imam Mahdi'.
17. Jadi, berdasarkan huraian-huraian di atas, nyatalah bahawa kedua-dua keterangan berkenaan, yang sebelum ini ditolak orang, kerana nyata amat bertentangan, sebenarnya langsung tidak bertentangan sama sekali, malah saling menguatkan antara satu sama lain. Diharap selepas ini, tidak ada lagi orang yang akan mengatakan hadis itu salah dan hadis ini silap kerana kedua-duanya bertentangan matannya.

7. Kulitnya Sawo Matang

A. Kata sahabat RA,

"Kulit al-Mahdi berwarna coklat (sawo matang)."

Daripada ucapan sahabat RA di atas, dapatlah diambil erti bahawa Imam Mahdi itu kulitnya berwarna, bukan putih cerah seperti kebiasaan warna kulit orang Arab. Disebutkan warna kulitnya di dalam bahasa Arab sebagai *coklat*, bukannya putih atau cerah. Jelasnya, warna **'coklat'** yang dimaksudkan itu adalah **sawo matang**. Dan jika kita cantumkan semua keterangan yang ada mengenai Imam Mahdi ini, jelaslah, bahawa Timur yang dimaksudkan itu tidak lain dan tidak bukan adalah kawasan Nusantara ini. Mustahillah orang Jepun dikatakan kulitnya *coklat* atau sawo matang. Begitu juga orang Cina, jarang sangatlah didapati yang kulitnya ***coklat*** seperti yang diisyaratkan oleh asar.

Orang Siam juga tidak ada yang benar-benar *coklat* kulitnya secara umum. Malah mungkin ramai orang Siam yang akan tersinggung jika dikatakan mereka itu berkulit *coklat*. Orang-orang di India juga tidak dikatakan *coklat* kerana mereka secara lazimnya, berkulit *lebih daripada coklat*. Hal ini

memang pun sudah diketahui di seluruh dunia. Orang Pakistan juga tidak dapat diistilahkan *coklat* kerana mereka lazimnya berkulit kemerah-merahan. Tidak pernah lagi kedengaran ada orang mengatakan bahawa orang Pakistan itu kulitnya *coklat*. Tidak tahulah pula pada zaman akan datang, ada orang yang menganggap orang Pakistan itu berkulit *coklat* juga.

Jadi, kesimpulan yang dapat diambil daripada asar di atas ialah, memang Imam Mahdi itu, tidak syak lagi, adalah dari kalangan bangsa Melayu ini, tidak kiralah sama ada asalnya dari mana-mana Kepulauan di Indonesia, Singapura, Selatan Filipina, Malaysia, mahupun Selatan Siam. Semua yang Islam yang tinggal di kawasan berkenaan lazimnya adalah dipanggil orang Melayu, dan kulitnya lazim dikatakan sebagai *coklat*. Mereka tidak marah jika dipanggil demikian, malah mereka sendiri yang menyebut bahawa kulit mereka adalah *coklat*.

Dan tidak syak juga, bahawa bangsa Ajam yang dimaksudkan itu sebenarnya adalah bangsa Melayu ini. Ini dikeranakan mereka adalah bangsa terakhir yang menerima Islam sebagai agama mereka secara beramai-ramai dan selepas kawasan ini, tidak ada lagi bangsa lain yang menerima Islam secara terbuka dan beramai-ramai. Dan, bangsa Timur yang dimaksudkan oleh hadis-hadis, yang di dalamnya ada segolongan umat Islam istimewa yang dipanggil **IKHWAN** itu adalah dari bangsa Melayu ini, sudah amat jelas, tidak lain dan tidak bukan. Tidak perlu lagi kepada huraian yang lebih lanjut dan terperinci untuk menjelaskannya.

Sebab lain yang membantu menguatkan hujah ialah faktor agama. Maksudnya penerimaan agama Islam di kalangan masyarakat umum dan penghayatan kepada Islam yang sangat intensif. Pada masa ini, hanya orang-orang di rantau ini yang benar-benar menerima Islam sebagai agama mereka secara besar-besaran dan beramai-ramai. Tidak ada tempat lain yang berbuat demikian seperti orang Melayu ini. Mereka lakukannya secara sukarela, tiada paksaan, tiada sentimen melulu seperti semangat yang berapi-api dan tidak juga melalui penguatkuasaan undang-undang.

Masyarakat Melayu juga adalah kaum yang pada hari ini dilihat paling menonjol penghayatan kepada Islam sebenar. Bangsa-bangsa lain tidak ada yang dilihat penghayatan Islamnya lebih tepat, lebih bersungguh-sungguh, berdasarkan kemahuan sendiri, tidak melampau (radikal dan menakutkan) dan penuh hikmah. Keadaan ini berlaku bukanlah dengan disengajakan, tetapi sebenarnya memang telah disusun sedemikian rapi oleh Allah SWT sendiri iaitu secara ***semula jadi***. Hanya sekaranglah perkara ini baru disedari oleh bangsa Melayu itu sendiri, terutamanya dari kalangan yang kuat mengamalkan ajaran tarekat dan dakwah.

Secara tidak langsung juga asar sahabat RA ini menjelaskan bahawa Imam Mahdi itu bukan lagi berketurunan Arab seratus peratus, sebab orang Arab jati jarang yang kulitnya sawo matang. Percampuran antara darah Arab dan Ajam (di sini maksudnya Melayu) menyebabkan kulit Imam Mahdi itu tidak lagi seperti kulit bangsa Arab jati, tetapi sudah *berwarna* seperti warna kulit bangsa Ajamnya itu. Jika kulit Imam Mahdi itu seperti kulit Arab jati, tidak perlulah lagi disebutkan oleh para sahabat RA warna kulitnya itu, kerana memang orang Arab itu kulitnya putih dan kemerah-merahan seperti yang lazim. Bagi bangsa Arab pula, berbezanya warna kulit Imam Mahdi daripada warna kulit mereka menjelaskan bahawa Imam Mahdi itu bukan lagi ***milik penuh*** bangsa Arab, suku Quraisy, Bani Hasyim, Alawiyin atau Ahlulbait. Dan mereka pula bukanlah lagi bangsa pendokong agama suci ini pada masa ini.

Maksud lain yang dapat diberikan di sini adalah sebagai suatu penghormatan kepada bangsa Ajam yang menjadi tempat kelahiran Imam Mahdi itu. Dikatakan Imam Mahdi itu berkulit coklat, sebagai tanda bahawa umum masyarakat setempatnya berkulit demikian, walaupun mungkin Imam Mahdi itu sendiri tidaklah ***begitu coklat*** kulitnya seperti mereka. Apabila bergaul dengan masyarakat setempat, maka kulitnya pun dikatakan kelihatan macam cokla pada masa init juga. Ini sebenarnya adalah suatu penghormatan yang amat besar dan sangat bernilai bagi bangsa Melayu zaman ini,

kerana Imam Mahdi itu lahir dari kalangan mereka.

Untuk mendapatkan keterangan yang lebih lanjut mengenai masalah kulit Imam Mahdi ini, lihatlah hadis yang berikut dalam tajuk seterusnya. Semoga dengan ini, kefahaman kita yang selama ini mungkin kurang jelas atau tidak jelas, dapat dijelaskan dengan sejelas-jelasnya. Kita juga tidak digalakkan berfikir terburu-buru sehingga tidak sempat membuat keputusan dengan adil dan tepat. Fikirkan dari segenap aspek dan keadaan supaya ilmu kita benar-benar membawa manfaat kepada kita.

8. Kulitnya Macam Kulit Orang Arab

A. Sabda Nabi SAW,

> *"Kulit al-Mahdi adalah seperti kulit orang Arab, bentuk tubuhnya seperti bentuk tubuh orang Bani Israel, pipi kanannya bertahi lalat dan kekhalifahannya diredhai oleh penduduk bumi, penduduk langit dan burung-burung di angkasa."*
>
> (Abu Nuaim & at-Tabrani)

Daripada kandungan hadis ini, kita dapat mengambil beberapa perkara, antaranya adalah:

1. Kulit Imam Mahdi adalah seperti kulit orang Arab. Ini disebabkan Imam Mahdi adalah berasal dari keturunan bangsawan Arab Quraisy. Cuma warnanya sahaja yang agak sawo matang, seperti bangsa Ajam yang menjadi tempat tinggalnya. Bangsa Ajamnya melihat beliau seperti orang Arab keran beliau memang dari bangsa Arab. Maknanya Rasulullah SAW menyebutkan hal ini berdasarkan sudut pandangan bangsa Ajam.
2. Bentuk tubuhnya adalah seperti bentuk tubuh orang-orang Israel, yakni besar dan tegap. Ini sebagai menunjukkan bahawa Imam Mahdi adalah seorang yang gagah dari segi fizikalnya dan amat mantap pula dari segi rohaninya. Keadaan fizikal yang besar ini perlu kerana seorang pemimpin yang berbadan tegap akan menggerunkan musuh yang melihatnya. Penyataan ini adalah berdasarkan pandangan bangsa Ajam tempat tinggalnya, bukan dari sudut pandangan bangsa Arab lagi. Sebabnya orang Arab dengan orang Yahudi hampir sama sahaja bentuk dan saiz tubuh badan mereka, jadi tidaklah mereka melihat bangsa yang lain itu ***lebih besar*** tubuhnya daripada bangsa yang satu lagi. Hanya orang-orang Ajam sahaja yang memandang tubuh orang Arab dan Israel itu lebih besar daripada tubuh badan mereka.
3. Dijelaskan sekali lagi bahawa Imam Mahdi itu mempunyai tahi lalat di pipi kanannya, dan penyataan ini adalah amat jelas, kerana disebutkan berulang-ulang kali oleh Nabi SAW.
4. Kekhalifahannya diredhai oleh seluruh penduduk langit, iaitu para malaikat dan roh orang-orang mukmin. Apabila seluruh penduduk langit telah redha dengan pemerintahannya, maka seluruh penduduk di bumi pun akan turut redha dengan pemerintahannya, kerana lazim apabila penduduk langit telah redha dengan seseorang, maka penduduk bumi pun akan turut redha pula dengannya.
5. Burung-burung yang disebutkan di sini adalah wakil sahaja daripada sekalian binatang, kerana lazim apabila sejenis binatang redha kepada seseorang, maka semua binatang lain pun akan turut redha kepadanya, tidak kira di langit, di atas tanah, di dalam tanah atau di dalam air.
6. Punca semua makhluk redha dengan pemerintahannya adalah kerana Imam Mahdi telahpun mempersiapkan dirinya, zahir dan batin, untuk menjawat tugas utama ini, sebelum diserahkan kepadanya tugas utama ini. Hal demikian amat berlawanan dengan pemimpin dunia sekarang yang hanya mempersiapkan zahir sahaja sebelum mereka memerintah sesebuah negara. Aspek rohaniah yang sebenarnya lebih penting, lazimnya terabai terus. Juga dikeranakan pelantikannya adalah atas kehendak Allah SWT jua, bukannya atas pilihan dan pencalonan oleh orang ramai di

sesebuah negara.

9. Matanya Kelihatan Sentiasa Bercelak

A. Kata sahabat RA,

"Kedua-dua pelupuk matanya tampak bercelak."

Bercelak adalah suatu sunnah. Sesiapa yang melakukannya akan mendapat pahala, manakala yang meninggalkannya akan rugi, kerana tidak mendapat pahala sunat. Semua ulama muktabar sejak zaman dahulu lagi, sudah menjadikan celak ini sebagai amalan mereka.

Dalam kes Imam Mahdi ini, walaupun beliau tidak mengenakan celak, tepi matanya akan tetap kelihatan seperti bercelak, dan ini adalah suatu keistimewaan baginda yang tidak ada pada orang lain. Keistimewaan ini sebelumnya hanya ada pada datuknya yang mulia, baginda Rasulullah SAW sahaja, selain Nabi Ibrahim AS.

10. Gigi Seri Imam Mahdi

A. Kata sahabat RA,

"Gigi seri al-Mahdi tampak bersinar."

Hal ini sebenarnya menjelaskan kepada kita bahawa Imam Mahdi itu memang bersih dan wangi, sama ada pada badannya mahupun pada anggota lainnya, yang biasanya pada orang kebanyakan, agak berbau atau kurang baik. Sehingga dengan giginya yang kelihatan bersinar itu, akan bertambah lagi berseri wajahnya yang mulia itu.

11. Gigi Imam Mahdi Berjarak

A. Dari Abdul Rahman bin Auf RA katanya, sabda Rasulullah SAW,

"Sungguh Allah akan melahirkan seorang lelaki dari keturunanku, yang (antara sifat utamanya ialah) giginya berjarak, dahinya lebar, keadilannya sangat meliputi seluruh alam dan akan mendapatkan harta benda dengan melimpah-limpah."

(Abu Nuaim)

12. Pada Pipi Kanan Imam Mahdi Ada Tahi Lalat Hidup

A. Kata sahabat RA,

"Pipi al-Mahdi ada tahi lalatnya."

Ini adalah pengulangan lagi bagi hadis-hadis dan asar yang telah disebutkan sebelum ini. Oleh

itu, tetaplah bahawa Imam Mahdi itu orang yang mempunyai tahi lalat hidup, yang besar, terletak pada pipi sebelah kanan. Ini adalah salah satu keistimewaan Imam Mahdi kerana tahi lalat itu bukannya wujud secara semula jadi, tetapi wujud sebelum baginda diangkat sebagai Imam Mahdi.

Oleh itu, semasa hayatnya bergaul, mengajar dan membantu orang ramai, mereka benar-benar tidak tahu bahawa tuan guru mereka itulah dia bakal Imam Mahdi yang akan memerintah seluruh dunia suatu hari kelak.

13. Janggut Imam Mahdi

A. Kata sahabat RA,

"Dia (al-Mahdi) berjanggut tebal tetapi tidak begitu lebat."

Imam Mahdi itu mestilah mempunyai janggut, janggutnya diperincikan lagi dengan penyataan bahawa bentuknya tebal, yakni panjang tetapi tidak lebat iaitu tidak rapat-rapat. Maksud panjang itu tidaklah sampai ke pusat seperti yang banyak difahami oleh orang awam, tetapi sekadar tidak sampai melebihi sejengkal. Yang demikian adalah suatu sunnah daripada baginda Rasulullah SAW, yang diikuti oleh para sahabat RA, kemudian oleh para tabiin dan seterusnya oleh generasi di bawahnya, hinggalah ke hari ini.

Keadaan seperti itu, iaitu mempunyai janggut yang tebal tetapi tidak begitu lebat, jika sekali lihat, adalah perkara biasa. Namun untuk memenuhi ciri-ciri berkenaan sebenarnya amat sukar, kerana tidak semua orang mampu memenuhi ciri-ciri berkenaan dengan tepat. Bentuk dan gaya janggut yang tumbuh adalah semata-mata kurniaan Allah, bukannya boleh direka-reka dan dibentuk-bentuk menurut kemahuan kita sahaja. Sebab itulah, sifat-sifat, akhlak, amalan dan keadaan Imam Mahdi itu diperincikan dengan begitu sekali, sama ada oleh Baginda SAW sendiri, mahupun oleh para sahabat dan tabiin. Ertinya, semakin banyak perincian yang diberi, semakin sukar untuk mencari peribadi sebenar yang digelar sebagai Imam Mahdi itu.

Jadi, bagi sesiapa yang ada mengaji bab mengenai sifat-sifat Imam Mahdi, tidak akan menerima bulat-bulat sahaja sebarang pengakuan seseorang bahawa dirinya Imam Mahdi, melainkan setelah menelitinya dari atas hingga ke bawah, dari mula hingga ke akhir, dari zahir hingga ke batinnya dan sebagainya lagi. Banyak perkara yang perlu diteliti dan dinilai, kemudian dibandingkan dengan keterangan-keterangan daripada hadis-hadis dan ucapan para sahabat RA serta tabiin RH. Kebanyakan yang mendakwa dirinya Imam Mahdi tidak mempunyai janggut pun di dagunya.

Setelah berpuas hati bahawa setiap perkara yang disebutkan oleh hadis-hadis ada pada dirinya dan berlaku pula tepat seperti yang didakwa, barulah boleh diakui orang itu memang Imam Mahdi yang ditunggu-tunggu. Barulah orang ramai akan segera berbaiat kepadanya, menjadikannya Imam mereka zahir dan batin, dari segi agamanya dan dunianya, dari segi hidupnya dan matinya dan sebagainya lagi.

Ulama pada hari ini di Asia Tenggara ini, terutama sekali yang bertaraf ulama moden, tidak ramai lagi yang berjanggut, apatah lagi yang berjanggut tebal. Banyak daripada mereka yang ***akhir baligh***, bukan akil baligh, kerana umur telah menjangkau setengah abad pun, janggut masih belum tumbuh-tumbuh di dagunya. Alasannya, perkara itu adalah sunat, boleh buat dan boleh tak buat. Tak payah sibuk-sibuk timbulkan atau besar-besarkan masalah furuk ini.

Memang demikianlah keadaannya. Benar juga alasan yang diberikan mereka, jika dilihat sekali lalu. Namun, jika difikirkan sekali lagi, akan jadi kemusykilan yang amat besar. Kalau ulama sendiri sudah tidak menghormati sunnah agama sendiri, bagaimana mungkin orang awam akan turut

menghormati ajaran agama mereka, sebab contoh yang patut diikuti, tiada di depan mata. Kalau para ulama sendiri sudah meninggalkan ajaran agama mereka, siapa lagi yang dapat diharap untuk menaikkan semula agama Islam ke tempatnya yang tinggi dan mulia itu? Takkan kita nak harapkan penganut agama Sikh untuk membantu menaikkan sunnah Islam ke tempatnya yang tinggi itu.

Sebab itu umat Islam pada hari ini sudah ramai yang tidak berjanggut kerana mereka melihat contoh yang paling mudah, para ulama dan para pemimpin yang sudah tidak berjanggut lagi. Memang ada sebilangan umat Islam yang masih berjanggut, tetapi mereka ini berjanggut bukanlah meniru para ulamanya, tetapi atas kefahaman sendiri, kesedaran sendiri dan kemahuan sendiri. Tiada contoh lagi bagi mereka. Ada yang berjanggut dengan niat-niat yang lain, dan bagi golongan yang ini, kita serahkan penilaiannya kepada Allah semata-mata.

14. Hidungnya Mancung

A. Dari Abu Said al-Khudri RA berkata, Rasulullah SAW bersabda,

> *"al-Mahdi adalah dari keturunanku, dahinya luas, hidungnya mancung. Dia akan memenuhkan bumi ini dengan keadilan dan kesaksamaan sebagaimana sebelumnya dipenuhi dengan kezaliman dan penindasan. Dia memerintah selama tujuh tahun."*
>
> (Abu Daud & al-Hakim)

Berdasarkan hadis ini, dinyatakan lagi beberapa perkara, sama ada pertama kali disebut, mahupun yang berupa pengulangan daripada hadis-hadis lain:

1. Imam Mahdi adalah dari keturunan Baginda SAW. Pengesahan yang dibuat berulang-ulang kali ini tidak syak lagi adalah janji Allah dan Rasul-Nya SAW bahawa memang Imam Mahdi itu adalah benar-benar dari keturunan Nabi SAW. Kerana terlalu banyak pengulangan terhadap perkara yang sama, maka dapatlah disimpulkan di sini bahawa pekara ini adalah sesuatu yang mesti dipenuhi, tidak boleh tidak.
2. Dahinya luas. Penyataan ini juga diulang dalam beberapa buah hadis dan ucapan sahabat dan tabiin. Orang yang berdahi luas lazim dikatakan adalah tanda orangnya kuat rohaniahnya, ahli pemikir yang kuat, tenang fikirannya dan matang dalam segala tindakan dan urusan. Dahi luas juga adalah tanda orang itu sudah berumur, bukan remaja lagi. Sebab itu, lazimnya golongan remaja mempunyai saiz dahi yang lebih kecil berbanding orang dewasa dan orang-orang tua.
3. Hidung Imam Mahdi adalah mancung. Pernyataan ini adalah tanda bahawa Imam Mahdi itu lahir dari kalangan orang atau kaum yang hidungnya 'tidak mancung'. Jika tidak, masakan perkara ini perlu disebut oleh Nabi SAW, kerana bangsa Arab memang diketahui umum memiliki hidung yang mancung-mancung belaka. Terlalu jarang atau boleh dianggap pelik jika dikatakan ada orang Arab yang hidungnya tidak mancung atau pesek. Maksud tersiratnya, Imam Mahdi itu benar-benar lahir di negara Ajam.
4. Imam Mahdi akan menjadi pemerintah di bumi ini. Pemerintahannya setelah menjadi Khalifah adalah penuh adil dan saksama, meliputi seluruh dunia. Tanda akan naik Imam Mahdi menjadi pemerintah ialah seluruh dunia ini akan dipenuhi oleh kezaliman dan penindasan. Para pemerintahnya adalah orang-orang yang zalim-zalim, manakala yang kaya dan kuat menindas yang miskin dan lemah. Yang miskin dan bodoh juga berbuat zalim dengan melakukan jenayah seperti mencuri. Ulama memandang rendah orang awam dan orang awam pula hilang hormat kepada golongan ulama.

5. Lama pemerintahan Imam Mahdi ke atas seluruh dunia ini adalah tujuh tahun. Tujuh tahun yang dimaksudkan adalah relatif, bukan dengan erti tujuh tahun seperti yang mampu kita bayangkan pada hari ini. Untuk keterangan yang lebih jelas lagi tentang ini, lihat pada bahagian-bahagian akhir pemerintahan Imam Mahdi pada bab-bab yang akan datang. Angka tujuh sebenarnya adalah lambang berkat dan banyak, bukan ertinya tepat-tepat tujuh tahun seperti yang disabdakan.

15. Cap Kenabian Pada Bahunya

A. Kata sahabat RA,

"Pada bahu al-Mahdi terdapat tanda-tanda kenabian Nabi Muhammad SAW."

Suatu perkara yang amat tidak dipedulikan orang ialah cap kenabian Nabi Muhammad SAW yang terdapat pada tengah-tengah dua belikat Imam Mahdi. Kalau dengan Nabi Muhammad SAW dahulu, orang-orang Yahudi dan Nasrani meneliti tanda ini untuk mengesahkan kebenaran individu yang bernama Muhammad SAW itu, maka Imam Mahdi pun demikian juga, bagi kita umat Islam.

Apabila yang zahir itu mengaku dirinya Imam Mahdi, maka mintalah ditunjukkan cap kenabian itu dari belakang badannya. Jika benar, maka sahlah dia itu memang Imam Mahdi seperti yang disebut-sebut. Jika tidak ada cap kenabian itu, maka bohonglah dia.

Cap kenabian itu besarnya seperti telur burung merpati, tulisannya berwarna hitam, huruf-hurufnya jelas, bentuknya seakan-akan membonjol keluar (melengkung) dan bukannya tatu, yakni ditekan dengan alat oleh manusia. Cap kenabian itu bukan dibuat oleh manusia dan tidak akan padam selama-lamanya.

Di sekeliling cap kenabian itu ada bulu roma yang halus tumbuh, yang mengelilingi cap itu. Keadaan seperti ini mustahil dapat ditiru-tiru oleh sesiapa pun, kerana tidak ada kemudahan dan peralatan yang mampu meniru seperti sifat-sifat yang ada itu. Hanya Imam Mahdi dan Rasulullah SAW sahaja yang diberi keistimewaan mempunyai cap kenabian di belakang badan, di antara dua belikat mereka.

16. Jubah Imam Mahdi

A. Rasulullah SAW bersabda,

> *"Dia adalah dari keturunanku dan umurnya adalah empat puluh tahun. Wajahnya berseri-seri laksana bintang dan dia mempunyai tahi lalat di pipinya. Dia akan memakai dua lapis jubah* **Qutwani** *dan bentuk badannya seperti orang-orang Bani Israel."*
>
> (At-Tabrani)

Jubah Qutwani adalah sejenis jubah yang diperbuat dari bulu binatang, dan bukan menjadi pakaian yang lazim dipakai oleh bangsa Arab sejak dahulu hingga kini. Jubah bulu itu adalah dari jenis jubah yang mahal dan sukar didapati di pasaran terbuka. Dan Imam Mahdi memakai jubah berkenaan sebanyak dua lapis setiap kali pakai. Itu adalah lambang ketinggian peribadinya dan sebagai suatu syiar bagi dirinya. Dua lapis pakaian juga adalah sunnah daripada Nabi Musa AS, Nabi Ibrahim AS dan beberapa orang rasul yang terdahulu.

17. Sukar Bertutur Kata

A. Sabda Nabi SAW,

> *"Al-Mahdi adalah termasuk orang yang sukar bertutur kata (ketika awal munculnya)."*

B. Sabda Nabi SAW,

> *"Jika al-Mahdi merasa sukar berbicara, maka dia akan menepuk paha kirinya dengan tangan kanannya."*

Kedua-dua hadis ini menyatakan satu perkara yang sama iaitu Imam Mahdi itu diberikan satu keadaan iaitu sukar berkata-kata ketika awal munculnya sebagai Imam Mahdi. Hal ini berlaku hanya apabila dibaiat oleh orang ramai, dan bukannya sifat semula jadi sejak kecil.

Keadaan ini sebenarnya adalah untuk membezakannya daripada orang lain, kerana lazimnya para pemimpin dunia hari ini mestilah seorang yang fasih bertutur kata. Adalah suatu kelemahan yang ketara pada hari ini jika seseorang pemimpin itu tidak fasih berkata-kata atau gagap. Dan lazimnya orang yang seperti ini tidak akan terpilih untuk memerintah manusia, kerana gagap itu adalah suatu ***kecacatan*** pada pandangan mereka.

Jadi, untuk membezakan Imam Mahdi daripada pemimpin lain, Allah jadikannya sebagai seorang yang gagap atau sukar berkata-kata sebagai pemimpin manusia. Hal ini sebenarnya bukanlah

suatu kekurangan kerana Nabi Musa AS sendiri adalah seorang yang sukar bertutur kata, termasuk ketika berdialog dengan bapa angkatnya, Firaun. Sebab itu Nabi Musa AS meminta agar beliau ditemani oleh adiknya kandungnya, Nabi Harun AS untuk bercakap bagi pihak dirinya ketika berhadapan dengan Firaun.

Boleh juga diertikan dengan sukar bertutur kata itu dengan maksud Imam Mahdi itu tidak suka bercakap perkara yang sia-sia, dan jika ada orang yang bercakap perkara yang sia-sia di hadapannya, akan ditamparnya meja supaya orang yang sedang mendengarnya itu berhenti bercakap atau ditinggalkannya sahaja orang itu sendirian. Itu juga adalah boleh dimaksudkan dengan gagap seperti yang dikehendaki oleh hadis. Hal ini sebenarnya sesuai dan tepat dengan kehendak maksud sebuah hadis lain yang menyatakan Imam Mahdi selepas dibaiat di Masjidil Haram, akan berkhutbah dengan satu khutbah yang panjang, mengajak manusia mengamalkan kembali ajaran Islam sepenuhnya dalam diri masing-masing. Untuk mendapatkan hadisnya, silalah lihat pada bahagian yang akan datang.

18. Bentuk Kedua-dua Belah Pahanya

A. Sabda Nabi SAW,

"Kedua-dua belah paha al-Mahdi adalah lebar dan saling renggang (tidak rapat)."

Paha yang lebar yakni besar menunjukkan orang itu kuat fizikalnya dan bertenaga. Hal ini berlaku kerana beliau banyak turun naik melakukan solat tahajud dan juga solat sunat, menyebabkan pahanya menjadi kuat dan besar. Jika dilihat dari tepi, kelihatan lebar daging pahanya. Jika dilihat dari depan pula, kedua-dua pahanya kelihatan renggang antara satu sama lain. Maksud tersiratnya ialah Imam Mahdi itu bukan seorang yang berbadan gemuk.

19. Imam Mahdi Adalah Seorang yang Tegas

A. Imam Tawus RH, seorang tabiin terkemuka menyebutkan bahawa,

"Salah satu tanda Imam Mahdi ialah dia amat tegas terhadap orang bawahannya, harta bendanya melimpah ruah dan amat pemaaf kepada para hamba (pekerja bawahan)."

Imam Tawus menyebutkan tiga perkara yang menjadi tanda khusus bagi Imam Mahdi iaitu:

1. Imam Mahdi amat tegas kepada orang bawahannya iaitu para pekerja di rumahnya, anak-anak murid pengajiannya, para pegawai di pejabatnya, orang-orang kanannya, para makmum yang berada di saf pertama sembahyang dan pemimpin-pemimpin yang dilantik untuk mewakilinya.
2. Hal ini samalah seperti tegasnya baginda SAW kepada para sahabat semasa di Madinah ketika

hayat baginda SAW dahulu. Begitu juga Sayidina Umar semasa pemerintahannya yang ketegasannya cukup kita kenali. Khalifah Umar bin Abdul Aziz juga terkenal tegas terutama kepada anak-anak, isteri dan para pembesarnya. Sultan Muhammad al-Fateh juga amat tegas kepada para askarnya, sama ada semasa perang atau damai.

3. Imam Mahdi memang diutus oleh Allah untuk memberkatkan harta benda sehingga melimpah ruah di sana-sini, akhirnya orang ramai jemu melihat harta benda yang bertimbun-timbun di sana-sini, sedangkan tidak seorang pun yang mahu membawanya pulang atau ambil peduli tentangnya.
4. Imam Mahdi juga sangat berbelas kasihan kepada golongan hamba, pekerja bawahan dan orang awam. Mereka ini sentiasa mendapat bantuan dan perhatian berat daripada Imam Mahdi sendiri. Mereka selalu dibantu, ditolong, didoakan dan dihiburkan oleh Imam Mahdi dari semasa ke semasa.
5. Akhirnya setiap orang merasakan mereka sentiasa diambil berat dan diperhatikan oleh Imam Mahdi, pemimpin agung mereka. Semuanya amat berpuas hati dengan pemerintahan Imam Mahdi yang amat adil lagi saksama itu.

20. Imam Mahdi Berdahi Luas

A. Abu Said al-Khudri RA menceritakan bahawa Nabi SAW bersabda,

> *"Al-Mahdi itu dahinya luas dan hidungnya mancung. Dia akan memenuhi bumi ini dengan keadilan sebagaimana sebelumnya bumi ini dipenuhi dengan ketidakadilan dan penindasan. Dia akan memerintah selama tujuh tahun."*
>
> (Abu Daud)

Hadis ini menyebutkan dahi Imam Mahdi adalah luas yakni tinggi ke atas dan lebar ke tepi kiri kanan. Itulah pengertian luas yang selalu kita fahami. Dan begitulah maksud yang dikehendaki oleh hadis di atas. Lazimnya orang yang berdahi luas ini adalah lelaki, kerana jarang didapati wanita yang berdahi luas. Memang ada wanita yang dahinya agak luas, tetapi tidaklah sampai seluas dahi lelaki. Jumlah wanita yang berdahi luas juga amat sedikit, kerana kebanyakan wanita berdahi sederhana atau kecil.

Dahi luas juga menunjukkan orang itu sudah berumur atau dewasa. Jarang remaja yang didapati berdahi luas. Dahi seseorang akan menjadi bertambah luas dengan sebab bertambahnya umur atau kerana mendapat sesuatu penyakit yang menyebabkan rambut di dahinya gugur dan tidak tumbuh-tumbuh lagi. Lazimnya dahi yang luas kerana penyakit tidaklah terlalu ramai dan bukan merupakan sebab yang dominan. Orang lelaki menjadi luas dahinya secara beransur-ansur akibat bertambah umurnya dan bertambah kematangannya dalam hidup. Selalu juga dikaitkan dahi yang luas dengan keupayaan berfikir yang agak tinggi.

Imamul Mahdi adalah misteri,
Walaupun banyak hadis yang bercerita,
Hendak dihuraikan secara nyata amat sulitnya,
Hendak ditolak payah juga,
Hadis mengenainya terlalu banyak
Bahkan ada yang bertaraf masyhur,
Siapa pun di kalangan ulama, ditanya tidak akan puas,
Bahkan akan berlaku ikhtilaf di kalangan mereka,
Siapa saja yang boleh menerangkan tentang Imamul Mahdi secara puas,
Dialah orang penting dan orang kanannya,
Kerana dia menghurainya dibantu dengan ilham
Dan berita-berita ghaib,
Siapa yang bukan orang kanannya
Hanya boleh menghurai di sekitar hadis saja,
Siapa orang kanannya, dia menghurai dibantu oleh ilham
Atau berita ghaib menguatkannya,
Orang kanannyalah lebih tahu tentang Imamul Mahdi Al-Muntazar,
Selainnya hanya boleh menghurai secara rambang,
Bahkan orang kanannya boleh berhubung
Dengan Imamul Mahdi di waktu-waktu tertentu,
Dapat panduan, dapat bimbingan, dapat berita ghaib akhir zaman,
Kerana itulah dia boleh menceritakan
Tentang Imamul Mahdi dengan tepat dan puas,
Walaupun begitu, bukan semua orang boleh menerimanya,
Lebih-lebih lagi para ulamanya bukan senang hendak percaya,
Bahkan setelah lahirnya pun
Para ulama ada yang menentangnya,
Di waktu itu mereka akan nahas,
Mereka akan menerima padahnya hasil penentangannya.

(Sajak Petikan dari Majalah ***Kebenaran***)

KELEBIHAN DAN KEISTIMEWAAN IMAM MAHDI

Jika seseorang itu diheboh-hebohkan sebagai seorang yang bakal memimpin seluruh manusia dan meninggikan agama Islam, maka sudah pastilah orang itu mempunyai beberapa kelebihan, yang tidak terdapat pada mana-mana manusia biasa atau pemimpin biasa pada hari ini. Imam Mahdi selalu dihebohkan sebagai seorang yang mempunyai banyak kelebihan berbanding pemimpin biasa. Maka, sebagai meraikan kepemimpinan Imam Mahdi yang bertaraf khalifah itu, di sini disebutkan beberapa kelebihan beliau berdasarkan apa yang telah dijelaskan oleh Rasulullah SAW, para sahabat RA, para tabiin RH dan para ulama muktabar.

1. Kelebihan Imam Mahdi di Kalangan Ahlulbait

A. Dari Anas bin Malik RA, dia berkata, Rasulullah SAW bersabda,

"Kami, anak keturunan Abdul Muttalib, (adalah) pemimpin ahli syurga iaitu saya (SAW), Hamzah, Ali, Jaafar, al-Hasan, al-Husin dan al-Mahdi."

(Ibnu Majah)

Hadis ini secara jelas dan terang menyebutkan bahawa Imam Mahdi adalah antara **tujuh orang pemimpin** Ahlulbait di syurga kelak. Maknanya Imam Mahdi termasuk salah seorang yang sudah dijamin syurga oleh Rasulullah SAW. Bukan sahaja dijamin syurga, malah menjadi salah seorang penghulu di syurga kelak. Baginda adalah antara beberapa orang yang dijamin syurga oleh Allah seperti yang berlaku kepada para sahabat pada zaman Nabi SAW dahulu.

Dan di kalangan Ahlulbait sendiri, beliau termasuk orang yang sudah mendapat jaminan Allah dan rasul-Nya akan dimasukkan ke dalam syurga di akhirat kelak. Jelaslah bahawa Imam Mahdi itu adalah salah seorang Ahlulbait yang sangat utama dan mendapat kedudukan yang sangat tinggi pada sisi Allah SWT.

2. Imam Mahdi Lebih Utama Dari Sebahagian Sahabat RA

A. Ibnu Sirin RH, seorang tabiin yang terkenal, menerangkan bahawa,

"Al-Mahdi adalah lebih afdhal daripada ayah dan bapa saudaraku."

Ucapan oleh tokoh tabiin ini tidaklah melampau atau melebihi daripada apa yang sepatutnya diucapkannya. Memang benar, Imam Mahdi adalah lebih afdhal daripada sebahagian besar sahabat Nabi SAW kerana sudah jelas bahawa Imam Mahdi itu bertaraf Khalifah, maka jelaslah baginda lebih afdhal daripada sebahagian besar sahabat RA.

Ini bolehlah diakui dengan melihat beberapa perkara yang patut kita jadikan perbandingan, sebagai menyokong ucapan oleh tokoh tabiin itu:

1. Para sahabat RA diredhai oleh Allah secara umum, melalui dua peristiwa besar iaitu **Perang Badar** Kubra dan **Baiatur Ridhwan**, Perjanjian Hudaibiyah. Imam Mahdi disebutkan dalam

beberapa hadis secara khusus sebagai orang yang diredhai dan pemerintahannya juga diredhai. Maka antara yang khusus dengan yang umum, yang khusus adalah lebih utama.

2. Pemerintahannya bertaraf Khalifah, dan merupakan salah seorang Khalifah Allah dan Khalifah Rasulullah SAW, yang sama tarafnya dengan Khulafa ur-Rasyidin. Tentulah baginda lebih afdhal daripada kebanyakan sahabat RA, yang tidak bertaraf khalifah.
3. Beberapa orang sahabat RA adalah orang yang dijamin masuk syurga oleh Nabi SAW. Antaranya ialah sahabat yang sepuluh, diikuti yang empat puluh. Imam Mahdi juga sudah dijamin oleh Nabi SAW akan masuk syurga, malah merupakan salah seorang pemimpin di syurga. Tentulah kedudukannya ini lebih afdhal daripada sebahagian sahabat RA yang lain, yang hanya dijamin masuk syurga tetapi tidak menjadi pemimpin di syurga.
4. Imam Mahdi adalah sama taraf dengan Khalifah yang berempat. Mereka yang berempat itu adalah lebih utama daripada para sahabat RA yang lain. Maka Imam Mahdi juga tentulah lebih afdhal juga daripada sahabat RA, seperti yang diakui itu kerana beliau bertaraf khalifah juga.
5. Pemerintahan Khalifah yang berempat sudah pun disebutkan oleh Nabi SAW, secara tersirat dan tersurat. Maknanya mereka adalah sebaik-baik sahabat daripada sekalian sahabat RA yang ada. Imam Mahdi juga ditunjukkan sebagai Khalifah, kali ini secara yang amat tersurat, iaitu jelas dan terang. Maka tentulah kedudukannya lebih afdhal daripada sebilangan besar sahabat RA yang lain. Para sahabat RA juga mengaku akan kelebihan Imam Mahdi ini berbanding diri mereka sendiri, kerana Imam Mahdi itu apabila zahir kelak, dan jika para sahabat RA masih hidup lagi (jika ada), tentulah para sahabat RA itu mahu tidak mahu, akan menjadi rakyat dan makmum kepada Imam Mahdi. Sedangkan Nabi Isa AS yang sudah bertaraf rasul yang Ulul Azmi itu pun menjadi makmum kepada Imam Mahdi, inikan pula para sahabat RA yang kedudukan mereka adalah lebih rendah daripada Nabi Isa AS. Penunjukan dan pelantikannya sebagai khalifah sudah diisytiharkan oleh Rasulullah SAW sendiri.
6. Afdhal yang dimaksudkan di sini bukanlah keutamaan sebagai sahabat yang dapat bergaul dan berkumpul dengan Nabi SAW. Dari segi itu, memang sahabat RA adalah paling utama. Afdhal yang dimaksudkan oleh Imam Ibnu Sirin ini adalah dari segi keutamaan sebagai seorang pemimpin, keutamaan dari segi zamannya, pemerintahannya dan juga sebagai salah seorang ahli syurga. Itu sahaja. Keutamaan adalah berbeza daripada afdhal. Sila perhatikan perbezaannya baik-baik.
7. Malah di kalangan Ahlulbait yang ada pun, memang Imam Mahdi adalah lebih utama daripada sekalian yang lain, kecuali yang disebutkan di dalam hadis ini. Mereka yang berenam itu lebih utama daripada Imam Mahdi, jika dilihat dari segi apa pun, kecuali dalam bab pemerintahan dan kemasyhuran.

3. Kelebihan Semasa Pemerintahannya

A. Dari Abu Hurairah RA berkata, Rasulullah SAW bersabda,

> *"Bumi akan mengeluarkan ketulan-ketulan emas dan perak dari dalam perutnya seperti tiang-tiang." Sabdanya lagi, "Lalu seorang pencuri datang (dengan tujuan mahu mengambil harta itu) kemudian berkata (kepada dirinya), "Kerana mencuri inilah tanganku akan dipotong." Pembunuh datang (dengan tujuan mahu mengambil harta itu) kemudian berkata, "Kerana mencuri inilah aku akan dibunuh." Pemutus tali persaudaraan datang (dengan tujuan mahu mengambil harta itu) kemudian berkata, "Kerana mencuri inilah aku akan memutuskan lagi tali persaudaraanku." Kemudian ketiga-tiga mereka meninggalkannya dan tidak mengambil sedikit pun daripadanya."* (Ibnu Majah)

Terdapat terlalu banyak hadis dan riwayat yang menyebutkan Imam Mahdi akan mengeluarkan harta benda pada masa pemerintahannya dan hadis di atas adalah salah satu daripada

sekian banyak hadis yang menceritakan hal yang demikian. Sebagai perbandingan, pada hari ini, jika ada orang mendengar emas tertanam di sekian-sekian tempat, pasti beribu-ribu orang akan mendatanginya, siang atau malam. Setiap orang akan cuba mendapatkan harta itu, walaupun hanya memperoleh sedikit. Ramai yang rela bersusah payah, malah sanggup mati semata-mata kerana mahu mendapatkannya. Contohnya ialah terjumpanya lombong emas di Rusila, Terengganu beberapa tahun dahulu.

Lebih teruk lagi, bukan sahaja emas yang tertanam diambil orang, bangkai kapal lama yang dibuat daripada kayu pun, berebut orang ramai mengambilnya untuk dibawa pulang. Jika difikirkan sekali, apalah gunanya kayu yang sudah reput itu, dan apakah nilainya kepada kita? Malah kadang-kadang besi buruk tertanam di belakang rumah pun disangka harta karun. Heboh sekampung bercerita tentang hal itu. Apa gunanya besi buruk yang sudah berkarat? Begitulah teruknya kemiskinan jiwa manusia umumnya pada hari ini.

4. Orang Yang Hidup Pada Zaman Imam Mahdi Sangatlah Beruntung

A. Sabda Nabi SAW,

"Setiap umatku yang lahir pada kemudian akan diberikan pahala (sebanyak) 50 (kali pahala) orang sahabat."

Hadis ini sebenarnya adalah merupakan penjelasan kepada ucapan yang dibuat oleh Imam Ibnu Sirin tadi. Di sini disebutkan pahala yang akan mereka terima, adalah 50 kali lebih banyak daripada apa yang diterima oleh para sahabat RA. Kenapa boleh terjadi yang demikian?

1. Mereka adalah golongan yang beriman kepada Allah dan rasul-Nya sedangkan mereka tidak pernah melihat Nabi SAW. Maka patutlah mereka mendapat lebih banyak pahala daripada Allah.
2. Mereka ditimpa kesusahan hanya semata-mata kerana mereka mempertahankan iman mereka itu tadi.
3. Mereka tetap berpegang teguh dengan keyakinan dan pendirian itu, dan iman mereka tidak pernah berganjak. Dari segi logiknya, mereka memang layak untuk menerima lebih banyak pahala.
4. Mereka terpaksa menanggung sendiri kesusahan dan kepayahan akibat mempertahankan iman, tanpa ada pembela yang akan membela mereka atau menyelamatkan mereka. Masing-masing terpaksa berjuang sendirian, menyelamatkan iman sendirian dan saling membela diri sendiri. Tidak ada rasul bersama-sama mereka. Rasul yang ada bersama mereka hanyalah 'ajaran-ajaran' yang jauh tertanam di dalam hati dan iman mereka yang teguh.
5. Mereka ibarat anak yatim, tiada 'berbapa'. Jika para sahabat dahulu, ada Rasulullah SAW yang akan membela mereka, sedangkan umat akhir zaman ini tiada lagi Rasulullah SAW yang akan membela mereka, kerana Rasulullah SAW sudah lama wafat.

Pahala yang dimaksudkan di sini, bukanlah dengan erti mereka lebih afdhal daripada sahabat RA. Pahala yang dimaksudkan itu adalah semata-mata pahala, dan itu tidaklah menjadi suatu sebab untuk membolehkan mereka mengatasi para sahabat RA. Jika pahala dijadikan ukuran, umat zaman dahulu lebih layak mendapat pahala yang lebih banyak daripada kita pada hari ini, yang rata-ratanya berumur pendek dan lemah dari segi tenaganya.

5. Kekuasaan Imam Mahdi Meliputi Seluruh Dunia

A. Sabda Nabi SAW,

"Al-Mahdi akan menguasai seluruh dunia sebagaimana yang pernah dilakukan oleh Zulkarnain dan Nabi Sulaiman AS."

Disebutkan oleh Imam Syamsuddin Abu Abdillah al-Ansari **al-Qurtubi** di dalam kitabnya ***At-Tazkirah***, (yang terjemahannya) kira-kira begini:

> ***Diriwayatkan adalah orang-orang yang memerintah dunia ini ada empat orang: Dua orang mukmin dan dua orang kafir. Yang mukminnya ialah Sulaiman bin Daud dan Iskandar. Manakala yang kafirnya ialah Namrud dan Bukhtu Nasar. Dan pemerintah yang kelimanya adalah dari umat ini iaitu Al-Mahdi.***

Ringkasnya, di antara pemerintah dunia yang diberi keupayaan untuk menguasai seluruh dunia, hanya seorang sahaja yang datang dari kalangan umat Nabi Muhammad SAW ini, iaitu Imam Mahdi. Dan penyempurnanya ialah Nabi Isa AS.

6. Beliau Adalah Khalifah yang Kedua Belas?

A. Dari Jabir bin Samurah RA berkata, Rasulullah SAW bersabda,

"Setelah peninggalanku nanti akan ada dua belas orang Amir (Khalifah)." Jabir berkata, *"Kemudian baginda bercakap sesuatu yang tidak kufahami, lalu aku bertanya kepada bapaku, lalu dia berkata, "Mereka semuanya dari golongan Quraisy."*

(At-Tarmizi)

B. Sabda Nabi SAW,

"Dunia tidak akan lenyap sehinggalah bangsa Arab diperintah oleh seorang lelaki dari kaum keluargaku, yang namanya menyamai namaku."

(Abu Daud)

Hadis daripada Jabir RA di atas yang bertaraf hasan sahih telah dijadikan 'alasan terkukuh' oleh puak Syiah untuk menonjolkan Imam mereka sebagai orang yang dimaksudkan itu. Lalu, ekoran daripada itu, ***muncullah*** beberapa banyak '**hadis**' lagi yang mendakwa bahawa yang dua belas orang itu sudah pun ditunjukkan oleh Nabi SAW akan orangnya satu persatu secara batang tubuh, tanpa khilaf dan terus-terang, disebutkan namanya dengan bin-binnya sekali.

Ahli-ahli hadis dan para sejarawan Islam juga gagal menjelaskan siapa yang dimaksudkan dengan angka dua belas itu, berdasarkan sejarah. Mereka gagal memahami maksud sebenar individu-individu berkenaan. Akhirnya tafsiran sebenar terhadap hadis ini terbiar begitu sahaja tanpa terhurai. Sehingga ke hari ini, tiada siapa yang berani menjelaskan siapa mereka itu dan bila berakhirnya yang kedua belas itu. Memang belum ada mana-mana ahli sejarah atau ahli hadis yang dapat membuat huraian tepat akan maksud angka dua belas itu.

Ruang *kosong* itu dapat dihidu dengan cepat oleh puak Syiah, lantas mereka *mengisinya* dengan

dalil yang *mutawatir*, iaitu mutawatir dari segi banyaknya *hadis* mengenainya, bukan mutawatir dari segi makna yang sebenar di dalam ilmu hadis itu.

Salah seorangnya ialah Syeikh Sulaiman al-Balkhi yang menulis di dalam kitabnya yang terkenal itu, **Yanabi'ul Mawaddah**, muka surat 447, dalam mendakwakan Imam mereka, kira-kira begini:

> *"Hadis Imam Dua Belas tidak sesuai jika dimaksudkan dengan Khulafa ur-Rasyidin kerana mereka kurang daripada dua belas (orang). Dan juga tidak sesuai dengan khalifah-khalifah dari Bani Umaiyah kerana mereka lebih daripada dua belas (orang). Semua mereka adalah zalim kecuali (Khalifah) Umar bin Abdul Aziz, dan mereka bukan pula (dari) Bani Hasyim, kerana Nabi bersabda, "Semua mereka mestilah dari Bani Hasyim." Dan ia tidak sesuai dengan khalifah-khalifah dari Bani Abbas, kerana mereka lebih dari dua belas (orang). Mereka juga menindas anak cucu Rasulullah dan melanggar perintah Al-Quran.*
>
> *"Oleh itu, satu cara untuk menafsirkan hadis itu ialah dengan menerima bahawa dua belas Imam itu adalah dari Ahlulbait Rasulullah, kerana merekalah yang paling alim, paling takwa, mempunyai sifat-sifat yang paling baik, paling tinggi nasabnya dan lebih mulia pada sisi Allah. Ilmu-ilmu mereka diambil dari bapa-bapa mereka yang bersambung dengan datuk mereka iaitu Nabi Muhammad SAW."*

Demikian ulasan Syeikh Sulaiman al-Balkhi, seorang tokoh ulama terkemuka dalam mazhab Syiah, yang sama tinggi kedudukannya dengan Imam al-Bukhari bagi penganut Ahlus Sunnah wal Jamaah. Beliau mendakwahkan seluruh umat Islam dari semua mazhab agar menerima sahaja bulat-bulat pandangannya itu, tanpa perlu memikirkan benar atau tidaknya lagi. Dan kebetulan pula hingga ke hari ini, masih belum ada buku dari kalangan ulama Ahlus Sunnah yang mengupas secara mendalam pandangan Syeikh Sulaiman itu.

Lihatlah bagaimana *mudahnya* beliau menolak kepimpinan para Khulafa ur-Rasyidin, sedangkan mereka itu adalah para pemimpin yang sentiasa mendapat petunjuk, telah diredhai Allah, para penghulu di syurga kelak, dan sebaik-baik umat Islam yang ada di bawah kolong langit ini. Memang pun orang Syiah tidak mengiktiraf pemerintahan para Khulafa itu. Mengenai hadis yang didakwanya dari Nabi SAW, bagi kita Ahlus Sunnah, adalah hadis mauduk atau sangat palsu, tidak pernah diucapkan demikian oleh baginda SAW.

Dakwaan bahawa Imam mereka yang dua belas itu adalah orang dimaksudkan oleh hadis, adalah suatu yang menyalahi maksud hadis itu sendiri. Nabi SAW menyatakan bahawa mereka itu adalah **pemerintah** (Amir), bukan semata-mata **Imam**, dan dari keturunan Quraisy, tidak semata-mata dari Bani Hasyim. Imam dua belas yang didakwa Syiah itu tidak memenuhi kriteria hadis itu sendiri iaitu tidak semua mereka bertaraf Amir atau Khalifah yang memerintah umat Islam. Dari kalangan Imam Syiah yang dua belas itu, hanya Sayidina Ali KMW dan Sayidina al-Hasan RA yang pernah memegang jawatan sebagai Khalifah. Yang lain tidak diketahui oleh sejarah dunia bahawa mereka pernah menjadi Amir sepanjang hayat mereka.

Bagaimanapun, sebagai menjawab tulisan Syeikh Sulaiman al-Balkhi ini, sebuah kitab Ahlus Sunnah yang bernama **Aqaid Nasafiyah** menulis dengan katanya (terjemahannya) kira-kira begini:

> *"Selepas para nabi, yang paling afdhal di kalangan manusia ialah Abu Bakar as-Siddiq, kemudian Umar al-Faruq, kemudian Osman Zunnurain, kerana dia berkahwin dengan dua orang puteri baginda SAW, kemudian Ali, Radhiyallahu 'Anhum.*
>
> *"Khilafah mereka mengikut tertib ini, dan khilafah berlangsung selama 30 tahun, selepas itu*

timbul raja-raja dan amir-amir.

"Hendaklah imam muslimin itu zahir, bukan ghaib dinanti-nanti akan muncul, dan dia hendaklah dari kalangan orang-orang Quraisy; dan dia bukan hanya datang dari keturunan Bani Hasyim dan bukan hanya dari anak cucu Ali.

"Dan tidaklah syarat imam itu seseorang yang maksum, dan tidak disyaratkan dia itu merupakan peribadi terbaik pada sesuatu zaman itu."

Huraian penulis: Yang dimaksudkan dengan angka dua belas itu, memang bukan daripada Khulafa ur-Rasyidin. Sebabnya mereka hanyalah berempat sahaja. Tetapi mereka tidaklah boleh ditolak begitu sahaja, kerana mereka memang orang pilihan Allah. Juga bukan dari kalangan Bani Umaiyah kerana jumlahnya lebih dari dua belas. Bukan juga dari kalangan Bani Abbasiyah kerana jumlah mereka adalah jauh lebih banyak. Bukan juga dari kalangan Imam-imam Syiah kerana mereka yang disebutkan itu tidak pernah menjadi Khalifah atau memegang tampuk pemerintahan seperti yang dikehendaki oleh hadis di atas. Jadi, siapakah yang sebenarnya dimaksudkan itu?

Sebenarnya, yang dimaksudkan oleh Nabi SAW itu adalah kalangan pemerintah yang adil, yang naik secara hak dan sepenuhnya memerintah berdasarkan Sunnah Nabi SAW. Mereka mestilah khalifah atau amir yang mendapat petunjuk dalam pemerintahannya. Mereka tidak semestinya dari satu turutan sahaja dan pada satu-satu zaman sahaja. Boleh jadi, mereka itu berjauh-jauh zaman antara seorang dengan yang lain, berbeza-beza keturunan Quraisynya dan berlain-lain dinasti pemerintahannya.

Nabi SAW tidak pernah menyatakan bahawa mereka mestilah datang dari satu-satu kelompok sahaja atau dari satu keturunan sahaja seperti yang lazim kita fahami. Quraisy yang dimaksudkan itu adalah umum, bukan semata-mata milik Bani Hasyim, atau milik Bani Abbas sahaja, atau milik Bani Umaiyah sahaja, atau milik puak Alawiyin sahaja, atau milik Bani Tamim sahaja, atau milik Bani 'Adi sahaja.

Kesilapan ahli sejarah Islam ialah mereka terlalu dikongkong oleh pemerintah yang berdasarkan urutan naiknya, juga dikongkong oleh pemerintahan bani-bani, sehingga kerana itu, para Khulafa yang nyata-nyata amat adil itupun, turut ***terkeluar senarai*** daripada pemerintah yang disebutkan oleh baginda SAW. Akhirnya mereka menyerahkannya kepada Allah kerana mereka tidak mendapat petunjuk dari Allah dalam menentukan peribadi yang dimaksudkan oleh hadis itu. Kalau taraf hadis itu dijadikan ukuran, hadisnya memang sahih. Jadi, tiada siapa yang berani mendhaifkan hadis berkenaan.

Pemerintahan mereka adalah pemerintahan yang ***adil***, kerana jika mereka itu tidak adil, mustahillah Nabi SAW akan menyebut atau memasukkan mereka ke dalam jumlah yang amat sedikit itu. Jika berdasarkan demikian, marilah kita nilai semula pemerintah-pemerintah berikut, yang dirasakan dapat memenuhi kriteria adil seperti yang dikehendaki.

Penulis memasukkan semua nama itu, kerana yang demikian itu ada disebutkan oleh hadis-hadis, atau sekurang-kurangnya oleh para sahabat RA, bukan sekadar andaian semata-mata. Maknanya, nama mereka dan naiknya sebagai pemerintah telah disebutkan oleh Nabi SAW dan para sahabat RA dalam keadaan tercerai-cerai, satu persatu dan hakikat inilah yang gagal ditangkap maksudnya oleh para ulama dan sejarawan Islam itu.

1. ***Khalifah Abu Bakar as-Siddiq RA***. Baginda adalah khalifah yang pertama dan ditunjuk oleh baginda SAW secara tersirat. Beliau adalah sebaik-baik umat Nabi Muhammad SAW sepanjang

zaman. Datang dari keturunan Bani Tamim, iaitu dari kaum Quraisy. Naiknya sebagai pemerintah telah disebutkan oleh Nabi SAW secara umum, dan secara tersirat juga. Umurnya sama panjang dengan umur Nabi SAW.

2. ***Khalifah Umar bin al-Khattab RA***. Orang yang paling tinggi ilmu ketuhanannya di kalangan umat Islam dan merupakan Sahibul Zaman untuk zamannya. Datang dari Bani Adi, iaitu salah satu puak dari kaum Quraisy. Pelantikannya sebagai khalifah dibuat oleh sebaik-baik umat Muhammad SAW dan sudah dibayangkan oleh beberapa buah hadis. Umurnya juga sama panjang dengan umur Rasulullah SAW.

3. ***Khalifah Osman bin Affan RA***. Paling dermawan dan lembut hati kerana Allah. Datang dari Bani Umaiyah yang terkenal sebagai golongan pentadbir di kalangan puak Quraisy. Juga telah disebutkan naiknya sebagai pemerintah dan matinya sebagai syahid juga sudah disebutkan. Beliau adalah salah seorang yang dijamin syurga.

4. ***Khalifah Ali bin Abi Talib KMW***. Paling alim di kalangan umat Nabi Muhammad SAW. Sepupu Nabi SAW. Semestinyalah dari kaum Quraisy juga. Naiknya sebagai pemerintah memang sudah masyhur seantero alam, walaupun tanpa bantuan dari puak Syiah. Dari keturunan beliaulah lahirnya Imam Mahdi yang selalu disebut-sebut oleh orang ramai itu.

5. ***Sayidina Hasan bin Ali RA***. Amat minoriti sejarawan Islam yang memasukkan namanya sebagai Khulafa ur-Rasyidin kelima, selepas Sayidina Ali KMW. Tempoh pemerintahannya yang amat pendek itu menyebabkan namanya 'terkeluar' daripada senarai Khulafa ur-Rasyidin. Jika dimasukkan juga, masih tidak bercanggah dengan tempoh yang ditetapkan oleh hadis sahih yang menyatakan tempoh pemerintahan Khulafa ur-Rasyidin yang selama 30 tahun itu.

6. ***Sayidina Muawiyah bin Abu Sufian***. Merupakan sahabat Nabi SAW, walaupun lambat Islamnya. Diangkat sebagai salah seorang penulis wahyu. Datang dari Bani Umaiyah. Dan Bani Umaiyah itu memang salah satu suku yang terkenal di kalangan kaum Quraisy. Naiknya sebagai khalifah sudah disebutkan oleh Nabi SAW secara tersurat di hadapannya sendiri dengan disaksikan oleh Ummu Habibah RA. Beliau adalah tokoh sejarah yang amat kontroversi dan ramai ahli sejarah yang '***terluncur pena***' lalu mengutuknya dari segenap penjuru, sedangkan beliau adalah sahabat Nabi SAW juga. 'Perangainya' yang kurang dipersetujui oleh ahli sejarah sebenarnya adalah dari segi ijtihad politik sahaja, bukan dari segi agama. Ini perlu dibezakan dan diketahui baik-baik. Sayangnya, perkara inilah yang gagal diperhatikan dan gagal pula difahami oleh sejarawan sehingga mereka menerima sahaja riwayat-riwayat Syiah yang memburuk-buruk dan mengutuknya sehabis-habis hati.

7. ***Sayidina Abdullah bin az-Zubair RA***. Anak kepada Zubair bin Al-Awwam RA. Anak angkat kepada Ummul Mukminin Sayidatina Aisyah RA. Pemerintahannya cuma di Makkah tetapi naiknya sebagai pemerintah sudah disebutkan oleh para sahabat RA. Matinya sebagai syahid juga sudah disebutkan oleh mereka. Disayangkan, ramai ahli sejarah Islam dan pengkaji yang turut 'terluncur pena' dengan menyatakannya sebagai pemberontak kepada kerajaan Bani Umaiyah. Maka banyaklah riwayat batil mengenai dirinya diambil oleh para sarjana tanpa memeriksa betul tidaknya riwayat itu, dan tanpa mengira siapa peribadi yang mereka kutuk itu. Juga datang dari kalangan kaum Quraisy yang terkenal.

8. ***Khalifah Umar bin Abdul Aziz***. Lahir dari pertemuan dua khalifah berketurunan Quraisy iaitu dari keturunan Sayidina Umar al-Khattab RA yang datang dari suku Bani Adi dan dari keturunan Bani Umaiyah yang sedang memerintah ketika itu. Merupakan mujaddid kurun pertama, sekali gus yang memerintah. Itulah yang dikatakan sebagai Sahibul Zaman. Pemerintahannya memang adil walaupun hanya sekejap sahaja dan ini sudah tidak perlu dihuraikan lagi. Kealiman dan

kewarakannya amat menakjubkan hati seluruh umat Islam, sejak dahulu hinggalah ke hari ini. Banyak jasanya yang masih diamalkan oleh seluruh umat Islam di serata dunia hingga ke hari ini, dan ini menjadikan beliau seorang khalifah dan ilmuwan sejati yang mengagumkan. Ahli-ahli sejarah tidak jemu-jemu mengorek rahsia hidupnya, dan rahsia kejayaannya, tetapi mereka masih tidak menemui apa-apa.

9. ***Sultan Muhammad al-Fateh***. Walaupun bangsa Turkinya tebal, namanya sudah dinyatakan oleh hadis-hadis yang menyebutkan pembuka Kota Konstantinopel adalah oleh sebaik-baik raja, tenteranya adalah sebaik-baik tentera dan rakyatnya adalah sebaik-baik rakyat. Dikatakan bahawa ibunya adalah datang dari keturunan Quraisy walaupun sudah agak jauh Quraisynya. Beliau adalah raja yang berjiwa sufi, amat taatkan perintah Allah dan amat tawakal kepada Allah, dari segi zahir dan batinnya.

10. ***Syuaib bin Saleh at-Tamimi***. Beliau adalah Pemuda dari Bani Tamim yang terkenal itu. Tidak syak lagi beliau adalah dari keturunan Quraisy kerana demikianlah yang disebutkan oleh hadis-hadis. Malah dikatakan beliau adalah datang dari keturunan Sayidina al-Hasan RA. Pemerintahannya adalah adil kerana beliau adalah pembuka jalan bagi naiknya pemerintahan Imam Mahdi. Beliau adalah Sahibul Zaman yang bongsu, iaitu penutup bagi sekalian Sahibul Zaman.

11. ***Imam Mahdi, Muhammad bin Abdullah***. Sebaik-baik manusia pada zamannya dan salah seorang yang dijamin syurga. Memang dari keturunan Ahlulbait kerana telah disahkan oleh hadis-hadis. Naiknya sebagai pemerintah sudah sah, tidak syak lagi, dan beliau amat berhak ke atas jawatan itu atas banyak sebab.

12. ***Al-Qahtani***, pengganti Imam Mahdi selepas kewafatan Imam Mahdi kelak. Pelantikannya sebagai Khalifah sudah disebutkan di dalam hadis-hadis dan disebutkan juga bahawa pemerintahannya tidak jauh berbeza daripada pemerintahan Imam Mahdi. Pembantu kanannya adalah al-Makhzumi, dari keturunan Bani Tamim juga, sama seperti Imam Mahdi yang pembantu kanannya adalah Syuaib bin Saleh, Pemuda Bani Tamim.

Perlu diingat, Nabi Isa AS tidak boleh dimasukkan di sini kerana beliau bukan dari keturunan Arab, apatah lagi Quraisy. Nabi Isa AS adalah dari keturunan Bani Israel. Namun pemerintahannya memang adil, dan ini sudah dijamin oleh Allah dan baginda SAW sendiri. Sebabnya, Nabi Isa AS adalah seorang yang bertaraf rasul, bukan manusia biasa, malah adalah salah seorang Ulul Azmi, yang nyata amat tinggi tarafnya berbanding rasul-rasul biasa yang lain.

7. Imam Mahdi Menjadi Pemimpin Nabi Isa AS

A. Sabda Nabi SAW,

"Apakah yang akan kamu lakukan semasa Isa bin Maryam AS turun ke dunia sedangkan Imam kamu adalah dari kalangan kamu?"

(Al-Bukhari & Muslim)

B. Sabda Nabi SAW,

"Apakah keadaan kamu jika Isa bin Maryam AS turun sedangkan pemimpin kamu adalah dari kalangan kamu?"

(Al-Bukhari)

Ini adalah suatu penghormatan kepada Imam Mahdi kerana Nabi Isa AS menjadi salah seorang daripada rakyat yang dipimpinnya. Nabi Isa AS memang amat dihormati oleh sekalian umat Islam apabila turunnya nanti. Ini tidaklah hairan kerana baginda adalah seorang yang bertaraf rasul, malah rasul yang ***Ulul Azmi***, pernah diturunkan kepadanya ***Kitab Injil***, turunnya membawa mukjizat yang selama ini hanya didengar oleh kita sahaja, orang yang maksum zahir dan batin. Namanya dan nama ibunya diabadikan di dalam Kitab Suci al-Quran.

Malah Nabi Isa AS yang turun itu memperakukan kepimpinan Imam Mahdi dan taat pula kepada segala perintah Imam Mahdi, selaku ketuanya juga. Inilah yang dikatakan sebagai suatu penghormatan, bukan sahaja kepada Imam Mahdi sendiri, malah kepada seluruh umat ini.

Jika Rasulullah SAW, ketika peristiwa Israk dan Mikraj, sembahyang di Masjidilaqsa dilantik menjadi imam sekalian rasul dan nabi serta malaikat, itu tidaklah menghairankan sangat kerana Nabi SAW adalah penghulu sekalian mereka, dan dari kalangan rasul juga, bukan dari kalangan orang biasa. Imam Mahdi adalah dari kalangan orang biasa (bukan bertaraf nabi dan rasul), yang menjadi pemimpin kepada seseorang yang bertaraf rasul. Inilah keistimewaan Imam Mahdi yang paling besar bagi dirinya.

Lazimnya rasul pada setiap zaman, rasul itulah yang menjadi pemimpin manusia, apatah lagi rasul itu bertaraf Ulul Azmi, kerana memang rasul itu ditugaskan memimpin manusia, zahir dan batin, agama dan dunianya, mengenalkan dan membawa manusia kepada Tuhan yang Maha Esa. Imam Mahdi pada ketika itu memimpin manusia dari segi zahir dan batin, agama dan dunianya, manakala Nabi Isa AS berada di sisinya sebagai pembantu kanan dan sekali gus rakyatnya. Dari segi inilah yang dikatakan istimewa itu.

8. Imam Mahdi Adalah Imam Ghaib

A. Sabda Nabi SAW,

> *"Allah akan menzahirkan dari persembunyiannya, al-Mahdi yang (berasal) daripada kaum kerabatku sejurus sebelum tibanya hari kiamat, walaupun umur dunia ini hanya tinggal sehari sahaja. Dia akan memenuhkan bumi ini dengan keadilan dan kesaksamaan dan akan menghapuskan kezaliman dan penindasan."* (Imam Ahmad)

Mungkin didorong oleh hadis inilah yang menyebabkan puak Syiah dengan penuh yakin dan berani mendakwa bahawa Imam Mahdi mereka adalah **Imam Ghaib**, yang ghaib sejak kecil, sewaktu umurnya enam tahun (atau sembilan tahun) di sebuah gua di Samarra, utara Iraq hari ini.

Sebenarnya yang dikatakan ghaib itu ialah Imam Mahdi itu berada di alam wali iaitu sebuah alam yang dikhususkan untuk para wali berehat sejenak daripada kelesuan beribadat dan kepenatan bermujahadah. Imam Mahdi berada di sana dan mentadbir sekalian alam ini menerusi cara ghaibnya, secara kerohanian, di samping mempertingkatkan mutu ibadatnya kepada Allah. Beliau bukannya ghaib menurut cara ghaibnya Imam Mahdi orang-orang Syiah itu.

Apabila tiba masanya untuk beliau keluar, barulah dizahirkannya dirinya, iaitu mula-mula dilihat di Madinah, kemudian di Makkah, kemudian di Madinah kembali, sebelum seterusnya di Makkah semula, lalu dibaiat oleh orang ramai, pasukan tenteranya, para wali, jemaah haji dan penduduk dari serata dunia.

Hal ini sebenarnya amat sukar untuk diterima oleh para sarjana Islam, cendekiawan dan orang ramai. Hanya orang yang diberikan hidayah oleh Allah, para wali sendiri, para siddiqin dan pejuang kebenaran sahaja yang boleh dan mampu menerima kenyataan ini. Penolakan ini disebabkan mereka tidak mempunyai asas tasawuf yang baik yang membolehkan mereka menerima adanya alam wali yang ghaib itu. Mereka juga lebih mementingkan logik akal semata-mata. Maka kisah ini dimasukkan ke dalam kisah-kisah dongeng sahaja oleh mereka.

Memanglah akal kita yang '***sihat***' ini akan menolak mentah-mentah sesuatu yang di luar kemampuan akal kita untuk menerimanya. Juga kerana hal ini tidak pernah diberitahu oleh syarak secara tersurat, sama ada melalui firman-Nya ataupun sabda Nabi-Nya. Hanya orang yang diberikan hidayah sahaja yang mampu menerimanya dengan tenang.

9. Kekhalifahan Imam Mahdi Sudah Ditunjuk Oleh Nabi SAW

A. Dari Abu Said al-Khudri RA dari Nabi SAW bersabda,

"Di antara khalifah kamu adalah seorang khalifah yang mencurahkan harta-benda tanpa mengira-ngira."

(Muslim)

B. Dari Abu Hurairah RA berkata, Nabi SAW bersabda,

"Jika umur dunia ini tidak tinggal melainkan sehari sahaja, pasti akan dipanjangkan oleh Allah hari itu sehingga dia memerintah."

(At-Tarmizi)

C. Ibrahim bin Maisarah RH berkata,

"Aku bertanya kepada Tawus, "Adakah Umar bin Abdul Aziz itu Al-Mahdi?" Jawabnya, "Dia seorang (khalifah) yang mendapat petunjuk, tetapi bukannya Al-Mahdi kerana dia tidak memenuhi semua ciri-ciri keadilan."

Salah satu syarat untuk membuktikan seseorang itu adalah pemimpin yang benar-benar adil dan dipilih oleh Allah untuk memerintah manusia pada zamannya ialah naiknya sebagai pemimpin sudah pun ditunjuk oleh orang yang terdahulu daripadanya, sama ada oleh Rasulullah SAW sendiri, oleh para ulama terdahulunya atau para wali yang ada sejenak sebelum mereka lahir lagi.

Itulah tanda yang jelas bahawa pemimpin berkenaan adalah orang yang dilantik oleh Allah. Setiap orang Allah, kelahirannya sahaja sudah disebutkan oleh orang-orang yang terdahulu daripadanya. Dalam kes Imam Mahdi ini, orang yang menunjukkan kemunculannya adalah Rasulullah SAW sendiri. Oleh itu, naiknya Imam Mahdi sebagai pemimpin umat pada zaman ini adalah lebih **AULA** daripada naiknya mana-mana pemimpin melalui cara pilihan raya atau mana-mana sistem yang sedang kita gunakan.

Mana lebih patut kita dahulukan, melantik pemimpin yang dipilih oleh majoriti rakyatkah

atau melantik pemimpin yang dipilih oleh Allah SWT dan Rasulullah SAW, nabi kita? Jawapannya ada pada kita dan semua orang pun tahu. Jadi, apa yang mahu kita tunggu lagi?

10. Pemimpin Wajib Menzahirkan Keramat

A. Kata sahabat RA,

> *"Ada tanda-tanda yang diajukan kepada diri al-Mahdi. Lantas dia memberikan isyarat kepada burung, maka burung itu segera hinggap di atas tangannya. Kemudian dia memacakkan tongkatnya ke tanah, maka tongkatnya itu menghijau dan berdaun."*

Keramat atau dalam bahasa Arabnya, ***karomah***, bermaksud sesuatu yang luar biasa yang zahir dari tangan para wali Allah, dengan pintanya atau tidak, yang tidak didapati dengan dipelajari, tidak dapat pula diajarkan, dan tidak dapat dikalahkan, iaitu sebagai suatu kemuliaan dari Allah untuk para hamba-Nya yang Dia redhai. Taraf keramat adalah lebih rendah daripada mukjizat para rasul.

Tambahan lagi, adalah sesuatu yang jarang diketahui oleh kebanyakan umat Islam ialah bahawa keramat juga boleh berlaku kepada orang awam (umum muslimin) yang sedang berusaha mencapai jalan Ilahi, iaitu yang istiqamah dalam ibadatnya dan istiqamah menjauhi dosa. Dan sebenarnya itulah jenis keramat yang paling besar dan paling aula pada sisi Allah.

Hukum berlakunya keramat itu harus sahaja, iaitu jika berlaku atau tidak berlaku, sama sahaja. Kita juga boleh percaya kepada keramat atau tidak percaya. Tidak ada sebarang ketetapan. Zahirnya keramat itu pula dengan bermacam-macam tujuan dan dengan pelbagai cara, serta keluar dalam pelbagai bentuk yang tidak dapat difikirkan oleh mana-mana manusia.

Keramat boleh berlaku kepada mana-mana wali-Nya, sama ada ia berseorangan mahupun secara berkumpulan. Bagi kebanyakan wali, keramat boleh berlaku sama ada ketika dia masih **belum lahir** ke dunia ini lagi, semasa kecilnya, semasa besarnya, dan boleh berlaku **setelah kematiannya**, walaupun telah lama matinya. Mereka boleh menolong mana-mana mukminin yang terdesak, kecemasan, dizalimi musuh, atau diperangi oleh kaum kuffar.

Bagi wali yang berwatak nabi, keramat yang dikurniakan kepada mereka adalah harus sahaja, dan menunjukkannya kepada orang ramai juga adalah harus sahaja. Tetapi bagi para wali yang memegang tampuk kuasa dan memerintah sesebuah negara Islam, menzahirkan keramat di hadapan rakyat adalah suatu yang wajib pula, kerana mereka ini para wali yang berwatak rasul, bukan berwatak nabi.

Sebab itulah Imam Mahdi apabila zahir sebagai pemerintah kelak, akan dibekalkan dengan pelbagai keramat, sesuai dengan kedudukannya sebagai orang besar Allah, yang tinggi kedudukannya pada sisi Allah dan besar pula peranannya kepada seluruh umat Islam.

11. Mampu Mengumpulkan Semula Semua Bani Hasyim

A. Kata tabiin RH,

> *"As-Sufyani mengirimkan askarnya ke Madinah dan menyuruh agar membunuh setiap keturunan Bani Hasyim (yang dapat dijumpai), kemudian mereka menyerangnya. Bani Hasyim akhirnya bercerai-berai di (merata-rata) padang pasir dan di gunung-gunung. Apabila al-Mahdi*

muncul, mereka ini akan dikumpulkan semula."

As-Sufyani yang dimaksudkan di sini adalah puak Badwi Bani Saud yang berfahaman Wahabi. Mereka menghantar pasukan tenteranya dari kawasan padang pasir Riyadh untuk menyerbu Madinah dan Makkah. Kuasa pemerintahan autonomi di Makkah dan Madinah, dua buah kota suci Islam itu dirampas daripada kekuasaan Syarif Makkah yang berketurunan Bani Hasyim, lalu mengambil alih kuasa di Hijaz termasuk Makkah dan Madinah.

Antara arahan yang diberi oleh pemimpin Bani Saud itu ialah agar dibunuh sahaja keturunan Syarif Makkah dan Madinah, mana yang terjumpa oleh mereka. Jika lari, kejar dan tangkap, kemudian dihukum bunuh. Kerana itu, seluruh Bani Hasyim lari bercerai-berai ke merata pelosok kawasan yang dapat melindungi mereka daripada kejaran puak Wahabi itu.

Ada yang lari ke kawasan yang selamat di sekitar Tanah Arab itu juga seperti ke Yaman, Afrika, Jordan dan negara-negara Teluk. Itulah yang dimaksudkan dengan ***padang pasir***. Ada yang lari lebih jauh lagi seperti ke India, China, Eropah dan Asia Tenggara. Itulah yang dimaksudkan dengan ***gunung-gunung***.

Setelah Imam Mahdi muncul nanti, semua keturunan Bani Hasyim yang berpecah-pecah dan bercerai-berai itu akan keluar beramai-ramai lalu dikumpulkan semula kerana pada masa itu, tidak ada lagi ketakutan bagi mereka, dan semua keturunan Ahlulbait ketika itu sudah mendapat pembelaan sepenuhnya. Mereka juga akan dihormati semula oleh seluruh umat Islam seperti yang sepatutnya dilakukan, dan pernah dilakukan sebelum ini. Pemimpin manusia pun ketika itu adalah dari kalangan Ahlulbait sendiri, iaitu Imam Mahdi AS dan Syuaib bin Saleh at-Tamimi. Manusia pun sudah tidak berhajat lagi berperang antara sesama umat Islam, melainkan berjihad pada jalan Allah sahaja. Apatah lagi mahu memerangi keturunan Ahlulbait.

Amat benarlah ucapan tabiin berkenaan.

12. Imam Mahdi Adalah Penghulu Sekalian Mujaddid

A. Sabda Nabi SAW,

"Sesungguhnya Allah membangkitkan bagi umat ini, seorang mujaddid yang akan membaharui agamanya pada setiap awal seratus tahun." (Al-Hakim, al-Baihaqi, Ibnu Hajar, Abu Daud & al-Iraqi)

Telah diutuskan kepada umat Islam seramai tiga belas orang mujaddid. Mereka ini adalah pemimpin manusia yang berwatak nabi kecuali Khalifah Umar bin Abdul Aziz, yang sekali gus merangkap sebagai pemerintah. Tetapi di antara mereka ini, tidak seorang pun yang dapat kita katakan sebagai ketua mujaddid, dan tidak ada seorang pun yang melantik atau mengisytiharkan mana-mana antara mereka itu sebagai ketua mujaddid.

Oleh yang demikian, ketua mujaddid itu adalah orang yang paling awal sebutnya tetapi paling akhir keluar dan dilantik sebagai mujaddid, seperti halnya penghulu rasul-rasul adalah yang terawal sebutnya tetapi yang terakhir keluarnya di kalangan mereka. Ketua mujaddid ini adalah seorang yang sangat istimewa, seperti juga halnya Nabi Muhammad SAW adalah rasul yang sangat istimewa berbanding sekalian rasul yang pernah diutuskan kepada manusia. Dan sangat benarlah bahawa Imam Mahdi itu adalah penghulu sekalian mujaddid, sekali gus merupakan juga penghulu ***Sahibul Zaman***

bagi umat ini.

13. Orang Quraisy Adalah Khalifah, Pemimpin Manusia

A. Abdullah bin al-Huzail berkata,

> *"Ada sekumpulan orang dari kaum Rabiah berada di sisi Amru bin al-As, lalu salah seorang dari golongan Bakar bin Wail berkata, "Hendaklah golongan Quraisy berhenti (dari melakukan kezaliman, fasik dan derhaka semasa memerintah) atau Allah benar-benar akan menyerahkan urusan ini (pemerintahan) kepada (majoriti) bangsa Arab selain mereka."* Kemudian Amru bin al-As berkata, *"Kamu berdusta.* Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda, ***"Golongan Quraisy adalah pemimpin manusia dalam kebaikan (Islam) dan keburukan (Jahiliyah) sampai hari kiamat."***
> (At-Tarmizi)

B. Daripada Jabir bin Samurah RA, katanya, Rasulullah SAW bersabda,

> *"Agama ini akan terus berkuasa sehingga naik memerintah kamu seramai dua belas orang Amir (Khalifah), dan setiap manusia amat mencintai setiap mereka itu."* Kemudian aku mendengar Nabi SAW menyebutkan sesuatu yang aku tidak berapa jelas lalu aku bertanya kepada bapaku, *"Apa yang baginda sebutkan?"* Jawabnya, *"Mereka semua adalah dari kaum Quraisy."* (Abu Daud)

Hal ini sebenarnya telah pun disebutkan oleh baginda SAW dengan amat jelas. Walaupun pada zahirnya mereka bukanlah pemerintah yang terbaik, urusan agama dan umat ini akan tetap terbela selagi yang memerintah itu adalah dari kalangan kaum Quraisy. Hal ini sememangnya telah menjadi suatu sunnah bagi pemerintahan umat ini. Apabila hak pemerintahan itu dirampas daripada mereka, maka Islam pun turut dirampas oleh musuh dan menjadi semakin lemah.

Apabila mereka dijauhkan dari urusan pemerintahan oleh umat Islam, maka mereka pun dijauhkan pula daripada rahmat dan pertolongan-Nya. Apabila mereka membiarkan kaum Quraisy ini dari urusan pemerintahan, maka Allah pun akan membiarkan pula umat Islam daripada pembelaan-Nya, dan apabila umat Islam melupakan kaum Quraisy ini, maka Allah lupakan mereka dan membiarkan mereka dibantai oleh pihak musuh. Itulah yang sedang berlaku pada hari ini di seluruh dunia Islam.

Apa yang berlaku hari ini menjelaskan lagi kebenaran hadis di atas. Kaum Quraisy bukan sahaja tidak diberikan apa-apa jawatan dalam pentadbiran, malah ramai yang dihalau keluar dari tanah tumpah darah mereka. Akhirnya mereka terpaksa merantau membawa diri, untuk mengelakkan tekanan dan penyeksaan dari pihak berkuasa yang memerintah negara mereka. Segala jasa dan sumbangan mereka kepada dunia Islam sejak dahulu dipejamkan mata sahaja oleh semua pemerintah, terutama pada hari ini, seolah-olahnya puak Quraisy tidak pernah berjasa apa-apa pun kepada dunia Islam sebelum ini. Yang lebih teruk, ada kalangan umat Islam yang terpengaruh dengan dakyah pihak kafir Barat dengan beranggapan bahawa orang-orang Arab, termasuklah puak Quraisy adalah puak yang ganas dan militan dalam tindakan, dan terburu-buru dalam setiap tindakan mereka.

Pemimpin-pemimpin yang ada hari ini merasakan mereka cukup layak untuk memerintah dunia, dan bangsa Quraisy tidak cukup layak untuk memerintah. Mereka seperti terlupa bahawa Rasulullah SAW sudah menyebutkan kelebihan bangsa Quraisy dalam soal pemerintahan dan Islam. Mereka juga seolah-olah tidak pernah tahu bahawa di dalam al-Quran sendiri ada satu surah yang dinamakan sempena nama bangsa Quraisy. Kelebihan bangsa Quraisy seperti inilah ***yang dilupakan*** oleh para pemerintah, dan para ulamanya pula seperti tidak tahu-menahu tentang ada satu surah di

dalam al-Quran. Kalau ***tahu*** pun, huraian dan tafsirannya mereka tidak berapa tahu.

Imam Ahmad bin Hanbal RH dalam kitab musnadnya meriwayatkan hadis berikut, yang secara langsung menyebutkan kepentingan kaum Quraisy dijadikan pemimpin umat Islam.

"Para pemimpin itu adalah daripada suku Quraisy. Sesungguhnya mereka mempunyai hak ke atas kamu dan kamu juga mempunyai hak yang sama ke atas mereka. Selagi mereka mengasihani kamu, maka kasihanilah mereka. Jika kamu berjanji dengan mereka, tepatilah (janji itu) dan jika menghukum, berlaku adillah. Maka jika mereka tidak berbuat hal yang demikian dari kamu, maka laknat Allahlah ke atasnya, para malaikat dan manusia sekaliannya."

(Imam Ahmad)

Selain itu, Abu Hurairah RA berkata, Rasulullah SAW bersabda,

"Manusia itu (hendaklah) mengikut orang-orang Quraisy dalam urusan pemerintahan. Setiap orang Islam hendaklah mengikut (pemimpin) yang Islam di kalangan mereka dan orang-orang kafirnya mengikut (pemimpin) yang kafir juga di kalangan mereka."

(Al-Bukhari)

Muawiyah bin Abi Sufian RA berkata, Rasulullah SAW bersabda,

"Orang-orang Quraisy adalah pemimpin manusia, dalam hal kebaikan mahupun dalam hal keburukan sampailah ke hari kiamat."

(At-Tarmizi)

Hadis-hadis ini dan banyak lagi yang tidak dimasukkan di sini, menunjukkan perlunya seorang pemimpin yang berketurunan Quraisy untuk membawa umat Islam ke mercu kegemilangan, seperti yang pernah berlaku pada zaman Nabi SAW dan zaman Khulafa ur-Rasyidin dahulu. Hadis-hadis di atas tidak menafikan hadis-hadis lain yang menyebut bahawa orang bukan Quraisy pun boleh memerintah. Perlu difahami betul-betul bahawa kepemimpinan orang yang bukan Quraisy adalah untuk urusan yang bukan bersifat keimanan tulen seperti pada zaman Rasul dahulu. Mereka ini tetap sah sebagai pemimpin, cuma Islam tidak menjamin bahawa pemimpin bukan Arab ini akan mampu memerintah dengan penuh adil dan mendapat petunjuk Allah.

Dalam hal ini, ada beberapa buah hadis yang menyebutkan keharusan mengangkat orang yang bukan Arab Quraisy sebagai pemimpin, antaranya adalah,

A. Sabda Nabi SAW,

"Kamu semua dengarlah dan taatilah walaupun yang memimpin kamu itu seorang hamba Habsyi, seolah-olah di atas kepalanya ada wangian kasturi."

(Al-Bukhari)

B. Kata Sayidina Umar RA,

"Sekiranya Salim, hamba Abu Huzaifah masih hidup, pasti akan kuangkatkannya sebagai pemimpin, kerana aku takut datang kepadaku tuduhan orang."

(Imam Ahmad)

14. Manusia Hidup Sangat Aman

A. Kata tabiin RH,

> *"Panglima perang al-Mahdi adalah orang yang paling terpilih. Penolong dan pembaiat al-Mahdi adalah penduduk Kufah, Yaman dan para Wali Abdal dari Syam. Yang berada di hadapan al-Mahdi adalah Jibril dan Mikail. Dia sangat dicintai oleh makhluk, kepemimpinannya mampu menyelesaikan masalah bencana yang sedang menjadi-jadi, penduduk bumi berasa aman tenteram sehinggakan lima orang wanita dapat melakukan ibadat haji dengan (penuh aman) tanpa seorang pun muhrim (yang mengawal). Mereka tidak berasa takut (terhadap apa pun sepanjang perjalanan dan semasa mengerjakan haji) melainkan kepada Allah."*

Ucapan tabiin ini menceritakan dengan jelas beberapa perkara mengenai Imam Mahdi dan keadilan pemerintahannya, yang antaranya adalah seperti berikut:

1. Perakuan daripada Nabi SAW sendiri bahawa pemimpin perang Imam Mahdi adalah dari kalangan orang-orang yang amat terpilih, seperti terpilihnya para sahabat RA dahulu semasa **Perang Badar** Kubra. Hal ini diakui sendiri oleh Rasulullah SAW, rasul kita yang amat dicintai itu. Mereka ini sanggup menentang arus jahiliyah yang amat dahsyat melanda seluruh dunia, sedangkan jumlah mereka amatlah sedikit, cuma 314 orang sahaja, sedangkan jumlah seluruh manusia di dunia pada hari ini mencecah angka berbilion-bilion.
2. Penolong Imam Mahdi adalah yang seramai tiga ratus empat belas orang, yang dipanggil **Al-Ikhwan**. Dari kalangan Ikhwan ini, empat puluh orang daripadanya dipilih sebagai pemimpin, dipanggil sebagai **Ar-Rufaqak**. Dari kalangan Ar-Rufaqak itu, ada dua puluh lima orang lagi yang lebih terpilih, dipanggil **At-Talakan**. Dari kalangan At-Talakan itu, terpilih lagi sepuluh orang yang paling utama di kalangan Ikhwan itu, yang dipanggil **Al-Hawariy**. Mereka ini semuanya akan membaiat Imam Mahdi sebagai orang kanannya. Mereka datang dari 'Kufah', iaitu dari Timur, bukan Kufah sebenar yang berada di Iraq itu. Dikatakan Kufah kerana mereka sebelum datang ke Makkah, singgah dan berehat di Kufah seketika, serta berperang dengan tentera as-Sufyani di sekitar Kufah. Maka kerana itu, mereka pun dipanggil oleh hadis Rasulullah SAW sebagai 'Penduduk Kufah.'
3. Pembaiatnya adalah juga penduduk Yaman, iaitu yang datang dari sebelah utara Afrika. Juga para **wali abdal** yang datang dari Syam, jumlahnya empat puluh orang lelaki dan empat puluh orang wanita.
4. Malaikat Jibril dan Mikail turut berada bersama-sama dengan Imam Mahdi, membantunya melaksanakan hukum-hukum Islam, memerangi musuh-musuh Islam dan melawan Dajjal. Malaikat Jibril akan sentiasa berada di kanan Imam Mahdi manakala malaikat Mikail akan sentiasa berada di sebelah kiri Imam Mahdi. Kedua-duanya sentiasa membantu Imam Mahdi atas perintah daripada Allah SWT sendiri.
5. Imam Mahdi sangat dicintai oleh sekalian makhluk di bumi dan di langit termasuk para malaikat dan haiwan. Tidak ada suatu pun makhluk yang bernyawa di atas muka bumi ini, melainkan semuanya mencintai Imam Mahdi. Hanyalah orang-orang munafik, orang-orang Yahudi, iblis, syaitan-syaitan dan jin-jin kafir sahaja yang tidak menyukai Imam Mahdi.
6. Bumi menjadi aman, keberkatan dipulihkan dan hidup penuh aman.
7. Tiada lagi ketakutan kerana manusia secara lazimnya ketika itu sudah menjadi orang yang baik-baik dan sangat taat kepada Allah. Mereka juga amat takutkan azab neraka di akhirat kelak.

Keadaan Dunia Sebelum Beliau Dizahirkan

1. Dunia Diperintah oleh Bukan Orang Quraisy

A. Abu Hurairah RA berkata, Rasulullah SAW bersabda,

*"Malam dan siang tidak berlalu (kiamat tidak akan datang) sehingga seorang hamba sahaya menjadi pemimpin manusia yang dipanggil **Jahjah**."*

(At-Tarmizi)

Pada hari ini, orang Quraisy tidak lagi dijadikan pemimpin mereka oleh umat Islam, termasuklah tidak langsung dijadikan pemimpin agama. Maksud hadis ini ialah di Tanah Arab sendiri. Manusia juga sibuk menjadikan ***orang lain*** sebagai ketua dan pemimpin mereka. Ramai yang menjadi pemimpin hari ini adalah datang dari golongan orang bawahan atau bukan dari golongan pentadbir yang selayaknya seperti:

1. Bukan dari anak-anak bangsawan kaum Quraisy.
2. Bukan juga dari kalangan orang-orang biasa kaum Quraisy.
3. Datang dari kalangan anak-anak hamba sahaya.
4. Datang dari golongan bawahan seperti anak-anak buruh kasar, kuli dan sebagainya.
5. Datang dari golongan yang keturunannya tidak pernah menjadi pemerintah atau ketua.
6. Datang dari keturunan yang rendah akhlaknya dan rendah pemikirannya.
7. Datang dari keturunan orang-orang yang rendah agamanya dan rendah pula penghayatan agamanya.

Berdasarkan sejarah, memang sejak beberapa lama dahulu pun memang telah ada golongan hamba yang menjadi pemerintah umat Islam, begitu juga golongan yang berasal dari golongan bawahan.

Selain itu, mereka juga memakai bermacam-macam gelaran untuk menunjukkan kebesaran dan kemuliaan yang sedang dikecapinya. **Jahjah** di sini bermaksud gelaran yang mulia bagi mereka itu. Sesiapa yang datang berjumpa dengan mereka, hendaklah memanggil atau menyapanya dengan gelaran kebesaran itu. Jika tidak demikian, permintaan orang itu tidak akan dilayannya. Jika di Malaysia sekarang ini, jika seseorang itu tidak mendapat pingat yang membawa gelaran di hadapan namanya, menjadi suatu keganjilan pada mata masyarakat. Lihatlah para menterinya, semuanya mempunyai pangkat yang dikurniakan oleh mana-mana sultan atau raja.

2. Keadaan Dunia Yang Huru-hara

A. Abu Said al-Khudri RA berkata, Rasulullah SAW bersabda,

"Dunia ini akan dipenuhi oleh kezaliman dan penyelewengan. Ketika itulah seorang lelaki dari

kaum kerabatku akan muncul dan memerintah dunia. Dia akan memenuhkan bumi ini dengan keadilan dan kesaksamaan, (tempoh pemerintahannya) selama tujuh atau sembilan tahun."
(Imam Ahmad)

Huru-hara yang dimaksudkan di sini bukanlah semata-mata peperangan. Huru-hara akibat kerosakan akhlak adalah lebih teruk lagi, dan berpanjangan pula. Sebab itulah dikatakan huru-hara, bukan peperangan. Semua ini berlaku akibat manusianya sudah tidak mengenal Tuhan, tidak sayang kepada Tuhan, meninggalkan Tuhan, sangat haloba akan dunia yang sementara ini, mengejar dunia sungguh-sungguh, berebut-rebutkan dunia ini, dan sangat takutkan mati terutama mati syahid. Kesan daripada itu, timbullah pelbagai masalah dalam diri dan masyarakat, seterusnya merebak ke seluruh negara, dan akhirnya sampai ke seluruh dunia. Dan Allah SWT yang Maha Penyayang tidak akan membiarkan hal ini berterusan. Ketika manusia sedang teruk hanyut itulah diturunkan ***orang-Nya*** untuk memulihkan kemanusiaan yang telah hilang, dan mengembalikan semula manusia kepada Tuhan.

Imam Mahdi adalah seorang pemimpin yang berjiwa tauhid kepada Allah SWT. Pemimpin yang sebenar sepatutnya adalah pemimpin yang paling bertakwa kepada Allah SWT berbanding dengan rakyatnya kerana melalui seorang pemimpin yang bertakwa sahajalah pertolongan Allah akan diturunkan secara terus kepada pemimpin berkenaan, seluruh negara dan seluruh rakyat yang berada di bawah pemerintahannya. Rakyat akan terasa benar betapa nikmatnya duduk bernaung di bawah seorang pemimpin yang amat bertakwa.

Seorang pemimpin yang bertakwa juga akan menyebabkan seluruh rakyatnya berusaha mempertingkatkan taraf takwa masing-masing kepada Allah. Ini mudah difahami kerana mereka sudah mendapat contoh yang benar-benar dapat diikuti secara realiti, bukan semata-mata cakap-cakap, kempen-kempen atau slogan-slogan sahaja. Perbandingan paling mudah ialah pada hari ini para pemimpinnya (di mana-mana jua di seluruh dunia) sibuk mencari dan mengumpulkan harta benda sebanyak-banyaknya, maka rakyat jelata juga kita lihat sibuk mencari dan mengumpul harta benda sebanyak-banyaknya. Itulah yang berlaku pada hari ini dan dapat kita saksikan di mana-mana pun dan pada bangsa mana pun.

Seorang pemimpin yang bertakwa akan dimampukan membawa keamanan dan kesejahteraan kepada seluruh rakyatnya. Apabila sang pemimpinnya sendiri adalah orang yang paling baik akhlaknya, maka rakyatnya juga akan berusaha menjadikan diri mereka sebagai orang-orang yang bertakwa. Jika tidak pun mereka akan menjadi orang-orang yang soleh dari segi amalan dan akhlaknya. Paling-paling kurang pun mereka akan menjadi orang-orang Islam yang baik-baik akhlaknya dan tidak akan menimbulkan sebarang masalah kepada negara dan pemimpin yang memerintah mereka. Masalah sosial yang sedang kronik melanda seluruh negara dan rantau juga akan menjunam grafnya hingga ke taraf zero percent hanya dalam masa yang amat singkat.

Ini semua boleh berlaku dan akan berlaku dikeranakan pemimpinnya adalah orang yang paling baik imannya, paling bertakwa kepada Allah dan paling baik akhlaknya. Maka pada ketika itu, Allah akan campakkan ke dalam hati setiap rakyatnya rasa malu untuk melakukan maksiat, biar pun hanya berseorang diri tanpa disaksikan oleh sesiapa pun. Semakin lama pemimpin yang bertakwa itu memerintah, semakin tebal rasa malu mereka untuk melakukan maksiat itu, yang sebelumnya selalu mereka buat tanpa sebarang rasa malu dan kesal, malah sesetengahnya amat bangga pula kerana dapat melakukannya.

Selain itu, mereka juga akan dihantui rasa bersalah yang amat sangat jika mereka melakukan kesalahan atau maksiat atau penderhakaan. Pada hari ini, rakyat jelata melakukan kesalahan, dosa, maksiat, penderhakaan dan sebagainya tanpa rasa bersalah. Ada yang berasakan mereka wajib menentang pemerintah mereka secara terus terang, berterusan dan dengan cara yang sama zalim.

Kononnya mereka mahu menegakkan keadilan, tetapi mereka menggunakan cara yang zalim untuk menundukkan kezaliman. Maknanya kezaliman dihapuskan dengan cara yang zalim atau menggunakan kezaliman untuk menundukkan kezaliman. Apakah itu tuntutan Islam? Siapa yang pernah menggunakan cara itu pada zaman salaf dahulu? Mana ayat al-Qurannya atau hadisnya yang mereka gunakan untuk menghalalkan kaedah itu?

Setiap kali mereka melakukan kesalahan, hati mereka akan merasakan amat bersalah dan selalu dihantui oleh rasa bersalah itu. Semakin lama perbuatan salah dan dosa itu mereka biarkan tanpa bertaubat, akan semakin besar dirasakan kesalahan itu pada hati mereka sehingga mengganggu kerja-kerja harian mereka dan ketenteraman hati mereka. Akhirnya kesalahan yang satu itu akan dirasakan seperti gunung yang sentiasa berasa di atas kepala mereka yang boleh sahaja jatuh menghempap kepala mereka. Itulah yang dimaksudkan oleh hadis yang menyebutkan demikian.

3. Banyak Perbalahan dan Gempa Bumi Dahsyat

A. Sabda Nabi SAW,

"Al-Mahdi akan muncul bersamaan dengan suasana dunia yang penuh dengan perbezaan pendapat (mengenai pelbagai perkara, termasuk mengenai kemunculan Imam Mahdi itu sendiri, hadisnya sahih atau tidak, benar-benar muncul atau tidak) dan digoncang dengan gempa bumi yang sangat dahsyat." (Imam Ahmad)

B. Sayidina Ali KMW berkata,

"Ujian yang menimpa ada empat jenis, ujian kegembiraan, ujian kesakitan, ujian harta benda, kemudian seorang lelaki datang yang berasal dari ahli keluarga Nabi SAW, dan Allah akan membaiki hubungan antara manusia melalui tangannya."

C. Dari Ali bin Ali al-Hilali RA berkata,

Aku masuk ke tempat Nabi SAW semasa baginda sedang sakit, sebelum baginda wafat dan mendapati Fatimah RA duduk di sisi kepalanya, sedang menangis. Rasulullah SAW membuka matanya dan bertanya, *"Wahai Fatimah, kenapa engkau menangis?"* Jawab Fatimah, *"Aku takutkan kehilanganmu."* Lantas baginda SAW bersabda, *"Tidakkah kamu tahu bahawa Allah yang Maha Besar dan Maha Pemurah melihat ke bumi sekali dan memilih bapamu dan mengutusnya dengan membawa agama-Nya. Kemudian Dia melihat sekali lagi ke bumi dan memilih suamimu dan mewahyukan kepadaku agar aku mengahwinkannya denganmu. Wahai Fatimah, kita adalah Ahlulbait dan Allah memberikan kepada kita tujuh kelebihan yang tidak pernah diberikan kepada sesiapa pun sebelum ini. Dia mengutuskan aku dengan membawa kebenaran, di kalangan mereka adalah al-Mahdi untuk umat ini. Apabila dunia ini dipenuhi oleh pembunuhan dan penzaliman, bencana bertambah, jalan-jalan disekat, manusia menyerang satu sama lain, yang tua tidak menyayangi yang muda, yang muda tidak menghormati yang tua, (maka pada ketika itulah) Allah yang Maha Besar lagi Maha Pemurah, pada akhir zaman, akan menghantar kepada mereka seseorang yang akan menguraikan segala kekusutan dan membuka hati-hati yang telah termateri dan memperbaharui agama-Nya seperti yang aku lakukan pada awalnya. Dan dia akan memenuhkan dunia ini dengan keadilan seperti sebelumnya yang dipenuhi dengan penindasan."*
(Abu Nuaim)

D. Sabda Nabi SAW,

"Aku membawakan berita gembira untuk kamu mengenai Al-Mahdi. Dia akan diutuskan ketika manusia sedang sangat menderita dan banyak berlaku gempa bumi."

E. Sabda Nabi SAW,

"Pada akhir zaman nanti, ada ujian-ujian berat daripada pemerintah kamu yang akan menimpa umatku, yang ujian itu dahsyatnya tidak pernah kamu saksikan sebelumnya. Bumi yang luas ini menjadi kecil pada mereka, dan bumi ini akan dipenuhi dengan penindasan dan kezaliman, hinggakan orang-orang yang beriman tidak mempunyai seorang pun pembantu daripada bahayanya. Maka Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Perkasa akan menghantar seorang lelaki daripada ahli keluargaku yang akan memenuhkan dunia ini dengan keadilan dan kesaksamaan, seperti sebelumnya yang dipenuhi dengan penindasan dan kezaliman. Seluruh penduduk langit dan bumi akan redha terhadapnya. Bumi ini tidak akan meinggalkan sedikit pun tumbuh-tumbuhan melainkan akan dikeluarkannya. Langit juga tidak akan meninggalkan sedikit pun hujannya melainkan diturunkannya selebat-lebatnya. Dan dia akan hidup di kalangan mereka selama tujuh, lapan atau sembilan tahun, sehingga yang hidup amat berharap orang-orang yang telah mati hidup semula untuk sama-sama menikmatinya. Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Perkasa akan menurunkan keberkatan kepada seluruh penduduk bumi pada ketika itu."

Ada beberapa peristiwa besar yang akan berlaku, sejurus sebelum Imam Mahdi muncul ke dunia ini. Dan tanda-tanda itu sebenarnya merupakan tanda-tanda kemunculan Imam Mahdi ke dunia. Dan berdasarkan laporan berita di semua media pada hari ini, kita dapati semua tanda yang dimaksudkan oleh hadis itu sedang berlaku, satu demi satu, dan dari semasa ke semasa. Sehubungan itu, bolehlah pula kita katakan bahawa zaman ini sebenarnya adalah zaman **Era Mahdi**. Sekarang ini, kita hanya menantikan saat kemunculan manusia paling bertuah ini, di hadapan mata kita. Jika kita sempat bertemu dengannya, maka kita sebenarnya adalah orang-orang yang sangat beruntung kerana dapat bertemu dan menjadi pengikut kepada Imam Mahdi.

Oleh itu, marilah kita sama-sama membanyakkan berdoa kepada Allah SWT agar disegerakan-Nya kemunculan Imam Mahdi yang sangat dinanti-nantikan itu. Ingat, orang-orang Syiah juga banyak berdoa semoga Imam Mahdi mereka segera muncul, walhal kita tahu bahawa Imam Mahdi mereka itu sudah pasti tidak akan muncul selama-lamanya. Maka kita yang percaya dan yakin bahawa Imam Mahdi kita akan muncul, hendaklah sungguh-sungguh berdoa kepada Allah SWT agar Imam Mahdi itu segera muncul.

Daripada empat buah hadis dan sebuah asar di atas, disebutkan sebanyak **tujuh belas** perkara yang akan berlaku, tidak lama sebelum Imam Mahdi muncul. Rasa-rasanya, sepanjang pengetahuan penulis, semua tujuh belas perkara yang disebutkan itu sudahpun berlaku, di negara kita dan di beberapa buah negara Islam lain. Kerana itu, penulis bertambah yakin akan kebenaran isi hadis-hadis ini, dan bertambah yakin pula bahawa Imam Mahdi itu akan benar-benar muncul.

4. Manusia Meninggalkan Tuhan

A. Kata Sayidina Ali KMW,

"Sungguh, seorang lelaki daripada keturunanku akan datang ketika hampir kiamat nanti (yang

pada ketika itu) hati orang yang beriman mati, seperti matinya jasad mereka akibat bala, kelaparan, pembunuhan, ujian yang berat, peperangan yang hebat, pupusnya sunnah, tersebarnya bidaah, susahnya mencari rezeki yang halal dan tersebarnya harta-harta haram. Maka melalui Al-Mahdi, Muhammad bin Abdullah, Allah akan menghidupkan semula sunnah yang telah mati, dan dia diredhai kerana keadilannya, manakala hati orang-orang yang beriman merahmatinya. Orang-orang Arab dan Parsi akan bersatu melaluinya, lalu dia memerintah selama beberapa tahun, lalu meninggal dunia."

Ada dua sebab utama dan beberapa sebab sampingan yang menjadi punca manusia meninggalkan Tuhan. Sebab pertama ialah kerana pupusnya ulama hakiki, yang berjiwa tauhid, yang berhati sufi, yang berakhlak nabi, yang berakidah salafus saleh. Apabila golongan ini pupus, manusia akan mengikut orang-orang yang mengutamakan hawa nafsu dan dunia, kerana golongan inilah yang akan mula-mula menonjol setelah kepupusan golongan ulama hakiki. Akibatnya, manusia melupa dan meninggalkan Tuhan, dan mengikut golongan yang sesat itu. Golongan ulama yang ada, sungguhpun bilangannya cukup ramai, langsung tidak berupaya membawa hati manusia untuk mendekati Tuhan. Memanglah mustahil mereka dapat membawa hati manusia mendekat kepada Tuhan, sebab hati mereka sendiri pun amat jauh daripada Tuhan dan merasakan bertuhan. Allah SWT sendiri pun tidak mahu mendekati hati golongan ulama zahir ini, sebab hati mereka terlalu kotor, penuh penyakit dan amat keras. Sebab itu pertolongan terus daripada Allah tidak turun kepada manusia, kerana hatinya tidak ada kait-mengait langsung dengan Allah.

Sebab kedua manusia meninggalkan Tuhan ialah kerana golongan pemerintah yang ada gagal menunjukkan jalan yang benar untuk manusia mengetahui, mengenali, mendekati, mencintai dan merindui Tuhan. Mereka takut jika manusia mencintai Tuhan, rakyat akan meninggalkan pemerintah dan meninggalkan dunia yang sia-sia. Jangkaan mereka ini amat silap, kerana apabila seseorang itu sudah mencintai Tuhan sepenuh hati, seluruh hidupnya akan ditumpukan kepada Allah semata-mata. Masalah jenayah tidak lagi berlaku, masalah sosial juga tidak berlaku, masalah ekonomi tidak timbul, pemerintah tidak pening kepala, pemerintah tidak sibuk-sibuk tak tentu hala, masyarakat jadi baik dan seterusnya.

Apabila pemerintah sendiri gagal menunjukkan Tuhan kepada rakyatnya, maka mereka terpaksa menanggung terlalu banyak kesusahan, kepayahan, kesibukan, kepeningan dan bermacam-macam ***ke…an*** lagi seperti yang dapat kita lihat dan saksikan pada hari ini. Semuanya ini berpunca daripada kegagalan pihak pemerintah membawa hati orang ramai kepada Tuhan mereka.

Seperti yang disebutkan, apabila keadaan ini berlaku, Allah SWT akan menurunkan seorang kekasih-Nya yang amat terpilih di kalangan umat ini untuk membetulkan hati-hati manusia yang telah sangat rosak itu, sehingga akhirnya hati mereka menjadi satu kembali setelah sebelumnya sekian lama retak seribu. Tidak ada orang lain yang dinyatakan berupaya membetulkan hati manusia seluruhnya melainkan beliau seorang sahajalah yang diberikan kemampuan. Orang lain, walau sehebat manapun peribadinya, tetap tidak akan diberi keupayaan oleh Allah. Sebabnya, hati orang itu sendiri pun amat jauh daripada Allah dan pada satu-satu zaman, hanya seorang sahaja yang Allah wakilkan untuk mentadbir bumi ini seluruhnya. Hanya orang Allah sahaja yang akan Allah bantu dalam urusan pemerintahannya. Yang bukan orang Allah, tidak sekali-kali akan diberikan bantuan oleh Allah.

5. Yang Haram Dihalalkan

A. Kata sahabat RA,

"Al-Mahdi tidak akan muncul sebelum berlakunya suatu masa di mana semua perkara yang haram dianggap halal. Kemudian dia diserahi jawatan Khalifah, sedangkan ketika itu dia sedang berada di rumah. Dan dia adalah sebaik-baik penduduk bumi (pada ketika itu)."

Sudah jelas berlaku, tepat seperti yang disebutkan, iaitu satu lagi tanda akan muncul Imam Mahdi ialah apabila yang haram dianggap halal. Apabila yang haram dianggap halal, maka yang halal pula akan dianggap haram. Itu sudah menjadi suatu tabii kehidupan beragama. Setiap yang halal itu jelas hukumnya, dan setiap yang haram juga jelas hukumnya. Tidak perlu takwil-takwil lagi. Hanya yang syubhat sahaja yang perlu berhati-hati kerana ditakuti menjadi haram atau sebenarnya merupakan sesuatu yang haram.

Namun, rupa-rupanya perkara yang sudah tetap dan jelas hukumnya haram pun, pada akhir zaman ini, dapat dihalalkan juga. Bagaimana perkara yang sebesar ini boleh bertukar hukumnya? Tidakkah itu suatu perkara yang amat pelik dan melawan arus? Sungguhpun perkara ini amat besar dan amat sukar berlaku, rupa-rupanya pada akhir zaman ini semuanya boleh berlaku. Perkara yang sudah muktamad hukumnya, dapat dihalalkan juga. Dan seperti yang kita ketahui sehingga kini, sudah ada beberapa perkara yang sebelumnya dihukumkan haram kerana hukum asalnya haram, sudah dapat dihalalkan. Dan lebih ganjil lagi, perkara yang hukum asalnya halal dan muktamad halalnya, hari ini sudah dapat diharamkan dan ditukar hukumnya kepada haram.

Sebenarnya, tanda-tanda ini apabila berlaku, menunjukkan sudah amat dekat dengan masa keluarnya Imam Mahdi ke dunia ini. Dan tidak syak lagilah, bahawa inilah zamannya dan inilah masanya untuk beliau menzahirkan dirinya ke tengah-tengah masyarakat Islam. Seterusnya beliau akan memimpin seluruh manusia kepada jalan yang benar dan tepat mengikut sunnah Rasulullah SAW.

Hujung asar ini menyebutkan bahawa Imam Mahdi adalah sebaik-baik manusia yang ada di atas bumi ini pada ketika itu. Penyataan ini sekali gus menguatkan lagi maksud hadis Rasulullah SAW yang menyebutkan demikian. Penyataan yang berulang-ulang ini menyatakan bahawa Imam Mahdi tidak syak lagi adalah orang pilihan Allah SWT untuk kita yang hidup pada akhir zaman ini.

6. Pemerintahan Kuku Besi (Diktator)

A. Daripada Huzaifah RA katanya, telah bersabda Nabi SAW,

"Berlindunglah kamu semua daripada raja-raja yang bersifat kuku besi. Kenapa mereka membunuh dan membuatkan orang-orang yang beriman merasa takut sedangkan mereka telah mentaatinya? Dan para mukmin ini telah disakiti dengan lidah dan ditanggung sahaja oleh hati mereka. Apabila Allah berkehendak mengembalikan semula Islam, Dia akan memusnahkan setiap pemerintah yang zalim. Dia amat berkuasa melakukan apa sahaja dan mampu pula mengubah sesuatu bangsa selepas kejatuhannya. Wahai Huzaifah, kalaulah tidak tinggal umur dunia melainkan sehari sahaja, Allah pasti akan memanjangkan hari itu sehingga seorang lelaki dari ahli keluargaku naik memerintah dan ***Malhamatul Uzma*** *berlaku semasa pemerintahannya, dan agama Islam akan tersebar luas. Allah tidak pernah memungkiri janji-Nya dan hisab-Nya amat cepat."*

Daripada hadis yang diriwayatkan oleh Huzaifah RA ini, beberapa perkara penting dapat kita ambil pemgajaran dan penghayatan daripadanya, antaranya:

1. Berlindung daripada pemerintah yang bersifat kuku besi. Elakkan diri daripada tinggal di kawasan yang paling dekat dengan tempat tinggal pemerintah. Ini kerana ditakuti kita akan terkena apa-apa kesusahan daripadanya. Jika dirasakan selamat, bolehlah tinggal di kawasan mana pun.
2. Berlindung juga bermaksud jangan menghampiri mana-mana pemerintah dengan harapan akan terselamat daripada gangguan dan kezalimannya.
3. Berlindung diri juga bermaksud jangan bersubahat dengan mana-mana pemerintah dalam urusan pentadbiran yang dijalankannya. Kelak kita akan turut bersubahat dengan pemerintah itu.
4. Berlindung diri juga bermaksud tidak peduli apa-apa yang dilakukannya, jika apa yang dibuatnya itu zalim pada sisi agama. Biarlah dia dengan kezaliman yang dilakukannya, jangan pula kita tumpang sama berlaku zalim dengan cara memburuk-burukkannya di khalayak rakyat ramai, yang sebelum ini tidak tahu-menahu akan hal itu pernah dan telah dilakukan oleh pemerintah mereka. Perbuatan sebegini adalah juga suatu perbuatan zalim iaitu berdosa kerana membuka rahsia seseorang di hadapan orang lain. Bolehkah sesuatu perbuatan zalim itu dapat dibetulkan dengan cara berlaku zalim? Jika pemerintah berbuat zalim, dapat kita terima kerana sifatnya sebagai pemerintah memang terdedah kepada berbuat zalim. Kita pula berbuat zalim sedangkan kita bukan pemerintah yang mudah berbuat zalim.
5. Antara kezaliman yang paling berat pada sisi Allah yang dilakukan oleh pemerintah diktator ialah membunuh orang-orang yang beriman. Menyeksa orang-orang beriman juga adalah dosa yang amat besar.
6. Sifat orang mukmin itu ialah mentaati perintah pemerintah mereka, selagi perintah itu tidak sampai menyuruh mereka berlaku zalim atau maksiat atau menderhakai Tuhan atau meninggalkan syariat yang fardhu. Jika perintah yang diberi itu berbentuk duniawi, maka wajiblah ditaati sama ada dia suka atau tidak, berfaedah atau tidak. Semakin taat seseorang itu kepada perintah pihak pemerintah, bermakna semakin kuatlah imannya kepada Allah. Sebab sifat seorang mukmin itu adalah taatkan setiap perintah yang diterimanya dari tiga pihak iaitu Allah, Rasulullah SAW dan Ulil Amri. Semuanya mesti dijalankan secara serentak.
7. Satu lagi sifat orang mukmin ialah mereka selalu disakiti hatinya dengan lidah oleh pihak pemerintah, sedangkan mereka hanya menanggungnya jauh di dalam lubuk hati sahaja, tanpa melawan. Mereka menganggap perlakuan pihak-pihak berkenaan adalah sebagai satu kifarah terhadap dosa-dosa mereka dan jemaah mereka, atau sebagai penapis untuk menapis ahli-ahli jemaahnya yang istiqamah dengan perjuangan, atau sebagai peninggi darjat mereka pada sisi Tuhan, atau sebagai pembuktian sahih bahawa jemaah mereka adalah jemaah yang mendukung kebenaran pada zaman itu. Jemaah yang tidak selalu diuji bermakna mereka bukan jemaah yang mendukung kebenaran pada zaman itu.
8. Pemerintah yang zalim ***tidak boleh*** dijatuhkan oleh kita, walau apa pun caranya. Perbuatan menjatuhkan pemerintah yang zalim adalah perbuatan zalim. Islam tidak boleh ditegakkan dengan cara yang zalim, kerana Islam itu bersih dan selamat. Islam hanya boleh ditegakkan dengan cara yang bersih dan aman. Pemerintah yang zalim hanya boleh dijatuhkan oleh Allah sendiri, kerana Dia yang menaikkan seseorang sebagai pemerintah, dan Dia jugalah yang lebih berhak menurunkan seseorang itu dari tampuk pemerintahan. Ingat, semakin zalim seseorang itu memerintah dan semakin banyak kezaliman yang dilakukannya, semakin cepat dia dijatuhkan oleh Allah. Oleh itu, biarkan sahajalah Si Luncai terjun dengan labu-labunya, jangan sampai kita pun sama-sama terjun setelah melihat Si Luncai itu terjun ke dalam air.

7. Amalan Agama Sangat Berkurangan

A. Dari Abu Hurairah RA dari Rasulullah SAW bersabda,

"Sesungguhnya kamu (wahai para sahabat, berada) pada masa orang yang (jika dia)

meninggalkan satu persepuluh dari apa yang diperintahkan-Nya, nescaya binasalah dia. Kemudian akan datang suatu masa orang yang beramal satu persepuluh dari apa yang diperintahkan-Nya, nescaya akan selamatlah dia." (At-Tarmizi)

B. Sabda Nabi SAW,

"Sesiapa yang berpegang (teguh) dengan sunnahku ketika umatku sedang rosak, baginya seratus pahala syahid."

(Muslim)

Secara umumnya pada akhir zaman ini, hampir seluruh umat Islam sangat jauh daripada pengamalan sebenar Islam, sehingga untuk mencari orang atau jemaah yang dapat menghidupkan sepersepuluh daripada keseluruhan ajaran Islam ini pun amatlah susah. Kalau ada sesebuah jemaah yang berjaya menegakkan ajaran Islam dalam jemaahnya sehingga sepersepuluh, maka jemaah itu dikira sebagai jemaah tajdid untuk zamannya. Sudah pasti jemaah ini akan menerima tekanan yang maha hebat dan dahsyat daripada banyak pihak seperti pemerintah, ulama semasa, jemaah lain yang tidak berjaya, orang ramai, orang-orang kafir, para munafik dan orang-orang fasik.

Pernah dilaporkan bahawa umat Islam yang mengerjakan sembahyang tidak sampai pun sepuluh peratus daripada keseluruhan jumlah mereka. Perangkaan ini amatlah menyedihkan kerana sembahyang itu adalah suatu fardhu yang tidak boleh tidak mesti dilaksanakan. Jika sembahyang yang sebegitu penting pun, tidak sampai sepuluh peratus yang mengerjakannya, maka apa lagilah syariat-syariat yang lain. Lebih-lebih ramai lagi yang tidak pernah membuatnya sepanjang hidup mereka.

Berdasarkan perangkaan ini sahaja kita sudah dapat melihat bahawa apa yang disabdakan oleh Nabi SAW itu amatlah benar, tidak dapat disangkal lagi. Oleh kerana amat berat untuk melaksanakan Islam ketika umat Islam sendiri sedang amat rosak, maka Nabi SAW menjanjikan bahawa sesiapa yang sanggup dan mampu melaksanakan sunnah baginda SAW pada masa itu, akan diberi pahala sebanyak seratus kali syahid. Ini ada benarnya kerana orang yang syahid itu hanya menanggung kesusahan sekali dan sekejap sahaja sebelum dia syahid. Musuh yang perlu dihadapinya pula hanya seorang atau dua orang sahaja. Selepas itu dia syahid. Maka dapatlah dia syahid dan pahala syahid. Para mukmin akhir zaman terpaksa menanggung kesusahan dalam hidup berkali-kali dan berpanjangan pula masa menanggungnya, iaitu hingga ke akhir hayat mereka. Dan mereka pula hidup dikelilingi oleh jahiliyah yang amat tebal dan terlalu ramai.

8. Pemimpin Jahat Akan Binasa

A. Kata tabiin RH,

"Al-Mahdi tidak akan muncul sebelum para pembesar yang sombong binasa (semuanya)."

Ucapan tabiin ini menjelaskan lagi konsep bahawa pemerintah yang zalim tidak boleh dijatuhkan oleh kita. Mereka hanya boleh dijatuhkan oleh Allah SWT sahaja. Oleh kerana mereka naik dengan izin Allah, maka jatuhnya juga adalah dengan izin-Nya jua. Apa kuasa yang ada pada kita untuk menjatuhkan seseorang daripada kepemimpinan yang sedang dipegangnya? Tidakkah semuanya itu adalah kerja Allah? Apa hak kita untuk mengambil alih kerja Tuhan? Siapa kita untuk menentukan si anu sebagai pemimpin dan si anu perlu kita jatuhkan daripada tampuknya?

Imam Mahdi akan naik memerintah selepas semua diktator dijatuhkan oleh Allah daripada pemerintahan mereka, sehingga apabila Imam Mahdi naik memerintah kelak, dunia ini sudah bersih keseluruhannya daripada sistem Barat yang lapuk dek hujan itu berkat Imam Mahdi. Pemerintah bertaraf diktator juga sudah dijatuhkan. Maka sistem Islam yang sebenarlah yang akan mengambil

alih, dengan kuasa pemerintahan akan berada di dalam genggaman Imam Mahdi yang sangat dinanti-nantikan itu, Imam yang sangat soleh itu.

9. Runtuhnya Pemerintahan Bani Abbas

A. Kata tabiin RH,

> *"Keadilan dan kemakmuran akan sentiasa wujud selagi pemerintahan Bani Abbas tidak runtuh. Kemudian (setelah runtuhnya pemerintahan Bani Abbas) dunia ini dipenuhi oleh bencana sehingga al-Mahdi tampil memegang tampuk pemerintahan."*

Ucapan tabiin ini sebenarnya tidaklah bermaksud mahu mengangkat keluarga Bani Abbasiah yang sedang memerintah dunia Islam pada masa itu. Beliau tidak ada niat langsung mahu memuji pemerintahan Bani Abbas, atau mahu mengambil sesuatu keuntungan daripada ucapannya itu, seperti yang banyak disalah tafsir oleh para sarjana dan pengkaji sejarah zaman moden ini.

Memang seperti yang kita tahu, pemerintahan Bani Abbas tidaklah adil sangat, banyak kelemahan dalam pemerintahan dan pentadbirannya dan pelbagai macam lagi. Tetapi keadilan dari segi kebebasan mengamalkan tasawuf dan kesufian amatlah jelas. Hari ini, hal itu sangat disekat dan amat ditakuti. Kemakmuran hidup dan keberkatan juga amat nyata pada zaman pemerintahan Bani Abbas dahulu.

Apabila kerajaan Bani Abbas dijatuhkan oleh pasukan Hulago dari Mongol itu, bencana mula menimpa dunia Islam. Selepas itu, kelemahan umat Islam semakin nyata, terutamanya dari segi pentadbiran dan pemerintahan. Dari segi keilmuan dan penciptaan juga semakin tumpul, akibat tumpulnya rohaniah mereka dengan Tuhan. Kuasa Islam semakin merosot, walaupun Kerajaan Osmaniah mampu mempertahankannya seketika waktu. Kemuncak kekuasaan Kerajaan Osmaniah hanya seketika iaitu sewaktu Sultan Muhammad II Al-Fateh bin Sultan Murad II memerintah, dan sewaktu beliau berjaya menawan Kota Kostantinopel, lalu menukar namanya kepada **Istanbul** dan dijadikan ibu kota pemerintahan Kerajaan Osmaniah.

Pada masa yang sama, Eropah Barat semakin menyerlah kuasanya, baru bangkit dari tidurnya yang terlalu panjang, dan baru terbuka fikirannya daripada selimut mitos yang amat tebal dan pengaruh gereja yang amat mencengkam. Apabila Eropah Barat terjaga, maka bermulalah bencana dan fitnah terhadap Islam secara menyeluruh. Walaupun Kerajaan Osmaniah berjaya menawan sebahagian besar Eropah Timur, negara-negara bangsa yang ditawannya itu sedikit demi sedikit berjaya juga membebaskan dirinya, sehingga akhirnya semuanya bebas menjelang Perang Dunia Pertama. Sungguhpun Turki tewas, Eropah Barat tetap juga bangun dan mengamuk ke serata dunia.

Dan pada masa yang sama, seluruh negara Islam sudah pun berada dalam cengkaman kuasa-kuasa Barat yang sedang naik bintangnya itu. Antara kuasa besar Barat yang dimaksudkan itu ialah Inggeris dan Sepanyol. Kedua-dua negara ini mempunyai jajahan takluk yang cukup luas. Selain mereka, Jerman, Belanda dan Itali juga adalah dua buah lagi kuasa yang berjaya mencorakkan dunia. Amerika Syarikat pula mengambil alih peranan semua kuasa Barat itu selepas Perang Dunia Kedua. Sejak itu hinggalah kini, seluruh dunia tunduk dan mengikut apa sahaja dari Barat yang pada ketika ini menjadi tuan bagi seluruh dunia.

Dan paling nyata, Islamlah yang menjadi mangsa paling teruk menerima bencana. Berdasarkan rentetan sejarah ini, sangatlah benar ucapan tabiin itu tadi. Dan seperti yang dinyatakannya juga, selepas bencana yang ditanggung oleh umat Islam ini beberapa lama, maka Imam Mahdi akan segera muncul lalu mengambil alih tampuk pemerintahan dunia, menggantikan seluruh kuasa Barat dan sistem-sistemnya sekali. Ketika itu, yang zahir dan menonjol adalah Islam, seperti

pada hari ini yang menonjol adalah Barat dan sistem Barat.

10. Terlalu Ramai Pembohong

A. Dari Abu Hurairah RA berkata, Rasulullah SAW bersabda,

"Hari kiamat tidak akan datang sehingga muncul para pendusta iaitu dajjal-dajjal, hampir-hampir seramai tiga puluh orang, setiap mereka mengaku bahawa dia adalah utusan Allah."
(At-Tarimzi)

B. Dari Sauban RA berkata, Rasulullah SAW bersabda,

"Hari kiamat tidak akan datang sehingga kabilah-kabilah dari umatku mengikut orang-orang musyrik dan sehingga mereka menyembah berhala dan akan ada di kalangan umatku tiga puluh pembohong. Setiap mereka mendakwa bahawa dirinya adalah nabi, dan aku adalah akhir para nabi, tidak ada nabi lagi sesudahku." (At-Tarmizi)

Angka tiga puluh seperti yang disebutkan itu adalah orang-orang yang besar namanya, besar pengaruhnya dan besar pula ancamannya terhadap umat Islam. Yang lain-lain itu kecil pengaruhnya dan kurang terkenal namanya. Sebab itu sepanjang sejarah umat Islam, telah berlalu lebih dari tiga puluh nama orang yang mengaku dirinya sebagai nabi. Mereka inilah dajjal-dajjal kecil, iaitu utusan-utusan dajjal sebelum Dajjal yang sebenar memunculkan dirinya.

Umat Islam juga akan mengikut orang-orang Barat (musyrik) baik dari segi sistemnya, politiknya, budaya, bahasa, pemikirannya, malah agamanya. Barat yang dimaksudkan ialah orang-orang Kristian kerana orang Kristian lebih dominan daripada orang Yahudi dari segi kekuatan dan bilangannya. Itulah maksud yang disebutkan sebagai menyembah berhala, kerana orang-orang Kristian menyembah salib mereka. Orang Yahudi tidak menyembah sesuatu, walaupun ***hanukkah*** diletakkan di dalam kuil mereka. Orang Yahudi semasa sembahyang, menghantukkan kepada ke dinding pagar Masjidil Aqsa sahaja, sebagai tanda sujud.

Dalam keadaan demikianlah, Imam Mahdi akan muncul sebagai pembela Islam. Beliau akan menghapuskan semua bentuk bidaah dan khurafat, termasuk khurafat-khurafat moden iaitu sistem-sistem Barat yang sedang umat Islam amalkan dalam kehidupan mereka. Maka jadilah mereka sebagai umat yang satu dan bersatu; bersatu dalam semua segi. Imam Mahdilah pemimpin sejati mereka, selain daripada Syuaib bin Saleh at-Tamimi.

11. Ingkarkan Allah

A. Dari Matar Al-Warrak berkata,

"Al-Mahdi tidak akan muncul sehinggalah orang-orang kafir ingkarkan Allah secara terbuka."

Ucapan daripada ***Matar al-Warrak*** ini menjelaskan lagi perkara yang disebutkan di atas tadi. Hari ini manusia sudah begitu berani menyatakan bahawa mereka tidak percaya kepada Tuhan. **Komunis** berkata bahawa Tuhan itu ibarat candu, mesti dihapuskan dari dalam hati manusia. **Naturalist** mendakwa alam ini terjadi sendiri, tidak ada kuasa lain di sebalik kejadian alam ini. **Saintis** menyatakan alam ini berlaku secara evolusi dan berperingkat-peringkat, sambil menafikan wujudnya alam ghaib.

Semua pihak di atas menafikan adanya Tuhan secara terbuka. Selain mereka, umat Islam juga melakukan dosa dan maksiat secara terbuka, tanpa malu dan takutkan Allah lagi. Itu juga adalah maksud ingkarkan Allah secara terbuka, iaitu seolah-olah tidak merasakan bertuhan di dalam hati kecilnya. Kadang-kadang mereka menentang hukum Allah secara terbuka melalui kenyataan-kenyataan yang jelas difahami maksud tentangannya.

Maksud kafir itu, selain dari orang-orang yang bukan beragama Islam, adalah juga orang-orang Islam yang melakukan dosa, atau disebut orang Islam yang kufur. Maka apabila ini berlaku, itulah tanda bahawa Imam Mahdi akan segera muncul untuk membersihkan manusia daripada balutan dosa yang cukup tebal membelit hati mereka. Yakinlah kita bahawa hal ini akan segera berlaku, tidak lama lagi.

12. Bangsa Eropah Menguasai Seluruh Dunia

A. Dari Mustaurid Al-Qurasyi RA berkata, aku mendengar Rasulullah SAW bersabda,

> *"Kiamat akan tiba (setelah) bangsa Rom membentuk sebahagian besar dari umat."* Amru bertanya kepadanya, "Benarkah ucapanmu itu?" Jawabnya, "Aku mengucapkan apa yang aku dengar daripada Rasulullah SAW," dan lagi sabdanya, *"Kalau kamu menyebutkan demikian, sungguh mereka telah memiliki empat keadaan. Pertama, mereka mempunyai kesabaran dalam menempuh cubaan. Kedua, segera membaiki diri untuk pulih selepas kesusahan. Ketiga, menyerang balas selepas peperangan pertama. Dan keempat, mereka bersikap baik terhadap janda-janda, anak-anak yatim, dan yang lemah. Dan yang kelimanya ialah mereka bersikap baik dan mendiamkan diri sahaja terhadap penindasan oleh raja-raja."*

Hadis ini menjelaskan ciri-ciri bangsa Eropah sehingga mereka berjaya menegakkan tamadun mereka sendiri dan seterusnya berjaya menakluk seluruh dunia. Hadis ini juga menjelaskan bahawa bangsa Eropah akan bangun menguasai dunia, iaitu setelah umat Islam dan kekuasaan mereka semakin lemah. Maka yang sebenarnya berlaku, bukan kerana orang-orang Barat itu kuat, tetapi sebetulnya umat Islam sendiri yang lemah. Maka antara dua keadaan, Islam kalah kerana mereka terlalu lemah, sedangkan lawannya Kristian juga sebenarnya lemah.

Umat Islam kalah dan terhina kerana mereka meninggalkan Tuhan sehingga akhirnya Tuhan membiarkan mereka dikalahkan oleh pihak musuh. Ramai yang beranggapan bahawa Barat itu kuat, sedangkan sebenarnya Barat itu sendiri amatlah lemahnya. Umat Islam terbiar kerana Allah tidak menurunkan bantuan-Nya kepada mereka, sebab mereka ***membiarkan*** Allah. Bagaimana Allah akan membantu mereka sedangkan mereka sendiri tidak mahu menghampirkan diri kepada Allah dan tidak pun meminta bantuan-Nya melalui orang-Nya?

Hari ini umat Islam yang pernah menjadi tuan suatu masa dahulu, terpaksa mengemis nasib pada bangsa Yahudi dan penganut Kristian untuk mendapatkan makanan dan bantuan. Umat Islam kalah dan hancur lebur pada hari ini, dikerjakan oleh musuh-musuh Islam itu. Tidak cukup dengan menerima sistem Barat sebagai sistem umat Islam, seluruh masjid dan umat Islam sendiri pun hendak

di-Kristiankan sama. Dan pada tahap ini, kejayaan Kristian dan Yahudi dengan kekalahan umat Islam sempurnalah sudah. Hakikat ini tidak boleh kita nafikan lagi.

Kita kini sudah 700 tahun menerima kekalahan, sama lamanya dengan tempoh kemenangan Islam iaitu 700 tahun yang pertama. Kemenangan kita ke atas seluruh dunia sudah disebutkan oleh Rasulullah SAW dan benar-benar terjadi. Kekalahan kita kepada Kristian dan Yahudi juga sudah benar-benar terjadi seperti yang disebutkan oleh baginda SAW. Maka abad ini adalah abad penentu, sama ada kita akan bangkit semula atau akan terus kalah. Jika kita berjaya, kita akan bangkit semula menjadi penguasa di bumi dan tuan yang memegang tampuk pemerintahan, ekonomi, pendidikan, perhubungan dan sebagainya.

Cukuplah apa yang telah dilakukan oleh orang-orang Yahudi dan Kristian itu terhadap kita umat Islam selama ini, dan cukuplah tempoh untuk mereka memegang tampuk pemerintahan dunia ini. Walau hanya beberapa tahun mereka memerintah dunia ini, sudah terlalu banyak kerosakan yang telah mereka lakukan, dan banyak pihak yang terlalu menderita akibat perbuatan mereka yang bermaharajalela itu. Maka kini giliran mereka pulalah yang menerima balasan terhadap kekejaman dan penindasan yang telah mereka lakukan, suatu balasan daripada Tuhan sendiri. Sekarang pun, mereka secara beransur-ansur sedang menerima pembalasan yang setimpal terhadap perbuatan jahat mereka itu.

Ingatlah bahawa Allah SWT telah berfirman di dalam al-Quran:

> *Mereka (orang-orang kafir) berhasrat untuk memadamkan cahaya Allah dengan mulut-mulut mereka, sedangkan Allah pula akan menyempurnakan cahaya (agama)-Nya sekalipun amat dibenci oleh orang-orang kafir itu.*
>
> (An-Nahl : 125)

Dendam orang-orang Yahudi dan Kristian itu sudah dinyatakan juga oleh Allah di dalam al-Quran dengan firman-Nya:

> *Dan tidak sekali-kali redha kepadamu oleh Yahudi dan Nasrani sehinggalah kamu mengikut cara agama mereka.*
>
> (Al-Baqarah : 119)

Sesuai dengan dua buah firman Allah itu, yakinlah kita bahawa apa yang baginda SAW sebutkan sudah benar-benar berlaku. Yahudi dan Kristian sudah berjaya mengatasi kita, menundukkan kita dan memaksa kita mengikut cara mereka dalam segenap urusan kehidupan kita. Kita sehingga kini masih tidak mampu membebaskan diri kita, keluarga kita, masyarakat kita, negara kita dan seluruh dunia Islam daripada cengkaman Barat yang kukuh itu. Kita kian lemas dalam dunia kita sendiri, dibiarkan lemas oleh Allah SWT (kerana kita membiarkan Allah dan orang-orang-Nya) dan dibiarkan juga lemas oleh musuh zahir kita itu. Dan sehingga ke hari ini, masih tidakkah lagi kita terfikir untuk membela diri? Masih mahukah kita terus-menerus menjadi pengikut setia dan penyambung kepada sistem Yahudi dan Kristian yang tidak pernah mahu tunduk kepada Allah itu?

Ingatlah, kita amat memerlukan seseorang yang cukup gagah jiwanya, tinggi takwanya, kuat rohaninya untuk meruntuhkan tembok dan dinding tebal sistem Yahudi dan Kristian itu. Orang itulah yang akan menebus kembali kekalahan umat Islam dahulu, membina kembali tamadun Islam yang tinggal kenangan dan membina semula identiti kita yang telah hilang lenyap ditelan oleh identiti Barat. Orang itulah yang akan menghidupkan semula semangat jihad yang telah lama ***ditembak mati*** oleh Barat itu, menyebabkan umat Islam kembali bangun menyerahkan jiwa raganya demi menebus

iman, takwa, maruah dan tamadun yang telah lama terkubur itu.

13. Dunia Dipenuhi Dengan Penindasan

A. Sayidina Ali bin Abi talib KMW berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda,

> *"Jika cuma tinggal sehari sahaja sebelum kiamat tiba, nescaya Allah pasti akan mengutuskan seorang lelaki dari kaum keluargaku yang akan memenuhkan dunia ini dengan keadilan dan kesaksamaan, seperti sebelumnya bumi ini dipenuhi dengan penindasan."*

Sudah menjadi kelaziman umat manusia sejak anak-anak Nabi Adam AS lagi, terutamanya pada hari ini, apabila merasakan dirinya kuat dia akan menindas pihak yang dirasakan lemah. Pada hari ini keadaan itu amatlah ketara walau di mana sekali pun kita berada. Orang-orang yang diberi kuasa akan menindas rakyat jelata dan orang-orang jahat akan menguasai orang ramai. Orang kaya selalu menindas orang-orang yang kurang berada dengan pelbagai cara dan bentuk, daripada yang sekasar-kasarnya hinggalah kepada yang selembut-lembutnya. Yang miskin sesama miskin juga saling tindas-menindas. Yang kaya dengan yang kaya juga turut menindas antara sesama mereka. Pendeknya, tindas-menindas sentiasa berlaku di mana-mana sahaja, tidak kira siapa dan bagaimana.

Yang ada ilmu agama juga menindas sesama umat Islam. Yang pandai, cerdik dan pintar akan menindas yang bodoh dan tidak berilmu. Yang sesama pintar pun saling telan-menelan. Yang bodoh dengan yang bodoh juga selalu berlaku tipu-menipu dan makan-memakan antara sesama mereka. Sesiapa yang terpilih mendapat kuasa pemerintahan di sesebuah negara, pasti lambat laun akan berlaku zalim juga, dan pasti akan menindas pihak-pihak yang menentangnya, biar apa pun matlamat perjuangannya atau fahaman politiknya. Yang kuat dengan yang kuat juga saling berbenturan, apatah lagilah antara yang kuat dengan yang lemah.

Dalam keadaan yang sering berlaku tindas-menindas inilah Allah SWT akan mengutuskan Imam Mahdi, dari kalangan Ahlulbait untuk membetulkan kemanusiaan yang telah terlalu rosak itu. Tugas Imam Mahdi ini amatlah besar untuk dipikulnya, tetapi beliau sentiasa mendapat pertolongan daripada Allah dalam setiap urusannya, sehingga perkara yang besar pun dapat diselesaikannya dengan amat mudah pula.

TANDA-TANDA SANGAT HAMPIR KEMUNCULANNYA

1. Pembunuhan Besar-besaran dan Keluar Panji-panji Hitam

A. Dari Sauban RA katanya, bersabda Rasulullah SAW,

"Akan berbunuh-bunuhan dekat tempat simpanan Kaabah kamu tiga beradik. Semuanya adalah anak-anak kepada seorang (bekas) khalifah. Kemudian tidak seorang pun antara mereka yang dapat (harta itu atau menjadi khalifah). Kemudian muncullah Panji-panji Hitam dari sebelah Timur, lalu mereka akan membunuh kamu semua dengan satu pembunuhan (yang paling dahsyat) yang belum pernah dilakukan oleh mana-mana kaum pun." Kemudian baginda menyebutkan sesuatu yang saya tidak berapa ingat. Kemudian baginda bersabda, "Maka apabila kamu semua melihatnya, hendaklah kamu segera berbaiat kepadanya (Pemuda Bani Tamim itu) walaupun terpaksa merangkak di atas salji kerana di sisinya adalah Khalifah Allah, iaitu Imam Mahdi."
(Ibnu Majah)

Berbunuh-bunuhan yang dimaksudkan di sini adalah Perang Teluk. Ini adalah peperangan yang besar yang menelan korban yang cukup ramai. Tujuan peperangan itu ialah sengaja mahu membunuh orang ramai yang sepatutnya tidak terlibat dalam peperangan. Lebih ramai lagi ialah orang-orang yang menderita akibat peperangan tersebut. Tempat simpanan Kaabah yang dimaksudkan adalah kawasan Teluk Parsi (Al-Khalij) kerana di situ terletaknya salah satu telaga simpanan minyak yang terbanyak di dunia. Tiga beradik yang dimaksudkan ialah tiga negara yang asal-usulnya dahulu dari satu orang khalifah Allah (Nabi Ibrahim AS) iaitu Amerika Syarikat, Eropah dan Iraq.

Ketiga-tiga pihak itu tidak satu pun yang boleh dikatakan menang atau mendapat minyak tersebut. Tiada juga yang dapat dianggap sebagai pemimpin. Tidak lama selepas itu, maka Pemuda Bani Tamim mendapat kuasa pemerintahan di Timur, iaitu di Asia Tenggara. Kuasa pemerintahannya semakin besar dan merebak kerana semua umat Islam menjadi bersatu hati apabila melihat seorang yang benar-benar layak memimpin mereka telah muncul di depan mata. Semua umat Islam menjadi bersatu semula di bawah pimpinan beliau. Seterusnya beliau memerangi semua pihak yang menentangnya dan ***membunuh*** semua musuhnya dan musuh Allah.

Jumlah orang yang mati kerana menentang pimpinan beliau sangatlah ramai di seluruh dunia. Yang ramai mati itu kebanyakannya bukan di medan perang tetapi di rumah atau di hospital. Zaman ini Tuhan jadikan orang yang berpenyakit kronik, terutamanya jantung dan darah tinggi sangat ramai. Maka semua musuh Islam yang ada penyakit jantung dan darah tinggi akan segera mati, kerana terlalu sakit hati dan marah terhadap naiknya semula Islam sebagai kuasa baru menggantikan kuasa Barat, selain penyakit-penyakit itu memang mudah menyebabkan kematian.

Ramai pula yang ***mati*** di medan perang saraf dan ***mati*** di medan perbahasan. Mereka tiada kata-kata untuk dihujahkan terhadap kepemimpinan Syuaib bin Saleh at-Tamimi. Kekeramatan Pemuda Bani Tamim itu terlalu hebat untuk ditentang oleh sesiapa pun jua yang cuba memusuhinya.

Bagi seluruh umat Islam, apabila mereka melihat Pemuda Bani Tamim telah mendapat kuasa di Timur itu, mereka akan segera berpusu-pusu ke Timur untuk menemuinya dan segera membaiatnya sebagai pemimpin mereka. Mereka sanggup bersusah payah mencari jalan menemuinya sekali pun terpaksa menjual seluruh harta bendanya, malah jika terpaksa, sanggup ***menjual*** anak isterinya, semata-mata agar dapat menemui Pemuda Bani Tamim di Timur itu. Itulah ciri-ciri pemimpin sejati, iaitu dia dicari oleh pengikut, bukan dia mencari pengikut. Dia tidak perlu bersusah payah berkempen ke sana ke mari mencari pengaruh, apatah lagi terpaksa memburuk-burukkan pihak lawan.

Mereka sanggup menemui Pemuda Bani Tamim Syuaib bin Saleh kerana apabila beliau muncul mendapat kuasa di Timur, maka yakinlah seluruh umat Islam bahawa Imam Mahdi tidak syak lagi akan segera muncul pula ke dunia ini. Maka, munculnya Pemuda Bani Tamim adalah menjadi

tanda terbesar dan teryakin bahawa Imam Mahdi akan benar-benar muncul. Dan muqaddimah daulah Islamiah sudahpun terbangun ketika itu.

2. Panji-panji Hitam Keluar dari Khurasan

A. Dari Abu Hurairah RA berkata, Rasulullah SAW bersabda,

"Akan keluar dari Khurasan Panji-panji Hitam. Maka (Panji-panji Hitam itu) tidak dapat ditolak oleh sesuatu apa pun sehinggalah ditancapkan di Ilya'.

(At-Tarmizi)

B. Sabda Nabi SAW,

"Jika kamu semua melihat Panji-panji Hitam datang dari arah Khurasan, maka sambutlah ia walaupun kamu terpaksa merangkak di atas salji. Sesungguhnya di tengah-tengah panji-panji itu ada Khalifah Allah yang mendapat petunjuk." Maksudnya ialah al-Mahdi.

(Ibnu Majah, Abu Nuaim & al-Hakim)

Pemuda Bani Tamim itu akan mendatangi Khurasan iaitu dalam perjalanannya menuju ke Makkah atau Syam. Di sana beliau akan mendapat Panji-panji Hitam yang sebenar, bukan lagi panji-panji hitam yang dibuat sebelumnya. Panji-panji Hitam itu adalah panji-panji yang pernah digunakan oleh Rasulullah SAW dahulu, sewaktu peperangan menghadapi kaum kafir dan Yahudi.

Dari Khurasan, mereka menuju pula ke Ilya' iaitu satu bandar tidak jauh dari Baitulmaqdis. Sepanjang perjalanan yang jauh itu, mereka sentiasa diberi kemenangan oleh Allah SWT terhadap siapa jua penentangnya, yang sangat risau terhadap kemaraan tentera Allah itu. Kuasa baru yang amat hebat ini amat menggerunkan hati setiap musuh Allah sehingga hati mereka terasa sangat-sangat sempit, bagaikan sempitnya dada orang yang sedang mendaki ke atas langit. Ketakutan dan kegerunan yang mereka rasakan ketika itu akan segera dibalas oleh Allah dengan dijatuhkan mereka di hadapan umat Islam yang dipimpin oleh Pemuda Bani Tamim.

Pemergian mereka ke Ilya' itu tidak lain dan tidak bukan adalah untuk mencari Imam Mahdi, iaitu orang yang paling berhak ke atas pemerintahan seluruh dunia ini, sebab Pemuda Bani Tamim hanyalah penyedia tapak untuk pemerintahan Imam Mahdi, bukan dia yang memerintah dunia ini. Namun beliau adalah pembantu kanan Imam Mahdi dan kedudukan ini tidak dapat disangkal lagi, kerana telah dijelaskan oleh hadis-hadis.

3. Pemuda Bani Tamim Tidak Pernah Kalah

A. Sabda Nabi SAW,

"Al-Mahdi akan datang setelah munculnya Panji-panji Hitam dari sebelah Timur yang mana pasukan itu selalu tidak pernah kalah dengan pasukan mana pun."

(Ibnu Majah)

Sesiapa yang membaiat Pemuda Bani Tamim sebagai pemimpinnya, maka bererti dia telah menjalankan perintah Rasulullah SAW seperti yang disabdakan oleh baginda SAW dalam banyak hadis. Satu perkara lagi yang perlu diketahui, sebagai satu cara menaikkan semangat kita dalam berjuang pada akhir zaman ini ialah bahawa pasukan Pemuda Bani Tamim tidak akan pernah dikalahkan oleh mana-mana pasukan pun.

Ini adalah satu kelebihan yang tidak mampu dimiliki oleh sebarang pemimpin. Namun, Rasulullah SAW sudah menyatakan demikian, dan dengan itu, wajiblah pula kita mempercayai dan meyakininya sebagai mana sepatutnya. Bagi yang memang berhati pejuang, ini adalah peluang terbaik dan terbesar sepanjang sejarah umat Islam untuk kita menabur bakti dan menyumbang jasa terhadap perkembangan Islam ke seluruh dunia buat kali kedua. Zaman Ummah Kedua diasaskan oleh Pemuda Bani Tamim dan disempurnakan oleh Imam Mahdi, seterusnya disambung lagi oleh Nabi Isa AS.

4. Wajib Membaiat Pemuda Bani Tamim

A. Dari Abdullah bin Umar RA katanya,

"Adalah Rasulullah SAW bersama-sama dengan sekumpulan Muhajirin dan Ansar. Ali bin Abi Talib KMW di sebelah kirinya dan Abbas di sebelah kanannya, ketika Abbas dan seorang lelaki dari kalangan Ansar bertelagah. Sahabat Ansar itu bercakap dengan agak kasar kepada Abbas. Maka Rasulullah SAW memegang tangan Abbas dan tangan Ali lalu bersabda, "Daripada keturunannya (sambil menunjukkan Abbas) akan datang seorang pemuda yang akan memenuhkan dunia ini dengan penindasan dan kezaliman, dan daripada keturunannya (sambil menunjuk Ali) muncul seorang lelaki yang akan memenuhkan dunia ini dengan keadilan dan kesaksamaan. Jika kamu semua melihat yang demikian, berbaiatlah kepada Pemuda dari Bani Tamim itu yang datang dari arah Timur. Dialah pemilik Panji-panji Al-Mahdi."

(At-Tabrani, Abu Nuaim, Al-Khatib & Al-Kidji)

B. Kata Sauban RA,

"Kemudian baginda SAW menyebutkan sesuatu yang aku tidak berapa ingat, kemudian bersabda, "Kalau kamu semua melihatnya, datangilah mereka walaupun terpaksa merangkak di atas salji kerana padanya ada Khalifah Allah, iaitu Al-Mahdi."

(Ibnu Majah)

C. Dari Sauban RA katanya Rasulullah SAW bersabda,

"Apabila kamu melihat Panji-panji Hitam datang dari arah Khurasan, bersegeralah mendatangi mereka, walaupun terpaksa merangkak di atas salji kerana padanya ada Khalifah Allah, Al-Mahdi."

D. Dari Sauban RA katanya Rasulullah SAW bersabda,

"Panji-panji Hitam akan datang dari arah Timur, hati mereka bagaikan kepingan-kepingan besi. Sesiapa yang mendengar mengenai mereka, datangilah mereka walaupun terpaksa merangkak di atas salji."

E. Sabda Nabi SAW,

"Akan keluar dari sulbi ini (Sayidina Ali KMW) seorang pemuda yang akan memenuhkan dunia ini dengan keadilan. Maka apabila kamu meyakini yang demikian itu, hendaklah kamu turut menyertai Pemuda dari Bani Tamim itu. Sesungguhnya dia datang dari sebelah Timur dan dialah pemegang Panji-panji Al-Mahdi."

(At-Tabrani)

Apabila Pemuda Bani Tamim mendapat kuasa di Timur, naiknya sebagai pemerintah tidaklah sama seperti naiknya pemerintah hari ini. Pemuda Bani Tamim mendapat kuasa lalu segera

menjalankan pemerintahannya menurut cara yang diasaskan oleh Islam iaitu pemimpin dibaiat, bukannya diundi seperti sistem Barat yang digunakan pada hari ini. Kerana itu, setiap orang Islam wajib mendatangi dan membaiat Pemuda Bani Tamim sebagai pemimpin mereka zahir dan batin, dari dunia hinggalah ke akhirat.

Sistem politik dari Barat yang sedang digunakan pada hari ini akan dimansuhkan sama sekali, melibatkan semua bentuk dan semua perkara, bermula dari yang sebesar-besarnya hinggalah kepada yang sekecil-kecilnya. Politik akan berubah warna sama sekali. Hari ini kita tidak dapat memikirkan bentuknya lagi, dan hanya akan kita ketahui apabila masanya tiba nanti. Hanya Pemuda Bani Tamim sahaja yang tahu benar bentuk dan selok-belok sistem politik yang diasaskan oleh Rasulullah SAW dan telah dilaksanakan oleh baginda SAW dengan jayanya di Madinah dahulu.

Dan diulang sekali lagi oleh hadis ini bahawa apabila Pemuda Bani Tamim muncul dan mendapat daulah di Timur, bererti kemunculan Imam Mahdi sudah menjadi suatu keyakinan, tidak dapat dipolemik atau dipertikaikan oleh mana-mana pihak pun. Kemunculan Imam Mahdi ditandai oleh kemunculan Pemuda Bani Tamim.

5. Pemuda Bani Tamim Berasal Dari Syam

A. Kata tabiin RH,

> *"Sebelum al-Mahdi, raja Syam akan terbunuh, (diikuti oleh) terbunuhnya raja Mesir. Bangsa Syam akan menawan kabilah daripada Mesir. Seorang lelaki dari Timur berangkat mengibarkan Panji-panji Hitam, yang dikatakan dia itu adalah (berasal dari) bangsa Syam dan dialah yang akan menyerahkan kekuasaannya kepada al-Mahdi."*

Perkara ini banyak diperbincangkan terutamanya oleh kalangan penduduk Syam yang berketurunan dari Bani Tamim. Jumlah mereka memang sedikit dan masing-masing saling mengenali, serta tahu pula susur galur keturunan setiap orang dari mereka. Setiap suku dari kalangan mereka menyangka dan berharap Pemuda Bani Tamim yang dimaksudkan itu datang dari kalangan suku masing-masing.

Namun, jika ucapan tabiin ini diperhatikan sungguh-sungguh, nyatalah bahawa Pemuda Bani Tamim itu bukan lahir dari kalangan mereka, tetapi lahir dan dewasa di Timur. Tapak perjuangannya juga bermula dan berkembang di Timur. Malah, tapak daulah yang didirikannya itu pun bermula di Timur juga. Syam adalah tempat terakhir yang akan ditujunya. Dan bangsa Syam yang dimaksudkan itu hanya asal-usul nenek moyangnya sahaja, bukan lagi tempat dia dilahir dan dibesarkan.

Dari Syam, sebahagian daripada mereka ini turun ke Yaman dan tinggal di sana beberapa lama untuk membentuk sebuah komuniti yang minoriti, kemudian sebahagian keturunannya berpindah lagi ke Kepulauan Melayu ini. Sebahagiannya masih tinggal di Yaman dan masih ada hingga ke hari ini. Sebahagian yang lain berpindah ke benua kecil India dan menyerap masuk sebagai sebahagian penduduk Islam di sana pula. Di Kepulauan Melayu inilah mereka bergaul dengan penduduk tempatan sehingga keturunan mereka pun akhirnya menjadi sama dengan, atau sebahagian daripada penduduk tempatan. Sebutan Arabnya hilang dan yang tinggal adalah sebutan Melayunya sahaja. Arabnya hanyalah pada keturunannya sahaja, atau asal-usulnya.

6. Pemuda Bani Tamim Berperanan Besar

A. Sabda Nabi SAW,

"Orang ramai daripada Timur (Pemuda Bani Tamim dan para pengikutnya benar-benar) akan muncul, kemudian menyerahkan kekuasaannya kepada al-Mahdi."

B. Daripada Abdullah bin Umar RA katanya, bersabda Nabi SAW,

"Al-Mahdi akan keluar di bawah panji-panjinya dan ada suara yang menyerukan: "Inilah Al-Mahdi Khalifah Allah, maka ikutilah dia." (At-Tabrani, Abu Nuaim & Al-Khatib)

Orang ramai yang dimaksudkan itu adalah kumpulan ***Ikhwan*** yang dipimpin oleh Syuaib bin Saleh. Mereka akan mendirikan tapak daulah Islamiah yang sebenar. Setelah tapak daulah itu siap dan hanya menanti Imam sebenar untuk mendudukinya, mereka akan mencari Imam Mahdi untuk diserahkan tapak daulah berkenaan. Ikhwan ini sifat-sifatnya sama dengan para sahabat pada awal Islam. Istilah Ikhwan itu adalah untuk membezakan antara mereka dengan para sahabat RA. Jika pada zaman awal Islam dahulu, istilah **Sahabat** digunakan untuk menunjukkan orang yang rapat dengan Rasulullah SAW, maka pada akhir zaman ini istilah **Ikhwan** digunakan. Kedua-dua istilah Sahabat dan Ikhwan ini bukan reka-rekaan Imam Mahdi atau Pemuda Bani Tamim, tetapi ditunjukkan sendiri oleh Rasulullah SAW melalui hadis-hadis sahih. Mahu tidak mahu, setiap kumpulan orang ramai pasti ada ketuanya, atau pemimpinnya. Dan bagi Ikhwan ini, tidak syak lagi pemimpinnya adalah Pemuda Bani Tamim sendiri. Peranan besarnya adalah membentuk pasukan Ikhwan ini, mendidik dan mengasuh mereka sehingga menjadi tepat seperti yang dinyatakan oleh hadis-hadis Rasulullah SAW.

7. Pemuda Bani Tamim Berasal dan Keluar Dari Timur

A. Sabda Nabi SAW,

"Pembawa bendera al-Mahdi adalah seorang laki-laki daripada suku Tamim yang datang dari Timur."

B. Ammar bin Yasir RA berkata,

"Pembawa Panji-panji Al-Mahdi adalah Syuaib bin Saleh."

Kedua-dua penyataan ini menjelaskan dan membuat penegasan bahawa pembawa Panji-panji Imam Mahdi itu adalah Syuaib bin Saleh, berasal dari keturunan Bani Tamim dan tempat kelahirannya adalah di Timur. Jelaslah bahawa memang muktamad bahawa Pemuda Bani Tamim yang digelar Syuaib bin Saleh itu adalah orang yang datang dari kalangan bangsawan Quraisy, dari Bani Tamim, tetapi nenek moyangnya telah berhijrah ke Timur, bercampur dengan orang-orang Timur, dan akhirnya melahirkan pembantu kanan Imam Mahdi itu. Penyataan mengenai hal ini sudah pun disebutkan pada bahagian sebelum ini.

Panji-panji yang dimaksudkan itu adalah tapak daulah Imam Mahdi, selain maksud sebenar panji-panji hitam itu. Sesiapa yang mendapat daulah di Timur, maka tidak syak lagi bahawa dialah Pemuda Bani Tamim yang dimaksud oleh hadis-hadis, dan keperibadian yang cukup rahsia itu terbongkar pada hari itu. Susur galur keturunannya tidak perlu lagi diselongkar, kerana memang telah

muktamad dia itu Pemuda Bani Tamim kerana hadis sudah mengesahkannya berkali-kali, bukan setakat sekali sahaja.

8. Pemuda Bani Tamim Memerangi as-Sufyani

A. Sabda Nabi SAW,

> *"Sebelum al-Mahdi (muncul), as-Sufyani akan muncul dengan 360 pasukan berkuda. Kemudian dengan diiringi 30,000 pasukan yang dipimpin oleh Kalb, iaitu bapa saudaranya. As-Sufyani kemudian mengerahkan askarnya ke Iraq. Dalam serangan ini, 100,000 orang terbunuh di Zaura' iaitu suatu bandar di Timur. Setelah itu mereka menyerang Kufah pula. Ketika itu muncullah Panji-panji (Hitam) dari Timur. Lantas ada satu pertanyaan, "Wahai Rasulullah, bagaimana kami dapat mengenalinya?" Nabi SAW menjawab, "Dia adalah dari keturunanku, perawakannya mirip kepada Bani Israel, seolah-olah wajahnya bercahaya-cahaya laksana bintang, pipi kanannya bertahi lalat hitam. Dia tampan orangnya, yang berusia 40 tahun. Dia akan didatangi oleh Wali-wali Abdal dari Syam, tokoh-tokoh Nujabak dari Mesir, Asoib dari Timur dan para pengikutnya…"*

B. Dari Said bin Musayyab RH katanya, Rasulullah SAW bersabda,

> *"Panji-panji Hitam akan datang dari Timur untuk anak-anak keturunan Abbas. Kemudian berlakulah apa yang Allah kehendaki ia berlaku. Kemudian, sebuah Panji-panji Hitam yang kecil akan memerangi seorang lelaki dari keturunan Abu Sufyan dari Timur. Mereka akan membaiat Al-Mahdi."* (Abu Nuaim)

As-Sufyani yang dimaksudkan oleh hadis di atas adalah Amerika Syarikat kerana negara itu adalah negara yang paling lengkap pasukan tenteranya di dunia pada masa ini. Angka 360 pasukan berkuda itu menunjukkan jumlah yang cukup besar dan sangat kuat. Perlu pula diingat, bahawa yang dimaksudkan dengan as-Sufyani itu ada beberapa pasukan, antaranya as-Sufyani itu adalah Amerika Syarikat, dan ada hadis lain yang memaksudkan as-Sufyani itu sebagai pasukan Syiah Iran.

Kalb yang dimaksudkan sebagai bapa saudaranya itu adalah anggota NATO iaitu kesatuan ketenteraan negara-negara Eropah Barat. NATO dianggap sebagai bapa saudara Amerika Syarikat kerana kebanyakan rakyat Amerika Syarikat berasal-usul dari Eropah Barat itu, maka NATO itu dianggap sebagai bapa saudara kerana hubungan kekeluargaan yang sudah jauh sedikit. Jumlah tentera yang dipimpin itu adalah ramai, digambarkan dalam hadis sebagai sebanyak tiga puluh ribu orang. Bilangan itu hanyalah gambaran untuk menunjukkan ramai, bukan mesti tepat-tepat menurut jumlah itu. Pemimpin peneraju NATO dalam menyerang Iraq itu adalah Britain dan Perancis.

Tentera yang besar ini menuju ke Iraq. Dalam peperangan ini, seramai seratus ribu orang terbunuh, iaitu dari kalangan orang awam, bukan bilangan tentera Iraq atau Amerika Syarikat. Peristiwa penyerangan Amerika Syarikat dan sekutu NATOnya ini berlaku pada tahun 1990, dan kesannya masih lagi berterusan hingga ke hari ini. Zaura' yang dimaksudkan adalah ibu kota Iraq iaitu Baghdad dan kawasan-kawasan di utara Iraq, kerana pada masa itu, Baghdad dan kawasan yang dimaksudkan belum begitu dikenal lagi.

Yang dimaksudkan dengan Kufah ialah Asia Tenggara. Serangan kali ini bukan lagi menggunakan kekuatan tentera tetapi dengan kekuatan ekonomi. Hadis tidak menyebutkan bentuk serangan yang kedua ini dan berapa ramai yang terbunuh. Para kapitalis Amerika Syarikat dan Eropah menyerang dan merosakkan ekonomi negara-negara di Asia. Selepas itu, iaitu dalam keadaan gawat ekonomi itu, muncullah Pemuda Bani Tamim menjadi pemerintah, dan beliau menyediakan tapak untuk pemerintahan Imam Mahdi di Timur. Disebutkan secara agak lengkap ciri-ciri Imam Mahdi

untuk dikenali dan diyakini.

Pemuda Bani Tamim itu berjuang mengembalikan kekuasaan kepada Ahlulbait, yang disebut di dalam hadis mursal di atas sebagai anak-anak keturunan Abbas, kerana Bani Abbas itu adalah wakil kepada seluruh Ahlulbait. Pemuda Bani Tamim itu akan berperang dengan as-Sufyani, iaitu orang-orang Syiah di Iran pada hari ini. Orang-orang Syiah memerangi Pemuda Bani Tamim kerana beliau telah ***merosakkan*** Imam Mahdi mereka. Orang-orang Syiah meyakini Imam Mahdi mereka bernama Muhammad bin Al-Hasan al-Askari, tetapi Imam Mahdi yang bakal muncul ini adalah Muhammad bin Abdullah. Dan ini amat memarahkan mereka kerana nyatalah kini bahawa ulama-ulama Syiah telah berdusta kepada seluruh pengikutnya dan kepada seluruh dunia Islam sejak dahulu hingga ke saat tersebut.

Pemuda Bani Tamim selain memerangi as-Sufyani kecil iaitu Syiah, juga akan memerangi As-Sufyani besar iaitu Amerika Syarikat dan sekutu Eropahnya. Amerika Syarikat dan Eropah memerangi Pemuda Bani Tamim kerana beliau telah merosakkan sunnah mereka di atas dunia sekarang, menghancurkan sistem ekonomi dan melemahkan cengkaman mereka ke atas seluruh dunia. Sangatlah marahnya mereka kepada Pemuda Bani Tamim dan para Ikhwannya itu.

9. Imam Mahdi dan Pemuda Bani Tamim Tidak akan Kalah

A. Sabda Nabi SAW,

> *"Sentiasa akan ada satu toifah dari kalangan umatku yang sanggup menzahirkan kebenaran. Mereka tidak dapat dirosakkan (dikalahkan) oleh orang-orang yang menentangnya, hinggalah datang perintah Allah (mati syahid atau tibanya hari kiamat)."*

Ciri utama toifah yang dimaksudkan itu ialah mereka diberi keupayaan untuk menzahirkan kebenaran, bukan setakat memperkatakannya sahaja. Kalau setakat memperkatakannya, orang-orang Perancis yang bertaraf profesor pun lebih bijak bercakap daripada umat Islam sendiri. Jemaah-jemaah lain lazimnya hanya diberi keupayaan untuk memperkatakannya, tetapi tidak diberi keupayaan untuk mempraktikkannya. Jika mereka mempraktikkannya pun, hanyalah dalam satu dua perkara yang terlalu remeh-temeh menurut pandangan hati ulama batin.

Ciri kedua yang dimiliki oleh toifah awal kurun ialah mereka tidak dapat dikalahkan oleh mana-mana pihak pun yang menentangnya. Maksudnya, mereka ini sentiasa mendapat pertolongan terus daripada Allah dalam segala bentuk, tempat dan masa. Pertolongan itu pula bukannya dalam bentuk biasa, melainkan bertaraf keramat kerana sudah menjadi kebiasaan di dalam setiap jemaah kebenaran itu, terdapat orang yang bertaraf wali-wali yang doanya sangat mustajab. Melalui mereka inilah Allah turunkan pertolongan-Nya sehingga mereka tidak terkalahkan.

Ciri ketiga yang dimiliki oleh toifah ini ialah pemimpinnya adalah orang yang bertaraf mujaddid untuk sesuatu kurun itu, bukannya ulama biasa. Mujaddid adalah orang-orang yang sangat istimewa pada sisi Allah kerana mereka memang diutuskan kepada umat manusia untuk mengembalikan mereka kepada agama mereka dan kepada Tuhan, setelah tersasar jauh sekian lama.

10. Pemuda Bani Tamim Menerima Ujian Paling Berat

A. Dari Ibnu Mas'ud RA, katanya,

> *"Ketika kami berada di sisi Rasulullah SAW, tiba-tiba datang sekumpulan anak muda dari*

kalangan Bani Hasyim. Apabila terlihatkan mereka, maka kedua-dua mata baginda SAW dilinangi air mata dan air muka baginda kelihatan berubah. Aku pun bertanya, "Mengapakah kami melihat pada wajah Tuan sesuatu yang tidak kami sukai?" Baginda menjawab, "Kami Ahlul Bait telah Allah pilih untuk kami akhirat lebih dari dunia. Kaum kerabatku akan menerima bencana dan penyingkiran selepasku kelak sehinggalah datang suatu kaum dari sebelah Timur yang membawa bersama-sama mereka Panji-panji Hitam. Mereka meminta kebaikan tetapi tidak diberikannya, maka mereka pun berjuang dan beroleh kejayaan lalu diberikanlah apa yang mereka minta itu tetapi mereka tidak menerima sehinggalah mereka menyerahkannya kepada seorang lelaki dari kaum kerabatku yang akan memenuhkan bumi ini dengan keadilan seperti halnya bumi ini dipenuhi dengan kedurjanaan sebelumnya. Sesiapa di antara kamu yang sempat menemuinya, maka datangilah mereka itu walaupun terpaksa merangkak di atas salji. Sesungguhnya dia adalah al-Mahdi."
(Ibnu Majah)

Memang Pemuda Bani Tamim akan menerima ujian yang cukup berat dan besar. Jika tidak, bagaimana pula Rasulullah SAW sendiri boleh menitiskan air mata mengenangkan apa yang bakal dilalui oleh beliau. Baginda SAW masih boleh bersabar dan tidak menunjukkan reaksi yang nyata apabila mengetahui (melalui ilham dan kasyaf) bahawa cucu kesayangannya akan syahid dibunuh oleh tentera Bani Umaiyah suatu masa kelak. Tetapi apabila mengetahui ujian besar yang bakal dilalui oleh Pemuda Bani Tamim dan Ahlulbaitnya pada akhir zaman, baginda SAW tidak dapat menahan emosinya lalu menangis di hadapan para sahabat RA, sehingga menyebabkan para sahabat RA sendiri turut menangis dan berasa marah kepada sesiapa yang menyusahkan Pemuda Bani Tamim itu.

Jelaslah di sini juga bahawa Rasulullah SAW sebenarnya amat sayangkan Pemuda Bani Tamim itu, sehingga lebih disayanginya daripada cucu-cucu kesayangannya sendiri. Ini dikeranakan Pemuda Bani Tamim itulah yang akan menaikkan semula Islam ke puncak kejayaan dan kegemilangan, seperti mula-mula dahulu sedangkan sebelumnya Islam jatuh teruk, dipandang hina dan diremeh-remehkan. Dan sanggup pula menderita menerima ujian yang sangat berat, demi menegakkan semula Islam ke puncak kegemilangannya, yang ujian itu sebenarnya pada zaman dahulu, hanya mampu diterima oleh para rasul yang muqarrabin sahaja, bukannya orang biasa seperti dia.

11. Wajib Mentaati Imam Mahdi

A. Ibnu Masud RA meriwayatkan bahawa,

"Kami mendatangi Rasulullah SAW dan baginda keluar dengan membawa berita gembira, dan kegembiraan itu terbayang pada wajahnya. Kami bertanya kepada baginda perkara yang menggembirakan itu dan kami tidak sabar untuk mendengarnya. Tiba-tiba datanglah sekumpulan anak-anak muda Bani Hasyim yang di antaranya adalah al-Hasan dan al-Husain RA. Apabila terpandangkan mereka, tiba-tiba kedua-dua mata baginda berlinangan lalu kami pun bertanya, "Wahai Rasulullah, kami melihat sesuatu yang kami tidak sukai pada wajahmu." Baginda menjawab, "Kami Ahlulbait, telah Allah pilih akhirat kami lebih dari dunia kami. Kaum kerabatku akan menerima bencana dan penyingkiran selepasku kelak sehingga datanglah Panji-panji Hitam dari Timur. Mereka meminta kebaikan tetapi tidak diberikannya. Maka mereka pun berjuang dan memperoleh kejayaan. Sesiapa di antara kamu atau keturunan kamu yang hidup pada masa itu, datangilah Imam yang dari ahli keluargaku walau terpaksa merangkak di atas salji. Sungguh, mereka adalah pembawa Panji-panji yang mendapat hidayah. Mereka akan menyerahkannya kepada seorang lelaki dari ahli keluargaku yang namanya seperti namaku, dan nama bapanya seperti nama bapaku. Dia akan memenuhkan dunia ini dengan keadilan dan

kesaksamaan."
(Abu Daud, At-Tarmizi, Al-Hakim, Ibnu Hibban, Ibnu Majah, Abus Syeikh, Ibnu Adi, Abu Dhabi, Ibnu Asakir & Abu Nuaim)

Mereka yang dimaksudkan oleh hadis ini tidak lain dan tidak bukan adalah ***Ikhwan*** dan ***Asoib***, yang ketua mereka adalah Syuaib bin Saleh Pemuda Bani Tamim itu. Salah satu keramat terbesar Pemuda Bani Tamim ialah membawa hidayah yang merata kepada seluruh umat Islam dan semua manusia. Melaluinya, Allah SWT memberikan hidayah-Nya kepada semua manusia, sama seperti yang diperbuat oleh Allah melalui Rasulullah SAW. Hanya bezanya Rasulullah SAW membawa hidayah sebagai suatu mukjizat, sedangkan Pemuda Bani Tamim membawa hidayah sebagai suatu keramat. Dan peranannya membawa hidayah ini sudah dinyatakan oleh baginda SAW dalam hadis di atas.

Rasulullah SAW menyebutkan bahawa golongan Ahlulbait akan menerima dua ujian iaitu pertama, bencana dibunuh dan ditekan oleh pemerintah-pemerintah mereka, dan yang kedua ialah disingkirkan dari tanah air mereka. Ujian pertama itu sudah berlaku sejak awal Islam lagi, dimulai dengan terbunuhnya Sayidina al-Husain RA di Padang Karbala dan seterusnya hinggalah berakhir zaman pemerintahan Bani Abbasiah di Baghdad. Yang kedua iaitu disingkir dari tanah air mereka telah juga berlaku iaitu sejak Bani Saud mengambil alih kekuasaan di seluruh Hijaz dan sebahagian besar Semenanjung Tanah Arab.

Pemuda Bani Tamim juga disebutkan menerima ujian yang sangat berat dan tugas yang sangat besar, mengikut tahap yang telah disebutkan oleh hadis, berjumlah tujuh tahap. Kesukaran antara setiap tahap itu adalah berbeza-beza. Tahap berikutnya adalah jauh lebih berat daripada tahap-tahap yang telah dilalui sebelumnya. Ketujuh-tujuh tahap yang disebutkan oleh hadis itu adalah;

1. **Mereka meminta kebaikan**. Maksudnya mereka menyeru manusia kembali kepada ajaran Islam yang sebenar, iaitu Islam yang diasaskan pada tiga ilmu yang fardhu (tauhid, fekah dan tasawuf) sehingga manusia menjadi baik zahir dan batinnya. Itulah yang dimaksudkan dengan kebaikan di sini. Juga boleh dimaksudkan dengan beliau membina jemaah Islamnya sendiri sehingga menjadi sebuah jemaah yang besar dan hebat, sebuah jemaah yang mampu menzahirkan kebenaran, bukan semata-mata mampu memperkatakannya. Dari sini beliau mendirikan sebuah *kerajaan dalam kerajaan*, iaitu kerajaan Islam bayangan. Apabila mendapat kuasa kelak, bentuk itulah yang akan diperluaskan ke seluruh negara dan kawasan serantau, seterusnya ke seluruh dunia. Islam mereka adalah Islam praktikal, bukan Islam teori. Maksudnya ialah Islam yang hidup dalam dunia nyata, bukan sekadar Islam tempel atau Islam kulit. Islam itu adalah Islam yang menyeimbangkan antara syariat zahir dengan syariat batin, melalui rasa bertuhan yang tinggi. Juga Islam yang menyeimbangkan antara keperluan dunia dengan keutamaan akhirat. Maksudnya setiap yang mereka buat adalah untuk akhirat, tetapi dunia yang tidak sia-sia tetap dibuat, dengan niat untuk akhirat. Tamadun akhirat menjadi keutamaan bagi mereka, dan sebagai hasilnya tamadun dunia akan terbina dengan sendirinya tanpa perlu bersusah-susah memikirkan mengenainya. Itulah sebahagian kecil erti ***mereka meminta kebaikan*** seperti yang disebutkan oleh hadis Nabi SAW.

2. **Tidak diberikannya**. ***Nya*** di sini menunjukkan seorang atau sekumpulan orang, tidak melibatkan orang lain atau pihak lain. Dan ***Nya*** yang dimaksudkan bukanlah orang atau sekumpulan orang yang biasa, melainkan orang atau orang-orang yang mempunyai kuasa atau ilmu atau cantuman kedua-duanya sekali. Jika orang biasa, mustahil mereka dapat menghalang usaha dakwah yang memang sentiasa mampu menarik manusia kembali kepada ajaran Islam sebenar itu.
   Maka orang inilah atau kumpulan inilah yang berusaha keras menentang usaha-usaha dakwah

Pemuda Bani Tamim, sehingga mereka sanggup menyeksa dan memperlakukannya sedemikian kejam sedangkan mereka sendiri tiada bukti dan alasan untuk memperlakukannya demikian. Namun, itulah kehendak Allah SWT seperti yang tersurat di dalam takdir-Nya. Dan hal ini memang telah pun berlaku dan sekali gus membenarkan apa yang disabdakan oleh baginda SAW.
Mereka ini pula datang dengan berbagai-bagai rupa dan cara. Ada yang berbentuk pemerintah sebenar, yang menggunakan kaedah kuku besi untuk menindas perjuangan suci ini. Ada yang berupa orang baik lagi bersih tetapi mendalangi perbuatannya pada orang lain, iaitu berselindung di balik nama orang lain. Dialah dalang sebenar dan terbesar, kerana ada niat tersembunyi dan besar. Ada yang berupa orang alim dalam hal ehwal agama, iaitu menggunakan agama sebagai alat untuk membunuh usaha dakwah berkenaan. Ada yang berupa pihak penyampai, iaitu menggunakan media mereka sebagai alat untuk menabur fitnah dan berita bohong mengenai ***keburukan*** Pemuda Bani Tamim dan perjuangannya itu.

3. **Mereka pun berjuang**. Berjuang di sini bukan bermaksud berjuang dengan pedang atau senjata moden yang lain. Islam tidak akan dapat ditegakkan oleh sesiapa pun dengan menggunakan senjata pedang semata-mata. Belum pernah lagi terjadi dalam sejarah, ajaran Islam dapat ditegakkan semata-mata dengan pedang, iaitu memaksa-maksa orang lain menerima Islam. Sebenarnya ada senjata yang lebih berkuasa dan lebih tajam dari pedang iaitu dakwah yang berhikmah dan *bi lisanul hal*. Maksud berjuang juga adalah berjuang memperbaiki diri dan ibadat kepada Allah SWT sambil berusaha bersungguh-sungguh meninggalkan setiap yang boleh mendatangkan dosa sehingga menghijab hubungan antara mereka dengan Allah. Mereka takut dikeranakan dosa mereka itu, perjuangan mereka tidak dibantu oleh Allah lalu mereka Allah biar dikalahkan oleh musuh-musuh mereka.

4. **Mereka memperoleh kejayaan**. Hasil mujahadah nafsu dan muhasabah dosa mereka itu, Allah berkenan membantu mereka sehingga perjuangan mereka itu berjaya. Berjaya di sini dimaksudkan dengan berjaya mengalahkan nafsu jahat mereka sendiri sehingga nafsu mereka dapat ditundukkan kepada Allah, berjaya mencapai taraf soleh dan solehah malah ada yang menjadi wali Allah, sangat berjaya dalam setiap bidang yang diceburi, berjaya membina tamadun mereka yang tersendiri, dan berjaya mengajak masyarakat agar kembali kepada Allah dan mengamalkan ajaran agama Islam yang sebenar dalam diri masing-masing. Pemimpinnya iaitu Syuaib bin Saleh berjaya menyiapkan seluruh jentera pentadbiran awal yang bakal diserahkannya kepada Imam Mahdi kelak. Sebahagian jentera pentadbiran awalnya ini akan dikekalkan di bawah pentadbirannya sendiri dan sebahagiannya lagi akan berkhidmat untuk Imam Mahdi. Semuanya dipilih dan ditentukan oleh Allah SWT sendiri, diilhamkan kepada Imam Mahdi dan Imam Mahdi pula menyampaikannya kepada Syuaib bin Saleh. Melalui arahan itulah Syuaib bin Saleh memilih dan melantik barisan kepemimpinannya. Kedudukan mereka dalam pentadbiran adalah berdasarkan taraf takwanya kepada Allah SWT, bukan semata-mata ilmu yang tinggi atau amal yang banyak siang malam, dan jauh sekali melalui pengalaman berpolitik sebelum ini. Semakin tinggi takwa mereka kepada Allah, semakin tinggilah kedudukan yang akan Allah serah kepadanya untuk membantu menguruskan seluruh umat Islam ini. Semua masalah yang selama ini amat kronik, berjaya disembuhkan, kerana adanya pertolongan terus daripada Allah yang didatangkan melalui tangan-tangan mereka yang bertakwa ini. Mereka juga berjaya kerana pada masa inilah semua orang sudahpun mengetahui siapa sebenarnya peribadi yang disebutkan sebagai Pemuda Bani Tamim atau Syuaib bin Saleh itu. Orang ramai juga sudahpun mengetahui siapa peribadi sebenar yang bakal menjadi Imam Mahdi itu. Itulah antara maksud hadis dengan ***memperoleh kejayaan***.

5. **Diberikanlah apa yang mereka minta itu**. Mereka diserahkan urusan pemerintahan dan pentadbiran umat Islam di Timur, dimulai di Malaysia, insya-Allah. Keadaan ini amat

menggemparkan seluruh dunia terutama Barat kerana ternyata usaha-usaha mereka selama ini untuk menyekat kebangkitan semula Islam di dunia ini telah gagal. Islam yang dibendung-bendung dengan pelbagai cara dan sekatan itu tetap bangkit juga. Jika dahulu oleh Nabi Muhammad SAW, kini oleh Muhammad III iaitu Muhammad bin Abdullah al-Mahdi. Pada waktu ini, seluruh sistem Barat yang sedang digunakan di Timur lumpuh terus. Perdagangan, perekonomian, pendidikan, politik dan pemikiran Barat yang sedang asyik digunakan menjadi lumpuh. Jalan-jalan dagang tersekat kerana tidak dapat beroperasi dengan betul.

Selepas itu wilayah kekuasaannya meluas hingga ke Singapura, Brunei Darussalam, seluruh Indonesia, Thailand selatan, Filipina selatan, Kampuchea dan Vietnam selatan. Kawasan-kawasan ini adalah fasa pertama kebangkitan semula Islam kali kedua ini. Pada masa ini taraf Ummah Kedua masih belum siap sepenuhnya, masih lagi dalam proses permulaan atau pemulihan. Tugas Pemuda Bani Tamim hanyalah membuang seluruh sistem Barat dan membersihkan saki-baki karatnya, kemudian menyediakan ***tapak hati*** yang telah dibersihkan tadi supaya bersedia menerima suatu hidayah baru yang selama ini tertutup rapat sejak kewafatan baginda SAW kira-kira seribu empat ratus tahun dahulu. Hidayah itu tidak dimiliki oleh Pemuda Bani Tamim, atau Allah tidak memberikan kelebihan itu kepada beliau. Kelebihan yang satu ini hanya dimiliki oleh Imam Mahdi sahaja, selain Rasulullah SAW sendiri. Hidayah yang dibawa oleh Pemuda Bani Tamim adalah hidayah yang bersifat umum, iaitu membawa manusia meninggalkan sistem jahiliyah Barat kepada sistem Islam. Yang seterusnya adalah tugas Imam Mahdi pula.

Rasulullah SAW pula memiliki kedua-dua bentuk hidayah ini, dan hanya baginda SAW seorang sahaja yang benar-benar diberikan hidayah jenis ini. Kedua-dua bentuk hidayah itu adalah hidayah untuk membuang segala sistem jahiliyah sehingga hati dan fikiran mereka menjadi bersih sebersih-bersihnya, kemudian menyediakan tapak hati yang telah dibersihkan itu untuk menerima hidayah seterusnya. Hidayah yang seterusnya adalah hidayah untuk menerima ***Pendidikan Rasulullah SAW***, yang bersifat sangat suci dan amat tinggi, serta amat halus sehingga mampu melahirkan orang-orang yang bersifat ***samikna wa ata'na*** (kami mendengar dan kami taat akan segala perintah) dan menjadikan mereka orang-orang yang bertaraf wali-wali Allah yang tinggi, sentiasa mengamalkan cara hidup ***ruhbanu fil lail wa fursanu binnahar*** (umpama rahib pada malamnya dan umpama singa pada siangnya). Kedua-dua hidayah ini, pada zaman ini hanya ada pada mereka berdua sahaja, tidak diberikan kepada orang lain. Sesiapa yang menginginkan kedua-dua hidayah itu, mahu tidak mahu hendaklah melalui mereka berdua ini sahaja, tidak didapat melalui orang lain lagi.

Sambil menghapuskan seluruh sistem Barat yang telah lama berkarat di seluruh negara, Pemuda Bani Tamim mempunyai tugas yang cukup besar dan sangat berat iaitu mengemaskan seluruh negara dengan iman yang tinggi, akhlak yang mulia, akidah yang benar-benar mantap, mempersiapkan seluruhnya untuk menerima ketibaan Imam Mahdi yang sangat ditunggu-tunggu, sangat dirindu, yang sangat disayangi dan sangat dicintai itu. Seluruh hati yang beriman sudah berbunga, dengan bunga-bunga yang kembang biak mewangi di seluruh negara. Yang kafir dan munafik, ketika itu sangat menderita, hatinya terbakar hangus oleh kemarahan dirinya sendiri yang tidak terbendung-bendung lagi sehingga membakar hangus akal dan pertimbangan warasnya. Sangatlah sakit hatinya ketika itu. Allah sahajalah yang tahu keadaan mereka ini. Wajah mereka berkerut seribu dan masam mencuka, tanda tidak suka.

Selepas itu, wilayah-wilayah Islam semakin merebak dan meluas. Kini mula memasuki seluruh Thailand, seluruh Filipina, seluruh Laos, seluruh Viertnam, seluruh Myanmar, mula masuk ke wilayah-wilayah di China dan seterusnya sampai ke Khurasan. Penyebaran Islam kali ini sudah memasuki tahap kedua, dengan sampainya Islam ke Khurasan, tempat yang dijanjikan akan munculnya Panji-panji Hitam yang sebenar dan tempat seorang lelaki menanti Pemuda Bani Tamim. Ketika ini, Panji-panji Hitam dan Pedang Zulfakar sudah pun berada di tangan Pemuda Bani Tamim. Kedua-duanya ditancapkan tinggi-tinggi ke udara, sebagai lambang tingginya kedudukan Islam dan tingginya cita-cita besar mereka.

6. **Mereka tidak menerimanya**. Maksud tidak menerimanya bukanlah dengan erti tidak menerima terus urusan pemerintahan yang diserahkan kepada mereka. Maksud sebenarnya ialah mereka menyatakan secara tegas dan tetap bahawa pemerintahan ini adalah hak mutlak Imam Mahdi, dan mereka hanyalah bertindak sebagai pengurus atau pemegang sementara sahaja, iaitu sementara pemilik sebenarnya muncul ke dunia ini. Apabila pemilik yang sebenar berhak ke atas pemerintahan itu, mereka akan segera menyerahkannya kepada orang itu, yang tidak lain dan tidak bukan adalah Imam Mahdi al-Alawi. Oleh itu, pemerintahan mereka adalah sebagai **pemegang amanah** atau pemangku sahaja, ketika pemimpinnya tiada di situ. Penjelasannya sudah dibuat di atas tadi.

7. **Mereka menyerahkannya kepada seorang lelaki dari Ahlulbait**. Menurut hadis-hadis, orang itu adalah Imam Mahdi sendiri, tidak lain dan tidak bukan. Tempat penyerahan itu boleh sahaja berlaku di Makkah atau jika mereka terlambat sedikit, mereka akan terus sahaja ke Baitulmaqdis. Di sanalah mereka akan menyerahkan Panji-panji Hitam itu kepada orang yang paling berhak menerimanya. Beliau adalah waris terakhir dari kalangan Ahlulbait yang akan diserahi tugas dan tanggungjawab memimpin seluruh manusia kepada Islam. Dengan penyerahan ini, lengkaplah tugas Pemuda Bani Tamim. Tugas seterusnya adalah tertanggung kepada Imam Mahdi. Namun, Imam Mahdi tetap memberikan Pemuda Bani Tamim tugas yang sesuai dengan jasanya kepada Islam dan kedudukannya yang sangat tinggi pada sisi Allah SWT dan beliau tetap terus menabur jasa yang tidak terhingga kepada seluruh umat Islam dan dunia.

   Ketika ini, tahap ketiga yang dikehendaki oleh **Jadual Allah** itu selesailah sudah iaitu dengan tunduknya seluruh Tanah Arab di bawah pemerintahan Pemuda Bani Tamim dan Imam Mahdi. Dan dengan ini, seluruh dunia Islam yang meliputi tiga tahap itu, dan nama baru bagi seluruh dunia Islam yang meliputi ketiga-tiga tahap ialah **Malaysia Raya**! Ini adalah mengambil sempena nama negara kita yang tercinta ini, disebabkan oleh faktor-faktor berikut;

   a. **Di situlah tempat kelahiran Pemuda Bani Tamim.** Pemuda Bani Tamim yang digelar sebagai Syuaib bin Saleh itu dilahir dan dibesarkan di Malaysia, tidak di tempat lain.
   b. **Di situlah Pemuda Bani Tamim memulakan pendidikannya** sehingga besar dan dewasa. Beliau tidak belajar di tempat-tempat lain seperti yang lazim berlaku pada ulama-ulama lain sejak dahulu hingga kini. Jika beliau pergi ke luar negara pun, adalah untuk berdakwah sambil belajar, bukan semata-mata dengan tujuan belajar.
   c. **Di situlah Pemuda Bani Tamim memula dan mengasaskan perjuangannya** dari mula sehingga berkembang ke seluruh negara dan seterusnya berjaya pula di peringkat antara bangsa. Kebangkitan semula Islam di seluruh negara dan kemudian merebak ke seluruh dunia adalah bermula di Malaysia, tidak di tempat-tempat lain.
   d. **Di situlah mula-mula tapak daulah Islamiah didirikan** dan seterusnya menjadi tapak bagi pembentukan Ummah Kedua.
   e. **Di situlah tempat Imam Mahdi menetap sehinggalah beliau ghaib.** Beliau dikatakan ghaib di Malaysia dan sentiasa berada di sekitar Malaysia untuk melihat-lihat keadaan seluruh negara, di samping di tempat-tempat lain di Indonesia dan Singapura.
   f. **Golongan Asoib paling ramai datang dari Malaysia.** Golongan Asoib adalah generasi yang sama taraf dengan golongan Sahabat RA, bezanya Asoib adalah untuk akhir zaman dan Sahabat RA untuk zaman awal Islam. Dan di Malaysialah golongan ini paling ramai muncul.
   g. **Di situlah pusat pemerintahan Imam Mahdi didirikan.** Di Malaysia ada pusat pentadbiran yang akan menjadi pusat pemerintahan seluruh dunia bagi Imam Mahdi. Di pusat pentadbiran itulah Imam Mahdi akan mentadbir seluruh dunia, dalam

suasana pemerintahan Islam sebenar.

Dan seperti yang dijanjikan oleh baginda SAW sendiri, kemunculan Pemuda Bani Tamim adalah menandakan akan segera pula munculnya Imam Mahdi. Ertinya, Imam Mahdi tidak akan muncul sendirian, melainkan telah didahului oleh kemunculan orang kanannya yang setia itu.

12. Hadis Panji-panji Yang Amat Terkenal

A. Dari Abdullah RA katanya,

> *"Ketika kami berada di sisi Rasulullah SAW, tiba-tiba datang sekumpulan anak-anak muda dari kalangan Bani Hasyim. Apabila terpandang akan mereka, maka kedua-dua mata Rasulullah SAW berlinangan air mata dan wajah baginda berubah. Aku pun bertanya, "Mengapakah kami melihat pada wajahmu sesuatu yang kami tidak sukai?" Baginda menjawab, "Kami Ahlulbait, telah dipilih oleh Allah akhirat kami lebih dari dunia kami. Kaum kerabatku akan menerima bencana dan penyingkiran selepasku kelak sehinggalah datang suatu kaum dari sebelah Timur dengan membawa bersama-sama mereka Panji-panji Hitam. Mereka meminta kebaikan tetapi tidak diberikannya. Maka mereka pun berjuang dan memperoleh kejayaan lalu diberikanlah apa yang mereka minta itu tetapi mereka tidak menerimanya sehinggalah mereka menyerahkannya kepada seorang lelaki dari kaum kerabatku yang akan memenuhkan bumi ini dengan keadilan sebagaimana halnya ia dipenuhi dengan kedurjanaan. Sesiapa di antara kamu yang sempat menemuinya, maka datangilah mereka walaupun kamu terpaksa merangkak di atas salji."*
>
> (Ibnu Majah)

Jika diperhatikan ketiga-tiga buah hadis di atas (hadis nombor 10, 11 dan 12), kita akan dapati terdapat sedikit perbezaan matannya. Namun, perbezaan matannya yang sedikit ini tidak boleh pula dijadikan alasan untuk kita terus menjatuhkannya sebagai maudhuk. Perbezaan matannya ini tidak begitu jelas, dan tidak menunjukkan pertentangan maksud antara satu hadis dengan hadis yang lain. Kesemuanya sebenarnya saling menguatkan antara satu sama lain atau menunjukkan hadis ini datang melalui beberapa riwayat atau sanad. Sungguhpun rawi akhirnya (sahabat RA) hanya seorang sahaja iaitu Abdullah bin Mas'ud RA, ini tidak dapat dijadikan alasan untuk mendhaifkannya apatah lagi memaudhukkannya terus kerana jalan (sanad) yang diterima adalah banyak.

13. Pemuda Bani Tamim Sentiasa Dibantu oleh Allah

A. Daripada al-Hasan Al-Basri RH katanya,

> *Bahawa Nabi SAW menyebut bala yang akan menimpa kaum keluarganya, "Hinggalah Allah mengutuskan Panji-panji Hitam dari Timur. Sesiapa yang menolongnya akan ditolong pula oleh*

Allah. Sesiapa yang menghinanya akan dihinakan pula oleh Allah, hinggalah mereka mendatangi seorang lelaki yang namanya seperti nama aku. Mereka pun melantiknya memimpin mereka, maka Allah pun membantu dan menolongnya." (Nuaim bin Hammad)

Hadis mursal ini menjelaskan bahawa Pemuda Bani Tamim itu mempunyai beberapa ciri utama, yang antaranya adalah sebagai pembawa Panji-panji Hitam kepunyaan Rasulullah SAW. Kelebihan seterusnya ialah beliau adalah seorang yang digelar **Al-Mansur** (Orang yang Dibantu oleh Allah) dan sesiapa yang membantunya akan turut dibantu oleh Allah. Kelebihan yang kedua ini adalah keramat beliau yang amat besar kerana dapat membantu orang yang membantunya menegakkan semula agama Islam.

Hadis mursal ini juga memberi amaran yang cukup jelas dan tegas kepada sesiapa sahaja, sama ada yang Islam atau yang kafir agar jangan cuba-cuba mengganggu atau menghalang sebarang usaha Pemuda Bani Tamim daripada membina tapak daulah Imam Mahdi itu. Namun sudah ditakdirkan juga oleh Allah SWT bahawa usahanya yang begitu murni dan baik itu tetap akan ada penghalangnya. Dan terbukti pula hadis ini benar dari segi matannya kerana setiap orang yang telah menentang Pemuda Bani Tamim akan menerima balasan yang amat setimpal dengan perbuatan mereka itu, di dunia ini lagi, kerana itulah yang dijelaskan oleh Rasulullah SAW di dalam hadisnya. Matan hadis yang berbunyi *sesiapa yang menghinanya akan dihinakan pula oleh Allah* bermaksud mereka yang menentang Pemuda Bani Tamim akan menerima balasan yang segera di dunia ini lagi, dan kehinaan yang lebih dahsyat sedia menanti mereka di akhirat kelak. Ini janji Rasulullah SAW, bukan janji manusia. Setiap janji baginda SAW adalah benar dan pasti, tidak ada syak lagi padanya.

Selain Pemuda Bani Tamim, para Ikhwan juga akan sentiasa dibantu oleh Allah SWT dengan bantuan-Nya dan pertolongan-Nya. Kedua-dua bentuk pertolongan dan bantuan dari Allah ini tidak pernah diterima oleh mana-mana generasi Islam pun sebelum ini, melainkan pada zaman Rasulullah SAW dan zaman Khulafa ur-Rasyidin dahulu. Selepas itu, pada zaman Khalifah Umar bin Abdul Aziz, hanya bantuan dari Allah sahaja yang diterimanya, manakala pada zaman Sultan Muhammad al-Fateh Osmaniah pula, hanya pertolongan Allah sahaja yang diterimanya. Dan pada akhir zaman ini, kedua-dua pertolongan dan bantuan Allah dapat mereka terima secara sekali gus.

Dan dengan bantuan dan pertolongan dari Allah itu, umat Islam akan menjadi mulia semula. Mereka menjadi umat yang maju lahir dan batin, mantap akidahnya, cantik akhlaknya dan menjadi tuan yang memerintah bagi seluruh dunia. Seluruh dunia akan tunduk dan taat kepada Islam, kerana umat Islamnya sendiri tunduk dan taat kepada segala perintah Allah SWT zahir dan batin. Kepada orang-orang yang beginilah Allah SWT beri sepenuh kepercayaan dan Dia akan serahkan seluruh dunia ini untuk mereka warisi dan tadbir dengan sistem yang Allah telah tetapkan. Apakah kita tidak teringin atau berhasrat melihat agama Islam dan umatnya menjadi maju dan peneraju dunia seperti zaman Nabi SAW dahulu?

14. Pemuda Bani Tamim Adalah Pembela Sebenar Ahlulbait

A. Dari Sayidina Ali KMW katanya Nabi SAW bersabda,

> *"Akan keluar seorang lelaki dari seberang sungai yang dikatakan Al-Haris bin Harras, yang di hadapannya ada seorang lelaki yang dikatakan al-Mansur, dialah yang akan memudahkan urusan atau membela keluarga Nabi SAW seperti pihak Quraisy yang membela Rasulullah SAW. Wajib setiap mukmin menolongnya atau baginda bersabda, "Wajib setiap orang mukmin menerimanya."* (Abu Daud, an-Nasa'i, al-Baihaqi & al-Husin)

Seberang Sungai yang dimaksudkan atau disebut di dalam hadis sebagai **Ma Wara an-Nahar**, adalah juga wilayah **Khurasan** yang terkenal itu. Memang dalam sejarah awal penaklukan Islam ke atas wilayah-wilayah timur Arab, nama **Ma Wara an-Nahar** sudah cukup terkenal. Nama itu sudah wujud dalam sejarah penaklukan oleh Sayidina Umar RA lagi, disambung lagi pada zaman pemerintahan Bani Umaiyah. Maka nama itu memang terkenal dalam sejarah umat Islam sehingga ke hari ini. **Khurasan** juga adalah cukup terkenal, walaupun pada hari ini wilayah yang dinamakan Khurasan itu sudah tiada lagi kerana ***dipotong-potong*** oleh pihak penjajah Barat yang cuba menghilangkannya dari peta dunia. Mereka juga yakin dengan kebenaran hadis-hadis Nabi SAW mengenai wilayah Khurasan ini.

Dari kawasan itulah akan muncul seorang lelaki yang bernama **Al-Haris**. Al-Haris itu namanya dan **Harras** itu gelaran dan pekerjaannya kerana dia adalah seorang petani yang sangat berjaya kerana dibantu oleh Allah dalam setiap usaha taninya itu. Memang dia menempati kawasan itu, tidak keluar ke mana-mana. Dialah yang akan menyerahkan Panji-panji Hitam sebenar kepada Syuaib bin Saleh at-Tamimi, selain menyerahkan sejumlah pasukan untuk digunakan oleh Syuaib bin Saleh dalam ekspedisi besarnya itu.

Maksud *yang di hadapannya* bermaksud Al-Haris itu adalah pembantu kepada Syuaib bin Saleh. Namun dia hanya menyerahkan sejumlah pasukan kepada Syuaib bin Saleh, dan tidak ikut serta dalam ekspedisi itu. Dia tetap tinggal di wilayah Khurasan itu, memimpin umat Islam di sana dalam urusan agama mereka. Pada masa inilah Syuaib bin Saleh mendapat gelaran ***al-Mansur***, suatu gelaran yang sangat istimewa bagi umat ini, sama istimewanya dengan gelaran ***as-Siddiq*** bagi Sayidina Abu Bakar, dan ***Karramallhu Wajhah*** bagi Sayidina Ali RA.

Al-Mansur inilah yang menjadi pembela sebenar keluarga Nabi Muhammad SAW pada akhir zaman ini kerana beliau berjuang untuk menaikkan seorang Ahlulbait ke jawatan yang paling tinggi bagi sekalian umat Islam sehingga dengan hasil usaha dan susah payahnya itu, mudahlah Ahlulbait berkenaan menjawat jawatannya sebagai khalifah bagi seluruh umat Islam. Dan sebagai mengiktiraf setiap hasil usahanya itu, Rasulullah SAW menyatakan dengan jelas dan terang bahawa wajib setiap mukmin menerimanya atau menolongnya, sehingga matlamat yang diperjuangkannya itu tercapai sepenuhnya.

Pada ketika ini, bukan sahaja umat Islam yang membelakangkan golongan Ahlulbait, malah di kalangan Ahlulbait sendiri ada yang menjadi penyambung lidah golongan yang menghancurkan mereka dahulu, dengan mengecam dan merendah-rendahkan golongan Ahlulbait sendiri. Apa niat mereka yang tersirat, kita pun tidak tahu. Selain itu, mereka ini juga berpecah-pecah ke sana-sini, berterabur ke serata pelosok dunia. Masing-masing ikut kepala sendiri-sendiri. Dalam keadaan demikian, hampir mustahil mereka ini dapat disatukan lagi di bawah satu pimpinan dan di suatu tempat tertentu. Namun, dalam keadaan demikian, muncul Pemuda Bani Tamim Syuaib bin Saleh yang menjadi pembela kepada golongan Ahlulbait itu sendiri, kemudian berusaha keras memandu mereka kembali kepada kebenaran, sambil menyatukan semula mereka yang sudah begitu lama

berpecah-pecah ke sana-sini itu.

Sehingga apabila Imam Mahdi muncul sebagai khalifah Allah, golongan Ahlulbait ini sudah disatukan semula di suatu tempat dan bersatu pula pemikiran dan tindak-tanduk mereka. Selain itu, Pemuda Bani Tamim juga disebut mengikut jejak kaum Quraisy dahulu dalam membela Rasulullah SAW, iaitu sanggup bersusah payah dan sama-sama menanggung derita demi membela kaum Ahlulbait ini. Maka wajiblah kita sebagai umat Islam yang mukmin turut sama membantu usaha murninya itu. Ertinya setiap umat Islam ***wajib mencari pemimpin yang dilantik oleh Allah SWT*** pada awal setiap kurun Hijrah.

15. Sifat-sifat Khusus Pemuda Bani Tamim

A. Kata Ka'ab bin Alqamah RH,

> *"Yang akan membawa bendera al-Mahdi adalah seorang lelaki yang muda usianya. Dia berjanggut nipis dan berkulit kuning. Sekiranya dia menggempur gunung, nescaya gunung itu akan hancur dan menjadi rata (sehinggalah mereka) sampai ke bandar Ilyak (sebuah bandar di Baitulmaqdis)."*

Sahabat Rasulullah SAW menyebutkan beberapa sifat khusus Pemuda Bani Tamim sebagai menjelaskan lagi ciri-ciri yang telah sedia disebutkan oleh baginda SAW dalam beberapa hadisnya sebelum ini. Tambahan-tambahan ini amatlah berguna, terutamanya pada zaman kita ini, walaupun dipandang sepi sahaja oleh kebanyakan umat Islam sejak dahulu lagi.

16. Pemuda Bani Tamim Adalah Dari Keturunan Sayidina Al-Hasan RA

A. Abdullah bin Amru RA berkata,

> *"Seorang lelaki dari anak cucu Al-Hasan akan datang dari arah Timur. Jika dia menghadap ke arah gunung, akan dipukulnya hingga rata sehingga mereka berjaya melaluinya."*

Fakta yang amat menarik ini dikemukakan oleh Sayidina Abdullah bin Amru RA, seorang sahabat Rasulullah SAW yang terkemuka. Menurut beliau, Pemuda Bani Tamim itu berasal dari kalangan Ahlulbait juga, dari anak cucu Sayidina al-Hasan bin Ali RA. Sayidina Abdullah bin Amru RA meriwayatkan banyak hadis mengenai Imam Mahdi dan Pemuda Bani Tamim, selain mengeluarkan pandangan beliau sendiri, yang kita yakin adalah kasyaf beliau, iaitu apa yang Allah SWT kurniakan kepada beliau.

Berdasarkan penyataan beliau inilah, maka pada hari ini, golongan minoriti Bani Tamim di Syria (Syam) tetap menyatakan bahawa mereka adalah datang dari golongan Ahlulbait, dari anak cucu Sayidina al-Hasan RA, dan yakin pula dari kalangan merekalah akan munculnya Pemuda Bani Tamim yang dimaksudkan oleh hadis-hadis dan asar-asar. Mereka menanti-nanti dan mencari-cari di kalangan mereka seseorang yang bakal muncul dengan tanda-tanda tertentu, juga telah disebutkan oleh para wali di kalangan mereka juga. Namun, mereka tidak menemuinya di tanah air mereka itu, iaitu di Syam, tetapi mereka mendapati ciri-ciri itu ada pada seorang lelaki dari Timur. Kesemua ciri yang dimaksudkan itu ada padanya dan tepat pula dengan apa yang dikehendaki oleh hadis-hadis dan asar-asar berkenaan. Maka mereka mengakuinya.

Perkara paling menarik mengenai ini adalah perakuan bahawa Bani Tamim adalah suatu suku yang berpunca dari kalangan Ahlulbait juga, bukan dari Bani Tamim yang bangsa Quraisy itu. Jadi, di kalangan bangsa Arab sebenarnya ada dua Tamim, satu suku Tamim dan yang satu lagi Bani Tamim. Suku Tamim adalah suku yang besar, darinya lahir tokoh terkenal dalam Islam, Sayidina Abu Bakar as-Siddiq RA. Bani Tamim adalah puak yang jauh terkemudian munculnya, adalah dari kalangan Ahlulbait, dari anak cucu Sayidina al-Hasan RA.

Disebutkan pula bahawa Pemuda Bani Tamim itu, iaitu yang bergelar Syuaib bin Saleh akan dibekalkan dengan keramat yang amat hebat dan besar, sesuai dengan kedudukannya yang tinggi itu, iaitu mampu menggempur gunung hingga menjadi rata, jika mereka mahu melaluinya.

17. Pemuda Bani Tamim Adalah Pemimpin Ikhwan

A. Dari Anas RA, katanya, Rasulullah SAW bersabda,

> *"Aku amat rindu untuk bertemu dengan Ikhwanku." Lantas para sahabat bertanya, "Tidakkah kami ini ikhwanmu?" Sabdanya, "Bukan, malah kamu adalah sahabatku dan Ikhwanku adalah mereka yang beriman denganku walaupun mereka tidak pernah melihatku."*

B. Dari Ibnu Mas'ud RA, sabda Nabi SAW,

> *"Kemudian Urwah bin Muhammad as-Sufyani menghantar sepasukan tentera berkudanya ke Kufah seramai 15,000 orang, kemudian mengutus pasukan tentera yang lain seramai 15,000 orang juga, yang berkenderaan, menuju ke Makkah dan Madinah untuk memerangi al-Mahdi dan para pengikutnya. Maka pasukan tentera yang pertama tadi sampai ke Kufah, berjaya menawan kota itu, lalu memusnahkan apa sahaja, daripada kaum perempuan dan kanak-kanaknya, di samping membunuh setiap lelaki, merampas segala harta-benda yang ada lalu pulang semula (kepada as-Sufyani). Maka (pada ketika itu juga) datanglah suatu kaum yang gagah berani (sihat)dari arah Timur, yang mana mereka itu mengikut Amir min Umarak dari (keturunan) Bani Tamim yang dikatakan dia itu (adalah) Syuaib bin Saleh. Maka dia datang menyelamatkan setiap yang ada daripada tawanan mereka (wanita dan kanak-kanak tadi) lalu (segera) bertolak pula ke Kufah. Pasukan tentera yang kedua pula, sampai ke kota Madinah Rasul SAW, lalu memerangi dan memusnahkannya selama tiga hari, maka datang kepada (hati) mereka pertolongan daripada memusnahkan terus seluruh penduduk dan anak-anak (penghuni Madinah). Kemudian mereka meneruskan lagi perjalanan menuju ke Makkah Al-Mukarramah, untuk memerangi al-Mahdi dan orang-orangnya. Apabila sampai di al-Baidak, semuanya dihapuskan oleh Allah. Maka itulah yang dimaksudkan dengan firman Allah, "Kalau kamu melihat ketika mereka terkejut, maka tidak akan luput (dari ingatan), lalu diambil (nyawa) mereka dari tempat yang dekat (dengan Makkah)." (Surah Sabak, ayat 51)*

Ada dua golongan yang membangunkan Islam dalam erti kata yang sebenarnya. Golongan pertama membangunkan Islam pada peringkat awal perkembangan Islam, iaitu di Makkah dan Madinah, bersama-sama dengan Rasulullah SAW. Golongan kedua membangunkan Islam pada peringkat akhir perkembangan Islam, iaitu di Timur, bersama-sama dengan Pemuda Bani Tamim dan Imam Mahdi. Golongan pertama disebut Sahabat iaitu panggilan yang sudah amat masyhur seantero dunia, tidak perlu diperkenalkan lagi. Golongan kedua disebut Ikhwan, suatu panggilan yang tidak

diketahui, amat ganjil dan perlu diperkenalkan kepada seluruh dunia.

Perbezaan sebutan atau panggilan ini tidaklah membawa apa-apa kerana kedua-dua golongan dibezakan itu untuk menunjukkan golongan pertama muncul pada awal kemunculan Islam dan golongan kedua muncul pada akhir perkembangan Islam. Seperti mana Rasulullah SAW sayangkan para Sahabat RA, maka begitulah juga rindunya baginda SAW kepada para Ikhwan ini. Golongan Ikhwan ini juga rindu untuk bertemu dengan Rasulullah SAW sama seperti Rasulullah SAW rindu untuk bertemu dengan mereka. Bukan Ikhwan namanya jika hati mereka tidak rindu kepada, atau tidak berapa rindu untuk bertemu dengan Rasulullah SAW, sama ada semasa hidupnya di dunia ini lebih-lebih lagi setelah matinya kelak, iaitu di alam akhirat.

Dan seperti biasa, setiap golongan itu ada pemimpinnya. Golongan Ikhwan ini pastilah tidak terkecuali dan ketua atau pemimpin mereka nyata bukanlah sebarang-barang orang. Jika para Sahabat RA dahulu pemimpin mereka adalah Rasulullah SAW sendiri, maka bagi golongan Ikhwan ini, pemimpin mereka adalah Pemuda Bani Tamim sendiri kerana beliaulah yang mengajar, mendidik, mengasuh, membentuk, membina dan membangunkan golongan ini sehingga keperibadian mereka salin tidak tumpah dengan keperibadian para Sahabat RA pada zaman dahulu. Hal ini tidak perlu difikirkan jauh-jauh atau kita cuba menafikannya. Jika kita mahu menjadi salah seorang daripada Ikhwan, maka ikutlah pimpinan dari Pemuda Bani Tamim. Jika tidak, payahlah harapan kita untuk menjadi salah seorang daripada anggota Ikhwan itu. Kita tidak mempunyai pilihan yang lain kerana hanya itu sahaja satu-satunya pilihan yang ada untuk kita pilih - ***to be or not to be.***

Setelah Imam Mahdi muncul kelak, maka Imam Mahdilah yang menjadi pemimpin bagi golongan Ikhwan ini. Namun kita perlu ingat, Imam Mahdi tidak membentuk golongan Ikhwan ini setelah beliau muncul kelak, sebab para Ikhwan ini dibentuk sebelum Imam Mahdi muncul, bukan setelah munculnya. Ini perlu diingat, difahami dan diketahui dengan sebaik-baiknya agar tidak tersalah faham atau sengaja buat-buat tidak faham.

18. Tapak Daulah Imam Mahdi Adalah di Timur

A. Dari Abdullah bin Al-Haris RA katanya Nabi SAW bersabda,

> *"Akan ada orang-orang yang keluar dari sebelah Timur, lalu mereka mempersiapkan segala urusan untuk al-Mahdi, yakni pemerintahannya."*
>
> (Ibnu Majah & At-Tabrani)

Hadis ini sungguhpun pendek sahaja dari segi matannya, sebenarnya mempunyai beberapa tafsiran dan huraian yang luas dan panjang. Penulis ringkaskan beberapa maksud sahaja, iaitu yang penting-penting daripadanya.

1. Orang-orang yang dimaksudkan dalam hadis ini adalah golongan ***Ikhwan*** dan ***Asoib***, tidak lain dan tidak bukan. Hanya golongan ini sahaja yang bersungguh-sungguh berjuang untuk menegakkan pemerintahan yang akan diserahkan kepada Imam Mahdi. Kumpulan-kumpulan lain tidak akan berjuang menegakkan pusat pemerintahan untuk Imam Mahdi kerana masing-masing sama ada berjuang untuk kepentingan sendiri, atau berjuang tidak di tempat yang tepat, atau berjuang tidak menggunakan uslub yang sebenar seperti yang digunakan pada zaman Nabi SAW, atau berjuang tidak pada masa yang sesuai, atau berjuang tidak dipimpin oleh pemimpin yang sebenar yang ditunjuk oleh Allah SWT untuk zaman itu.
2. Semua pembangun dan pembina pusat pemerintahan Imam Mahdi itu adalah orang-orang Timur iaitu bangsa yang memang menetap di Timur, yang memeluk agama Islam secara umumnya, mengamalkan ajaran Islam lebih baik daripada bangsa-bangsa lain. Dari kalangan merekalah keluarnya Ikhwan ini dan dari kalangan merekalah juga akan munculnya kebanyakan daripada golongan Asoib. Maknanya, bangsa Timur itulah yang menjadi peneraju

utama kebangkitan semula Islam kali kedua ini, sama seperti bangsa Arab yang menjadi peneraju kebangkitan Islam kali pertama dahulu.

3. Mereka datang dari sebelah ***Timur.*** Maksud Timur sudah dijelaskan dalam bab-bab sebelum ini. Maka tidak perlu diperpanjangkan lagi penjelasannya di sini.
4. Mereka ini mempersiapkan segala urusan untuk Imam Mahdi. Segala urusan yang dimaksudkan adalah dari semua segi, yang termampu kita fikirkan dan tidak termampu kita fikirkan. Hanya golongan Ikhwan dan Asoib ini sahaja yang benar-benar memahami apa maksud segala urusan itu. Ini dikeranakan mereka mendapat didikan dan tarbiah secara langsung daripada Pemuda Bani Tamim, pemimpin sejati mereka. Keadaan ini samalah seperti para Sahabat RA di Madinah yang mempersiapkan segala urusan pemerintahan untuk diserahkan kepada Rasulullah SAW. Apabila Rasulullah SAW tiba di Madinah, segala-galanya sudah siap sedia dan baginda SAW hanya perlu mentadbirnya sahaja.
5. Semua urusan ini ketuanya tidak lain dan tidak bukan adalah Pemuda Bani Tamim sendiri. Beliaulah yang benar-benar memahami segala selok-belok yang dikehendaki dalam perjuangan menegakkan pemerintahan untuk Imam Mahdi itu. Orang lain tidak akan dapat memahaminya dengan baik, walau setinggi mana pun ilmu mereka atau sebanyak mana pun pengalaman mereka. Jika mereka berkumpul beramai-ramai dan berpakat untuk menegakkan pemerintahan untuk Imam Mahdi sekali pun, pasti tidak akan tercapai dan tetap akan tersasar dari sasaran kerana mereka tidak mendapat panduan sebenar dalam hal ini. Hanya Pemuda Bani Tamim seorang sahaja yang boleh melakukan semua ini, dengan tepat dan benar, sesuai dengan apa yang dikehendaki oleh hadis-hadis Rasulullah SAW.
6. Imam Mahdi itu sungguhpun muncul dan dibaiat di Makkah, pusat pemerintahannya adalah di Timur kerana hal ini sudah dijelaskan oleh hadis ini. Disebutkan bahawa pusat pemerintahan Imam Mahdi adalah di Timur, iaitu di tempat berkumpulnya para Ikhwan. Jadi, hadis lain yang menyatakan pusat pemerintahan Imam Mahdi adalah di Syam, sebenarnya dimaksudkan di Timur ini untuk menyesuaikannya dengan kehendak hadis ini, bukan lagi Syam yang dekat Syria sana.

19. Imam Mahdi Keluar Ketika Dunia Penuh Kacau-bilau

A. Sabda Nabi SAW,

> *"Al-Mahdi akan keluar pada akhir zaman, ketika bala bencana sedang melanda (dengan amat hebatnya di seluruh dunia) dan pemberian al-Mahdi itu adalah sangat bererti (menyenangkan)."*
>
> (Abu Nuaim)

Manusia apabila sudah begitu lama ketandusan sesuatu yang amat didambakan, walaupun hanya mendapat sedikit sahaja daripada nikmat tersebut, mereka akan merasakannya sebagai sesuatu yang amat besar dan bernilai, lebih daripada yang dirasakan oleh orang yang pernah merasakannya sebelum itu. Itulah fitrah semula jadi manusia, tidak kira di Timur atau di Barat, kaya atau miskin, kuat atau lemah, beriman atau tidak beriman dan seterusnya. Dalam hal ini, apabila manusia sudah dibiasa dan dilalikan dengan peperangan, pergaduhan, pertelingkahan, perselisihan, perbezaan, perseteruan, perpecahan dan sebagainya sejak sekian lama sehingga mereka tidak pernah merasakan lagi apa itu keamanan, kedamaian, kesejahteraan, kesentosaan, kebahagiaan dan keadilan, maka

apabila mereka mendapat setitis daripada rasa bahagia tersebut, mereka akan merasakannya sebagai sesuatu yang amat bernilai dan besar.

Begitulah juga keadaan hati seluruh umat manusia pada hari ini. Mereka sudah dibiasa dan dilalikan dengan beraneka perseteruan, pertelingkahan dan perpecahan sehingga mereka sudah lupa apa itu keamanan dan bahagia. Jika mereka memperkatakan pun, mereka sebenarnya tidak tahu apa yang mereka katakan itu kerana mereka sendiri sudah tidak kenal apa itu bahagia dan aman. Apabila yang memperkatakannya pun sudah tidak faham dan kenal apa yang diperkatakannya, mustahillah keamanan dan kebahagiaan dapat dicapai oleh masyarakat. Jika aman pun, aman itu adalah aman menurut kaca mata mereka, bukan aman dalam erti kata yang sebenar-benarnya. Bahagia juga adalah menurut apa yang mereka fahami, bukannya bahagia yang hakiki.

Dalam keadaan mereka yang sebegitulah Allah turunkan wakil-Nya untuk membantu manusia mengecapi apa yang dikatakan aman, bahagia, sentosa, sejahtera, adil, damai dan gembira itu. Orang yang telah sekian lama amat mendambakan kebahagiaan itu, pastilah tidak akan melepaskan apa yang telah mereka dapati melalui Imam Mahdi itu yang selama ini tidak pernah terfikirkan oleh mereka yang mereka akan mendapatinya suatu hari kelak. Maka, Imam Mahdi itu amatlah bererti bagi mereka kerana Imam Mahdi telah membantu mereka mengecapi, mengetahui dan memahami sebenar-benarnya apa yang dikatakan bahagia dan aman itu.

Hadis ini juga memberitahu bahawa Imam Mahdi itu amat dihormati dan disayangi oleh seluruh umat Islam di seluruh dunia pada masa pemerintahannya. Bagi mereka, Imam Mahdi itulah segala-galanya bagi mereka, sehingga mereka merasakan jika tiada Imam Mahdi, apalah mereka. Kerana itu, Imam Mahdi sangat disayangi, dikasihi, dihormati dan diutamakan oleh mereka, sehingga melebihi segala-galanya (melainkan Allah). Itulah yang bakal berlaku, iaitu apabila seseorang pemimpin itu berusaha membawa manusia kepada Allah, pasti mereka akan dikasihi dan disayangi oleh sekalian rakyatnya, lebih daripada apa yang mereka jangkakan. Hakikatnya hari ini, manusia menjauhi pemimpin kerana pemimpinnya membawa manusia jauh daripada Tuhan. Hasilnya, bukan sahaja manusia menjauhi Tuhan mereka, malah akan turut menjauhi pemimpin yang membawa mereka menjauhi Tuhan tadi. Tetapi kebanyakan manusia tidak menyedari akan hal ini.

Pemimpin yang berjaya adalah pemimpin yang berjaya membawa sekalian rakyatnya mendekati, mengenali, mencintai dan menyayangi Tuhan. Apabila ini berjaya dilakukan, maka berjayalah pemimpin itu dan berjaya jugalah kepemimpinannya terhadap manusia. Rasulullah SAW berjaya dalam kepemimpinannya adalah kerana baginda SAW berjaya membawa hati-hati seluruh umat Islam kepada Tuhan mereka, sehingga hati-hati mereka yang sebelumnya begitu liar, menjadi amat jinak dan mesra dengan Tuhan. Mereka mencintai, menyayangi dan mengingati Tuhan dalam setiap urusan, setiap ketika dan setiap suasana. Mana-mana pemimpin hari ini yang berjaya berbuat demikian, maka itulah dia Sahibul Zaman untuk zaman ini. Tidak perlu syak lagi padanya.

20. Penduduk Syam Ditimpa Bencana Hebat

A. Kata Sayidina Ali KMW,

> *"Sebelum muncul al-Mahdi, turun bencana yang membinasakan umat manusia. Kamu semua jangan mencela penduduk Syam, kerana mereka (paling teruk) ditimpa musibah tersebut. (Kejadian) yang demikian kerana para Wali Abdal adalah lahir dari kalangan mereka. Bencana*

tersebut antaranya berupa hujan lebat yang menenggelamkan ramai manusia, sehingga andainya mereka berhadapan dengan sekumpulan musang sahaja, nescaya mereka akan dikalahkan (oleh musang-musang itu). Setelah itu Allah memunculkan al-Mahdi, yang (ketika mula-mula munculnya itu) berada di tengah-tengah pasukan tentera yang minimumnya berjumlah 12,000 orang (tentera) atau maksimumnya berjumlah 15,000 orang. Tanda-tanda pasukan itu ialah diperintah dari tiga pasukan berasingan, yang mana ketiga-tiga pasukan itu akan diserang oleh tujuh pasukan yang lain (dari kalangan as-Sufyani), yang masing-masing ketuanya (sangat) berminat untuk menjadi Amir. Kemudian al-Mahdi muncul, lantas mengembalikan umat Islam kepada akhlak yang luhur dan kepada kehidupan yang amat sejahtera. Mereka terus berada dalam keadaan begini sehinggalah Dajjal keluar (di tengah-tengah manusia)."

(Ahmad, Abu Daud, Ibnu Majah & At-Tabrani)

Kata-kata Sayidina Ali KMW ini menjadi rujukan kebanyakan orang terutamanya kalangan ahli sufi kerana dari ucapan inilah mereka mengetahui bahawa Wali Abdal itu datang dari Syam. Memang Wali Abdal adalah antara wali yang cukup dihormati kerana dekatnya hubungan mereka dengan Tuhan di samping berkat yang nyata, keluar hasil dari keberadaan mereka di kalangan umat manusia. Kerana itulah mereka ini menjadi antara golongan wali yang sentiasa mendapat perhatian kebanyakan manusia, dan mereka ini dijadikan wasitah untuk memohon pertolongan Allah kepada seluruh umat Islam.

Jika demikian, kenapa penduduk Syam masih menerima bencana yang hebat itu? Tidakkah para Wali Abdal ini mampu menolak bala dengan cara mendoakan kepada Tuhan agar diangkat-Nya bala tersebut dari mereka? Ada beberapa sebab mengapa umat manusia masih tetap menerima bala dan bencana dari Tuhan walaupun ada yang bertaraf wali di kalangan mereka itu. Ini disebabkan, antara lainnya adalah kerana,

1. Umat manusia sudah terlalu jauh daripada Tuhan sehingga keberadaan para wali berkenaan sudah tidak mampu lagi mengangkat dosa-dosa manusia yang sudah terlalu berat itu sehingga bala yang sepatutnya boleh diangkat, tidak diangkat oleh Tuhan. Akibatnya, mereka tetap ditimpa bala berkenaan supaya mereka rasakan secebis daripada azab-Nya semasa di dunia ini. Bagi yang beriman, turunnya bala ini sudah cukup untuk menginsafkan hati mereka.

2. Umat manusia membelakangkan para wali-Nya. Ramai yang sudah menafikan kewujudan para wali, yang menafikan berlakunya keramat pada wali-wali, yang menganggap para wali sudah tidak ada lagi pada zaman moden ini, yang menganggap para wali tidak diperlukan lagi dalam era globalisasi hari ini, dan sebagainya. Apabila para wali dibelakangkan, maka bala Tuhan sudah tidak dapat lagi disekat-sekat kerana pada ketika itu kemurkaan Allah melebihi daripada rahmat-Nya. Maka diturunkan-Nya sedikit daripada azab-Nya supaya manusia mahu kembali kepada Tuhan mereka.

3. Manusia sudah tidak malu lagi kepada para wali. Ramai yang sudah tidak tahu adab sopan ketika bertemu dengan para wali. Ramai yang sudah tidak segan-segan lagi berbuat dosa di hadapan para wali, dan ramai yang menganggap keberadaan para wali ini hanya menyusahkan kebebasan kehidupan dunia mereka sahaja. Kerana itu, ramai yang menganggap para wali itu sama seperti mereka juga, tidak perlu dihormat-hormat, tidak perlu disegan-segankan, dan ada yang beranggapan jika tiada para wali berkenaan adalah lebih baik daripada adanya dari kalangan mereka. Ramai yang berkata bahawa para wali itu manusia juga, seperti mereka, ada salah atau sekurang-kurangnya ada berbuat silap. Maka tidak perlulah dihormat-hormat dan dilebih-lebihkan. Yang lebih malangnya, ada yang berkata, perbuatan menghormati para wali secara berlebihan tidak mempunyai dasar dalam agama, dan merupakan suatu perbuatan bidaah dan boleh merosakkan akidah.

21. Datang Pasukan dari Iraq ke Madinah

A. Sabda Nabi SAW,

> *"Pasukan (tentera) dari Iraq keluar mencari seorang lelaki dari Madinah iaitu al-Mahdi. Kemudian Allah menyelamatkan al-Mahdi daripada kejaran pasukan ini. Ketika mereka melintasi suatu padang di Zul Hulaifah (dalam perjalanan ke Makkah untuk mengejar al-Mahdi), maka mereka ditelan bumi (semuanya), sehingga yang di atas sampai hari kiamat."*

B. Kata Anas RA,

> *"Ketika Nabi SAW sedang tidur di rumah Ummu Salamah RA, baginda bangun lalu bersabda, "Tiada daya upaya melainkan dari Allah."* Ummu Salamah RA bertanya*, "Kenapa Rasulullah menyebutkan demikian?"* Baginda menjawab, *"Satu pasukan tentera datang dari arah Iraq untuk memerangi seorang lelaki dari Madinah yang dilindungi oleh Allah. Apabila mereka tiba di padang pasir dekat Zul Hulaifah, mereka pun ditelan bumi. Yang di atasnya tidak sampai ke bawahnya dan yang di bawahnya tidak sampai ke atasnya sampailah ke hari pengadilan. Tujuan mereka adalah berbeza-beza."* Ummu Salamah RA bertanya*, "Wahai Rasulullah SAW, bagaimanakah mereka boleh ditelan bumi sedangkan niat mereka berbeza-beza?"* Baginda SAW menjawab*, "Sebab ada di antara mereka yang dipaksa mengikuti."*
>
> (Ibnu Majah, Al-Busiri & Al-Bazar)

Iraq yang dimaksudkan bukanlah Iraq yang kita kenali pada hari ini, yang terletak di utara Hijaz itu. Iraq pada zaman dahulu adalah negara yang bukan negara Islam, yang merupakan kuasa besar dunia pada masa ini. Dalam kes ini, maksudnya adalah Eropah/Amerika Syarikat atau Iran. Tentera yang besar yang dimaksudkan itu adalah kuasa besar Eropah/Amerika Syarikat yang amat takutkan kebangkitan semula Islam bagi kali yang kedua dan cuba sedaya upaya membendungnya, walaupun terpaksa menggunakan kekuatan tentera. Mereka juga bersatu dalam menentang kebangkitan Imam Mahdi.

Hadis ini membawa erti bahawa kuasa Eropah/Amerika Syarikat yang bukan beragama Islam akan menjejakkan kaki ke bumi Hijaz dan ini telah terbukti dengan masuknya pasukan tentera Amerika Syarikat ke Arab Saudi yang dikuasai oleh keluarga Saud itu semasa ***Perang Teluk*** dahulu. Kekuatan ketenteraan Amerika Syarikat itu masih lagi berada di bumi Arab Saudi kerana menjaga keamanan rantau Teluk itu daripada diserang oleh Iraq. Apabila tentera kafir ini cuba masuk ke Tanah Haram Makkah dan Madinah, mereka akan ditelan oleh bumi kerana orang bukan Islam tidak boleh masuk ke Tanah Haram itu, apatah lagi setelah mereka melakukan kezaliman di kota suci Madinah. Dan dengan itu terselamatlah Imam Mahdi daripada dibinasakan oleh kuasa kafir itu.

Maksud kedua adalah tentera Iran. Pasukan Iran ini akan menyerang Imam Mahdi kerana marahkan golongan Ahlus Sunnah. Puak Syiah juga mempunyai Imam Mahdi, tetapi ternyata Imam Mahdi mereka tidak bangun-bangun sedangkan Imam Mahdi Ahlus Sunnah sudahpun bangun dan muncul untuk memerintah dunia. Maka tidak ada jalan lain bagi mereka lagi melainkan ***terpaksa memerangi*** juga golongan Ahlus Sunnah dengan Imam Mahdinya. Apabila Imam Mahdi Ahlus Sunnah muncul, maka terbukalah tembelang Syiah selama ini dan tahulah oleh seluruh manusia bahawa puak Syiah itu penipu besar selama ini kerana mendakwa orang yang telah mati sebagai Imam Mahdi. Maka apabila pasukan ini tiba di antara Makkah dengan Madinah, maka mereka akan ditelan bumi sebagai suatu keramat bagi Imam Mahdi, dan sekali gus merupakan bantuan terus dari Allah.

Dan boleh jadi juga kedua-dua pasukan ini akan bergabung untuk menyerang Imam Mahdi di Makkah, cuma niat sahaja yang berbeza-beza. Pasukan dari Eropah/Amerika Syarikat berhasrat

menggagalkan kemunculan Imam Mahdi yang bakal membawa Islam kembali ke mercu kejayaan dan kegemilangan. Pasukan Syiah pula mahu membunuh Imam Mahdi supaya Imam Mahdi Ahlus Sunnah itu tidak muncul, dan dengan itu menyelamatkan maruah mazhab Syiah daripada tercalar teruk. Dan kedua-dua pasukan yang bergabung ini akan ditelan oleh bumi di antara Makkah dengan Madinah dan yang tinggal hanyalah dua orang sahaja, dan kedua-dua yang terselamat itu adalah dari kalangan tentera Syiah. Semua tentera kafir itu habis semuanya mati terbenam. Imam Mahdi pun terselamat daripada cubaan menghapuskannya.

22. As-Sufyani dan Bala Tenteranya Menyerang Imam Mahdi

A. Sabda Nabi SAW,

"Sebelum (munculnya) al-Mahdi, as-Sufyani akan muncul bersama-sama 360 pasukan (tentera) berkuda, kemudian dengan diiringi oleh 30,000 (tentera) yang dipimpin oleh Kalb, iaitu bapa saudaranya. As-Sufyani kemudian mengerahkan askarnya ke Iraq. Dalam serangan ini, 100,000 orang terbunuh di Zaurak, iaitu suatu kota di Timur. Setelah itu, mereka menyerbu Kufah. Lantas (ketika itu) muncullah Panji-panji (Hitam) dari Timur. Yang memegang benderanya ialah seorang Pemuda dari Bani Tamim yang digelarkan Syuaib bin Saleh. Dia (at-Tamimi itu) kemudian menyerang sekelompok tawanan daripada penduduk Kufah dan membunuh semuanya. Setelah itu as-Sufyani mengerahkan sebahagian tenteranya (pergi menyerang) Madinah. Mereka terus menyerang Madinah selama tiga hari lalu menuju ke Makkah. Ketika mereka sampai di al-Baidak, Allah memerintahkan Jibril supaya menghentakkan kakinya dengan sekali hentakan, yang mana dengan hentakan itu, mereka jadi terbenam ke dalam bumi sehingga tidak berbaki melainkan dua orang yang kemudian menyampaikan (perihal) peristiwa tersebut kepada as-Sufyani. Tetapi as-Sufyani tidak menghiraukannya. Lalu dia mengirimkan dua orang (keturunan) Parsi untuk meminta bantuan (kerajaan Romawi) menaklukkan Kostantinopel. Oleh raja Romawi, permintaannya ini segera dikabulkan (lalu dihantar pasukan tentera yang ramai untuk membantu). Tetapi ketika kedua-dua orang (utusan) ini sampai di pintu gerbang Damsyik, mereka dibunuh orang. Selain itu, as-Sufyani juga membunuh orang yang mengingkari dirinya, bahawa ada seorang perempuan duduk-duduk di atas pahanya di pintu gerbang di Damsyik. Ketika itulah terdengar satu seruan dari langit, "Wahai (sekalian) manusia, sesungguhnya Allah telah membinasakan orang-orang yang zalim, orang-orang munafik dan sekutu-sekutu mereka. Allah telah mengangkat seorang yang terbaik dari umat Muhammad SAW sebagai pemimpin kamu semua. Oleh itu, sambutlah dia di Makkah. Dia adalah al-Mahdi yang bernama Ahmad bin Abdullah."

Lalu ada satu pertanyaan kepada Rasulullah SAW, "Wahai Rasulullah, bagaimanakah kami dapat mengenalinya?" Jawab baginda, "Dia adalah dari keturunanku, iaitu perawakannya seakan-akan Bani Israel, kulitnya kemerah-merahan seolah-olah wajahnya bercahaya laksana bintang, pipi kanannya bertahi lalat hitam (yang hidup). Dia tampan orangnya, berusia 40 tahun. Dia akan didatangi oleh Wali-wali Abdal dari Syam, Wali-wali Nujabak dari Mesir, Asoib dari Timur dan pengikut-pengikutnya. Mereka kemudian pergi ke Makkah bersama-sama, lantas (setelah membaiat Imam Mahdi) berangkat (pula) ke Syam. Waktu itu, Jibril berada di depannya dan Mikail berada di belakangnya. Penghuni langit, penduduk bumi, burung-burung, binatang buas dan ikan-ikan di laut semuanya suka/redha kepadanya. Air menjadi mudah (didapati) di mana-mana negeri pun yang dikuasainya, sungai-sungainya mengalir (deras dan banyak), harta karun (melimpah ruah dan) mudah didapati. Dia lantas pergi ke Syam dan menyembelih as-Sufyani di bawah pokok yang dahan-dahannya (menjulur) sampai ke Laut Tibriyah."

B. Sabda Nabi SAW,

"Seorang lelaki bernama As-Sufyani akan datang dari tengah kota Damsyik. Kebanyakan

tenteranya adalah dari Bani Kalb. Dia akan membunuh (ramai orang) sehingga memperkosa wanita dan membunuh kanak-kanak. Maka datanglah suatu kaum dari Qais lalu membunuh mereka semuanya. Kemudian keluarlah seorang lelaki dari ahli keluargaku di Al-Hirrah dan berita itu sampai kepada As-Sufyani. Dia segera menghantar pasukan tenteranya tetapi menderita kekalahan (teruk). As-Sufyani bangun memimpin sendiri pasukan tenteranya sehingga mereka sampai di kawasan gurun lalu ditelan oleh bumi."

Hadis tersebut menyatakan bahawa sebelum Imam Mahdi muncul, as-Sufyani akan muncul dan berkuasa terlebih dahulu. Tempatnya disebutkan sebagai tengah kota Damsyik, mempunyai angkatan tentera yang besar dan kuat. As-Sufyani yang dimaksudkan itu adalah Amerika Syarikat, manakala Kalb (bapa saudara as-Sufyani) yang dimaksudkan adalah Nato iaitu kuasa pakatan tentera Eropah Barat. Kekuatan tentera Kalb dan as-Sufyani digambarkan sebagai memiliki tiga ratus enam puluh pasukan berkuda. Jumlah itu sebenarnya adalah gambaran sahaja, untuk menunjukkan betapa kuat dan besarnya angkatan tentera berkenaan.

Pasukan berkuda yang dikatakan itu adalah kelengkapan ketenteraan yang terbaik dan tercanggih yang dimiliki oleh Amerika Syarikat dan Nato. Pada zaman dahulu, memiliki pasukan berkuda adalah kelengkapan ketenteraan yang terbaik, dan pada masa ini, kelengkapan berkuda itu digantikan oleh jet-jet pejuang, kereta kebal, kapal perang terbesar, kapal selam, peluru berpandu jarak jauh, persenjataan termoden dan seterusnya. Itulah kias bagi tentera berkuda yang dimaksudkan oleh hadis berkenaan.

Pasukan tentera as-Sufyani ini menyerang Iraq, menyebabkan seramai seratus ribu orang terbunuh, kebanyakannya orang awam. Hadis ini tidak menyebutkan tentera yang mati. Angka seratus ribu orang itu hanyalah kiasan sahaja untuk menunjukkan jumlah yang sangat ramai, bukannya mesti tepat-tepat seratus ribu orang. Selain itu, dalam serangan ke atas Iraq ini, as-Sufyani dibantu dan dipimpin oleh Kalb yang menghantar sejumlah tiga puluh ribu orang tentera. Hadis ini telah benar-benar terjadi kerana memang Iraq telah benar-benar diserang oleh Amerika Syarikat dan dibantu oleh sekutu Eropahnya.

Setelah itu mereka menyerang Kufah pula iaitu negara-negara di Asia Tenggara. Kali ini serangan mereka bukan lagi menggunakan tentera tetapi menggunakan kekuatan ekonomi. Maka pada ketika itulah Pemuda Bani Tamim muncul dan mendapat kuasa di Timur yang baru diserang itu. Hal ini sangatlah mengejutkan Amerika Syarikat itu sendiri dan juga Eropah, terutamanya Britain dan Perancis. Britain dan Perancis adalah dua buah negara yang paling kuat menentang kebangkitan semula Islam serta paling takutkan kekuasaan Islam berkembang di dunia ini. Kedua-duanya paling banyak melaburkan kewangan untuk mengkaji, merisik kekuatan, mengintai dan mencari jalan melemahkan terus umat Islam. Mereka juga berusaha keras agar kebenaran hadis-hadis mengenai kejadian akhir zaman ini tidak berlaku.

Apabila Pemuda Bani Tamim muncul, maka muncul jugalah ketika itu as-Sufyani kedua atau as-Sufyani kecil iaitu pemimpin puak Syiah. Mereka ini menentang Pemuda Bani Tamim kerana mereka juga mempunyai Imam Mahdi mereka sendiri, selain mempunyai hadis yang menceritakan kebangkitan Panji-panji Hitam. Oleh kerana yang bangkit itu adalah Panji-panji Hitam milik puak Ahlus Sunnah, mereka menentangnya kerana nyata bukan dari kalangan mazhab mereka yang Syiah itu. Mustahil pemilik Panji-panji Hitam yang Ahlus Sunnah itu akan menyerahkan panji-panji keramat itu kepada Imam Mahdi Syiah yang sudah pasti tidak akan muncul.

Mereka inilah yang akan mengetuai sendiri pasukan tentera yang berkelengkapan besar itu untuk menyerang kota suci Madinah. Tentera Syiah ini akan mendapat bantuan daripada tentera Eropah, bergabung menjadi satu pasukan yang lebih besar lagi. Pasukan ini akan menghancurkan kota suci Madinah dalam masa tiga hari sahaja sehingga menjadi rata dan yang tinggal hanyalah bekas-

bekas bangunan yang runtuh. Masjid Nabawi yang amat mulia itu juga turut hancur dan tinggal sejarah sahaja. Itulah huraian bagi maksud dua buah hadis yang amat bertentangan sekali lafaz zahirnya. Dan tidak dinafikan, kerana pertentangan maksud zahir inilah, maka dengan mudah sahaja salah satu atau kedua-dua buah hadis ini terus sahaja dihukumkan maudhuk atau amat dhaif oleh beberapa ramai ulama dan pengkaji yang tidak begitu teliti dalam kajian mereka.

Semasa itu juga akan terdengar suara dari langit yang memberitahu tentang kemunculan Imam Mahdi di Makkah. Suara malaikat itu dapat didengar oleh semua orang dengan jelas, dapat difahami oleh setiap manusia, menurut bahasa masing-masing, sehingga yang sedang tidur akan terjaga, yang terlena akan turut mendengarnya. Suara itu terdengar seperti dekat dengan telinga mereka. Mereka saling bertanya kepada orang yang di sebelahnya sama ada turut mendengar apa yang dia dengar itu atau tidak. Yang tinggal di Malaysia akan bertanya kepada rakannya yang tinggal di Indonesia mengenai hal yang sama, begitu juga yang tinggal di negara-negara lain.

Hadis ini juga memberitahu tentang golongan pembantu Imam Mahdi. Hal ini rasanya tidak perlulah disebutkan panjang lebar dalam bahagian ini kerana akan disentuh dalam bab yang khusus untuk itu dalam bahagian yang akan datang. Oleh itu, untuk mendapatkan keterangan lanjut tentang hal itu, lihatlah bahagian-bahagian seterusnya dalam bab yang akan datang.

23. Pemuda Bani Tamim Melawan As-Sufyani

A. Kata Huzaifah RA,

> *"Apabila orang-orang berkulit gelap mendatangi bangsa Arab, mereka akan dikalahkan dan dicampak ke tempat yang paling bawah di bumi ini. Apabila hal ini berlaku, As-Sufyani akan muncul dengan 360 tentera berkuda sehingga mereka sampai ke Damsyik. Selepas sebulan, mereka akan diikuti oleh tiga puluh ribu orang dari Bani Kalb. Maka dihantarnya tentera ke Iraq dan membunuh seratus ribu orang di Az-Zaurak. Kemudian mereka pergi ke Kufah dan menawannya. Apabila ini berlaku, sebuah bendera akan muncul dari arah Timur yang diketuai oleh seorang lelaki dari Bani Tamim yang digelarkan Syuaib bin Saleh. Dialah yang mengawal apa yang di bawah kekuasaannya daripada penduduk Kufah dan dia akan membunuhnya (As-Sufyani dan tenteranya). Kemudian, sebuah pasukan As-Sufyani yang lain akan mendatangi Madinah dan merosakkannya selama tiga hari tiga malam, dan selepas itu berangkat menuju ke Makkah sehingga mereka tiba di suatu kawasan gurun. Maka Allah mengutuskan Jibril dan berfirman kepadanya, "Hapuskan mereka!" Maka dia pun menghentakkan sebelah kakinya ke atas mereka lalu Allah membenamkan mereka kerananya. Tiada yang tinggal melainkan dua orang yang menghantar berita duka kepada As-Sufyani, tetapi itu masih tidak menakutkannya. Beberapa orang dari kaum Quraisy akan melarikan diri ke Konstantinopel lalu As-Sufyani menghantar pemimpinnya ke Rom meminta diserahkan semula mereka kepadanya untuk dihukum pancung bersama-sama pengikutnya.*
>
> *Pada ketika itulah kedengaran suatu suara berseru, "Wahai manusia, sesungguhnya Allah telah memusnahkan pemerintah yang zalim, dan para pengikutnya untuk kamu. Diserahkan-Nya kepimpinan umat ini kepada sebaik-baik umat Muhammad. Maka sertailah dia di Makkah,*

iaitu Al-Mahdi." Kemudian Huzaifah bertanya, "Wahai Rasulullah SAW, bagaimanakah dapat kami mengenalinya?" Baginda menjawab, "Dia adalah dari anak keturunanku, dia kelihatan seperti orang-orang Israel, dia memakai dua lapis jubah putih Qutwani. Wajahnya bersinar-sinar bagaikan bintang, pada pipinya ada tahi lalat dan dia berusia empat puluh tahun. Wali Abdal akan keluar mendatanginya dari Syam, Wali Nujabak akan keluar mendatanginya dari penduduk Mesir dan Asoib dari Timur serta para pengikutnya, mereka berkumpul di Makkah dan membaiatnya di antara Rukun dan Maqam.

Kemudian dia berangkat ke Syam, malaikat Jibril di hadapannya dan Mikail di belakangnya, seluruh penduduk langit dan bumi meredhai pemerintahannya. Air mudah didapati di negeri-negeri yang dikuasainya, sungai-sungai bercambah dan harta benda melimpah ruah. Apabila sampai di Syam, dia akan membunuh As-Sufyani di bawah pokok yang cabang-cabangnya menjulur ke arah Tasik Tabariyah dan dia (juga) akan membunuh Kalb. Orang yang paling rugi pada hari pembunuhan Kalb itu adalah orang yang gagal membantu walaupun cuma mengikatkan talinya." Huzaifah bertanya, "Wahai Rasulullah, bagaimanakah mereka harus dibunuh sedangkan mereka masih mengakui Tuhan yang Maha Esa?" Rasulullah SAW menjawab, "Wahai Huzaifah, mereka pada masa itu amat derhaka, mereka mengatakan arak itu halal dan meninggalkan sembahyang."

(Abu Nuaim, At-Tabrani & Amru Ad-Dani)

Hadis ini sebenarnya adalah lanjutan daripada hadis yang terdahulu, dengan sedikit perbezaan matan. Orang-orang yang berkulit gelap adalah orang yang bukan dari bangsa Arab, yang menguasai dunia ketika itu. Mereka akan mengalahkan bangsa Arab dan menjadikan bangsa Arab itu hina pada pandangan umum manusia. Hal ini sebenarnya telah pun terjadi pada hari ini. Bangsa Arab pada hari ini adalah bangsa yang dipandang rendah, tidak dipercayai, tidak maju, berfikiran kolot, kasar, suka bergaduh, jahat dan sebagainya. Mereka seolah-olah lupa bahawa bangsa Arablah yang suatu ketika dahulu bersungguh-sungguh memajukan dunia ini dengan berlandaskan ajaran wahyu, sedangkan manusia ketika itu umumnya sangat bodoh dan tahayul. Jasa mereka kepada seluruh dunia amatlah besar dan kesan dari jasa mereka itulah kita menikmati apa yang kita sedang nikmati pada hari ini.

Namun umum bangsa Arab pada hari ini patut juga menerima penghinaan itu kerana mereka sendiri sudah tiada langsung roh jihad dalam diri mereka. Mereka sudah tidak kenal siapa musuh zahir mereka sebenarnya sehingga sanggup membuat perjanjian damai dengan Israel. Kalau musuh zahir pun sudah tidak kenal, musuh batin lebih-lebih lagilah tidak dikenal. Kalau musuh pun sudah tidak dikenali, pastilah cara-cara menghadapinya juga tidak mereka ketahui lagi. Mereka hanya ada ilmu tetapi tidak boleh digunakan lagi sebab terlalu tumpul. Mereka tidak lagi boleh diharap untuk memperjuangkan Islam atau untuk mengembalikan semula Islam ke puncak kegemilangan seperti yang pernah mereka lakukan suatu masa dahulu. Takwa dan khusyuk usah ditanya lagi. Mereka juga tidak boleh diajak berjuang untuk menegakkan semula Islam, kerana zaman ini bukan lagi zaman mereka, walaupun hanya sebagai salah seorang anggota pejuang. Peranan mereka hari ini hanyalah sebagai pengekor sahaja, tidak boleh lebih dari itu.

24. As-Sufyani Dikalahkan Oleh Tentera at-Tamimi

A. Dari Ibnu Mas'ud RA, sabda Nabi SAW,

"Kemudian Urwah bin Muhammad as-Sufyani menghantar sepasukan tentera berkudanya ke Kufah seramai 15,000 orang, kemudian mengutus pasukan tentera yang lain seramai 15,000 orang juga, yang berkenderaan, menuju ke Makkah dan Madinah untuk memerangi al-Mahdi dan para pengikutnya. Maka pasukan tentera yang pertama tadi sampai ke Kufah, berjaya menawan kota itu, lalu memusnahkan apa sahaja, daripada kaum perempuan dan kanak-kanaknya, di samping membunuh setiap lelaki, merampas segala harta-benda yang ada lalu pulang semula (kepada as-Sufyani). Maka (pada ketika itu juga) datanglah suatu kaum yang gagah berani (sihat)dari arah Timur, yang mana mereka itu mengikut Amir min Umarak dari

(keturunan) Bani Tamim yang dikatakan dia itu (adalah) Syuaib bin Saleh. Maka dia datang menyelamatkan setiap yang ada daripada tawanan mereka (wanita dan kanak-kanak tadi) lalu (segera) bertolak pula ke Kufah. Pasukan tentera yang kedua pula, sampai ke kota Madinah Rasul SAW, lalu memerangi dan memusnahkannya selama tiga hari, maka datang kepada (hati) mereka pertolongan daripada memusnahkan terus seluruh penduduk dan anak-anak (penghuni Madinah). Kemudian mereka meneruskan lagi perjalanan menuju ke Makkah Al-Mukarramah, untuk memerangi al-Mahdi dan orang-orangnya. Apabila sampai di al-Baidak, semuanya dihapuskan oleh Allah. Maka itulah yang dimaksudkan dengan firman Allah, "Kalau kamu melihat ketika mereka terkejut, maka tidak akan luput (dari ingatan), lalu diambil (nyawa) mereka dari tempat yang dekat (dengan Makkah)." (Surah Sabak, ayat 51)

Seperti hadis-hadis sebelumnya, hadis ini melanjutkan cerita tentang perkara yang sama. Walaupun terdapat beberapa perbezaan fakta di dalamnya, semua itu tidak bererti hadis ini maudhuk atau syaz. Sebabnya, perbezaan jumlah yang dikatakan itu, atau perbezaan nama, atau perbezaan keterangan yang diberikan sebenarnya menunjukkan bahawa angka itu boleh berubah-ubah menurut ketentuan Ilahi, tempat yang dimaksudkan itu juga boleh berubah dan maklumat-maklumat lain yang berkaitan juga boleh banyak atau sedikit. Semuanya adalah menurut ketentuan Allah belaka dan hanya Dia yang Maha Mengetahui hakikat segala yang diciptakan-Nya.

Sebab itulah perbezaan keterangan dan jumlah yang berlaku dalam riwayat yang pelbagai, tidak perlu diambil kira sangat. Jumlah yang disebutkan itu tidak penting kerana yang penting ialah bahawa peristiwa yang dimaksudkan itu benar-benar berlaku, dan ada tempat berlakunya, sesuai menurut tafsiran kita pada zaman ini, bukannya menurut tafsiran pada zaman dahulu. Oleh itu, ada perkara yang perlu diperhatikan sangat-sangat dan ada perkara yang hanya perlu diperhatikan secara sepintas lalu sahaja.

Dan, kebiasaannya dalam menafsirkan hadis-hadis seperti inilah yang banyak memeningkan kepala para sarjana dan cendekiawan yang mengkajinya, kerana pengetahuan mereka tidak tercapai selok-belok hadis yang amat dalam, berkelok-kelok dan penuh rahsia itu. Jika hanya maksud zahir sahaja yang diambil dan diperhatikan, maka hadis-hadis seperti ini dengan begitu mudah akan dicampakkan ke dalam tong sampah maudhuk sahaja. Dan sebagai akibatnya, tidak hairanlah kalau hadis-hadis seperti ini sentiasa terabai daripada perhatian mereka, kerana mereka menilainya sebagai sesuatu yang tidak perlu diperhatikan, membuang masa sahaja dan sering kali dengan mudah pula mereka memaudhukkannya. Itulah penilaian yang terbaik pada pandangan mereka.

Pasukan tentera Amerika Syarikat dan sekutu-sekutunya ternyata amat besar, berjumlah tiga puluh ribu orang dan lengkap pula dengan segala persenjataan tercanggih yang dibawa khusus untuk tujuan itu, disertakan lagi dengan pakar-pakar strategi yang terbaik, di samping mendapat pula bantuan daripada puak Syiah yang katanya mereka lebih layak terhadap Imam Mahdi. Memang puak Syiah amat berhasrat untuk menghapuskan sama sekali golongan Ahlus Sunnah supaya mereka dapat berkuasa pula ke atas seluruh dunia dan umat Islam. Pasukan tentera ini dibahagi kepada dua kumpulan iaitu yang akan menyerang Kufah, yakni Iraq dan yang satu kumpulan lagi akan menyerang Hijaz.

Maka dunia akan menyaksikan sekali lagi negara-negara di Teluk Parsi bermandi darah. Kali ini adalah lebih besar dan dahsyat. Tiada siapa pun dari kalangan umat Islam yang mampu berbuat apa-apa untuk menentang perbuatan biadab musuh-musuh Allah itu. Maka pada ketika itulah Syuaib bin Saleh at-Tamimi akan mendapat kuasa di Timur lalu mendaulatkan Islam ke tempatnya yang tinggi. Beliau dan pasukan tenteranya yang amat terpilih itu amatlah handal kerana mereka dibantu dengan keramat-keramat yang amat nyata. Selain itu, roh-roh sekalian syuhada sejak zaman sahabat RA juga turut datang membantu.

Hanya dengan bantuan keramat sahajalah seluruh askar dan segala peralatan ketenteraan Amerika Syarikat yang canggih-manggih itu dapat ditundukkan, kerana keramat tidak akan dapat dikalahkan oleh sesiapa pun buat selama-lamanya. Keramat adalah bantuan terus dari Allah, didatangkan melalui tangan para wali-Nya. Maka mustahillah bantuan Allah dapat dikalahkan oleh sesiapa pun. Siapa lagi yang mampu mengalahkan Amerika Syarikat dan segala senjata canggihnya itu kalau bukan dengan berkat keramat para wali Allah? Cuba fikir dan sebutkan negara mana atau pemimpin mana yang dapat berbuat demikian pada hari ini.

Semasa kedua-dua pasukan tentera itu sedang bermaharaja lela di Tanah Arab itu, maka datanglah suatu kaum yang ***sihat*** (gagah berani) memerangi Amerika Syarikat dan Syiah itu. Hanya kaum ini sahajalah yang mampu dan berani melawan kekuatan kecanggihan ketenteraan Amerika Syarikat dan sekutu-sekutunya yang besar dan kuat itu. Jumlah mereka ini tidak disebutkan jumlahnya kerana mereka yang dimaksudkan itu ternyata adalah amat kecil jika dibandingkan jumlahnya dengan jumlah kedua-dua angkatan tentera Amerika Syarikat dan sekutu-sekutunya. Namun, Allah tidak melihat kepada berapa besar jumlah pasukan yang dilawan itu kerana setiap seorang daripada anggota pasukan itu bersamaan kekuatannya dengan kekuatan dan keberanian seratus orang tentera musuh.

Mereka adalah pasukan yang datang dari Timur dan tidak lain dan tidak bukan ialah pasukan Asoib, yang di dalamnya terdapat sebahagian besar golongan Ikhwan. Selain itu, disebutkan pula bahawa pemimpin kaum yang ***sihat*** itu dipanggil dengan gelaran **Amir Min Umarak** (Raja Bagi Segala Raja), suatu gelaran yang amat tinggi dan amat besar maknanya kepada beliau. Juga amat besar ertinya kepada seluruh umat Islam di serata dunia. Disebutkan juga bahawa Amir Min Umarak itu bergelar Syuaib bin Saleh. Jelaslah berdasarkan hadis ini, Syuaib bin Saleh itu adalah gelarannya dan bukan namanya. Hal ini samalah dengan khalifah pada akhir zaman yang bergelar Imam Mahdi. Imam Mahdi itu adalah gelarnya sahaja sedangkan namanya adalah Muhammad bin Abdullah.

Sihat yang dimaksudkan itu adalah sihat akidahnya. Ketika umat manusia sedang rosak akidah kerana telah dipengaruhi oleh pelbagai akidah yang menyesatkan, mereka tidak tergugat akidah mereka. Maka di antara segala yang sedang sakit akidah itu, merekalah sahaja yang sihat akidahnya. Maka dikatakanlah bahawa mereka itu sihat. Mereka juga sihat agamanya. Ketika orang lain sedang sakit malah nazak agamanya, mereka tampil dengan amalan agama yang benar dan menegakkan Islam secara keseluruhan seperti pada zaman Rasulullah SAW dahulu. Maka sesiapa yang mampu menegakkan agama ketika agama sedang rebah, maka dikatakan bahawa mereka itulah golongan yang sihat iaitu sihat agamanya.

Mereka sihat dari segi jihad kepada Allah. Ketika ini umat Islam sudah mati semangat jihadnya. Jika ada yang berjihad pun, tidak benar-benar berjihad menurut apa yang diperintahkan oleh syarak. Maka pada ketika orang lain sedang mati jihadnya, mereka mampu membangunkan jihad seperti yang dikehendaki oleh syarak, maka itulah golongan yang sihat, iaitu sihat jihadnya. Juga sihat daripada pengaruh keduniaan yang sedang amat nyanyuk. Ketika umat manusia sedang turut sama nyanyuk seperti dunia yang mereka gilai itu, mereka berjaya mengelakkan diri daripada turut nyanyuk. Mereka juga membangunkan dunia tetapi menjadikannya sebagai amalan untuk akhirat, bukan untuk dunia semata-mata. Maka dikatakanlah bahawa mereka itu sihat, kerana tidak turut nyanyuk ketika orang lain telah lama dibuai nyanyuk dunia. Juga sihat dari segi kerohanian kerana dengan kerohanian yang kuat yang mereka miliki itulah yang membolehkan mereka mengalahkan musuh dan membangunkan semula Islam seperti yang pernah berlaku pada zaman Rasulullah SAW dahulu. Mereka juga sihat dari segi kekuatan zahir. Mereka sihat kerana dianggap singa pada waktu siang. Singa amat ditakuti oleh setiap manusia, walaupun singa itu hanya seekor sahaja pada sesuatu tempat. Apatah lagilah jika mereka berkumpulan dan beramai-ramai.

Orang-orang, sama ada dari kalangan ulama atau sarjana Islam, yang menganggap Pemuda Bani Tamim itu bernama Syuaib bin Saleh, sudah melakukan sesuatu kesilapan yang amat besar

kerana tidak habis kajiannya dan tidak tepat ilmunya dengan kebenaran yang hakiki. Pernah suatu ketika dahulu iaitu sekitar tahun-tahun 1993 dan 1994, ketika isu Imam Mahdi hangat diperkatakan, beberapa orang ***ulama*** dan sarjana menjelaskan kepada orang ramai bahawa Pemuda Bani Tamim itu bernama Syuaib bin Saleh kerana itulah ***nama*** yang disebutkan oleh hadis. Mereka tidak sedar bahawa ada hadis lain yang menjelaskan sebaliknya. Oleh itu, sebelum memperkatakan sesuatu yang kita tidak berapa jelas atau ***tidak khatam*** mengajinya lagi, eloklah kita memperbanyakkan mutalaah dan bersembahyang istikharah untuk mendapatkan kepastian hakiki. Jangan sampai nanti diketawakan oleh orang-orang kemudian.

25. As-Sufyani dan Kufah

A. Sabda Nabi SAW,

> *"Apabila As-Sufyani tiba di Kufah, dia lalu membunuh pengikut-pengikut keluarga Nabi Muhammad SAW, maka Al-Mahdi akan datang dan pembawa Panji-panjinya adalah Syuaib bin Saleh."*

As-Sufyani yang dimaksudkan di dalam hadis ini ialah dari kalangan pengikut Wahabi dan pemerintah yang menggunakan sistem ala-Wahabi dalam pemerintahan mereka. Mereka ini pernah pada suatu masa dahulu membunuh, memburu dan menghalau kalangan Ahlulbait yang masih berada di Hijaz. Akibatnya, sehingga kini, hampir tiada lagi keturunan Ahlulbait di kawasan sekitar Hijaz. Semuanya sudah habis terbunuh atau sekurang-kurangnya pun lari menyelamatkan diri dari Hijaz. Jika ada yang tinggal pun di sana pada masa ini, adalah dari kalangan Ahlulbait yang sanggup mengikut telunjuk puak Wahabi itu.

Di kalangan mereka itu, pada hari ini, ada yang benar-benar menjadi sebahagian daripada puak musuh yang pernah cuba menghapuskan golongan mereka suatu masa dahulu. Mereka ini bukan sahaja sudah lupa apa yang pernah musuh mereka itu lakukan dahulu, malah mereka sanggup menjadi sebahagian daripada musuh itu untuk membantai umat Islam yang lain yang tidak sehaluan lagi dengan mereka. Ada pula yang terpaksa berbuat demikian demi mahu menyelamatkan diri dan keluarga daripada dihapuskan oleh puak musuh itu. Semoga Allah mengampunkan dosa-dosa sekalian Ahlulbait itu dan merahmati mereka.

Perkara ini sudahpun benar-benar berlaku. Apabila hal ini benar-benar berlaku, maka hadis ini menjadi sahih dengan sendirinya. Tidak perlu lagi diselidik benar atau tidaknya hadis ini, siqah atau tidak rawinya, terang atau tidak sanadnya, apa hukum yang dijatuhkan oleh ulama hadis dahulu terhadap hadis ini dan sebagainya lagi seperti yang termaktub di dalam disiplin ilmu mustalah hadis. Hadis ini sudah menjadi sahih dan muktamad apabila benar-benar berlaku apa yang dikatakan. Inilah kaedah yang digunakan oleh para sahabat RA pada zaman Rasulullah SAW dan zaman Khulafa ur-Rasyidin dahulu. Dan kaedah itu jugalah yang akan diguna pakai oleh umat Islam pada akhir zaman ini. Maka kitalah yang harus memulakan penggunaan kaedah yang pernah digunakan oleh para sahabat RA itu.

Dalam keadaan demikianlah, Imam Mahdi akan datang iaitu datang ke Makkah untuk tampil menjadi khalifah atau pemerintah manusia. Sebelum mendapat kuasa pemerintahan itu, terlebih dahulu akan dimunculkan Pemuda Bani Tamim. Beliaulah pembawa Panji-panji Hitam yang masyhur itu dan menyerahkannya kepada Imam Mahdi. Kedua-dua mereka ini mestilah muncul menurut urutan, iaitu Pemuda Bani Tamim akan muncul dahulu, kemudian barulah diikuti oleh kemunculan Imam Mahdi. Tidak boleh berlaku Imam Mahdi muncul dahulu daripada Pemuda Bani Tamim atau kemunculan Imam Mahdi itu berseorangan sahaja, tanpa ada Pemuda Bani Tamimnya. Ini dikeranakan kemunculan kedua-dua mereka sudah dinyatakan oleh hadis-hadis secara yang amat nyata.

Begitu juga Pemuda Bani Tamim tidak boleh muncul seorang diri sahaja tanpa diikuti oleh kemunculan Imam Mahdi. Maknanya, tidak lama selepas kemunculan Pemuda Bani Tamim yang mendapat kuasa di Timur itu, Imam Mahdi akan segera muncul pula. Setelah kedua-dua tokoh besar ini muncul, maka sahihlah kedua-duanya benar dan wajib diikuti oleh sekalian umat Islam, walau di mana sahaja mereka berada. Yang dikatakan Imam Mahdi palsu ialah munculnya tanpa didahului oleh Pemuda Bani Tamim, atau Pemuda Bani Tamim itu langsung tidak tersenarai di dalam nama-nama pemimpin kanannya.

Hal-hal lain yang berkaitan sudah pun dinyatakan dalam bahagian-bahagian terdahulu. Rasa-rasanya tidak perlulah diulang-ulang sebutannya dalam bahagian ini.

26. Bab (Pintu Gerbang) Istakhr

A. Sayidina Ali KMW berkata,

> *"Kuda-kuda As-Sufyani bergerak menuju ke Kufah, dan dia menghantar pasukan tenteranya menentang penduduk Khurasan. (Ketika itulah) penduduk Khurasan mencari-cari Al-Mahdi. Dia akan bertemu dengan Al-Hasyimi yang membawa Penji-panji Hitam, yang di hadapannya ialah Syuaib bin Saleh yang akan memerangi As-Sufyani di depan Gerbang Istakhr, berlakulah pertempuran yang hebat dan pasukan Panji-panji Hitam akan menang, manakala kuda-kuda As-Sufyani bertempiaran lari."*

Kejadian ini berlaku di sekitar Khurasan. Kuda-kuda yang dimaksudkan adalah kelengkapan perang yang paling canggih yang dimiliki oleh pasukan As-Sufyani, terdiri daripada askar-askar terhandal mereka, senjata-senjata automatik, kereta-kereta kebal, kenderaan-kenderaan tentera yang pelbagai jenis dan peluru-peluru yang berkuasa tinggi. Tidak ketinggalan adalah kapal-kapal laut dan jet-jet pejuang pelbagai jenis dan kelengkapan termajunya. Pasukan ini akan menuju ke Khurasan dan Kufah, sedangkan pada waktu itu penduduk Khurasan sudahpun bersatu dengan pemimpin besar mereka iaitu Syuaib bin Saleh at-Tamimi, yang dibantu oleh Al-Haris Harras.

Pada masa ini, Pemuda Bani Tamim akan bertemu dengan dua orang pembantu kanannya iaitu Al-Haris Harras dan Pemuda Bani Hasyim. Kedua-dua pasukan Islam dan kuffar ini akan bertembung di sekitar Khurasan itu juga dan peperangan tidak dapat dielakkan lagi kerana memang pasukan As-Sufyani berazam benar mahukan juga peperangan, tidak mahukan sebarang perdamaian. Dan ternyata, kekuatan dan kelengkapan lahiriah selama-lamanya tidak akan mampu mengalahkan kekuatan rohaniah tentera Islam yang amat hebat itu.

Bantuan Allah kepada tentera Islam nampak nyata, tidak lagi terselindung-selindung sehingga dengan mudah pula taktik dan gempuran pasukan As-Sufyani dapat dipatahkan. Akhirnya kalahlah pasukan As-Sufyani, askarnya berundur dengan tergesa-gesa untuk mengelakkan kekalahan yang lebih besar dan memalukan. Askar-askarnya hilang entah ke mana dan kelengkapan perangnya ditinggalkan begitu sahaja, tidak dikutip lagi. Kerugian yang terpaksa ditanggungnya juga sudah tidak terkirakan lagi banyaknya. Setelah itu, pasukan At-Tamimi meneruskan lagi perjalanan mereka menuju ke Makkah sambil menziarahi kota Madinah yang telah hancur rata itu.

27. Tentera as-Sufyani Dikalahkan Oleh Tentera al-Hasyimi

A. Kata Sayidina Ali KMW,

"Sebelum munculnya al-Mahdi, pasukan berkuda as-Sufyani akan menyerang Kufah. Penduduk Khurasan pula (sibuk) keluar mencari al-Mahdi. Kemudian penduduk Khurasan itu bertemu dengan pasukan al-Hasyimi (yang berada) di tengah-tengah Panji-panji Hitam, di bawah pimpinan Syuaib bin Saleh. Penduduk Khurasan (yang dipimpin oleh at-Tamimi dan al-Hasyimi) bertembung dengan pasukan as-Sufyani di kawasan yang berbatu dan terus terjadi pertempuran yang sengit. Dalam pertempuran itu, yang unggul adalah pasukan yang membawa Panji-panji Hitam, manakala pasukan as-Sufyani melarikan diri. Ketika itulah umat manusia (sangat-sangat) berharap agar dapat menemui al-Mahdi, dan mereka terus mencarinya."

Ucapan Sayidina Ali KMW ini adalah ulangan daripada ucapan yang sebelumnya. Lazimnya, apabila sesuatu perkara itu diulang-ulang sebut, sama ada oleh orang yang sama atau oleh orang lain, ini menunjukkan bahawa perkara yang disebutkan itu adalah perkara yang besar dan perlu diberi perhatian yang lebih oleh sekalian umat Islam. Ini ditambah lagi dengan hakikat bahawa yang menyebutkannya adalah Sayidina AliKMW sendiri, salah seorang sahabat yang terkemuka, sepupu kepada Rasulullah SAW dan sekali gus menantu kepada Rasulullah SAW. Biar pun riwayatnya berlain-lain lafaznya daripada yang sebelum ini, tidaklah bererti salah satunya dusta kerana boleh jadi ucapan-ucapan ini disebutkan pada masa yang berlainan, di tempat yang berlainan dan kepada orang yang berlainan pula.

28. Lagi Keterangan Mengenai As-Sufyani

A. Disebutkan oleh Abul Husain Ahmad bin Jaafar bin Al-Munadi di dalam Kitabul Malahim,

"Adalah (pemimpin) yang terbenam tenteranya itu, katanya, namanya ialah Utbah bin Hind, iaitu salah seorang penduduk Damsyik. Dia berkata, "Wahai penduduk Damsyik! Aku adalah salah seorang daripada kamu dan kamu adalah pasti datang dari datukmu Muawiyah bin Abu Sufian, pemimpin kamu yang terdahulu. Berbuat baiklah kamu, semoga kamu akan dibalas baik (juga)." Disebutkannya dengan syarahan yang panjang sehingga disebutkannya nasabnya hingga kepada Al-Jurhumi, iaitu yang mengiringinya dari arah Syam. Maka datang seorang Al-Burqi yang berjalan dengan pantas, dan barang yang dilindungi olehnya, yang (berasal) dari Barat. Maka katanya, Telah datang seorang Jurhum yang membaiatnya, namanya 'Uqail bin 'Uqqal (Akal Pendek anak Si Akal Pintar). Kemudian datang seorang al-Burqi, namanya Hamam bin al-Wardi. Kemudian disebutkannya perjalanannya ke Mesir dan dibunuhnya rajanya, iaitu pembunuhan di Qantarah al-Farma atau sekitarnya selama tujuh hari. Penduduk Mesir turut membantunya sehingga mereka membunuh (sama) para cerdik pandainya seramai tujuh puluh ribu orang, sehingga amanlah negeri Mesir, lalu orang ramai pun membaiatnya.

Setelah itu dia pun balik semula ke Syam. Kemudian tersebut pula raja-raja yang terutama (lebih diutamakan) dari keturunan Arab di Hadramaut, dan seorang lelaki dari suku Khuzaah, seorang lelaki dari suku Abbas, dan seorang lelaki dari suku Saklabah. Dan disebutkan kejadian pelik (tentang) pasukan tentera yang terbenam iaitu terbenam mereka ke dalam tanah sehingga paras leher sahaja, tinggal kepala sahaja yang keluar. Tinggallah sahaja kuda-kuda mereka (yang tidak terbenam), harta benda mereka, beban-beban mereka, khazanah-khazanah mereka, alat-alat peperangan dan alat-alat pemusnah mereka yang tinggal terbiar, sehinggalah sampai keluar beritanya ke Makkah, (dibawa oleh seorang yang) bernama Muhammad bin Ali, dari anak cucu Hasan bin Ali. Maka dilipatkan baginya bumi ini sehingga sampai mereka di Al-Bidak pada hari (keempat) itu. Maka pasukan itu tenggelam badan mereka ke dalam tanah,

hanya tinggal kepala sahaja yang keluar, sedangkan mereka itu (masih lagi) hidup. Mereka, iaitu sahabat al-Mahdi bersyukur kepada Allah, dan bertambahlah cinta mereka akan Makkah. Kemudian mereka berdoa kepada Allah, mensucikan-Nya dan memuji-Nya kerana baik balasan yang diberi kepada mereka. Mereka juga meminta agar disempurnakan nikmat dan kesejahteraan ke atas mereka. Maka ditunjukkan bumi (yang terbenam itu) pada masa itu yakni pasukan tentera As-Sufyani. Jadilah mereka itu sebaik-baik askar hal keadaan mereka terbiar dan dimusnahkan apa yang mereka biarkan. Dan disebutkan banyak lagi perkaranya… Allahlah yang lebih tahu akan kebenarannya.

Selain para sahabat RA dan para tabiin RH, para ulama salaf tidak ketinggalan memperkatakan tentang Imam Mahdi menurut ilmu kasyaf yang sampai kepada mereka. Setelah itu, mereka menurunkannya kepada anak-anak murid mereka akan berita-berita ghaib yang mereka peroleh itu, untuk tatapan dan pengetahuan mereka dan generasi yang akan datang. Bukanlah maknanya mereka boleh mengetahui perkara yang ghaib seperti tahunya Allah SWT akan perkara-perkara yang ghaib. Mereka hanya mengetahui perkara-perkara yang ghaib setelah diberitahu oleh Allah sama ada melalui para malaikat, ilham, nabi-nabi, wali-wali lain (yang telah mati atau yang masih hidup) atau secara terus dari Allah SWT, tanpa sebarang perantaraan.

Perkhabaran di atas adalah termasuk dalam kategori kasyaf yang Allah singkapkan kepada beliau untuk diketahui dan disampaikan kepada para pengikutnya. Ilmu Allah SWT itu amatlah luas dan dalam, penuh pula dengan rahsia yang tidak terketahui oleh akal kita yang pendek dan pelupa ini. Mahu percaya atau tidak, terpulanglah kepada setiap individu untuk menentukannya. Antara yang disebutkan adalah tentang penggunaan kenderaan-kenderaan yang boleh bergerak pantas sehingga sebuah angkatan tentera boleh sampai ke tempat yang jauh hanya dalam jarak masa yang singkat. Dan pada hari ini, jarak yang sejauh itu tidak mustahil dapat dicapai oleh orang awam, yakni dengan menggunakan kenderaan yang boleh bergerak pantas.

Pada bahagian akhir petikan ini disebutkan bahawa Allah sahajalah yang Maha Mengetahui akan kebenaran apa yang disampaikannya itu. Hal ini amatlah disedari dan diakui sepenuhnya oleh sesiapa sahaja yang telah sampai kepadanya keupayaan ***menyelam*** ke dalam lautan ilmu Allah, sama ada yang berbentuk laduni atau kasyaf. Oleh kerana ilmu Allah itu amatlah luasnya, pemahaman yang amat tepat semasa menghuraikannya amatlah perlu. Tidak jarang terjadi, lain pemahaman yang diperolehnya itu, lain pula maksud tulisannya daripada apa yang difahamnya tadi. Dan lazimnya tulisan dari apa-apa ilmu yang difahamnya itu tersalah secara yang amat tidak sengaja, bergantung penuh kepada ***kebergantungan*** hatinya kepada Allah SWT dan kekuatan imannya pada ketika itu.

29. Suara Dari Langit Menyokong Imam Mahdi

Kata tabiin RH,

"Ketika al-Mahdi dan as-Sufyani bertempur dalam medan peperangan, akan kedengaran suara dari langit, "Ketahuilah, bahawa wali-wali Allah adalah kawan-kawan al-Mahdi."

Ungkapan ini menyatakan bahawa Imam Mahdi itu selain dibantu oleh pasukan dari Timur, juga mendapat bantuan daripada para malaikat dan wali-wali Allah. Maksudnya, Imam Mahdi sentiasa dibantu oleh malaikat, sama ada yang dapat dilihat atau tidak dapat dilihat oleh manusia, sama ada yang berada di atas muka bumi ini atau yang berada di atas langit sana. Ketua malaikat yang membantu Imam Mahdi adalah malaikat Jibril dan Mikail AS. Malaikat-malaikat lain yang membantu Imam Mahdi berjumlah empat ribu. Sebahagiannya dapat dilihat oleh manusia biasa, dalam bentuk bayangan atau bentuk manusia biasa. Ada yang hanya dapat didengar suaranya sahaja dan ada pula yang memukul setiap orang yang tidak mahu mengikut perintah Imam Mahdi.

Adapun para wali itu adalah golongan yang akan muncul semula ke dunia ini setelah sekian

lama ghaib dari khalayak manusia biasa. Sebab itu tidak hairanlah kalau ada orang Islam sendiri pada hari ini yang berpendapat bahawa para wali sudah tiada lagi di atas dunia ini. Ini dikeranakan mereka tidak pernah melihat sesiapa pun di kalangan mereka seorang yang mencapai taraf wali, malah semuanya sama sahaja dengan mereka. Sebab lain hal ini berlaku ialah kerana golongan muqarrabin seperti para wali sudah tidak lagi dihormati oleh orang ramai kerana mereka telah terlalu dipengaruhi oleh sistem Yahudi dan Nasrani yang menekankan tidak perlunya kita menghormati sesiapa pun, temasuk pemimpin kita sendiri, para ulama, para guru, ibu bapa, para wali dan sebagainya. Semua mereka ini ada salah dan silap, kata mereka. Oleh itu, sepanjang hidup mereka, mereka tidak pernah bertemu bayang pun dengan mana-mana wali dan mereka juga tidak pernah meminta agar dapat dipertemukan dengan mana-mana wali, walaupun hanya sekali sahaja sepanjang hayat mereka.

Kerana itu, apabila Imam Mahdi sedang berperang melawan As-Sufyani dan angkatan tenteranya yang canggih itu sedangkan kelengkapan pasukan Imam Mahdi itu amatlah minimum sehingga tidak kelihatan seperti sebuah angkatan perang. Mereka sebenarnya lebih kelihatan seperti sebuah kumpulan dakwah daripada sebuah pasukan perang. Namun mereka tetap tidak menolak apabila terpaksa menghadapi pasukan As-Sufyani yang lengkap dari segala segi itu. Dan ternyata semasa perang baru meletus, para wali yang selama ini berada di mana-mana penjuru dunia akan segera mendatangi Imam Mahdi lalu menggabungkan diri ke dalam pasukan itu.

Bagaimana mereka boleh tahu bahawa Imam Mahdi memerlukan bantuan mereka? Hal ini sebenarnya amat mudah bagi Allah untuk melakukannya. Sebenarnya para wali itu ada dibekalkan oleh Allah dengan suatu rasa hati yang kuat untuk melakukan sesuatu apabila keadaan memerlukan mereka. Tanpa perlu disuruh-suruh oleh sesiapa atau tanpa diberitahu oleh sesiapa pun, gerak hati mereka kuat mahukan mereka pergi ke sesuatu tempat dengan kadar yang cukup pantas. Ada yang datang dengan cara terbang di udara, ada yang datang menaiki tikar terbang mereka, ada yang datang menaiki pelepah pinang yang berjalan di atas air, ada yang berjalan kaki di atas air seperti orang berjalan di atas tanah sahaja, ada yang berjalan beberapa langkah sudahpun sampai ke tempat yang hendak dituju, ada yang tahu-tahu sahaja sudah pun berada di sesuatu tempat, ada yang datang dengan dibawa oleh malaikat dan ada yang datang dengan dibawa oleh jin-jin khadamnya.

Lagipun apabila Imam Mahdi sudah menjadi pemimpin, maka wajiblah para wali ini membantu pemimpin mereka, terutama semasa memerangi musuh-musuh Allah. Bukan wali namanya kalau tidak turun membantu pemimpin mereka memerangi musuh. Dan dengan bantuan para wali Allah inilah Imam Mahdi dan pasukannya itu berjaya mengalahkan pasukan As-Sufyani. Ternyata bahawa kelengkapan perang yang cukup canggih itu tidak mampu mengalahkan kekuatan rohani tentera Imam Mahdi dan keramat para wali yang berada di kalangan mereka itu. Maka dengan mudah sahaja pasukan tentera As-Sufyani ini dapat dikalahkan oleh mereka menyebabkan pasukan As-Sufyani itu terpaksa berundur dan menanggung malu yang amat sangat.

Maksud lainnya ialah apabila orang ramai heboh memperkatakan tentang diri Imam Mahdi dan disebut secara terbuka pula, sama ada dalam bentuk pro atau kontra, maka itulah tandanya bahawa Imam Mahdi itu sudah tidak lama lagi akan keluar dan yang keluar kali ini benar-benar Imam Mahdi, bukan lagi sekadar dakwaan-dakwaan kosong.

30. Pasukan Tentera yang Ditelan Oleh Bumi di al-Baidak

A. Kata sahabat RA,

> *"Tanda-tanda (amat hampir) munculnya al-Mahdi ialah berlaku (peristiwa) sekumpulan askar yang ditelan oleh bumi di al-Baidak."*

B. Kata sahabat RA,

> *"Penguasa Madinah (Hijaz) mengirimkan tentera kepada al-Hasyimi (untuk melawannya) di*

Makkah. Tentera ini kemudian mengusir penduduk Makkah. Peristiwa ini didengar oleh khalifah di Syam iaitu as-Sufyani daripada keturunan Abu Sufyan bin Harb. Seterusnya as-Sufyani mengirimkan pasukan (tentera) ke Makkah. Dalam perjalanan, mereka singgah di al-Baidak yang pada ketika itu kebetulan bulan purnama sedang mengambang. Kemudian ada seorang penyeru yang memerhatikan keadaan pasukan tersebut, lalu berkata, "Aduh! Celakalah kamu semua wahai penduduk Makkah kerana telah didatangi oleh pasukan (tentera) ini." Dia terus pergi dan datang lagi ke tempat itu. Namun, setelah datang, dia tidak melihat lagi pasukan tadi. Dia lantas bertasbih, "Subhanallah! Mereka telah berangkat sebentar tadi" Lantas dia meneruskan perjalanannya. (Dalam perjalanannya) di sana dia menemui pasukan tentera tadi dalam keadaan terbenam separuh badan (ke dalam tanah). Dia berhasrat untuk menolong, tetapi tidak mampu berbuat apa-apa. Akhirnya dia mengetahui bahawa pasukan itu (sebenarnya) telah ditelan oleh bumi. Dia pun bergegas pulang ke Makkah untuk menyampaikan khabar tersebut. Mendengarkan berita ini, penduduk Makkah mengucapkan Alhamdulillah, kemudian mereka berkata, "Inilah dia tanda-tanda yang sangat-sangat kami tunggu (selama ini)." Lantas mereka segera pergi ke Syam."

C. Kata tabiin RH,

"Al-Mahdi tidak akan muncul sehingga ada pasukan perang yang ditelan oleh bumi di kawasan Ghautah, yang bernama Bandar Jirista."

D. Abdullah bin Amru RA berkata,

"Apabila sepasukan tentera ditelan bumi di kawasan gurun, itulah tandanya akan muncul Al-Mahdi."

E. Sabda Nabi SAW,

"Satu pasukan tentera akan menyerang Rumah Allah ini untuk memerangi penduduk-penduduknya. Apabila mereka sampai di kawasan yang lapang, seluruh bahagian tengah pasukan tentera ini akan tenggelam. Anggota yang di hadapan akan memanggil tentera di belakangnya, tetapi semuanya turut tenggelam sehingga tiada yang tinggal melainkan beberapa orang yang pergi menghantar berita (duka) kepada As-Sufyani."

Semua hadis dan asar di atas telahpun dihuraikan dengan ringkas pada bahagian-bahagian sebelum ini. Dan semua riwayat di atas menceritakan beberapa peristiwa besar dan salah satunya adalah mengenai pasukan tentera yang akan ditelan oleh bumi, sebanyak dua kali. Yang pertama berlaku di kawasan Ghautah, di bandar Jirista. Di sini, pasukan yang ditelan oleh bumi adalah pasukan yang dipimpin oleh Kalb. Sebelum itu, pasukan ini akan mendatangi Madinah lalu merosakkannya sehingga hancur rata dengan tanah, sambil membunuh seramai mungkin umat Islam yang sedang berlindung di dalam kedua-dua kota suci umat Islam itu.

Yang kedua berlaku di al-Baidak, suatu kawasan gurun di Zul Hulaifah yang terletak di antara kota suci Makkah dengan Madinah. Pasukan tentera as-Sufyani yang tenggelam di Ghautah membunuh semua pasukan tentera tersebut melainkan seorang askar sahaja. Dialah yang akan pulang memberitahu khabar duka ini kepada as-Sufyani. Pasukan tentera yang tenggelam di Zul Hulaifah pula membunuh semua askar yang ada melainkan dua orang, seorang yang di hadapan sekali dan seorang lagi yang di belakang sekali. Askar yang di hadapan sekali ini takut untuk berpatah balik ke belakang lalu meneruskan perjalanannya sehingga sampai kepada Imam Mahdi dan menyampaikan berita gembira ini kepada Imam Mahdi.

Yang seorang lagi, iaitu yang di belakang sekali takut untuk meneruskan perjalanannya ke hadapan, lalu berpatah semula kepada as-Sufyani dan menyampaikan berita duka ini kepada as-Sufyani.

31. As-Sufyani Menyerang Kufah

A. Kata tabiin RH,

> *"As-Sakhra (maksudnya as-Sufyani) memasuki Kufah (dan menawannya), lalu ada berita yang sampai kepadanya mengenai kedatangan al-Mahdi. Dia lantas mengerahkan askarnya untuk menyerang al-Mahdi. Mereka kemudian ditelan bumi sehingga tidak ada yang terselamat melainkan seorang (yang di hadapan sekali) yang akan menyampaikan khabar (gembira) kepada al-Mahdi dan seorang lagi (yang paling belakang) yang akan meyampaikan berita (duka) buat as-Sufyani. Al-Mahdi kemudian meninggalkan Makkah dan as-Sufyani juga bertolak dari Kufah untuk sama-sama menuju ke Syam. Kedua-dua pemimpin ini saling berlumba untuk sampai lebih dahulu ke Syam tetapi as-Sufyanilah yang sampai lebih dahulu. Lantas al-Mahdi mengirimkan tenteranya untuk menyerang as-Sufyani. Kemudian as-Sufyani (tewas dan mengaku kalah lalu) berbaiat kepada al-Mahdi dan al-Mahdi terus pergi ke Baitulmaqdis lalu menetap di sana selama tiga tahun. Pada ketika itu juga Kalb bersama-sama askarnya keluar untuk membantu as-Sufyani, lalu bergerak dengan dibantu oleh pasukan-pasukan yang lain lagi sehingga mereka beristirahat di Yasan. Al-Mahdi dengan segera menyerang pasukan gabungan ini, dengan membawa bendera yang paling besar. Kalb dan isteri-isterinya melarikan diri, sehingga anak-anak gadisnya ditangkap dan dijual dengan harga (semurah) 8 dirham. Ketika itu juga as-Sufyani ditangkap dan disembelih seperti kambing yang disembelih, di atas batu besar yang membujur di atas tanah dekat gereja yang berada di lembah jurang, di hujung jalan bukit al-Qantarah di sebelah kanan."*

As-Sufyani itu dikatakan sebagai seorang yang kepala batu (As-Sakhra) kerana keengganannya tunduk kepada kekuasaan Islam. As-Sufyani yang dimaksudkan ini adalah pemimpin puak Syiah yang enggan mengakui kebenaran yang telah terang nyata di pihak Ahlus Sunnah. Dialah yang menakluk Kufah dan menawannya dengan tujuan dapat menghalang kebangkitan kuasa Islam yang dipimpin oleh Ahlus Sunnah itu. Akibatnya, pasukan tentera yang mahu menyerang Makkah ditelan oleh bumi. Yang terselamat hanyalah dua orang sahaja iaitu seorang yang di hadapan sekali dan seorang lagi adalah yang di belakang sekali. Salah seorang daripadanya meneruskan perjalanan menemui Imam Mahdi dan menyampaikan berita gembira ini dan seorang lagi berpatah balik lalu menyampaikan berita duka ini kepada pemimpin Syiah itu.

As-Sufyani ini akan diperangi oleh Imam Mahdi ketika dia mendahului sampai ke Damsyik. Setelah kalah dalam peperangan ini, As-Sufyani mengakui kepemimpinan Imam Mahdi, namun atas bantuan dan hasutan orang-orang kafir Eropah (Kalb) yang durjana itu, As-Sufyani cuba berpaling tadah. Imam Mahdi terpaksa memerangi puak-puak kafir Eropah yang bergabung tenaga itu di Yasan (Sepanyol). Dengan taktik peperangan yang hebat, pasukan Imam Mahdi berjaya memukul habis pasukan gabungan itu menyebabkan pasukan kafir tersebut punah ranah, segala harta bendanya berterabur ditinggalkan begitu sahaja, malah ***perempuan-perempuan*** yang dibawanya juga tidak sempat dibawa lari, tertawan lalu menjadi hamba abdi orang-orang Islam. Oleh kerana jumlah tawanan itu terlalu ramai, mereka dijual dengan harga yang semurah-murahnya.

Maksud perempuan (isteri dan anak gadis as-Sufyani) itu ada beberapa golongan. Antaranya ialah para penyanyi, peragawati (model) dan pelakon wanita yang digunakan untuk memerangkap kaum mukminin yang bakal memerangi mereka. Mereka ini tidak mampu menembus iman pasukan tentera yang amat mantap itu, malah mereka pula yang ditawan oleh pasukan Islam itu. Maksud kedua ialah negara-negara yang kaya dengan minyak dan sumber alam untuk membiayai perbelanjaan perang pasukan Eropah itu. Mereka ini turut gagal kerana setiap yang mereka belanjakan itu tidak memadai untuk menampung perbelanjaan perang pasukan Eropah yang menelan belanja yang amat besar itu.

Selepas peristiwa itu, Imam Mahdi terus mencari dan menangkap pemimpin puak Syiah itu kerana berpaling tadah setelah berbaiat sebelumnya. Kemudian pemimpin-pemimpin Syiah itu ditangkap beramai-ramai lalu dihukum bunuh di tebing Tasik Tibriyah dengan disaksikan oleh sekalian umat Islam di seluruh dunia. Itulah hukuman dalam Islam terhadap orang yang berpaling tadah kepada pemimpin mereka setelah mereka berbaiat sebelumnya kepada pemimpin tersebut. Kaedah ini tidak dipakai lagi oleh mana-mana parti politik yang katanya mereka memperjuangkan Islam pada hari ini.

32. Madinah al-Munawarah Hancur Rata

A. Kata sahabat RA,

"Sebelum al-Mahdi (keluar), di Madinah terjadi pertempuran yang mengakibatkan hancurnya kota Madinah itu. Darah yang mengalir darinya sampai ke kawasan Ahjarul Zait dan Maal Hirrah. Letak bandar itu lebih kurang 44 batu daripada Madinah. Kemudian al-Mahdi dibaiat (di luar Makkah)."

B. Kata Abu Hurairah RA,

"Akan berlaku pertempuran di Madinah yang menyebabkan batu-batunya dilitupi (darah), sehingga Al-Hirrah kelihatan kecil, bagaikan sebuah kampung terpencil. Kemudian penduduk Madinah keluar sejauh dua batu dari Madinah dan membaiat Al-Mahdi."

C. Kata Abu Hurairah RA,

"Datang satu pasukan daripada Syam, mereka menyerang Madinah, membunuh seramai-ramainya, membelah perut perempuan (yang sedang hamil) dan berkata, "Dalam kandungan kamu ini, anak kamu (patut) dibunuh kerana ia anak yang jahat." Semasa mereka sampai di Al-Baidak di Zulhulaifah, semuanya terbenam, tidak tertinggal yang di atas akan di bawahnya dan yang bawahnya akan atasnya (semua sekali askarnya terbenam)." Kata Abul Muhazam, "Semasa datang pasukan tentera Ibnu Daljah (menyerang Makkah), kami menyangkakannya dia (tentera yang dimaksudkan)." Jawabnya, "Bukan mereka."

Musim haji berdarah itu rupa-rupanya bukan sahaja berlaku di kota suci Makkah, malah merebak dengan pantas ke kota suci Madinah. Sebelum Imam Mahdi muncul di Makkah, kota suci Madinah akan diserang oleh pasukan tentera di bawah pimpinan As-Sufyani. Penyerangan ini dilakukan selama tiga hari tiga malam, mereka membunuh, merampas dan bermaharaja lela sepanjang tempoh itu menyebabkan kota suci itu hancur rata dengan tanah dan jumlah kematian melebihi tiga perempat daripada jumlah keseluruhan penduduk dan jemaah haji yang sedang melakukan ziarah.

Tidak lama selepas pembunuhan besar-besaran itu, Imam Mahdi tiba dari Makkah ke Madinah, yang ketika itu sedang dalam perjalanan menuju ke Baitulmaqdis. Apabila penduduk Madinah yang masih tinggal itu mengetahui bahawa Imam Mahdi sedang melalui kota suci Madinah itu, mereka menyambutnya dengan meriah dan terus membaiat Imam Mahdi sebagai khalifah mereka. Kesan-kesan darah yang masih merah itu dapat dilihat di sana-sini di kota Madinah itu. Jalan-jalan dan dinding-dinding bangunannya terlihat kesan-kesan tompokan darah sedangkan pada ketika itu kota Madinah kelihatan hampir sunyi dan menjadi kota yang separuh mati. Tidak ada yang mendiaminya lagi, melainkan sedikit sahaja.

33. Pemimpin Syam dan Mesir Mati Terbunuh

A. Kata tabiin RH,

> *"Sebelum al-Mahdi, raja Syam akan terbunuh, (diikuti oleh) terbunuhnya raja Mesir. Bangsa Syam akan menawan kabilah daripada Mesir. Seorang lelaki dari Timur berangkat mengibarkan Panji-panji Hitam, yang dikatakan dia itu adalah (berasal dari) bangsa Syam dan dialah yang akan menyerahkan kekuasaannya kepada al-Mahdi."*

Apabila mana-mana pemimpin Eropah mati terbunuh, diikuti oleh pemimpin dari Afrika yang turut mati terbunuh dalam selang masa yang tidak berapa jauh, maka itulah tandanya Imam Mahdi sudah amat hampir keluar memunculkan dirinya di Makkah. Dan sebelum Imam Mahdi muncul, sudah pastilah seorang lelaki akan mendapat kuasa di Timur lalu mencari dan menyerahkan kekuasaan seluruh umat Islam ini kepada Imam Mahdi. Dan orang itu tidak syak lagi adalah Syuaib bin Saleh at-Tamimi.

34. Musim Haji Berdarah di Mina

A. Sabda Nabi SAW,

> *"Sebelum pembaiatan al-Mahdi di antara Hajarul Aswad dan Maqam Ibrahim, ada kabilah yang menarik perhatian al-Mahdi mengenai sikap dan perampasan mereka terhadap jemaah haji di Mina."*

Imam Mahdi tidak akan dibaiat sehinggalah umat manusia yang sedang mengerjakan haji dibunuh beramai-ramai oleh sekumpulan orang-orang yang sengaja mahu membunuh mereka. Kumpulan orang yang membunuh jemaah haji itu adalah dari kalangan orang-orang Syiah kerana hanya orang-orang Islam sahaja yang dibenarkan masuk ke dalam kota suci Makkah. Disebutkan dalam hadis ini ada kabilah yang merampas menunjukkan bahawa mereka itu adalah orang-orang Islam juga, masuk ke Makkah dengan tujuan zahirnya untuk mengerjakan haji, kemudian semasa di Mina mereka membunuh sebanyak mungkin jemaah haji. Selain membunuh jemaah haji, mereka juga cuba untuk merampas kuasa di Makkah, dengan tujuan dapat menguasainya dan sekali gus menghalang kemunculan Imam Mahdi yang sebenar, yang kemunculannya sudah amat pasti itu.

Perbuatan mereka yang amat zalim ini diketahui oleh Imam Mahdi yang pada ketika itu sedang berada di dalam rumahnya di Safa. Imam Mahdi menangisi apa yang sedang terjadi itu, dan beliau sangat-sangat bersedih hati kerana kejadian itu. Beliau sentiasa berulang alik antara rumahnya dengan Masjidil Haram. Di Masjidil Haram itu beliau selalu menyandarkan wajahnya ke dinding Kaabah sambil menangis. Itulah yang selalu beliau lakukan setiap hari sehinggalah ke saat beliau dibaiat sebagai Imam Mahdi, yang memerintah seluruh umat Islam dan dunia Islam.

35. Tanda yang Keluar Itu Benar-benar Imam Mahdi

A. Kata sahabat RA,

> *"Tanda-tanda kemunculan al-Mahdi (yang sebenar) adalah apabila harta pusaka melimpah-limpah, penguasa/pemimpin yang mengumpul harta telah mati (dalam kehinaan), setelah itu dia digantikan oleh seorang lelaki yang lemah, yang kemudiannya dipecat setelah dua tahun diangkat menjadi pemimpin, ada sekumpulan askar yang ditelan bumi di barat Damsyik, munculnya tiga*

belas tokoh di Syam dan keluarnya penduduk Maghribi (Afrika) ke Mesir."

Apabila Syuaib bin Saleh at-Tamimi mendapat kuasa di sebelah Timur, maka beberapa ***tanda baru*** akan muncul. Yang paling ketara ialah keluarnya harta benda di sekitar pusat pemerintahan beliau, yang menyebabkan seluruh penduduk di kawasan itu menjadi kaya raya dan tidak tergugat ekonomi mereka walaupun cuba disekat oleh negara-negara kafir yang lain. Tanda kedua yang disebutkan itu sudahpun berlaku, iaitu berlakunya terlebih dahulu dari kemunculan Pemuda Bani Tamim. Orang yang dimaksudkan itu adalah Presiden Indonesia iaitu ***Soeharto*** yang dikatakan ***mati***, kemudian digantikan oleh seorang lelaki yang lemah (mempunyai kecacatan zahir dan kelemahan dalam kepemimpinan) lalu dipecat setelah hampir dua tahun memerintah. Pemimpin yang dimaksudkannya itu adalah **Gus Dur** atau nama sebenarnya **Abdurrahman Wahid**. Ini juga sudah benar-benar berlaku.

Selain itu, disebutkan juga peristiwa pasukan tentera yang tenggelam di Damsyik. Ini menunjukkan akan berlaku dua peristiwa pasukan tentera yang tenggelam ke dalam bumi. Tanda lain yang disebutkan adalah kemunculan tiga belas orang pemimpin umat pada akhir zaman, yang juga merupakan orang paling kanan bagi Imam Mahdi. Mereka ini akan diketahui setelah At-Tamimi mendapat kuasa di Timur. Disebutkan juga apabila At-Tamimi mendapat kuasa di Timur, penduduk Islam Afrika yang masih kukuh mengamalkan tarekat dan amalan sufi akan meninggalkan negara mereka dan berpindah ke Mesir atau Timur Tengah untuk bergabung dengan Al-Hasyimi. Mereka ini seterusnya akan menjadi sebahagian daripada anggota pasukan tentera Al-Hasyimi. Pada waktu itu, Al-Hasyimi sedang bersiap-siap menuju ke Khurasan untuk bergabung dengan pasukan Khurasan dan Asoib dari Timur.

36. Pembunuhan Jemaah Haji

A. Kata sahabat RA,

> *"Orang ramai pergi menunaikan haji. Mereka lalu berwukuf di Arafah tanpa seorang imam pun (yang memimpin mereka bersembahyang). Semasa di Mina, berlaku satu pemberontakan dan mereka (yang sedang berhaji) dibunuh di sana sehingga darahnya mengalir daripada (Jamratul) Aqabah. Mereka lalu meminta pertolongan daripada seorang yang dihormati. Mereka mendatanginya, yang ketika itu dia sedang menyandarkan mukanya di Kaabah sambil menangis. Mereka berkata kepadanya, "Ke marilah supaya kami (dapat) berbaiat kepadamu." Dia menjawab, "Celaka kamu semua ini, berapa banyak perjanjian yang telah kamu cabuli dan berapa banyak darah (umat Islam) yang telah kamu alirkan?" Kemudian dengan terpaksa dia dibaiat. Jika kamu semua menemuinya, maka berbaiatlah kepadanya. Sesungguhnya dia adalah Al-Mahdi di bumi dan Al-Mahdi di langit."*

Asar ini adalah huraian sokongan atau pengulangan terhadap hadis-hadis dan asar-asar yang lain. Jelasnya, apabila berlaku pembunuhan jemaah haji di Mina dan mereka berwukuf di Arafah tanpa imam, maka itulah dua tanda akhir bahawa Imam Mahdi sudah amat hampir untuk dibaiat. Dan sepanjang sejarah umat Islam yang kita ketahui, kedua-dua peristiwa ini belum pernah terjadi lagi secara serentak. Apabila berlaku nanti, itulah dia saat Imam Mahdi akan muncul di kalangan kita. Maka perhatikanlah kedua-dua peristiwa besar itu.

Mengenangkan betapa ramainya jemaah haji yang akan mati itulah, pernah pada suatu masa dahulu, Ustaz Haji Ashaari bin Muhammad, mengarahkan para pengikutnya agar tidak pergi menunaikan ibadat haji pada tahun 1980-an untuk mengelakkan daripada termasuk ke dalam orang-orang yang akan dibunuh secara besar-besaran. Walaupun ramalan beliau tidak berlaku pada tahun itu, ini menunjukkan ketinggian kefahaman beliau terhadap hadis-hadis yang berkaitan dengan

peristiwa akhir zaman, sedangkan pada ketika itu, tidak ada seorang pun ahli hadis atau sarjana yang ambil peduli terhadap kemungkinan kejadian yang tidak kita ingini itu daripada berlaku, terutama kepada ahli keluarga kita atau pengikut-pengikut kita yang kita sayangi.

37. Berlaku Perbezaan Pendapat

A. Kata tabiin RH,

"Di dunia ini akan timbul (sikap) berpuak-puak dan (juga) perbezaan pendapat, sehingga (akhirnya) muncul suatu tangan dan seruan dari langit yang menyeru, "Ketahuilah bahawa pemimpin kamu semua adalah si fulan (maksudnya ialah Imam Mahdi)."

Kejadian ini sudahpun lama berlaku di kalangan umat Islam. Sikap berpuak-puak dan saling menyalahkan antara satu dengan yang lain seakan-akan sudah mendarah daging di kalangan sekalian umat Islam. Jika tidak perkara-perkara kecil yang diperselisihkan, perkara-perkara besar akan turut diperselisihkan sama. Semua ini akan menyebabkan umat Islam berada dalam keadaan lemah dan terbiar kerana mereka putus daripada rahmat dan pertolongan Allah akibat daripada perselisihan yang berlaku dan sikap berpuak-puak yang diamalkan.

Sebenarnya, sikap berpuak-puak di kalangan umat Islam pada zaman ini disuburkan oleh orang-orang Yahudi. Umat Islam ditanamkan dengan perasaan memandang rendah terhadap golongan lain yang tidak sehaluan dengan kita walaupun mereka itu seagama dengan kita. Bermula dari perasaan memandang rendah terhadap umat Islam lain itulah yang menimbulkan sikap berpuak-puak pula, iaitu puak aku lebih baik daripada puak dia, Islam puak aku lebih baik daripada Islam puak dia dan begitulah seterusnya. Apa yang berlaku pada hari ini adalah merupakan satu kejayaan yang amat besar, gilang-gemilang dan tidak terhingga bagi orang-orang Yahudi dan jaringan gerakan Zionis mereka. Hanya Allah sahajalah yang mampu menyelamatkan kita daripada semua bentuk tipuan orang-orang Yahudi itu.

Syarat-syarat Wajib Sebelum Beliau Muncul

1. Tapak Daulah Imam Mahdi Disediakan oleh Orang Timur

A. Dari Abdullah bin al-Haris bin Jaz-uz Zabidi RA katanya, sabda Nabi SAW,

"Akan keluar orang-orang dari Timur, lalu mereka mempersiapkan untuk Imam Mahdi, yakni tapak pemerintahannya."

(Ibnu Majah)

Pemuda Bani Tamim adalah suatu gelaran yang sentiasa menggentarkan hati setiap pemerintah, sejak dari zaman permulaan Islam lagi hinggalah ke hari ini. Ini dengan mudah dapat dimengertikan kerana setiap kali nama itu disebut, setiap kali itulah akan terasa kepada pihak

pemerintah bahawa kedudukan mereka akan tergugat, dan kekuasaan mereka akan beralih tangan. Namun benarkah demikian? Siapa yang mengatakan demikian sehingga diyakini sangat-sangat oleh para pemerintah sejak dulu-dulu lagi? Apa yang ditakutkan sangat terhadap diri Pemuda Bani Tamim itu sehingga dianggap sedemikian rupa?

Pemuda Bani Tamim adalah gelaran kepada seorang lelaki yang tugas utamanya adalah membantu menaikkan Imam Mahdi sebagai pemerintah seluruh umat Islam. Disebutkan Bani Tamim kerana memuliakan nasabnya dan untuk mengiklankan dirinya sebagai salah seorang pemimpin umat pada akhir zaman. Kerana itulah jarang sangat orang yang mengaku dirinya sebagai Pemuda Bani Tamim, sedangkan yang mengaku dirinya sebagai Imam Mahdi sangatlah banyaknya. Memang rugi kalau seseorang itu mengaku dirinya sebagai Pemuda Bani Tamim, kerana dia mendapat kuasa pemerintahan tetapi tidak dapat dimilikinya. Pada perkiraan orang ramai dan pemerintah hari ini, orang yang mengaku dirinya sebagai Pemuda Bani Tamim adalah orang yang paling bodoh di dunia ini.

Mana tidaknya, dia yang bersusah payah dan menanggung segala macam penderitaan yang berat-berat, tiba-tiba yang mendapat senang adalah orang lain, iaitu Imam Mahdi. Dia yang susah payah mendirikan pusat pentadbiran dan pemerintahan, tiba-tiba yang memerintah adalah orang lain, bukan dia sendiri. Melakukan tugasan yang amat besar dan berat inilah yang tidak tersanggup oleh sesiapa pun jua, melainkan oleh orang benar-benar disebutkan sebagai Pemuda Bani Tamim sahaja. Hanya dia seorang sahajalah yang sanggup dan mampu berbuat demikian kerana itulah yang disebutkan oleh baginda SAW dalam banyak hadisnya.

Memang jika dinilai dari segi lahirnya, begitulah adanya dan begitulah realiti yang berlaku. Memang telah ditentukan bahawa Pemuda Bani Tamim itu adalah orang yang benar-benar pejuang, berjuang untuk orang lain dan berjuang untuk Islam, tidak ada kepentingan peribadi walau sebesar sayap nyamuk. Ini dengan mudah dapat difahami oleh kita jika kita benar-benar menghayati maksud hadis-hadis yang menceritakan tentang diri beliau. Kelebihan beliau yang satu ini tidak mungkin akan dapat dipikul oleh sesiapa pun, melainkan beliau seorang sahaja. Hanya orang yang benar-benar berjuang untuk menaikkan Islam itu ke tempatnya yang mulia sahaja yang tidak mengira apa hasil akhir dari perjuangannya, sama ada untuk dirinya sendiri atau untuk orang lain yang diyakininya lebih baik daripada dirinya sendiri. Mana ada pejuang Islam sekarang atau pemimpin dunia hari ini yang mampu berbuat seperti itu?

Bagaimana ini boleh berlaku? Jawabnya, kerana beliau seorang yang amat ikhlas dalam perjuangannya. Hanya seorang yang ikhlas dalam perjuangannya sahaja yang mampu berbuat demikian. Lihatlah bagaimana Sayidina Khalid bin al-Walid RH semasa dilucutkan daripada jawatannya sebagai pemimpin tertinggi angkatan tentera dan menjadi seorang askar prebet biasa sahaja oleh Sayidina Umar RA. Hatinya langsung tidak berubah dan perjuangannya tetap kental seperti biasa. Kalau ada seseorang yang mampu berbuat demikian, itulah tandanya orang itu adalah seorang yang benar-benar ikhlas dalam pekerjaan dan perjuangannya.

2. Imam Mahdi dan Panji-panji Hitam

A. Sabda Nabi SAW,

> *"Al-Mahdi akan muncul setelah keluarnya Panji-panji Hitam dari sebelah Timur, yang mana pasukan ini tidak pernah kalah dengan pasukan mana pun."*
>
> (Ibnu Majah)

B. Sabda Nabi SAW,

"Panji-panji Hitam akan keluar dari arah Khurasan, dan sementara itu kawan-kawan al-Mahdi (pula) keluar menuju ke Baitulmaqdis."

C. Sabda Nabi SAW,

"Jika kamu semua melihat Panji-panji Hitam datang dari arah Khurasan, maka sambutlah ia walaupun kamu terpaksa merangkak di atas salji. Sesungguhnya di tengah-tengah panji-panji itu ada Khalifah Allah yang mendapat petunjuk." Maksudnya ialah al-Mahdi.

(Ibnu Majah, Abu Nuaim & al-Hakim)

D. Sabda Nabi SAW,

"Apabila kamu melihat Panji-panji Hitam telah diterima di sebelah wilayah Khurasan, maka datangilah dia sekalipun terpaksa merangkak di atas salji kerana padanya itu ada Khalifah Allah iaitu al-Mahdi."

(Abu Nuaim)

E. Abdullah bin Syuraikh berkata,

"Bersama-sama munculnya Al-Mahdi adalah panji-panji Rasulullah SAW, lengkap dengan cap-capnya sekali."

F. Kata Sayidina Ali KMW,

"Apabila Panji-panji Hitam menghala ke arah As-Sufyani, dan para pengikut Syuaib bin Saleh mencari-cari Al-Mahdi, dia akan muncul dari Makkah dan bersama-sama dengannya adalah Panji-panji Rasulullah SAW. Dia akan membahagi dua pasukannya mengerjakan sembahyang, setelah orang ramai meletakkan harapan kepadanya selain berpanjangan bala yang menimpa mereka. Setelah selesai sembahyang, dia mendapatkan mereka dan berkhutbah, "Wahai manusia, ujian-ujian yang berterusan menimpa umat Muhammad SAW, terutamanya kepada Ahlulbait, (antaranya) adalah (kerana) kamu dikuasai dan dipersalahkan."

Jelaslah di sini bahawa peranan Panji-panji Hitam amatlah penting sebelum kemunculan Imam Mahdi. Apa yang difahamkan ialah bahawa Imam Mahdi tidak akan muncul, melainkan setelah Pemuda Bani Tamim yang membawa Panji-panji Hitam itu muncul dan mendiri serta mempersiapkan tapak daulah untuk Imam Mahdi. Setelah itu barulah Imam Mahdi muncul. Inilah urutan yang perlu diikut oleh Imam Mahdi.

Asar oleh Imam Ali KMW ini juga memberitahu kita bahawa Imam Mahdi amat menitikberatkan sembahyang bagi para pengikutnya. Jadi, seseorang yang mengaku dirinya sebagai Imam Mahdi mestilah mendahulukan sembahyang kepada para pengikut dan umat Islam sebaik-baik sahaja beliau diangkat menjadi khalifah. Orang yang tidak berapa memberatkan sembahyang kepada para pengikutnya atau umat Islam, maka orang itu juga bukanlah Imam Mahdi yang sebenar. Sembahyang yang didirikan oleh Imam Mahdi dan para pengikutnya adalah sembahyang yang penuh khusyuk, yang mampu membina keperibadian mereka seperti peribadi para sahabat RA dan mampu pula mendatangkan pertolongan dan bantuan Allah kepada mereka secara terus.

Dan seperti biasa, apabila seseorang pemimpin itu berjaya memimpin pengikutnya kepada khusyuk dalam sembahyang, maka si pemimpin itu sendiri mahu tidak mahu mestilah terlebih dahulu adalah orang yang telah khusyuk dalam sembahyangnya kerana mustahil seorang yang tidak khusyuk dapat menunjukkan cara khusyuk kepada orang yang belum khusyuk sehingga mendapat khusyuk. Ranjau dan jeram yang menanti orang yang baru merasa khusyuk amatlah dalam dan luas, tidak akan mampu dicapai tanpa ada panduan daripada sang pemimpinnya. Dan ranjau serta jurang itu tidak akan sekali-kali diketahui oleh sesiapa pun melainkan oleh seorang yang telah pernah merasa apa itu khusyuk dan telah memahami setiap liku dan ranjaunya. Cara untuk mencapai khusyuk itu juga tidak

akan diketahui oleh sesiapa pun melainkan oleh orang yang telah sampai kepadanya rasa khusyuk itu. Ilmu-ilmu seperti ini tidak ada di dalam mana-mana kitab, dan tidak ada juga diajarkan di mana-mana universiti pun.

3. Askar Islam yang Amat Hebat

A. Kata sahabat RA,

> *"Al-Mahdi berserta askarnya akan muncul daripada Timur. Sekiranya gunung menjadi penghalang (perjalanan) mereka, nescaya gunung itu akan (mereka pukul sehingga) hancur rata menjadi jalan mereka."*

B. Sabda Nabi SAW,

> *"Akan datang Panji-panji Hitam dari Timur, seolah-olah hati mereka adalah kepingan-kepingan besi. Sesiapa yang mendengar tentang mereka, hendaklah datang kepada mereka dan berbaiatlah kepada mereka, sekalipun terpaksa merangkak di atas salji."*
>
> (Al-Hafiz Abu Nuaim)

C. Kata Sayidina Ali KMW,

> *"Maka Allah Azza wa Jalla menghimpunkan sahabat-sahabatnya (tentera al-Mahdi yang dipanggil Ikhwan) seramai tentera-tentera Badar dan seramai tentera Talut, iaitu 313 orang lelaki, seolah-olah mereka itu singa-singa jantan yang keluar dari hutan. Hati mereka itu ibarat kepingan-kepingan besi. Kalau mereka berkehendak untuk memindahkan gunung, nescaya akan mereka lakukan. Pakaian mereka sejenis dan seolah-olah mereka itu dari satu ibu dan satu ayah."*

Golongan Ikhwan ini, jumlahnya adalah 313 orang. Mereka merupakan golongan pemimpin umat manusia semasa pemerintahan Imam Mahdi. Peranan mereka adalah sama dan setara dengan peranan Sahabat dahulu. Gelaran Ikhwan dan Sahabat itu hanyalah untuk memudahkan kita membezakan zaman mereka berada sahaja. Jika para sahabat muncul pada awal Islam, maka Ikhwan muncul pada zaman akhirnya. Sifat-sifat mereka ini ada dinyatakan di dalam hadis-hadis di atas, amat mudah difahami (walaupun amat sukar melaksanakannya) dan rasa-rasanya penulis tidak perlu memperpanjangkannya lagi di sini.

Ikhwan adalah suatu nama yang umum, namun golongan yang digelar **Ikhwan** adalah suatu yang jarang-jarang berlaku dalam sejarah Islam. Sepanjang sejarah umat Islam yang sudah lebih seribu empat ratus tahun ini, hanya beberapa peristiwa sahaja yang menggunakan nama Ikhwan, itupun sebahagiannya tidak sepopular mana pada mata masyarakat seluruh dunia. Ini membuktikan lagi bahawa hadis-hadis mengenai golongan Ikhwan ini memang tidak popular, baik pada ulamanya, para pemimpinnya, rakyat jelata dan umum masyarakat. Dan dikeranakan itu pulalah, dengan mudah kita dapat membezakan antara yang benar-benar mengikut hadis atau hanya menumpang nama sahaja atau ***termenggunakan*** nama Ikhwan itu secara tidak sengaja.

Sejarah terawal penubuhan anggota Ikhwan adalah pada abad kesembilan Hijrah dahulu, oleh Imam as-Suyuti RH. Memang kita ketahui bahawa Imam as-Suyuti RH banyak mengkaji hadis berkenaan peristiwa akhir zaman, banyak fahamnya termasuk yang seni-seni mengenainya dan beliau juga ternyata amat berminat dengan hal-hal yang sedemikian. Beliau pernah menubuhkan jemaahnya sendiri yang dikenali sebagai golongan Ikhwan, mengambil sempena golongan Ikhwan yang disebut-sebut oleh hadis Nabi SAW. Mereka ini berpakaian hijau manakala yang perempuannya berpakaian hitam, semasa berjalan sentiasa bergerombolan dan tinggal di kawasan Timur, iaitu di timur Palestin. Mereka tidak mengangkat senjata dalam perjuangan mereka, sama seperti yang disebut oleh hadis-hadis dan akhirnya bubar setelah beberapa lama masa berlalu.

Mereka mendapat didikan agama dan mempunyai kefahaman yang hampir sama dengan pemimpin mereka iaitu Imam as-Suyuti RH sendiri. Sayangnya, jumlah mereka tidaklah tepat 314 orang seperti yang disebutkan oleh hadis dan tempat tinggal mereka juga tidaklah tepat di Timur seperti yang dinyatakan oleh hadis. Zaman mereka muncul juga adalah tidak bertepatan dengan masa yang sebenar, walaupun mereka ini muncul pada awal kurun Hijrah. Pemimpin mereka iaitu Imam as-Suyuti RH bukanlah Pemuda Bani Tamim yang disebut-sebutkan itu. Mereka juga tidak menanti Imam Mahdi muncul kerana matlamat utama Imam as-Suyuti RH berbuat demikian adalah untuk mendapatkan keberkatan sahaja, moga-moga beliau dan anggota Ikhwannya itu mendapat satu pahala, iaitu pahala berijtihad. Jika betul ijtihadnya, mereka mendapat dua pahala dan jika salah ijtihad itu, tetap mendapat satu pahala, iaitu pahala berijtihad. Mereka juga sebenarnya mendapat pahala-pahala lain iaitu pahala berusaha, pahala berjuang dan pahala beramal secara berjemaah.

Itulah golongan pertama yang diketahui sejarah menggunakan nama Ikhwan dalam perjuangan mereka. Golongan kedua yang diketahui menggunakan nama Ikhwan dalam perjuangan mereka adalah dari kalangan pemimpin Bani Saud yang menyerang Makkah dan Madinah serta wilayah Hijaz yang lain. Mereka ini adalah pasukan tentera Bani Saud yang berfahaman Wahabi tulen yang menyerang kota Makkah dan Madinah sekitar tahun 1924 dan 1925 Masihi dahulu, dan seterusnya menakluk kedua-dua buah kota suci umat Islam itu, melepaskannya dari kekuasaan Bani Osmani Turki, dan merampas kekuasaan autonominya daripada Syarif-syarif yang sebelumnya berkuasa penuh ke atas kedua-dua kota suci itu. Pemimpinnya ketika penyerangan itu adalah Sultan Abdul Aziz bin Abdul Rahman El-Faisal Aali Saud, yang selepas penawanan kedua-dua kota suci itu memakai gelaran **Al-Malik**, dan gelaran itu kekal sehingga ke hari ini.

Yang mereka serang adalah Syarif Husain, pendiri Kerajaan Hasyimiah yang berpusat di kota Makkah. Mereka merampas beberapa benda berharga di kedua-dua buah kota suci itu, yang antaranya adalah milik peribadi Rasulullah SAW dan ahli keluarga baginda lalu dibawa ke Riyadh, ibu kota dan pusat pemerintahan Bani Saud itu. Mereka juga memusnahkan makam-makam Sahabat RA termasuk yang mati syahid, lalu meratakannya dengan tanah. Rumah keputeraan Rasulullah SAW juga turut dimusnahkan, dijadikan kandang binatang. Hanya akhir-akhir ini sahaja tempat itu dijadikan sebuah perpustakaan untuk bacaan umum. Nyata pula pasukan Ikhwan yang ini begitu keras, sama sekali tidak sesuai dengan namanya. Pasukan ini juga berjaya menakluk seluruh Hijaz dan meletakkannya di bawah kekuasaan mutlak raja baru di seluruh Hijaz iaitu Bani Saud. Oleh kerana pemimpinnya adalah seorang yang tidak percayakan hadis-hadis mengenai Panji-panji Hitam, maka penggunaan nama Ikhwan bagi pasukan tentera ini hanyalah kebetulan semata-mata, bukannya menuruti hadis.

Golongan ketiga yang diketahui sejarah menggunakan nama Ikhwan ialah kumpulan yang terkenal di Mesir dahulu, iaitu Ikhwanul Muslimin. Mereka adalah golongan yang berjuang tanpa senjata, menegakkan semula Islam ke tengah-tengah masyarakat Mesir yang sedang menghadapi pergolakan jiwa yang amat hebat, antara Islam sebagai ajaran tradisi dengan tamadun Barat sebagai ideologi yang moden dan maju. Ketika itu rakyat Mesir sedang menghadapi tekanan daripada penjajah Inggeris yang cuba menanam rasa kagum mereka kepada tamadun Barat yang kononnya amat maju itu, untuk dipraktikkan dalam kehidupan seharian mereka, dan meninggalkan kepercayaan lama mereka ***yang kolot*** itu. Pegangan agama mereka juga umumnya amat lemah dan Islam pada mereka lebih bersifat tradisi, bukannya sebagai pegangan dan anutan hakiki.

Dalam keadaan yang demikianlah, Hassan al-Banna muncul dengan membawa kaedah dakwah yang komprehensif dan ajaran agama yang progresif untuk diterapkan secara realiti oleh seluruh masyarakat Islam Mesir, bukan semata-mata teori. Usaha beliau ini tidak semata-mata atas inisiatif beliau seorang diri tetapi mendapat sokongan beberapa orang rakannya yang lain, yang turut gigih berjuang bersama-sama beliau. Ikhwanul Muslimin pernah mencapai puncak kegemilangannya sehingga mempengaruhi pihak pemerintah di Mesir sendiri dan penjajah Inggeris di sana. Semasa di

puncak itu, gerakan ini mencapai ahli berjuta-juta orang dan meliputi pelbagai bidang profesional.

Namun, mereka bukanlah gerakan yang dimaksudkan kerana Ikhwanul Muslimin menggunakan asas syariat lahir sebagai alat utama perjuangan mereka. Aspek kerohanian kurang diberi tumpuan dan inilah satu faktor utama yang membantu menumbangkan mereka semasa mereka berada di puncak kegemilangan. Para pemimpinnya, termasuk Hassan al-Banna sendiri mati syahid. Ada yang mati ditembak dan ada yang dihukum gantung. Namun, gerakan Ikhwanul Muslimin masih tetap hidup hingga ke hari ini, sambil pergerakan mereka diawasi ketat oleh pihak pemerintah di Mesir. Mereka juga tidak berniat mengembangkan gerakan Ikhwan ini ke seluruh dunia seperti yang ditetapkan oleh hadis-hadis.

4. Golongan Ikhwan

A. Dari Ibnu Umar RA katanya, Rasulullah SAW ditanya oleh para sahabat RA,

> *"Apakah ada orang yang beriman kepadamu sedangkan mereka tidak pernah melihatmu dan membenarkan ajaranmu sedangkan mereka tidak pernah melihatmu?"* Baginda SAW menjawab, *"Mereka itu adalah Ikhwanku dan mereka bersama-samaku. Beruntunglah mereka yang melihatku dan beriman kepadaku dan beruntung juga mereka yang beriman kepadaku sedangkan mereka tidak pernah melihatku."* (diulang 3 kali).
>
> (Muslim)

Dalam hadis ini ada disebutkan golongan Ikhwan. Dalam hadis ini Rasulullah SAW menyatakan bahawa para Ikhwan ini lahir selepas baginda SAW wafat. Disebutkan juga bahawa orang-orang yang dipilih oleh Allah SWT untuk menjadi Sahabat baginda adalah orang-orang yang sangat beruntung. Namun baginda SAW juga menyatakan bahawa orang-orang yang terpilih menjadi salah seorang Ikhwan adalah juga orang yang sangat beruntung, dan mereka ini dinyatakan lebih beruntung berbanding dengan Sahabat kerana disebutkan Ikhwan ini beruntung sebanyak tiga kali, sedangkan Sahabat RA disebutkan beruntung hanya sekali.

Golongan Ikhwan yang dimaksudkan oleh baginda SAW ini adalah pemimpin-pemimpin kanan kepada Imam Mahdi, yang melalui merekalah agama Islam ini dinaikkan semula oleh Allah SWT ke tempat asalnya yang tinggi dan mulia, sama seperti Islam dinaikkan oleh Allah SWT pada permulaan dahulu melalui para Sahabat RA. Oleh itu, peranan mereka ini amatlah besar. Mereka hidup pada akhir zaman dan mereka adalah sebuah ***keluarga besar*** kepada Pemuda Bani Tamim. Pemuda Bani Tamim itu adalah ***ayah*** kepada mereka dan mereka pula adalah ***anak-anak*** kepada Pemuda Bani Tamim. Dan huraian lebih lanjut mengenai hal ini akan dapat dilihat pada bahagian-bahagian seterusnya. Penulis tidak akan memanjangkan huraiannya di sini.

5. Siapa Itu *IKHWAN*?

A. Rasulullah SAW, ada menyebutkan mengenai **Ikhwan** ini yang maknanya kira-kira begini:

> "*Apabila azan sang muazin, berserulah dia, 'Asyhaduan Lailahaillallah', (ketika itu) bergoncanglah syurga. Sangatlah rindunya para bidadari dan bertambah-tambah rindunya lagi mereka akan Rasulullah SAW. Begitu juga segala mahligai syurga dan segala bilik peraduannya (bergoncang-goncang kerana) amat rindu kepada Rasulullah SAW. Kemudian Rasulullah SAW itu pula, selain rindunya yang bersangatan kepada syurga, juga tersangat rindu kepada suatu toifah dari kalangan umatnya yang akan keluar pada akhir zaman nanti. Mereka itu berakhlak dengan akhlak nabi-nabi dan mengambil perjalanan yang ditempuh oleh para siddiqin. Mereka ini adalah ghurabak (orang-orang asing) di kalangan umum mukminin.*"

Dalam hadis ini disebutkan bahawa golongan Ikhwan ini adalah suatu toifah, ertinya satu golongan kecil dari kalangan umat Islam yang sekian ramainya itu. Mereka ini muncul pada akhir zaman, bukan pada awalnya atau pada pertengahannya. Golongan Ikhwan ini adalah golongan yang sangat dirindui oleh baginda SAW, melebihi rindunya baginda SAW kepada syurga dan para Sahabat RA. Jadi, sesiapa di antara kita yang dirindui oleh baginda SAW, maka itulah tandanya dia ada harapan menjadi salah seorang daripada golongan Ikhwan yang disebutkan itu. Ada dua sifat utama yang terdapat pada setiap Ikhwan ini iaitu mempunyai akhlak seperti akhlak nabi-nabi dengan maksud, akhlak para nabi zaman dahulu terkumpul dan dapat dilihat secara realiti pada mereka, bukannya sekadar teori.

Yang keduanya ialah mereka beramal sesuai dengan amalan kesufian/kerohanian golongan siddiqin, dan tidak salah dinyatakan bahawa golongan siddiqin yang dimaksudkan di sini ialah golongan siddiqin tahap kedua yang hanya mampu dicapai oleh kalangan wali-wali besar yang telah mencapai tahap tertinggi pada masa-masa lalu, bukan siddiqin yang tahap pertama iaitu golongan salik yang baru hendak mencapai ke taraf wali. Maksud ini lebih sesuai memandangkan ketinggian akhlak mereka seperti yang disebutkan tadi. Maka padanlah kedua-dua penyataan ini jika digabungkan iaitu akhlak yang tinggi, yang menyamai akhlak nabi-nabi dengan taraf amalan mereka sebagai amalan para siddiqin.

Disebutkan juga bahawa golongan Ikhwan ini adalah amat asing, janggal, ganjil, aneh, jauh berbeza dan tersendiri daripada umat Islam umumnya. Malah mereka bukan sahaja kelihatan janggal pada pandangan masyarakat umum umat Islam, tetapi amat janggal juga pada pandangan kaum mukminin iaitu golongan yang telah baik agama mereka pada sisi Tuhan, dan baik pula penghayatan Islamnya. Kalau kaum mukminin sahaja pun sudah merasakan betapa asingnya golongan Ikhwan ini pada pandangan mereka, maka pada pandangan kita yang umum muslimin ini, lebih-lebih lagilah ganjilnya mereka itu. Hal ini rupa-rupanya sudahpun baginda SAW terangkan sejak awal-awal lagi. Hanya kita sahaja yang tidak berapa peka terhadap perkara yang pernah disebutkan oleh baginda SAW itu.

B. Dari Abdullah RA, katanya, "Datang seorang lelaki kepada Rasulullah SAW menanyakan,

> *"Ya Rasulullah, bagaimana pendapatmu mengenai seorang yang mencintai suatu kaum, sedangkan dia belum pernah bertemu dengan kaum itu?" Rasulullah SAW menjawab, "Orang itu nanti akan bersama-sama dengan orang yang dicintainya itu.*"
>
> Muslim

Hadis ini umum maksudnya, tetapi Imam Muslim meletakkan hadis ini di tempat yang sesuai dengan hadis-hadis lain yang menceritakan keadaan umat Islam pada akhir zaman. Oleh itu, yang dimaksudkan oleh hadis ini dengan *kaum* adalah golongan Ikhwan. Maknanya sesiapa yang mencintai golongan Ikhwan ini, sama ada secara umum ataupun secara salah seorang daripada mereka, maka

umat Islam itu juga akan mendapat syafaat untuk dimasukkan ke dalam syurga, seperti masuknya golongan Ikhwan ini ke dalam syurga. Nanti mereka akan ditempatkan bersekali dengan tempat yang telah dikhususkan untuk golongan Ikhwan ini, insya-Allah.

Maksud lain yang umum daripada hadis ini iala kalau kita mencintai seseorang yang fasik, maka kita akan turut sama fasik, seperti fasiknya orang yang kita cintai itu. Dan lazimnya orang yang fasik itu akan dimasukkan ke dalam neraka. Maka akan diikutnyalah orang fasik yang dicintainya itu ke dalam neraka. Maksud tersirat daripada hadis ini ialah supaya kita berhati-hati sebelum mencintai seseorang atau sesuatu kumpulan. Lihat dahulu keadaan agama mereka, jika baik maka bolehlah kita ikuti.

C. Sabda Nabi SAW dalam hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah RA,

> "*Islam itu permulaannya adalah asing, dan nanti akan kembali menjadi asing, seperti permulaannya. Maka beruntunglah orang-orang yang asing itu.*"
>
> Muslim

Rasulullah SAW menyatakan bahawa agama Islam itu pada zaman dahulu, iaitu pada awal perkembangan oleh Rasulullah SAW, dipandang asing oleh orang-orang kafir Makkah. Maka sangatlah beruntung para Sahabat RA yang termasuk ke dalam golongan yang amat asing itu. Pada akhir zaman nanti, agama Islam akan kembali asing seperti masa awalnya, tapi kali ini asing pada pandangan umat Islam itu sendiri. Ikhwanlah golongan ghurabak yang dimaksudkan oleh hadis itu. Dan golongan ghurabak ini jugalah yang menjadi golongan yang sangat beruntung seperti yang dikatakan itu. Itulah sebabnya Nabi SAW menyebutkan golongan Ikhwan ini beruntung sehingga tiga kali.

Keadaan agama Islam yang menjadi asing pada hari ini menunjukkan bahawa saatnya sudah amat hampir untuk Muhammad Kedua muncul. Muhammad Pertama muncul dengan membawa ajaran Islam yang amat asing pada pandangan masyarakat jahiliyah ketika itu. Dan kedatangan Muhammad Kedua dengan membawa ajaran Islam seperti yang pernah dibawa oleh Muhammad Pertama akan menaikkan semula Islam ke tempat yang sepatutnya, sama seperti yang pernah dibawa oleh Muhammad Pertama dahulu. Sejarah ini pasti akan berulang sekali lagi di pentas dunia.

D. Sebuah hadis Nabi SAW yang diriwayatkan daripada Jabir bin Abdullah RA menyebutkan kira-kira begini:

> "*Sentiasa ada satu golongan daripada umatku, (mereka) memperjuangkan kebenaran, selalu memperoleh kemenangan sampailah ke hari kiamat. Maka turunlah Nabi Isa bin Maryam AS (kepada mereka). Maka berkatalah pembesar mereka (Imam Mahdi) kepadanya, "Marilah ke hadapan, imamkan sembahyang kami." Jawabnya, "Tidak. Sesungguhnya sebahagian kamu menjadi umarak bagi yang lain." Inilah suatu penghormatan daripada Allah untuk umat ini.*"
>
> Muslim

Mereka inilah golongan yang tidak pernah kalah seperti yang banyak disebut oleh hadis-hadis Nabi SAW dan tugas mereka ialah memperjuangkan kebenaran, bukan memperjuangkan poket sendiri atau parti yang terdiri daripada kelompok mereka sahaja. Untuk menjadi golongan yang tidak pernah kalah seperti yang disebutkan oleh hadis ini, mereka mestilah mendekatkan diri dengan Allah sedekat yang mungkin. Maksud dekat dengan Allah di sini hanyalah sesuatu hubungan yang amat abstrak, bukannya sesuatu yang zahir. Oleh itu, tidaklah sesiapa pun dengan mudah dapat memiliki sif-sifat ini. Hanya golongan Ikhwan inilah sahaja yang akan mendapat keredhaan daripada Allah. Maka marilah kita berdoa agar kita termasuk ke dalam golongan Ikhwan yang dimuliakan oleh Allah SWT. Atau paling-paling kurang pun dapat bertemu dengan para Ikhwan ini, untuk mendapat berkat daripada mereka itu.

E. Sabda Nabi SAW,

> "*Al-Mahdi akan datang setelah munculnya Panji-panji Hitam dari sebelah Timur yang mana pasukan itu selalu tidak pernah kalah dengan pasukan mana pun*."

Perjuangan hakiki mendaulatkan Islam akan sentiasa mendapat bantuan secara terus daripada Allah SWT dan mereka ini telah diberikan jaminan bahawa mereka tetap akan menang walau dengan siapa pun yang menentang mereka itu. Sebab itulah dalam hadis ini disebutkan bahawa para Ikhwan itu tidak akan dapat dikalahkan oleh mana-mana musuh pun, dan dengan apa cara dan bentuk sekalipun. Ini disebabkan hubungan hati mereka yang amat akrab dengan Tuhan mereka sehingga tidak terdinding oleh apa pun. Setiap usaha mereka sentiasa dibantu oleh Allah.

Pejuang hakiki juga sangat menjaga hubungan hati antara mereka dengan Allah SWT, sehingga perkara yang kecil-kecil sahaja dalam syariat Islam tetap diambil berat dan diamalkan dengan bersungguh-sungguh. Hanya dengan cara ini sahajalah bantuan terus daripada Allah SWT akan tiba kepada mereka sehingga mereka menjadi amat kuat, sama ada secara zahir mahupun batinnya. Mereka adalah pejuang yang amat gigih, gagah dan berani pada waktu siang, dan gigih, sabar dan rindu beribadat pada malam harinya.

F. Sabda Nabi SAW,

> "*Orang ramai daripada Timur (Ikhwan itu benar-benar) akan muncul, kemudian menyerahkan kekuasaannya kepada al-Mahdi*."

Hadis ini memberitahu bahawa para Ikhwan berperanan membangun dan menyiapkan pusat pemerintahan bagi Imam Mahdi dan setelah siap didirikan, mereka akan mencari pemimpin sebenar iaitu Imam Mahdi lalu diserahkan kekuasaan umat Islam ini seluruhnya kepada beliau. Itulah salah satu peranan utama para Ikhwan ini pada peringkat permulaan Islam naik pada kali yang kedua.

G. Pasukan **Ikhwan** ini jumlahnya sudah ditetapkan oleh baginda SAW sendiri, berdasarkan beberapa buah hadis, yang salah satunya adalah seperti berikut;

> "*Tiga ratus empat belas orang yang di antaranya adalah perempuan, bergabung dengan al-Mahdi yang akan bertindak ke atas setiap pemimpin yang berbuat zalim dan menegakkan keadilan seperti yang diharap-harapkan oleh semua orang. Setelah itu, tidak ada kebaikan lagi di muka bumi ini yang melebihi kebaikan pada masa al-Mahdi*."

Selain disebutkan jumlah orang yang menjadi anggota Ikhwan itu, disebutkan juga bahawa di antara mereka itu adalah dari kalangan wanita. Mereka ini akan sentiasa mentaati Imam Mahdi sebagai pemimpin mereka dan bertindak bagi pihak Imam Mahdi semasa menguruskan segala urusan umat ini. Dari kalangan mereka akan dilantik Ahlul Hilli wal Aqdi, yang sama sifat-sifat, keimanan, kefahaman dan ketakwaan kepada Allah dengan Ahlul Hilli wal Aqdi yang pertama semasa zaman pemerintahan Sayidina Umar bin Al-Khattab RA dahulu. Hanya jumlahnya sahaja yang berbeza kerana Ahlul Hilli wal Aqdi kali ini lebih besar berbanding dengan jumlah yang pertama dahulu. Ini disebabkan keluasan kawasan jajahan takluk Islam pada zaman Imam Mahdi adalah jauh lebih luas dan kompleks.

H. Ada satu sifat istimewa yang dimiliki oleh Ikhwan ini, iaitu tahan uji, penuh sabar zahir dan batin, ikhlas dalam berjuang, sentiasa bertakwa kepada Allah, seperti yang disebutkan di dalam hadis ini;

> "*Akan datang Panji-panji Hitam dari Timur, seolah-olah hati mereka adalah kepingan-kepingan besi. Sesiapa yang mendengar tentang mereka, hendaklah datang kepada mereka dan berbaiatlah kepada mereka, sekalipun terpaksa merangkak di atas salji*."

Hadis di atas, selain menyebutkan sifat-sifat sabar para Ikhwan ini, juga menyatakan bahawa

para Ikhwan itu adalah khalifah-khalifah Imam Mahdi, yang wajib dibaiat oleh setiap umat Islam apabila mereka muncul nanti. Secara tidak langsung juga dinyatakan bahawa para Ikhwan ini adalah golongan khusus pentadbir muka bumi ini, di bawah pimpinan Imam Mahdi. Penerimaan umat Islam dan manusia umumnya kepada golongan Ikhwan ini adalah wajib, berdasarkan penyataan hadis di atas.

Kepingan-kepingan besi yang dimaksudkan adalah sifat sabar yang tinggi, ketahanan terhadap ujian, ikhlas dalam perjuangan mereka, amat bertakwa kepada Allah dan mempunyai kefahaman yang sama pula. Penghayatan mereka kepada syariat Islam amat tinggi manakala penonjolan zahir mereka dilihat tidak berbeza antara setiap seorang daripada mereka. Kita melihat seorang mereka seperti kita melihat yang ramai, dan kita melihat yang ramai itu seperti kita melihat seorang. Begitulah samanya mereka dari segala segi, baik yang berkaitan dengan pekerjaan dunia apatah lagilah kalau yang berkaitan dengan pekerjaan akhirat. Hal ini amatlah sukar dilakukan oleh mana-mana pemimpin.

I. Sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah RA juga ada menceritakan mengenai sifat istimewa **Ikhwan** ini, dalam hadis berikut yang maknanya kira-kira begini:

"*Di antara umatku yang bersangatan cintanya kepadaku, ialah manusia yang hidup sesudahku. Salah seorang di antara mereka itu (kerana) sangat ingin melihatku, (sehingga sanggup menjual) dengan anak isteri dan seluruh harta bendanya.*"

Ikhwan adalah golongan yang sangat mencintai Rasulullah SAW, sama seperti yang pernah berlaku kepada para Sahabat RA pada masa dahulu. Malah mereka ini sanggup menjual anak isterinya (pada jalan Allah) kerana ingin sangat bertemu dengan baginda SAW, sama ada di dunia ini mahupun di akhirat sana. Sesiapa yang sangat merindui Rasulullah SAW, seolah-olah Rasulullah SAW itu berada di hadapan matanya, maka orang itu insya-Allah akan dapat bertemu dengan Rasulullah SAW, dan insya-Allah juga akan termasuk ke dalam golongan Ikhwan yang amat sedikit jumlahnya itu. Oleh itu, kita hendaklah mencintai Rasulullah SAW dengan bersungguh-sungguh, seolah-olah baginda SAW itu pernah kita lihat, pernah berada di hadapan kita dan seolah-olah baginda SAW itu mengenali kita, seperti baginda SAW mengenali para sahabat baginda semasa hayatnya dahulu.

Hadis ini juga menjelaskan secara yang amat tersirat bahawa ***yaqazah*** adalah dibolehkan oleh syarak kerana Rasulullah SAW sendiri yang menyebutkan keharusan yang demikian itu, seperti yang dinyatakan dalam hadis ini. Hal ini dapat dimengertikan melalui penyataan bahawa para Ikhwan itu ingin sekali bertemu dengan baginda SAW sedangkan kita semua sedia maklum bahawa Rasulullah SAW itu sudah lebih seribu empat ratus tahun wafat, dan makamnya yang mulia itu masih terjaga dengan rapi di dalam Masjidin Nabawi di kota suci Madinah al-Munawarah. Mustahillah Rasulullah SAW menyebutkan keinginan mereka itu sedangkan mereka maklum dan Rasulullah SAW sendiri pun maklum jarak masa antara mereka amatlah jauh.

Maksud lain ialah orang-orang yang pernah melihat Rasulullah SAW, sama ada secara jaga (sedar) atau melalui mimpi basyirah adalah antara tanda bahawa orang-orang itu adalah salah seorang orang kanan Imam Mahdi. Ini dikeranakan Imam Mahdi itu sendiri selalu bertemu dengan Rasulullah SAW, sama ada secara jaga atau tidur, bertemu dengan roh sahaja atau bersekali jasad dengan roh baginda SAW itu. Hal ini tidak pelik bagi golongan sufi dan ahli tasawuf, tetapi amat pelik malah diingkari oleh golongan yang mengaku dirinya sarjana Islam atau ulama moden, juga oleh puak Wahabi. Maka hadis ini menjadi bukti kukuh bahawa para Ikhwan itu akan dapat bertemu dengan baginda SAW, sama ada melalui mimpi atau secara sedar dan (bagi yang fasih berbahasa Arab dapat pula) bercakap-cakap.

J. Sebuah asar lain yang bersumber daripada Sayidina Ali RA menceritakan dengan lebih terperinci sifat-sifat Ikhwan ini, seperti berikut;

"*Maka Allah Azza wa Jalla menghimpunkan sahabat-sahabatnya seramai tentera-tentera Badar dan seramai tentera Talut, iaitu 313 orang lelaki, seolah-olah mereka itu singa-singa jantan yang keluar dari hutan. Hati mereka itu ibarat kepingan-kepingan besi. Kalaulah mereka berkehendak untuk memindahkan gunung, nescaya akan mampu mereka lakukan. Pakaian mereka sejenis dan seolah-olah mereka itu dari satu ibu dan satu ayah.*"

Hadis ini menjelaskan bahawa para Ikhwan ini berkumpul adalah atas Qudrat dan Iradat Allah SWT jua, bukannya dengan daya upaya manusia. Allahlah yang mengumpulkan mereka. Mereka ini dikumpulkan oleh Allah di suatu tempat, bersama-sama berjuang membina Islam di dalam diri, keluarga, masyarakat, jemaah dan seterusnya negara mereka. Semua jadual-Nya ini sudah ditentukan secara langsung oleh Allah SWT.

Mereka juga adalah orang-orang atau sekumpulan orang yang amat ditakuti oleh pihak musuh. Kekuatan setiap orang daripada mereka adalah bersamaan dengan kekuatan sepuluh orang bagi pihak lawan. Ketakutan pihak musuh terhadap mereka adalah seperti takutnya seseorang apabila melihat singa jantan yang baru keluar daripada hutan lalu masuk ke tengah kampng atau bandar. Pasti kampung atau bandar itu akan kecoh dan huru-hara dibuatnya. Sepuluh orang lelaki yang gagah pun belum tentu berani atau sanggup menangkap seekor singa yang terlepas ke dalam bandar atau kampung. Memang perumpamaan ini amat tepat dengan mereka kerana singa adalah antara binatang yang susah ditemui, maka Ikhwan ini diumpamakan seperti singa yang sukar ditemui.

Sudahlah mereka itu diibaratkan seperti singa, hati mereka pula diumpamakan seperti kepingan-kepingan besi yang ditempa. Sudahlah menggerunkan musuh, amat handal dan tahan pula. Besi yang ditempa adalah bahan yang terbaik dan terkukuh untuk digunakan sebagai senjata atau apa-apa sahaja. Begitu halusnya perumpamaan yang dibuat itu. Hanya yang hatinya bersinar sahaja yang dapat menangkap maksud-maksud yang amat tersirat dan seni itu, dan seterusnya membangunkan apa yang telah sedia difahaminya itu. Itulah dia Pemuda Bani Tamim, pemimpin ***singa*** dan ***penempa*** besi yang amat kuat dan kukuh.

Hutan yang dijadikan perumpamaan ini juga bermaksud kawasan tempat tinggal mereka adalah kawasan yang mempunyai hutan yakni berpokok dan bukannya kawasan gurun. Dan kawasan di Timur seperti yang banyak disebutkan itu adalah kawasan yang berhutan dan berpokok. Jelaslah bahawa Sayidina Ali KMW menerangkan sesuatu yang telah disebutkan oleh Nabi SAW tetapi dengan menggunakan bahasa yang berlainan dan perumpamaan yang berbeza. Hal ini hanya dapat benar-benar difahami dan dimengertikan oleh orang-orang yang telah mendapat ilmu daripada Allah, terutamanya dari kalangan para Ikhwan itu sendiri dan pemimpin mereka, Syuaib bin Saleh at-Tamimi.

K. Pernah suatu ketika, Rasulullah SAW menyebutkan kecintaannya yang amat sangat dan kerinduan yang begitu mendalam kepada para **Ikhwan** ini dengan sabdanya,

"*Aku tersangat rindu kepada para Ikhwanku." Maka bertanyalah para sahabat, "Ya Rasulullah SAW, bukankah kami ini Ikhwanmu?" Rasulullah SAW menjawab, "Bukan, malah kamu adalah sahabatku. Sedangkan Ikhwanku adalah orang yang beriman denganku walaupun mereka tidak pernah melihatku.*"

Hadis ini diriwayatkan daripada Abu Hurairah RA dan Anas RA dengan matan yang sedikit berlainan.

Maksudnya, kalau Rasulullah SAW sendiri sudah menyatakan rindunya yang amat mendalam terhadap para Ikhwan ini, maka menjadi suatu kesalahan pulalah kalau kita masih buat endah tak endah sahaja terhadap perasaan cinta baginda itu. Maka kalau kita ingin menjadi salah seorang Ikhwan yang dimaksudkan, hendaklah menanam perasaan cinta kepada Rasulullah SAW dengan sepenuh hati dan mengumumkannya pula kepada orang ramai. Dan salah satu cara menzahirkan rasa

cinta kita kepada baginda SAW itu ialah dengan membanyakkan membaca selawat kepada baginda SAW dan mengamalkan sunnah baginda dengan ikhlas dan sepenuh hati.

L. Peranan Ikhwan ini sangatlah besar dalam kebangkitan Islam kali kedua, pada zaman ini. Mereka menyediakan tapak pemerintahan untuk Imam Mahdi yang bakal keluar tidak lama lagi, seperti yang termaktub di dalam hadis ini;

> "*Akan ada orang-orang yang keluar dari sebelah Timur, lalu mereka mempersiapkan segala urusan untuk al-Mahdi, yakni pemerintahannya.*"

Timbul beberapa persoalan baru, terutamanya daripada orang-orang yang masih ragu-ragu dan orang yang baru hendak tahu tentang golongan Ikhwan ini. Antaranya ialah,

1. Siapakah mereka ini sebenarnya?
2. Apakah kelebihan yang ada pada mereka?
3. Bagaimanakah jumlah yang amat sedikit ini mampu mengubah peta dunia?
4. Mampukah mereka mengalahkan kekuatan tentera Amerika Syarikat dan sekutu-sekutunya?

Beberapa persoalan lain turut bermain-main di fikiran kita pada hari ini, memandangkan kita sememangnya kekurangan maklumat yang tepat akan hal ini. Memang sifat manusia itu ialah ingin tahu apabila mereka merasakan yang mereka sememangnya tidak tahu. Mengenai persoalan-persoalan di atas, ada beberapa perkara yang perlu dijelaskan dengan tepat walaupun hanya secara ringkas sahaja.

Ikhwan yang dikatakan itu adalah terdiri daripada bangsa Timur keseluruhannya. Mereka adalah anak-anak didik Pemuda Bani Tamim, golongan yang iltizam dalam mujahadatunnafsi, berusaha mengamalkan sungguh-sungguh setiap sunnah Nabi SAW dalam setiap aspek kehidupan, rajin bekerja pada waktu siang, rajin beribadat pada waktu malam, sentiasa berkasih sayang terhadap sesama mereka, mengikut sungguh-sungguh setiap jejak Pemuda Bani Tamim sehingga setiap mereka itu dilihat sebagai '*Pemuda Bani Tamim Kecil*' iaitu tidak banyak berbeza daripada pemimpin mereka, baik dari segi amalan harian, takwa, pemikiran, pemahaman, pakaian zahir, sikap, pembawaan, akhlak, ilmu agama, kehidupan harian dan sebagainya.

Maknanya, jika salah seorang dari mereka diletakkan ke suatu tempat yang asing, maka mereka ini berpaya menghidupkan sunnah di tempat tersebut sehingga sama atau hampir sama dengan apa yang dilakukan oleh pemimpin besar mereka itu. Itulah golongan yang sentiasa dibantu oleh Allah kerana mereka membantu Pemuda Bani Tamim dan keberadaan mereka juga membawa rezeki kepada semua orang sama ada Islam atau tidak. Mereka membangunkan dunia sungguh-sungguh untuk kepentingan Islam keseluruhannya, bukan untuk kepentingan mana-mana peribadi atau kelompok mereka sahaja.

Kelebihan mereka adalah mereka ini merupakan golongan yang amat kecil. Lazimnya setiap yang asing dan sedikit jumlahnya amatlah bernilai dan begitu istimewa. Mereka ini amat istimewa pada pandangan Rasulullah SAW walaupun ganjil dan pelik pada pandangan orang ramai. Apabila Rasulullah SAW sendiri memandang mereka ini sebagai golongan yang amat istimewa, maka tiadalah lagi yang lebih tinggi dan bernilai daripada itu di dunia ini. Melalui mereka juga pertolongan Allah SWT turun kepada seluruh manusia di dunia ini, sehingga dihilangkannya penyakit dan bala yang sedang amat hebat melanda seluruh dunia, dihapuskan segala maksiat dan dosa dari atas muka bumi ini sehingga kalimah Allah ditinggikan oleh seluruh manusia setinggi-tingginya.

Mereka ini jugalah yang dijanjikan oleh Allah akan mengubah sekali lagi seluruh peta dunia sehingga yang tinggal hanyalah dua sempada sahaja iaitu sempadan antara ***Darussalam*** dengan ***Darulharbi***. Tidak ada lagi sempadan geografi seperti yang sedang berlaku sekarang. Pada hari itu

cuma ada negara Islam dengan negara kafir sahaja. Hal ini pernah berlaku pada zaman dahulu, ketika Islam berkuasa ke atas tiga suku dunia. Dan sejarah itu akan berulang sekali lagi, pada zaman ini. Kekuasaan Islam melangkau seluruh kawasan, tanpa mengira warna kulit, bahasa, bangsa, tempat dan adat resam. Asalkan Islam pasti akan bernaung di bawah pemerintahan seorang khalifah yang amat adil, bertakwa lagi gagah perkasa.

Biarpun jumlahnya amat sedikit, dengan jumlah yang sedikit itulah Allah SWT turunkan bantuan-Nya kepada mereka kerana mereka adalah golongan Allah atau orang Allah. Sudah pastilah orang Allah akan mendapat bantuan daripada Allah, seperti juga orang-orang Yahudi yang mendapat bantuan daripada Amerika Syarikat, Britain dan Perancis. Kita tidak perlu melihat contoh yang jauh-jauh, lihatlah sahaja bagaimana pasukan tentera Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka dahulu yang sebegitu ramai jumlahnya dapat dikalahkan dengan mudah oleh pasukan Feringgi yang kecil sahaja bilangannya. Padahal kita semua tahu bahawa pasukan Feringgi itu beragama Kristian. Itupun boleh menang melawan tentera yang beragama Islam dan ramai pula. Selain contoh itu, ada berapa banyak lagi contoh yang menunjukkan bilangan yang sedikit mampu mengalahkan bilangan yang ramai.

Oleh itu, jelaslah bahawa bilangan yang ramai dan kelengkapan yang termaju bukanlah penentu sesuatu pasukan itu menang atau kalah. Belum tentu bangsa yang kecil itu tidak mampu berbuat apa-apa terhadap bangsa yang besar dan ramai. Bangsa yang ramai tetapi tidak bertakwa lebih mudah dikalahkan daripada bangsa yang kecil tetapi bertakwa. Konsep ini sudah tidak lagi dipakai oleh umat Islam sendiri terutamanya dalam bidang politik. Sebab itulah kita lihat setiap parti politik setiap hari mahu menambah ahlinya, untuk menunjukkan mereka lebih besar dan lebih kuat daripada saingannya. Walhal semakin ramai ahlinya, akan semakin besarlah pula masalah yang akan mereka tanggung, dan akan semakin cepat pula hancurnya parti itu. Mereka beranggapan dengan ramainya ahli, akan lebih cerah pula peluang untuk mereka mendapat kuasa memerintah sesebuah negeri, atau negara.

Dan golongan Ikhwan rupa-rupanya tidak mengikut ***sunnah politik*** Barat itu, malah mereka amat berbeza sekali daripada yang demikian itu. Sebab itulah mereka ini dikatakan ganjil, kerana tidak mengikut jalan yang lazim digunakan oleh dunia pada hari ini.

6. Ikhwan Adalah Golongan yang Dijamin Syurga

A. Dari Nawas bin Sam'an RA, katanya, Suatu pagi Rasulullah SAW menyebutkan hal Dajjal.

> *"… (Hadisnya panjang… dipendekkan) … Isa AS mengejar Dajjal itu sampai ditemuinya di Bab Lud lalu dibunuhnya. Kemudian, suatu kaum (maksudnya para Ikhwan) yang dipelihara Allah daripada tipuan Dajjal, datang menemui Nabi Isa bin Maryam AS. Lalu dibarutnya muka mereka dan diceritakannya kepada mereka tingkat kediaman mereka (yang tinggi) di dalam syurga. Dalam keadaan demikian, ketika itu Allah mewahyukan kepada Isa AS: …"*
>
> Muslim

Hadis ini menyatakan secara jelas bahawa golongan Ikhwan ini adalah golongan yang sudah mendapat jaminan Allah akan dimasukkan ke dalam syurga-Nya. Hal ini sama dengan jaminan Rasulullah SAW sendiri terhadap para Sahabat RA pada masa dahulu. Itulah dia golongan yang amat beruntung pada akhir zaman ini. Sesiapa yang tidak mahu menjadi salah seorang daripada orang yang mendapat jaminan Rasulullah SAW untuk masuk ke dalam syurga, maka orang itu adalah orang yang bodohnya sangat besar, tidak ada lagi kebodohan yang lebih daripada itu. Sebabnya orang-orang dahulu berlumba-lumba dan sanggup bersusah payah untuk mendapatkan syurga, malah ramai yang mati kerana mahu mendapatkannya, mereka ini iaitu golongan ini sudah diberitahu awal-awal lagi bahawa mereka akan menempati tempat di dalam syurga.

Namun pada hari ini orang Islam lebih takutkan mati syahid dalam perjuangan pada jalan Allah. Pada mereka biarlah mereka mati dalam keadaan beriman, cukuplah. Ramai yang lebih sanggup mati di atas jalan raya daripada dalam perjuangan. Pada hal para sahabat RA dahulu takut mati di atas katil, sebaliknya mahu mati di medan perjuangan. Amatlah jauhnya impian kita pada hari ini dengan impian para sahabat RA itu. Maka amatlah beruntungnya sesiapa yang terpilih menjadi salah seorang daripada anggota Ikhwan ini. Sama-samalah kita berdoa kepada Allah SWT agar kita dimasukkan-Nya ke dalam golongan yang telah mendapat jaminan-Nya untuk dimasukkan ke dalam syurga, ***bighairi hisab***. Amin!

7. Imam Mahdi dan Ikhwan

A. Muhammad bin Ali al-Hanafiah RH berkata,

> *"Kami sedang bersama-sama dengan Sayidina Ali KMW apabila seorang lelaki bertanya tentang Al-Mahdi. Imam Ali KMW berkata, "Begini." Lalu ditemukannya jari-jarinya sambil dikira sampai tujuh dan berkata, "Dia akan muncul pada akhir zaman ketika orang-orang (munafik) berkata bahawa Allah telah mati. Kemudian melaluinya (Al-Mahdi) Allah mendatangkan untuk mereka awan mendung yang menutup langit lalu Allah mempertautkan antara hati mereka sehingga mereka tidak berasa keseorangan lagi malah akan lebih gembira jika ada orang lain yang menyertainya. Bilangan mereka adalah seperti pasukan Badar. Sama ada mereka itu pada permulaannya yang mendapatinya atau yang kemudian lalu menyertainya. Bilangan mereka tetap (sama) seperti bilangan tentera Talmut yang berjaya menyeberangi sungai dengannya (Talut)."*

Pada hari ini memang telah muncul golongan yang mendakwa mereka adalah golongan terpelajar, cerdik pandai, ahli sains dan pemikir agung yang menafikan kewujudan Tuhan secara terus terang. Bagi mereka, setiap sesuatu mestilah dapat dicapai oleh akal mereka, dapat dianalisis oleh matematik, dapat diformulakan oleh fizik dan kimia, dapat dilogikkan oleh pemikiran dan boleh dicerna oleh sumber-sumber alam semula jadi. Seruan-seruan yang seperti ini sama ertinya dengan perbuatan orang yang mengatakan bahawa Tuhan telah mati. Akal merekalah yang menjadi raja, sekali gus menjadi tuhan bagi mereka. Setiap yang tidak terjangkau oleh akal, akan dicari jalan bagi melogikkannya.

Dalam keadaan beginilah Imam Mahdi muncul lalu menarik kembali manusia kepada fitrah asal mereka iaitu mengakui ketundukan manusia kepada Tuhan yang menjadikan sarwajagat ini. Pada masa itu, semua manusia akan mengakui wujudnya Tuhan, malah dapat merasakan keberadaan Zat yang Wajibal Wujud itu dalam setiap sesuatu. Maknanya semua ideologi batil akan dimusnahkan oleh Imam Mahdi sehingga ke akar umbinya sekali.

Salah satu ciri penting Ikhwan ini adalah mereka sentiasa berjemaah. Para Ikhwan ini juga tidak akan berasa keseorangan kerana mereka sentiasa berjemaah walau ke mana sahaja mereka pergi. Setiap apa yang mereka lakukan, pasti mereka lakukannya secara berjemaah. Dan melalui jemaah inilah Allah SWT turunkan berkat, rahmat dan sakinah kepada setiap mereka. Pertolongan terus daripada Allah juga turun melalui jemaah.

8. At-Talakan

A. Kata Sayidina Ali KMW,

> *"Sejahteralah kepada At-Talakan. Sungguh, pada Allah itu ada perbendaharaan-Nya, bukan emas atau perak tetapi lelaki-lelaki yang mengenali Allah dengan ilmu yang hakiki dan mereka akan membantu Al-Mahdi pada akhir zaman."*

At-Talakan adalah sebahagian dari golongan Ikhwan dan jumlahnya seramai dua puluh lima orang. Maknanya, daripada sejumlah 314 orang anggota Ikhwan itu, 25 orang daripadanya dipanggil sebagai At-Talakan. Yang 25 orang ini adalah orang-orang yang alim dan hikmah dari kalangan Ikhwan. Mereka ini juga adalah golongan yang kuat ibadat kepada Allah dan tinggi iman mereka daripada yang lain. Seperti yang disebutkan, semua mereka adalah dari kalangan lelaki sahaja. Tugas dan peranan mereka disamakan seperti peranan rasul-rasul Allah yang 25 orang, dan hanya dibezakan oleh taraf mereka sahaja. Jika para rasul diberikan mukjizat, para Talakan ini dibekalkan dengan keramat, sesuai dengan taraf mereka sebagai wali-wali Allah. Merekalah golongan yang gigih berdakwah kepada seluruh umat manusia walau di mana sahaja mereka berada.

Ilmu mereka adalah ilmu yang hidup, yang diambil terus daripada perbendaharaan Allah SWT. Melalui mereka ini Allah turunkan ilmu yang berkat iaitu ilmu yang mampu menyuburkan hati manusia, yang mampu mendekatkan manusia dengan Khaliknya, mampu menguatkan iman setiap manusia, mampu memperkasakan pemikiran, menyuluh akal dengan hakikat kebenaran, memadanikan setiap anggota masyarakat dan negara, menjulang agama Islam ke tempat yang tinggi dan mulia, dan menundukkan hati manusia kepada kebenaran hakiki.

9. Ar-Rufaqak dan Wali Abdal

A. Sayidina Ali KMW berkata,

> *"Apabila dia yang dari ahli keluarga Muhammad SAW keluar, Allah akan mempertemukan para pengikutnya dari Timur dan Barat dengannya, seperti bertemunya awan-awan pada musim luruh. Mereka adalah ar-Rufaqak, mereka datang daripada penduduk Kufah, dan Wali Abdal yang datang daripada penduduk Syam."*

Wali Abdal adalah antara golongan wali yang sangat mulia pada sisi Allah SWT. Jumlah mereka adalah 40 orang lelaki dan 40 orang wanita pada setiap masa. Apabila salah seorang daripada mereka mati, maka Allah akan gantikan tempatnya pada hari itu juga dengan seseorang yang lain, yang diangkat taraf walinya kepada taraf Wali Abdal. Mereka ini datang dari kalangan penduduk Syam, dan pada hari ini perkataan Syam itu hanyalah kiasan sahaja kerana yang dimaksudkan dengan Syam itu adalah kawasan yang pengamalan Islamnya amat baik.

Sehubungan itu, para Rufaqak adalah menyamai bilangannya dengan bilangan Wali Abdal iaitu 40 orang lelaki dan 40 orang perempuan. Dari segi taraf, kedua-duanya adalah golongan yang istimewa pada sisi Allah dan memberi jasa yang amat besar terhadap perkembangan Islam pada akhir zaman. Kedua-duanya membantu Imam Mahdi. Beza antara Wali Abdal dengan Rufaqak ini hanyalah dari beberapa segi, seperti berikut:

1. Wali Abdal tidak mempunyai ketua khusus kerana mereka adalah golongan wali yang khusus Allah lantik untuk mengelakkan dunia ini daripada dibinasakan-Nya kerana dosa-dosa manusia. Rufaqak pula mempunyai ketuanya sendiri, dipilih dan dididik oleh ketuanya iaitu Pemuda Bani Tamim.
2. Para Rufaqak berperanan mengembangkan Islam sebelum Imam Mahdi muncul ke dunia ini ketika dunia ini sedang benar-benar rosak manakala Wali Abdal pula berperanan besar selepas Imam Mahdi muncul dan memerintah.
3. Wali Abdal sentiasa ada di atas dunia ini sejak zaman permulaan zaman Khulafa ur-Rasyidin lagi sehinggalah ke saat terakhir umat Islam hidup di atas dunia ini, sejurus sebelum dunia ini dikiamatkan. Para Rufaqak pula hanya muncul sekali sahaja di dunia ini iaitu semasa Pemuda Bani Tamim mendapat kuasa, juga sejurus sebelum

Imam Mahdi muncul ke dunia ini dan terus wujud seketika selepas Imam Mahdi muncul.

4. Setiap Wali Abdal yang mati, tempatnya akan digantikan oleh seorang yang lain yang diangkat ke darjat Abdal dan keadaan ini berterusan sehinggalah ke penghujung umur dunia ini nanti. Para Rufaqak apabila mati, tempatnya tidak akan digantikan lagi oleh sesiapa pun sehinggalah orang terakhir yang menjadi ahli Rufaqak itu meninggal dunia. Pada ketika itu, berakhirlah golongan yang dipanggil Rufaqak ini dari atas dunia dan seentak dengan itu, berakhir pulalah peranan golongan ini.
5. Para Rufaqak akan keluar mencari Imam Mahdi sejak sebelum Imam Mahdi muncul lagi dan mereka memulakan perjalanan dari Timur hinggalah sampai ke Makkah. Golongan Wali Abdal hanya keluar mencari Imam Mahdi setelah terdengar berita bahawa Imam Mahdi sudah muncul dan sedang dibaiat oleh para jemaah haji yang masih hidup.
6. Wali Abdal itu walaupun jumlah pada satu-satu masa hanyalah 40 orang sahaja, namun jumlah itu berterusan, dan sehingga kini jumlah Wali Abdal itu sudah mencapai ribuan orang kerana setiap kali ada kematian di kalangan mereka, akan dilantik yang lain menggantikan tempatnya. Maka jumlah mereka ini memang sudah beribu-ribu orang, jika dihitung semuanya. Jumlah para Rufaqak memang tepat 40 orang lelaki dan 40 orang perempuan, tidak lebih. Jika lebih atau kurang pun, hanyalah satu atau dua orang sahaja. Maknanya, dari segi jumlah memang mereka ini cuma sebanyak itulah.
7. Wali Abdal kebanyakan mereka datang dari kalangan penduduk Syam yang soleh-soleh dan abid serta selalu mengerjakan amal ibadat yang dikhususkan untuk mereka. Kebanyakan mereka tidak begitu dikenal oleh orang ramai sepanjang hidup mereka. Para Rufaqak adalah golongan yang khusus datang dari Timur, dari kalangan orang-orang Timur sahaja, yang menjadi soleh kerana dididik oleh Pemuda Bani Tamim. Kebanyakan mereka dikenal oleh orang ramai kerana mereka selalu berurusan dengan orang ramai terutama untuk berdakwah dan berurus niaga.
8. Golongan Wali Abdal tidak pernah dianggap sebagai golongan Ghurabak kerana keberadaan mereka telah diketahui oleh orang ramai sejak awal Islam lagi. Golongan Rufaqak adalah sebahagian daripada golongan Ghurabak kerana keberadaan mereka walaupun diketahui sejak awal Islam, munculnya hanya pada akhir zaman menyebabkan mereka dianggap sebagai golongan Ghurabak. Orang Islam pada akhir zaman sudah terlupa atau tidak perasan lagi kandungan hadis yang menyebutkan adanya golongan Ghurabak ini, termasuk jugalah golongan Rufaqak.
9. Wali Abdal itu dikhidmat oleh orang sepanjang masa kepada mereka sebagai memuliakan kedudukan mereka yang cukup tinggi pada sisi Allah dan kelebihan ini telah Allah kurniakan kepada mereka secara terus sejak dahulu lagi. Orang ramai juga berkhidmat kepada mereka untuk mendapatkan berkat atau mengharapkan doa para Abdal ini untuk kebaikan mereka di dunia ini. Para Rufaqak pula berkhidmat kepada orang, tidak dikhidmati oleh orang kepada mereka. Walaupun taraf mereka ini juga tinggi pada sisi Allah SWT, mereka ditugaskan untuk memberikan sepenuh khidmat kepada pemimpin mereka iaitu Pemuda Bani Tamim dan Imam Mahdi serta kepada umat Islam umumnya. Mereka jarang didoakan oleh orang ramai, sebaliknya merekalah yang mendoakan kebaikan dan keselamatan untuk orang ramai.

10. Umat Islam Wajib Mencari Pemimpin yang Dijanjikan

A. Dari Abdullah RA, dia berkata,

"Ketika kami sedang berada bersama-sama Rasulullah SAW, tiba-tiba datang sekumpulan

pemuda dari Bani Hasyim. Apabila baginda melihat mereka, tiba-tiba air matanya berlinang dan wajahnya berubah. Abdullah berkata, aku bertanya, "Kami melihat sesuatu yang tidak kami senangi pada wajahmu?" Maka baginda menjawab, "Kami adalah Ahlulbait yang Allah telah memilih bagi kami kehidupan akhirat daripada kehidupan dunia. Sesungguhnya ahli keluargaku, sepeninggalanku nanti, akan menerima bala bencana pengusiran dan pembuangan, sehingga datanglah suatu kaum dari arah Timur yang membawa Panji-panji Hitam. Mereka meminta kebaikan tetapi tidak diberikannya, lalu mereka berjuang dan menang, lalu diberikanlah apa yang mereka minta itu tetapi mereka tidak menerimanya sehingga mereka menyerahkan kepemimpinan itu kepada salah seorang lelaki dari ahli keluargaku. Dia lalu memenuhinya dengan berbuat adil, seperti sebelumnya yang dipenuhi dengan kezaliman. Barang siapa di antara kamu semua yang menjumpai hal-hal tersebut, hendaklah dia mendatangi mereka walaupun terpaksa merangkak di atas salji." (Al-Hakim & Ibnu Majah)

Hadis Panji-panji ini menyatakan apabila Pemuda Bani Tamim muncul ke dunia ini dengan mendapat kuasa pemerintahan di sebelah Timur, maka setiap umat Islam wajib membaiatnya sebagai pemimpin mereka. Tidak ada dolak dalik lagi dan setiap orang wajib mendatanginya walau sebesar mana halangan dan sesusah mana pun jalan yang terpaksa dilalui. Dan sesiapa yang mati sedangkan dia tidak mahu membaiat Pemuda Bani Tamim sebagai pemimpin mereka, maka matinya adalah seperti matinya seseorang dalam keadaan jahiliyah. Nahaslah dia di dalam kubur kelak, dan lebih-lebih lagilah nahas dia di akhirat nanti.

Rasulullah SAW juga menyebutkan setiap umat Islam mencari tanda-tanda yang dapat membawa mereka kepada terjumpanya Pemuda Bani Tamim dan Imam Mahdi. Misalnya dari segi masa, iaitu pada awal kurun Hijrah. Dari segi tempat iaitu di Timur, dari segi pemimpin iaitu Pemuda Bani Tamim, dari segi pengikut iaitu golongan Ikhwan dan Asoib dan dari segi keadaan dunia iaitu datang tanda-tanda yang masyhur disebutkan oleh hadis-hadis. Setelah berjumpa, wajiblah membaiatnya sebagai pemimpin.

11. Sebelum Imam Mahdi, Mesti Muncul Dulu Pemuda Dari Bani Tamim

A. Dari Ibnu Umar RA yang menyatakan,

"Akan datang seorang perkasa, yang melalui lelaki perkasa itu Allah akan memenangkan umat Muhammad SAW. Setelah itu keluarlah al-Mahdi, kemudian al-Mansur, kemudian as-Salam, kemudian Ibnul 'Asab. Wahai penduduk Yaman, bukankah kamu semua berkata sesungguhnya al-Mansur adalah dari keturunanku? Demi Allah yang diriku berada di dalam kekuasaannya, sesungguhnya ayah al-Mansur adalah (benar-benar) berketurunan Quraisy. Sekiranya Allah hendak menunjukkan namanya hingga datuknya yang terakhir, nescaya akan saya sebutkan. Kerana perkara ini bersangkut paut dengan rahsia hari kiamat, maka tidaklah saya sebutkannya."

B. Sabda Nabi SAW,

"Akan keluar dari sulbi ini (Sayidina Ali KW) seorang pemuda yang akan memenuhkan bumi ini dengan keadilan. Maka apabila kamu meyakini yang demikian itu, hendaklah kamu turut menyertai Pemuda dari Bani Tamim itu. Sesungguhnya dia datang dari sebelah Timur dan dialah pemegang panji-panji al-Mahdi." (At-Tabrani)

Sayidina Ali KMW menjelaskan bahawa sebelum Imam Mahdi muncul, mestilah dimunculkan terlebih dahulu Pemuda Bani Tamim. Ini dikeranakan Pemuda Bani Tamim itulah yang

memegang bendera yang akan diserahkan kepada Imam Mahdi, yang menyediakan tapak untuk pemerintahan Imam Mahdi dan menyediakan pengikut-pengikut yang akan membantu Imam Mahdi memerintah seluruh dunia nanti. Oleh itu, segala rahsia mengenai Imam Mahdi ada pada Pemuda Bani Tamim kerana hanya beliaulah yang lebih tahu tentang Imam Mahdi itu serta isyarat-isyarat yang tersembunyi tentang ImamMahdi. Hal ini tidak pernah diberikan oleh Allah SWT kepada sesiapa pun sebelumnya termasuk di kalangan para Sahabat RA.

Ini bukanlah bermakna bahawa Pemuda Bani Tamim itu lebih utama daripada para Sahabat RA. Jika hal ini berlaku, itu adalah suatu salah faham yang sengaja dicari atau sengaja mahu mencari salah faham. Para Sahabat RA tetaplah lebih utama, tetapi sebagai pembantu kanan kepada Imam Mahdi, maka Pemuda Bani Tamim berhak pula untuk memperoleh sesuatu yang hanya lebih diketahui olehnya berbanding mana-mana individu lain, sama ada yang hidup sezaman dengannya mahupun yang hidup pada zaman dahulu, termasuk dari kalangan para Sahabat RA dan tabiin RH yang hidup pada zaman-zaman awal Islam.

Memang, tidak akan ada gunanya para Sahabat RA mengetahui dengan terperinci tentang Imam Mahdi sedangkan Imam Mahdi itu tidak hidup pada zaman mereka. Hanya orang yang hidup semasa dengan Imam Mahdi sahajalah yang dapat memanfaatkan sepenuhnya apa yang patut diketahuinya tentang Imam Mahdi. Hal ini samalah dengan kita yang hidup pada zaman ini yang tidaklah lebih pengetahuan kita berbanding para Sahabat RA tentang diri Rasulullah SAW. Setahu-tahu kita tentang diri Rasulullah SAW, tidak akan lebih pengetahuan kita berbanding dengan apa yang diketahui oleh para Sahabat RA dahulu. Jika kita tahu banyak pun tentang Rasulullah SAW, maka tidaklah sepenuh manfaatnya itu untuk kita yang hidup pada zaman ini.

12. Lelaki Bani Tamim Mesti Diikuti oleh Al-Haris Harras

A. Sabda Nabi SAW,

> *"Panji-panji Hitam akan keluar dari Khurasan (setelah Pemuda Bani Tamim bertemu al-Haris Harras) dan pada masa itu juga kawan-kawan al-Mahdi (tentera-tenteranya) keluar menuju Baitulmaqdis."*

Kawan-kawan Imam Mahdi yang dimaksudkan adalah pasukan tentera dari kalangan pengikut Pemuda Bani Hasyim. Mereka ini adalah orang-orang Arab yang tetap teguh mempertahankan akidah Ahlus Sunnah wal Jamaah pada masa bangsa Arab sudah keluar beramai-ramai daripada pegangan Ahlus Sunnah tersebut. Mereka ini adalah dari golongan minoriti Arab yang masih mengekalkan amalan sufi di Tanah Arab, menjadi dua golongan yang masih kekal berbuat demikian di seluruh Hijaz dan Semenanjung Tanah Arab.

Tidak lama sebelum Imam Mahdi muncul, mereka ini akan pergi mendapatkan Pemuda Bani Tamim dan menunggu kedatangannya di Khurasan. Mereka ini akan datang secara rombongan-rombongan kecil dan berkumpul di Khurasan secara berasingan, datang sedikit demi sedikit. Jelaslah bahawa mereka ini adalah pasukan tambahan kepada pasukan Pemuda Bani Tamim yang disebutkan Ikhwan itu. Mereka ini bukanlah golongan Ikhwan dan tidak dapat dimasukkan ke dalam golongan Ikhwan. Mereka hanya dapat dimasukkan ke dalam golongan Asoib sahaja. Seperti yang disebutkan, golongan Ikhwan hanyalah dari kalangan orang-orang Timur, bukannya dari bangsa-bangsa lain termasuk dari bangsa Arab sendiri.

Kerana itu jugalah, Pemuda Bani Hasyim tidak dilantik menjadi pemimpin kerana beliau bersifat sebagai pembantu sahaja kepada Pemuda Bani Tamim. Namun memandangkan kemuliaan keturunannya iaitu dari kalangan Bani Hasyim juga, maka Pemuda Bani Tamim memberikannya tugas sebagai pembawa bendera pasukan, dan beliau menjalankan tugasnya ini dengan penuh taat setia,

sebagai seorang pembawa bendera. Itulah kemuliaan yang pernah dipegang oleh datuk neneknya pada zaman Rasulullah SAW dahulu, diwarisi oleh beliau pula pada zaman ini. Lagipun beliau adalah dari keturunan Quraisy, suatu keturunan yang mulia, diberikanlah jawatan yang sesuai dengan beliau yang datang dari bangsa Arab itu.

13. Lelaki Bani Tamim Mesti Diikuti oleh Pemuda Bani Hasyim

A. Kata sahabat RA,

> *"Panji-panji Hitam keluar dan menyerang as-Sufyani. Di tengah-tengah pasukan itu adalah Pemuda dari Bani Hasyim yang di tangan kirinya berkibar bendera pasukan, manakala di hadapannya adalah Syuaib bin Saleh at-Tamimi."*

Asar ini adalah lanjutan kepada keterangan yang sebelumnya. Dalam asar ini disebutkan bahawa gabungan pasukan At-Tamimi dengan Al-Hasyimi akan memerangi pasukan tentera As-Sufyani. Semasa peperangan yang amat hebat itu berlaku, Al-Hasyimi bertindak sebagai salah seorang askar yang amat berani. Tangan kanannya memegang senjata sambil berlawan menentang pihak musuh manakala tangan kirinya memegang bendera pasukan, iaitu Panji-panji Hitam yang amat terkenal itu.

Peperangan yang amat hebat ini berlaku di sekitar Khurasan, tidak jauh dari tempat Pemuda Bani Tamim bertemu dengan Al-Haris Harras. Dalam peperangan ini, pasukan tentera yang diserahkan oleh Al-Haris Harras kepada Pemuda Bani Tamim itu akan turut sama berperang. Peperangan ini dipimpin sendiri oleh Pemuda Bani Tamim. Dengan gabungan tiga pasukan yang hebat ini, mereka menjadi sebuah pasukan yang tidak terkalahkan lagi oleh mana-mana lawan pun.

14. Gabungan Tentera at-Tamimi dan al-Hasyimi

A. Kata tabiin RH,

> *"Sebelum (munculnya) al-Mahdi, as-Sufyani mengerahkan pasukan tenteranya sampai ke kawasan timur Khurasan dan Parsi. Mereka akan dilawan oleh penduduk Timur dan ramai (tentera as-Sufyani) yang terbunuh. Kaum dari Timur itu kemudian (bergabung dan) membaiat al-Hasyimi yang mana tangan kanannya memegang bendera. Allah memudahkan urusan dan jalannya. Kemudian dia keluar bersama-sama 5,000 orang penduduk Khurasan yang di bawah pimpinan Syuaib bin Saleh at-Tamimi, seorang bekas hamba berkulit kuning, berjanggut nipis dan tidak berjambang. Seandainya mereka ini menghadapi gunung, nescaya dihancurkannya. Mereka lantas berhadapan dengan pasukan as-Sufyani, terus menggempur mereka dan (berjaya) membunuh mereka dalam jumlah yang besar. Akhirnya pasukan as-Sufyani melarikan diri dan al-Hasyimi pula menghilangkan diri. Kemudian secara diam-diam at-Tamimi menuju ke Baitulmaqdis. Ketika perjalanannya sampai di Syam, dia menyerahkan pasukan (tenteranya) kepada al-Hasyimi."*

Asar ini memperincikan lagi keterangan-keterangan daripada hadis-hadis lain mengenai peristiwa-peristiwa yang akan berlaku pada akhir zaman. Antara yang terpenting disebutkan di sini ialah bahawa peperangan antara Pemuda Bani Tamim dengan As-Sufyani akan berlaku di timur Khurasan dan bersempadan dengan Parsi (Iran). Apabila ini berlaku, sudah amat dekatlah

kemunculan pemimpin baru seluruh dunia ini iaitu Imam Mahdi, dengan dimulai oleh Pemuda Bani Tamim.

Penduduk Timur yang dimaksudkan adalah dari kalangan Ikhwan dan Asoib. Apabila Pemuda Bani Tamim dan Pemuda Bani Hasyim bertemu, Pemuda Bani Hasyim dan pengikutnya akan membaiat Pemuda Bani Tamim sebagai ketua besar mereka, manakala para Ikhwan pula akan membaiat Pemuda Bani Hasyim sebagai salah seorang kanan (yang baru) kepada Pemuda Bani Tamim. Dan sesungguhnya baiat mereka ini bukanlah baiat sebagai seorang pemimpin, tetapi baiat untuk tetap meneruskan perjuangan mereka itu bersama-sama.

Jumlah askar gabungan ini mencecah antara empat ribu hingga lima ribu orang. Pasukan ini walaupun secara relatifnya masih kecil, mereka mempunyai kekuatan tersendiri yang tidak mampu dikalahkan oleh mana-mana musuh pun iaitu kekuatan kerohanian, kerana mereka adalah orang-orang yang bertakwa. Lagi pun pada masa itu, Pemuda Bani Tamim sudah mendapat satu lagi gelaran yang tertinggi iaitu ***Al-Mansur***. Gelaran ini cukup tinggi kerana boleh disamakan seperti gelaran As-Siddiq untuk Abu Bakar RA, Al-Faruq untuk Umar RA, Saifullah untuk Khalid RA dan sebagainya lagi pada masa Sahabat dahulu.

Apabila Pemuda Bani Tamim sampai di Syam, dia akan menyerahkan sebahagian tenteranya (yang bukan dari kalangan Ikhwan) kepada Al-Hasyimi, guna untuk menyerang Eropah Timur (yang disebutkan Turki). Memang beliau berhak menyerahkan sebahagian askarnya kepada Al-Hasyimi kerana tentera yang diserahkannya itu adalah pengikut Al-Hasyimi juga pada asalnya dahulu.

Sejurus sebelum itu, Al-Hasyimi dikatakan menghilangkan diri kerana beliau kembali semula ke tempatnya dengan tujuan mengumpul lagi kekuatan untuk dijadikan askar tambahan. Selepas berjaya mengumpulkan askar tambahan itu, beliau membawa mereka untuk berjumpa dengan At-Tamimi di Syam. Pasukan mereka ini direstui oleh At-Tamimi sambil menyerahkan kembali sebahagian askarnya untuk membantu Al-Hasyimi memimpin pasukan.

15. Pemuda Bani Tamim dan Tenteranya Berpakaian Serba Putih

A. Kata Muhammad bin Al-Hanafiah RH,

> *"Sebelum al-Mahdi (dizahirkan), muncul Panji-panji Hitam yang berkibar dan baju tenteranya berwarna putih di bawah pimpinan Syuaib bin Saleh at-Tamimi. Mereka menggempur pasukan (tentera) as-Sufyani (dan memenanginya). Akhirnya Syuaib sampai ke Baitulmaqdis lalu menyerahkan kekuasaan kepada al-Mahdi. Jarak masa antara penyerangan Syuaib dan penyerahan kuasanya kepada al-Mahdi adalah 72 bulan."*

B. Kata Imam Hasan al-Basri RH,

> *"Seorang lelaki yang bertubuh sederhana akan keluar daripada Al-Raiy (kota yang jauh di Timur). Dia berkulit agak gelap dan (berasal) dari keturunan Tamim. Seorang Wasaj, namanya*

Syuaib bin Saleh (keluar) dengan empat ribu tentera, yang pakaian mereka berwarna putih dan membawa panji-panji berwarna hitam, yang di hadapannya adalah Al-Mahdi. Setiap pertempuran yang dihadapinya pasti dimenangi dan ditawannya (musuh)."

Pakaian berwarna putih yang dipakai oleh Pemuda Bani Tamim dan para pengikutnya adalah sama dengan warna pakaian yang dipakai oleh Imam Mahdi. Namun, putih yang dimaksudkan adalah sesuatu yang amat relatif kerana tidak semestinya putih seratus peratus seperti yang lazim difahami oleh kita, atau tepat menurut apa yang telah disebutkan oleh Muhammad bin Ali Al-Hanafiah itu.

Pakaian pasukan yang berwarna putih ini sudah pernah disebutkan oleh Wali Songo dalam keterangannya dan pernah juga disebutkan oleh Nostradamus dalam ramalannya yang amat terkenal itu. Pakaian putih ini rupa-rupanya amat menakut dan menggerunkan hati setiap musuh Islam yang memandangnya. Ini ditambah lagi dengan kesatuan mereka dalam pelbagai segi, terutama kesatuan hati dalam mencintai Allah SWT dan rasul-Nya SAW. Dengan segala kekuatan ini, pihak musuh menjadi sangat gerun terhadap mereka.

Pakaian yang berwarna putih itu sebenarnya selain memang berwarna putih, adalah lambang kepada kesatuan hati, pemikiran, kefahaman, pengamalan dan tindakan. Setiap seorang daripada mereka tidak nampak perbezaan yang ketara dengan yang lain. Warna putih juga mengingatkan kita kepada satu peristiwa bersejarah iaitu ***Baiatur Ridhwan***, yang setiap orang daripada mereka memakai pakaian ihram yang sama, iaitu berwarna putih. Oleh itu, apa yang akan dilakukan oleh mereka kali ini sebenarnya adalah suatu pengulangan sejarah semata-mata.

Warna putih juga melambangkan ketulusan hati mereka kepada Allah SWT. Warna putih juga adalah pakaian yang lazim dipakai oleh para wali dan orang-orang soleh sejak zaman dahulu. Warna putih juga melambangkan kemajuan yang mampu dicapai oleh sesebuah jemaah dalam segenap urusan mereka. Oleh itu, jemaah yang mampu memutihkan anggotanya, pasti akan maju dengan izin Allah SWT. Warna putih juga melambangkan sesebuah kumpulan itu mudah dilihat oleh pihak-pihak lain, sama ada yang berniat baik atau yang berniat jahat. Sebab itulah pada hari ini pasukan tentera memakai pakaian yang berwarna hijau tua atau polis yang memakai baju hitam. Ini bertujuan supaya mereka tidak mudah diintai oleh pihak musuh pada waktu-waktu tertentu, terutamanya semasa kecemasan atau sedang berlaku darurat.

Warna putih juga menunjukkan mereka menegakkan sunnah Nabi SAW dalam setiap aspek kehidupan. Para sahabat RA dahulu memakai pakaian putih semasa berperang dengan musuh. Mereka mampu menegakkan semula sunnah lama itu, yang pada hari ini sudah tidak ditegakkan oleh sesiapa pun lagi. Askar-askar pada hari ini tidak lagi memakai pakaian berwarna putih, sama ada semasa latihan, lebih-lebih lagi semasa peperangan sebenar.

Warna putih juga adalah lambang pertolongan Allah kepada mereka, kerana Allah SWT sentiasa membantu hamba-hamba-Nya yang memerlukan bantuan. Dan warna putih adalah lambang perjuangan mereka sentiasa Allah bantu, sama ada melalui pemimpin mereka mahupun melalui setiap orang daripada mereka. Kerana itulah mereka sentiasa mendapat kemenangan dan kemudahan dalam setiap urusan hidup mereka.

Warna putih juga adalah lambang kemajuan, kerana orang yang memakai pakaian putih menunjukkan bahawa dia itu maju, baik dari segi peribadinya, akhlaknya, pemikirannya, cara hidupnya atau rohaniahnya.

16. Pemuda Bani Tamim Ada Dua Pilihan

A. Kata Hammad bin Abi Jaafar RH,

"Sebelum al-Mahdi, ada Panji-panji Hitam yang berkibar di Khurasan, satu wilayah di (luar) Kufah. Jika al-Mahdi sudah berada di Makkah, maka pasukan ini akan dikirim ke Makkah."

Pemuda Bani Tamim dan pasukannya tidak perlu tergesa-gesa untuk menemui Imam Mahdi di Makkah kerana jika Imam Mahdi sudah bertolak ke Baitulmaqdis, mereka akan terus menuju ke sana dan jika Imam Mahdi masih berada di Makkah, mereka akan mendapatkannya di Makkah. Mereka akan terus menunggu kemunculan Imam Mahdi di Makkah, walaupun peperangan dengan As-Sufyani sudah selesai dan askar-askar As-Sufyani hancur lebur mereka bunuh dan rampas.

Mereka tidak bersegera mencari Imam Mahdi di Makkah seperti yang dilakukan oleh kumpulan lain yang mahu bersegera mencari Imam Mahdi. Ini dikeranakan mereka pasti akan menemui juga Imam Mahdi itu dan akan membaiatnya, walau di mana sahaja Imam itu muncul dan berada. Dan dalam hal ini, hanya masa sahaja yang benar-benar dapat menentukan ke mana haluan sebenar Pemuda Bani Tamim dengan pasukan Ikhwannya itu. Maksudnya, mereka boleh terus menuju ke Makkah atau boleh juga terus menuju ke Baitulmaqdis.

17. Seorang Ahlulbait Dari Timur Mengamuk

A. Kata sahabat RA,

"Sebelum al-Mahdi muncul, akan ada seorang lelaki dari keturunan Nabi SAW keluar dari Timur, sambil menyandang pedang di bahunya selama 18 tahun. Dia membunuh, mengamuk dan (seterusnya) menuju ke Baitulmaqdis. Namun dia mati sebelum sampai ke sana."

Asar ini agak sukar untuk dihuraikan kerana maksudnya tidak jelas. Yang dikatakan sebagai tidak jelas itu ialah siapakah peribadi sebenar Ahlulbait yang dimaksudkan itu. Ada beberapa orang yang boleh dimaksudkan dengan orang ini, sama ada yang benar-benar berketurunan Ahlulbait mahupun yang bukan berketurunan Ahlulbait. Menyandang pedang juga boleh diterjemahkan dengan beberapa maksud. Lama masa dia mengamuk itu juga adalah suatu yang amat relatif dan sukar ditafsirkan dengan benar. Perkataan membunuh, mengamuk dan menuju ke Baitulmaqdis itu juga boleh dimaksudkan dengan erti-erti lain yang sesuai. Maksud mati itu juga boleh dihuraikan dengan beberapa erti lain yang sesuai. Oleh itu, asar ini biarlah difahami menurut apa yang dapat kita faham secara zahirnya sahaja, sama ada benar-benar dengan erti mengamuk atau dengan erti-erti yang lain dan dapat diterima bersama. Hanya masa yang dapat menentukan benar atau tidaknya asar ini berlaku sebelum Imam Mahdi muncul, iaitu menurut erti dan kefahaman kita yang lazim.

18. Siapa Ahlulbait yang Mengamuk Itu?

A. Kata Kaab al-Akhbar RH,

"Al-Makhzumi (dilantik) menjadi pemimpin, tetapi kemudian (dia) mengundur diri. Lalu ada susuk seorang manusia yang tangkas, berbadan tinggi dan berbahu lebar. Dia membunuh setiap orang yang berselisih jalan dengannya, sehinggalah dia sampai ke Baitulmaqdis lalu dia mati di sana (sebaik sahaja masuk). Dia ini amat zalim dan aniaya. Setelah itu ada seorang (pemimpin) yang berbuat baik, kemudian al-Qahtani menjadi pemimpin. Dia berakhlak seperti akhlak saudaranya, iaitu al-Mahdi."

Ucapan Kaab ini tidak menjelaskan siapa orang itu dan sebenarnya lebih sesuai diletakkan di tempat yang lain dalam buku ini. Lihat semula huraian yang lebih jelas mengenai ucapan Kaab ini pada bahagian akhir mengenai Imam Mahdi ini. Semoga huraian di situ akan dapat lebih

memahamkan kita akan topik persoalan yang sebenarnya.

19. Al-Hasyimi Muncul Sebelum Imam Mahdi

A. Kata sahabat RA,

> *"Sebelum al-Mahdi (muncul), al-Hasyimi keluar untuk berperang selama 18 bulan. Dia akan menuju Baitulmaqdis tetapi tidak sampai ke sana. Serentak dengan itu, as-Sufyani mengirimkan pasukan tenteranya untuk menyerang al-Mahdi tetapi mereka ditelan oleh bumi di al-Baidak. Peristiwa ini sampai kepada (pengetahuan) penduduk Syam. Mereka kemudian berkata kepada khalifahnya, "Berbaiatlah engkau kepada al-Mahdi. Jika tidak, engkau akan kami bunuh!" Kemudian khalifahnya memberi baiatnya kepada al-Mahdi. Al-Mahdi lantas berjalan sehingga sampai ke Baitulmaqdis. Lantas (seluruh) bangsa Arab, Ajam, pasukan-pasukan perang, bangsa Romawi dan lain-lain menyerah diri kepada al-Mahdi tanpa peperangan. Kemudian masjid-masjid dibangunkan di Kostantinopel dan juga di tempat-tempat lain."*

As-Sufyani yang dimaksudkan di sini adalah pemimpin Iran yang bermazhab Syiah. Pasukan tentera ini yang disertai oleh pasukan-pasukan lain akan ditelan oleh bumi di Al-Baidak. Apabila mengetahui pasukan tentera mereka ditelan oleh bumi di Hijaz, penduduk Amerika Syarikat yang mengetahui berita itu memaksa Presiden mereka (yang askarnya turut menyertai pasukan gabungan dengan Iran) agar mengadakan perjanjian damai selama enam tahun atau akan menghadapi tindakan digulingkan. Perkataan *engkau akan kami bunuh* itu menunjukkan Presiden negara itu akan digulingkan daripada jawatannya, bukannya dibunuh hingga mati.

Dengan perjanjian damai yang dimaterai itu, Imam Mahdi dapat menguasai sebahagian besar dunia ini dengan kebanyakan negara yang ada menyerah diri kepada Imam Mahdi. Peperangan dapat dielakkan sehingga keamanan dapat dinikmati dalam erti kata yang sebenarnya oleh seluruh penduduk yang tinggal dan bernaung di bawah pentadbiran beliau. Dengan perjanjian damai ini, agama Islam dapat masuk ke Eropah dan Amerika Utara dan berkembang pesat sehingga masjid-masjid dapat didirikan di merata-rata tempat di sana.

Sebelum itu, Al-Hasyimi akan muncul di Khurasan dan bergabung dengan pasukan dari Timur yang dipimpin oleh pemimpin besarnya, Pemuda Bani Tamim. Al-Hasyimi itu memang seorang yang amat gigih memperjuangkan Islam. Beliau amat gigih mendidik anak-anak muridnya membersihkan hati dan roh sehingga pertolongan Allah kepada mereka tidak terhijab lagi. Selama setahun setengah beliau berusaha gigih, siang dan malam, semata-mata menyediakan anak muridnya untuk digunakan oleh Pemuda Bani Tamim dalam misi besarnya melengkapkan Jadual Allah untuk akhir zaman ini. Itulah yang dimaksudkan dengan perkataan *beliau berperang selama 18 bulan*.

Setelah membaiat Imam Mahdi di Makkah (atau mungkin tidak sempat di Makkah), beliau akan menuju ke Syam tetapi tidak tinggal lama di sana kerana beliau dengan segera akan berangkat meninggalkan negara itu untuk menyambung misi besar yang baru, kali ini atas arahan Imam Mahdi pula. Pasukan tenteranya dibekalkan oleh Pemuda Bani Tamim, kerana At-Tamimilah yang mengendalikan segala urusan yang berkaitan dengan perbekalan ketenteraan. Antara tempat baru yang beliau akan jalankan ialah menakluk semula negara Turki daripada cengkaman pemerintah sekular yang nyata-nyata memusuhi agama Islam dan meninggalkan ajaran-ajaran Islam.

20. Huru-hara Mulai Ramadan Hingga Musim Haji

A. Sabda Nabi SAW,

> *"Al-Mahdi akan dibaiat pada bulan Muharam setelah terjadi bencana dan peperangan pada bulan Ramadan sampai Zulhijah. Kemudian berlaku pula ancaman (terhadap) jemaah haji di Mina yang mengakibatkan banyak kematian sehingga darah mengalir di al-Jamrah. Sebahagian jemaah haji itu ada yang menyelamatkan al-Mahdi lalu dibaiat di antara Hajarul Aswad dan Maqam Ibrahim, namun dia enggan menerimanya. (Kerana keengganannya itu) dia lantas diancam, "Jika kamu tidak mahu menerima baiat daripada kami, maka lehermu akan kami penggal!"*
>
> (Al-Hakim)

B. Dari Abdullah bin Amru RA daripada Nabi SAW bersabda,

> *"Pada bulan Zulkaedah akan mula berlaku huru-hara, kemudian para jemaah haji dirompak (dan dibunuh). Berlaku pertempuran yang dahsyat di Mina sehingga sebahagiannya melarikan diri, dan dia akan dibaiat antara Rukun dengan Maqam sedangkan dia tidak menyukainya. Pembaiatan itu dilakukan oleh sejumlah yang sama dengan tentera Badar, penduduk langit dan bumi meredhai (pemerintahannya)."*
>
> (Al-Hakim & Nuaim bin Hammad)

Imam Mahdi akan dibaiat oleh orang ramai pada hari Asyura iaitu sepuluh hari bulan Muharam. Tanda-tanda yang dapat dilihat sebelum itu adalah berlaku peristiwa pembunuhan jemaah haji sehingga menyebabkan ramai jemaah haji mati dibunuh secara kejam di Jamrah, Mina. Mulai bulan Ramadan lagi sudah berlaku huru-hara yang membawa kepada peristiwa pembunuhan itu. Tidak lama selepas peristiwa pembunuhan jemaah haji itu, sekumpulan orang yakni Ikhwan dan Pemuda Bani Tamim datang ke Makkah lalu membaiat Imam Mahdi sebagai khalifah akhir zaman. Selepas itu, orang ramai termasuk jemaah haji yang terselamat turut membaiat Imam Mahdi.

21. Tanda Pada Matahari

A. Kata Muhammad bin Ali al-Hanafiah RH,

> *"Al-Mahdi tidak akan muncul sehinggalah ada satu tanda (gerhana) yang muncul daripada matahari."*

Alamat ini adalah salah satu alamat yang paling masyhur mengenai kemunculan Imam Mahdi ke dunia ini. Yang dimaksudkan dengan gerhana matahari itu ada dua iaitu memang benar-benar akan berlaku gerhana matahari pada bulan Ramadan dan maksud keduanya adalah matinya pemimpin-

pemimpin yang jahat, yang mengumpulkan harta sebanyak-banyaknya. Maksud lain bagi gerhana matahari itu adalah lambang matinya sistem jahiliyah pada zaman ini iaitu segala sistem karut-marut yang sedang diamalkan di seluruh dunia pada zaman ini, yang sememangnya tidak sesuai dengan ajaran Islam.

Apabila berlaku gerhana matahari, maka itulah tandanya bahawa sistem Barat, sama ada yang bernama demokrasi atau sosialis atau apa-apa nama pun, semuanya sudah sampai ajalnya dan menanti saat sahaja untuk sang imam menguburkannya terus dari atas muka bumi ini. Seterusnya sistem jahiliyah Barat itu keseluruhannya akan digantikan dengan Islam yang tulen, seperti yang pernah dibawa oleh baginda SAW dan para Khulafa RA dahulu. Maka gerhana matahari itu adalah tanda zahir, manakala hapusnya sistem Barat itu adalah tanda hakikinya.

22. Bani Hasyim Bercerai-berai ke Serata Pelosok Dunia

A. Kata tabiin RH,

> *"As-Sufyani mengirimkan askarnya ke Madinah dan menyuruh agar membunuh setiap keturunan Bani Hasyim (yang dapat dijumpai), kemudian mereka menyerangnya. Bani Hasyim akhirnya bercerai-berai di (merata-rata) padang pasir dan di gunung-gunung. Apabila al-Mahdi muncul, mereka ini akan dikumpulkan semula."*

Para tabiin RH telah mengisyaratkan bahawa akan berlaku suatu peristiwa besar dalam sejarah umat Islam pada akhir zaman iaitu golongan Ahlulbait, terutamanya dari kalangan Bani Hasyim akan ditindas, dizalimi, dianiaya dan dihalau keluar dari Tanah Arab. Membunuh yang dimaksudkan ialah menyeksa dan menyakiti mereka sehingga mereka terpaksa menyelamatkan diri ke tempat lain yang jauh dari tanah air asal mereka. Segala tanda Islam yang dibuat pada awal Islam dahulu akan dimusnah dan diratakan dengan tanah, bagaikan tidak ada nilai dan kegunaan. Menyerang yang dimaksudkan adalah mereka akan dijatuhkan dari kedudukan yang tinggi dan mulia pada pandangan umum umat Islam lalu menjadi bangsa yang dipandang rendah atau tidak lagi dihormati seperti yang sepatutnya mereka terima, sama seperti pada awal sejarah Islam dahulu. Mereka juga tidak diberikan sebarang jawatan yang penting dalam masyarakat sehingga jadilah mereka ini tidak lebih daripada orang biasa yang lain, yang tidak dipedulikan orang lagi.

Bani Hasyim ini akan terpecah-pecah membawa diri dan keluarga meninggalkan tanah air mereka, kuasa mereka, harta mereka dan hak mereka. Ada yang lari ke sekitar Tanah Arab juga dan mereka ini digambarkan sebagai lari ke padang pasir. Ada pula yang lari ke kawasan lain di dunia ini, memulakan kehidupan baru di tempat orang, yang jauh dari Tanah Arab, dan mereka ini digambarkan sebagai orang yang lari ke gunung-gunung. Maka jadilah mereka ini sebagai orang biasa sahaja, terpaksa berusaha sendiri, membina kehidupan sendiri, dan menjalankan syariat Islam secara sendiri-sendiri tanpa mendapat pembelaan dan penghormatan yang sepatutnya daripada umat Islam yang lain.

Disebutkan lagi bahawa apabila Imam Mahdi muncul kelak, seluruh Bani Hasyim atau Ahlulbait ini akan dapat dikumpulkan semula seperti sebelumnya. Pada ketika itu, mereka ini akan kembali semula kepada sunnah yang benar, mendapat semula hak mereka di kalangan masyarakat,

dan mendapat pembelaan yang sewajarnya serta dihormati semula oleh seluruh umat Islam. Perkara ini insya-Allah akan benar-benar berlaku iaitu setelah Imam Mahdi muncul kerana telah disebutkan demikian oleh para tabiin RH. Lagi pun sebahagian daripada asar ini telah berlaku, maka yang sebahagian lagi itu pasti akan berlaku juga. Mustahil dalam sebuah asar, sebahagian sahaja yang berlaku manakala yang sebahagian lagi tidak berlaku.

23. Imam Mahdi Dicari Ke Sana Ke Mari

A. Kata sahabat RA,

> *"Sebelum al-Mahdi muncul, perdagangan-perdagangan terus terhenti, jalan-jalan banyak yang terputus dan kerap berlaku bencana. Setelah itu ada tujuh panji-panji daripada tujuh pasukan, yang secara kebetulan, sama-sama mencari al-Mahdi. Dari setiap kelompok ini ada kira-kira 33 hingga 39 orang yang berjanji untuk menemukan al-Mahdi. Mereka dan pasukan masing-masing terus mencari dan akhirnya menemui al-Mahdi di Makkah. Sebahagian dari mereka ada yang bertanya kepada yang lain, "Apa perlunya kita datang ke sini?" Sebahagian yang lain menjawab, "Kita datang untuk mencari orang yang layak diserahi tugas untuk menamatkan bencana-bencana ini dan yang akan menakluki Kostantinople." Kata yang lain pula, "Kita telah mengetahui namanya, nama ayah dan ibunya serta pasukan perangnya." Mereka terus mencari dan akhirnya bertemu di Makkah. Mereka menegurnya, "Engkau adalah Muhammad bin Abdullah." Tetapi al-Mahdi menafikannya malah melarikan diri ke Madinah. Kemudian dia kembali semula ke Makkah, sedangkan mereka ketika itu sedang berkeliaran di Hajarul Aswad. Lalu ahli-ahli kumpulan itu berkata, "Dosa kami berada di tanganmu, roh kami berada di pundakmu, maka oleh itu, hulurkanlah tanganmu untuk kami baiat. Sebab tentera as-Sufyani sudah kelihatan menuju ke sini untuk membunuh kita." Seorang lelaki dari Tanah Suci tadi lantas duduk di antara Hajarul Aswad dan Maqam Ibrahim, lalu menghulurkan tangannya dan terus dibaiat. Di sinilah Allah mempertemukan kekasih-Nya dengan umat manusia, yang kemudian mereka berjalan bersama-sama (menuju ke Syam). Mereka ini amat berani pada siangnya dan amat ditakuti pada malamnya."*

24. Terbunuhnya Tujuh Daripada Sembilan Orang

A. Kata tabiin RH,

> *"Al-Mahdi tidak akan muncul sebelum terjadinya pembunuhan sebanyak tujuh orang daripada sembilan orang."*

Yang dimaksudkan dengan terbunuhnya tujuh daripada sembilan orang itu adalah sebagai nisbah sahaja. Itulah jumlah atau nisbah jemaah haji yang mati terbunuh akibat huru-hara yang berlaku di Mina. Daripada setiap sembilan orang jemaah haji yang datang, tujuh daripadanya akan mati terbunuh. Dan dari jumlah yang ramai itulah darah akan mengalir di merata-rata tempat sehingga batu-batu yang terdapat di situ akan dibasahi oleh darah mereka.

Mungkin maksud yang lazim terbayang di kepal kita ialah bahawa akan berlaku kematian tujuh orang daripada sekumpulan sembilan orang. Maksud ini adalah maksud yang zahir daripada asar tabiin ini dan maksud ini juga adalah sebahagian daripada maksud yang dikehendaki. Juga dikatakan bahawa yang sembilan orang itu adalah pemimpin besar bagi umat ini pada masa itu. Peristiwa pembunuhan mereka ini, iaitu tujuh daripada sembilan orang pemimpin adalah tanda sudah sangat huru-haranya keadaan di Makkah, Arafah dan Mina sehingga pihak keselamatan sudah tidak lagi berupaya membendung jemaah haji yang mencetuskan pergaduhan dan seterusnya membawa kepada pembunuhan beramai-ramai.

25. Tanda Munculnya Ialah Seorang Suci Mati Dibunuh

A. Kata sahabat RA,

> *"Al-Mahdi tidak akan muncul sebelum seorang yang hatinya suci (nama gelarannya Muhammad, dibunuh oleh seorang keturunan Bani Abbas) terbunuh. Apabila orang yang berhati suci ini* (**Nafsuz Zakiyah**) *mati terbunuh, maka penduduk langit dan bumi menjadi marah. Kerana itu, umat manusia (segera) mendatangi al-Mahdi dengan berjalan cepat-cepat, seperti jalannya pengantin lelaki menuju pengantin perempuan."*

Satu lagi tanda kemunculan Imam Mahdi ialah seorang lelaki yang berhati bersih, iaitu seorang yang bersih hatinya daripada dosa-dosa besar dan dosa-dosa kecil mati dibunuh oleh seorang lelaki yang juga merupakan ahli keluarga Nabi SAW. Orang itu tidak disebutkan nama sebenarnya, hanya dikatakan bahawa bagi penduduk langit, dia bernama Muhammad. Si pembunuhnya juga tidak dijelaskan dengan tepat namanya dan asal-usulnya, sama ada dari Timur juga atau dari kawasan lain.

Pemuda yang berhati suci ini adalah seorang yang kuat mengamalkan amalan sufi yang diwarisinya sejak turun-temurun, sesuai dengan dirinya yang berketurunan Sayidina Ali KMW. Berkat amalan sufinya itulah maka beliau turut menjadi seorang yang mahfuz, dipelihara oleh Allah daripada sebarang dosa. Hanya orang yang mencapai taraf wali sahaja yang terselamat daripada melakukan dosa, sama ada dengan sengaja atau tidak sengaja. Juga bermaksud dia telah mengamalkan amalan tarekat sufi ini sejak dari kecil lagi. Hanya orang yang mengamalkan amalan sufi sejak kecil sahaja yang terselamat daripada melakukan sebarang dosa, sejak kecilnya lagi hinggalah ke saat kematiannya.

Kematiannya di Makkah itu semasa mengerjakan haji bersama-sama umat Islam itu menyebabkan sekalian umat Islam yang masih tinggal menjadi amat marah kepada si pembunuhnya itu. Kerana itu mereka pun bersegera mencari Imam Mahdi, ke sana ke mari kerana mereka amat mengharapkan kemunculan Imam Mahdi itu untuk segera menyelesaikan masalah yang sedang mereka hadapi.

Para malaikat juga menjadi marah dengan peristiwa pembunuhan lelaki yang berhati suci tadi. Dengan berkat para malaikat itu dan juga kemarahan penduduk bumi, maka Allah SWT segera memberikan jalan sehingga umat Islam dengan mudah dapat mencari tempat Imam Mahdi menyorok, lalu membawanya keluar rumah dan terus sahaja dibaiat di dalam Masjidil Haram, di sisi Maqam Ibrahim, dekat dengan Hajarul Aswad.

26. Orang Suci Itu Dari Keturunan Sayidina Ali KMW

A. Kata sahabat RA,

> *"Sebelum (munculnya) al-Mahdi, akan berlaku banyak bencana. Kemudian sekumpulan orang berkumpul di hadapan seorang lelaki yang berketurunan Sayidina Ali RA, yang mana lelaki ini pada sisi Allah dinyatakan tidak mempunyai (sebarang) dosa. Dia akan membunuh atau terbunuh, kemudian muncullah al-Mahdi."*

B. Ammar bin Yasir RA menyatakan,

> *"Apabila orang suci itu terbunuh, satu seruan dari langit akan kedengaran, "Pemimpin kamu semua adalah si fulan". Berikutnya, al-Mahdi akan memerintah dunia dan memenuhinya dengan keadilan dan kesamarataan."*

(Ibnu Tawus)

Kedua-dua asar ini saling menerangkan siapa dia lelaki yang berhati suci itu. Dia adalah seorang yang berasal dari keturunan Sayidina Ali KMW, dipandang mulia oleh orang ramai dan dikatakan seorang yang terpelihara daripada dosa dan maksiat. Dia adalah seorang pemimpin yang disayangi oleh orang ramai dan pergi menunaikan haji dengan para pengikutnya. Semasa sedang mengerjakan ibadat haji itulah dia akan dibunuh oleh seorang lain yang juga sedang mengerjakan ibadat haji.

Selepas lelaki berhati suci ini dibunuh, maka Pemuda Bani Tamim pun sampai ke Makkah dengan para Ikhwannya yang seramai 314 orang itu. Sebaik-baik sahaja mereka sampai, Imam Mahdi segera muncul lalu terus sahaja dibaiat oleh orang ramai sebagai khalifah mereka. Para Ikhwan juga akan membaiat Imam Mahdi di sisi Kaabah pada masa itu.

Penyataan ini tidaklah bercanggah dengan penyataan sebelumnya yang menyebutkan bahawa apabila Imam Mahdi muncul, barulah Pemuda Bani Tamim dan pengikutnya datang mendapatkannya seperti yang disebutkan pada bahagian terdahulu. Di sini ada dua keadaan iaitu Pemuda Bani Tamim mempunyai dua pilihan utama, sama ada akan membaiat Imam Mahdi di Makkah atau melengah-lengahkannya untuk bertemu di Baitulmaqdis. Jika Pemuda Bani Tamim ingin bersegera, maka bolehlah beliau membawa pasukannya mendatangi Makkah dan menunggu kemunculan Imam Mahdi dan berbaiat dengannya di dalam Masjidil Haram. Jika mereka tidak ingin bersegera, mereka akan bertemu juga di Baitulmaqdis.

Asar ini juga menjelaskan bahawa suara hatif itu akan kedengaran dari langit selepas peristiwa pembunuhan lelaki berhati suci itu. Selepas itu akan kedengaran berturut-turut suara hatif dari langit yang menyatakan bahawa pemimpin mereka yang sebenarnya adalah Imam Mahdi. Dan tanda-tanda kemenangan sejati bagi seluruh umat Islam sudah amat hampir dan begitu nyata dirasakan oleh setiap hati yang beriman. Hanya orang-orang yang pintu hatinya telah tertutup rapat sahaja yang tidak dapat merasakan betapa debaran saat yang amat dinanti-nantikan itu.

Semakin lama, suara hatif tadi semakin kuat dan jelas, dapat didengar oleh seluruh manusia, bahasanya adalah menurut loghat masing-masing dan semakin kuat pula perasaan seluruh umat Islam untuk segera menemui Imam Mahdi yang dikatakan itu. Orang-orang kafir, munafik, fasik, zalim dan sebagainya semakin takut dan risau kerana sudah terbayang di ambang mata bahawa seluruh sistem Barat yang sedang diamalkan oleh mereka akan menemui ajalnya, tidak dapat ditahan-tahan lagi, walau dengan apa cara dan daya sekalipun.

27. Imam Mahdi Zahir Selepas Orang Suci Terbunuh

A. Mujahid RH berkata mengenai Imam Mahdi,

> *"Seorang sahabat Nabi SAW memberitahu saya bahawa al-Mahdi tidak akan muncul sehingga seorang yang berjiwa suci terbunuh. (Selepas pembunuhan itulah) ketika itu dia akan muncul dan mengambil alih pemerintahan lalu memerintah dunia ini dengan penuh keadilan dan sama rata."*
>
> (Ibnu Tawus)

28. Seruan Dari Langit

A. Daripada Talhah bin Ubaid RA, katanya Nabi SAW bersabda,

"Kemudian hari nanti akan terjadi (sangat banyak) bencana, sehinggakan orang yang berada di sebelahnya tidak sedar, melainkan dia juga turut tertimpa bersama-samanya. (Dalam keadaan yang demikian) sehingga datang hatif (suara penyeru, tidak kelihatan orangnya) dari langit yang berkata, "Sesungguhnya Amir kamu semua adalah si polan (maksudnya adalah Imam Mahdi)."

B. Kata Sayidina Ali bin Abi Talib KMW,

"Apabila ada seruan dari langit, "Sesungguhnya kebenaran itu berada di pangkuan keluarga Nabi Muhammad SAW," maka ketika itu (nama) al-Mahdi mulai sibuk diperkatakan orang. Lalu umat manusia beransur-ansur mencintai al-Mahdi. Seterusnya tidak ada orang lain yang disebut-sebut lagi melainkan al-Mahdi."

C. Kata tabiin RH,

"Nama al-Mahdi akan disebut-sebut oleh suara dari langit."

D. Kata tabiin RH,

"Ketika itu juga terdengar satu seruan dari langit yang berbunyi, "Ketahuilah! Sesungguhnya para wali Allah itu tidak merasa takut dan tidak pula mereka bersedih hati." (Surah Yunus, ayat 62)

E. Kata tabiin RH,

"Di dunia ini akan berlaku bencana (yang hebat-hebat) yang mana bencana ini tidak ada kesudahannya sehinggalah datang suara seruan dari langit, "Ketahuilah bahawa sesungguhnya yang akan menjadi pemimpin di bumi ini ialah si fulan. Dialah pemimpin yang sebenar." Yang diulang sebut sebanyak tiga kali."

F. Kata tabiin RH,

"Ada suara dari langit yang memanggil-manggil nama al-Mahdi. Suara ini dapat didengar oleh setiap orang sama ada yang berada di Timur mahupun di Barat, sehingga tidak ada orang sedang tidur, melainkan pasti terjaga (kerana) mendengarnya."

G. Hadis mursal, sabda Nabi SAW,

"Pada bulan Ramadan akan terdengar suatu suara (di langit), pada bulan Syawal akan terdengar (pula) suara dodoian, pada bulan Zulkaedah akan berlaku huru-hara, pada bulan Zulhijjah para jemaah haji akan dirompak, dan pada bulan Muharam suatu suara dari langit akan kedengaran, "Ketahuilah bahawa sesungguhnya pemimpin yang dipilih oleh Maha Pencipta adalah si anu dan si anu (Al-Mahdi dan Pemuda Bani Tamim), maka ikutlah dan taatlah (kepada mereka)."

H. Dari Syahar bin Hausab RH, daripada Nabi SAW bersabda,

"Pada bulan Ramadan akan terdengar suatu suara, pada bulan Syawal akan terdengar bunyi mendodoi, pada bulan Zulkaedah mula berlaku huru-hara, pada tahun itu jemaah haji akan dirompak, dan pertempuran yang hebat di Mina yang membunuh ramai jemaah, darah akan mengalir di sana sehingga sampai ke Jamrah. Para sahabat (al-Mahdi) melarikan diri, lalu mereka berdiri di antara Rukun dengan Maqam, iaitu tempat dia dibaiat sedangkan dia tidak menyukainya. Maka mereka pun berkata kepadanya, "Kalau kamu menolak, kami akan penggal lehermu." Maka seluruh penduduk langit dan bumi amat meredhainya."

(Nuaim bin Hammad & Amru Ad-Dani)

I. Kata Ammar bin Yasir RA,

"Apabila Nafsuz Zakiyah telah terbunuh, satu suara dari arah langit akan berkata, "Pemimpin kamu semua adalah si anu dan si anu" (iaitu Al-Mahdi dan Pemuda Bani Tamim). Berikutan itu, Al-Mahdi akan muncul dan akan memenuhkan bumi ini dengan keadilan dan

kesaksamaan." (Ibnu Tawus)

Apabila Imam Mahdi heboh diperkatakan oleh orang, maka itulah tandanya Imam Mahdi yang sebenar akan muncul tidak lama lagi. Jika penduduk bumi sudah heboh mengenainya, penduduk langit juga sudah terlebih dahulu heboh memperkatakan perkara yang sama, di kalangan mereka pula.

29. Suara Syaitan Melawan Suara Malaikat

A. Kata tabiin RH,

> *"Suara dari langit menyeru, "Sesungguhnya pemimpin yang sebenar adalah daripada keturunan Rasulullah SAW." Ketika itu, terdengar pula seruan (lain) dari bumi yang menyeru, "Sesungguhnya pemimpin yang sebenar adalah daripada keturunan Nabi Isa." Atau dia mengatakan, "Dari al-Abbas." Seruan dari bumi ini adalah seruan dari suara syaitan, manakala seruan dari langit itu adalah Kalamullah, dan (seruan Kalamullah) inilah yang menang."*

Apabila manusia telah mendengar sekian banyak suara hatif yang semakin lama semakin kuat dan lantang sehingga mampu mengejutkan orang yang sedang tidur dan sebagainya, maka syaitan akan merasa amat susah hati kerana ternyata bahawa mereka tidak mampu lagi menyesatkan manusia dengan keberadaan Imam Mahdi di kalangan mereka itu. Untuk itu, sebagai salah satu ikhtiar terakhir mereka, manusia akan mendengar pula suatu suara yang amat ganjil dengan perkataan yang amat ganjil pula.

Ternyata bahawa suara itu adalah suara syaitan yang cuba melawan suara malaikat tadi. Dan ternyata pula bahawa suara syaitan itu hanya dapat didengar oleh sebahagian kecil manusia sahaja, iaitu di sekitar tempat syaitan itu bersuara sahaja. Orang lain di tempat yang jauh-jauh tidak dapat mendengar suara syaitan tadi. Syaitan itu tadi cuba memberitahu orang ramai agar mempercayai ucapan karutnya iaitu bahawa pemimpin sebenar adalah daripada keturunan Nabi Isa AS sedangkan Nabi Isa AS tidak mempunyai sebarang keturunan.

Dengan itu kalahlah suara syaitan yang cuba melawan suara malaikat. Suara dari bumi ternyata tidaklah sekuat mana berbanding dengan suara malaikat yang ternyata amat kuat dan jelas serta dapat difahami menurut bahasa masing-masing yang mendengarnya. Demikianlah Allah SWT menunjukkan kepada manusia betapa Dia Maha Berkuasa atas setiap sesuatu.

30. Benua Afrika Juga Dikuasai Oleh Imam Mahdi

A. Kata tabiin RH,

> *"Sebelum (munculnya) al-Mahdi, Amir di Afrika akan berkuasa selama 12 tahun. Lalu (kemudian Afrika itu) dikuasai oleh seorang lelaki yang berkulit coklat (sawo matang), yang mana keadilannya meratai ke seluruh Afrika. Kemudian dia berangkat menuju al-Mahdi untuk menyerahkan kekuasaannya dan berperang untuk al-Mahdi."*

Imam Mahdi tidak akan muncul sebelum seorang pemimpin dari Afrika yang memerintah dalam tempoh yang lama dijatuhkan oleh seorang lelaki yang berkulit cerah. Lelaki yang mengambil alih pemerintahan di Afrika itu adalah seorang pemerintah yang adil. Pemerintah ini adalah datangnya dari anak cucu Sayidina Hasan bin Ali RA. Dia adalah pemerintah yang beragama Islam dan memerintah di sebelah barat Afrika.

Kemungkinan lelaki itu adalah pemerintah di Maghribi sekarang ini kerana rajanya adalah

dari keturunan Sayidina Hasan RA dan negara itu terletak di sebelah barat benua Afrika. Raja di Maghribi sekarang ini adalah dikira sebagai seorang pemerintah yang adil, iaitu menurut pandangan manusia pada hari ini. Kelak apabila Imam Mahdi muncul, pemerintah ini akan mendapatkan Imam Mahdi lalu menyerahkan kekuasaannya kepada Imam Mahdi dan selepas itu akan berperang bagi pihak Imam Mahdi.

Antara peranan utamanya kelak semasa pemerintahan Imam Mahdi adalah untuk menguasai seluruh benua Afrika sehingga beliau berjaya menguasai seluruh benua itu dan meletakkannya di bawah pemerintahan Imam Mahdi. Selepas itu beliau membantu Imam Mahdi menyediakan pasukan tentera dan petunjuk jalan untuk Imam Mahdi menyeberang laut semasa memerangi benua Eropah.

31. Pemimpin Afrika Itu Berkaki Pincang

A. Kata tabiin RH,

> *"Tanda-tanda keluarnya al-Mahdi ialah keluarnya panji-panji dari Barat (Afrika), yang mana di tengah-tengah panji-panji itu terdapat seorang lelaki Kindah yang kakinya pincang."*

Jelasnya lelaki Kindah yang dimaksudkan dalam ucapan ini bukanlah orang yang sama yang diperkatakan oleh asar sebelum ini. Oleh itu, ucapan ini dengan ucapan yang sebelumnya sebenarnya tidak mempunyai sebarang kaitan dan tidak mendukung maksud yang sama. Hal ini perlu diperhatikan benar-benar agar kita tidak tersalah faham akan maksud sebenar kedua-dua ucapan ini. Dan untuk lebih memahaminya lihatlah huraian yang diberikan di bawah ini baik-baik dan perhatikan perbezaan yang dimaksudkan itu.

Lelaki Kindah yang dimaksudkan adalah pemimpin yang datang dari suatu kawasan di utara Arab iaitu yang berasal dari Eropah. Barat yang dimaksudkan adalah Amerika Syarikat kerana negara tersebut terletak di barat Afrika dan bukannya di Afrika Barat seperti yang sedia dimaklumi oleh ramai orang sebelum ini. Apabila Amerika Syarikat berkuasa di seluruh dunia, maka itulah tanda sangat hampir kemunculan Imam Mahdi.

Menurut sejarah, Amerika Syarikat mula naik bintangnya selepas Perang Dunia Kedua, 1946 kerana mereka berjaya menjatuh dan meletupkan bom atom di Hiroshima dan Nagasaki di Jepun, yang menjadi sebab segera Jepun dan negara-negara sekutunya meletak senjata. Mulai dari saat itulah, nama Amerika Syarikat segera menjadi masyhur dan seluruh dunia tertumpu ke negara itu dalam hampir semua urusan dunia. Hal ini berlaku hinggalah ke hari ini.

Kini, setelah lebih setengah abad Amerika Syarikat berleluasa di seluruh dunia, telah banyak kepincangan yang dilakukannya, dan banyak pula kepincangan dalaman di negara berkenaan. Bukan sahaja rakyatnya pincang sosial mereka, malah pemimpin-pemimpin mereka dan sistem Barat yang diterajunya pun turut pincang. Itulah kepincangan yang dimaksudkan oleh ungkapan tabiin itu. Pincang di sini bukanlah kaki zahirnya, tetapi kaki batinnya juga. Maka zahir dan batinnya adalah pincang, sedangkan dalam keadaan pincang itulah mereka mengaku dirinya sebagai polis dunia. Maka jadilah mereka sebagai polis yang pincang zahir dan batin.

32. Tanda-tanda Munculnya Imam Mahdi

A. Kata tabiin RH,

"Tanda-tanda munculnya al-Mahdi adalah pupusnya kepemimpinan Bani Abbas, para pemegang bendera menambatkan kuda-kuda pada pohon zaitun, runtuhnya pemerintahan Bani Jaafar dan Bani Abbas, as-Sufyani duduk di atas mimbar Damsyik dan pasukan Barbar menyerang pusat kota di Syam."

B. Al-Walid bin Muslim RH berkata,

"Al-Mahdi tidak akan muncul sehinggalah As-Sufyani berkuasa."

Ucapan ini menjelaskan lagi tanda-tanda bahawa Imam Mahdi akan muncul ke dunia ini. Antara tanda yang disebutkan ialah terhapusnya sistem pemerintahan secara berkhalifah dari dunia Islam. Bani Abbas yang dimaksudkan adalah sistem berkhalifah yang telah digunakan oleh negara Islam sejak dari zaman Khalifah Abu Bakar RA sehinggalah kepada pemerintah terakhir dari Daulat Osmaniyah di Turki pada tahun 1924 dahulu. Kepupusan sistem pemerintahan ini sebenarnya adalah tanda bahawa Imam Mahdi akan segera muncul.

Tanda lain yang disebutkan adalah berlalunya masa keamanan bagi umat Islam daripada peperangan. Ini berlaku kerana semangat jihad telah mati dari dalam diri umat Islam sehingga mereka enggan lagi berperang melawan musuh. Tanda lain ialah Amerika Syarikat menguasai seluruh dunia, baik timur mahupun barat dan pasukan tentera yang ganas menyerang umat Islam. Ini berlaku di Eropah Timur seperti di negari-negeri bekas jajahan Yugoslavia, yang dimulai oleh pengganas Serb. Itulah pasukan Barbar yang dimaksudkan.

33. Dua Tanda Besar Sebelum Imam Mahdi Muncul

A. Kata Muhammad bin Ali al-Hanafiah RH,

"Bagi al-Mahdi ada dua tanda (yang bakal berlaku) yang mana kedua-dua tanda ini belum pernah berlaku kepada sesiapa pun sejak Allah menciptakan langit dan bumi. Dua perkara itu ialah bulan yang memancarkan cahaya merah pada awal bulan Ramadan dan matahari (pula) memancarkan cahaya merah pada pertengahan bulan Ramadan (bulan yang sama)."

Ucapan ini menambah dua tanda lagi bagi menunjukkan bahawa Imam Mahdi akan segera muncul ke dunia ini iaitu bulan yang memancarkan cahaya merah (gerhana bulan) pada awal bulan Ramadan dan matahari pula akan memancarkan cahaya merah (gerhana matahari) pada pertengahan bulan Ramadan iaitu dalam bulan yang sama. Sama ada tanda-tanda ini akan benar-benar berlaku atau tidak, tidaklah penting sangat, sebab yang lebih pentingnya bagi sekalian umat Islam adalah kemunculan peribadi yang bergelar Imam Mahdi itu sendiri. Itulah yang paling penting bagi kita semua daripada sekalian yang lain. Namun, apa yang diucapkan oleh Imam Muhammad bin Ali Al-Hanafiah RA ini insya-Allah akan berlaku juga pada suatu hari nanti.

34. Berlaku Dua Kali Gerhana Bulan

A. Kata tabiin RH,

"Sebelum al-Mahdi muncul, akan terjadi gerhana bulan sebanyak dua kali dalam bulan Ramadan."

Imam Mahdi akan muncul setelah terjadi gerhana bulan yang dikatakan akan berlaku sebanyak dua kali pada bulan Ramadan yang mulia. Hal ini amatlah pelik, kerana fenomena seperti ini memang jarang sekali berlaku dan merupakan suatu kejadian yang tidak pernah dijangkakan oleh

sesiapa pun sebelum berlakunya.

Apabila kejadian ini benar-benar berlaku, dua keadaan yang jauh bertentangan akan berlaku. Yang pertama ialah akan gemparlah seluruh dunia kerana dengan berlakunya peristiwa ini, Imam Mahdi sudah benar-benar akan muncul dan memerintah seluruh dunia ini. Yang kedua ialah kejadian ini tidak diketahui oleh ramai orang melainkan sedikit sahaja yang mengetahuinya. Yang mendengar berita itu pula tidak percaya kepada perkhabaran yang penyaksi itu sampaikan. Maka apabila Imam Mahdi benar-benar muncul, barulah mereka terkejut besar.

35. Lagi Tanda-tanda Khusus Kemunculannya

A. Kata tabiin RH,

> *"Al-Mahdi akan muncul dari Makkah pada waktu Isyak dengan membawa Panji-panji Rasulullah SAW. Baju besi dan pedangnya mempunyai tanda-tanda khusus, berkilauan dan bercahaya. Jika mengerjakan sembahyang Isyak, dia lantas berkhutbah dengan khutbah yang panjang, mengajak manusia seluruhnya taat kepada Allah dan rasul-Nya. Bumi Hijaz akan diserahkan kepadanya, (tentera) Pemuda Bani Hasyim yang berada di laut mendarat, Panji-panji Hitam dikirimkan kepadanya dari Kufah dan askar-askarnya akan bertebaran ke seluruh penjuru alam."*

Selepas dibaiat oleh orang ramai dan para pembantu kanannya, Imam Mahdi akan masuk semula ke dalam rumahnya dan keluar semula untuk menunaikan sembahyang Isyak secara berjemaah dengan orang ramai di Masjidil Haram. Selepas menunaikan sembahyang Isyak itu, Imam Mahdi akan berkhutbah dan khutbahnya ini membawa bersama-sama penghidup roh bagi sekalian umat Islam yang telah lama mati. Juga membawa keberkatan yang telah lama hilang dari dalam hidup manusia. Seterusnya semua askarnya yang berada di tempat-tempat yang jauh akan segera mendatanginya di Masjidil Haram lalu tinggal bersama-sama dengannya selama beberapa waktu sebelum mereka meneruskan perjalanan ke Baitulmaqdis.

36. Tanda-tanda Lain

A. Kata tabiin RH,

> *"Al-Mahdi tidak akan muncul sebelum kamu semua menyaksikan siang menjadi gelap-gelita."*

B. Kata tabiin RH,

> *"Sebelum munculnya al-Mahdi, di ufuk sebelah (negara) Timur akan kelihatan bintang berekor (yang besar) yang memancarkan cahaya."*

Satu lagi tanda besar kemunculan Imam Mahdi ialah akan terjadinya keadaan gelap gelita pada waktu siang dan malam. Siang yang terang benderang akan diselaputi oleh kegelapan sama ada oleh jerebu, asap atau awan yang turun terlalu rendah dan seterusnya menutup pandangan manusia dan menghalang cahaya matahari daripada memancar terus ke permukaan bumi. Pada masa itu hanya tenaga elektrik sahaja yang dapat menerangkan hari yang gelap gelita itu dan manusia dapat meneruskan kegiatan harian mereka dengan berbantukan cahaya berkenaan.

Satu lagi tanda besar kemunculan Imam Mahdi adalah munculnya bintang berekor atau komet yang besar melintasi ruang angkasa bumi yang kebetulan masa lalunya itu di sebelah Timur bumi iaitu tidak jauh dari kawasan tempat tinggalnya Pemuda Bani Tamim. Masa berlakunya tidak dinyatakan dengan tepat. Boleh jadi peristiwa itu berlaku sepuluh tahun sebelum Imam Mahdi

muncul dan boleh pula berlaku berpuluh-puluh tahun sebelum Imam Mahdi muncul. Hal ini amat mustahak difahami kerana menurut pandangan orang-orang terdahulu, jarak masa sepuluh tahun atau lebih yang akan berlaku pada akhir zaman akan dianggap sebagai *tempoh yang amat dekat*, bukannya suatu jarak masa yang jauh atau lama. Tempoh yang lama bagi kita dikatakan sebagai tempoh yang dekat sahaja pada perkiraan mereka itu.

Kenapa terlalu banyak tanda sebelum Imam Mahdi muncul? Sebenarnya itulah sesuatu yang menunjukkan bahawa Imam Mahdi itu adalah seorang yang sangat istimewa pada sisi Allah SWT, merupakan orang besar-Nya di bumi ini, merupakan wakil mutlak-Nya untuk mentadbir dunia ini dan sangat dikasihi oleh-Nya. Lihatlah semasa Nabi SAW diputerakan ke dunia ini, beberapa peristiwa aneh berlaku. Maka hal yang demikian tidaklah mustahil berlaku pula kepada diri Imam Mahdi. Memang seperti sudah menjadi Sunnatullah terhadap alam ini, setiap kali Allah hendak utusi seorang besar-Nya ke dunia ini, pasti akan disertakan dengan beberapa tanda yang dapat dilihat dan diketahui dengan jelas oleh orang-orang yang hidup sezaman dengannya.

Oleh itu, jika kita telah melihat tanda-tanda yang menunjukkan seorang besar Allah akan diutuskan tidak lama lagi, maka insya-Allah kita akan dapat melihat dan menemui orang besar berkenaan. Hanya kita mahu percaya atau tidak mahu percaya akan kemunculan orang besar berkenaan. Atau kita mahu mengikutnya dengan sepenuh hati atau kita akan menolaknya dengan sungguh-sungguh. Jika kita menerimanya, maka kita akan mendapat keamanan daripada-Nya dan jika menolak, maka kita akan menanggung kerugian yang amat besar.

Tidak perlulah rasanya dinyatakan apakah peristiwa aneh yang berlaku semasa Rasulullah SAW diputerakan ke dunia ini. Terlalu banyak buku sirah yang menceritakannya, dengan bahasa yang indah-indah dan penuh bererti. Kita juga sudah mempelajarinya sejak bangku sekolah rendah lagi hinggalah ke peringkat yang setinggi-tingginya. Juga dari buku yang seringkas-ringkasnya sehinggalah kepada yang setebal-tebalnya.

37. Tentera yang Ditelan Bumi

A. Ummu Salamah RA menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

> *"Selepas kemangkatan seorang amir, akan berlaku pertelingkahan di kalangan penduduk. Ketika itu seorang penduduk Madinah akan melarikan diri dan pergi ke Makkah. Ketika di Makkah, beberapa orang penduduk akan menghampirinya antara Hajarul Aswad dengan Maqam Ibrahim, dan mendesak menerima baiat mereka kepadanya.*
> *Sejurus selepas itu, satu angkatan yang besar akan datang dari Syam untuk menyerangnya tetapi ketika mereka sampai di al-Baidak, yang di antara Makkah dan Madinah, mereka akan ditelan ke dalam bumi.*
> *Melihatkan peristiwa ini, puak Abdal dari Syam dan sekumpulan Asoib dari Iraq akan mendatanginya dan berbaiat kepadanya. Kemudian seorang lelaki dari suku Quraisy, yang bapa saudaranya dari Bani Kalb menghantar satu pasukan tentera untuk menyerang al-Mahdi, dan*

cuba menguasainya, dengan izin dari Allah. Tentera ini adalah dari Bani Kalb. Malangnya dia tidak menerima apa-apa perkongsian dengan Kalb. Orang ini (Imam Mahdi) akan memulakan peperangan selepas pertempuran itu. Dia akan memimpin orang ramai berdasarkan Sunnah dan semasa pemerintahannya, Islam akan tersebar ke seluruh dunia. Dia memerintah selama tujuh tahun. Al-Mahdi akan meninggal dunia dan jenazahnya akan disembahyangkan oleh seluruh umat Islam di serata dunia." (Abu Daud)

Lazim pula berlaku pada hari ini, apabila seseorang pemimpin meninggal dunia maka penggantinya akan berebut-rebut mendapatkan jawatan yang ditinggalkan itu. Yang berbeza hanyalah dari segi cara mereka berebut untuk mendapatkannya sahaja. Pada suatu masa dahulu, mungkin berlaku pertempuran kecil antara penyokong kedua-dua pihak yang menuntut. Pada hari ini, perebutan itu tidak ketara secara zahirnya tetapi lebih kepada secara perang saraf dan pengaruh di kalangan anggota parti. Dan inilah yang berlaku kepada seorang pemimpin yang disebutkan meninggal dunia oleh hadis.

Maksudnya mungkin benar-benar pemimpin yang dikatakan itu meninggal dunia, yakni mati lalu ditanam orang di dalam kubur. Dan boleh juga bermaksud meletak jawatan atau dijatuhkan oleh orang dari jawatannya itu. Dalam keadaan huru-hara itu beberapa orang melarikan diri dari Madinah ke Makkah, yang di antaranya adalah bakal Imam Mahdi. Semasa sampai di Makkah, dia segera dikenali oleh beberapa orang yang sememangnya sedang mencari ke sana ke mari. Mereka mendesaknya agar menerima baiat mereka kepadanya.

Selain dari kumpulan yang dikatakan itu, datang pula beberapa pasukan lain yang entah dari mana keluarnya menuju Imam Mahdi lalu membaiatnya sama. Mereka adalah golongan Wali Abdal, Wali Nujabak dan Asoib. Tidak lama selepas berlakunya baiat yang pertama itu, terdengar berita bahawa sepasukan tentera yang besar dan kuat sedang dalam perjalanan menuju ke Makkah, setelah memusnahkan kota Madinah sehingga hancur lebur. Kedatangan pasukan ini amat menakutkan seluruh penduduk Makkah yang ada lalu lari mencari Imam Mahdi untuk mendapatkan perlindungan. Tetapi kemudian terdengar pula berita yang mengatakan bahawa pasukan tentera itu sudah ditelan oleh bumi di suatu tempat yang tidak berapa jauh dari Makkah.

Tenggelamnya pasukan ini membawa dua makna besar yang cukup bererti bagi sekalian umat Islam. Pertama, setiap penentang atau musuh kepada ***Orang Allah*** pasti akan kecundang biar sekuat manapun mereka dan selengkap manapun kekuatan dan peralatan perang mereka. Peristiwa tenggelamnya pasukan tentera ini adalah sebagai ulangan terhadap peristiwa terbakarnya pasukan ***Tentera Bergajah*** dari Habsyi yang cuba memerangi Makkah. Kekalahan mereka diabadikan di dalam Al-Quranul Karim sendiri seperti yang disebutkan di dalam Surah Al-Fil.

Kedua, tenggelamnya pasukan tentera ini membawa makna tersirat iaitu Allah SWT akan menghapuskan setiap kebatilan bukan dengan kekuatan yang ada pada pasukan Islam, tetapi mereka ini akan dikalahkan oleh Allah SWT sendiri, tanpa melalui proses sebab dan akibat. Oleh itu, jika ada pejuang Islam yang mendakwa bahawa mereka berjaya mengalahkan musuh-musuh Islam hasil usaha mereka, maka sesungguhnya mereka itu adalah pejuang yang tertipu oleh perjuangan atau hasil usaha mereka. Sebenarnya tidak boleh kita mendakwa kitalah yang menjadi sebab kepada tewasnya musuh Islam kerana yang sebenarnya Allah SWT sendirilah yang mengalahkan mereka.

Kemunculan Khalifah yang Dinanti-nantikan

1. Apabila Yang Zahir Itu Benar-benar Imam Mahdi

A. Sabda Nabi SAW,

> *"Sesiapa yang mendustakan kedatangan Dajjal, maka kafirlah dia, dan sesiapa yang mendustakan kedatangan Al-Mahdi, maka kafirlah dia."*
>
> (Abu Bakar Al-Iskafi)

Imam Mahdi muncul dan memerintah seluruh dunia dengan penuh aman damai dan bahagia, tidak ada lagi sebarang ketakutan, kekalutan, perpecahan, penyelewengan, kezaliman, maksiat dan dosa. Namun begitu, masih ada orang-orang Islam sendiri yang menentang kemunculannya. Jika pada masa itu masih ada lagi yang cuba-cuba menentangnya kerana tidak meyakini bahawa yang muncul itu benar-benar adalah Imam Mahdi, maka kafirlah dia, jika dia adalah orang yang beragama Islam. Jika dia bukan beragama Islam, tidaklah menjadi persoalan bagi kita di sini.

2. Tempat Lahir Imam Mahdi

A. Sabda Nabi SAW,

> *"Tempat lahir Al-Mahdi adalah di Madinah, dan dia adalah salah seorang Ahlulbaitku, dan tempat hijrahnya adalah Baitulmaqdis. Jambangnya nipis, kelopak matanya sentiasa bercelak, giginya berjarak, ada tahi lalat pada pipinya dan di belikatnya ada cap kenabian. Dia akan muncul di bawah Panji-panji Kenabian yang bertanda dan berwarna hitam, dan tidak pernah lagi berkibar sejak kewafatan baginda SAW, lalu dikibarkan oleh Al-Mahdi. Allah akan membantunya dengan tiga ribu malaikat, yang akan memukul muka dan punggung setiap orang yang menentangnya, dan umurnya adalah tiga puluh atau empat puluh tahun."*

Imam Mahdi mula-mula muncul di kota suci Madinah. Di situlah beliau mula-mula dilihat oleh orang ramai walaupun mereka tidak berapa peduli dengan keberadaannya di kalangan mereka. Ramai yang menyangka bahawa orang yang mereka lihat itu hanyalah seorang lelaki biasa yang kebetulan wajahnya menyerupai Imam Mahdi yang diceritakan oleh hadis-hadis. Hal ini boleh sahaja berlaku disebabkan penduduk Madinah kebanyakannya sudah tidak lagi mempercayai hadis-hadis mengenai Imam Mahdi menyebabkan kebanyakan mereka tidak berapa arif tentang hadis-hadis mengenai Imam Mahdi.

Hal ini berlaku kerana mereka sekarang sedang berada di bawah pemerintahan yang bukan Ahlus Sunnah wal Jamaah. Kalangan mazhab Wahabi tidak mengambil kisah tentang Imam Mahdi, malah ramai yang beranggapan hadis mengenai Imam Mahdi adalah maudhuk dan dhaif. Sebab itulah apabila Imam Mahdi yang sebenar muncul, mereka buat tidak peduli sahaja mengenainya dan para pengikutnya walhal Imam Mahdi itu amatlah jauh berbeza daripada kebanyakan orang Arab yang terdapat di Madinah itu, terutama dari segi pakaiannya, perwatakannya, percakapannya dan sebagainya lagi.

Satu maksud lagi ialah bahawa Imam Mahdi itu muncul di sebuah kota di Timur yang disebutkan sebagai ***Madinah*** (kota raya atau bandar raya). Nama kota itu tidak disebutkan dalam

hadis ini dan tempatnya juga tidak disebutkan sama ada di negara Arab atau di Timur. Terpulanglah kepada pendukung perjuangan Imam Mahdi untuk menafsirkan dengan tepat nama kota yang dimaksudkan itu. Maksudnya ialah Imam Mahdi akan mula-mula heboh diperkatakan oleh orang ramai di sebuah kota, yang tidak disebut namanya oleh hadis. Jika ini berlaku, maka insya-Allah akan benar-benar berlakulah bahawa Imam Mahdi itu akan ***muncul*** di kota berkenaan.

3. Imam Mahdi Muncul di Madinah

A. Kata sahabat RA,

"Al-Mahdi muncul di Madinah."

Asar ini hanyalah bersifat menambahkan lagi kekukuhan kandungan hadis sebelum ini yang telahpun menjelaskan tempat Imam Mahdi itu muncul. Yang dimaksudkan dengan muncul ini adalah juga sama dengan maksud yang dibawa oleh hadis sebelumnya.

4. Imam Mahdi Keluar Dari Kampung Kurjah

B. Sabda Nabi SAW,

"Al-Mahdi akan keluar (dari persembunyiannya dan dapat dilihat umum) daripada Kampung Kurjah."

Kampung yang dimaksudkan itu adalah umum. Boleh jadi memang benar-benar muncul pada kali pertamanya di kampung berkenaan. Kampung ini dikatakan terletak di tepi kota Madinah dan pada hari ini sudah hampir lengang kerana penduduknya sudah banyak yang berpindah ke dalam kota Madinah itu sendiri. Ada pula yang berpindah ke tempat lain untuk mencari rezeki.

Maknanya, Imam Mahdi mula-mula muncul dari alam walinya itu ke alam nyata ini di sekitar kampung berkenaan dan mula-mula dilihat orang di kawasan itu. Semasa mereka mula-mula melihat Imam Mahdi dan para pengikutnya itu, mereka berasa amat hairan kerana pakaian mereka nyata amat jauh berbeza dengan orang Arab, wajah mereka juga berbeza daripada orang kebanyakan, lahjah mereka juga berbeza daripada lahjah Arab yang lazim mereka gunakan, perawakan mereka tidak kelihatan seperti benar-benar orang Arab tulen, gerombolan mereka juga amat aneh dilihat orang dan amalan mereka juga jauh berbeza.

Namun, semua ini masih tidak cukup untuk ***memperasankan*** orang-orang Arab bahawa yang mereka lihat itu adalah Imam Mahdi dan para pengikutnya. Maka orang-orang Madinah yang berasakan keanehan yang terdapat pada mereka ini, kemudian menghalau mereka agar keluar dari kampung mereka kerana mereka ini adalah orang-orang asing yang tidak diketahui dari mana asal-usulnya. Imam Mahdi dan para pengikutnya segera berangkat ke Makkah dan di sana mereka tinggal di sebuah rumah tidak jauh dari Bukit Safa. Kebetulan pula semasa mereka mahu berangkat itu, kedengaran berita yang mengatakan bahawa kota Madinah akan diserang oleh sekumpulan askar yang kuat, besar dan lengkap persenjataannya. Ini menambahkan lagi lekasnya Imam Mahdi dan pengikutnya pergi ke Makkah.

Sayangnya, semasa berada di Makkah, Imam Mahdi mendengar pula berita yang lebih menyayat hati iaitu para jemaah haji yang sedang berwukuf di Arafah tidak berimam. Masing-masing bersembahyang bersendirian atau berimam secara kelompok-kelompok kecil sahaja kerana imamnya diberitakan telah dibunuh oleh puak pemberontak dari mazhab Syiah. Hal ini amat menyedihkan

Imam Mahdi dan para pengikutnya.

Terdengar pula berita yang mengatakan bahawa kota Madinah sudah hancur lebur dimusnahkan oleh pasukan tentera yang besar jumlahnya tadi. Adapun matlamat mereka yang sebenarnya adalah untuk mencari dan membunuh Imam Mahdi. Dikeranakan itu, hampir seluruh penduduk kota Madinah dan kawasan-kawasan sekitarnya dibunuh oleh pasukan tentera yang amat kuat ini. Darah mengalir di merata-rata tempat di kota Madinah, sedangkan bangunan-bangunannya habis rata diruntuhkan. Kekejaman pasukan tentera ini berlarutan selama tiga hari tiga malam. Asap hitam menyelubungi seluruh langit di kota Madinah ini sehingga kota suci umat Islam itu tidak dapat dihuni lagi oleh manusia sampai bila-bila pun.

Kemudian terdengar lagi berita yang mengatakan jemaah haji yang sedang melontar di Jamratul Aqabah dibunuh oleh kumpulan militan Syiah. Lebih tiga perempat daripada jemaah hajinya habis mati dibunuh mereka. Yang tinggal terpaksa melarikan diri ke Makkah dan berkumpul di Masjidil Haram.

5. Zahir Pada Bulan Muharam

A. Sabda Nabi SAW,

> *"Al-Mahdi dimunculkan pada bulan Muharam dan akan kedengaran suara yang menyeru dari arah langit, "Ketahuilah bahawa hamba Allah yang terpilih (untuk menjadi pemimpin kamu semua) adalah si fulan, iaitu al-Mahdi. Oleh itu, dengarlah (segala) perintahnya dan taatilah dia."*
>
> (Abu Nuaim)

Bulan Muharam adalah bulan yang mulia dalam Islam. Pada bulan inilah Allah menjanjikan kemenangan kepada para pejuang-Nya. Pada bulan inilah Allah SWT menurunkan kemenangan kepada umat Islam sejak dari Nabi Adam AS lagi hinggalah kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW. Kemudian diteruskan lagi hingga ke akhir zaman iaitu pada zaman kita ini. Dan pada bulan ini ada satu hari yang sangat istimewa, bukan sahaja bagi kita umat Islam, malah di kalangan agama Yahudi juga. Hari yang sangat istimewa itu dipanggil ***Hari Asyura*** dalam bahasa Melayu iaitu hari yang kesepuluh pada bulan Muharam menurut kalendar Hijri. Pada hari itu kita disunatkan berpuasa. Orang-orang Yahudi juga berpuasa pada hari itu dan merayakannya dengan penuh gembira.

Pada hari yang sangat istimewa itulah Allah SWT menjanjikan bahawa Imam Mahdi akan dibaiat oleh sekalian umat Islam dari segenap penjuru dunia ini di Makkah, tanah suci-Nya. Di situlah akan bermulanya sistem khalifah dalam Islam, yang berlaku untuk kali yang kedua dalam sejarah umat Islam. dan nyata bahawa sistem khalifah yang akan naik pada kali ini adalah lebih kuat, lebih bersih, lebih gagah, lebih gemilang, lebih luas dan lebih bersejarah jika dibandingkan dengan sistem khalifah pada masa dahulu, melainkan pada zaman Nabi SAW dan para Khulafa. Itulah kelebihan yang terdapat pada bulan Muharam yang mulia, terutamanya pada Hari Asyura.

6. Tahun Keluarnya Ialah Sekitar Tahun 1420 Hijrah

A. Kata tabiin RH,

> *"Umat manusia akan berkumpul (pada musim haji di Makkah dan Mina) pada tahun 1204."*

Ramai pengkaji hadis dan ulama zawahir hampir sepakat mengatakan bahawa asar tabiin ini adalah maudhuk kerana menurut pandangan zahirnya, pada tarikh atau tahun yang disebutkan itu

Imam Mahdi tidak juga muncul-muncul dan Panji-panji Hitam yang dikatakan itu tidak juga berkibar. Timur yang dimaksudkan itu juga tidak dapat dipastikan oleh sesiapa pun. Hanya orang-orang Syiah yang sempat berkokok seketika menyatakan bahawa Panji-panji Hitam sudah ***hampir pasti*** akan berkibar dari arah timur Iran dan akan menuju ke kota Samarra di utara Iraq untuk membangkitkan Imam Mahdi mereka yang sedang tidur lena di dalam guanya itu.

Sayangnya, Panji-panji Hitam yang dimaksudkan itu tidak juga berkibar sehingga ke hari ini walaupun pemimpin revolusi Republik Islam Iran Syiah itu telah lama meninggal dunia. Peristiwa yang dahulunya amat hangat diperkatakan, kini sudah semakin sejuk dan hampir basi semula. Timur yang dimaksudkan oleh mereka itu juga tidak dapat dipastikan sehingga ke hari ini. Hanya dikatakan timur Iran, tetapi tempatnya entah di mana. Pembawa Panji-panji Hitam itu juga tidak diketahui siapa orangnya. Askar-askarnya juga entah siapa dan di mana. Tiada siapa yang tahu dan tiada siapa yang dapat menjelaskan dengan tepat, termasuk kalangan ulama-ulama Syiah sendiri yang telah mencapai taraf Ayatollah sekalipun.

Kalangan puak Wahabi awal-awal lagi menyatakan asar ini maudhuk dan tidak boleh diterima. Selain Imam Mahdi tidak muncul pada tahun yang disebutkan, rawi-rawinya juga dikatakan adalah orang-orang yang tidak dapat dipercayai riwayat mereka. Mereka begitu lekas menghukumkan asar ini sebagai maudhuk tanpa mengambil kira pandangan pihak lain, termasuk ahli-ahli hadis yang telah mencapai taraf Huffaz dan kalangan ahli tasawuf yang rajin mengkaji hadis-hadis mengenai Imam Mahdi ini.

Sebenarnya jika asar ini dinilai menurut penilaian ahli-ahli sufi, mereka tidak akan mengatakannya sebagai maudhuk. Ada beberapa sebab utama mengapa asar ini dianggap sebagai betul, walaupun tidak berlaku.

Kita memang mengetahui bahawa sumber ilmu bagi ahli-ahli sufi ialah kasyaf, laduni, ilham dan firasat. Selain itu, berita-berita ghaib turut memainkan peranan yang besar. Limpahan ilmu daripada guru mursyidnya juga adalah merupakan sumber utama mereka memperoleh ilmu yang tidak tercapai oleh orang awam. Sebahagian besar mereka memperoleh ilmu melalui pengalaman rohani mereka yang mampu menggapai ilmu yang berada di atas langit sana sama ada di atas langit pertama, di Sidratul Muntaha, di atas Arasy atau di atas Al-Mustawa. Tahap keupayaan mereka ini bergantung kepada taraf muqarrabin mereka pada sisi Allah SWT dan dibenarkan mengambil terus ilmu dari sana tanpa sebarang perantaraan malaikat.

Hal ini sebenarnya adalah suatu yang lazim berlaku di kalangan para Sahabat RA, terutamanya sahabat-sahabat besar baginda SAW seperti Khalifah yang Berempat, Abu Hurairah, Ibnu Abbas, Ibnu Umar, Huzaifah dan sekian ramai lagi. Juga lazim berlaku di kalangan para tabiin yang dirahmati oleh Allah, dan tidak ketinggalan di kalangan tabiit tabiin serta kalangan ulama mujtahid awal dalam Islam. Begitu lazimnya hal ini berlaku di kalangan mereka sehingga mereka menganggapnya sebagai suatu perkara biasa dan tidak diperbincangkan lagi.

Para mujaddid sejak zaman awal Islam lagi sehinggalah ke abad kelima belas ini turut dibekalkan dengan keupayaan menggapai alam ghaib ini untuk mendapat sumber ilmu mereka. Lihatlah bagaimana mereka menulis kitab-kitab yang sebegitu tebal dan hebat dalam masa yang amat singkat, sedangkan sumber rujukannya tidak kita ketahui dan ilmunya merupaka sesuatu yang *amat baru*. Bagi kita yang hidup pada hari ini, yang telah begitu jauh daripada zaman Kenabian, ilmu-ilmu seperti ini amatlah pelik dan ganjil, kalau tidak pun akan dianggap sebagai sesuatu yang amat mustahil. Malah ada di kalangan umat Islam sendiri (termasuk yang mengaku dirinya pandai dalam bidang agama) yang menganggap hal ini pada hari ini adalah sesuatu yang tidak dapat diterima oleh syarak.

Bagi yang memperoleh ilmu dari alam atas ini, ada yang kekuatan rohaninya begitu teguh

sehingga mata hatinya dapat membaca dengan jelas setiap huruf yang tertulis di alam atas sana lalu menyalinnya bulat-bulat menurut apa yang mata hati mereka lihat itu. Mereka ini nyata mendapat nikmat yang begitu nyata dan melimpah-limpah, hasil hidayah Allah yang melimpah-limpah menyinari lubuk hati mereka.

Namun, ada juga yang kekuatan rohani mereka kurang teguh kerana beberapa kekurangan yang masih terdapat pada diri mereka. Hal ini tidaklah bermakna mereka itu bersalah atau tersalah. Apa yang mereka cakapkan itu adalah menurut apa yang mereka peroleh, dan mereka memperkatakannya menurut apa yang tersurat itu. Itu sahaja dan tidak lebih dari itu. Dalam pada itupun, setiap ilmu yang mereka peroleh itu tidak semestinya berlaku menurut apa yang telah tersurat di alam atas sana, kerana lazim pula berlaku, apa-apa yang sudah tertulis di alam atas itu berubah pada saat-saat akhir dan hal ini hanya Allah SWT sahaja yang Maha mengetahui apa-apa yang ditakdirkan-Nya. Maknanya, apa-apa yang dibaca oleh mereka tadi, memang benar-benar tertulis di alam atas sana, dan benar pula semasa mereka mengucapkannya, tetapi Allah jua mengehendaki perubahan pada takdir-Nya pada saat-saat terakhir. Ada kalanya ditangguhkan-Nya dan ada kalanya dibatalkan-Nya terus, menurut kehendak-Nya jua. Dialah yang Maha Berkuasa dan Dialah yang Maha Berkehendak.

Kerana itulah perkara ini perlu benar-benar difahami dan dimengertikan baik-baik, jangan sampai kita menjadi seorang pengutuk terhadap apa-apa yang telah Allah SWT tuliskan pada takdir-Nya, tetapi diubah pada qadar-Nya. Jika ilmu dan pengalaman kita tidak pernah sampai ke tahap ilmu-ilmu berkenaan dan hanya memahami sesuatu menurut yang lahir sahaja daripadanya, maka lebih baiklah kita mendiamkan diri sahaja, ditakuti kelak kita menjadi pengutuk terhadap takdir Tuhan secara tidak disengajakan dan seterusnya menjadi penyebab Tuhan memurkai kita pula. Semua ini boleh berlaku tanpa kita sedari, akibat kelancangan kita sendiri yang suka mempertikaikan itu dan ini tanpa ilmu yang benar-benar yakin dan hakiki.

Atas alasan itu pulalah penulis berkeyakinan bahawa apa yang disebutkan oleh tabiin RH itu adalah benar, yakni benar semasa beliau menyebutkannya dan benar pula periwayatannya, walaupun disangsikan oleh orang lain. Hal ini tidak dapat dielakkan kerana masing-masing mereka mempunyai kefahaman yang berbeza, ilmu yang berbeza, keyakinan yang berbeza pula dan tanggapan mereka terhadap rawi dan sanadnya juga berbeza. Namun, takdir Allah mengatasi segala-galanya. Memang pada tahun itu tidak dimunculkan Imam Mahdi yang muntazar itu tetapi Allah SWT tundakannya sehingga ke saat-saat akhir, iaitu selepas tahun 1420 Hijrah. Wallahu A'alam.

7. Tahun Keluarnya Ialah Sekitar Tahun 2000 Masihi

A. Kata tabiin RH,

"Al-Mahdi akan muncul pada tahun 200."

Salah satu keistimewaan tabiin RH adalah dapat membaca dengan jelas apa yang tertulis pada ruang Arasy yang maha besar dan luas itu. Keupayaan ini sebenarnya tidak mampu dimiliki oleh sebarang-barang orang melainkan orang yang telah mencapai taraf muqarrabin, iaitu muqarrabin di kalangan wali-wali Allah. Bukan semua wali Allah dikurniai dengan kelebihan ini. Dan nyata pula bahawa para tabiin adalah antara golongan yang mendapat kelebihan yang sangat istimewa ini. Kerana itu mereka dapat menyebutkan sesuatu perkara dengan hampir tepat seperti yang Allah SWT kehendaki, sesuai dengan apa yang tertulis di atas perpustakaan Arasy yang luas itu.

Apa yang disebutkan dengan angka 200 itu hanyalah kiasan semata-mata iaitu untuk menunjukkan bahawa angka sebenarnya ialah dua ribu. Dan tidak disebutkan tahun itu sama ada Hijriah atau Masihiah. Hal ini dilihat seperti disengajakan oleh beliau, untuk menyembunyikan *sesuatu*

yang tidak patut diketahui oleh orang awam dahulu dengan tepat seperti apa yang tertulis di atas Arasy itu. Bukan pula maknanya mereka itu telah menipu orang atau cuba menyembunyikan sesuatu yang patut diberitahu. Maksud sebenarnya bahawa soal ini adalah salah satu soal yang rahsia yang sepatutnya hanya Allah SWT sahaja yang tahu dengan tepat, dan mereka *diberitakan* dengan sesuatu yang tidak boleh diketahui oleh orang ramai.

Soal kiamat ini adalah antara rahsia yang sepatutnya hanya diketahui oleh Allah SWT sahaja, bukan oleh kita semua. Namun, untuk memuaskan hati orang ramai yang bertanya, maka Allah SWT berikan mereka suatu jawapan yang samar-samar yang sebenarnya patut dikaji semula oleh mereka yang mahu mencari kebenaran dalam soal ini. Kita yang hidup pada zaman ini sudah dikecualikan daripada hukum itu kerana memang kita ini hidup pada masa yang tepat dengan peristiwa besar itu berlaku. Maka tidak salahlah jika rahsia Allah SWT itu dibukakan kepada orang ramai, kerana kita telah sedia maklum akan hal itu dan mudah pula menerimanya jika diberitahu. Hanya orang-orang yang keras hatinya sahaja yang tidak akan mahu menerima kebenaran, walaupun kebenaran itu sudah terbentang terang di hadapan kedua-dua biji matanya.

8. Munculnya Selepas Tahun '97 Masihi

A. Kata tabiin RH,

> *"Orang biasa akan menjadi Amir (di sebuah negara di Timur atau di luar Hijaz). Kemudian masalah-masalahnya akan muncul pada tahun 95 atau pada tahun 97 (bukan) Hijrah. Lantas al-Mahdi muncul sebagai pemimpin mereka (tidak lama selepas itu)."*

Tahun yang dinyatakan itu adalah menurut tahun Masihi dan hanya disebutkan sebagai tahun 95 dan 97 sahaja. Hal ini memang dengan mudah mendapat hukum maudhuk oleh para pengkaji hadis, termasuk yang hidup pada akhir zaman ini. Padahal kita seakan-akan tidak sedar bahawa orang yang meriwayatkan hadis itu adalah orang-orang yang bukan tandingan kita akan ketinggian ilmunya. Mereka adalah orang-orang yang amat soleh, bertaraf wali, bertaraf ulama mujtahid dan mendalam ilmunya dalam segala selok-belok agama, bukan macam kita yang ilmunya hanyalah tebuk sana sikit, tebuk sini sikit. Selepas itu mengaku sudah alim dan bijak. Orang yang ilmunya kita jadikan sandaran itu juga ilmunya dan takwanya tidaklah lebih tinggi daripada ulama yang kita rendah-rendahkan ilmunya. Namanya sahaja pun tidaklah lebih terkenal daripada ulama mujtahid yang kita perlekehkan itu.

Dan memang pada sekitar tahun 95 dan 97 dahulu, di negara kita berlaku berbagai-bagai peristiwa besar yang sangat menggoncangkan dan membawa erti yang cukup besar pula. Yang dikatakan masalah-masalah itu adalah masalah berkaitan dengan politik dalam negara di sebelah Timur ini, tidak terhad di negara kita semata-mata. Juga masalah yang berkaitan dengan isu agama dan ekonomi. Tidak perlulah disebutkan apa masalahnya itu kerana kita semua lebih arif tentang itu.

Selepas permasalahan-permasalahan itu timbul, dan tidak berjaya diselesaikan, maka muncullah Pemuda Bani Tamim sebagai pemimpin manusia di sebelah Timur, yang bukan sahaja dapat menyelesaikan semua masalah yang timbul itu dengan baik, malah dapat pula menyelesaikan masalah-masalah lain yang timbul di negara-negara luar dari lingkungan Timur itu sendiri. Ini termasuklah di Asia Barat, di Afrika dan di selatan Eropah. ***Orang biasa*** yang dimaksudkan oleh tabiin itu adalah seorang yang sebelumnya adalah orang awam menjadi pemimpin menggantikan sultan-sultan dan raja-raja, yang kuasanya melebihi daripada sultan-sultan dan raja-raja itu sendiri. Orang inilah yang membawa masalah-masalah itu ke Timur, yang merebak ke negara-negara lain dan tidak berjaya diselesaikannya dengan baik. Akhirnya dia akan menyerahkan kekuasaannya kepada Pemuda Bani Tamim, sebagai tanda dia menyerah kalah dan mengakui kelebihan yang ada pada

Pemuda Bani Tamim itu.

9. Imam Mahdi Muncul Pada Akhir Zaman

A. Seorang tabiin, Salmah bin Zufar RH meriwayatkan bahawa pada suatu hari orang ramai sedang berbincang mengenai kemunculan Al-Mahdi di hadapan Huzaifah RA. Kata Huzaifah RA,

"Kalaulah Al-Mahdi itu zahir ketika kamu masih dekat dengan zaman kenabian, dan ketika sahabat-sahabat baginda SAW masih hidup di kalangan kamu, maka kamu benar-benar beruntung. Tetapi tidaklah demikian halnya. Al-Mahdi tidak akan zahir sehinggalah manusia dikelilingi oleh penindasan dan kekejaman, dan tidak seorang pun yang lebih dikasihi dan diharapkan (oleh mereka) melebihi daripadanya."

Memang Sayidina Huzaifah RA adalah orang yang amat arif tentang Imam Mahdi di kalangan Sahabat RA. Namun beliau sendiri mengakui bahawa Imam Mahdi itu tidak akan muncul pada zaman beliau, yakni para Sahabat, masih hidup. Beliau mengakui bahawa Imam Mahdi itu hanya akan muncul pada penghujung umur dunia ini. Tidak ada orang lain yang lebih dikasihi dan diharapkan oleh sekalian manusia (yang beriman) melainkan beliaulah sahaja. Tidak ada orang lain yang cinta kasih mereka tercurah melebihi daripada beliau.

Imam Mahdi inilah satu-satunya manusia yang berupaya menegakkan sebuah ***kerajaan utopia*** seperti yang amat diidam-idamkan oleh Plato. Bagi Plato, kerajaan utopia itu adalah sebuah kerajaan yang serba lengkap, moden, hebat dan adil. Malangnya khayalan beliau itu hanyalah tinggal khayalan beliau. Dan Imam Mahdi sebenarnya mampu mendirikan sebuah kerajaan yang melebihi daripada apa yang mampu akal Plato fikir dan bayangkan. Dengan bantuan Allah, Imam Mahdi mampu berbuat apa yang sekali-kali tidak akan terjangkau oleh fikiran Plato *yang panjang* itu. Kerana terlalu memuja akal, Plato teraba-raba dan tersesat daripada jalan yang benar, sedangkan Imam Mahdi sentiasa di dalam limpahan cahaya petunjuk Ilahi.

10. Bagaimana Imam Mahdi Boleh Ditemui?

A. Kata tabiin RH,

"Tanda-tanda pada hari (mula-mula pembaiatan) itu adalah adanya tangan yang menjulur dari langit yang dapat dilihat oleh (semua) umat manusia."

Ketika manusia sedang sibuk memperkatakan tentang Imam Mahdi yang bakal muncul itu, maka keluarlah dari atas langit suatu tangan yang amat besar, cantik dan jelas yang menunjuk ke arah Imam Mahdi. Tangan besar itu dapat dilihat oleh sekalian manusia tanpa ragu-ragu. Tangan itu menunjukkan tempat Imam Mahdi sedang berada dan terdengar suara dari arah tangan itu yang menyuruh manusia pergi mendapatkan Imam Mahdi dengan segera dan terus berbaiat kepadanya. Sesiapa yang enggan pergi mendapatkan Imam Mahdi yang sedang ditunjukkan oleh tangan itu arahnya, akan dipukul belakang mereka oleh malaikat-malaikat petugas yang mencari manusia yang enggan pergi berbaiat kepada Imam Mahdi. Akhirnya semua orang akan keluar dan bergegas mendapatkan Imam Mahdi untuk menyerahkan baiat mereka kepadanya.

11. Usia Imam Mahdi Ketika Dilantik

A. Kata sahabat RA,

> *"Al-Mahdi diutus ketika beliau berumur antara 30 hingga 40 tahun."*

Umur yang disebutkan itu adalah relatif, tidak semestinya umur Imam Mahdi itu benar-benar 30 atau 40 tahun atau tepat-tepat 40 tahun sewaktu dilantik sebagai Imam Mahdi. Boleh jadi rupanya dimudakan oleh Allah SWT seperti orang yang baru berusia antara 30 hingga 40 tahun. Hal ini boleh dimengertikan dengan mudah jika kita benar-benar memahami kekuasaan Allah SWT ke atas makhluk-Nya.

Kita umpamakan Nabi Isa AS yang akan turun ke dunia nanti akan tetap kelihatan seperti orang yang baru berusia 33 tahun, iaitu seperti keadaannya semasa diangkat ke langit dahulu, sedangkan usia sebenarnya sudah melebihi dua ribu tahun. Nabi Isa AS tetap dikatakan sebagai orang yang berusia 33 tahun, bukannya seorang yang berusia 2000 tahun. Itu lebihlah hebatnya jika dibandingkan dengan Imam Mahdi.

Begitu pula dengan Ashabul Kahfi dan anjing mereka, Qitmir, yang akan dibangunkan semula nanti akan tetap kelihatan seperti orang yang muda dan baru berusia dua puluh tahun lebih, sama seperti keadaan sewaktu mereka mula-mula ditidurkan dahulu. Kita pun tahu, usia mereka sudah melebihi 1,500 tahun jika dilihat menurut jangka masa sejarah purba. Keadaan mereka masih seperti orang muda yang gagah dan sihat.

Begitu juga Nabi Ilyas AS yang akan muncul semula nanti, wajah dan tubuhnya tetap kelihatan seperti orang muda, iaitu sama dengan keadaannya sewaktu beliau dighaibkan oleh Allah SWT dari alam nyata ini. Kita juga tahu bahawa usia beliau jauh melebihi dua ribu tahun, kerana beliau diutus ke dunia ini lebih awal daripada Nabi Isa AS. Selain itu, Nabi Khidir AS juga akan dimunculkan dalam keadaan seperti seorang muda belia yang cergas dan segak, tidak kelihatan seperti orang tua yang berumur empat ribu tahun, kerana beliau lahir ke dunia ini lebih awal daripada Nabi Musa AS. Seperti yang dicatat oleh sejarah, Nabi Musa AS keluar ke dunia ini lebih daripada empat ribu tahun seperti yang disebutkan oleh riwayat yang sahih-sahih.

Berdasarkan itu, apa yang diandaikan terhadap Imam Mahdi itu sendiri sebenarnya adalah sesuatu yang amat mudah untuk diterima dan diakui. Jelasnya, angka tiga puluh dan empat puluh tahun itu adalah sesuatu yang amat relatif dan tidak semestinya menggambarkan itulah yang sebenarnya dan itulah sesuatu yang tidak boleh diubah-ubah lagi keadaannya. Jika didapati berbeza, maka kita pun lekas-lekas menghukumnya sebagai batil dan karut.

12. Imam Mahdi Adalah Imam Yang Sempurna

A. Kata Sayidina Ali KMW, Nabi SAW bersabda,

> *"Al-Mahdi yang dinanti-nantikan itu adalah dari kaum keluargaku. Allah akan menyempurnakannya dalam satu malam sahaja."*
>
> (Ibnu Majah)

Hadis ini diterima oleh semua pihak tetapi dengan tafsiran yang agak selari, dan tepat menurut matan yang tersurat. Tidak lebih dan tidak kurang. Hal ini benar dari satu segi tetapi jika dinilai dari segi logik akal dan keadaan yang sebenar, keadaannya tidaklah demikian. Bukanlah maknanya penulis mahu melawan sabda Nabi SAW itu dengan cuba menyebutkan sesuatu yang berlawanan daripada maksud yang sedia difahami. Bukan juga bermaksud penulis melebihkan akal dalam soal ini sehingga kelihatan mengetepikan begitu sahaja matan hadis yang mulia ini.

Antara yang lazim dimaksudkan oleh kita berdasarkan hadis ini ialah beliau akan dilengkapkan segala-galanya sebagai Imam Mahdi hanya dalam masa satu malam, dan pada pagi besoknya beliau akan dilantik sebagai Imam Mahdi oleh orang ramai. Maknanya, sebelum itu, beliau hanyalah seorang awam yang tidak dikenali oleh orang ramai, atau jika dikenali pun, hanyalah sebagai orang biasa sahaja. Makna yang sebeginilah yang sebenarnya perlu diperbetulkan supaya tidak berlarutan lagi membelenggu pemahaman kita.

Maksud satu malam sahaja dalam hadis ini ialah melengkapkan segala hal yang berkaitan dengan persediaan rohani sebagai seorang yang paling bertakwa kepada Allah, bukan sebagai seorang pemimpin. Yang paling penting bagi seseorang itu ialah iman yang cukup tinggi dan mantap. Hal ini tidak boleh berlaku dalam satu malam sahaja, iaitu bagi seorang yang bakal menjadi pemimpin terbesar umat ini. Jika hal seperti ini dikaitkan dengan seorang wali Allah yang bertaraf biasa, atau berwatak nabi, bukan berwatak rasul, maka hal ini dibolehkan sahaja.

Tetapi ini tida boleh berlaku kepada Imam Mahdi kerana beliau adalah seorang pemimpin yang amat dikasihi oleh sekalian umat Islam, beliau amat adil dan membawa keberkatan yang tidak terhinggakan. Maka proses mendidiknya menjadi seorang Imam yang sempurna perlu bermula sejak awal lagi, seawal beliau masih kecil dan belum mengerti apa-apa. Walaupun disebutkan hanya satu malam sahaja, yang dikehendaki dengan maksud itu ialah proses menjadikannya sebagai ketua bagi sekalian wali yang paling bertakwa. Ini dikeranakan semua wali adalah orang yang telah mencapai taraf takwa yang sebenar. Maknanya, Imam Mahdi adalah orang yang paling bertakwa di antara sekalian wali yang amat bertakwa. Pada tahap ini, menjadikannya sebagai Imam yang sempurna belum bermula lagi.

Makna lain bagi perkataan Imam yang sempurna ialah Imam Mahdi itu adalah seorang Imam yang bersih, tidak mempunyai sebarang dosa sejak kecil lagi hinggalah ke saat beliau dilantik ke jawatan Imam Mahdi itu. Imam Mahdi sangat adil dalam pemerintahannya dan keadilan pemerintahannya itu dikatakan sebagai amat sempurna kerana seorang pemerintah yang tidak adil, dikatakan sebagai imam yang tidak sempurna. Imam Mahdi juga adalah seorang imam yang terakhir bagi umat ini dari kalangan umat ini, dan dengan berakhirnya pemerintahan beliau, maka sempurnalah agama Islam ini bagi umat ini dan dengan itu, Imam Mahdi dikatakan sebagai penyempurna bagi segala Imam. Jika ada pemerintah selepasnya pun, tidaklah lagi seperti beliau, biarpun hampir sama. Kerana itu, disebutlah Imam Mahdi itu sebagai Imam yang sempurna.

Maksud lain bagi ayat *satu malam sahaja* dalam hadis itu adalah menurut ukuran malam bagi alam wali-wali. Ini dikeranakan alam wali-wali itu mempunyai ukuran masanya yang tersendiri. Siang dan malam di alam wali-wali ini adalah jauh lebih panjang daripada siang dan malam bagi alam kita yang kita alami ini. Alam wali-wali mempunyai cuacanya sendiri, pentadbirannya sendiri, tanam-tanamannya sendiri, wilayahnya sendiri. Alamnya memang ada di atas dunia ini tetapi tidak terpengaruh oleh suasana dan segala yang berlaku di dunia kita ini. Alam mereka ini adalah alam yang asing bagi kita orang ramai, suatu alam yang hanya dapat dicapai oleh orang-orang yang telah suci hatinya, suci pemikirannya, suci niatnya, suci ikhlasnya, suci akidahnya dan sangat-sangat hampir hatinya dengan Allah SWT pada setiap masa dan ketika.

Perlu diketahui pula bahawa tidak semua wali dapat memasuki alam wali ini. Ada wali yang tidak pernah tahu dan tidak pernah pula memasuki alam wali ini. Hanya wali-wali yang tertentu sahaja yang dibolehkan berada di sana dan berapa lama mereka dibenarkan berada di sana. Secara kebiasaannya, sehari di alam wali-wali bersamaan dengan seminggu di alam kita ini. Cara mencapainya juga berbeza-beza. Ada wali yang terpaksa berjalan jauh sebelum sampai ke alam ini dan ada pula wali yang dengan mudah dapat memasuki alam ini iaitu dengan hanya berjalan selangkah sahaja. Ada yang dibenarkan memasukinya sekali seumur hidup, ada pula yang dibenarkan berada di sana banyak kali

dan ada pula yang duduk diam di sana dalam tempoh yang sangat lama, iaitu selama mana dibenar dan dikehendaki oleh Allah SWT.

Sehubungan itu, Imam Mahdi tidaklah disempurnakan dalam masa semalam menurut ukuran malam kita yang biasa kita fahami ini, melainkan semalam menurut ukuran alam wali-wali, iaitu kira-kira seminggu. Seminggu menurut ukuran kita ini juga tidaklah sama kerana semalaman bagi alam wali ini mampu dihidupkan seolah-olah kita beribadat selama setahun penuh, atau bekerja setahun penuh. Begitulah secara ringkas sahaja disebutkan di sini apa yang patut diketahui oleh kita dengan maksud *satu malam sahaja* itu.

13. Imam Mahdi Dibaiat Secara Umum di Masjidil Haram

A. Sabda Nabi SAW,

"Berlaku perselisihan ketika kematian seorang khalifah (raja atau pemimpin di sebuah negara). Al-Mahdi yang merupakan penduduk Madinah melarikan diri ke Makkah. Kemudian (dia) didatangi oleh penduduk Makkah dan (dia cuba) diusir, tetapi dia enggan (lari dari Makkah). Lantas penduduk Makkah membaiatnya di antara Hajar Aswad dan Maqam Ibrahim."

(Abu Daud)

Antara tanda Imam Mahdi muncul ialah kematian (atau penurunan kuasa) seorang pemerintah. Orang ini adalah pemimpin di salah sebuah negara di Timur. Jika tidak, masakan disebutkan oleh hadis kerana yang sebenarnya Timur memainkan peranan yang amat besar dalam proses kebangkitan semula Islam di seluruh dunia. Oleh itu, setiap apa yang berlaku di dunia sebelah sana, turut diambil berat oleh baginda SAW sendiri. Walaupun hanya disebutkan secara umum, maksudnya dapat difahami oleh pendukung pejuang kebenaran yang juga merupakan pengikut-pengikut kanan Imam Mahdi.

Selepas itu Imam Mahdi pun dibaiat oleh orang ramai di Makkah. Selepas pembaiatannya itu, maka secara sedikit demi sedikit Imam Mahdi menjadi pemerintah bagi sekalian manusia di seluruh dunia. Sistem pemerintahan Islam yang sebenar juga akan naik, bersama-sama dengan naiknya Imam Mahdi sebagai pemerintah manusia.

14. Tempat Umat Islam Membaiat Imam Mahdi

A. Kata sahabat RA,

"Al-Mahdi dibaiat di antara Hajarul Aswad dan Maqam Ibrahim yang mana pelaksanaannya (berlaku penuh aman dan singkat) tidak sampai membangkitkan orang yang sedang tidur dan tidak pula sampai menumpahkan (walaupun setitik) darah."

B. Dari Abu Hurairah RA katanya, Rasulullah SAW bersabda,

"Orang ramai akan membaiat al-Mahdi antara Rukun dan Maqam Ibrahim."

(Ibnu Tawus)

Kenapa mesti di Masjidil Haram di Makkah dan di suatu tempat di antara Hajarul Aswad dengan Maqam Ibrahim? Jawapannya adalah kerana di situlah tempat yang paling mulia bagi umat Islam di seluruh dunia. Menurut riwayat yang masyhur, di sekitar Masjidil Haram itu terdapat kira-kira tiga ratus makam rasul-rasul terdahulu, yang semuanya wafat di sana. Di antara Maqam Ibrahim dengan Hajarul Aswad itu sahaja terdapat kira-kira tujuh puluh makam nabi-nabi terdahulu.

Kerana kemuliaan itulah Allah SWT jadikan tempat itu sebagai tempat titik permulaan naiknya Islam sebagai kuasa baru dunia, menggantikan sistem kufur dari Barat itu, yang ternyata bukan menjadi sistem pilihan yang baik bagi umat manusia. Dengan naiknya Islam sebagai kuasa baru yang memerintah dunia, maka Allah akan membela nasib sekalian mukminin yang selama ini cukup lama menderita. Mereka dikatakan menderita kerana terpaksa bersusah payah mengelakkan diri, pemikiran, rohani, harta benda, agama dan keluarga daripada dipengaruhi oleh sistem hidup yang tidak pernah diredhai oleh Allah itu.

15. Baiat Pertama Adalah di Masjidil Haram

A. Sabda Nabi SAW,

> *"Al-Mahdi akan dibaiat di antara Hajarul Aswad dan Maqam Ibrahim oleh sejumlah orang (tentera) yang mengikuti Perang Badar. Kemudian datang sekumpulan orang dari Iraq dan Wali Abdal daripada penduduk Syam untuk berikrar kepadanya. Dan akan datang pula pasukan (tentera as-Sufyani) dari Syam yang kemudiannya ditelan bumi di al-Baidak dekat Zul Hulaifah. Semuanya binasa kecuali si pembawa berita sahaja." Dalam satu riwayat lain diterangkan jumlahnya (yang terselamat itu) adalah dua orang. Salah seorang daripadanya menyampaikan berita tersebut kepada al-Mahdi, manakala yang lain menyampaikan berita tersebut kepada as-Sufyani. Menurut satu riwayat lain pula, kedua-duanya menyampaikan berita tersebut kepada as-Sufyani.* (Abu Daud & Al-Hakim)

Hadis ini menjelaskan kepada kita tentang peristiwa yang akan berlaku sebaik sahaja Imam Mahdi dibaiat oleh kumpulan umat Islam yang mendatanginya. Perkara ini telah diterangkan dengan panjang lebar pada bahagian sebelum ini. Maka di sini tidak perlu lagilah diterangkan.

16. Bilangan yang Membaiatnya

A. Sabda Nabi SAW,

> *"Tiga ratus empat belas orang, yang di antaranya adalah perempuan (solehah, bertaraf wali) bergabung dengan al-Mahdi. (Mereka) bertindak ke atas setiap pemimpin yang berbuat zalim dan menegakkan keadilan seperti yang diharap-harapkan oleh setiap orang. Lalu (al-Mahdi itu) memerintah (dunia) selama tujuh tahun. Setelah itu, tidak ada lagi kebaikan di muka bumi ini*

yang melebihi kebaikan pada masa pemerintahan al-Mahdi."

B. Sabda Nabi SAW,

> *"Sesungguhnya ketika zahir al-Mahdi, menyerulah malaikat dari atas kepalanya, "Inilah al-Mahdi Khalifah Allah, maka kamu ikutilah dia." Seluruh manusia tunduk dan patuh kepadanya dan mengecapi kasih sayangnya. Sesungguhnya al-Mahdi itu menguasai Timur dan Barat. Dan adalah yang berbaiat kepadanya di antara Rukun dan Maqam, yang pertama adalah sejumlah pasukan Badar (314 orang). Kemudian Abdal dari Syam mendatanginya, diikuti oleh Nujabak dari Mesir dan Asoib dari Timur. Setelah itu Allah mengutuskan kepadanya tentera dari Khurasan dengan Panji-panji Hitam dan mereka menuju ke Syam. Allah mengutus kepadanya 3,000 malaikat dan ahli (Ashabul) Kahfi adalah antara pembantunya."*

Antara urutan peristiwa yang membawa kepada pembaiatan Imam Mahdi itu nanti dijelaskan dengan terang dalam hadis ini yang antara lain seperti dinyatakan ini,

1. Mula-mula sekali oleh golongan Ikhwan yang dipimpin sendiri oleh At-Tamimi.
2. Diikuti oleh golongan Wali Abdal.
3. Diikuti oleh golongan Wali Nujabak.
4. Diikuti oleh tujuh pasukan yang diketuai oleh tujuh pemimpin.
5. Diikuti oleh sekumpulan jemaah haji yang terselamat daripada pembunuhan di Mina.
6. Diikuti oleh sekumpulan penduduk Makkah yang memang mencari-carinya.
7. Diikuti oleh golongan Asoib dari Timur, juga dipimpin oleh At-Tamimi.
8. Diikuti oleh 5,000 tentera dari Khurasan (gabungan tentera Al-Haris Harras dan Al-Hasyimi).
9. Diikuti oleh tiga ribu malaikat yang sentiasa mengiringinya.
10. Diikuti oleh golongan Ashabul Kahfi.
11. Diikuti oleh Nabi Ilyas AS dan Khidir AS.
12. Diikuti oleh Wali-wali Ghaib yang selama ini bersembunyi.

17. Jemaah Haji Turut Membaiatnya

A. Kata sahabat RA,

> *"Orang ramai pergi menunaikan haji. Mereka lalu berwukuf di Arafah tanpa seorang imam pun (yang memimpin mereka bersembahyang). Lalu di Mina, berlaku pemberontakan dan mereka (yang sedang berhaji) dibunuh di sana sehingga darahnya mengalir daripada (Jamratul) Aqabah. Mereka lalu meminta pertolongan daripada seorang yang dihormati. Mereka mendatanginya yang mana pada ketika itu dia sedang menyandarkan mukanya di Kaabah sambil menangis. Mereka berkata kepadanya, "Ke sinilah supaya kami (dapat) membaiat kepadamu." Dia menjawab, "Celaka kamu semua ini, berapa banyak perjanjian yang telah kamu ingkari dan berapa banyak darah yang telah kamu alirkan?" Kemudian dengan terpaksa dia dibaiat. Jika kamu semua menemuinya, maka berbaiatlah kepadanya. Sesungguhnya dia adalah al-Mahdi di bumi dan al-Mahdi di langit."*

Disebutkan bahawa Imam Mahdi itu dicari dan dibaiat oleh orang ramai, bukan dia yang meminta orang ramai membaiatnya. Jika dia meminta orang ramai membaiatnya, maka itu bukanlah Imam Mahdi kerana Imam Mahdi tidak pernah meminta orang melantiknya sebagai pemimpin mereka. Sebaliknya merekalah yang mencarinya ke sana ke mari dan memintanya menjadi pemimpin mereka. Itulah yang sebetulnya sifat-sifat Imam Mahdi tulen. Orang Allah tidak pernah meminta simpati orang kepadanya tetapi Allahlah yang menggerakkan hati orang ramai untuk memilihnya sebagai pemimpin mereka.

Itulah kaedah pelantikan pemimpin dalam Islam. pemimpin yang dilantik tidak pernah menyorongkan muka kepada orang ramai agar mereka memilihnya sebagai pemimpin. Pemimpin sejati dalam Islam dilantik sebagai pemimpin atas kerelaan orang ramai tanpa dia meminta agar dipilih ke jawatan itu. Namun kaedah ini pada hari ini dianggap sebagai suatu yang sangat mustahil berlaku. Kenapa anggapan demikian dirasakan benar? Salah satu sebab utamanya adalah kerana orang yang menawarkan dirinya untuk menjadi pemimpin manusia itu adalah orang-orang yang bukan merupakan Orang Allah. Hanya orang Allah sahaja yang akan dilantik oleh orang ramai tanpa dipinta.

Lihatlah bagaimana para Khulafa dahulu dilantik ke jawatan khalifah. Mereka tidak pernah meminta orang ramai memilih mereka sebagai pemimpin manusia, jauh sekalilah daripada pergi berkempen ke sana ke mari, jauh sekalilah juga daripada mencerca lawan-lawan politiknya, lagi jauhlah daripada memohon simpati dan menabur janji-janji manis yang entah ditunaikan entahkan tidak itu. Mereka dipilih atas kerelaan orang ramai sedangkan mereka tidak keluar rumah pun untuk tujuan itu. Mereka juga tidak bersembahyang hajat agar mereka dilantik sebagai pemimpin dan tidak pernah berdoa agar dilantik sebagai pemimpin. Itulah politik Islam yang sebenarnya dan itulah punca naiknya Islam sebagai kuasa dunia yang terunggul. Pemerintahan mereka amat diberkati oleh Allah SWT.

Apabila ini berlaku, maka datanglah pertolongan Allah kepada umat Islam satu persatu selepas itu, datang kepada mereka dari langit seperti turunnya manik-manik tasbih yang terputus daripada benang. Itulah perumpamaan yang tepat untuk menggambarkan bentuk turunnya pertolongan Tuhan kepada mereka. Mereka ini pula setelah tahu bahawa pertolongan Allah turun kepada mereka, tidak pula bangga tetapi semakin banyak bersyukur dan semakin giat lagi bertasbih kepada Allah. Sifat mereka ini digambarkan oleh Al-Quran sendiri seperti yang terdapat dalam keseluruhan ***Surah An-Nasr***.

Dengan cara ini negara Islam akan terbentuk dengan sendiri, tidak mempunyai sempadan politik dan geografi dan tidak mempunyai batasan yang nyata. Semuanya sama dan semuanya mendapat perlindungan yang sepatutnya dan mendapat perhatian yang sama berat oleh pemerintah mereka. Tidak wujud dalam Islam istilah parti pembangkang kerana dalam politik Islam yang mengamalkan sistem berkhalifah, setiap pembangkang adalah penderhaka yang wajib diperangi sampai mereka bertaubat. Jika tidak bertaubat, wajib pula dibunuh dan darah mereka halal ditumpahkan. Hal ini pernah berlaku semasa Sayidina Abu Bakar RA memerintah, dalam peristiwa yang amat dikenali iaitu Ar-Riddah. Itulah bentuk pembangkang dalam Islam. Tidak akan ada dua pihak yang boleh memerintah sesebuah negara Islam. jika ini berlaku, menurut hadis, pemimpin yang kemudian itulah yang wajib dibunuh dan diperangi.

18. Orang Syam Turut Membaiatnya

A. Kata sahabat RA,

> *"Al-Mahdi melangkah menuju satu pasukan (yang sama banyak dengan tentera) Badar (dan) daripada penduduk Syam. Oleh penduduk Syam itu, dia dibawa keluar ke (dalam) kota Makkah, tepatnya dari sebuah rumah dekat Safa. Kemudian dengan terpaksa dia dibaiat. Kemudian mereka bersembahyang dua rakaat bersama-sama di sisi Maqam Ibrahim, lalu naik ke atas mimbar untuk berkhutbah."*

Baiat ini adalah baiat oleh golongan penduduk Makkah yang baru mengetahui letaknya

rumah Imam Mahdi dan para pengikutnya iaitu di sekitar Bukit Safa. Penjelasan telah diberikan dalam bahagian sebelum ini dan tidak akan dipanjangkan lagi di sini.

19. Imam Mahdi Dibawa Keluar dari Rumahnya ke Baitullah

A. Kata tabiin RH,

> *"Al-Mahdi didatangi oleh orang ramai di rumahnya. Ketika itu manusia sedang dilanda penumpahan darah (di Mina dan Aqabah). Dia dipanggil, "Ke marilah!" Dia menolak sehingga diancam akan dibunuh. Ketika diancam akan dibunuh, dia bangkit untuk menyelamatkan umat manusia. Setelah itu tidak ada lagi penumpahan darah."*

B. Imam Az-Zuhri RH berkata,

> *"Daripada anak cucu Fatimah, Al-Mahdi akan dipaksa keluar dari Makkah dan dibaiat sedangkan dia tidak menyukainya."*

Ungkapan tabiin ini adalah merupakan penjelasan sahaja kepada apa yang telah disebutkan sebelum ini. Maka seperti biasa, apabila sesuatu perkara itu disebutkan banyak kali, maka mustahil pula perkara itu batil dan maudhuk. Penjelasan yang berulang-ulang juga menunjukkan bahawa peristiwa itu akan benar-benar berlaku suatu masa nanti, iaitu di kota suci Makkah. Bersama-samalah kita menantikan kemunculannya. Sambil menantikan kemunculannya itu, bersama-samalah kita memperkemaskan ibadat kita, baik yang lahir mahupun yang bersifat kerohanian dan hati kita kepada Allah SWT.

Perlu diingat bahawa berdasarkan ungkapan tabiin ini, kita diwajibkan mencari pemimpin yang ditunjuk oleh Allah apabila tiba masanya, iaitu pada awal setiap kurun Hijrah. Penduduk Makkah yang disebutkan itu sebenarnya adalah wakil sahaja bagi setiap orang Islam di seluruh dunia yang mencari Imam Mahdi, iaitu pemimpin yang telah ditunjuk dan ditentukan oleh Allah untuk masa mereka. Selain penduduk Makkah, tujuh kumpulan orang ramai yang datang dari pelbagai tempat yang jauh juga menunjukkan bahawa mereka berusaha mencari pemimpin yang dijanjikan itu untuk mereka, agar dapat dilantik segera sebagai pemimpin seluruh umat Islam.

Itulah bentuk pemilihan dalam Islam yang pada hari ini, ungkapan tabiin ini amat rahsia dan masih lagi tidak dapat difahami oleh mereka walaupun mereka mengkaji ungkapan ini sejak sekian lama, dan mengetahui maksud zahir daripadanya sejak dahulu lagi. Dalam huraian yang mereka berikan, masih tidak ada lagi seorang pun yang sanggup menghuraikannya dengan tepat seperti yang dikehendaki oleh maksud tersirat ungkapan itu. Kerana itulah juga maka umat Islam masih lagi teraba-raba mencari sistem yang betul untuk diikut dan masih lagi teraba-raba mencari siapa dia pemimpin yang harus dilantik untuk memimpin mereka. Akhirnya umat Islam terus-menerus diperkotak-katikkan oleh musuh-musuh Islam yang penuh mengelilingi mereka.

20. Imam Mahdi Muncul dengan Membawa Bendera Rasulullah SAW

A. Kata sahabat RA,

> *"Al-Mahdi akan keluar dengan membawa bendera yang sama seperti bendera Nabi SAW iaitu*

tanpa jahitan, berwarna hitam dan lebar, yang mana bendera ini tidak pernah berkibar lagi setelah wafat Nabi SAW, sehinggalah saat kemunculan al-Mahdi."

B. Kata sahabat RA,

"Al-Mahdi akan keluar daripada Makkah dengan membawa bendera Rasulullah SAW."

C. Kata tabiin RH,

"Al-Mahdi akan membawa bendera Rasulullah SAW, lengkap dengan cap-capnya sekali."

D. Kata tabiin RH,

"Pertama kali bendera yang akan dikibarkan oleh al-Mahdi adalah ketika perjalanannya menuju pembaiatannya di Turki."

E. Kata Qatadah RH, sabda Nabi SAW,

"Al-Mahdi akan keluar dari Makkah menuju ke Madinah. Orang ramai akan memaksanya keluar lalu dia dibaiat antara Rukun dengan Maqam sedangkan dia tidak menyukainya."

(Nuaim bin Hammad)

Bendera Hitam yang dimaksudkan itu adalah bendera kepunyaan Rasulullah SAW dahulu. Bendera itu bukan sebarang bendera dan bukan pula calang-calang bendera. Bendera ini adalah lambang kekuasaan Islam ke atas seluruh dunia. Bendera ini adalah juga lambang kekuatan rohani para pengikutnya, yang jumlahnya tidak ramai. Bendera ini juga adalah lambang tegaknya sunnah di atas segala kebatilan dan khurafat yang sebelumnya amat bermaharaja lela. Dengan adanya bendera Rasulullah SAW ini, nasib umat Islam di seluruh dunia amatlah terbela dan digeruni oleh mana-mana lawan pun. Bendera ini adalah lambang kekuasaan Islam, yang apabila bendera ini ditegakkan, maka akan musnah dan robohlah segala kekuasaan yang bukan Islam di tangan pemegang bendera ini, iaitu Imam Mahdi.

21. Pembawa Bendera Imam Mahdi

A. Kata tabiin RH,

"Yang akan membawa bendera al-Mahdi adalah seorang lelaki yang muda usianya. Dia berjanggut nipis dan berkulit kuning. Sekiranya dia menggempur gunung, nescaya gunung itu akan hancur dan menjadi rata (sehinggalah mereka) sampai ke bandar Ilyak (sebuah bandar di Baitulmaqdis)."

Pemegang Panji-panji Hitam yang dimaksudkan itu adalah Syuaib bin Saleh. Namun, Syuaib bin Saleh tidaklah sentiasa membawa Panji-panji Hitam itu di tangannya, kerana beliau adalah seorang pemimpin yang ditaati oleh setiap orang bawahannya. Maka akan ada seorang lelaki lain yang akan ditugaskan membawa Panji-panji itu yang di bawah pimpinan beliau. Orang itu adalah salah seorang kanan Pemuda Bani Tamim yang masih muda, berjanggut nipis dan kulitnya kuning, iaitu benar-benar orang dari bangsa Timur. Dia inilah yang ditugaskan membawa Panji-panji berkenaan untuk pasukannya dan dia adalah seorang yang mempunyai keramat, iaitu bertaraf wali Allah. Antara keramat terbesarnya ialah mampu meratakan gunung untuk memudahkan pasukannya melaluinya.

Boleh jadi juga yang dimaksudkan itu adalah keramat pemimpin mereka iaitu Pemuda Bani Tamim, sedangkan pemuda pembawa bendera tadi hanyalah sebagai perintis jalan bagi kumpulannya itu. Dengan keramat pemimpin besar mereka, gunung dan bukit mampu diratakan untuk memudahkan laluan mereka. Hal ini tidaklah sukar bagi Allah kerana Dia adalah Maha Berkuasa melakukan apa sahaja menurut kehendak-Nya.

22. Diangkat Sebagai Amir di al-Qahtani

A. Sabda Nabi SAW,

> *"Keadilan al-Mahdi meratai seluruh alam. Kemudian dia diangkat sebagai Amir di al-Qahtani. Demi Zat yang mengutusku dengan benar, bahawa dia (sungguh-sungguh) tidak (akan) ada yang (dapat) mengalahkannya."*
>
> (Abu Nuaim & at-Tabrani)

Al-Qahtani yang dimaksudkan dalam hadis ini adalah Malaysia pada hari ini. Ada beberapa hadis yang turut menyebutkan nama Al-Qahtani, dan setiap satunya mempunyai tafsiran yang berbeza-beza pula. Dalam hadis ini, yang dimaksudkan dengan Al-Qahtani adalah benar-benar Malaysia, menurut ilmu kita pada hari ini. Maksud itu tidak akan tersilap lagi kerana sudah disebutkan (dalam bentuk isyarat) oleh Nabi SAW mengenainya dalam beberapa buah hadis yang lain. Hal ini tambah diyakini kerana sehingga kini, tidak terdapat lagi mana-mana tempat pun yang benar-benar dapat ditunjuk sebagai Al-Qahtani, iaitu kawasan Timur seperti yang dikehendaki oleh hadis-hadis.

23. Ada Suara Malaikat di Atas Kepalanya

A. Sabda Nabi SAW,

> *"Al-Mahdi akan muncul dan dia selalu mengenakan serban di atas kepalanya dan di atas serbannya itu ada suara yang menyeru, "***Inilah dia al-Mahdi, Khalifah Allah, maka ikutlah dia***."*

B. Sabda Nabi SAW,

> *"Al-Mahdi akan muncul yang (antara tandanya ialah) di atas kepalanya ada malaikat yang menyeru, "***Ini adalah al-Mahdi, untuk itu, ikutilah dia***."*

Pada hari ini sistem baiat sudah terlalu lama tidak dipakai lagi oleh umat Islam sehingga mereka sudah tidak tahu lagi bagaimana hendak membaiat Imam Mahdi, walaupun Imam Mahdi itu sudahpun muncul di depan mata. Maka untuk memudahkan baiat itu berlangsung, maka Allah menugaskan beberapa malaikat yang akan mengajar manusia apa-apa perkataan yang akan digunakan untuk baiat.

Hadis ini juga menjelaskan bahawa akan muncul terlalu ramai Mahdi palsu sehingga manusia sudah tidak lagi yakin kepada Imam Mahdi yang sebenar sewaktu beliau mula-mula keluar. Untuk meyakinkan manusia bahawa Imam Mahdi yang muncul itu adalah benar-benar Imam Mahdi, dan bukannya Mahdi palsu, maka akan terdengar suara malaikat di atas kepalanya yang menyatakan bahawa Imam Mahdi yang ini adalah sebenar-benar Imam Mahdi, bukan lagi Mahdi palsu yang harus ditolak oleh umat Islam.

Itulah kesannya apabila sudah terlalu ramai Mahdi palsu sehingga apabila Imam Mahdi yang sebenar muncul pun, orang ramai masih lagi ragu-ragu dan tidak meyakininya. Mereka juga masih menganggap Imam Mahdi yang muncul pada kali ini pun adalah Mahdi palsu juga, sama seperti Mahdi-mahdi yang terdahulu daripadanya. Hanya dengan bantuan malaikat yang dapat didengar suaranya itu, barulah ramai yang meyakininya sebagai Imam Mahdi yang sebenar-benarnya, bukan lagi Imam Mahdi palsu seperti dahulu.

24. Perkataan Untuk Pembaiatan

A. Kata tabiin RH,

"Di atas kepada al-Mahdi tertulis kata-kata yang digunakan untuk (melafazkan) baiat."

Selain suara malaikat yang menyatakan kebenaran Imam Mahdi yang muncul ini, tertera ayat-ayat yang akan digunakan untuk membaiat Imam Mahdi itu. Manusia akan membaiat Imam Mahdi menurut ayat yang dilihat itu.

25. Malaikat Menjaga Imam Mahdi

A. Kata sahabat RA,

"Allah menugaskan malaikat seramai 3,000 untuk mengawal al-Mahdi sambil memukul orang yang memusuhi dan menentang al-Mahdi."

B. Dari Huzaifah RA katanya, Nabi SAW bersabda,

"Kalaulah tidak tinggal umur dunia melainkan sehari sahaja lagi, pasti akan dipanjangkan oileh Allah hari itu sehingga didatangkan-Nya seorang lelaki dari ahli keluargaku, yang berdiri malaikat di antara dua tangannya dan dia akan mengembangkan agama Islam."

Imam Mahdi adalah seorang pemimpin umat yang sentiasa mendapat bimbingan, bantuan dan petunjuk daripada Allah SWT sepanjang masa. Pemimpin beginilah yang sepatutnya setiap umat Islam berlumba-lumba mencari dan melantiknya sebagai pemimpin. Jika tidak berbuat demikian, maka kita sendirilah yang akan rugi nanti. Allah tidak akan rugi apa-apa dan Jadual-Nya tetap akan berlaku juga. Kita tahu atau tidak, kita faham atau tidak, kita mahu atau tidak, Jadual-Nya tetap akan berlaku juga, walau dengan apa cara sekalipun.

Selain itu, Allah SWT akan menugaskan seramai tiga ribu atau empat ribu malaikat untuk menjaga, mengawasi, membantu dan membimbing Imam Mahdi. Mereka ini adalah petugas-petugas yang amat taat, tidak pernah tidur, tidak pernah lalai dan tetap menjalankan tugas apabila diperlukan. Mereka tidak pernah meminta upah terhadap apa-apa tugas yang mereka jalankan dan tidak pernah dapat ditipu oleh mana-mana orang pun.

Penugasan malaikat untuk membantu Imam Mahdi ini adalah juga merupakan suatu lambang bahawa Imam Mahdi itu benar-benar Orang Allah. Hanya orang Allah sahaja yang layak mendapat bantuan-Nya yang diturunkan dalam pelbagai bentuk dan cara. Dan keistimewaan Imam Mahdi ialah beliau diserahi dengan tiga ribu atau empat ribu malaikat yang ditugaskan untuk menuruti segala perintahnya.

Dengan bantuan malaikat inilah juga, umat Islam akan dimenangkan setiap kali mereka menentang musuh mereka iaitu orang-orang kafir yang melawan. Malaikat adalah makhluk yang tidak dapat dilihat oleh manusia biasa dan kekuatan mereka adalah amat besar, sebesar yang dikehendaki oleh Allah. Maka mustahil kekuatan malaikat dapat dikalahkan oleh manusia biasa, apatah lagi yang melawannya itu adalah orang-orang kafir yang memusuhi Islam.

26. Umat Nabi Muhammad SAW yang Paling Bahagia

A. Kata sahabat RA,

"Sebahagia-bahagia umat pada masa al-Mahdi adalah bangsa Kufah."

Penunjukan Kufah sebagai tempat dalam asar ini bukanlah menunjukkan benar-benar Kufah yang teretak di negara Iraq sekarang ini. Kufah yang dimaksudkan adalah bangsa Timur, iaitu bangsa Melayu. Penunjukan Kufah ini adalah kias sahaja kerana pada masa dahulu, Kufah itu dianggap sudah terletak di timur Tanah Arab. Jadi, kiasan yang paling hampir dan sesuai disebutkan pada masa itu adalah Kufah. Lagipun Kufah pada masa itu adalah kota pusat perdagangan yang bertaraf antarabangsa. Jadi memang terkenal kota Kufah ini dan mudah pula untuk diterima oleh akal pada masa itu.

Disebutkan bahawa merekalah bangsa yang paling bahagia di dunia ini apabila Imam Mahdi muncul kelak. Ini dikeranakan oleh beberapa faktor yang antaranya adalah,

1. Dari bangsa Melayu itulah lahirnya Imam Mahdi itu sendiri.
2. Dari bangsa Melayu itu jugalah lahirnya Pemuda Bani Tamim.
3. Dari bangsa itu jugalah lahirnya golongan Ikhwan yang setaraf dengan Sahabat RA.
4. Dari bangsa Melayu itulah lahirnya golongan Asoib, yang datang dari Timur.
5. Imam Mahdi dan Pemuda Bani Tamim akan memerintah dunia ini dengan menggunakan dua bahasa iaitu bahasa Arab dan bahasa Melayu. Pada masa itu, seluruh manusia akan bertutur dalam bahasa Melayu dan Arab.
6. Di negara Melayu itulah terletaknya pusat pemerintahan Imam Mahdi, yang dari situlah Imam Mahdi akan memerintah seluruh dunia ini dengan hukum-hukum Islam yang sebenar.
7. Dan nama hampir dua pertiga benua Asia akan dinamakan menurut nama negara mereka iaitu akan disebut dengan nama ***Malaysia Raya***.
8. Di sanalah Imam Mahdi meninggal dunia dan dimakamkan (yang disebutkan sebagai ***Madinah***).

27. Pasukan Tentera Dari Syam

A. Sabda Nabi SAW,

"Setelah (Imam Mahdi) dibaiat (di Makkah), datanglah pasukan perang dari Syam tetapi pasukan ini terbenam ke dalam bumi di Padang (al-Baidak) dekat Zul Hulaifah."

Hadis ini telah dihuraikan maksudnya dengan panjang lebar pada bahagian-bahagian sebelum ini. Hadis ini adalah bersifat menjelaskan lagi maksud yang hendak disampaikan oleh baginda SAW atau mengulang-ulang semula pernyataan yang pernah dibuat. Apabila sesuatu perkara itu diulang-ulang sebut, maka perkara yang disebutkan itu adalah perkara besar dan penting, terutama bagi kita yang hidup pada masa ini.

28. Maksud Sebenar Imam Mahdi

A. Abdullah bin Umar RA mendengar ada seorang Arab menyebutkan di hadapannya bahawa Al-Mahdi itu adalah Khalifah Muawiyah bin Abi Sufian. Abdullah RA (menjelaskan dengan) berkata,

"Itu bukanlah seperti yang kamu kata. Al-Mahdi adalah orang yang Nabi Isa AS

bersembahyang di belakangnya."

(Ibnu Tawus)

Sayidina Abdullah bin Umar RA adalah salah seorang sahabat besar yang sangat alim dan mendalam ilmunya terhadap setiap persoalan agama Islam, juga sangat peka terhadap setiap perubahan yang berlaku pada zamannya. Oleh itu, beliau dengan mudah dan tegas menjelaskan bahawa orang yang bergelar Imam Mahdi adalah orang yang lebih hebat keperibadian dan pemerintahannya daripada Sayidina Muawiyah bin Abi Sufian sehingga Nabi Isa AS yang bertaraf rasul Ulul Azmi itupun bersembahyang di belakangnya sebagai makmum. Nabi Ilyas AS yang juga seorang rasul itupun turut menjadi makmum kepada Imam Mahdi. Khidir AS juga tidak pernah menjadi imam sembahyang kepada Imam Mahdi, sebaliknya hanya menjadi salah seorang makmum sahaja kepada Imam Mahdi. Orang yang mampu mencapai tahap sedemikian hebat itu, barulah dapat dikira sebagai Imam Mahdi. Kelebihan Imam Mahdi yang satu ini tidak mampu dicapai oleh sesiapa pun, termasuk kalangan Sahabat Rasulullah SAW sendiri, seperti Sayidina Muawiyah bin Abi Sufian RA.

Secara tidak langsung juga Sayidina Abdullah bin Umar RA menjelaskan maksud sebenar Imam Mahdi iaitu apabila dia memerintah, seluruh pemimpin lain, sama ada yang Islam mahupun yang tidak Islam, akan tunduk semuanya di bawah pemerintahan beliau. Malah orang-orang yang bertaraf rasul dan Ulul Azmi pun hanya boleh menjadi makmum kepada beliau. Itulah maksud sebenar Imam Mahdi yang dikehendaki oleh baginda Rasululllah SAW dalam sekian banyak hadis yang menceritakan mengenainya.

Tahun-tahun Awal Pemerintahannya

1. Pusat Pemerintahan Imam Mahdi

A. Sabda Nabi SAW,

"Orang ramai daripada Timur (Pemuda Bani Tamim benar-benar) akan muncul, kemudian menyerahkan kekuasaannya kepada al-Mahdi."

Hal ini sudahpun dijelaskan dalam bahagian-bahagian sebelumnya, walaupun dengan keterangan dan huraian yang agak ringkas. Oleh itu, penulis tidak bercadang memanjangkan perkataan mengenainya lagi di sini.

2. Manusia Mengerumuni Imam Mahdi

A. Sabda Nabi SAW,

"Umat manusia akan mencari dan mengerumuni al-Mahdi seperti lebah mengerumuni madunya. Keadilan al-Mahdi meratai seluruh alam, seperti sebelumnya bumi dipenuhi dengan penyelewengan. Pada masa ini, umat manusia menjadi seperti pada masa kanak-kanaknya, selalu bermain dan tidak pernah menumpahkan darah"

Pemimpin adalah bapa kepada rakyat dan rakyat adalah anak kepada pemimpin. Pemimpin mesti menganggap rakyatnya perlu ditarik ke jalan yang betul seperti orang menarik haiwan ternakan ke padang yang betul, bukannya ke arah jurang yang dalam atau ke padang pasir yang tandus. Pemimpin yang adil adalah pemimpin yang mendapat tempat paling besar dalam hati sekalian rakyat, tidak kira usia atau bangsa. Pemimpin yang adil adalah pemimpin yang rakyat taat kepadanya tanpa perlu disuruh-suruh atau dibentak-bentak. Pemimpin yang adil adalah orang yang dicontohi segala perihalnya oleh rakyat, sama ada yang zahirnya mahupun yang batinnya. Pemimpin yang adil adalah orang yang paling dicintai dan disayangi, lebih daripada anak-anaknya sendiri.

Pemimpin yang adil adalah pemimpin yang membawa keamanan dan kebahagiaan hakiki kepada rakyatnya sehingga mereka tidak memerlukan apa-apa pun lagi selain beribadat kepada Allah SWT. Keadilannya begitu merata sehingga seorang penduduk yang tinggal nun jauh di ceruk kampung pun mendapat perhatian yang sewajarnya daripada pemimpinnya tadi. Pemimpin yang adil adalah pemimpin yang dapat mendekatkan hati rakyatnya kepada Allah SWT sedekat-dekatnya, dapat meninggikan iman rakyatnya setinggi-tingginya, dapat menaikkan Islam ke tempat yang semulia-mulianya dan mampu menguruskan seluruh urusan rakyatnya sehingga kepada yang sekecil-kecilnya.

Hal ini mustahil dapat dilakukan oleh sesiapa pun melainkan oleh seorang pemimpin yang bertaraf Orang Allah. Hanya pemimpin yang bertaraf ini sahaja yang akan diberi kesanggupan oleh Allah untuk menguruskan segala hal urusan manusia yang dipimpinnya kerana hakikatnya mereka hanyalah mentadbir sebagai seorang wakil sahaja, iaitu Wakil Allah. Hakikatnya yang mentadbir itu adalah Allah SWT, bukannya mereka. Maka dimampukan-Nyalah orang-Nya untuk mentadbir sesebuah negara, malah sehingga ke seluruh dunia ini sekalipun. Itulah rahsia sebenar kejayaan kepemimpinan seorang pemimpin yang bertakwa. Hal ini memang sudah terlindung daripada pandangan ahli-ahli sejarah Islam dan sejarawan dunia kerana ilmu-ilmu seperti ini tidak Allah wariskan kepada golongan-golongan yang seperti itu. Hanya Orang-orang Allah sahaja yang akan diberikan nikmat pengetahuan tentangnya.

3. Imam Mahdi dan Baitulmaqdis (Jerusalem)

A. Sabda Nabi SAW,

"Seorang lelaki daripada umatku akan keluar lalu bercakap berdasarkan sunnahku, dan Allah yang Maha Besar lagi Maha Perkasa akan menurunkan hujan dari langit (dengan banyaknya) sehingga bumi mengeluarkan segala isinya. Melaluinya dunia ini akan dipenuhkan dengan keadilan dan kesaksamaan seperti sebelumnya yang dipenuhi dengan penindasan dan kekejaman. Dia akan memerintah umat ini selama tujuh tahun, lalu pergi (berhijrah) ke Baitulmaqdis."

Lelaki yang dimaksudkan itu adalah Imam Mahdi. Bercakap berdasarkan sunnah itu maksudnya ialah mengamalkan apa yang diucapkannya, bukan semata-mata mengucapkan tanpa diamalkan. Juga bermaksud akidahnya adalah tepat seperti akidah Rasulullah SAW dan para Sahabat RA. Juga bermaksud amalannya lebih banyak daripada cakapnya kerana beliau tidak suka bercakap mengenai sesuatu melainkan beliau telah amalkannya terlebih dahulu. Hal ini amatlah sukar untuk dipraktiskan pada zaman ini oleh kebanyakan orang, sama ada para ulamanya mahupun para pemimpinnya.

Kerana keadilan pemeirntahannya, Allah SWT turunkan keberkatan dari langit dan dari dalam bumi, dari tanam-tanamannya, ternakannya dan harta bendanya. Ini boleh berlaku dengan izin-Nya dan dengan berkat keramat pemimpin yang bertakwa itu. Pemerintahannya sentiasa dibantu oleh Allah sehingga jadilah beliau seorang pemimpin yang sangat adil dan saksama sepanjang pemerintahannya. Lama pemerintahannya selepas Dajjal dibunuh adalah selama tujuh hingga sembilan tahun, iaitu menurut kadar pada masa itu, bukan menurut zaman kita sekarang ini. Tempat hijrah beliau, iaitu tempat tinggalnya selepas keluar dari kota Makkah ialah ke Baitulmaqdis.

4. Imam Mahdi Menguasai Harta-benda

A. Sabda Nabi SAW,

> *"Pada kurun-kurun akhir umatku nanti, akan muncul seorang Khalifah yang amat mudah mendapat harta-benda (tanpa perlu apa-apa usaha pun) dengan jumlah yang tidak terkira banyaknya."*

B. Kata Abu Nadrah, kami bersama-sama dengan Jabir bin Abdullah RA, lalu dia berkata:

> "*Akan terjadi penduduk Iraq tidak menghantar bahan makanan dan dirham mereka*." Kami bertanya, "*Dari arah mana*?" Jawabnya, "*Dari arah bukan Arab, yang menahannya*." Kemudian dia berkata lagi, "*Aku syak bahawa penduduk Syam juga tidak menghantar dinar dan mud mereka*." Kami bertanya, "*Dari arah mana datangnya*?" Jawabnya, "*Dari arah Rom*." Kemudian dia diam seketika, kemudian berkata, "Telah bersabda Nabi SAW, "***Akan berlaku pada akhir zaman seorang khalifah yang menyebarkan harta sebanyak-banyaknya tanpa mengira-ngiranya***." Aku bertanya kepada Abu Nadrah dan Abu al-A'ala, "*Kami menyangka dia itu adalah Umar bin Abdul Aziz*." Jawabnya, "*Bukan.*" (Muslim)

C. Sabda Nabi SAW,

> *"Pada akhir umatku nanti, Al-Mahdi akan muncul yang dengannya Allah akan menurunkan hujan (yang lebat) sehingga bumi mengeluarkan tumbuh-tumbuhannya. Dia akan menyebarkan harta-benda secara saksama, lembu-lembu ternak akan bertambah dan umat ini menjadi besar. Dia akan hidup selama tujuh atau lapan (tahun)."*

Kemuncak kegemilangan umat Islam adalah semasa Imam Mahdi memerintah, iaitu sejurus sebelum Dajjal keluar dan selepas Dajjal mati dibunuh. Pada masa itu, iaitu selepas Dajjal mati dibunuh oleh Nabi Isa AS, seluruh umat manusia di seluruh dunia akan memeluk Islam sebagai agama mereka sehingga hampir-hampir tiada lagi di atas dunia ini orang-orang kafir. Ini dikeranakan pemerintahan Imam Mahdi itu amat adil sehingga manusia nampak nyata kebenaran dan kebesaran agama Islam di dalam setiap hal di atas muka bumi ini. Tiada lagi yang lebih besar dan nyata melainkan Islamlah satu-satunya.

5. Harta Karun Keluar Melimpah-limpah

A. Kata sahabat RA,

> *"Pada zaman al-Mahdi, perut bumi akan mengeluarkan galian-galian yang berharga (dan bermutu tinggi) seperti gumpalan-gumpalan emas dan perak."*

B. Apabila Khalifah Umar bin Abdul Aziz disebutkan di hadapan Matar Al-Warrak, dia berkata,

"Itu mengingatkan kita bahawa Al-Mahdi akan melakukan sesuatu yang Umar bin Abdul Aziz tidak lakukan." Lalu dia pun ditanya, "Apakah itu?" Jawabnya, "Seorang lelaki datang menemuinya lalu meminta (harta), lalu disuruh masuk ke perbendaharaan dan mengambilnya. Dia pun masuk kemudian keluar (dengan membawa harta-benda yang banyak) tetapi apabila dia melihat orang ramai, dia pun berasa malu lalu kembali dan berkata, "Ambillah kembali apa yang kamu telah beri kepadaku." Tetapi dia (Al-Mahdi) menolak sambil berkata, "Kami memberi, tetapi kami tidak menerima kembali."

Kedua-dua riwayat ini adalah lanjutan kepada penerangan yang telah diberikan sebelum ini. Keberkatan yang dinikmati oleh manusia pada masa itu sudah lama hilang daripada kita sehingga ramai yang akan mempertikaikan apa yang dinyatakan itu, termasuk dari kalangan yang bertaraf cerdik pandai agama. Kalau orang kampung atau orang yang jahil agama berkata demikian, kita tidaklah berapa hairan sangat. Jika yang mempertikaikan hal ini adalah orang yang pernah mengaji agama sehingga ke peringkat yang tinggi, maka kita sebenarnya amatlah berasa hairan.

Namun, daripada ini kita dapatlah katakan bahawa keberkatan yang dimaksudkan itu sebenarnya sudah terlalu jauh daripada kita sehingga apa yang digambarkan dalam dua buah ungkapan ini dirasakan seperti cerita-cerita dongeng dalam Hikayat Seribu Satu Malam, bukan pada realitinya. Kita sudah tidak mengerti apa itu berkat, bagaimana bentuk dan caranya. Yang kita faham ialah berkat dalam doa sahaja, atau berkat orang-orang tua dan alim, atau di kalangan orang-orang berbangsa Jawa, berkat ialah hadiah semasa kenduri perkahwinan.

6. Galian-galian Keluar Berketul-ketul dan Bergumpal-gumpal

A. Dari Abu Hurairah RA berkata, Rasulullah SAW bersabda,

"Bumi akan mengeluarkan ketulan-ketulan emas dan perak dari dalam perutnya seperti tiang-tiang." Sabdanya lagi, "Lalu seorang pencuri datang (dengan tujuan mahu mengambil harta itu) kemudian berkata (kepada dirinya), "Kerana mencuri inilah tanganku akan dipotong." Pembunuh datang (dengan tujuan mahu mengambil harta itu) kemudian berkata, "Kerana mencuri inilah aku akan dibunuh." Pemutus tali persaudaraan datang (dengan tujuan mahu mengambil harta itu) kemudian berkata, "Kerana mencuri inilah aku akan memutuskan lagi tali persaudaraanku." Kemudian ketiga-tiga mereka meninggalkannya dan tidak mengambil sedikit pun daripadanya."

(Ibnu Majah)

Hadis ini juga adalah penjelasan lanjut terhadap ungkapan yang disebutkan sebelum ini. Hanya bezanya, yang ini adalah hadis (yang ternyata keluarnya awal daripada ungkapan tabiin) dan yang terdahulu sebutnya itu adalah asar tabiin sahaja. Dari segi itu, diharap tidaklah disalah mengerti. Hanya dari segi tajuk-tajuk dalam buku ini sahaja yang dikatakan terdahulu dan terkemudian, bukan dari segi masa keluarnya ucapan atau ungkapan itu.

Manusia pada masa itu sudah menjadi terlalu kaya hati dan kaya harta benda sehingga pencuri pun tidak mahu mengambil harta yang berlonggok di tengah jalan lalu dikuisnya sahaja dengan kaki dan ditinggalkan begitu sahaja. Begitu juga setiap orang yang lalu-lalang di situ, tidak mahu mengambilnya walaupun hanya sebutir permata yang kecil sahaja. Masing-masing lebih mengutamakan keperluan orang lain yang (pada pandangan mereka) lebih memerlukan harta itu daripada mereka. Juga kerana mereka lebih mementingkan menjaga syariat, walaupun pada perkara yang kecil-kecil sahaja pada pandangan kita hari ini. Mereka juga menjadi begitu kerana amat menjaga hubungan hati mereka dengan Allah SWT walaupun pada ketika tidak ada orang yang melihatnya, dan kesempatan untuk memilikinya sudah cukup luas dan terbuka.

7. Khazanah Baitullah Dibahagi-bahagikan

A. Sabda Nabi SAW,

"Tinggalkanlah bangsa Habsyi apabila mereka meninggalkan kamu semua. Sesungguhnya harta simpanan di Kaabah tidak akan dapat dikeluarkan melainkan dengan dua kekuatan."

(Abu Daud, Ahmad, al-Bukhari & Muslim)

B. Kata sahabat RA,

"Al-Mahdi akan membahagi-bahagikan senjata dan harta yang diperolehnya daripada Baitullah untuk Jihad fi Sabilillah. Rasulullah SAW menjelaskan kepada Umar RA mengenai penyataan al-Mahdi itu, "Saya tidak tahu, apakah saya akan menyimpan senjata dan harta tadi atau akan membahagi-bahagikannya."

Imam Mahdi adalah orang yang diberikan kekuasaan penuh untuk membahagi-bahagikan harta simpanan Kaabah dan kelebihan Imam Mahdi yang satu ini tidak dimiliki oleh sesiapa pun, termasuk oleh Nabi SAW sendiri. Hal ini bukanlah bermaksud Imam Mahdi lebih istimewa daripada Nabi SAW, tetapi sebagai suatu kurniaan Allah SWT sahaja, kerana selepas Imam Mahdi, memang sudah tidak ada orang lain lagi yang akan memerlukannya, maka tidak perlu lagilah disimpan sahaja. Kerana itu, Imam Mahdi diberi keupayaan untuk mengeluarkan seluruh harta yang disimpan di Kaabah itu untuk apa-apa tujuan yang dirasakannya perlu pada masa itu.

8. Khazanah Purba di Antokiah

A. Kata Kaab Al-Akhbar RH,

"Al-Mahdi akan mengeluarkan Peti Tabut (Bani Israel) daripada bandar Antokiah."

B. Kata tabiin RH,

"Peti Tabut (yang dikeluarkan) dari Laut Tibriyah akan berada di tangan Al-Mahdi. Dia membawanya dan diletakkan di Baitulmaqdis. Jika orang-orang Yahudi melihat peti tersebut, maka mereka akan memeluk Islam, melainkan sebilangan kecil sahaja."

C. Kata Tamim Ad-Dari RA,

"Aku bertanya, "Wahai Rasulullah, aku tidak pernah melihat sebuah kota Rom (yang cantik) seumpama kota Antokiah dan aku tidak pernah melihat hujan (lebat) yang turun seperti yang ada di sana." Apabila baginda SAW mendengarnya, baginda pun bersabda, *"Benar, kerana Kitab Taurat, Tongkat Nabi Musa, Peti Tabut dan singgahsana Nabi Sulaiman berada di dalam guanya. Tidak sedikit awan yang datang dari pelbagai arah kepadanya lalu menurunkan hujan di lembah itu."*

Ini adalah satu lagi kelebihan yang diberikan oleh Allah kepada Imam Mahdi, yang tidak didapat oleh orang-orang lain di dunia ini sebelumnya. Walaupun semua kenyataan ini dibuat oleh tokoh Islam yang dikenali oleh ramai sebagai pembawa kisah-kisah Israiliyat, hal ini tidaklah bermakna ungkapan mereka ini harus dibiarkan begitu sahaja. Sebabnya Tamim Ad-Dari RA hanya meriwayatkan apa yang telah disebutkan oleh baginda Rasulullah SAW sendiri, bukannya reka-rekaan beliau dan bukan pula diambil daripada kisah-kisah Israiliyat.

9. Umat Islam Menjadi Kaya Hati

A. Sabda Nabi SAW,

"Al-Mahdi akan membuatkan hati umat Muhammad SAW berasa sangat kaya."

B. Dari Jabir Ra, katanya Rasulullah SAW bersabda,

"Akan ada pada akhir (zaman nanti) seorang khalifah yang akan membahagi-bahagikan harta tanpa menghitungnya."

(Muslim)

Nyatalah bahawa Imam Mahdi itu adalah orang yang diutuskan oleh Allah SWT untuk membawa keadilan kepada seluruh manusia dan mengembalikan berkat kepada bumi ini dan para penghuninya. Kerana keberkatan itulah juga manusi akan menjadi manusia yang kaya hati mereka daripada mahu membolot harta dunia sebanyak-banyaknya. Mereka akan menjadi umat yang bersatu hati, tidak mahu lagi bergaduh-gaduh seperti dahulu, tidak mahu lagi berebut-rebut sesuatu apa pun, tidak mahu lagi memutuskan persaudaraan kerana hal yang kecil-kecil, tidak lagi mahu menjadi umat yang berpecah-belah kerana mempertikaikan masalah yang halus-halus dan seterusnya.

Memang manusia yang hidup pada masa itu kaya-kaya belaka, terutamanya selepas kematian Dajjal yang dibunuh oleh Nabi Isa AS. Tidak ada lagi apa-apa pun yang lebih mereka inginkan daripada sujud kepada Allah SWT sehinggakan nilai sujud pada masa itu adalah lebih berharga kepada mereka daripada bumi ini dan sekalian isinya. Begitu hebatnya iman mereka pada masa itu jika hendak dibandingkan dengan iman kita pada hari ini, yang nyata amat jauh ketinggalan ke belakang.

Kita pada hari ini, tengah-tengah sujud pun masih lagi ingatkan harta benda dunia dan masih sibuk lagi memikirkan cara-cara untuk mendapatkannya. Paling baik pun di kalangan kita ialah yang meminta diberikan harta atau ditambahkan lagi harta yang telah sedia ada padanya. Itu yang paling baik di kalangan kita pada hari ini, dari kalangan orang-orang awamnya. Yang terlalu sibuk mengumpulkan harta dunia sehingga tidak sempat sembahyang pun amatlah ramai jumlahnya. Malah yang lebih teruk lagi ialah yang terlalu asyik mengumpulkan harta sehingga tidak ingat lagi bagaimana caranya untuk bersembahyang. Yang tidak pernah sembahyang pun ada, kerana *terlalu lekat hatinya* pada harta dunia yang dikejar-kejarnya itu. Harta dunia itu pula sifatnya, semakin dikejar semakin jauh melarikan diri daripada orang yang mengejarnya. Semakin dikejar, semakin jauh larinya.

Imam Mahdi pula bersifat tidak pernah mengejar dunia. Dan harta dunia ini sifatnya, apabila tidak dikejar oleh seseorang, maka harta dunia itu pula yang menyerahkan dirinya kepada orang itu. Semakin tinggi takwa orang itu kepada Allah, semakin banyak harta dunia itu menyerahkan diri kepadanya, terutama kepada orang yang bertaraf pemimpin. Sebab itulah Imam Mahdi itu tidak perlu berusaha susah payah mendapatkan harta dengan segala macam cara yang dilakukan seperti amalan mana-mana kerajaan pada hari ini. Segala macam cukai dan sumber dicari dan digali supaya dapat harta, namun tidak juga banak-banyak harta yang didapatnya itu. Imam Mahdi tidak mengenakan sebarang cukai kepada manusia, hanya beberapa cukai tertentu sahaja yang masih dikekalkan, iaitu cukai-cukai yang berbentuk syarak, bukan cukai yang bersiat keduniaan.

Selain cukai-cukai syarak yang telah diwajibkan oleh sunnah, semua bentuk cukai dan

bayaran akan dihapuskan sama sekali sehingga manusia menjadi bebas daripada segala macam pembayaran yang mesti dijelaskan seperti sebelumnya. Imam Mahdi adalah lebih kaya daripada segala yang ada itu sehingga beliau tidak memerlukan lagi sebarang bentuk cukai dan pembayaran. Dan, oleh kerana pemimpinnya sendiri begitu zuhud dengan harta yang ada, maka rakyat pun akan turut sama zuhud, seperti zuhudnya pemimpin mereka. Mereka bukan tidak membuat kemajuan, malah mereka jauh lebih maju daripada yang mampu dicapai oleh tamadun Barat pada hari ini. Hanya mereka adalah golongan yang zuhud dalam erti kata yang sebenarnya, tepat seperti yang dituntut oleh syarak.

10. Hak Orang yang Dizalimi Dikembalikan

A. Kata tabiin RH,

> *"Al-Mahdi mampu mengembalikan hak orang yang pernah dizalimi, sehingga sekiranya di dalam mulut seseorang ada bekas kata-kata yang digunakan untuk berbuat zalim, maka kata-kata itu akan dikoyakkan dan ditampar semula ke mukanya."*

Keramat Imam Mahdi amat besar dan luas sehingga boleh mengoyakkan kata-kata zalim dari mulut orang yang berkata zalim itu lalu ditamparkan semula ke mukanya. Itulah balasan terhadap orang yang berbuat zalim dengan lidah. Jika berbuat zalim dengan anggota lain juga, akan dibalas pada masa itu juga. Akhirnya tiada lagi di dunia ini orang yang akan berbuat zalim, sama ada pada mulut atau pada anggota badan yang lain.

Yang dimaksudkan dengan keramat Imam Mahdi itu ialah dapat melihat bekas kezaliman seseorang yang dilakukan semasa beliau memerintah, bukan pada zaman sebelumnya. Dengan firasat yang terang dan hebat inilah Imam Mahdi dapat mentadbir setiap manusia dengan baik dan adil sehingga sebarang bentuk kezaliman akan terhapus sama sekali. Tiada siapa lagi yang berani berbuat sebarang bentuk kezaliman, walaupun dalam jarak yang amat jauh daripada Imam Mahdi.

11. Tempoh Pemerintahan Imam Mahdi

A. Kata tabiin RH,

> *"Al-Mahdi akan berada di tengah-tengah umat Islam selama 39 tahun. Ketika itu, orang yang masih kecil berkata, "Aduhai, aku (merasakan diri aku ini) seperti orang (yang telah) besar." Manakala orang-orang dewasa/tuanya pula berkata, "Aduhai, aku (merasakan diri aku ini masih) seperti kecil lagi."*

B. Kata tabiin RH,

> *"Al-Mahdi hidup selama 40 tahun."*

C. Kata tabiin RH,

> *"Al-Mahdi hidup selama 30 tahun."*

D. Kata tabiin RH,

> *"Al-Mahdi hidup selama 14 tahun."*

E. Kata tabiin RH,

> *"Sesungguhnya al-Mahdi akan tinggal di Baitulmaqdis (dan memerintah dunia dari sana) selama 14 tahun."*

F. Kata tabiin RH,

> *"Al-Mahdi hidup selama 40 tahun dan meninggal dunia di atas tempat tidurnya."*

Semua penyataan di atas adalah benar. Yang berbeza itu hanyalah dari sudut mana mereka melihatnya. Melalui sudut pandangan yang berbeza itulah mereka menyatakan tempoh pemerintahan Imam Mahdi ke atas dunia ini. Jika kita telah benar-benar memahami pokok pemerhatian asasnya, maka dengan mudah pula kita dapat menerima semua penyataan ini, tanpa ragu-ragu dan tanpa banyak soal. Semua berita ini adalah sebagai menjelaskan tahap-tahap pemerintahan Imam Mahdi sahaja. Adapun yang muktamadnya adalah di tangan Allah SWT.

12. Haiwan dan Tumbuh-tumbuhan Menjadi Amat Berkat

A. Sabda Nabi SAW,

> *"Al-Mahdi akan datang ke tengah-tengah umatku. Dia dilahirkan oleh Allah untuk membuatkan umatku menjadi sangat kaya, membuatkan mereka hidup sejahtera, binatang-binatang ternak menjadi sangat biak, tumbuh-tumbuhan menjadi makmur dan (dia juga) akan membahagi-bahagikan harta-benda kepada umat manusia secara adil."*

Hadis ini menjelaskan perkara yang telah disebutkan sebelumnya, dan merupakan pengulangan daripada kenyataan-kenyataan dalam bahagian yang terdahulu. Oleh itu, tidak perlulah diperpanjangkan lagi di sini.

13. Harta Juga Menjadi Berkat

A. Sabda Nabi SAW,

> *"Sungguh Allah akan melahirkan seorang lelaki daripada keturunanku, yang (antara sifat utamanya ialah) giginya berjarak, dahinya lebar, keadilannya sangat meliputi seluruh alam dan akan mendapatkan harta-benda dengan melimpah-limpah."*
>
> (Abu Nuaim)

B. Dari Abu Said Al-Khudri RA katanya, Nabi SAW bersabda,

> *"Dia akan memnuhkan bumi ini dengan keadilan dan kesaksamaan seperti sebelumnya yang dipenuhi dengan kekejaman dan penindasan. Seluruh penduduk langit dan bumi amat berpuas hati dengan (pemerintahan)nya dan dia akan mengagihkan harta benda secara saksama." Para sahabat bertanya apakah yang dimaksudkan dengan saksama itu? Rasulullah SAW menjawab, "Sama rata antara semua orang, dan Allah akan menjadikan hati setiap umat Muhammad kaya-raya, dan keadilannya amat memuaskan hati mereka sehingga dia menghantar seorang petugasnya untuk bertanya, "Siapakah (lagi) yang mahukan harta?" Tiada seorang pun yang mahukan harta yang dimaksudkan melainkan seorang yang berkata, "Saya." Katanya, "Pergilah*

ke perbendaharaan dan beritahunya bahawa Al-Mahdi menyuruhnya memberikan (dia) harta benda." Pegawai perbendaharaan itu berkata, "Ambillah sekehendakmu." Lalu dia pun mengambil harta itu sepenuh pakaiannya lalu mengikatnya. Kemudian dia berasa bersalah lalu berkata, "Akulah umat Muhammad yang paling tamak." Dia berhasrat memulangkan semula (harta tersebut) tetapi tidak diterima, sambil (Al-Mahdi) berkata, "Kami tidak akan menerima semula apa-apa yang telah kami berikan." Al-Mahdi tinggal memerintah selama tujuh, lapan atau sembilan tahun. Kemudian tiada lagi kehidupan yang lebih baik daripada masa itu."

(Abu Daud, Ibnu Hibban, At-Tarmizi, Ahmad, At-Tabrani & Abu Nuaim)

Hadis ini juga adalah sambungan kepada penerangan bahagian yang sebelum ini. Oleh itu, rasa-rasanya tidak perlu juga diperpanjangkan lagi di sini.

14. Pemerintahan Yang Diredai Oleh Semua

A. Sabda Nabi SAW,

"Kulit Al-Mahdi adalah seperti orang-orang Arab, bentuk tubuhnya adalah seperti bentuk tubuh orang Israel, pipi kanannya bertahi lalat dan kekhalifahannya diredhai oleh penduduk bumi, penduduk langit dan burung-burung di angkasa."

(Abu Nuaim & At-Tabrani)

Sebab apakah pemerintahan Imam Mahdi diredai oleh seluruh penduduk bumi dan langit? Sebabnya ialah Imam Mahdi adalah orang yang diredai oleh Allah SWT. Apabila seseorang itu telah diredai oleh Allah, maka seluruh makhluk pun, sama ada di langit mahupun di bumi, pasti akan turut sama meredainya. Hanya manusia sahaja yang tidak berapa jelas akan hal ini. Setelah mendapat petunjuk dari Allah sahaja, barulah seseorang itu akan diredai oleh seluruh manusia pula.

Berdasarkan ini pulalah kita ambil kesimpulan bahawa kita wajib mencari seorang pemimpin yang benar-benar diredai oleh Allah untuk memimpin kita. Bukan sebarang-barang orang boleh kita pilih sebagai pemimpin, dengan harapan orang itu akan membawa kita kepada Allah, sedangkan dia sendiri pun tidak berapa kenal dengan Allah. Apakah seorang pemimpin yang begini sifatnya akan dapat diharapkan dapat membawa kita kepada Allah? Kita tidak boleh mencari seseorang sebagai pemimpin kita semasa kita sukakan dia, dan mencampakkannya ke belakang kita apabila kita sudah tidak sukakannya lagi.

Sifat seperti ini bukanlah sifat seorang mukmin sejati. Dalam konteks pemerintahan berkhalifah, pemimpin bukannya boleh ditukar ganti seperti kita menukar kain dan menyalin baju. Sekali kita membaiat seseorang sebagai pemimpin, baiatnya akan terus berjalan sehinggalah salah seorang daripadanya atau kedua-duanya mati. Pemimpin yang memimpin kita semasa di dunia ini

adalah juga seorang yang akan memimpin kita di dalam kubur dan juga di akhirat kelak. Apakah kita hanya mencari seorang pemimpin yang hanya memimpin kita semasa di dunia sahaja dan tidak ada sangkut paut dengan kita semasa di akhirat kelak? Ingat, pemimpin yang akan memimpin kita di akhirat adalah lebih utama dan lebih perlu daripada pemimpin kita semasa kita hidup di dunia sahaja.

Jika pemimpin yang kita sayangi itu bukan merupakan orang Allah, sudah pasti masa depannya di akhirat sana samar-samar. Jika dia bernasib baik dimasukkan ke dalam syurga, kita pun akan turut bernasib baik mendapat syafaat darinya untuk turut dimasukkan ke syurga juga. Jika nasibnya buruk sekali kerana terpaksa dicampak ke neraka, maka kita pun turut terancam kerana ada kemungkinan kita pun akan turut ke neraka. Bukankah Nabi SAW sudah menyebutkan bahawa setiap orang itu di akhirat kelak akan mengikut orang yang disayanginya? Jika pemimpinnya ke syurga, dia akan dapat tiket mudah untuk ikut serta. Dan jika pemimpinnya ke neraka, dia pun akan turut sama.

Dan itulah sebabnya pemerintahan Imam Mahdi diredai oleh seluruh penduduk bumi dan penduduk langit, kerana keberadaannya di kalangan umat manusia, bukan sekadar berfungsi memimpin zahir manusia, malah beliau juga adalah pemimpin hati mereka, pemimpin agama mereka, pemimpin yang akan memimpin seluruh manusia semasa berada di Padang Mahsyar kelak dan juga pemimpin mereka semasa berada di dalam syurga nanti. Imam Mahdi adalah pemimpin di dunia, pemimpin di akhirat dan pemimpin di dalam syurga. Itulah sifat-sifat sebenar seorang pemimpin sejati. Seorang pemimpin sejati seperti Imam Mahdi, apabila beliau telah meredai seseorang maka orang itu ada harapan besar untuk turut masuk ke syurga, dan orang yang meredainya juga ada harapan yang besar untuk diikutsertakan masuk sama ke dalam syurga. Itulah rahmat Tuhan yang sangat luas kepada manusia pada akhir zaman, jauh lebih luas daripada keseluruhan luas kolong langit ini.

15. Imam Mahdi Berhijrah

A. Kata sahabat RA,

"Tempat hijrah al-Mahdi adalah Baitulmaqdis."

Imam Mahdi adalah pemimpin seluruh manusia. Ucapan sahabat RA ini tidaklah bersalahan dengan apa yang telah disabdakan oleh Rasulullah SAW sebelumnya mengenai hal yang sama. Memang secara zahirnya nampak amat berbeza daripada apa yang disabdakan oleh Rasulullah SAW. Apakah dengan hanya memahami maksud zahirnya semata-mata maka kita pun lekas-lekas menghukumkan bahawa sahabat RA ini telah mengingkari apa yang telah disabdakan oleh baginda SAW? Apakah para sahabat RA tidak mengetahui akan hadis lain yang menentuh mengenai Imam Mahdi?

Apakah hanya dengan menilai maksud zahirnya sahaja, maka kita menghukumkan bahawa ungkapan sahabat RA ini sebagai maudhuk atau syaz? Nyatalah bahawa sebenarnya ilmu kita yang amat sedikit, kefahaman kita yang terlalu nipis, hukuman kita yang terlalu terburu-buru nafsu dan pandangan kita yang terlalu sempit. Riwayat ini tidaklah salah, matannya adalah jelas dan tidak mungkin salah terima atau berlaku sebarang syaz.

Imam Mahdi sebenarnya mempunyai beberapa kediaman dan mampu sahaja untuk tinggal di beberapa buah tempat di mana-mana pun di atas dunia ini. Seluruh dunia ini adalah milik beliau untuk diperintah dan dikuasai. Beliau juga adalah orang yang Allah telah redai, sama ada di dunia ini mahupun di akhirat sana. Maka orang yang sebesar dan semulia beliau itu, tidaklah mustahil untuknya membina beberapa buah rumah sekali gus di mana-mana sahaja. Hal sebegini pun tidaklah asing pada kita yang hidup sekarang. Telah terbukti beberapa orang pemimpin besar dunia memiliki beberapa buah rumah sekali gus di beberapa buah negara asing. Maka apakah salahnya Imam Mahdi yang nyata lebih mulia dan bertakwa itu memiliki apa yang pernah dimiliki oleh pemimpin lain yang tidak Allah redai?

Maksud tempat hijrahnya itu bukanlah bermaksud Imam Mahdi akan berhijrah ke Baitulmaqdis seperti kita berhijrah ke sesuatu tempat. Pusat pemerintahannya tetaplah di Timur, tidak lain dan tidak bukan. Yang dimaksudkan beliau berhijrah ke Baitulmaqdis ialah beliau akan membina kediaman baru di Baitulmaqdis setelah kawasan suci itu berjaya diambilnya semula daripada orang-orang Yahudi, sebagai lambang kemenangannya ke atas bangsa Israel itu. Dengan hijrahnya beliau ke tanah suci itu, beliau akan membina pusat pemerintahan kedua di situ dan menempatkan salah seorang puteranya untuk memerintah dunia sebelah sana, berpusat di Baitulmaqdis. Beliau akan terus kekal memerintah di Timur kerana pemerintahannya di situ sudah ditetapkan oleh hadis-hadis.

Selain itu, dimaksudkan berhjrah ke sana adalah beliau akan meninggalkan pusat pemerintahannya di Timur untuk tempoh yang agak lama. Sebabnya, selepas berjaya mengambil semula Baitulmaqdis daripada orang-orang Yahudi, beliau akan merancang dan merangka serangan ke atas Eropah secara besar-besaran. Peperangan terhadap Eropah itu akan berlangsung selama lebih dua puluh tahun, menurut ukuran kita pada zaman sekarang atau tujuh tahun menurut ukuran pada zaman Imam Mahdi itu. Peninggalannya yang agak lama itu dapat disamakan bahawa seolah-olahnya beliau berhijrah ke Baitulmaqdis.

16. Menyeru Manusia ke Jalan yang Benar

A. Sabda Nabi SAW,

"Al-Mahdi akan memerangi umat manusia sehingga mereka kembali ke jalan yang benar."

Hadis ini menyatakan bahawa Imam Mahdi akan menegakkan Islam secara tulen, sama seperti yang dibawa dan dilaksanakan oleh baginda SAW pada zaman kenabian dahulu. Untuk menegakkan Islam secara tulen itu, Imam Mahdi akan berperanan besar untuk membetulkan seluruh manusia daripada kesesatan yang telah terlalu jauh mereka lakukan, sejak sekian lama itu. Kerana itu, selain Imam Mahdi, para pembantunya akan turut berperanan besar memulihkan semula akidah,

amalan dan penghayatan Islam secara mutlak di dalam diri setiap umat Islam.

Untuk itu, Imam Mahdi akan memerangi orang-orang yang masih melakukan perkara-perkara bidaah dan khurafat sehingga mereka bertaubat dan meninggalkan sungguh-sungguh setiap apa yang telah mereka lakukan, lalu kembali semula ke jalan yang benar. Maksud jalan yang benar ialah akidah yang tepat dengan apa yang difahami dan diamalkan oleh para sahabat RA pada zaman Rasulullah SAW dahulu. Sehingga dengan itu, tidak ada lagi di dunia ini mazhab-mazhab akidah seperti yang terdapat pada hari ini. Pada masa itu, akan sirnalah mazhab Syiah dari atas muka bumi ini buat selama-lamanya, begitu juga mazhab Khawarij yang mengutamakan akal, mazhab Murjiah, mazhab Wahabi, mazhab Qadariah, mazhab Jabbariah, mazhab Qadiani, mazhab Al-Quran (antihadis) dan sebagainya lagi.

Begitu juga mazhab-mazhab dalam ilmu fikah seperti Maliki, Syafie, Hanafi dan Hanbali akan dihapuskan terus dari atas muka bumi ini. Semua mazhab fikah ini tidaklah salah, hanya semuanya akan disatukan semula, sama seperti yang berlaku pada zaman Rasulullah SAW dahulu. Hasilnya, seluruh umat Islam akan beramal dengan satu kaedah amalan sahaja, iaitu Sunnah Rasulullah SAW dan tidak lagi disebut sebagai mazhab. Perkataan mazhab itu sendiri menunjukkan adanya dua kaedah atau lebih, hasil daripada dua pemahaman (atau lebih) dalam sesuatu masalah fikah. Maka pada masa Imam Mahdi itu, istilah mazhab terhapus dengan sendirinya, tidak lagi dipakai orang.

Maksud memerangi itu juga adalah sesuatu yang umum. Boleh jadi memerangi itu adalah dengan ucapan dan penghayatan untuk dicontohi oleh orang yang masih mengamalkan bidaah dan khurafat itu sehingga mereka kembali semula mengamalkan kaedah Islam, seterusnya meninggalkan amalan lama mereka itu. Maksud kedua ialah berusaha dengan bersungguh-sungguh membasmi perbuatan maksiat, bidaah dan khurafat dari atas muka bumi ini dan menggantikannya dengan kaedah Islam yang lebih cantik dan syumul itu. Boleh jadi juga memberi amaran akan memerangi mereka yang masih berdegil melakukan amalan-amalan yang menyalahi agama itu sehingga mereka benar-benar kembali ke pangkal jalan. Dan boleh jadi juga Imam Mahdi benar-benar memerangi mereka sehingga mereka dikalahkan atas kedegilan dan kekerasan hati mereka itu. Dengan itu, akan sirnalah segala kemungkaran, maksiat, bidaah dan khurafat yang masih berlaku itu sehingga mereka dihapuskan terus dari muka bumi ini.

Hadis ini juga menunjukkan bahawa Imam Mahdi itu memang benar-benar seorang pemimpin yang prihatin dan bertanggungjawab terhadap sekalian rakyatnya dan setiap apa yang mereka lakukan. Beliau hanya mahukan rakyat jelatanya mengamalkan ajaran Islam dengan bersungguh-sungguh tanpa memilih bulu atau sebagainya. Setiap apa yang mereka lakukan sentiasa mendapat perhatian daripada Imam Mahdi, termasuk pada perkara-perkara yang pemimpin hari ini melihatnya sebagai perkara remeh-temeh dan tetek bengik.

17. Berperang Mengikut Sunnah

A. Sabda Nabi SAW,

"Al-Mahdi akan melakukan peperangan (ke atas bukan Islam) berdasarkan sunnah, sebagaimana Nabi SAW melakukan peperangan berdasarkan wahyu."

(Abu Nuaim)

Oleh kerana wahyu sudah tidak turun lagi, maka Imam Mahdi akan menjadikan Sunnah Rasulullah SAW sebagai panduan dasar untuknya melaksanakan peperangan terhadap sesuatu kaum. Dalam melaksanakan tugas ini, sunnahlah yang diletakkan di hadapan mengatasi segala yang lain, termasuk akan dan nafsu. Keadaan ini samalah dengan Rasulullah SAW dahulu yang berperang berdasarkan wahyu.

Maksud tersiratnya adalah bahawa Imam Mahdi akan sentiasa mendapat bimbingan dan panduan secara terus daripada Rasulullah SAW sendiri sama ada mahu melancarkan peperangan atau tidak terhadap sesuatu kaum. Semasa menerima panduan daripada Rasulullah SAW ini, Imam Mahdi akan menerimanya melalui ilham yang tepat yang diterima terus daripada baginda SAW, melalui firasat yang Allah kurniakan kepadanya, melalui yaqazah secara terus dengan Rasulullah SAW atau melalui hatif (semata-mata suara, tanpa jasad).

18. Mencari dan Membunuh As-Sufyani dan Kalb

A. Kata tabiin RH,

"Ketika al-Mahdi mendengar berita tentang terbenamnya pasuka as-Sufyani di al-Baidak, yang ketika itu dia sedang berada di Makkah, terus keluar bersama-sama 12,000 orang pasukan, yang di antaranya adalah para Wali Abdal hingga sampai di Ilyak. Bersamaan dengan itu, ketika as-Sufyani mendengar berita tersebut, dia bercadang mahu menyerah diri kepada al-Mahdi tetapi dicela oleh pamannya iaitu Kalb. Kemudian dia menyerang al-Mahdi (tetapi tewas) dan terus ditangkap. Al-Mahdi berkata, "Inilah dia orang yang menentang perintahku." Kemudian diambil keputusan untuk memenggalnya di atas batu di Ilyak. Seterusnya al-Mahdi mencari Kalb dan membinasakannya."

As-Sufyani adalah pihak yang sangat kuat menentang Imam Mahdi sehingga akhirnya pasukan tenteranya tenggelam ke dalam tanah, akibat kederhakaannya kepada kekuasaan Islam. Ternyata bahawa As-Sufyani itu tidaklah sehandal mana kerana mereka sebenarnya pada masa itu, sudah merasakan kekuatan roh tentera Islam manakala mereka sendiri terasa inferior. Perlawanan yang tidak bererti sangat itu hanyalah dikeranakan kedegilan para pemimpin utamanya yang mahukan juga peperangan. Akibatnya, apabila berlaku peperangan mereka dengan mudah sahaja tewas kepada askar-askar Islam yang amat hebat itu.

Imam Mahdi sendiri semasa melakukan penaklukan terhadap Eropah itu memakai serban berwarna biru dan dengan bantuan para wali Allah dan malaikat, tentera Islam berjaya mengalahkan tentera Eropah yang bersatu itu. Lama masa peperangan di Eropah ini adalah dua puluh tiga tahun menurut ukuran kita pada hari ini atau ukuran di Eropah sendiri, manakala menurut pandangan tentera Imam Mahdi (tentera Islam sendiri) masa yang diambil untuk menakluk Eropah itu adalah selama tujuh tahun tujuh bulan. Lihat pada bahagian berikut untuk mengetahui dengan tepat maksud angka-angka itu.

19. Imam Mahdi Membunuh Kalb

A. Sabda Nabi SAW,

"Orang yang gagal adalah orang yang gagal (membantu) pada hari (pembunuhan) Kalb, walaupun hanya sekadar mengikatkan kakinya sahaja."

(Osman bin Said)

B. Sabda Nabi SAW,

"Rugi besarlah bagi sesiapa yang tidak menyaksikan penyembelihan Kalb. Al-Mahdi akan membahagikan harta, memerintah manusia berdasarkan Sunnah Nabinya dan menyebarkan Islam ke seluruh dunia. Maka dia tinggal di dunia selama tujuh tahun, kemudian meninggal dunia dan akan disembahyangkan oleh seluruh kaum muslimin (di seluruh dunia)."

(Abu Daud & Al-Hakim)

Ada dua kemungkinan besar yang dikatakan sebagai Kalb itu iaitu kuasa-kuasa besar Eropah yang terdiri daripada Great Britain dan Perancis. Kedua-duanya adalah musuh ketat kepada Islam, walaupun penduduk di kedua-dua negara itu ramai yang beragama Islam. Kemungkinan kedua adalah Israel kerana pemimpin Israel adalah *paman* kepada Amerika Syarikat dan Eropah. Kerana itu pemimpinnya ditangkap lalu dibunuh seperti orang menyembelih seekor kambing korban.

Namun, berdasarkan ramalan Nostradamus, pemimpin yang dikatakan ditawan dan dibawa ke Malaysia adalah dari Eropah iaitu pemimpin Scotland. Kalb yang dimaksudkan oleh Nostradamus itu adalah Pope yang mati terbunuh di Perancis, semasa berada di kota Avignon. Begitulah menurut ramalan Nostradamus yang jika dilihat baik-baik, lebih bersifat memperincikan lagi apa-apa yang telah disebutkan oleh baginda SAW, para sahabat RA dan tabiin RH beratus-ratus tahun sebelum Nostradamus itu lahir.

Setelah tamat Perang Salib terakhir dan terbesar itu, yang juga merupakan Perang Dunia Ketiga, kali ini bukan lagi antara Britain dengan Jerman dan sekutu masing-masing, tetapi antara Asia dengan Eropah atau lebih tepat lagi antara Kristian dengan Islam. Perang kali ini adalah perang agama yang terbesar yang pernah berlaku dalam sejarah kerana setelah tamat perang Islam-Kristian ini, lebih satu pertiga penduduk Eropah mati terbunuh, manakala yang selebihnya akan mengaku kalah dan ramai yang memeluk agama Islam.

20. Imam Mahdi Membunuh as-Sufyani

A. Kata tabiin RH,

"As-Sufyani ditawan dan dikirimkan kepada al-Mahdi, kemudian diputuskan untuk dipenggal di atas pintu ar-Rahabah. Kemudian perempuan suku Kalb - iaitu bapa saudara as-Sufyani - dan harta-harta rampasannya dijual di jalan-jalan di kota Damsyik."

Ucapan tabiin ini sebenarnya adalah lanjutan daripada penerangan yang telah diberikan

sebelum ini. Oleh itu, tidak perlulah dihuraikan lagi dengan panjang lebar.

21. Kematian As-Sufyani

A. Muhammad bin Ali al-Hanafiah RH berkata,

> *"Al-Mahdi, as-Sufyani dan Kalb akan bertempur di Baitulmaqdis selepas pembaiatan diberi (kepada Al-Mahdi). As-Sufyani akan tertawan lalu dipenggal lehernya di Babur Rahabah."*

Huraian ungkapan ini juga telah diberikan sebelumnya walaupun mungkin secara yang agak pendek. Setiap orang yang membacanya dirasakan dapat memahaminya dengan baik akan maksudnya.

22. Panglima Perang Imam Mahdi

A. Kata tabiin RH,

> *"Panglima perang al-Mahdi adalah orang yang paling terpilih. Penolong dan pembaiat al-Mahdi adalah penduduk Kufah, Yaman dan para Wali Abdal dari Syam. Yang berada di hadapan al-Mahdi adalah Jibril dan Mikail. Dia sangat dicintai oleh makhluk, kepemimpinannya mampu menyelesaikan masalah bencana yang sedang menjadi-jadi, penduduk bumi berasa aman tenteram sehinggakan lima orang wanita dapat melakukan ibadat haji dengan (penuh aman) tanpa seorang pun muhrim (yang mengawal). Mereka tidak berasa takut (terhadap apa pun sepanjang perjalanan dan semasa mengerjakan haji) melainkan kepada Allah."*

Pemimpin yang baik akan menghasilkan rakyat yang baik. Pemimpin yang bertakwa akan menghasilkan rakyat yang bertakwa. Pemimpin yang imannya tinggi akan menghasilkan rakyat yang imannya tinggi. Pemimpin yang mencintai Allah sepenuh hati akan menghasilkan rakyat yang mencintai Allah sepenuh hati mereka. Pemimpin yang membesarkan Allah pada setiap ketika akan menghasilkan rakyat yang membesarkan Allah pada setiap ketika. Pemimpin yang kuat beragama akan menghasilkan rakyat yang kuat beragama. Pemimpin yang terpilih akan menghasilkan pengikut-pengikut yang terpilih. Pemimpin yang diberkati akan menghasilkan pemerintahan yang diberkati, negara yang diberkati, hasil mahsul yang diberkati dan rakyat yang diberkati.

Pemimpin yang baik adalah untuk rakyat yang baik. Mustahil sebuah negara yang pemimpinnya baik tetapi rakyatnya tidak baik atau sebuah negara yang pemimpinnya jahat tetapi rakyatnya baik-baik belaka. Jika ini berlaku juga, maka yang sebenarnya kedua-dua pihak, rakyat dan pemimpinnya, adalah tidak baik. Pemimpin yang berjiwa tauhid akan membimbing rakyatnya ke arah Tuhan, dengan cara yang betul dan tempat yang betul. Hal ini tidak mungkin dapat dilakukan oleh sebarang pemimpin, terutamanya yang mempunyai rekod pemerintahan yang buruk. Hanya yang baik sahaja yang membawa kebaikan. Hanya yang suci sahaja dapat menyucikan yang kotor. Yang kotor tidak akan dapat menyucikan sesuatu yang sedia kotor.

23. Imam Mahdi Menguasai Seluruh Bangsa Arab

A. Sabda Nabi SAW,

> *"Dunia ini tidak akan lenyap sehinggalah bangsa Arab (seluruhnya) diperintah oleh seorang lelaki dari kaum keluargaku, yang namanya menyamai namaku."*

B. Dari Abdillah RA berkata, Rasulullah SAW bersabda,

"Dunia ini tidak akan binasa sehinggalah seorang dari Ahlulbaitku menguasai seluruh bangsa Arab yang namanya sama nama dengan namaku."
(At-Tarmizi & Abu Daud)

Bangsa Arab pada hari ini memang terkenal sebagai suatu bangsa yang degil, susah dibentuk, susah untuk dibawa berunding, kasar dan tidak mahu mendengar cakap. Mereka juga amat sukar untuk mentaati mana-mana pemimpin pun, lebih-lebih lagi jika pemimpin itu bukan dari kalangan bangsa mereka. Alangkan yang dari bangsa mereka sendiri pun amat sukar untuk menyatukan mereka, inikan pula jika pemimpin itu datangnya dari bangsa yang asing pada mereka.

Namun itulah satu lagi keramat besar Imam Mahdi yang Allah SWT kurniakan kepada beliau sehingga mampu menyatukan kepada dan hati seluruh bangsa Arab yang amat degil-degil itu sehingga menjadi satu bangsa yang kuat, sama seperti yang pernah berlaku pada zaman Rasulullah SAW, zaman Khulafa RA dan tabiin RH. Sebab itulah Nabi SAW sangat berbangga dengan keramat Imam Mahdi yang satu ini, kerana baginda SAW sudah amat arif akan hal ehwal bangsa Arab pada akhir zaman ini. Pada masa itu, seluruh bangsa Arab yang mendiami seluruh Asia Tengah termasuk utara Afrika akan bersatu hati dan pemikiran serta matlamat, setelah sekian lama berpecah-pecah dan mengikut kepala masing-masing sahaja. Jadilah mereka sebagai bangsa yang kuat, namun zaman ini bukan lagi zaman untuk mereka memegang kuasa dunia. Pemegang kuasa dunia Islam kali ini sudah dipegang oleh bangsa Melayu yang mula-mula mempelopori kebangkitan Islam buat kali yang kedua ini.

24. Imam Mahdi Memerangi Eropah

A. Kata tabiin RH,

"Allah akan membangkitkan seorang lelaki yang akan memerangi Romawi dan akan diberi sepuluh keistimewaan."

Imam Mahdi adalah pemimpin umat Islam yang Allah SWT berikannya sepuluh keistimewaan. Tiada siapa yang mengetahui apakah keistimewaan itu melainkan Allah SWT, Rasulullah SAW, sebahagian Sahabat RA, sebahagian tabiin RH, Pemuda Bani Tamim dan Imam Mahdi sendiri. Orang lain tidak diberikan pengetahuan apa-apa pun tentang keistimewaan Imam Mahdi itu. Dan penulis sebenarnya tidak bercadang memanjangkan bicara tentang sepuluh keistimewaan Imam Mahdi itu.

25. Imam Mahdi Menakluk Eropah Melalui Turki

A. Kata tabiin RH,

"Al-Mahdi mengibarkan panji-panjinya ke negara (yang pernah ditakluk oleh) Turki dan menundukkan penduduknya. Dia mengambil (semua) harta yang ada di wilayah-wilayah itu lalu bergerak menuju ke Syam dan menundukkan penduduknya (juga). Kemudian dia membebaskan setiap hamba dan membayarkan harga tebusan bagi setiap hamba itu."

Disebutkan bahawa Imam Mahdi akan mendatangi Eropah melalui Turki. Sebenarnya Turki ini hanyalah salah satu jalan yang digunakan oleh Imam Mahdi untuk memerangi Eropah. Ini dikeranakan Imam Mahdi memasuki Eropah sebanyak dua kali. Sekali lagi ialah dengan menggunakan jalan laut, yang diseberanginya dari utara Maghribi hingga ke Eropah dan terus masuk ke Eropah Barat.

Yang melalui Turki ini adalah penaklukannya terhadap kawasan di Eropah Timur, iaitu

negara-negara Eropah yang kebanyakannya adalah negara-negara bekas jajahan Kerajaan Turki Osmaniah dahulu. Setelah itu Imam Mahdi memerangi negara-negara di Eropah Timur itu lalu membebaskan penduduknya daripada hutang-hutang dan kesempitan hidup yang amat menggigit yang sedang mereka alami pada masa itu. Harta-harta rampasan perang yang diperoleh itu dibahagi-bahagikan kepada seluruh penduduknya sehingga mereka tidak lagi menanggung apa-apa hutang pun sepanjang hidup mereka selepas itu.

26. Nama Panglima/Khalifah Imam Mahdi di Eropah

A. Kata Kaab al-Akhbar RH,

> *"Setelah al-Mahdi (mendapat kuasa), ada (wakil) khalifah yang bernama al-Qahtani. Dia memerintah sepertimana yang diperbuat oleh al-Mahdi. Dialah yang akan menundukkan bandar-bandar Romawi dan akan merampas ghanimah-ghanimahnya."*

Kata-kata tabiin ini adalah umum dan dapat ditafsirkan dengan beberapa maksud. Namun di sini, yang dimaksudkan itu adalah seorang pemimpin dari kalangan bangsa Melayu juga, yang dilantik sebagai wakil khalifah di benua Eropah. Siapa orangnya itu? Jika berdasarkan nama yang diberi, iaitu Al-Qahtani, adalah merujuk kepada nama pusat pemerintahan Imam Mahdi di Malaysia. Maknanya, pemimpin perang Imam Mahdi ke Eropah itu adalah dari kalangan yang berbangsa Melayu. Dan pastilah pemimpin perang yang dilantik itu adalah orang yang benar-benar terpilih dari kalangan yang amat terpilih. Marilah kita berdoa bersungguh-sungguh dan berusaha keras agar kita dimasukkan ke dalam golongan yang benar-benar terpilih itu. Mana tahu suatu masa nanti kita yang akan terpilih untuk merealisasikan kehendak hadis-hadis Nabi SAW dan ucapan para tabiin RH itu. Alangkah bertuahnya kita jika kita terpilih menjadi salah seorang anggota pasukan perangnya dan langkah pula bertuahnya juga jika diangkat sebagai pemimpin perang Imam Mahdi.

27. Siapa al-Qahtani itu?

A. Kata Kaab al-Akhbar RH,

> *"Makhzumi (dilantik) menjadi pemimpin, tetapi kemudian (dia) mengundur diri. Lalu ada susuk seorang manusia yang tangkas, berbadan tinggi dan berbahu lebar. Dia membunuh setiap orang yang berselisih jalan dengannya, sehinggalah dia sampai ke Baitulmaqdis lalu dia mati di sana (sebaik sahaja masuk). Dia ini amat zalim dan aniaya. Setelah itu ada seorang (pemimpin) yang berbuat baik, kemudian al-Qahtani menjadi pemimpin. Dia berakhlak seperti akhlak saudaranya, iaitu al-Mahdi."*

Yang dimaksudkan di sini adalah pemimpin di suatu kawasan, iaitu sebagai wakil khalifah bagi Imam Mahdi. Orangnya tidak disebutkan dengan jelas, hanya disebutkan gelarnya iaitu Al-Makhzumi. Pemimpin ini kemudian berundur kerana masalah yang tidak dapat dielakkan, dan pengundurannya diterima oleh Imam Mahdi dan Pemuda Bani Tamim. Pengundurannya itu menyebabkan berlaku sedikit kegemparan sehingga ada yang tidak dapat menerima pengunduran itu dan marah-marah, sambil memukul setiap orang yang ditemuinya. Perbuatannya ini menyebabkan Imam Mahdi marah kepadanya lalu tempat pemimpin yang berundur itu digantikan oleh seorang lelaki lain yang lebih adil dan baik (soleh). Selepas itu barulah Al-Qahtani menjadi pemimpin di tempat itu, sebagai wakil khalifah kepada Imam Mahdi. Al-Qahtani itu sebenarnya bukan adik-beradik kepada Imam Mahdi seperti yang selalu difahami oleh kita berdasarkan istilah ***ikhwan*** yang digunakan.

Maksudnya yang sebenar, Al-Qahtani itu adalah salah seorang anggota Ikhwan Imam Mahdi,

yang huraian mengenai golongan Ikhwan itu sudah diberikan pada bahagian sebelum ini. Ternyata pula bahawa Ikhwan yang diberi tugas besar ini mampu melakukannya dengan baik sehingga dikatakan akhlaknya hampir menyamai dengan akhlak Imam Mahdi sendiri. Itulah dia pemimpin sejati, yang mampu mendidik pengikutnya sehingga benar-benar menjadi ***celupan*** kepada peribadi sebenar pemimpinnya.

28. Siapa Pula al-Makhzumi Itu?

A. Kata Az-Zubair RA,

> *"Al-Makhzumi akan dibaiat setelah al-Mahdi (dibaiat). Dia akan memimpin (menjadi wakil khalifah untuk Imam Mahdi) dalam waktu yang lama. Kemudian ada suara dari langit yang bukan merupakan suara manusia ataupun jin (kafir) yang menyebutkan, "Baiatlah si fulan. Janganlah kamu semua kembali kepada kekufuran setelah berhijrah." Tetapi mereka tidak tahu kepada siapa yang akan mereka baiat. Kemudian suara tadi menyeru (lagi) sampai tiga kali. Lantas al-Mansur dibaiat. Kemudian al-Mansur menyerang al-Makhzumi tetapi Allah membantu al-Makhzumi. Maka al-Makhzumi berjaya membunuh al-Mansur dan bala tenteranya."*

Al-Makhzumi dalam ungkapan ini adalah pembantu kanan kepada Al-Qahtani. Beliau diberi kekuasaan yang luas untuk ditadbir, dan beliau mentadbirnya dengan baik dalam tempoh yang lama. Peribadi yang disebut sebagai Al-Mansur dalam asar ini bukanlah Al-Mansur Pemuda Bani Tamim itu. Al-Mansur ini adalah pemimpin kanan kepada Al-Makhzumi. Al-Makhzumi adalah seorang pemimpin yang adil dan taat kepada perintah Imam Mahdi manakala Al-Mansur pula mempunyai niat yang lain iaitu untuk kepentingan dirinya sendiri. Kerana niat yang salah itulah akhirnya dia kalah kepada Al-Makhzumi. Akhirnya ternyata bahawa Al-Makhzumi tetap menjadi pemimpin di kawasan itu, iaitu sebagai wakil khalifah kepada Imam Mahdi. Setelah itu, dunia kembali menjadi aman damai dan tiada lagi sebarang persengketaan antara dua manusia pun.

29. Putera Imam Mahdi Turut Menjadi Pemerintah

A. Kata Kaab al-Akhbar RH,

> *"Setelah al-Mahdi (mendapat kekuasaan), ada seorang lelaki dari keturunannya sendiri yang menjadi (wakil) khalifah, yang mana kelemahannya lebih banyak daripada kebaikannya. Dia membawa perpecahan setelah adanya persatuan dan ukhuwah. Dia tidak lama memerintah kerana dibunuh oleh seorang lelaki dari keturunan al-Mahdi juga."*

B. Kata Arto'ah bin Zufar (seorang tabiit tabiin pada zaman Abdul Malik bin Marwan),

> *"Al-Mahdi akan singgah di Baitulmaqdis. Setelah itu ada khalifah dari keturunannya yang memimpin dalam waktu yang panjang. Para pemimpin ini memerintah umat manusia sehingga mereka bersembahyang di belakang Bani Abbas."*

Imam Mahdi memecahkan dunia ini kepada beberapa bahagian dan pada setiap bahagian itu

dilantiknya wakil khalifah untuk membantunya mentadbir dunia yang luas dan berpenduduk ramai ini. Salah seorang wakil khalifahnya adalah dari anak cucunya sendiri, mengenangkan keutamaan keturunan Nabi Muhammad SAW. Namun, beliau tidak berapa layak memerintah lalu diturunkan oleh seseorang dari keturunan Imam Mahdi juga, dengan tujuan untuk mengelakkan berlakunya perpecahan kepada umat Islam yang telah bersatu itu, dan untuk menyelamatkannya dari terus jatuh ke lembah kebinasaan akibat kelemahannya. Dengan itu, selamatlah maruahnya dan maruah seluruh keluarga Nabi Muhammad SAW daripada dimalukan oleh keturunan Imam Mahdi yang seorang ini.

30. Berlaku Perang Dunia Ketiga

A. Sabda Nabi SAW,

> *"Seandainya umur dunia ini cuma tinggal sehari sahaja lagi, nescaya Allah akan memanjangkan hari itu, sehingga (Allah) mengangkat seorang amir daripada keturunanku, yang mana perang besar (Al-Malhamatul 'Uzma) akan terjadi dalam masa pemerintahannya. Dan Islamlah yang akan menang. Sesungguhnya Allah tidak pernah mengingkari janji-Nya dan amat cepat (pula) hisabnya."* (Imam Ahmad, at-Tarmizi & Abu Daud)

Rasulullah SAW sendiri sudah menyebutkan bahawa peperangan antara tentera Islam dengan tentera Kristian adalah perang yang sangat besar, yang menelan korban yang amat besar pula. Itulah dia Perang Salib terakhir atau Perang Dunia Ketiga atau Perang Penentu kerana jika Kristian kalah, maka seluruh agama Kristian akan punah ranah dan hanya tinggal sejarah. Jika Kristian menang, mereka akan terus kekal di atas muka bumi ini walaupun pengaruh mereka sudah amat merosot.

Dan sesungguhnya umat Islamlah yang akan menang ke atas Kristian dan seterusnya menakluk seluruh Eropah lalu mengislamkan penduduknya yang masih hidup. Mulai saat itu, agama Kristian tinggal sejarah kerana penganutnya kini amat kecil sekali, hanya kekal dianut oleh beberapa ribu orang sahaja, dan dalam kelompok yang amat minoriti pula. Yang lain telah memeluk agama Islam dan menjadi penganutnya yang soleh-soleh pula.

Perang ini amat dahsyat, melangkaui masa dua puluh tiga tahun bagi Eropah. Semasa peperangan ini, Eropah mengalami penderitaan yang hebat-hebat seperti kemarau panjang yang mengeringkan terus sungai-sungai yang selama ini tidak pernah kering, hujan yang tidak turun-turun walaupun setitik selama tiga tahun, kekurangan bahan makanan dan haiwan-haiwan ternakan yang habis mati kepanasan. Kebuluran brmaharaja lela di mana-mana sahaja di seluruh Eropah. Pendek cerita, Eropah mengalami kekalahan besar dan penderitaan yang amat dahsyat.

Anehnya, pada masa yang sama umat Islam pula sedang menikmati hidup yang sangat aman damai, bahagia dan berkat. Hidup mereka tidak pernah kurang satu apapun, air mudah didapati, tanaman berkembang subur dan haiwan-haiwan kembang biak. Harta benda pula melimpah ruah. Itulah keberkatan yang Allah turunkan kepada Imam Mahdi dan negara-negara yang berada di bawah kekuasaannya.

31. Imam Mahdi Menakluk Eropah

A. Dari Hasan bin Atiyyah, dia berkata,

> *"Mak-hul dan Ibnu Abi Zakaria cenderung kepada Khalid bin Ma'dan, sedangkan aku pula lebih cenderung kepada mereka berdua."* Lalu dia memberitahu kepada kami dari Jubair bin Nufair RA, dia berkata, *"Marilah pergi bersama-sama kami menuju ke Zu Mikhmar,"* pada hal Jubair adalah salah seorang sahabat Nabi SAW. Lalu aku pergi bersama-sama

mereka, maka dia bertanya kepada Jubair tentang perjanjian damai. Jawabnya, *"Saya mendengar Nabi SAW bersabda, "Orang Rom (pada akhir zaman nanti) akan mengadakan suatu perjanjian damai yang membawa keamanan kepada kamu semua. Kemudian kamu akan saling bermusuhan, kamu dan mereka, saling menganggap sebagai musuh. Lalu kamu diberikan kemenangan, memperoleh harta rampasan dan selamat, kemudian kamu kembali, (dalam perjalanan pulang dari Eropah itu) sehingga kamu tiba dan singgah di suatu padang (gembala binatang yang luas) yang berpasir. Lalu ada seorang lelaki dari pengikut Salib (Kristian), mengangkat salibnuya sambil berteriak, "Salib menang!" maka datang seorang lelaki dari kalangan (tentera) kaum Muslimin, dengan marah, kepada lelaki Salib (Kristian itu) lalu memukulnya (dengan senjata sampai mati). Maka pada ketika itulah orang-orang Rom berkhianat (terhadap perjanjian damai dan gencatan senjata) dan mereka berkumpul di padang pertempuran itu."*

Dari Hasan bin Atiyah, dengan isnad sama seperti di atas, tetapi ada tambahan lagi di hujungnya, "Mereka berkumpul di padang pertempuran, lalu datang pada waktu itu (tentera Salib) di bawah lapan puluh bendera. Di bawah setiap bendera ada dua belas ribu orang (tentera Kristian)." (Ibnu Majah)

B. Sabda Nabi SAW,

"Al-Mahdi adalah daripada anakku, dia berusia empat puluh tahun. Wajahnya bagaikan bintang yang bergemerlapan, pipi kanannya ada tahi lalat, kulitnya kemerah-merahan seolah-olah dia adalah keturunan Bani Israel, dia akan mengeluarkan harta karun dan akan menundukkan kota-kota maksiat." (Abu Nuaim)

Kedua-dua buah hadis ini menjelaskan bahawa Imam Mahdi akan menakluk Eropah. Sebelum Eropah ditakluk, Imam Mahdi mengadakan perjanjian damai dengan pihak Nato yang menyebabkan umat Islam berasa begitu aman dan bahagia. Kedua-dua belah pihak saling membantu termasuk kerjasama erat ketika mereka menyerang Rusia Putih, iaitu negara Rusia yang besar itu.

Semasa peperangan inilah mereka mula berbalah apabila seorang dari pihak tentera Kristian menyatakan iktikadnya bahawa yang memberi kemenangan kepada mereka adalah salib. Hal ini menyebabkan salah seorang tentera Islam berasa marah kerana bercanggah dengan iktikad umat Islam yang meyakini bahawa Allah sahajalah yang mampu memberi bekas. Ketegangan mula berlaku dan akhirnya tentera Islam ini secara tidak sengaja (dalam keadaan marah) memukul tentera Kristian tadi lalu mati. Melihatkan rakan mereka mati, maka tentera Kristian Eropah itu mencabul perjanjian damai yang telah dimeterai sejak sekian lama itu dan menyatakan permusuhan secara terang-terangan kepada Islam dan pemimpinnya.

Maka mereka pun mengumpulkan seluruh kekuatan mereka yang ada, dengan askarnya yang berjumlah hampir sejuta orang, di bawah pimpinan lapan puluh orang jeneral besar dari beberapa buah negara, diketuai oleh Perancis, Britain, Itali, Jerman dan Sweden. Semasa menghadapi tentera Kristian ini, umat Islam membawa jumlah tentera yang besar pula, kira-kira sejuta orang yang didatangkan melalui jalan darat melalui Turki (dipimpin sendiri oleh Imam Mahdi) dan melalui jalan laut (dipimpin oleh Syuaib bin Saleh) lalu memasuki Eropah. Melihatkan keadaan ini, Amerika Syarikat turut membantu Eropah dengan menghantar pasukan tentera marinnya yang terkenal mahir itu, tetapi pasukan ini berjaya ditenggelamkan ke dasar laut oleh pasukan At-Tamimi.

Pertempuran yang hebat ini menjadi semakin besar, apabila umat Islam dari utara Afrika turut membantu. Begitu juga pasukan dari negara-negara Arab turut menghantar pasukan tentera. Dalam peperangan inilah begitu ramai korban yang ditanggung oleh kedua-dua belah pihak. Lebih satu pertiga daripada penduduk Eropah mati dibunuh, kebanyakannya oleh pasukan mereka sendiri yang tidak sanggup melihat anak cucu mereka memeluk agama Islam dan lebih rela membunuh mereka sehingga ramailah yang mati.

32. Kostantinopel Ditakluk Melalui Keramat Imam Mahdi

A. Kata tabiin RH,

"Ketika (mahu) menundukkan Kostantinopel, al-Mahdi memacakkan benderanya untuk mengambil wuduk dan mengerjakan sembahyang subuh. Ketika itu, di hadapan al-Mahdi terbentang laut yang luas. Dia lalu mencari jalan (pintas) untuk menyeberangi laut itu. Akhirnya dia menemuinya di sekitar kawasan itu juga. Dia lalu memacakkan benderanya, kemudian ada suara yang berseru, "Wahai umat manusia, melintaslah! Sesungguhnya Allah Azza wa Jalla akan membelahkan laut ini sebagaimana Dia telah membelahkan laut untuk Bani Israel." Lantas mereka pun menyeberanginya hingga sampai di hadapan Kostantinopel. Mereka pun bertakbir, dan seketika (kemudian) runtuhlah sebelah pertahanan Kostantinopel. Mereka bertakbir lagi, maka runtuhlah lagi (sebahagian tembok pertahanan), dan bertakbir lagi, maka runtuh lagi (hingga runtuhlah semua sekali) sekitar dua belas tembok pertahanan (mereka)."

Selama kira-kira lima tahun Imam Mahdi memerangi Eropah. Satu persatu kawasan di Eropah berjaya ditakluknya dan diletakkan di bawah kekuasaan Islam. pada tahun keenam seluruh Eropah berjaya ditakluk dan harta rampasan perang sudah tidak terkirakan lagi banyaknya, menimbun-nimbun sehingga diletakkan begitu sahaja di atas jalan-jalan raya dan di padang-padang. Beratus-ratus buah kapal digunakan untuk mengangkut segala harta benda itu ke Baitulmaqdis dan Malaysia untuk diagih-agihkan kepada seluruh umat Islam di serata dunia, terutamanya golongan yang baru memeluk Islam, yang jumlahnya begitu ramai pada masa itu.

Semua ini dapat dilakukan kerana pemimpin mereka, Imam Mahdi, adalah orang yang amat kuat dan gagah, selain sangat bertakwa kepada Allah SWT sehingga Allah membantunya dengan menurut bantuan-bantuan berbentuk keramat yang menyebabkan seluruh angkatan perang Eropah tewas satu demi satu. Kemenangan tentera Islam ini disambut dengan penuh kegembiraan sehingga mereka bertakbir dan dengan suara yang sehabis-habis kuat, menyebabkan mereka berjaya meruntuhkan kota-kota dan benteng-benteng pertahanan Eropah.

33. Umat Islam Memerangi Eropah dan Mereka Mencabul Perjanjian Damai

A. Sabda Rasulullah SAW,

"Akan terjadi antara kamu semua dengan orang putih (Banil Asfar) suatu perjanjian damai. Kemudian mereka akan mengkhianati (memungkiri janji) kamu semua. Kemudian mereka berangkat menuju ke arah kamu membawa lapan puluh bendera. Setiap bendera (ada) dua belas ribu orang tentera (Kristian)." (Ibnu Majah)

B. Rasulullah SAW bersabda,

"Tidak akan terjadi kiamat sehinggalah tempat perlindungan orang-orang Muslim yang paling rendah ialah di Baula' (atau tempat mengintai musuh)." Kemudian Nabi menyambung lagi, "Hai Ali, hai Ali, hai Ali!" (Sayidina) Ali menyahut, "Demi ayah dan ibuku, saya wahai Rasulullah!" Baginda bersabda, "Sesungguhnya kamu semua akan memerangi (menyerang) Banil Asfar dan juga orang-orang sesudah kamu akan menyerang mereka sehingga orang-orang Islam yang terpilih akan keluar menuju mereka iaitu (kebanyakannya) dari penduduk Hijaz. Mereka itu tidak merasa khuatir, kerana Allah, akan cercaan orang yang mencela. Kemudian mereka akan menundukkan Kostantinopel (Eropah) dengan tasbih dan takbir. Mereka mendapatkan

ghanimah yang belum pernah mereka dapatkan bandingannya (kerana tersangat banyak), sehingga mereka membahagi-bahagikan ghanimah itu dengan (menimbangnya menggunakan) perisai (sahaja). (Pada ketika itulah) ada orang yang datang (membawa khabar fitnah yang) berkata, "Sesungguhnya al-Masih Dajjal pasti keluar dari negeri kamu (di Timur)." Ketahuilah negeri kamu itu dusta. Maka orang yang memegangnya adalah menyesal sedangkan orang yang meninggalkannya, juga akan turut menyesal."

(Ibnu Majah)

Sebahagian keterangan mengenai hal ini sudah dijelaskan dalam bahagian terdahulu. Dan semasa umat Islam sedang menentang Eropah, iaitu pada tahun kelima, datang berita fitnah yang menyatakan Dajjal sudah keluar. Tujuan mereka berkata demikian adalah untuk menakut-nakutkan umat Islam kerana Eropah sudah benar-benar di ambang kejatuhan. Orang yang meninggalkan harta itu rugi dan yang mengambilnya juga rugi sebab berjaya ditipu oleh berita palsu yang mahu melemahkan semangat juang tentera Islam itu.

34. Kemenangannya

A. Sabda Nabi SAW,

"Al-Mahdi akan menundukkan Kostantinopel dan Jabal ad-Dailam."

(Abu Nuaim)

Maksud Kostantinopel itu ialah Eropah timur manakala Jabal Dailam itu adalah lambang Eropah Barat. Ertinya Imam Mahdi akan menundukkan keseluruhan Eropah, sama Eropah Barat mahupun Eropah Timur. Kemenangan ke atas Eropah ini amatlah bererti kerana sebelum ini, kuasa Eropah itulah yang menjajah negara-negara Islam di Afrika dan Asia suatu masa dahulu. Kebinasaan dan kehancuran yang diakibatkan oleh penjajahan mereka itu amatlah besar dan kesannya masih kuat terasa hingga ke hari ini. Eropah Timur pula hanya sebahagian sahaja yang dapat ditawan dan dikuasai oleh Kerajaan Turki Osmaniah dahulu. Mereka gagal menawan baki beberapa buah negara Eropah Timur kerana mereka sedang berada di ambang kelemahan dan kejatuhannya.

Imam Mahdi akan membalas kekejaman tentera Eropah yang menjajah dunia pada suatu masa dahulu ke atas Afrika dan Asia. Imam Mahdi jugalah yang akan merealisasikan hajat Kerajaan Osmaniah yang mahu menawan seluruh Eropah timur, yang tidak dapat dicapai semasa mereka memerintah dahulu. Itulah maksud Imam Mahdi yang menyempurnakan seluruh hajat umat Islam. selepas penawanan Eropah itu, masjid-masjid akan dibina di sana dan syiar Islam menjadi sebesar-besar syiar kepada manusia. Yang masih tinggal dalam agama Kristian amatlah sedikit dan boleh dikira dengan jari sahaja.

35. Seluruh India Ditawan Oleh Imam Mahdi

A. Kata tabiin RH,

"Amir Baitulmaqdis, iaitu al-Mahdi mengirimkan tenteranya ke India. Mereka berjaya menundukkannya dan mengambil harta simpanannya. Harta-benda ini kemudian digunakan untuk menghiasi Baitulmaqdis. Raja India ini menghadapinya dengan bermati-matian tetapi dengan (begitu) mudah pula dikalahkan. Akhirnya al-Mahdi menguasai (seluruh) kawasan di sepanjang Barat dan Timur."

Penganut agama Hindu adalah antara golongan yang tidak mahu tunduk kepada pemerintahan Imam Mahdi lalu cuba bermain api dengan Imam Mahdi. Dengan segera pula Imam

Mahdi menghantar pasukan tenteranya dan ini menyebabkan kerajaan India itu terkejut kerana pada sangkanya, Imam Mahdi tidak berani menghantar pasukan tentera ke negara mereka. Kerana itu mereka menentangnya dengan penuh kesungguhan tetapi tidak mampu bertahan lama kerana dengan mudah sahaja mereka dapat dikalahkan. Hampir keseluruhan askarnya mati dibunuh, iaitu dibunuh dalam jumlah yang sebanyak-banyaknya.

Akhirnya raja India itu berjaya dibunuh dan negara itu ditawan sepenuhnya oleh Imam Mahdi. Seluruh harta bendanya yang memang diketahui sangat banyak itu diambil oleh Imam Mahdi. Negara India yang sebelum ini pernah diperintah oleh pemerintahan Islam Kerajaan Moghul suatu masa dahulu, kembali jatuh ke bawah kekuasaan Islam, dan kali ini pemimpinnya jauh lebih hebat lagi daripada raja-raja Moghul itu. Dengan penaklukan India ini, Imam Mahdi berjaya menguasai seluruh kawasan dari Eropah hingga ke China dan kawasan-kawasan sekitarnya.

36. Orang Islam Menakluk Bangsa Monggol dan Negara China

A. Dari Abu Hurairah RA, Nabi SAW bersabda,

"Tidak akan terjadi kiamat sehinggalah kamu semua memerangi suatu kaum (di China dan Mongolia) yang kasutnya adalah (diperbuat dari kulit dan) bulu. Dan tidak akan terjadi kiamat sehingga kamu semua memerangi suatu kaum yang matanya kecil/sepet."

(Ibnu Majah)

B. Dari Abu Hurairah RA dari Rasulullah SAW bersabda,

"Hari kiamat tidak akan berlaku sebelum kamu memerangi suatu kaum yang seolah-olah muka mereka adalah perisai yang dipalu."

(At-Tarmizi)

C. Dari Abu Hurairah RA, dia berkata, Rasulullah SAW bersabda,

"Tidak akan terjadi kiamat sehinggalah kamu semua memerangi suatu kaum yang matanya sepet dan hidungnya pesek, yang wajah mereka bagaikan perisai yang dilapisi kulit. Dan tidak akan berlaku kiamat sebelum kamu semua memerangi suatu kaum yang kasutnya dibuat daripada (kulit binatang dan) bulu." (Ibnu Majah)

D. Dari Amru bin Taghlib RA, dia berkata,

"Saya mendengar Rasulullah SAW bersabda, "Sesungguhnya termasuk alamat kiamat adalah apabila kamu semua memerangi suatu kaum yang wajahnya lebar. Wajah mereka bagaikan perisai yang dilapisi kulit. Dan sesungguhnya termasuk alamat kiamat ialah apabila kamu semua memerangi suatu kaum yang memakai kasut daripada bulu."

(Ibnu Majah)

E. Dari Abu Said al-Khudri RA, dia berkata, Rasulullah SAW bersabda,

"Tidak akan terjadi kiamat sehinggalah kamu semua memerangi suatu kaum yang matanya sepet dan berwajah lebar, matanya bagaikan mata belalang, wajah mereka bagaikan perisai yang

dilapisi kulit. Mereka memakai kasut dari bulu (binatang) dan membuat perisai dari kulit dan mereka mengikatkan kuda-kuda pada pohon kurma."

(Ibnu Majah)

Sebahagian ulama menafsirkan bangsa ini dengan bangsa Turki. Namun setelah mengamati-amati maksud sebenar yang dikehendaki oleh hadis ini, penulis meyakini benar-benar bahawa yang dimaksudkan itu adalah dari golongan berbangsa Cina di negara China dan Mongolia. Termasuk dalam erti hadis ini ialah bangsa Korea dan Jepun. Juga negara Taiwan dan Hong Kong serta Vietnam. Penaklukan Imam Mahdi terhadap negara China dan wilayah-wilayah di sekitarnya tidak mustahil kerana memang kawasan ini pernah dimasuki oleh pendakwah Islam sejak zaman pemerintahan Sayidina Osman bin Affan RA lagi. Mereka menggunakan jalan laut (melalui Lautan Hindi, Selat Melaka dan Laut China Selatan) dan jalan darat (melalui Laluan Sutera).

Sehingga kini, masih ramai penduduk di negara China yang beragama Islam, malah jika dikirakan jumlah yang beragama Islamnya sahaja, jumlah mereka adalah lebih ramai daripada jumlah keseluruhan penduduk Malaysia pada hari ini. Namun mereka ini terasing kerana sebelum ini negara China mengamalkan dasar tutup pintu kepada negara-negara luar dan ini menyebabkan negara itu terasing daripada pengetahuan dunia luar.

Penaklukan terhadap kawasan ini oleh Imam Mahdi melengkapkan lagi kegemilangan umat Islam yang sudah pun tiba ke kemuncaknya. Penguasaan mereka sudah benar-benar meliputi seluruh Timur dan Barat, tanpa ada lagi yang terkecuali. Dari atas, Rusia sudah dikuasai; ke selatan, Australia dan New Zealand sudah jatuh ke tangan Islam; di Timur, Jepun dan seluruh China sudah ditawan; di Barat, seluruh Eropah turut tertakluk dan di seberang sana, seluruh Amerika Utara dan Amerika Selatan sudah lama diletakkan di bawah pemerintahan Islam sepenuhnya.

37. Imam Mahdi Dibantu oleh Orang Timur

A. Dari Abu Hurairah RA katanya, Nabi SAW bersabda,

"Apabila berlaku pembantaian (Al-Malhamatul Kubra) di padang pertempuran, maka Allah akan mengirimkan satu rombongan (tentera tambahan) dari puak Mawali. Mereka adalah bangsa (bukan) Arab yang sangat dimuliakan, mahir menunggang kuda dan cekap bermain senjata. Agama Islam akan ditolong oleh Allah melalui pertolongan mereka."

(Ibnu Majah)

Hadis ini menceritakan mengenai kelebihan bangsa Timur, iaitu puak Mawali yang Allah SWT muliakan mereka pada akhir zaman ini. Melalui merekalah Allah SWT muliakan agama ini. Maknanya, apabila Allah muliakan agama Islam melalui mereka, maka bangsa itu perlulah terlebih dahulu mulia kerana hanya orang-orang yang mulia sahaja yang akan dapat memuliakan agama Allah ini. Orang atau bangsa yang hina tidak akan dapat menjadikan agama ini mulia. Hanya bangsa yang mulia sahaja yang akan dapat menjadikan sesuatu yang mulia itu mulia. Hal ini pernah berlaku kepada bangsa-bangsa terdahulu seperti orang-orang Israel pada zaman Nabi Musa AS dan orang-orang Arab pada zaman Nabi Muhammad SAW.

Sehubungan itu, bangsa-bangsa lain perlulah memandang bangsa Mawali ini sebagai bangsa

yang mulia, sesuai dengan taraf kemuliaan mereka dan juga kerana Allah SWT sendiri yang telah memuliakan mereka. Maka patutlah pula kita memuliakan bangsa Timur yang disebutkan itu, jika kita mahu kita turut dimuliakan, kerana mereka adalah bangsa yang dimuliakan oleh Allah SWT.

38. Imam Mahdi Dibantu Oleh Ashabul Kahfi

A. Dari Ibnu Abbas RA berkata, bahawa Rasulullah SAW bersabda,

> *"Ashabul Kahfi itu adalah para pembantu al-Mahdi."*

Hal ini sudah juga diterangkan dalam bahagian-bahagian sebelum ini. Silalah lihat semula pada bahagian-bahagian berkenaan untuk mendapatkan keterangan selanjutnya.

39. Imam Mahdi Menakluk Dunia

A. Dari Nafik bin Utbah bin Abu Waqqas RA, dari Nabi SAW bersabda,

> *"Kamu semua akan menyerang Jazirah Arab (dengan bantuan pasukan tentera dari arah Timur dan Khurasan), maka Allah akan memenangkan (kamu). Kemudian kamu semua akan menyerang Rom (Eropah pada akhir zaman), maka Allah akan memenangkan (kamu). Kemudian kamu semua akan menyerang Dajjal, maka Allah akan memenangkan (kamu)." Kata Jabir, "Maka Dajjal tidak akan keluar, sebelum Rom (Eropah) dikalahkan."*
>
> (Ibnu Majah)

Pasukan yang menyerang Jazirah Arab itu ialah pasukan Panji-panji Hitam yang dipimpin oleh At-Tamimi yang berlaki semasa mereka mencari Imam Mahdi. Pasukan yang diserang oleh At-Tamimi itu ialah As-Sufyani dan pasukan ini berjaya dikalahkan oleh At-Tamimi. Kemudian mereka menyerang Eropah pula. Kali ini dipimpin sendiri oleh Imam Mahdi, dengan diketuai oleh panglima yang bergelar Tahir bin Asmak. Jatuhnya seluruh Eropah dan Amerika Syarikat ke tangan pasukan Islam adalah tanda bahawa Dajjal yang sebenar, yang bertubuh besar itu akan muncul tidak lama lagi.

40. Umat Islam Menakluk Eropah Dengan Mudah

A. Sabda Nabi SAW,

> *"… Hari kiamat tidak akan terjadi sebelum ada sebuah kota yang diserbu oleh 70 ribu orang (tentera) yang terbahagi kepada dua kumpulan. Satu kumpulan di laut dan satu kumpulan lagi berada di darat. Mereka ini adalah keturunan Nabi Ishak (atau dalam riwayat lain, mereka berketurunan Nabi Ismail AS). Tetapi setibanya mereka di bandar tersebut, mereka tidak jadi berperang. Sebab ketika mereka mengucapkan* **LAILAHA ILLALLAH WALLAHU AKBAR**, *maka sebahagian (tentera) yang berada di laut sudah sampai di muka pintu kota. Dan ketika mengucapkan* **LAILAHA ILLALLAH WALLAHU AKBAR** *sekali lagi, maka sebahagian (tentera) yang berada di darat sudah sampai ke muka pintu kota juga. Lalu ketika mereka mengucapkannya sekali lagi, maka pintu gerbang kota itu pun terbuka (dengan sendirinya) dan mereka terus memasukinya lalu bermukim di sana. Ketika mereka sedang membahagi-bahagikan harta ghanimah itu, tiba-tiba ada yang meneriakkan, "Sesungguhnya*

Dajjal telah pun keluar!" Lalu mereka (segera) meninggalkan seluruh ghanimah tadi dan terus kembali ke rumah masing-masing."

Kejadian yang amat hebat seperti ini hanya dapat dilakukan melalui keramat Imam Mahdi, sambil dibantu oleh keramat wali-wali Allah yang lain, dan ditambah lagi dengan mukjizat Nabi Ilyas AS, seterusnya ditambah lagi dengan kekuatan malaikat yang ditugaskan menunaikan segala perintah Imam Mahdi. Dengan bercantumnya mukjizat rasul, keramat wali-wali dan kekuatan malaikat, kejadian yang amat pelik dan sangat dahsyat ini dapat dilakukan dan benar-benar terjadi di depan mata mereka. Kerana kemenangan ini, seluruh umat Islam di serata dunia bertakbir, bertasbih, bertahmid dan bertahlil dengan suara yang amat kuat sepanjang-panjang malam tanpa tidur-tidur.

Itulah cara sebenar dalam Islam apabila menyambut sesuatu kegembiraan yang bersangatan. Kemenangan ke atas pasukan Eropah dan Amerika Syarikat itu disambut dengan penuh kegembiraan. Terlalu banyak sebab seluruh umat Islam bergembira terhadap kemenangan ini. Ada dua sebab paling utama yang menyebabkan mereka begitu gembira iaitu dengan ini hapuslah kuasa kuffar dari atas muka bumi ini buat selama-lamanya dan yang tinggal kini hanyalah kuasa dan pemerintahan Islam sahaja. Sebab kedua ialah kemenangan ini menandakan bahawa segala sistem jahiliyah Barat itu berkubur dan umat Islam tidak perlu berasa takut terhadap apa-apa pun di atas muka bumi ini. Kini umat Islam dapatlah hidup dengan penuh aman, bahagia dan sentosa walau di mana sahaja di atas muka bumi ini. Kalimah Allah ditinggikan di serata pelosok dunia ini. Keempat-empat penjuru dunia kini ditadbir sepenuhnya menurut sistem pemerintahan Islam yang adil dan diredhai.

41. Nama Ketua Tentera ke Romawi

A. Sabda Nabi SAW,

"Tahir bin Asmak menyerang Bani Israel, kemudian dia mengalahkannya dan merampas segala perhiasan yang ada di Baitulmaqdis. Sebahagian harta-benda itu dibakar hingga hangus dan yang selebihnya diangkut dengan 1,700 buah kapal untuk dibawa ke Romawi."

Tahir bin Asmak itu bukanlah nama sebenarnya, tetapi merupakan nama yang diberikan oleh Rasulullah SAW dan namanya di atas langit. Namanya di bumi ini tidaklah demikian. Tahir itu maksudnya dia adalah seorang yang suci hatinya, iaitu seorang yang bertaraf wali yang mahfuz sejak kecil lagi hinggalah ke besarnya. Dia juga adalah seorang lelaki yang tulen iaitu berani, gagah dan cekap berperang. Kerana kesucian hatinya kepada Allah SWT, peperangan terbesar yang dipimpinnya itu berjaya mengalahkan sebuah demi sebuah negara-negara di Eropah, baik yang di Eropah Timur mahupun yang di Eropah Barat sehingga akhirnya seluruh Eropah berjaya ditawannya, manakala pemimpin Perancis berjaya ditangkap, ditawan, dibawa ke Malaysia dan seterusnya dihukum bunuh.

Seluruh harta rampasan perang dari Eropah yang tidak terkira banyaknya itu akan diangkut keluar dari Eropah menggunakan kapal-kapal besar yang jumlahnya hampir dua ribu buah.

42. Rom Dikalahkan dengan Takbir

A. Dari Huzaifah RA, sabda Nabi SAW,

"Bahawa mereka (tentera Islam) akan merobohkan benteng (kota) Romawi dengan mengucapkan takbir (sahaja)."

Rasulullah SAW tidak pernah berbohong terhadap apa yang diucapkannya. Baginda SAW

adalah seorang rasul yang bertaraf Ulul Azmi dan merupakan Sodiqul Masduq, mustahil cakapnya tidak benar. Logik atau tidak logik adalah soal lain. Apabila Rasulullah SAW sendiri yang menyebutkannya, maka perkara itu kenalah dilogikkan juga, walau dengan apa cara pun kerana baginda SAW hanya menyebutkan apa yang Allah SWT beritahu kepada baginda SAW. Semua ini bukanlah dengan nafsu baginda SAW sendiri atau baginda memandai-mandai sendiri.

Apa yang dipertikaikan oleh beberapa orang pemikir zaman ini adalah suatu yang sudah melampau. Mereka mendakwa keupayaan tentera Islam mengalahkan Rom dengan takbir sahaja sebagai suatu cerita dongeng. Apakah mereka ini berfikir bahawa Rasulullah SAW diutus untuk membawa cerita-cerita dongeng? Bacalah Surah Yasin, akan kita temui penyataan Allah SWT sendiri yang menyatakan bahawa baginda SAW bukanlah seorang tukang syair atau tukang cerita dongeng seperti yang didakwa.

43. Rom Kalah dengan Empat Takbir

A. Sabda Nabi SAW,

> *"Al-Mahdi akan menundukkan Romawi dengan meneriakkan empat kali takbir, lalu membunuh 600,000 nyawa. Dia akan mengeluarkan apa sahaja yang ada di Baitulmaqdis, Peti Tabut, maidah Bani Israel, Kalam Radhad, Halah Adam, tongkat Nabi Musa AS, mimbar Nabi Sulaiman AS, alat penyukat daripada Manna (wa Salwa) yang dijadikan dari tanah dan berwarna amat putih, yang Allah turunkan untuk Bani Israel dahulu. Al-Mahdi kemudian akan memasuki kota Qatik yang berukuran panjang 1,000 batu dan 500 batu (lebarnya), memiliki 360 pintu, yang mana setiap pintunya dijaga oleh 1,000 orang askar. Kemudian mereka meneriakkan empat kali takbir, maka runtuhlah benteng kota Qatik itu. (Mereka memasukinya) lalu merampas seluruh harta yang ada di dalamnya. Mereka kemudian tinggal di sana selama tujuh tahun. Semua harta yang ada di kota Qatik itu dipindahkan ke Baitulmaqdis. Kemudian ada berita yang menyatakan bahawa Dajjal telah keluar di tengah-tengah kaum Yahudi Asbihan."*

Hadis ini menjelaskan keadaan negara yang akan ditakluk oleh Imam Mahdi itu iaitu negara yang pada hari ini dikenali sebagai Amerika Syarikat. Negara itu memang sebuah negara yang amat luas, tinggi tamadunnya, lengkap persenjataannya, kuat pertahanan negaranya dan ramai jumlah askarnya. Mereka juga sangat menjaga sebarang kemasukan pasukan tentera ke dalam negaranya dan tinggi pula kelengkapan ketenteraan mereka. Dengan demikian mereka berasa bahawa tidak akan ada suatu kuasa pun yang dapat mengalahkan mereka. Dalam keadaan seperti itulah mereka dikalahkan dengan amat mudah oleh Imam Mahdi dan pasukan tenteranya.

Selepas kekalahan Amerika Syarikat ini, seluruh benua Amerika Utara yang meliputi Kanada juga turut takluk di bawah penguasaan Imam Mahdi dan tentera Islam. selepas penaklukan ke atas Amerika Syarikat ini, Imam Mahdi menumpukan pula perhatiannya ke Amerika Selatan, dan berjaya mengalahkan benua yang penuh sesak dengan penduduknya itu dalam masa yang singkat. Perlawanan-perlawanan yang diberikan tidak bererti apa-apa lagi kerana mereka tidak mendapat bantuan daripada kuasa Kristian Eropah, yang pada masa itu sedang sibuk berperang dengan tentera Islam. Akhirnya mereka hanya melihat sahaja kekalahan benua Amerika Selatan, iaitu pusat penganut Kristian terbesar di dunia itu ke tangan tentera Islam tanpa dapat berbuat apa-apa lagi. Itulah kekecewaan yang sangat besar, paling memilukan dan pukulan terhebat bagi kuasa Kristian di Eropah.

44. Seluruh Eropah Bakal Kalah dan Memeluk Islam

A. Kata sahabat RA,

> *"Seluruh pertahanan Romawi dan bandar-bandarnya akan ditakluki oleh al-Mahdi dengan (hanya) meneriakkan tahlil dan takbir."*

Hal ini sudah dijelaskan dalam beberapa keterangan yang telah diberikan dalam bahagian-bahagian yang telah lalu sebutannya. Maka tidaklah perlu diperpanjangkan lagi di sini.

45. Seluruh Eropah Akan Diislamkan

A. Sabda Nabi SAW,

> *"Sesungguhnya mereka akan menundukkan Kostantinopel dan Romawi dengan membunuh 40,000 orang. Mereka lalu merampas emas dan mutiara yang amat banyak. Mereka akan tinggal di sana selama setahun dan juga mendirikan masjid-masjid. Mereka akan menghantar sebahagian dari harta tersebut ke bandar-bandar lain. Ketika mereka sedang sibuk membahagi-bahagikan harta rampasan perang itu, tiba-tiba mereka dikejutkan dengan berita keluarnya Dajjal yang pada ketika (berita) itu sampai, telahpun mengalahkan keluarga-keluarga mereka di Syam. Kemudian mereka pun kembali semula ke Syam."*

Hadis inilah yang paling menakutkan pihak Eropah selama ini. Mereka sentiasa menanti masa sahaja siapakah dia Muhammad Kedua yang akan bangkit semula menawan Eropah. Selagi Muhammad Kedua itu belum bangkit lagi ke dunia ini, mereka tetap mengatur persenjataan, kelengkapan dan strategi peperangan untuk digunakan pada bila-bila masa yang diperlukan nanti. Kerana itulah kita lihat pada hari ini, Nato sentiasa mengemaskinikan pasukan tenteranya di mana-mana sahaja, meletakkan mereka di semua kedudukan yang dirasakan strategik, melengkapkan mereka dengan senjata yang paling canggih, membarisinya dengan peralatan perang paling kuat yang mampu mereka sediakan dan sentiasa mengatur strategi peperangan yang dirasakan paling berkesan. Mereka juga melatih askar-askarnya menjadi askar-askar elit yang tahan lasak dan cekap dalam banyak bidang.

Namun mereka lupa bahawa apa yang telah ditakdirkan oleh Allah tetap akan berlaku. Eropah tetap akan ditawan oleh tentera Islam, biar berapa kebal sekalipun pasukan tentera Nato itu, dan sekalipun mereka bersatu dalam menentang kemaraan tentera Islam itu nanti. Kekuatan persenjataan dan logistik tidak akan mampu melawan kekuatan keramat pemimpin-pemimpin Islam itu dan kemahuan untuk syahid tidak dapat dilawan oleh kekuatan mental askar Nato berkenaan.

46. Imam Mahdi Turut Berperang di Eropah

A. Huzaifah RA berkata,

> *"Saya mendengar Rasulullah SAW bersabda, "Al-Mahdi akan mengambil dan mengembalikan semua harta tadi ke Baitulmaqdis. Kemudian dia dan orang-orang yang bersama-samanya berjalan hingga melalui Romawi, iaitu sebuah kota yang berukuran 100 suq, yang mana setiap suq berukuran 100,000 kaki lalu bandar ini dikalahkan. Kemudian mereka melalui kota al-Qatik yang berada di Laut Akhdar yang diliputi harta-benda, yang ukuran panjangnya (kota tersebut) 1,000 batu dan lebar 500 batu serta mempunyai 3,000 buah pintu."* (Abu Nuaim)

Untuk memberi semangat kepada pasukan tentera Islam, Imam Mahdi sendiri akan memimpin pasukan tentera Islam semasa mereka menawan Eropah. Kedatangan Imam Mahdi ini adalah dengan memakai serban yang berwarna biru, dan apabila mereka mendengar nama Imam Mahdi sahaja, takut mereka kepadanya sudah hampir sampai ke ulu hati mereka, hanya tidak dinyatakan keluar sahaja.

47. Kekuasaan Imam Mahdi Meliputi Seluruh Dunia

A. Sabda Nabi SAW,

"Al-Mahdi akan menguasai seluruh dunia sebagaimana yang pernah dilakukan oleh Zulkarnain dan Nabi Sulaiman AS."

Allah SWT memuliakan seluruh umat Islam ini dengan memberikan mereka nikmat yang pernah diberikan kepada umat-umat sebelumnya. Salah satu nikmat yang diberikan itu ialah kekuasaan ke atas seluruh dunia ini. Kali ini nikmat ini benar-benar dirasai oleh sekalian umat Islam dan pemerintahan Imam Mahdi itu benar-benar meliputi seluruh dunia, dari kutub ke kutub, dari Timur ke Barat dan dari hujung ke hujung. Maknanya, seluruh empat penjuru dunia habis dikuasai oleh Imam Mahdi, dan pemerintahannya pula amat adil sungguhpun wilayah tabdirannya amat luas dan jauh. Inilah satu lagi kelebihan Imam Mahdi yang tidak diberikan-Nya kepada sesiapa pun sebelumnya.

48. Lama Pemerintahan Imam Mahdi Sebelum Dajjal Muncul

A. Kata sahabat RA,

"Al-Mahdi akan memerintah selama tiga puluh atau empat puluh tahun."

Tempoh tiga puluh tahun yang dimaksudkan itu adalah tempoh sejak Imam Mahdi mula-mula mengambil tampuk pemerintahan dunia ini. Tempoh empat puluh tahun yang disebutkan itu adalah tempoh keseluruhan pemerintahan Imam Mahdi ke atas seluruh dunia ini. Kerana itulah para sahabat RA menyebutkan dua angka yang berlainan sebagai menunjukkan perbezaan pengiraan. Dan hal ini hanya benar-benar dapat difahami dan dimengertikan oleh orang yang telah diberikan hidayah oleh Allah SWT ke dalam hatinya.

49. Imam Mahdi dan Ikhwan

A. Muhammad bin Ali al-Hanafiah RH berkata,

"Kami sedang bersama-sama dengan Sayidina Ali KMW apabila seorang lelaki bertanya tentang Al-Mahdi. Imam Ali KMW berkata, "Begini." Lalu ditemukannya jari-jarinya sambil dikira sampai tujuh dan berkata, "Dia akan muncul pada akhir zaman ketika orang-orang (munafik) berkata bahawa Allah telah mati. Kemudian melaluinya (Al-Mahdi) Allah mendatangkan untuk mereka awan mendung yang menutupi langit lalu Allah mempertautkan antara hati mereka sehingga mereka tidak berasa keseorangan lagi malah akan lebih gembira jika ada orang lain yang menyertainya. Bilangan mereka adalah seperti pasukan Badar. Sama ada mereka itu pada permulaannya yang mendapatinya atau yang kemudian lalu menyertainya. Bilangan mereka tetap (sama) seperti bilangan tentera Talmut yang berjaya menyeberangi sungai dengannya (Talut)."

B. Sesungguhnya pada suatu hari Rasulullah SAW bertanya kepada para Sahabatnya,

> *"Orang mukmin yang manakah yang paling dikagumi akan iman mereka?"* Para Sahabat RA menjawab, *"Para malaikat."* Jawab Nabi SAW, *"Bagaimana tidak para malaikat itu beriman kerana mereka berada di sisi Tuhan mereka."* Para Sahabat RA menjawab, *"(Kalau begitu) para nabi."* Jawab Nabi SAW, *"Bagaimana mereka itu tidak beriman sedangkan wahyu Allah diturunkan kepada mereka."* Jawab Sahabat RA, *"(Kalau begitu) maka kamilah."* Jawab Nabi SAW, *"Bagaimana kamu semua tidak beriman sebab aku dizahirkan berada di tengah-tengah kamu. Sesungguhnya orang mukmin yang dikagumi imannya adalah orang-orang yang datang selepas kamu, mereka hanya membaca lembaran-lembaran sahaja lalu mereka beriman dengan isi-isi lembaran itu."* (Al-Bukhari)

Ikhwan ini berjumlah 314 orang, dan sebahagian daripadanya adalah wanita. Mereka ini adalah penolong-penolong kanan Imam Mahdi dan dididik oleh Pemuda Bani Tamim sehingga menjadi golongan yang bertakwa dan kasihkan Tuhan sepenuh hati. Mereka ini dipilih melalui dua peringkat seperti yang dijelaskan iaitu sama ada mereka adalah golongan menganggotainya sejak awal lagi atau masuk kemudian lalu menyertainya. Golongan yang awal menyertainya ada dua golongan pula, iaitu yang benar-benar ikhlas berjuang dan sabar menempuh ujian berat atau golongan yang tercicir daripada perjuangan lalu terkeluar. Golongan yang tertapis ini adalah hati yang benar-benar berhati pejuang. Golongan kedua adalah mereka yang mendapat hidayah Allah SWT lalu dipilih-Nya mereka untuk memasuki dan mengikuti perjuangan ini lalu menjadi ahli baru, menggantikan sebahagian besar ahli lama yang telah tercicir tadi.

Mereka ini adalah salah satu golongan yang iman mereka sangat dikagumi oleh Allah SWT dan Rasulullah SAW seperti yang tersebut di dalam hadis di atas. Mereka lahir jauh daripada zaman kenabian tetapi iman mereka amat tinggi seolah-olah mereka pernah melihat Rasulullah SAW dan hidup sezaman dengannya.

50. At-Talakan

A. Kata Sayidina Ali KMW,

> *"Sejahteralah kepada At-Talakan. Sungguh, pada Allah itu ada perbendaharaan-Nya, bukan emas atau perak tetapi lelaki-lelaki yang mengenali Allah dengan ilmu yang hakiki dan mereka akan membantu Al-Mahdi pada akhir zaman."*

Mereka ini adalah golongan yang amat istimewa, pembantu-pembantu kanan Imam Mahdi dan juga wakil-wakil Imam Mahdi untuk memerintah seluruh dunia ini. Dengan keberadaan mereka, Allah SWT menurunkan ilmu dan kefahaman kepada setiap manusia secara yang amat merata, tidak lagi terkumpul hanya di universiti-universiti atau institusi-institusi pengajian tinggi semata-mata. Ilmu Allah adalah milik setiap umat Islam, bukan milik segolongan manusia sahaja, sepatutnya disebarkan oleh para ulama kepada sekalian manusia, tidak terhad kepada yang masuk universiti semata-mata.

Penerangan mengenai golongan ini sudah diberikan dalam bahagian-bahagian yang terdahulu, dengan huraian yang agak ringkas tetapi dirasakan memadailah untuk kali ini.

51. Ar-Rufaqak dan Wali Abdal

A. Sayidina Ali KMW berkata,

> *"Apabila dia yang dari ahli keluarga Muhammad SAW keluar, Allah akan mempertemukan para pengikutnya dari Timur dan Barat dengannya, seperti bertemunya awan-awan pada musim luruh. Mereka adalah ar-Rufaqak, mereka datang daripada penduduk Kufah, dan Wali Abdal yang datang daripada penduduk Syam."*

Mereka ini adalah sebahagian daripada golongan Ikhwan yang diisyaratkan oleh Rasulullah SAW dan para Sahabat RA dalam beberapa keterangan dan telah disebutkan dalam bahagian-bahagian terdahulu. Mereka ini adalah juga penolong-penolong kanan Imam Mahdi dalam setiap urusan yang memerlukan pertolongan mereka. Mereka juga adalah golongan yang amat bertakwa kepada Allah SWT setiap masa dan dimuliakan oleh sekalian manusia seperti yang selayaknya mereka terima.

Kemunculan Dajjal, Mosyiakh Laknatullah

Banyak istilah Arab dan Yahudi yang bunyinya hampir sama. Yang paling senang diingat ialah sebutan nombor dari satu hingga sepuluh, yang kesemuanya amat hampir bunyinya. Contoh lain ialah kebanyakan huruf **sin** dalam sebutan Arab, sama dengan **syin** bagi sebutan Yahudi. Umpamanya kalimah ***Salam*** dalam bahasa Arab, disebut ***Syalom*** dalam bahasa Yahudi. Nabi ***Isa*** dalam bahasa Arab sedangkan orang Yahudi menyebutnya ***Yasyuk***. Dan begitulah sebaliknya, huruf **syin** dalam bahasa Arab, bersamaan dengan **sin** dalam sebutan Yahudi.

Dalam hal ini, perkataan ***Al-Masih*** dalam bahasa Arab bermaksud yang *ditunggu*, *yang dinanti-nanti*. Orang Yahudi menyebutnya sebagai ***Mosyiakh***.

Perkataan Arab ***Masikh***, iaitu Nabi Palsu, sama bunyi sebutannya dengan ***Mosyiakh***, dalam bahasa Yahudi, bermaksud yang ditunggu-tunggu atau dinanti-nantikan. Dan orang-orang Yahudi tidak pernah menyebutkan siapa dia ***Masikh*** yang dimaksudkan itu, sama ada Nabi Isa AS atau Imam Mahdi AS ataupun Dajjal.

Berdasarkan pengertian harfiah tersebut, jelaslah bahawa orang-orang Yahudi sedang menunggu-nunggu datangnya **Mosyiakh** untuk memimpin mereka, yang dapat difahami bahawa orang-orang Yahudi akan mengikut ***Nabi Palsu*** (**Mosyiakh**), dan sekali lagi akan menolak Nabi Isa AS, iaitu **Al-Masih** yang sebenarnya. Dan keluarnya Dajjal kelak, akan menjadi ***Mosyiakh*** terbesar bagi mereka dan memimpin mereka untuk menguasai semula dunia. Pada masa itu, mereka akan bersatu di bawah pimpinan Dajjal menentang kuasa Islam yang sedang menguasai seluruh dunia

ketika itu. Itu adalah pengertian daripada istilah yang secara harfiah, bukan menurut erti hakikatnya.

Selain itu, menurut bahasa Arab juga, perkataan *Al-Masih* diambil dari perkataan Yahudi ***masyiha*** bermaksud *Al-Masmuh* iaitu yang dimaafkan atau yang diampunkan atau yang dibebaskan. Perkataan ini adalah sesuai untuk Nabi Isa AS, bukannya untuk Dajjal. Ini bermaksud Nabi Isa AS adalah orang yang maafkan atau diampunkan atau orang yang dibebaskan daripada kesesatan umat Kristian di seluruh dunia yang menjadikannya sebagai tuhan ketiga.

Perkataan ***Al-Masih*** yang digunakan di hadapan nama Nabi Isa AS dan di hadapan nama Dajjal itu adalah **isim sifat** yang diambil dari perkataan *masaha* yang bererti **dihapuskan**. Bezanya, kalimah Al-Masih untuk Nabi Isa AS bererti ***dihapuskan kesalahan-kesalahannya*** manakala bagi Dajjal pula, kalimah Al-Masih itu bererti ***dihapuskan kebaikan-kebaikannya***.

Perkataan **Al-Masih** juga diambil dari kata *yamsahu* iaitu bererti ***dipermudahkan jalannya*** iaitu berjalan ke sana ke mari di atas dunia ini dengan kadar yang amat cepat, atau ringkasnya disebut ***penjelajah dunia***. Memang Dajjal itu dipermudahkan jalannya oleh Allah SWT sehingga dia hanya perlu berjalan beberapa langkah sahaja untuk sampai ke mana-mana pun di atas muka bumi ini. Tujuan mereka adalah untuk menyesatkan seluruh umat manusia dari jalan yang lurus dan mereka juga tidak mahu menerima dakwah Islamiah yang dibawa oleh Imam Mahdi.

Hal ini tidaklah mustahil atau sukar kerana menurut sejarah pun, memang bangsa Yahudi adalah bangsa yang paling keras hati, paling degil dan paling susah menerima dakwah para rasul mereka. Sebab itulah, hampir dua pertiga daripada rasul yang ada, adalah datangnya dari bangsa Yahudi. Rasul-rasul yang paling banyak wafat dibunuh oleh sesuatu kaum pun adalah dari kalangan bangsa Yahudi. Mereka cukup susah menerima dakwah mana-mana rasul pun, termasuk Nabi Musa AS dan Nabi Isa AS dahulu. Maka tidak hairanlah jika Nabi Isa AS turun semula ke dunia nanti, beliau pun akan tetap ditolak oleh kalangan bangsa Yahudi yang cukup keras hati, paling degil dan paling susah menerima dakwah itu. Mereka lebih rela menerima kematian di tangan Nabi Isa AS daripada mengubah iktikad mereka yang salah dan sesat itu yang diwarisi daripada nenek moyang mereka dahulu kepada agama Islam yang suci.

Mereka lebih rela mengikut ajakan Dajjal yang mengutamakan dunia itu, sehingga jadilah mereka sebagai ahli dunia yang sejati. Mereka adalah bangsa yang lebih cenderung melakukan kejahatan dan kezaliman, serta kesesatan akidah. Lihatlah bagaimana sewaktu Nabi Musa AS bermunajat di Bukit Tursina dahulu, bangsa Yahudi yang hanya ditinggalkan selama empat puluh hari sahaja, sudah berbalik mengikut ajakan ***Dajjal Muda*** (ketika itu digelar Samiri, kerana dia berasal dari Kampung Samir, di Mesir) yang menyeru mereka supaya menyembah anak patung lembu yang diperbuat daripada emas dan boleh bercakap-cakap. Mereka juga menyembah api dan meninggalkan Allah, Tuhan yang menciptakan api yang mereka sembah itu.

Demikianlah serba sedikit mengenai Dajjal, makhluk yang amat dahsyat fitnahnya terhadap manusia dan seluruh dunia ini, yang tidak pernah berlaku lagi sebelumnya peristiwa yang sedahsyat dan sebesar ini. Itulah sekali dan tidak akan ada kali keduanya lagi di atas dunia ini. Dan dalam bahagian ini, tumpuan tidak diberikan kepada peribadi Dajjal itu, hanya disorot sekali lalu sahaja, kerana tumpuan utama kita ialah kepada umat Islam dan pemimpin mereka iaitu Imam Mahdi. Bukan tempatnya di dalam buku ini untuk memperincikan mengenai peribadi yang bergelar Dajjal As-Samiri Laknatullah itu.

1. Tempoh Keluarnya Dajjal Dengan Penaklukan Eropah Adalah Setahun

A. Sabda Nabi SAW,

"Al-Mahdi akan memerangi Romawi selama ***tiga hari****. Pada hari ketiga itulah Romawi runtuh. Kemudian mereka menyerang Kostantinopel. Ketika mereka sedang membahagi-bahagikan emas (rampasan perang) di Kostantinopel dengan menggunakan belakang perisai, tiba-tiba ada orang yang berteriak, "Sesungguhnya Dajjal telahpun menundukkan keluarga-keluarga kamu semua."*

B. Sabda Nabi SAW,

"… (hadisnya panjang, dipendekkan) … apabila datang kepada kamu semua seorang peneriak yang meneriakkan, "Sesungguhnya Dajjal telah keluar!" Maka mereka pun semuanya meninggalkan seluruh harta-benda yang ada dan terus pulang ke rumah masing-masing."

C. Dari Abdullah bin Busri RA berkata, Rasulullah SAW bersabda,

"(Jarak masa) antara pembantaian (Malhamah al-Uzma) dan penaklukan kota-kotanya adalah enam tahun dan Dajjal akan keluar pada tahun yang ***ketujuh****."*

(Ibnu Majah)

D. Dari Muaz bin Jabal RA, dari Nabi SAW bersabda,

"(Jarak masa antara) pembantaian paling besar (Malhamah al-Uzma), penaklukan Kostantinopel (Eropah) dan keluarnya Dajjal adalah dalam masa ***tujuh bulan****."*

(Ibnu Majah)

E. Dari Abu Hurairah RA katanya, Nabi SAW bersabda,

"Orang-orang Rom akan ditawan oleh seorang pemimpin dari ahli keluargaku yang namanya sama dengan namaku. Mereka akan bertempur di suatu tempat yang bernama Al-Imaq, lalu sepertiga daripada tentera Islam terbunuh. Mereka berperang lagi besoknya dan sepertiga daripada tentera Islam terbunuh. Pada ***hari ketiga****, mereka berperang lagi dan tentera Rom ditewaskan. Mereka akan terus berada di sana sehinggalah mereka membuka Kostantinopel. Pada ketika itulah datang seorang pembawa berita yang menyatakan bahawa Dajjal telah pun keluar dan menundukkan keluarga-keluarga mereka."*

(Ibnu Hibban, At-Tarmizi, At-Tabrani, Al-bazar, Abu Nuaim & Al-Hakim)

Hadis-hadis ini menjelaskan tempoh penaklukan umat Islam terhadap seluruh Eropah. Jika kita mahu mencantumkan antara beberapa keterangan seperti di atas, kita akan dapati suatu jalan keluar yang amat molek dan tepat dengan apa yang dikehendaki oleh baginda SAW sendiri. Tempoh yang dimaksudkan itu adalah tujuh tahun tujuh bulan dan tiga hari iaitu menurut ukuran pada orang-orang Islam. Dan seperti yang dijelaskan, Dajjal akan keluar pada tahun yang ketujuh , atau lebih tepat lagi setahun selepas seluruh benua Eropah berjaya ditawan oleh tentera Islam dan pasukan tentera Islam itu masih belum sempat pulang ke rumah masing-masing.

2. Jangan Ambil Harta Ghanimah Ketika Dajjal Keluar

A. Sabda Nabi SAW,

"Sesungguhnya pasukan yang akan menundukkan Kostantinopel adalah pasukan (dari) Hijaz. Mereka memperolehi harta yang amat banyak yang belum pernah ada yang menyamainya. Kemudian mereka dikejutkan oleh (suara) orang yang meneriakkan tentang keluarnya Dajjal. (Setelah mendengarkan hal itu) mereka lantas membuang harta-harta tadi semahu-mahunya. Ada di antara mereka yang mengambil (harta itu lalu dibawa pulang) dan ada pula yang tidak mengambilnya. Setiap yang bertaubat, maka mereka tidak mengambil harta-harta (ghanimah) tadi walau sedikit pun. Kemudian mereka (berundur) melanjutkan perjalanan ke kampung mana pun yang terdekat dengan Baitulmaqdis."

(Al-Hakim)

Semasa Dajjal keluar ke dunia ini, umat Islam dilarang mengambil harta benda. Biarkan sahaja di mana harta itu terletak kerana apabila Dajjal keluar, harta benda tadi tidak akan berguna lagi. Yang berguna pada masa itu adalah bekalan makanan sahaja kerana apabila Dajjal keluar, semua jenis makanan semakin sukar didapati di mana-mana sahaja di atas muka bumi ini. Apa gunanya harta benda jika makanan tiada? Sebab itulah kita disuruh tinggalkan sahaja harta benda yang ada, dan kumpulkan apa-apa sahaja makanan yang dapat dikumpulkan.

3. Datang Khabar Dajjal Telah Keluar

A. Dari Abu Hurairah RA katanya, Nabi SAW bersabda,

> *"Orang-orang Rom akan ditawan oleh seorang pemimpin dari ahli keluargaku yang namanya sama dengan namaku. Mereka akan bertempur di suatu tempat yang bernama Al-Imaq, lalu sepertiga daripada tentera Islam terbunuh. Mereka berperang lagi besoknya dan sepertiga daripada tentera Islam terbunuh. Pada hari ketiga, mereka berperang lagi dan tentera Rom ditewaskan. Mereka akan terus berada di sana sehinggalah mereka membuka Kostantinopel. Pada ketika itulah datang seorang pembawa berita yang menyatakan bahawa Dajjal telah pun keluar dan menundukkan keluarga-keluarga mereka."*
>
> (Ibnu Hibban, At-Tarmizi, At-Tabrani, Al-bazar, Abu Nuaim & Al-Hakim)

Hadis ini adalah lanjutan daripada penerangan yang telah diberikan sebelumnya. Oleh itu, tidaklah perlu lagi dihuraikan maksudnya pada bahagian ini.

4. Umat Islam Hidup Sengsara Semasa Dajjal Keluar

A. Hadisnya panjang, dipendekkan… Rasulullah SAW ditanya lagi,

> *"Bagaimanakah kelajuan perjalanannya di bumi?" Jawab Rasulullah, "Seperti hujan yang ditiup angin. Dalam tiga tahun sebelumnya, tidak ada hujan dan sudah tidak ada tumbuh-tumbuhan. Dalam tahun kedua, air dan tumbuh-tumbuhan hanya tinggal dua pertiga sahaja dan pada tahun ketiganya pula, semuanya sudah tidak ada lagi." Waktu itu, tidak ada pokok yang mengeluarkan buah-buahan melainkan habis (mati), kecuali yang disisihkan oleh Allah." Rasulullah SAW ditanya lagi, "Wahai Rasulullah, kalau begitu keadaannya, apakah yang akan dimakan oleh umat manusia?" Rasulullah menjawab, "Tasbih, tahmid, tahlil dan takbir pada masa itu berfungsi seperti makanan."*

Setelah Dajjal muncul, umat Islam terkepung di beberapa tempat dan berkumpul di tempat-tempat itu. Tidak lama selepas itu, kekurangan makanan pula berlaku dan diikuti tidak lama selepas itu oleh kebuluran. Umat Islam kian dicengkam oleh kelaparan yang amat sangat sehingga kebanyakan mereka yang sudah tidak tahan dengan keadaan ini akhirnya mengalah kepada Dajjal. Ada yang bertahan tetapi terpaksa memakan apa-apa sahaja seperti kertas lama yang dicelup ke dalam air, batang-batang kayu dan tulang-tulang kering yang ditumbuk halus-halus. Bagi golongan yang lebih takwanya mereka hanya *makan dan minum* melalui zikir-zikir yang mereka amalkan sehari-hari itu.

5. Ujian Dajjal Amat Berat

A. Sabda Nabi SAW,

> *"Pada akhir zaman nanti, akan ada ujian yang amat berat sehingga manusia (yang beriman)*

akan diasingkan (daripada orang-orang kafir, syirik, fasik, munafik dan asi) seperti emas diasingkan daripada batu dan besi."

B. Kata Hasan bin Atiyah RH, sabda Nabi SAW,

"Yang akan (benar-benar) terselamat daripada fitnah Dajjal itu (dari kalangan orang-orang yang beriman) hanyalah dua belas ribu orang lelaki dan tujuh ribu orang wanita."

(Abu Nuaim)

Keadaan ini adalah sebagai penjelasan sahaja kepada penjelasan yang telah diberikan sebelum ini. Ujian yang dibawa oleh Dajjal amat berat hingga tidak tertanggung oleh ramai manusia. Akhirnya ramai yang mendapatkan Dajjal sambil mengaku ketuhanannya. Dengan ini terlepaslah mereka daripada derita dunia yang sementara dan jadilah mereka in sebagai pengikut Dajjal. Hal ini bukan sahaja berlaku kepada penganut-penganut agama lain di dunia ini, malah ramai juga umat Islam yang berpaling dan mengikut Dajjal kerana mereka mahukan makanan dan minuman yang dibawa olehnya itu supaya mereka terselamat daripada kebuluran yang amat bermaharaja lela.

Yang benar-benar terselamat daripada fitnah Dajjal seperti yang dimaksudkan itu bukanlah benar-benar sejumlah yang dinyatakan itu. Jumlah yang dinyatakan itu adalah dari kalangan pemimpin-pemimpin kanan mereka yang tidak tergugat hati dan iman mereka terhadap ujian Dajjal itu. Bagi mereka ujian Dajjal ini adalah kecil sahaja kerana bentuk ujiannya itu dapat dilihat dengan mata kasar dan sudahpun diketahui sejak awal-awal lagi. Ada ujian yang lebih halus dan tidak berapa disedari oleh hati manusia, dan bentuk ujian yang seperti inilah yang lebih mereka takutkan jika dibandingkan dengan ujian Dajjal itu.

Malah dengan turunnya Dajjal itu, iman mereka yang seramai ini semakin bertambah tebal dan keyakinan mereka semakin bertambah kental. Mereka yakin seyakin-yakinnya bahawa memang inilah Dajjal seperti yang telah disabdakan oleh baginda SAW dalam banyak hadisnya yang diriwayatkan orang. Kerana itu mereka tidak pernah takut terhadap ancaman dan dugaan Dajjal itu dan mereka juga bertambah yakin bahawa Nabi Isa AS akan benar-benar turun untuk menyelamatkan mereka daripada Dajjal itu.

Orang-orang Islam yang lain itu juga terselamat daripada fitnah Dajjal tetapi ada yang hanya mampu bersabar dan ramai pula yang kurang sabar dengan keadaan yang amat tidak menyenangkan mereka itu. Mereka ini bukanlah golongan yang akan mendiami kedudukan syurga yang tinggi kelak, mereka hanya akan mendapat kedudukan syurga yang biasa, sesuai dengan tahap kesabaran dan keimanan masing-masing. Setiap orang daripada mereka ini akan melapik perut dengan batu besar untuk mengelakkan dari rasa pedih di dalam perut kerana telah sekian lama tidak menerima makanan. Jika makan pun, tiada yang benar-benar berkhasiat dan enak. Air susah didapati manakala makanan hampir tiada lagi diperoleh walau di mana pun.

Ingatlah, hati yang tidak kuat dengan Allah SWT adalah hati yang lemah, sakit dan tidak pernah puas dan tenang. Itulah yang akan terjadi kepada manusia yang hatinya bertumpu kepada dunia semata-mata tanpa memikirkan makanan rohnya yang mesti diutamakan. Makanan hati ialah zikir dan menimba ilmu yang yakin. Orang yang kuat keyakinan kepada Allah SWT tidak pernah gentar menghadapi perjalanan hidup. Apa sahaja cubaan yang datang akan dihadapi dengan tenang dan mereka juga tidak mudah dipengaruhi oleh sebarang bentuk dugaan dan tarikan. Akhirnya mereka inilah golongan yang berjaya di dunia dan berjaya pula di akhirat.

Pemerintahan Imam Mahdi Selepas Kematian Dajjal

1. Nabi Isa AS Turun Menyelamatkan Umat Islam

A. Sabda Nabi SAW,

> *"Ketika al-Mahdi dan umat Islam yang turut berada di Baitulmaqdis mahu mengerjakan sembahyang subuh, tiba-tiba Isa bin Maryam turun. Maka al-Mahdi mundur ke belakang agar Nabi Isa ke hadapan untuk menjadi imam (sembahyang subuh mereka). Lantas Nabi Isa meletakkan kedua-dua belah tangannya ke atas kedua-dua belah bahu al-Mahdi sambil berkata, "Silakan maju ke hadapan dan jadi imamlah. Sesungguhnya (sembahyang subuh) ini diiqamatkan untukmu." Maka al-Mahdi menjadi imam bagi para mukmin dan Nabi Isa AS."*
>
> (Ibnu Majah & Abu Nuaim)

B. Sabda Nabi SAW,

> *"Al-Mahdi memalingkan kepalanya ke kanan dan ke kiri (memerhatikan makmum pada saf pertama), maka ketika itulah Nabi Isa turun dari langit, laksana menitisnya air daripada rambut al-Mahdi. Lantas al-Mahdi berkata, "Sila ke depan dan jadilah imam (kami)." Nabi Isa menjawab, "Sesungguhnya sembahyang ini diiqamatkan untukmu." Kemudian Nabi Isa sembahyang di belakang seorang lelaki daripada keturunanku."*
>
> (At-Tabrani & Abu Nuaim)

Setelah cukup empat puluh hari Dajjal memerintah dunia dengan keadaan yang amat menderitakan seluruh kemanusiaan, manusia yang mengikutinya mulai amat sedar betapa silapnya mereka kerana terlalu mengikut cakap-cakap Dajjal itu. Betapa jauhnya perbezaan antara pemerintahan Islam sebelumnya dengan pemerintahan Dajjal yang sedang memerintah pada hari ini. Pemerintahan Islam cukup ideal dan baik, membawa rahmat yang tidak terhingga kepada seluruh manusia, malah yang kafir pun turut mendapat limpahan nikmat yang Allah turunkan. Pemerintahan Dajjal ini bukannya membawa kebaikan, malah orang yang menuhankannya pun turut mendapat susah dan takut. Begitu jauhnya perbezaan antara kedua-dua bentuk pemerintahan ini.

Namun untuk berpatah balik amatlah sukar pula, malah boleh dikatakan bahawa pintu taubat sudahpun Allah tutup untuk setiap yang mengikut Dajjal itu. Maka mereka menjadi golongan yang amat menyesal. Dalam keadaan yang penuh menyesal itulah Allah turunkan Nabi Isa AS kepada umat Islam, membawa khabar berita yang amat menggembirakan seluruh umat Islam yang sedang sangat menderita itu. Turunnya Nabi Isa AS bukanlah sebagai seorang rasul yang akan mengembangkan ajaran baru. Tugas itu sudahpun ditutup dengan wafatnya Rasulullah SAW lebih seribu empat ratus tahun dahulu.

Tugas pertama Nabi Isa AS adalah sebagai pembunuh Dajjal. Untuk tujuan itu, Nabi Isa AS diturunkan oleh Allah pada waktu subuh, ketika umat Islam sedang berdiri untuk mengerjakan sembahyang subuh. Turunnya Nabi Isa AS ini memang mengejutkan seluruh umat Islam. Selepas sembahyang subuh itulah Nabi Isa AS bersiap-siap untuk membunuh Dajjal seperti yang Allah SWT perintahkan kepadanya sebelum turun ke bumi ini. Dari mana turunnya Nabi Isa AS itu tidak perlulah dikaji-kaji dan dicungkil-cungkil. Yang penting sekali, Nabi Isa AS sudahpun turun semula ke dunia, dalam keadaan seolah-olah orang yang baru berusia 33 tahun, sama seperti keadaannya sewaktu diselamatkan oleh Allah daripada ditangkap oleh ***Yahuza Iskarius***, anak muridnya yang membelot dahulu.

2. Nabi Isa AS Menjadi Makmum

A. Nabi SAW bersabda,

> *"Sekumpulan orang dari umatku akan berjuang menegakkan kebenaran sehingga hampir tibanya kiamat, apabila Isa anak Marian AS turun, dan pemimpin mereka memintanya mengimamkan sembahyang, tetapi Isa AS menolaknya sambil berkata, "Tidak, sesungguhnya di kalangan kamu ada orang yang Allah telah jadikannya pemimpin ke atas yang lain dan Dia telah menzahirkannya untuk kamu semua."* (Muslim)

Allah SWT telah menurunkan Nabi Isa AS sebagai suatu rahmat bagi sekalian umat Islam yang ada pada masa itu. Dan sebelum Nabi Isa AS turun semula ke dunia ini, Allah akan turunkan terlebih dahulu Dajjal. Sebelum Dajjal itu dimunculkan ke dunia ini, Allah akan utuskan Imam Mahdi untuk memimpin seluruh manusia kepada Islam dan iman yang hakiki. Sebelum Imam Mahdi muncul, wajib muncul dahulu Pemuda Bani Tamim yang akan mendirikan tapak pemerintahan untuk Imam Mahdi. Jadinya, ketiga-tiga pemimpin besar Islam itu dan juga Dajjal keluarnya adalah berturut-turut dan berkait-kait, tidak dapat dipisahkan lagi. Dan keempat-empat mereka ini adalah sekumpulan tanda-tanda besar kiamat yang awal. Selepas Nabi Isa AS wafat, maka kiamat sudah tidak dapat dielakkan lagi dan hanya menunggu saat sahaja untuk berlaku.

Nabi Isa AS turun pada kali ini adalah sebagai seorang umat Islam, bukan sebagai seorang rasul. Tugasnya sebagai seorang rasul sudah terhapus walaupun jawatannya tetap ada dan tetap juga berjawatan Ulul Azmi seperti dahulu. Hanya tugasnya menjalankan risalah sahaja yang sudah tidak ada lagi. Jika ada pun, hanyalah menjalankan risalah agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW, seperti yang biasa dilakukan oleh Imam Mahdi dan pendakwah-pendakwah lain. Itu sahaja dan tidak lebih daripada itu.

3. Nabi Isa AS Membunuh Dajjal

A. Sabda Nabi SAW,

> *"… Kemudian semasa tentera Islam sedang mempersiapkan perang dan mengatur barisan, dan pada masa itu sembahyang akan didirikan, Isa bin Maryam turun, lalu mendatangi tentera Islam ini. Ketika itu, apabila musuh-musuh Islam melihat Isa bin Maryam, maka mereka pun (hancur) luluh seperti luluhnya garam di dalam air. Seandainya Isa bin Maryam tidak mendatangi (untuk membunuh) mereka, musuh-musuh Islam itu telahpun (sedia) luluh, sehingga dapat dikalahkan dengan mudah sahaja. Akan tetapi Allah (memang telah menetapkan bahawa Dia) bermaksud*

mahu membunuh Dajjal itu melalui tangan Nabi Isa. Kemudian Nabi Isa memperlihatkan darah Dajjal yang mengalir di hujung tombaknya (kepada umat Islam itu).”
(Muslim)

B. Sabda Nabi SAW,

“Dajjal itu diikuti oleh 70,000 orang Yahudi Asbihan yang semuanya memakai jubah hijau. Apabila mereka melihat Nabi Isa, maka luluhlah mereka seperti luluhnya garam di dalam air. Maka Dajjal pun melarikan diri (daripada Nabi Isa AS). Nabi Isa kemudian berkata, “Aku pasti akan membunuh kamu dan kamu tidak akan berupaya memukul aku.” Nabi Isa (mengejar) lalu menangkapnya di Pintu Lud, suatu bandar dekat Baitulmaqdis, bahagian timur, lalu Nabi Isa membunuhnya. Setelah itu, Allah memporak-perandakan orang-orang Yahudi dan mereka dibunuh semahu-mahunya.”

Sebenarnya Dajjal dan bala tenteranya itu memang boleh dan mampu dilawan oleh orang-orang Islam yang ada itu tetapi Allah SWT memang bermaksud mahu membunuh Dajjal itu melalui tangan Nabi Isa AS seorang, tidak oleh orang lain. Dan selepas turunnya Nabi Isa AS itu, seluruh kelengkapan Dajjal yang tersergam megah itu hancur berkecai dan rosak binasa, tidak ada satu pun yang tinggal lagi. Orang-orang Yahudi yang mengikut Dajjal itu juga porak-peranda dikerjakan oleh orang-orang Islam. Tidak ada seorang pun yang selamat melainkan habis semuanya dibunuh oleh mereka. Akhirnya habislah riwayat bangsa Yahudi dari atas muka bumi ini untuk selama-lamanya. Yang tinggal hanyalah orang-orang Yahudi yang telah sedia memeluk agama Islam.

4. Masanya Nabi Isa AS Turun ke Dunia

A. Kata tabiin RH,

“Dajjal mengepung para mukminin di dalam Baitulmaqdis. Kemudian mereka (kekurangan makanan sehingga) ditimpa kelaparan yang amat sangat sehingga (terpaksa) memakan tulang-tulang yang telah dibuat tali. Dalam keadaan seperti inilah, tiba-tiba mereka mendengar satu suara pada akhir malam. Serentak mereka berkata, “Sungguh ini adalah suara seorang lelaki yang kenyang!” Kemudian mereka (mencari dan) melihatnya. Tidak disangka-sangka dia adalah Isa bin Maryam. Sebentar kemudian, sembahyang subuh akan didirikan. Tokoh-tokoh Islam mempersilakan al-Mahdi untuk menjadi imam sembahyang tetapi al-Mahdi (pula) mempersilakan Nabi Isa. Kemudian Nabi Isa bertindak sebagai imam. Seterusnya dia menjadi imam sembahyang pada setiap waktu selepas itu.”

B. Sabda Nabi SAW,

“Ketika al-Mahdi dalam keadaan seperti itu, tiba-tiba Allah menurunkan al-Masih Ibnu Maryam di tepi menara putih di Damsyik sambil kedua-dua tangannya diletakkan di atas sayap dua malaikat. Nabi Isa terus mencari Dajjal sampai ditemuinya di depan Pintu Lud, lalu dibunuhnya.” (Muslim)

Nabi Isa AS turun semula ke dunia ini pada waktu subuh, iaitu ketika azan telah dilaungkan dan iqamat akan dibacakan. Semasa Nabi Isa AS turun itulah iqamat dibacakan untuk Imam Mahdi mengimamkan sembahyangnya. Apabila Imam Mahdi melihat Nabi Isa AS datang kepada mereka, beliau mempersilakan Nabi Isa AS menjadi imam sembahyang mereka. Yang dimaksudkan Nabi Isa AS menjadi imam sembahyang itu adalah di tempat lain, kerana wilayah pemerintahan Imam Mahdi amatlah luas dan masjid pula amat banyak. Maka Nabi Isa AS seterusnya dilantik oleh Imam Mahdi untuk menjadi imam sembahyang di sebuah masjid yang besar, memimpin umat Islam dalam sembahyang mereka.

5. Nabi Isa AS Turun Pada Waktu Subuh

A. Sabda Nabi SAW,

"Mereka (orang-orang Arab) pada ketika itu sedikit. Tokoh-tokoh umat Islam berada di Baitulmaqdis. Imam mereka adalah al-Mahdi, seorang lelaki yang (amat) soleh. Ketika imam mereka sedang melangkah untuk melakukan sembahyang subuh, tiba-tiba Isa bin Maryam turun bertepatan dengan takbirnya imam."

(Ibnu Majah)

B. Sabda Nabi SAW,

"Orang-orang mukmin ketika itu berjumlah sedikit sekali. Tokoh-tokoh mereka berada di Baitulmaqdis. Dan imam mereka adalah seorang lelaki yang (amat) soleh. Kemudian Dajjal keluar hingga sampai di Baitulmaqdis, lalu mengepung umat Islam yang berada di sana. Ketika Dajjal mengepung umat Islam itu, tiba-tiba Isa AS turun, yang ketika itu imam (mereka) hampir mengerjakan sembahyang subuh. Ketika imam melihat Isa, maka dia segera mengenalinya. Lantas si imam mundur agar Nabi Isa maju untuk menjadi imam mereka. Nabi Isa AS meletakkan kedua-dua tangannya ke atas kedua-dua belah bahu si imam sambil berkata, "Majulah dan jadilah imam. Sesungguhnya sembahyang ini telah diiqamatkan untukmu." Kemudian Nabi Isa sembahyang di belakang si imam. Setelah imam mengakhiri sembahyangnya, Nabi Isa AS berkata, "Bukakanlah pintunya." Maka pintunya pun dibuka orang. Ketika itu Dajjal langsung ternampak Nabi Isa AS sedangkan dia diikuti oleh 70,000 orang Yahudi Asbihan, lengkap dengan pedang masing-masing dan berjubah hijau." (Ibnu Majah)

Kedua-dua buah hadis pada bahagian ini bersifat menjelaskan perkara yang telah diperjelaskan pada bahagian-bahagian yang sebelumnya dan disertakan dengan beberapa tambahan yang amat berguna untuk diambil ingatan oleh kita. Imam Mahdi adalah pemimpin umat Islam pada masa itu walaupun Dajjal sedang menguasai dunia, dan turunnya Nabi Isa AS adalah untuk menyempurnakan pembunuhan terhadap Dajjal itu.

6. Pengesahan Pemerintahan Imam Mahdi oleh Nabi Isa AS

A. Sabda Nabi SAW,

"(Nabi) Isa bin Maryam AS akan turun dan memberitahu tentang kekhalifahan al-Mahdi. Apabila diminta untuk menjadi imam, maka Nabi Isa AS menjawab, "Tidak." Lantas dia memberitahu, "Sesungguhnya di antara kamu ada (seorang) pemimpin yang (sangat) dimuliakan oleh Allah untuk umat ini." (Muslim)

B. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah RA bahawa Nabi SAW bersabda,

"Apakah reaksi kamu semua apabila Isa anak Mariam turun sedangkan Imam kamu adalah dari kalangan kamu?"

(Al-Bukhari & Muslim)

C. Sabda Nabi SAW,

"Apakah keadaan kamu jika anak Marian turun di kalangan kamu dan Imam kamu adalah dari kalangan kamu?"

(Al-Bukhari)

Nabi Isa AS turun semula ke dunia ini bukanlah untuk merampas kuasa atau menunjuk-nunjuk kehebatan tetapi untuk membantu menyelamatkan umat Islam dan melepaskan mereka

daripada belenggu kesusahan yang sedang menimpa mereka. Selain itu, Nabi Isa AS turut memperakukan pemerintahan Imam Mahdi apabila beliau sendiri turut membaiat Imam Mahdi sebagai khalifahnya, sedangkan beliau itu adalah seorang rasul. Belum pernah terjadi lagi seorang rasul membaiat seorang biasa, melainkan Talut yang pernah dibaiat oleh Nabi Samuel AS. Maka Imam Mahdi turut mendapat keistimewaan yang amat bermakna ini.

Nabi Isa AS sendiri turut menyatakan bahawa Imam Mahdi adalah orang yang sangat dimuliakan oleh Allah dan mengesahkan pemerintahan Imam Mahdi itu ke atas seluruh dunia. Selepas itu, Imam Mahdi melantik Nabi Isa AS sebagai salah seorang pembantu kanannya untuk mentadbir seluruh muka bumi ini menurut sunnah Nabi Muhammad SAW yang suci ini.

7. Orang-orang Yahudi Dibunuh di Mana-mana

A. Dari Ibnu Umar RA bahawa Rasulullah SAW bersabda,

"Golongan Yahudi akan (sentiasa) memerangi kamu lalu kamu dapat mengalahkan mereka sehinggakan batu berkata, "Wahai orang Islam, ini orang Yahudi menyorok di belakang aku, (marilah dan) bunuhlah dia."

(At-Tarmizi)

B. Abu Hurairah RA memberitahu bahawa Rasulullah SAW bersabda,

"Tidak akan berlaku kiamat sehingga orang-orang Islam akan memerangi orang-orang Yahudi. Maka orang-orang Islam akan membunuh mereka sehingga orang-orang Yahudi lari bersembunyi di belakang batu dan pokok, maka berkatalah batu dan pokok, "Wahai orang Islam, wahai hamba Allah, ini dia Yahudi di belakangku. Marilah dan bunuhlah dia." Melainkan pohon gharqad kerana pokok itu adalah pohon Yahudi."

(Al-Bukhari, Muslim dan at-Tarmizi)

Umat Islam diberikan keramat yang amat besar iaitu dapat mendengar pokok-pokok dan batu-batu bercakap dengan mereka, sedangkan orang-orang Yahudi tidak dapat mendengarnya. Akhirnya dengan bantuan keramat yang amat besar inilah umat Islam berjaya mengalahkan bangsa Yahudi dan menghapuskan terus mereka dari atas muka bumi ini. Orang-orang Yahudi yang masih tinggal selepas peristiwa pembunuhan beramai-ramai ini hanyalah dari kalangan mereka yang telah sedia memeluk agama Islam sebelum Dajjal keluar ke dunia ini. Yang lain daripada itu semuanya habis dibunuh oleh orang-orang Islam, tanpa kecuali-kecuali lagi.

8. Imam Mahdi Membunuh Babi dan Mematahkan Salib

A. Sabda Nabi SAW,

"Al-Mahdi akan datang (memerintah manusia) dengan penuh bijaksana dan adil. Salib-salib akan dihancurkan dan babi-babi akan dibunuh semua sekali. Dia akan membahagi-bahagikan harta (kepada semua manusia tanpa berkira-kira) tetapi (akhirnya) tiada seorang pun yang mahu menerimanya."

B. Dari Abu Hurairah RA katanya, Rasulullah SAW bersabda,

"Demi Tuhan yang diriku berada di tangan-Nya, sudah dekat masanya turun kepada kamu Ibnu Maryam AS yang menjadi hakim yang adil. Dia akan memecahkan salib, membunuh babi,

menghapuskan jizyah dan harta melimpah ruah sehingga tiada seorang pun yang mahu menerimanya." (Muslim)

Peristiwa Imam Mahdi dan Nabi Isa AS mematahkan salib-salib dan membunuh babi-babi sehingga seluruh dunia ini bersih daripada babi-babi dan salib-salib dirakamkan oleh Rasulullah SAW secara berasingan. Kerana itulah ramai yang menganggap hadis mengenai Imam Mahdi mematahkan salib dan membunuh babi sebagai hadis dhaif atau maudhuk sahaja, kerana lazim kita memahami tugas itu adalah tugas Nabi Isa AS, yang dilakukannya selepas berjaya membunuh Dajjal.

Sebenarnya kedua-dua buah hadis ini tidaklah bertentangan kerana jika digabungkan kedua-duanya, maka jadilah Nabi Isa AS dan Imam Mahdi, sama-sama memikul tugas membersihkan muka bumi ini daripada sebarang kekotoran dan lambang-lambang syirik. Selain itu, peranan mereka hanyalah sebagai pemula sahaja, kerana lazim apa-apa yang diperbuat oleh si pemimpin, maka rakyatlah yang akan menyambutnya. Tugas itu akan dipikul bersama-sama oleh orang-orang Islam yang berada di merata-rata tempat sehingga akhirnya bersihlah seluruh muka bumi ini daripada babi-babi dan bangunan-bangunan daripada tanda-tanda salib.

Ada sebuah buku yang ditulis oleh anak murid kepada anak murid Muhammad Abduh, yang isinya cukup melucukan untuk dibaca dan ditatap oleh kita. Di sini penulis salinkan sepenuhnya tulisan beliau. Ejaan dan bentuk bahasa beliau, penulis kekalkan. Lihatlah betapa tidak fahamnya beliau akan kedudukan masalah ini, pandangannya pula amat berat sebelah, amat dangkal ilmu dan kajiannya tetapi masih mahu menulis berdasarkan pandangannya yang sememangnya telah amat *bias* itu.

3. Kepada keterangan dalam hadits mi'raj, bahwa nabi kita Muhammad saw. ketika naik kelangit dan diketuk pintunya satu demi satu lalu beliau masuk, beliau melihat nabi Isa dan putera bibinya Nabi Yahya dilangit kedua. Cukuplah kelemahan keterangan ini, karena telah ditetapkan oleh kebanyakan para pensyarah hadits yang menerangkan tentang keadaan mi'raj dan berkumpulnya nabi saw. dengan para nabi disana, adalah berkumpul ruh bukan berkumpul jasad. (lihat Fathul Bari, Zadul Ma'ad dll, Al Fatawa Syekh Syaltut halaman 54).

Kata kata Hadits.

Nabi Isa akan memecahkan kayu salib dan membunuh babi, kalau hadits ini maqbul/diterima, lalu diberi arti letterliyk tentu tidak ilmiah dan rationil. Apakah nabi Isa akan masuk kepada setiap gereja yang ada didunia ini untuk memecahkan kayu salib ? Dan pergi masuk ke kota kota, kampung kampung dan hutan hutan untuk membunuh babi ? Karena itu golongan yang melarang ta'wil harus menghadapi arti yang sulit yang tidak ilmiah dan irationil, orang-orang akan memandang bahwa agama ini menyampaikan pelajaran yang tidak ilmiah dan irationil.

(I. Z. Abidin, *Qiyamat dan Tanda2nya*, muka surat 86)

Pandangan beliau adalah benar jika dilihat oleh orang yang mengutamakan akal semata-mata atau oleh orang yang tidak bersifat pemimpin umat. Hanya orang yang bertaraf pemimpin umat sahaja yang dengan mudah dapat melihat keadaan sebenar di sebalik apa yang tersurat daripada hadis-hadis Nabi SAW, ucapan para Sahabat RA dan asar-asar para tabiin dan tabiit tabiin RH. Oleh itu, kepada Allah sahajalah kita memohon agar kita diberikan-Nya hidayah untuk memahami erti sebenar agama Islam yang suci ini.

9. Rezeki Amat Makmur dan Hidup Sangat Selamat

A. Kata sahabat RA,

"Pada zaman al-Mahdi nanti, kambing dan serigala digembala bersekali, kanak-kanak bermain

ular dan kala, yang mana ular dan kala itu tidak membahayakan sama sekali. Manusia akan menanam secupak benih dan akan menuai hasilnya sebanyak 700 cupak. Riba, perzinaan dan minuman keras hilang lenyap. Umat manusia berumur panjang, amanah-amanah ditunaikan, perkara-perkara yang keji habis binasa dan orang-orang yang membenci Keluarga Nabi SAW habis binasa."

B. Kata Abu Nadrah, kami bersama-sama dengan Jabir bin Abdullah RA, lalu dia berkata,

"Akan berlaku (peristiwa) penduduk Iraq tidak menghantar bahan makanan dan dirham mereka." Kami bertanya, "Dari arah mana?" Jawabnya, "Dari arah bukan Arab, yang menahannya." Kemudian dia berkata lagi, "Aku syak bahawa penduduk Syam juga tidak menghantar dinar dan mud mereka." Kami bertanya, "Dari arah mana datangnya?" Jawabnya, "Dari arah Rom." Kemudian dia diam seketika, lalu berkata, telah bersabda Rasulullah SAW, "Akan berlaku pada akhir zaman nanti seorang khalifah yang menyebarkan harta benda sebanyak-banyaknya tanpa mengira-ngira." Aku bertanya kepada Abu Nadrah dan Abul A'ala, "Kami menyangka dia (yang dimaksudkan) itu adalah Umar bin Abdul Aziz." Jawabnya, "Bukan."

C. Abu Said Al-Khudri RA menceritakan bahawa Nabi SAW bersabda,

"Banyak cubaan dan bala bencana akan menimpa umatku daripada pemerintah mereka sebelum dunia ini kiamat. Akan berlaku satu bencana yang sememangnya tidak dapat dielakkan lagi. Terdapat banyak kezaliman iaitu dunia ini dipenuhi kezaliman dan penyelewengan yang akan memusnahkan kebaikan. Orang-orang yang beriman tidak mendapat pembelaan daripada penindasan yang berlaku itu. Pada ketika itulah Allah akan menghantar seorang lelaki dari keturunanku untuk memenuhkan bumi ini dengan keadilan dan kesaksamaan seperti sebelumnya dipenuhi dengan kezaliman dan penindasan. Seluruh penduduk langit dan bumi akan meredhai pemerintahannya. Bumi akan mengeluarkan segala isinya, dan langit pula akan menurunkan hujan selebat-lebatnya. Dia akan tinggal bersama-sama mereka selama tujuh atau sembilan tahun. Segala keberkatan dan kemakmuran akan Allah turunkan kepada bumi, sehingga mereka yang masih hidup amat mengharapkan agar orang-orang yang telah mati dapat hidup semula (untuk turut merasai kemakmuran dan keberkatannya pada masa itu)."

Inilah bentuk dunia utopia yang sangat diidam-idamkan oleh filsuf Yunani yang terkenal iaitu Plato. Beliau amat mengimpikan keadaan ini, dan ternyata bahawa apa yang beliau impikan itu rupa-rupanya boleh menjadi kenyataan di tangan seorang pemerintah yang beragama Islam, yang taat beragama, yang sangat soleh dan zuhud iaitu Imam Mahdi. Setiap umat Islam akan hidup dalam penuh sukacita dan bahagia, tidak ada lagi yang perlu dirisaukan dan ditakuti. Mereka sentiasa dilindungi oleh pemimpin mereka yang sangat dikasihi dan gagah perkasa, tangannya amat kuat, keberaniannya memancar dan ketakwaannya terang benderang menembusi hati-hati yang sebelum ini gelap pekat oleh zulmat dosa-dosa yang bertimbun-timbun sehingga jadilah hati itu hati yang suci bersih dan jernih laksana cermin yang baru digilap.

Demikianlah ibarat keadaan umat Islam pada masa itu. Betapa bahagianya mereka kerana mendapat pemimpin yang benar-benar berjiwa pemimpin, bukan sekadar pemimpin yang berjiwa dunia seperti yang ada pada hari ini. Oleh itu, jadilah hidup mereka sangat aman damai dan bahagia sepanjang masa.

10. Imam Mahdi Menghapuskan Bidaah dan Khurafat

A. Kata sahabat RA,

"Pada zaman al-Mahdi nanti, tidak ada perkara bidaah melainkan akan (segera) dihapuskan dan tidak ada suatu sunnah pun melainkan akan ditegakkan. Dia akan menundukkan Kostantinople, China dan Gunung ad-Dailam (Eropah). Dia akan menguasai kawasan tadi

selama tujuh tahun, yang mana setahun pada masa itu sama (panjang) dengan 20 tahun sekarang ini. Kemudian Allah akan melakukan apa sahaja yang dikehendaki-Nya."

11. Dunia Sangat Aman Damai

A. Kata tabiin RH,

> *"Panglima perang al-Mahdi adalah orang yang paling terpilih. Penolong dan pembaiat al-Mahdi adalah penduduk Kufah, Yaman dan para Wali Abdal dari Syam. Yang berada di hadapan al-Mahdi adalah Jibril dan Mikail. Dia sangat dicintai oleh makhluk, kepemimpinannya mampu menyelesaikan masalah bencana yang sedang menjadi-jadi, penduduk bumi berasa aman tenteram sehinggakan lima orang wanita dapat melakukan ibadat haji dengan (penuh aman) tanpa seorang pun muhrim (yang mengawal). Mereka tidak berasa takut (terhadap apa pun sepanjang perjalanan dan semasa mengerjakan haji) melainkan kepada Allah."*

Keadaan yang aman damai ini tidak lain adalah kerana keadilan pemerintahan Imam Mahdi terhadap seluruh dunia sehingga akhirnya seluruh manusia hanya mencari Tuhan sahaja dalam hidup mereka. Tamadun yang bangun hasil daripada takwa rupa-rupanya adalah jauh lebih hebat lagi daripada tamadun yang dibangunkan sebelumnya yang berasaskan kepada teknologi zahir dari Barat. Memang kita akui pada hari ini, tamadun Barat adalah baik tetapi kerana tidak dibangunkan atas dasar takwa, teknologi yang baik itu sentiasa disalahgunakan oleh penggunanya sehingga jadilah teknologi yang baik itu merosakkan kembali manusia dan kemanusiaan.

Akhirnya buat apa sahaja pun, ada sahaja yang tidak kena dan kesan buruknya. Kesan buruknya itu pula tidak terjangkakan oleh si pencipta tamadun itu. Kerana itulah semasa Imam Mahdi memerintah, tamadun dunia akan lebih rancak lagi, tetapi semuanya teratur sebab jiwa manusianya sudah terpimpin ke arah kebaikan, fikiran mereka sudah dibina semula dengan binaan Islam dan kemahiran mereka digilap semula dengan asas takwa. Maka tamadun Islam yang terbangun itu membawa kebaikan kepada manusia dan mengembalikan fitrah manusia kepada asalnya iaitu untuk mendapatkan keredaan Ilahi semata-mata.

Kerana sifat takwa yang amat tinggi itu jugalah manusia hidup dalam keadaan yang sangat aman sehingga beberapa orang wanita dapat mengerjakan haji tanpa berasa takut sepanjang perjalanan pergi, semasa di Makkah dan sepanjang perjalanan pulang. Itulah yang dikatakan keamanan sejati dan kebahagiaan hakiki.

12. Lama Pemerintahan Imam Mahdi Selepas Kematian Dajjal

A. Dari Abu Said al-Khudri RA, bahawasanya Nabi SAW bersabda,

> *"Akan ada di kalangan umatku (ketika itu) seorang al-Mahdi. Jika (umur dan pemerintahannya) dipendekkan (selepas kematian al-Masih Dajjal), lamanya tujuh tahun, jika tidak (dipendekkan tempoh pemerintahannya) maka sembilan tahun. Umatku akan memperolehi (sebanyak-banyak) kenikmatan, yang belum pernah diperolehi oleh mereka sama sekali nikmat yang seperti itu. Mereka diberikan makanan (yang sangat banyak) sedangkan kamu tidak menyimpan sesuatu pun dari mereka (yang sehingga sebanyak itu). Dan harta benda pula pada waktu itu, terlonggok dengan amat banyak. Lalu seorang lelaki berdiri (meminta di hadapan al-Mahdi) dan berkata, "Berilah aku (harta)." Kata Imam Mahdi, "Ambillah (sebanyak yang engkau mahu)."* (Ibnu Majah)

B. Abu al-Siddiq an-Naji menceritakan dari Abu Said al-Khudri RA yang berkata,

"Kami khuatir sepeninggal Nabi kami nanti akan terjadi suatu kejadian (yang buruk), lalu kami bertanya kepada Rasulullah SAW. Maka baginda bersabda, "Sesungguhnya di dalam umatku ada al-Mahdi yang keluar serta hidup selama lima, tujuh atau sembilan." Abu Said berkata, "Kami bertanya, "Apa (maksud angka-angka) itu?" Baginda bersabda, "Tahun." Baginda bersabda lagi, "Lalu datang seseorang kepadanya dan berkata, "Hai Mahdi, berilah aku, berilah aku." Baginda bersabda, "Kemudian dia memberikan kepadanya (harta benda dan dimuatkan) dalam pakaiannya sebanyak yang termampu dibawanya." (At-Tarmizi)

C. Kata tabiin RH,

"Al-Mahdi hidup selama 40 tahun dan meninggal dunia di atas tempat tidurnya."

D. Rasulullah SAW pernah ditanya,

"Berapa lamakah dia memerintah?" Baginda SAW menjawab, "Lima tambah dua."

E. Abu Said al-Khudri RA menceritakan bahawa Rasulullah SAW mengisytiharkan,

"Dunia ini akan dipenuhi dengan kezaliman dan penyelewengan. Ketika itulah seorang lelaki dari kaum keluargaku akan naik memerintah selama tujuh atau sembilan tahun dan akan memenuhkan dunia ini dengan keadilan dan kesaksamaan."

(Imam Ahmad)

F. Abu Said al-Khudri RA menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda,

"Al-Mahdi adalah dari keturunanku. Dahinya luas dan hidungnya mancung. Dia akan memenuhkan bumi ini dengan keadilan dan kesaksamaan ketika dunia sedang dipenuhi dengan penindasan. Dia akan memerintah selama tujuh tahun."

G. Sabda Nabi SAW,

"*… seorang lelaki dari kaum keluargaku akan memerintah selama tujuh atau sembilan …*"

Pemerintahan Imam Mahdi selepas kematian Dajjal adalah selama tujuh hingga sembilan tahun dan seperti yang dijelaskan dalam hadis yang terdahulu, tempoh sembilan tahun ini buknlah menurut ukuran kita pada masa ini tetapi adalah tujuh atau sembilan tahun menurut kiraan pada masa itu. Jadi, lama sebenar Imam Mahdi memerintah dunia ini jika dilihat menurut ukuran kita pada masa ini ialah antara seratus empat puluh tahun hingga seratus lapan puluh tahun. Ini disebabkan oleh ukuran masa setahun pada masa itu bersamaan dengan dua puluh tahun menurut ukuran pada masa kita ini. Masa diberkatkan sehingga setahun bersamaan panjangnya dengan dua puluh tahun pada masa ini, iaitu zaman yang masanya tidak diberkatkan oleh Allah SWT. Demikianlah adanya. Allah jualah yang Maha Mengetahui akan segala-galanya.

13. Umat Manusia Hidup Sejahtera

A. Sabda Nabi SAW,

"Pada zaman (pemerintahan) al-Mahdi, seluruh umat manusia sama ada yang taat mahupun yang jahat, hidup penuh sejahtera, yang mana kesejahteraan ini belum pernah dinikmati (oleh mana-mana umat manusia pun) sebelumnya. Langit menurunkan hujan deras, yang mana setiap titisannya (mampu) menumbuhkan tumbuh-tumbuhan dan setiap tumbuh-tumbuhan (pula akan) mendatangkan keuntungan." (Al-Hakim)

Sehubungan dengan itu, Imam Ibnu Kasir, dalam **Alamat Yaumul Qiyamah**, menyatakan kira-kira begini:

"Dan pada zaman pemerintahannya, buah-buahan menjadi sangat lebat, tanam-tanaman sangat menjadi, harta-benda tersebar luas (di kalangan semua manusia), pemerintahan Islam sangat kuat perkasa, syariat Islam tegak kukuh, musuh-musuh Islam binasa semuanya dan kebaikan sentiasa berlaku sepanjang masa."

14. Manusia Kembali Bersatu Hati

A. Sayidina Ali KMW berkata, aku bertanya kepada Rasulullah SAW,

> *"Adakah al-Mahdi itu datang daripada keluarga kita atau dari orang lain?" Baginda SAW menjawab, "Dia adalah dari kalangan kita. Allah akan menutup agama ini dengannya seperti Dia memulakan agama ini dengan kita. Dia datang menerusi kita kerana orang ramai mendapat perlindungan daripada godaan, seperti mana melalui kita mereka selamat daripada syirik. Melalui kita jugalah Allah akan memautkan hati mereka dalam persaudaraan seperti sebelumnya berlaku permusuhan, dan membawa bersama-sama ukhwah dalam agama mereka, selepas berpecah belah akibat syirik."*

Imam Mahdi diberikan satu lagi keramat yang besar iaitu mampu menyatukan hati umat manusia sehingga jadilah mereka sebagai umat yang satu. Ya, satu dalam erti kata yang sebenar, seperti yang berlaku pada zaman Nabi SAW dahulu. Hal ini tidak Allah berikan kepada sesiapa pun menurut ukuran yang sepenuhnya, kerana pemimpin lain turut diberikan keupayaan untuk ini tetapi tidak dalam ukuran yang sepenuhnya. Hanya Imam Mahdi sahaja yang Allah berikan keupayaan yang amat hebat ini.

15. Nabi Isa AS Dilantik Menggantikan Imam Mahdi

A. Kata sahabat RA,

> *"Al-Hasyimi akan menyerahkan kekhalifahan (selepas kematian Imam Mahdi) kepada Isa bin Maryam AS."*

Al-Hasyimi yang dimaksudkan ini bukanlah Al-Hasyimi yang bertemu dengan Pemuda Bani Tamim itu lagi tetapi seorang lain yang menggantikan tempat Al-Hasyimi pertama dahulu, dengan mengekalkan gelaran Al-Hasyimi itu di hujung namanya, sebagai mengambil berkat gelaran Al-Hasyimi pertama dahulu, yang gelaran itu diberikan oleh Rasulullah SAW dan para Sahabat RA serta oleh para tabiin dan tabiit tabiin RH.

Pelantikan Nabi Isa AS sebagai pemerintah seluruh umat manusia di seluruh dunia ini dilakukan sejurus selepas Imam Mahdi yang amat disayangi, dikasihi dan dicintai oleh seluruh manusia itu mangkat di atas katil dan sejurus sebelum proses pemakaman dijalankan. Maknanya semasa jenazah Imam Mahdi disembahyangkan oleh seluruh umat Islam, Nabi Isa AS sudah pun dilantik menggantikan tempatnya sebagai Imam bagi sekalian manusia.

Selepas pelantikan itu dibuat oleh Al-Hasyimi, seluruh manusia akan membaiat Nabi Isa AS dan sejurus selepas pembaiatan itu berjalan, Nabi Isa AS memimpin seluruh manusia menunaikan sembahyang jenazah kepada Imam Mahdi dan seterusnya memakamkan jenazah Imam Mahdi yang amat mulia itu di tempatnya di Malaysia. Dengan pelantikan ini, umat Islam mendapat pemimpin baru mereka iaitu Nabi Isa AS sendiri. Nabi Isa AS turut menggunakan gelaran Imam Mahdi terhadap dirinya, iaitu gelaran yang sama yang pernah digunakan oleh Imam Muhammad bin Abdullah Al-Mahdi.

Lama pemerintahan Nabi Isa AS di dunia ini adalah kira-kira 52 tahun. Beliau berkahwin dan mendapat beberapa orang anak. Semasa pemerintahan beliau inilah keluarnya makhluk yang ramai dan ganas iaitu Yakjuj dan Makjuj, selain runtuhnya Kaabah oleh orang kuat dari Afrika pada penghujung pemerintahan Nabi Isa AS. Semua ini adalah dengan kehendak Allah SWT jua dan telah ditetapkan-Nya begitu. Sebab utamanya ialah, zaman pemerintahan Nabi Isa AS ini adalah benar-benar di penghujung usia dunia dan tanda-tanda besar kiamat sudah, sedang dan akan muncul satu demi satu.

16. Nabi Isa AS pun Dikira Sebagai Imam Mahdi Juga

A. Dari Anas bin Malik RA, bahawasanya Rasulullah SAW bersabda,

> *"Tidaklah bertambah sesuatu urusan agama melainkan kesulitan, tidaklah bertambah urusan keduniaan melainkan akan tertinggal di belakang, tidaklah bertambah pada manusia melainkan kebakhilan dan tidaklah terjadi kiamat melainkan kepada seburuk-buruk manusia. Dan adalah tidak ada Imam Mahdi melainkan Nabi Isa bin Maryam AS."*
>
> (Ibnu Majah)

Yang dimaksudkan dengan tiada Imam Mahdi melainkan Nabi Isa AS adalah bahawa Nabi Isa AS itu adalah Imam Mahdi yang bertaraf rasul Ulul Azmi. Jelaslah bahawa Imam Mahdi itu adalah suatu gelaran bagi penjawat yang bermaksud pemimpin yang mendapat petunjuk daripada Allah SWT dalam pemerintahannya. Maksud sebenarnya ialah Nabi Isa AS adalah Imam Mahdi yang maksum, yang terpelihara daripada sebarang bentuk dosa dan makruh. Imam Mahdi yang bernama Muhammad bin Abdullah al-Mahdi itu adalah Imam Mahdi juga, tetapi tidak sampai ke taraf maksum, kerana beliau hanyalah seorang wali Allah. Dan wali Allah itu bersifat dengan sifat mahfuz. Hanya rasul sahaja yang bersifat maksum, yang lain-lain itu dikatakan mahfuz.

Di situlah perbezaan antara Imam Mahdinya Muhammad bin Abdullah dengan Imam Mahdinya Nabi Isa AS yang perlu diketahui dan difahami benar-benar oleh sekalian manusia, terutamanya umat Islam di seluruh dunia. Hal ini nampaknya kurang difahami oleh ramai orang, terutamanya yang mengkaji tentang hadis-hadis mengenai Imam Mahdi sedangkan kajian mereka tidak mendalam, hanya membuat rumusan berdasarkan kajian yang singkat dan bahan rujukan yang amat terhad pula. Mereka juga bersikap amat *bias* dalam kajian tersebut lalu memberikan pandangan

mengenai Imam Mahdi berdasarkan *bias* yang telah sedia ada dalam kotak fikiran mereka.

17. Al-Qahtani Menggantikan Nabi Isa AS

A. Kata Mumar RH, sabda Nabi SAW,

"Al-Qahtani tidak jauh berbeza daripada Al-Mahdi."

Jelasnya di sini, pengganti Imam Mahdi yang sebenar adalah Nabi Isa AS. Selepas itu, Al-Qahtani pula memerintah dunia ini dengan adil dan saksama. Seperti yang disebutkan dalam bahagian-bahagian sebelum ini, Al-Qahtani itu adalah seorang yang berbangsa Melayu yang sangat bertakwa. Pemerintahannya adalah adil seperti juga pemerintahan Imam Mahdi dan Nabi Isa AS. Tempoh pemerintahannya kira-kira tujuh atau sembilan tahun juga, seperti Imam Mahdi dan selepas kemangkatan beliau, pemimpin lain naik memerintah tetapi umat manusia sudah mula lemah dan terus lemah. Pada masa inilah muncul tanda-tanda kiamat besar yang lain dan munculnya satu demi satu membawa erti bahawa umur dunia ini sudah benar-benar di hujung. Memang sejak hujung pemerintahan Nabi Isa AS lagi tanda-tanda besar kiamat yang lain sudah pun muncul dan ini telah ditetapkan oleh Allah SWT ke atas dunia ini. Selepas itu, hanya amal soleh sahaja yang bernilai kepada manusia.

Demikianlah beberapa buah hadis dan asar yang dapat dimasukkan ke dalam buku ini. Tidak semua hadis dan asar dapat dimasukkan. Jika dimasukkan juga, akan lebih teballah buku ini jadinya. Penerangan di dalamnya juga agak pendek dan ini mungkin akan menyebabkan ramai yang kurang berpuas hati dengannya. Jika ini berlaku, penulis memohon berbanyak-banyak kemaafan. Penulis telah mencuba sedaya upaya untuk memperjelaskan hal itu. Dan tentu jugalah amat sukar untuk penulis membuatkan masyarakat faham dengan sejelas-jelasnya akan suatu hal yang mereka belum pernah dengar dan ketahui sebelum ini. Ilmu yang sepatutnya dituntut bertahun-tahun dan dikaji dengan sabar, tidaklah akan dapat difahami dengan mudah, semata-mata hanya dengan membaca buku yang setebal ini.

Mungkin banyak perkara yang masih tidak terungkap, yang masih lagi menjadi rahsia Tuhan yang tidak dapat dimasukkan di sini. Hal-hal sebegini biasanya dan segala selok-belok yang berkaitan dengannya dengan mudah dapat difahami oleh golongan tasawuf tulen dan kerohanian, bukan tasawuf teori atau tasawuf kajian. Sebab biasanya ahli-ahli tarekat dan sufi memang tahu dan yakin dengan perkara-perkara seperti ini.

Bagi golongan Ahlus Sunnah wal Jamaah, persoalan Imam Mahdi adalah perkara furuk sahaja, bukannya perkara iktikad atau rukun iman. Ini berlawanan dengan pendapat golongan Wahabi

yang menyatakan bahawa soal Imam Mahdi adalah perkara iktikad, dan mereka akan menjatuhkan hukum sesat kepada yang menentang pendapat mereka, atau hukuman-hukuman lain yang dirasakan sesuai dengan keadaan itu. Sepatutnya soal Imam Mahdi ini hendaklah dibicarakan dengan dada yang lapang, hati yang tenang dan ilmu yang jelas, sebab perkara Imam Mahdi yang dihebohkan itu **MEMANG** bukannya soal kepercayaan yang wajib diyakini. Persoalan ini hanyalah satu bentuk kepercayaan, tetapi bukan akidah.

Kalau kita telitikan baik-baik dari segala segi, memang persoalan Imam Mahdi adalah benar-benar soal furuk akidah, bukan pokok akidah. Sebab itu dalam kelas-kelas tauhid yang membincangkan tentang rukun iman, tidak pernah disebutkan mengenai kepercayaan kepada Imam Mahdi. Rata-rata umat Islam pada hari ini kalau ditanya percaya atau tidak kepada Imam Mahdi, pasti mereka akan serba salah hendak menjawab. Ini berlaku disebabkan ilmu tentang Imam Mahdi tidak pernah diajar dalam pelajaran tauhid, baik di sekolah-sekolah mahupun majlis-majlis pengajian. Persoalan ini hanya berkisar terutamanya di kalangan ulama-ulama muktabar, dan mereka sejak dahulu lagi telah membahaskannya dengan panjang lebar.

Bagi kita yang hidup pada akhir zaman ini, Imam Mahdi adalah khabar gembira yang dijanji-janjikan untuk kita. Kebangkitan semula Islam dari Timur sudah bermula dan sedang menuju ke kemuncak, maka tanda-tanda Imam Mahdi itu hampir menabalkan dirinya sudah amat ketara dan begitu terasa. Mendoakan agar beliau segera dimunculkan untuk membantu kita yang amat lemah ini, adalah perbuatan yang baik sekali. Lagipun kita dituntut mencari siapa dia mujaddid kurun kelima belas Hijriah ini kerana kita masih lagi berada pada awal kurun Hijrah, dan pemimpin berkenaan masih lagi belum memunculkan dirinya. Jika tidak berkeupayaan mencari orangnya, mendoakan agar Allah segera munculkan orang itu adalah memadai juga, terutama bagi kita yang lemah yang hidup pada akhir zaman ini.

Perbuatan sebahagian pihak yang menyatakan salah jika kita menentukan siapa Imam Mahdi itu, maka eloklah berhati-hati dengan kenyataannya itu. Mereka perlu memikirkan semula apakah nas yang tidak membenarkan kita menentukan ***secara zanni*** siapa Imam Mahdi itu. Apa alasan yang hendak diberikan? Tunjukkan nasnya sama ada di dalam Al-Quran atau hadis yang menyatakan sesat kepada orang yang menentuka siapa Imam Mahdi itu. Kemudian, fikirkan pula bagaimana pula dengan ulama muktabar zaman dahulu yang telah menetapkan siapa Imam Mahdi itu, yang antaranya adalah Imam As-Suyuti dan Imam Ibnu Hajar RH.

Sepatutnya kita bertolak ansur dalam hal ini. Kita perlu ingat, kalau satu-satu pihak menolak mengenai Imam Mahdi ini, ada ulama-ulama lain yang lebih hebat ilmunya di dunia ini yang menerima. Ulama-ulama muktabar seperti inilah yang banyak diikuti oleh orang ramai, kerana mereka lebih yakin dengan ilmu mereka dan nama besar mereka itu. Sebab itulah mana-mana pihak pun tidak boleh membidaah atau menyesatkan pendapat pihak yang satu lagi. Kita patut hormat-menghormati pendapat orang lain walaupun masing-masing terus berpegang kepada pendapatnya sendiri, yang dirasakannya lebih sesuai dengan dirinya.

Kita sepatutnya mencari ilmu yang dapat menambah keyakinan kita kepada Allah SWT dan Rasul-Nya SAW serta agama Islam yang kita cintai dan sayangi ini. Carilah ilmu yang benar, yang suci dan dapat menambahkan lagi iman kita kepada Allah SWT. Bagaimana hendak mendapatkan ilmu yang sebegini pada zaman yang sebegini? Hal ini sebenarnya lebih banyak bergantung kepada ***HATI*** kita, tidak lain. Mulakannya dengan mencari takwa kepada Allah, nescaya selepas itu Allah akan berikan kita ilmu yang yakin, yang tidak pernah kita dapati sebelumnya. Lihatlah nas-nas berikut yang menceritakan mengenai hal ini.

Firman Allah SWT yang maksudnya,
"Sesiapa yang bertakwa kepada Allah, Allah akan mempermudahkan segala urusannya."

(At-Talak : 4)

Firman Allah SWT yang maksudnya,
"Sesiapa yang bertakwa kepada Allah, Allah akan melepaskannya daripada kesusahan hidup dan diberikan-Nya rezeki dari sumber-sumber yang tidak terduga."

(At-Talak : 2 - 3)

Firman Allah SWT yang maksudnya,
"*Hendaklah kamu bertakwa kepada Allah, nescaya Allah akan ajarkan kamu.*"

(Al-Baqarah : 282)

Rasulullah SAW pernah bersabda yang maksudnya,
"*Sesiapa yang beramal dengan apa yang dia ketahui, maka Allah akan mempusakakannya dengan ilmu yang dia tidak tahu.*"

Dengan ilmu yang yakin sahaja kita akan dapat menentukan mana satu yang benar dan mana pula yang salah. Dengan itu insya-Allah kita akan selamat daripada memperkatakan sesuatu yang kita tidak tahu atau sesuatu yang kita tidak yakin atau sesuatu yang kita tidak pernah amalkannya sebelum ini. Dan dengan ilmu yang yakin itulah juga kita akan diselamatkan di dunia ini dan selamat pula di akhirat kelak.

Diharapkan juga melalui susunan hadis-hadis dan asar-asar yang sedemikian, iaitu menurut tempat letaknya yang sebenar, akan banyak membantu pembaca dalam memahami dengan lebih tepat akan kisah-kisah mengenai Imam Mahdi ini, dan dengan pemahaman yang lebih baik lagi, sekali gus dapat memahami kedudukan hadis-hadis yang kelihatan pada zahirnya berlawanan antara satu dengan yang lain, dan kerana hadis-hadis itu yang sebelum ini berselerakan itulah yang menyebabkan ramai ulama moden dan cendekiawan Islam pada hari ini dengan tergesa-gesa memasukkan hadis-hadis mengenai Imam Mahdi itu ke dalam bakul sampah sahaja kerana mereka tidak memahami erti tersirat di sebalik yang tersuratnya. Itulah harapan besar daripada penulis dan rakan-rakan.

Begitulah secara serba ringkas dicerita dan dihuraikan beberapa perkara mengenai tiga orang tokoh paling penting pada akhir zaman ini iaitu Pemuda Bani Tamim, Imam Mahdi dan Nabi Isa AS. Ketiga-tiga orang tokoh inilah yang akan memeriahkan semula penghayatan Islam di kalangan seluruh umatnya dan meninggikan Islam ke tempat yang layak untuknya. Dari situ dapatlah kita lihat betapa saling berkaitnya antara satu tokoh dengan tokoh yang satu lagi, bagaikan tiga dalam satu dan satu dalam tiga. Tidak akan muncul salah satu daripada mereka melainkan akan muncul ketiga-tiga mereka secara berturut-turut dan akhirnya bersama-sama memerintah seluruh dunia ini. Itulah juga salah satu maksud sebenar buku ini ditulis, selain dari maksud yang telah dijelaskan pada bahagian ***Muqaddimah***. Sesiapa yang ingin percaya, alhamdulillah; yang tidak mahu menerimanya, tidaklah mengapa pada masa ini. Terimalah buku ini sebagai suatu ***percambahan*** pendapat yang menjurus ke arah yang positif.

Penulis tidak bermaksud untuk menambahkan retak yang sedia menanti belah, sedia hancur yang menanti luluh dan sedia berpecah menanti berkecai. Bukan itu maksud penulis yang sebenarnya. Dalam era pemikiran terbuka pada hari ini, kita bebas menyatakan pendapat dan pandangan. Lagi pun apa yang ditulis dalam buku ini adalah suatu yang umum, tidak mengkhusus kepada mana-mana pihak. Penulis hanya melontarkan pandangan penulis yang dirasakan relevan dengan keadaan dan suasana pada masa ini. Oleh itu, sebarang kekurangan, kesilapan, kesalahan dan kejanggalan yang terlalu serius, haraplah dimaafkan sahaja. Yang demikian adalah kerana kelemahan iman penulis sendiri dan jauhnya tautan hati dengan Allah SWT.

Pesanan Al-Hafiz Abdul Aziz bin Umar Al-Hasyimi dari bapanya,

Saya telah mendengar daripada orang-orang yang saya percaya dan pegang akan perkataannya sebab baik agamanya dan ilmunya yang berkata bahawa,

"Bekerja pada menyiarkan perkhabaran orang-orang yang mempunyai kelebihan bagi sesuatu masa itu, sekalipun (hanya) dengan menyiarkan tarikh hidup mereka, adalah suatu dari tanda-tanda kebahagiaan dunia dan akhirat kerana mereka itu (adalah) saksi-saksi Allah di atas muka bumi Tuhan."

Berkhidmatlah untuk Imam
Bagi Sesuatu Zaman Itu,
Terutamanya Imam yang Bertaraf
Sahibul Zaman

BAHAGIAN 3

Ringkasan Mengenai Imam Mahdi

Untuk memudahkan pemahaman dan pengajian mengenai aspek-aspek penting Imam Mahdi, berikut ini diperturunkan ringkasan mengenai beliau, berdasarkan hadis-hadis yang telah disebutkan terdahulu dan juga daripada penulisan ulama yang mengkaji tentang Imam Mahdi secara tepat. Hal ini dilakukan oleh beberapa orang ulama dahulu dan sekarang, dengan tujuan menjadikan pembacaan lebih pantas, terutama untuk memahami beberapa perkara ang agak sulit untuk difahami sebelumnya. Dalam hal ini, penulis lebih banyak menggunakan pendapat sendiri iaitu hasil apa yang difahami daripada hadis-hadis yang telah dikaji dan diteliti. Namun, dasarnya adalah diambil daripada pendapat penulis lain yang telah sedia mendahului.

1. Keturunan Imam Mahdi

Beliau adalah salah seorang Ahlulbait yang datang dari keturunan Rasulullah SAW, seperti yang disebutkan dan diakui oleh baginda SAW sendiri, iaitu melalui anaknya Sayidatina Siti Fatimah az-Zahra RA, dengan suaminya Sayidina Ali KMW, melalui anak mereka Sayidina Husain dan Sayidina Hasan RA. Kemudian dari keturunan kedua-duanya bercampur lagi dengan keturunan Sayidina Abbas RA, bapa saudara Rasulullah SAW. Dari salasilah pula, nyatalah lebih berat keturunannya kepada Sayidina Husain daripada Sayidina Hasan RA. Oleh itu, lazimlah disebutkan oleh sekalian umat Islam bahawa Imam Mahdi itu adalah dari anak cucu Sayidina Husain RA sahaja.

Ringkasnya Imam Mahdi adalah seorang yang berketurunan Arab, dari suku Quraisy, dari puak Bani Hasyim, dari pencar Nabi Muhammad SAW, dari anak cucu Sayidina Ali KMW yang dipanggil Alawiyin, dari Bani Husaini. Beliau adalah semulia-mulia dan sebaik-baik Ahlulbait, iaitu yang terdapat pada akhir zaman ini. Kelebihan ini sudah dinyatakan secara terang-terangan oleh baginda SAW sendiri.

Nama Imam Mahdi adalah nama yang sama dengan nama Rasulullah SAW iaitu Muhammad dan Ahmad. Itulah nama yang dipersetujui oleh seluruh ulama Ahlus Sunnah wal Jamaah, berlawanan dengan Syiah. Maksudnya, nama Imam Mahdi itu adalah kedua-dua nama itu iaitu Muhammad dan Ahmad. Cuma yang lebih dominan dan dikenali ramai di atas muka bumi ini adalah Muhammad, manakala Ahmad itu adalah namanya yang dominan di langit sana. Nama bapanya adalah Abdullah, iaitu serupa dengan nama bapa Rasulullah SAW. Kuniyahnya seperti yang disebutkan oleh hadis adalah Abu Abdillah. Selain itu, beliau juga mempunyai beberapa kuniyah yang lain, yang sesuai dengan kedudukan dan kemuliaan dirinya. Dan sesuai pula dengan tempat lahirnya yang jauh daripada Tanah Arab itu kerana nenek moyangnya merantau berdakwah ke tempat orang.

Beliau adalah seorang tokoh yang amat dikenali oleh seluruh manusia di seluruh dunia, sejak dari zaman Nabi Musa AS lagi, hinggalah ke hari ini. Gelaran beliau sudah pun disebutkan di dalam Kitab Taurat. Nama Imam Mahdi itu sendiri mengundang pelbagai persoalan dan polemik yang sentiasa menggoncangkan agama-agama besar di seluruh dunia, tidak terkecuali agama kita, Islam.

2. Sifat-sifat Peribadinya

Beliau adalah seorang yang badannya tegap, besar tinggi macam badan orang-orang Israel (menurut pandangan orang-orang Melayu) dan bertubuh sederhana (menurut pandangan orang-orang Arab). Kulitnya putih kemerah-merahan macam kulit orang Arab, dengan sedikit cenderung kepada kehitam-hitaman seperti kulit orang Ajam. Wajahnya tampan dan seolah-olah bersinar laksana bintang. Kepalanya besar, begitu juga dengan bentuk mukanya yang agak memanjang. Dahinya luas dan lebar. Hidungnya mancung seperti hidung orang-orang Arab, tidak seperti lazimnya orang-orang Ajam. Bulu keningnya nipis dan melengkung tetapi tidak bertemu antara kedua-dua belah. Biji matanya besar manakala di pelupuk matanya, sentiasa kelihatan bercelak.

Pada pipi kanannya ada satu tahi lalat hidup yang besar, bukan semula jadi tetapi mendatang. Jambangnya agak nipis tetapi janggutnya panjang, tebal dan lebat. Manakala gigi serinya bersinar dan lazimnya berjarak. Pada tengah belikatnya terdapat satu cop kenabian berwarna hitam yang ditumbuhi rambut. Bahunya lebar dan dadanya bidang. Kedua-dua belah pahanya renggang manakala daging pahanya agak besar. Beliau sentiasa memakai serban terutama yang berwarna putih, manakala jubahnya dua lapis berwarna putih, dari jenis Qutwani. Jubahnya agak pendek (tidak sampai ke buku lali) dan adalah dari jenis yang belah dada terus ke bawah.

Kedua-dua belah tapak tangannya besar dan tegap. Beliau dikatakan seorang yang sukar bertutur kata. Apabila sukar untuk menuturkan sesuatu, beliau akan menepuk paha kirinya dengan tangan kanan. Secara amnya, perawakannya adalah sama dengan perawakan Rasulullah SAW. Beliau seorang yang tidak gemuk dan tidak pula kurus. Beliau seorang yang berbadan tegap dan agak tinggi, seperti tingginya orang-orang Israel. Beliau sentiasa kelihatan sihat dan gembira.

Semasa Imam Mahdi mula-mula zahir ke dunia ini sebagai pemerintah, beliau memakai serban yang ada satu malaikat di atasnya. Malaikat tidak dapat dilihat oleh manusia biasa (kecuali orang-orang yang Allah izinkan untuk dapat melihatnya) tetapi dapat didengar suaranya dengan jelas oleh mereka yang menyeru, "*Inilah dia Al-Mahdi, khalifah Allah. Oleh itu, ikutilah dia dengan ikhlas dan yakin.*" Kemudian akan keluar satu tangan yang menjulur dari arah serban itu, yang mengisyaratkan kepada orang ramai supaya berbaiat kepada Imam Mahdi.

Imam Mahdi juga memiliki baju besi Rasulullah SAW yang baginda pakai semasa pergi berperang, yang selepas kewafatan baginda SAW, tidak pernah dipakai orang kecuali apabila Imam Mahdi zahir. Beliau juga memiliki sebilah pedang yang bernama Zulfakar, juga milik baginda SAW. Pedang itu pernah digunakan oleh Sayidina Ali KMW dalam beberapa peperangan. Beliau juga memiliki sehelai bendera merah yang diperbuat daripada kain bulu yang tertulis di atasnya dengan warna hitam perkataan, "***Bermula Perjanjian Itu Bagi Allah.***"

Beliau tidak pernah membangunkan orang yang sedang tidur kecuali apabila masuk waktu sembahyang. Beliau tidak menumpahkan darah manusia melainkan dengan hak, akan memerangi bersungguh-sungguh orang-orang Islam yang meninggalkan sunnah Nabi SAW sehingga mereka bertaubat dan meninggalkan bidaah dan khurafat itu, juga memerangi kaum kuffar dan musyrik yang mahu melawannya. Setiap yang berlawanan dengan sunnah akan beliau hapuskan sehingga seluruh manusia benar-benar kembali kepada akidah Ahlus Sunnah wal Jamaah.

Beliau juga akan menjadi raja yang sangat besar seperti yang pernah dinikmati oleh Nabi Sulaiman AS dan Iskandar Zulkarnain. Malah dikatakan pemerintahannya kali ini lebih besar dan bererti berbanding kedua-dua mereka yang terdahulu itu. Beliau juga akan menghapuskan babi dan kera, di samping menghancurkan salib-salib dan rumah-rumah berhala. Maksudnya setelah semua orang memeluk Islam, mereka sudah tidak memerlukan lagi rumah-rumah berhala itu lalu mereka sendiri yang meruntuhkannya. Cuma dikaitkan dengan Imam Mahdi kerana beliau yang sedang memerintah seluruh manusia pada ketika itu.

Melalui kedua-dua belah tangannya, Allah menurunkan keberkatan yang melimpah ruah, yang tidak pernah terbayangkan oleh sekalian manusia, sama ada yang hidup pada masa itu atau sebelumnya, sehingga harta benda jadi melimpah ruah dan rezeki sangat murah. Penyakit-penyakit jadi hapus dan binatang-binatang bisa hilang bisanya, boleh dimain oleh kanak-kanak tanpa takut disengat atau digigit. Pemerintahannya sangatlah adil dan amat diredai oleh sekalian manusia, haiwan dan malaikat.

Imam Mahdi memang seorang yang sangat gagah perkasa sehingga sekalian manusia amat mengharapkan pertolongan, perlindungan dan keamanan daripada beliau. Allah SWT turut mengurniakannya seramai tiga ribu malaikat yang sentiasa patuh dan taat segala perintah beliau. Malaikat-malaikat ini akan memukul setiap orang yang menentang Imam Mahdi. Selain itu, Jibril dan Mikail AS akan turut sama membantu beliau semasa sedang berperang dengan pihak musuh.

Imam Mahdi juga diberikan kelebihan menghapuskan segala macam bentuk fitnah, memusnahkan segala macam bentuk judi, zina, arak, maksiat dan dosa. Beliau juga akan melenyapkan segala bentuk riba dan harta haram. Pemerintah-pemerintah yang kafir semuanya akan tunduk kepada pemerintahan beliau, dengan kebanyakan negara yang sebelumnya kafir akan terus memeluk Islam, tanpa melalui peperangan. Tidak ada lagi parti-parti politik atau orang-orang yang cuba menjadi ahli politik seperti yang sedang berlaku pada hari ini. Tidak ada orang yang dinamakan sebagai pihak pembangkang kerana semuanya itu adalah warisan daripada sistem Barat yang telah amat lapuk.

Keamanan akan benar-benar terjadi pada masa pemerintahannya sehingga kaum wanita dapat mengerjakan haji dengan beberapa orang sahaja tanpa berasa takut langsung sepanjang perjalanan pergi, semasa di Makkah dan dalam perjalanan pulangnya. Keamanan benar-benar wujud di dalam hati, perasaan, fikiran dan lahiriah seluruh manusia, terutamanya yang beragama Islam. Umat Islam rata-ratanya akan menjadi orang-orang yang saleh dan warak, tidak ada lagi orang-orang yang derhaka kepada Tuhan. Tidak ada juga orang-orang yang berselisih faham,apatah lagi bergaduh, walaupun hanya dua orang sahaja. Para wali dapat ditemui di tengah-tengah umat manusia, seperti yang pernah berlaku pada zaman sahabat dahulu dan dapat pula diambil butir-butir hikmat daripada keberadaan mereka itu.

Tanam-tanaman dan haiwan ternakan menjadi amat berkat dan melimpah ruah. Tanah-tanah pertanian tidak perlu dibaja atau dijaga dengan susah payah lagi kerana tanah-tanahnya sudah amat subur melalui curahan air hujan dan haiwan-haiwan perosak tanaman sudah tidak ada lagi. Secupak benih yang ditanam mampu membuahkan sehingga tujuh ratus cupak apabila dituai. Buah-buahan amat lebat dan keluar sepanjang masa, tidak lagi mengira musim. Pada masa itu, bumi ini akan menjadi seolah-olah syurga yang disegerakan bagi para penduduknya.

3. Kelahiran dan Kemunculannya

Imam Mahdi dikatakan lahir di Madinah, dengan maksud mula-mula zahirnya, bukan

dilahirkan oleh ibunya. Di situlah beliau mula-mula dilihat dan dikesan oleh manusia. Ketika itu Allah menurunkan beberapa tanda besar sebagai isyarat bahawa Imam Mahdi sudah berada bersama-sama mereka. Ada tanda itu memang sangat besar sehingga tidak pernah berlaku peristiwa tersebut sebelum ini, sejak diciptakan-Nya langit dan bumi.

Salah satu tanda itu ialah pada malam pertama Ramadan, berlaku gerhana bulan dan pada pertengahan Ramadan, berlaku pula gerhana matahari. Disebutkan pula bahawa sebelum Imam Mahdi muncul, akan berlaku dua kali gerhana bulan dalam bulan Ramadan.

Tanda-tanda lain yang menunjukkan Imam Mahdi akan segera keluar ialah naik tanduk di langit yang kelihatan seperti beberapa batang gigi. Dikatakan pula bahawa tanduk ini adalah tanduk Iblis, yang diperlihatkan oleh Allah SWT kepada sekalian manusia, agar mereka segera bertaubat. Akan muncul juga komet besar yang berekor dengan cahaya yang cerah, melintasi ruang angkasa bumi, yang dapat dilihat dengan jelas di sebelah Timur.

Selain itu, api besar akan dapat dilihat di sebelah timur. Mungkin kerana kebakaran hutan yang besar, yang berlaku di kawasan berkenaan. Mungkin juga kerana rusuhan besar-besaran yang menyebabkan kebakaran besar berlaku di mana-mana di salah satu kawasan di timur ini atau mungkin juga kerana serangan bom secara besar-besaran di kawasan timur ini, yang menyebabkan berlakunya ***kemunculan api besar*** itu. Api ini akan dapat dilihat demikian selama tiga atau tujuh hari.

Selain itu, akan dapat pula dilihat langit yang menjadi gelap gelita, atau dikatakan kelam, kerana cahaya matahari dihalang oleh awan tebal yang meliputi seluruh dunia sehingga seluruh dunia bergelap kerananya.

Tanda lain adalah munculnya langit yang memancarkan warna merah, yang merahnya itu adalah merah yang berlainan sekali daripada cahaya merah yang biasa dilihat setiap hari. Tanda lain yang lebih besar adalah kedengaran satu suara dari arah langit (suara hatif) yang menyatakan bahawa Imam Mahdi telah zahir ke dunia ini, dan ucapannya itu dapat difahami oleh semua manusia. Tanda lain ialah sebuah kampung di Khuristan, sebuah wilayah di Syam akan tenggelam ke dalam bumi akibat gempa bumi dan rekahan yang luas.

Setelah itu, akan kedengaran sekali lagi satu suara yang dapat difahami oleh setiap orang menurut bahasa masing-masing, yag datang dari arah langit yang memanggil-manggil nama Imam Mahdi. Suara itu amat kuat sehingga orang yang sedang duduk akan berdiri, yang berdiri akan terduduk dan yang tidur akan terjaga kerana terkejut mendengar suara itu. Suara itu dapat didengar oleh setiap orang di seluruh dunia ini.

Tidak lama selepas itu akan kedengaran lagi suara dari langit dan suara dari langit itu akan dilawan oleh suara yang datang dari bumi. Suara yang dari langit itu adalah suara malaikat yang menyatakan bahawa Imam Mahdi adalah dari keluarga Nabi Muhammad SAW, manakala suara dari bumi pula menyebutkan bahawa Imam Mahdi itu adalah dari keturunan Nabi Isa AS. Orang-orang kafir akan mempercayai suara yang datang dari arah bumi itu manakala umat Islam akan mempercayai suara yang datang dari arah langit.

Tanda yang paling besar daripada semua tanda kemunculan Imam Mahdi itu ialah munculnya Pemuda Bani Tamim di Timur, yang menjadi pemimpin di dunia sebelah Timur. Beliau lalu mempersiapkan segala kelengkapan untuk pemerintahan Imam Mahdi, iaitu pusat pemerintahannya di Timur itu. Kemudian beliau meluaskan empayar kekuasaan Islamnya ke wilayah-wilayah yang berhampiran dan memakai gelaran Amir Min Umarak. Selepas itu beliau meluaskan lagi empayar Islam dengan menggabungkan seluruh wilayah Khurasan ke dalam pemerintahannya. Pada masa ini beliau menggabungkan kekuatan tenteranya dengan tentera daripada Al-Haris Harras dan ditambah

lagi dengan kekuatan daripada Al-Hasyimi.

Setelah itu beliau meluaskan seluruh wilayah Islamnya itu sehingga ke seluruh Tanah Arab dan Turki, dan selepas itu menyerahkan kekuasaannya yang amat luas itu kepada Imam Mahdi yang muncul di Makkah. Oleh Imam Mahdi, wilayah kekuasaannya itu dibahagikan kepada empat wilayah iaitu Timur, Semenanjung Tanah Arab, Afrika dan Eropah dengan setiap satunya diperintah oleh seorang wakilnya. Imam Mahdi sendiri, buat beberapa tahun, memerintah di sebelah Tanah Arab sana.

Sejurus sebelum peristiwa pembaiatannya, suatu pertempuran sengit akan berlaku di Ahjaruz Zait, antara pasukan tentera as-Sufyani dengan penduduk Madinah, yang menyebabkan penduduk Madinah menderita teruk dan kota Madinah hancur rata. Pasukan as-Sufyani ini meneruskan perjalanan ke Makkah untuk menyerang dan memusnahkan kota suci itu, tetapi mereka terbenam ke dalam tanah di al-Baidak. Ketika itulah Imam Mahdi dibaiat oleh para jemaah haji dan oleh sekumpulan ***orang-orang besar Allah***.

Tanpa disengajakan, tujuh orang pemimpin utama manusia, setiap seorangnya diikuti oleh tiga ratus pengikut tiba di Makkah secara serentak. Apabila mereka bertemu, masing-masing bertanya sebab mereka datang ke Makkah, dan setiap mereka menjawab bahawa mereka masing-masing sedang mencari Imam Mahdi. Orang-orang ini terus mencari Imam Mahdi ke sana ke mari di sekitar kota Makkah, dan apabila bertemu dengan seorang yang mereka syak bahawa orang itu adalah Imam Mahdi, mereka segera menanyakan namanya dan nama bapanya. Dikeranakan cara mereka menyoal itu agak kasar, Imam Mahdi menjadi serba salah.

Imam Mahdi yang keliru dengan keadaan ketika itu menafikan, lalu melarikan diri ke Madinah. Para pengikut ini memberitahu ketua mereka dan menceritakan sifat-sifat orang yang mereka temui. Dia diikuti oleh mereka sampai ke Madinah, tetapi sesampainya di sana mereka mendapati bahawa Imam Mahdi itu sudahpun kembali semula ke Makkah. Maka mereka pun segera berpatah balik ke Makkah. Di sini dapat disebutkan bahawa Imam Mahdi dan para pencarinya itu menaiki kenderaan yang pantas kerana Imam Mahdi dapat sampai ke Madinah dalam tempoh semalam sahaja, begitu juga pasukan pencarinya tadi. Kemudian, semasa balik semula ke Makkah, tempoh masa yang sama diperlukan untuk sampai semula ke Makkah oleh kedua-dua mereka - Imam Mahdi dan pasukan yang mencarinya tadi. Jelaslah bahawa hadis dan asar itu menggambarkan penggunaan kenderaan yang dapat bergerak pantas, yang pada hari ini adalah kereta atau bas.

Di Makkah, mereka terus mencarinya lagi dan kali ini, apabila menemuinya, mereka menanyakan sama ada namanya Muhammad bin Abdullah, menanyakan nama ibunya dan juga sifat-sifatnya. Sekali lagi Imam Mahdi memberitahu mereka bahawa dia bukanlah orang yang mereka cari. Katanya mereka telah banyak memungkiri janji dan banyak pula menumpahkan darah umat Islam.

Maka pada awal malam sepuluh Muharam, kumpulan ini berjaya menemui Imam Mahdi yang ketika itu sedang menangis, menyandarkan mukanya ke Kaabah, di antara Rukun Yamani dengan Maqam Ibrahim. Pada ketika itulah dia dipaksa menerima baiat daripada mereka, sedangkan dia sendiri merasa berat hati menerimanya dan dalam keadaan yang amat terpaksa. Sejurus sebelum itu, sekumpulan jemaah haji telah memaksanya keluar dari rumahnya di Safa lalu dibawa ke Maqam Ibrahim dan dia dibaiat oleh kumpulan jemaah haji itu di situ. Dia diugut jika tidak mahu menerima baiat mereka, dia akan dipancung lehernya oleh mereka.

Ketika itulah juga Allah akan menurunkan rahmat-Nya yang tidak terhingga iaitu tertanam rasa cinta dan kasih yang amat mendalam kepada Imam Mahdi ke dalam hati setiap orang Islam, lalu dia memimpin seluruh umat Islam di dunia ini. Semua umat Islam yang hidup pada waktu itu akan bersatu di bawah satu pimpinan, iaitu pimpinan Imam Mahdi. Tidak ada lagi pemimpin lain yang

lebih hebat dan msyhur melainkan Imam Mahdi sahajalah satu-satunya yang mereka terima sebagai pemimpin sebenar mereka.

4. Ringkasan Peristiwa Sebelum Imam Mahdi Muncul

Sebelum zahir Imam Mahdi, iaitu beberapa lama sebelum kemunculannya, akan berlaku beberapa fitnah yang dahsyat dari beberapa golongan. Antara peritiwa fitnah tersebut ialah:

1. Sewaktu pecahnya Sungai Furat, keluarlah emas daripada bukit yang berdekatan. Akibatnya, muncullah tiga puak yang saling berebutkan harta emas itu. Salah satu puak yang paling hampir dengan timbunan emas itu berkata, "*Demi Allah, kami akan bunuh sekalian manusia kerana jika kami biarkannya, nescaya akan habislah ia*." Selepas itu tercetuslah pembunuhan besar-besaran sehingga dari setiap seratus orang, semuanya terbunuh melainkan seorang sahaja yang hidup. Setiap yang pergi merebut harta itu berharap dialah orang yang seorang itu. Itulah lambang ketamakan mereka terhadap harta dunia pada zaman itu.

2. Keluar seorang dari keturunan as-Sufyani yang kafir daripada anak Khalid bin Sufyan di Syria hingga terjadi satu peperangan yang sangat besar. Imam Mahdi tidak akan muncul melainkan setelah as-Sufyani mendapat kuasa dan memerintah. Kafir yang dimaksudkan adalah dia memerintah negaranya menggunakan sistem kafir, bukan sistem kenegaraan Islam. Syria atau Syam yang dimaksudkan adalah umum, iaitu Amerika Syarikat dan sekutunya negara-negara Eropah, kerana Syam itu bersempadan dengan Rom pada zaman dahulu. Khalid bin Sufyan itu bukan namanya seperti yang biasa kita fahami, tetapi bermaksud negara-negara maju yang mencipta teknologi dan alat-alat baru (Khalid), dan mereka pula bersatu tenaga menentang Islam, selain mahu kekal memerintah dunia ini (Khalid), dan penduduknya selalu mengamalkan cara hidup yang sihat dan bersih (Sufyan). Atau mereka amat mementingkan kebersihan dan memakan makanan yang berkhasiat.

3. Berlaku peperangan yang berpunca dari puak Ibqak. Menurut para ulama, puak Ibqak ini adalah penduduk yang ada padanya warna putih dan hitam di Mesir. Secara realitinya mereka adalah golongan yang datang dari Asia dan dari Afrika. Mesir yang dimaksudkan bukanlah negara Mesir yang kita kenali, tetapi adalah lambang sahaja. Sebab Mesir itu adalah negara penghubung antara benua Asia dan Afrika.

4. Muncul pula puak Ashab. Ashab ialah satu puak yang kulitnya bercampur warna putih dan merah. Mereka adalah golongan yang datang dari Eropah iaitu orang yang kulitnya kemerah-merahan. Mereka bangun serentak menjadi satu kuasa dunia menjajah negara-negara di Asia dan Afrika, iaitu sewaktu penjajahan Eropah ke atas Asia dan Afrika sedikit masa dahulu. Mereka juga bersekutu (Ashab) dalam tindakan dan matlamat, juga bersekutu dalam menentang Islam.

5. Muncul puak A'raj iaitu satu puak yang ketuanya adalah seorang yang berjalan capik dan datang dari arah Maghribi. Mereka yang dimaksudkan adalah pasukan tentera yang datang dari Amerika Syarikat (disebutkan Maghribi). Capik yang dimaksudkan adalah banyak kelemahan dalam pasukan tenteranya dan di dalam negaranya, bukan capik anggota badan. Ia mengaku besar dan kuat sedangkan urusan dalamannya sendiri pun tidak terurus. Itulah capik yang dimaksudkan. Iaitu negara kuasa besar dunia yang pincang masyarakat dan pentadbirannya, atau negara yang lengkap peralatan perangnya tetapi tidak tahu berperang dengan sebenar-benarnya.

6. Berlaku peperangan antara semua puak berkenaan yang berlanjutan selama setahun dan kemenangan adalah di pihak tentera Sufyani. Perang yang dimaksudkan di sini ada dua iaitu

Perang Dunia Kedua (1941-45). Puak Ibqak adalah gabungan Jerman dan Jepun (Ibqak) yang berjaya ditewaskan oleh pasukan as-Sufyani (Amerika) dan Ashab (sekutu di Eropah). Dan yang kedua ialah Perang Teluk (1991) iaitu antara Iraq (Ibqak) dengan Amerika (as-Sufyani) dan sekutunya Eropah (Ashab). Yang dilihat menang adalah tentera as-Sufyani (Amerika) dan yang dilihat kalah adalah puak Ibqak (Iraq).

7. Kemudian muncul pula seorang raja dari negeri Maghribi yang membunuh semua lelaki dan memperkosa wanita. Dia menunggu di bumi Arab untuk memerangi puak as-Sufyani sehingga segala harta bendanya dirampas. Raja yang dimaksudkan adalah Presiden baru Amerika Syarikat, yang meneruskan usaha mengepung dan menyekat Iraq sehingga negara dan rakyat Iraq menderita kesempitan hidup, ramai yang mati kebuluran atau kekurangan zat, begitu juga wanita dan kanak-kanak turut mati akibat sekatan yang dikenakan itu. Harta benda yang dimaksudkan itu adalah bahan-bahan makanan yang tidak dibenarkan dibawa masuk ke Iraq, melainkan dengan dicatunya, dan kedua ialah sumber petroleum Iraq yang pengeluarannya amat dikawal oleh mereka.

8. Puak as-Sufyani meneruskan peperangan dengan puak Rom dan Turki sehingga berlaku berbagai-bagai penganiayaan dan kerosakan seperti perut perempuan mengandung dibelah dan kanak-kanak dibunuh. Kali ini as-Sufyani yang dimaksudkan adalah puak di Eropah Timur yang membunuh ramai umat Islam tanpa pilih kasih lagi. Rom dan Turki yang dimaksudkan adalah negara-negara yang pernah ditakluk oleh Kerajaan Osmaniyah dahulu termasuk di negara-negara bekas jajahan Rom yang pernah ditawan oleh Turki Osmaniyah. Mereka amat zalim sehingga perempuan mengandung dan kanak-kanak yang tidak bersalah pun turut dibunuh.

9. Orang-orang as-Sufyani terus-menerus memburu orang-orang Quraisy, menyebabkan mereka terpaksa melarikan diri ke Turki, di samping sebahagiannya menerima penyeksaan. Sebahagian yang lain pula berjaya melarikan diri ke Khurasan. As-Sufyani yang dimaksudkan di sini adalah puak Badwi dari Bani Saud yang menawan Hijaz termasuk Makkah dan Madinah. Mereka membunuh semua keturunan Alawi, Hasani, Husaini dan Hasyimi. Ramai yang lari menyelamatkan diri ke negara-negara lain seperti ke Afrika, ke Syria, ke Turki dan India. Ada yang berjaya diturut oleh mereka lalu dibunuh. Ramai yang menerima seksaan. Akhirnya Ahlulbait yang dimulia dan didoakan oleh seluruh umat Islam itu, berpecah-pecah ke serata tempat. Ramai yang mati dan ramai yang diseksa. Yang selamat tidak berani menonjolkan diri. Akhirnya pupuslah seluruh Ahlulbait daripada kota Makkah dan Madinah dan daripada kekuasaan terhadap umat Islam. Kaum Quraisy juga turut diturunkan daripada menjawat sebarang jawatan pemerintahan. Mereka kini menjadi orang biasa, dan dibiarkan begitu sahaja - tanpa jawatan, tanpa penghormatan dan tanpa pembelaan.

10. Dalam usaha memburu saki-baki lelaki Quraisy itu, tentera as-Sufyani yang berkuda menuruti hingga ke Khurasan. Mereka telah membinasakan banyak bandar dan membunuh beratus ribu manusia, termasuk kanak-kanak dan wanita. Khurasan yang dimaksudkan di sini adalah umum, ertinya jauh kerana Khurasan itu memang amat jauh pada pandangan orang zaman dahulu. Tentera berkuda itu bukanlah kuda yang ditunggang, tetapi kenderaan tentera yang lengkap dan moden.

11. Semasa sampai di Khurasan, keganasan dan kezaliman mereka bertambah dahsyat. Setiap keluarga Rasulullah SAW dan Bani Hasyim serta penduduk Khurasan yang melindungi akan ditangkap lalu dibunuh. Ini juga sudah berlaku di seluruh dunia Islam, sehingga orang yang berani mengaku dirinya sebagai Ahlulbait akan menerima seksaan, difitnah dan dipermalukan. Mereka sentiasa dipandang serong oleh pihak berkuasa. Keadaan ini berlaku selama beberapa tahun, yang disebut sebagai zaman fitnah terbesar dan terhebat, yang langsung tidak dapat dibayangkan kedahsyatannya oleh manusia pada zaman dahulu akan bentuknya.

12. Setelah berlaku keganasan, kezaliman dan fitnah yang besar itu, zahirlah Imam Mahdi dengan tujuan menghapuskan segala kezaliman dan peperangan yang sedang dahsyat dilakukan oleh puak-puak manusia yang memusnahkan bumi Tuhan ini. Memang Imam Mahdi zahir ketika manusia di seluruh dunia sedang berada di puncak penyelewengan dan kezaliman yang maha dahsyat itu. Zahirnya Imam Mahdi itu membawa cahaya baru yang bersinar terang di dalam hati setiap orang yang beriman.

13. Semasa huru-hara dan peperangan itulah, Imam Mahdi bersama-sama dua orang pembantu dan tujuh orang lain, melarikan diri dari Madinah lalu bersembunyi di Makkah.

14. Apabila dikhabarkan kedatangan Imam Mahdi ke Makkah, rajanya amat gembira. Kedatangan Imam Mahdi disambut dengan gembira dan diizinkannya tinggal di Makkah dengan aman. Asalnya begitulah yang berlaku, tetapi raja Makkah itu dihasut oleh syaitan dan ditakut-takutkan bahawa dia akan kehilangan kuasa pemerintahan kepada Imam Mahdi. Maka terlintaslah di hatinya untuk berbaiat kepada Imam Mahdi. Terfikir padanya bahawa dia sudah tidak ada jalan lain lagi, melainkan tunduk kepada Imam Mahdi.

15. Namun keadaan sebaliknya yang berlaku. Raja Makkah itu telah mengkhianati dan menipu Imam Mahdi. Dia berjaya juga ditipu oleh syaitan yang membujuknya dengan pelbagai perkara dan bayangan menakutkan. Dia cuba membunuh kedua-dua pembantu Imam Mahdi. Salah seorang daripadanya berjaya dibunuh di antara Rukun dan Maqam Ibrahim, manakala yang seorang lagi berjaya melepaskan diri lantas dengan segera memberitahukan hal ini kepada Imam Mahdi. Ini menyebabkan Imam Mahdi bersedih hati dan menyabarkan yang lain.

16. Imam Mahdi mengumpulkan jemaahnya untuk memerangi raja Makkah yang dimurkai oleh Allah dan segala isi langit itu. Imam Mahdi berkhemah di salah sebuah bukit di Taif. Perang pun berlaku dan Imam Mahdi berjaya membunuh raja Makkah yang zalim. Itulah perang pertama daripada enam peperangan yang lain yang akan dilaluinya kelak.

5. Keadaan Sebelum Imam Mahdi Zahir

Sebelum Imam Mahdi zahir, beberapa perkara besar akan berlaku. Hal-hal besar ini sudah disebutkan oleh terlalu banyak hadis dan sebahagian besarnya sudah sedia diketahui oleh kebanyakan masyarakat Islam di Malaysia dan di Asia Tenggara. Dan di sini hanyalah ringkasannya sahaja yang akan diberikan, untuk memudahkan kita mengingat semula apa yang telah sedia diketahui itu.

Sebelum Imam Mahdi zahir, muncul Pemuda Bani Tamim yang mendapat kuasa di sebelah Timur. Kemunculan Pemuda Bani Tamim ini akan menggemparkan seluruh dunia, baik yang Islamnya apatah lagilah yang bukan Islamnya. Kemunculan beliau sebagai pemerintah di Timur akan menyebabkan seluruh dunia menjadi lumpuh dan huru hara. Sistem ekonomi Barat yang didasarkan kepada kapitalis terus lumpuh dan akhirnya mati, menyebabkan seluruh perdagangan yang sebelumnya amat sibuk dan maju, jadi terhenti terus. Namun, suatu keajaiban yang amt besar berlaku di situ. Pada ketika sistem ekonomi kapitalis itu terhenti dan seterusnya mati, sistem ekonomi Islam pula merecup naik dan menggantikan terus sistem kapitalis yang telah rapuh dan runtuh itu. Akhirnya sistem Islam itulah yang menguasai seluruh perdagangan di Timur, kerana seluruh sistem kapitalis tadi sudah tidak dapat dipakai lagi untuk sebarang urusan dan urus niaga.

Sistem politik demokrasi Barat yang juga sedang digunakan sebelum itu akan turut mengalami nasib yang serupa. Akhirnya sistem demokrasi Barat itu terus dibatunisankan dan di celah-

celah runtuhan sistem Barat itu, cara politik Islam yang tidak zalim dan sangat adil itu akan naik dan menggantikan terus seluruh sendi-sendi sistem politik Barat yang digunakan. Dengan naiknya beliau, tamatlah kedua-dua sistem warisan daripada penjajah Barat itu dari dunia sebelah Timur ini. Naiklah semula sistem Islam yang sangat adil itu, secara yang benar-benar realiti, menggantikan sistem lama itu, tanpa perlu kepada sebarang teori dan perbincangan di mana-mana forum atau seminar pun.

6. Penentang-penentang Imam Mahdi

Sejurus sebelum Imam Mahdi muncul, akan muncul terlebih dahulu as-Sufyani, yang dikatakan muncul di tengah-tengah Damsyik. Dia akan menjadi pemerintah di sana dan membina angkatan tentera yang kuat, ramai dan lengkap. Dia seorang yang pintar bercakap dan mendapat sokongan daripada rakyatnya dalam setiap apa yang dilakukan termasuk memerangi Imam Mahdi. As-Sufyani yang dimaksudkan di sini adalah puak Syiah, yang mendapat kuasa pemerintahan di negara Iran pada tahun 1979, setelah mereka berjaya menjatuhkan Shah Iran, raja terakhir dari Dinasti Pahlavi. Pemimpinnya pada masa itu adalah Imam Ayatollah Ruhollah Khomeini Seyyed Mosavi.

As-Sufyani akan dibantu oleh bapa saudaranya iaitu Kalb. Dia akan memerangi sesiapa sahaja yang berani menentangnya. Penindasan akan berleluasa di setiap pelosok dunia akibat pemerintahan as-Sufyani itu, dia membunuh sesuka hati, sehingga perempuan mengandung dan kanak-kanak kecil pun turut dibunuh tanpa belas kasihan. Puak Qais bangun cuba menentang as-Sufyani tetapi akhirnya tewas dan dibunuh beramai-ramai oleh Kalb. Puak Qais yang dimaksudkan adalah pasukan Iraq yang pada hari ini dipimpin oleh Saddam Hussein, dari Parti Sosialis Baath.

Satu pasukan tentera as-Sufyani yang besar jumlahnya dihantar ke Kufah dan mereka memerangi penduduk Khurasan, melakukan kerosakan yang amat besar dan membunuh penduduknya dalam jumlah yang amat ramai. Pada ketika itulah munculnya Panji-panji Hitam yang pasukan tenteranya amat kecil tetapi amat kuat dan gagah, dipimpin oleh Syuaib bin Saleh, Bani Tamim, yang bersatu dengan pasukan pimpinan al-Hasyimi.

Pasukan Syuaib ini berjaya menghalang pasukan tentera as-Sufyani daripada terus melakukan kerosakan. Satu pertempuran yang asangat dahsyat berlaku yang mengakibatkan ramai tentera dari kedua-dua pasukan terkorban. Namun, nyata yang ramai terkorban itu adalah dari pasukan as-Sufyani, menyebabkan mereka kalah dengan seteruk-teruknya. Berbetulan dengan masa itulah, seruan-seruan dari langit berulang kali menyebut-nyebutkan nama Imam Mahdi, menyebabkan beliau sudah menjadi sebutan ramai.

As-Sufyani dengan segera menghantar satu lagi pasukan tenteranya dalam jumlah yang besar dari arah Iraq untuk menghapuskan Imam Mahdi. Mereka sampai ke Madinah lalu menghancurkannya, membunuh seramai-ramai penduduknya termasuk perempuan mengandung, orang-orang tua dan kanak-kanak kecil. Akhirnya Madinah hampir-hampir menjadi kota sepi, dengan yang tinggal hanyalah binatang-binatang liar dan runtuhan-runtuhan bangunan.

Seterusnya pasukan as-Sufyani ini meneruskan perjalanannya ke Makkah tetapi dalam perjalanan, di kawasan berhampiran Zul Hulaifah, keseluruhan pasukan ini ditelan bumi. Tiada yang selamat melainkan dua orang yang segera menyampaikan berita kemalangan itu kepada as-Sufyani. Bagaimanapun, berita buruk itu tidak menakutkan as-Sufyani walau sedikit pun.

Akhirnya dalam satu peperangan, Imam Mahdi berjaya menangkap As-Sufyani lalu menyembelihnya di tepi laut. Kemudian Imam Mahdi memerangi Kalb pula, lalu dibunuh, sama seperti yang diperbuat kepada As-Sufyani sebelumnya. Seluruh harta benda mereka berdua ini akan

dirampas dan dimasukkan ke dalam Baitulmal. Dengan matinya kedua-dua musuh utama Imam Mahdi ini, seluruh dunia akan menjadi sangat aman, tidak ada lagi peperangan yang melibatkan mana-mana pihak (Islam dan Kristian) melainkan dengan India dan China sahaja lagi. Pada ketika itu, seluruh dunia sudah berjaya ditawan oleh Imam Mahdi dan diperintah secara langsung oleh beliau.

Imam Mahdi juga akan memerangi India sehingga berjaya menawannya dengan mudah sahaja. Selepas itu, seluruh India dan kawasan-kawasan sekitarnya berjaya ditakluk oleh Imam Mahdi. Kemudian Imam Mahdi akan pergi memerangi China dan negara-negara di sekitarnya termasuk Jepun. Seluruh kawasan di rantau berkenaan turut berjaya beliau tawan dan memeluk Islam.

Beliau juga akan menghadapi tentangan daripada Dajjal yang akan muncul semasa Imam Mahdi sedang memerintah dunia. Kemunculan Dajjal itu memang amat menyusahkan, dan tidak ada kesusahan yang lebih berat dari itu sepanjang sejarah peradaban manusia yang lebih berat daripada fitnah Dajjal. Dajjal seterusnya menguasai seluruh dunia dengan dibantu oleh hampir seluruh bangsa Yahudi. Dan sepanjang empat puluh hari itulah mereka benar-benar dapat ***merasa*** memerintah seluruh dunia ini, seperti yang sekian lama mereka idam-idamkan.

7. Pasukan Imam Mahdi

Pasukan Imam Mahdi ini ada beberapa golongan. Secara ringkasnya pasukan Imam Mahdi ini dibahagikan menurut kategori-kategori yang telah Allah SWT sendiri tentukan. Mereka adalah:

1. **Para Asoib**. Mereka ini adalah golongan dari Timur yang berjumlah 16 ribu orang. Mereka ini adalah golongan yang menyamai para sahabat dari segi amalan agamanya yang zahir, tetapi tidak dari segi taraf dan kedudukan pada sisi Allah. Mereka ini adalah dari kalangan orang-orang yang telah mencapai taraf saleh dan merupakan generasi contoh untuk manusia akhir zaman, khasnya yang hidup pada zaman Imam Mahdi memerintah. Mereka ini insya-Allah dimudahkan jalan untuk masuk ke dalam syurga seperti yang dijanjikan. Dalam peperangan menentang musuh Islam, mereka ini adalah orang-orang yang sentiasa taat dan berperang dengan bersungguh-sungguh. Mereka sangat menjaga dosa-dosa mereka dan masyarakat seluruhnya.

2. **Para Ikhwan**. Ikhwan ini berjumlah 314 orang dan di antaranya ada kaum wanita. Mereka inilah orang-orang kanan Imam Mahdi dan Pemuda Bani Tamim, sentiasa membantu Imam Mahdi dalam setiap urusan pentadbirannya di seluruh dunia. Mereka inilah yang akan memenuhkan dunia ini, seolah-olah mereka itu memenuhkan setiap ruang dunia ini sehingga dirasakan tiada lagi ruang yang kosong di atas dunia ini melainkan semuanya telah dipenuhi oleh mereka. Para Ikhwan ini sendiri ada beberapa tingkatan lagi, bermula dari yang paling umum sehinggalah kepada yang paling tinggi tarafnya pada sisi Allah.

3. **Rasul-rasul dahulu**. Antara rasul berkenaan adalah Nabi Isa AS yang akan turun dari langit lalu membantu Imam Mahdi membunuh Dajjal dan memerangi bangsa Yahudi. Juga Nabi Ilyas AS yang masih hidup di atas dunia ini. Khidir AS yang masih hidup itu juga akan turut keluar dan membantu Imam Mahdi.

4. **Ashabul Kahfi**. Mereka adalah sekumpulan pemuda beriman yang berusaha menyelamatkan iman mereka lalu tertidur di dalam sebuah gua. Mereka akan keluar dari dalam gua mereka lalu membantu Imam Mahdi memerintah dunia ini dan turut sama memerangi musuh-musuh Islam.

5. **Para Wali Allah**. Maksudnya adalah para wali Allah yang umum. Ada di antara wali

Allah itu yang masih hidup dan ada pula di kalangan mereka ini yang telah meninggal dunia. Namun semuanya akan turut membantu Imam Mahdi dalam setiap urusan yang beliau memerlukan pertolongan mereka. Hal ini sebenarnya tidak susah dipercayai dan diketahui kerana orang yang memahami hakikat kejadian insan pasti tidak akan menolak adanya para wali yang telah meninggal dunia bangkit membantu orang yang masih hidup. Hal yang demikian tidaklah sukar bagi Allah untuk menjadikannya. Selain itu, ada juga wali ghaib yang pada masa pemerintahan Imam Mahdi semuanya menzahirkan diri ke tengah-tengah masyarakat dan membantu masyarakat Islam untuk mendekati Allah.

6. **Wali-wali Abdal**. Mereka sudah disebutkan oleh beberapa buah hadis dan asar bahawa mereka akan membantu Imam Mahdi, berbaiat kepada Imam Mahdi di Masjidil Haram dan berperang bersama-sama dengan Imam Mahdi. Jumlah mereka ini berbeza-beza menurut keperluan dan masa. Ada kalanya ramai dan ada kalanya sedikit pula. Namun, setiap kali salah seorang daripada mereka mati, maka Allah akan melantik seorang wali lain untuk menggantikan tempatnya sebagai Wali Abdal. Ada juga disebutkan bahawa jumlah Wali Abdal lelaki adalah sama banyak dengan bilangan Wali Abdal yang perempuan. Dan tempat mereka adalah di Syam.

7. **Wali Nujabak**. Mereka adalah golongan yang berada di Mesir dan akan segera mendatangi Imam Mahdi sebaik-baik sahaja Imam Mahdi muncul di Makkah. Mereka ini akan turut membantu Imam Mahdi dalam setiap urusan yang beliau memerlukan pertolongan mereka. Keberadaan mereka dalam masyarakat sangatlah didambakan oleh seluruh umat Islam, terutamanya yang tinggal di merata-rata benua Afrika.

8. Peperangan Yang Disertai Oleh Imam Mahdi

Perang Pertama.

Semasa berlaku huru hara di Mina dan Madinah, Imam Mahdi bersama-sama dua orang pembantunya dan tujuh orang lagi melarikan diri dari Madinah dan bersembunyi di Makkah. Gabenor di Madinah menulis sepucuk surat (atau menelefon sahaja) kepada Gabenor di Makkah menyatakan kedatangan Imam Mahdi. Gabenor Makkah sangat gembira mendengar berita itu lalu menjemput Imam Mahdi dan jemaahnya menemui beliau. Imam Mahdi memenuhi jemputan itu lalu diizinkan tinggal di Makkah dengan aman sebagai seorang suaka politik.

Rupa-rupanya Gabenor Makkah itu menipu Imam Mahdi dengan memanggil kedua-dua pembantu Imam Mahdi untuk menemuinya. Mereka kemudiannya dibunuh di Hajarul Aswad dan Maqam Ibrahim, tetapi salah seorang daripadanya berjaya menyelamatkan diri lalu memberitahu Imam Mahdi. Imam Mahdi berasa marah dengan sikap Gabenor Makkah yang penipu itu, lalu melarikan diri ke Taif bersama-sama pengikutnya. Di sana beliau berkhemah sambil mempersiap pasukannya untuk memerangi Gabenor Makkah yang dimurkai oleh Allah dan seluruh isi langit itu. Beliau dibantu sama oleh penduduk Taif dan sekitarnya.

Seterusnya Imam Mahdi memerangi Gabenor Makkah dan segala askarnya itu. Walaupun jumlah pasukannya sedikit sahaja, Imam Mahdi berjaya mengalahkan Gabenor Makkah itu dan dapat pula membunuh gabenornya. Setelah itu Imam Mahdi dibaiat oleh sekalian manusia di Masjidil Haram.

Perang Kedua

Imam Mahdi mengalih perhatiannya ke Rom Turki. Disebutkan Turki kerana pada masa itu, Kostantinopel adalah pusat pentadbiran dan keagamaan Rom untuk beberapa abad. Selepas itu, Turki pula menakluk dan seterusnya mengambil alih kota Kostantinopel itu, lalu menjadikannya pusat pentadbiran Kerajaan Osmaniyah Turki selama kira-kira enam ratus tahun, dinamakan semula sebagai Istanbul. Dan Turki Rom yang dimaksudkan itu bukanlah Turki yang ada pada hari ini dan Kostantinopel yang dimaksudkan itu juga bukanlah kota Istanbul yang ada pada hari ini.

Turki yang dimaksudkan itu adalah Sepanyol dan Perancis manakala Kostantinopel yang dimaksudkan adalah kota Vatican iaitu pusat kepaderian Kristian sedunia. Jadi, Turki dan Kostantinopel seperti yang disebut-sebutkan itu hanyalah kiasan sahaja, bukanlah yang sebenar. Ini untuk menyesuaikan pemahaman umat Islam pada masa dahulu dengan apa yang diketahui oleh baginda SAW, para sahabat dan para tabiin melalui kasyaf mereka.

Imam Mahdi akan mengikat perjanjian gencatan senjata selama sembilan tahun dengan Eropah Kristian. Dalam tempoh gencatan senjata itulah kedua-dua belah pihak benar-benar merasakan keamanan sejati. Seluruh umat Islam kini benar-benar mengecapi apa itu nikmat keamanan. Mereka juga bergabung menentang tentera Russia yang selalu mengganggu ketenteraman pihak Islam. Walaupun berlaku perjanjian damai, kedua-dua belah pihak tetap berbeza pendapat mengenai beberapa masalah, misalnya mengenai salib. Orang-orang Rom mengatakan bahawa salib itu mampu memberi bekas dalam mengalahkan musuh mereka, manakala orang-orang Islam mengiktikadkan bahawa hanya Allah SWT sahaja yang mampu memberi bekas, bukannya salib.

Semasa berlaku percanggahan pendapat itu, salah seorang tentera Islam telah dengan sengaja mematahkan salah satu daripada salib tersebut dalam keadaan marah. Maka marahlah tentera-tentera Rom lalu mereka membunuh askar Islam tersebut. Maka pada ketika itu, pecahlah perang besar antara kedua-dua pasukan tentera itu. Dan Allah memuliakan tentera muslimin dengan mati syahid.

Selepas itu, pihak Rom keluar dengan 80 ketumbukan tentera yang amat besar, di bawah 80 bendera. Pada setiap ketumbukan itu ada 12 ribu askar Kristian Eropah. Mereka meneruskan perjalanan dan hanya singgah di bandar A'amaq dekat Halb dan Antokiah, iaitu kawasan yang airnya tidak pernah kering melainkan pada musim panas. Kawasan yang mereka singgahi itu adalah kawasan yang rata, merupakan padang rumput yang cukup luas. Beberapa orang penduduk A'amaq yang juga merupakan anggota pasukan Imam Mahdi berkumpul untuk menghadapi askar-askar Rom itu.

Setelah berlaku cabar-mencabar, tercetuslah peperangan yang amat besar sebanyak tiga kali. Pada kali pertama peperangan itu, tentera Islam kalah sehingga sepertiga daripada jumlah mereka mati terbunuh. Semua tentera Islam yang mati itu tidak diterima taubat mereka oleh Allah selama-lamanya kerana mereka itu adalah orang-orang munafik. Askar Islam yang selebihnya berundur untuk mengatur strategi lain yang dirasakan lebih berkesan.

Dalam pertempuran kali kedua, sepertiga daripada mereka pula mati. Tentera yang mati ini adalah mati syahid dan dimuliakan oleh Allah kerana betul niatnya. Askar Islam yang selebihnya terpaksa berundur lagi dan menyusun strategi yang benar-benar mantap, iaitu sesuatu yang tidak pernah terdugakan oleh pihak Kristian. Semasa merancang strategi itu, tentera Islam berpecah kepada tiga pendapat. Pendapat pertama mahukan tentera Islam menyerah kalah kerana tentera musuh terlalu besar untuk ditentang. Pendapat kedua mahukan peperangan diteruskan kerana mereka yakin bahawa tentera Islam tetap akan menang dan menganjurkan agar tentera Islam bergerak melalui kawasan gurun dan pedalaman.

Pendapat ketiga menyeru agar kedua-dua pendapat tadi tidak taksub kepada pendapat masing-masing kerana Allah tidak akan membantu mereka jika mereka berpecah belah, lalu mengajak

mereka bersatu semula. Akhirnya mereka bergabung semula dan bersetuju meneruskan peperangan, walau apa pun yang akan terjadi.

Pada pertempuran kali ketiga, kalahlah tentera Rom walaupun tentera Islam hanya tinggal sepertiga sahaja lagi, sedangkan orang-orang Rom sudah menjangkakan bahawa mereka akan mengalahkan tentera Islam tersebut. Mereka terlalu gembira kerana melihatkan pasukan tentera Islam yang amat kecil itu. Mereka pun menyatakan bahawa salib boleh memberi bekas kepada kemenangan mereka tetapi dinafikan oleh tentera Islam.

Dan tentera Islam yang tinggal sepertiga dan menang itu, tidak difitnahkan ke atas mereka selama-lamanya. Allah memberikan tentera Islam kemenangan dengan menurunkan seramai dua ratus ribu malaikat, berserta Mikail AS dan dibantu juga oleh para wali Allah. Datanglah azab kepada pasukan Rom itu sehingga kebanyakan mereka mati kerana azab itu.

Tentera Islam tadi memasuki kota Rom dengan penuh kemenangan. Orang-orang yang tinggal meminta keamanan dan bersetuju membayar jizyah, lalu diberikanlah mereka keamanan. Kemudian orang-orang Rom cuba menakut-nakutkan tentera Islam dengan menyebarkan berita bahawa Dajjal telah keluar dan menawan anak isteri mereka. Tetapi berita itu tidak mampu memperdayakan umat Islam lalu orang-orang Eropah itu dibunuh seramai-ramainya dan segala harta benda mereka dirampas. Semuanya dapat ditawan dalam tempoh tiga hari sahaja. Kemenangan ini disambut dengan penuh gembira sambil mengucapkan tasbih, takbir dan tahlil kepada Allah sehinggalah tiba waktu subuh tanpa tidur-tidur.

Setelah terbit fajar, tentera Islam melaungkan takbir dengan sekuat-kuatnya sehingga menyebabkan runtuh kota Rom itu. Mereka bertakbir lagi dan runtuh lagi kota Rom itu yang di sebelah lain, dan begitulah sehingga habis runtuh semua bahagian kota Rom itu. Kejadian ini amat menakjubkan orang-orang Rom sehingga akhirnya mereka mengakui bahawa memerangi umat Islam bererti memerangi Allah. Mereka menyerahkan segala harta benda mereka sehingga tidak ada yang tinggal lagi. Umat Islam membahagi-bahagikan harta rampasan perang itu di tengah-tengah padang dan jalan kerana sudah terlalu banyaknya. Juga kerana terlalu banyaknya itu, mereka menyukatnya dengan menggunakan talam-talam besar sahaja, tidak lagi menggunakan alat penimbang.

Perang Ketiga

Imam Mahdi akan memerangi India sehingga berjaya menakluk seluruh negara itu dan kawasan-kawasan yang berhampiran dengannya. Imam Mahdi juga membunuh semua orang kafir yang menentangnya dan juga orang-orang Islam yang telah keluar daripada Ahlus Sunnah wal Jamaah. Pemerintah India itu menyusun pasukan tenteranya secara besar-besaran dan dengan segala kelengkapan perang tercanggih yang mereka miliki. Namun, Imam Mahdi dapat mengalahkan raja itu dengan amat mudah sahaja. Akhirnya seluruh India di-Islamkan atau yang tidak melawan membayar jizyah sebagai tanda mengaku kalah sambil meminta keamanan.

Perang Keempat

Imam Mahdi akan memerangi seluruh mazhab yang bidaah, baik dalam bidang apa pun, dan walau di mana pun jua sehingga akhirnya tidak wujud lagi di dunia ini apa-apa mazhab pun melainkan yang benar dengan sunnah Rasulullah SAW sahaja. Yang khufarat juga beliau perangi habis-habisan sehingga pupuslah dari dunia ini segala bentuk khurafat yang sebelumnya masih dilakukan oleh manusia, sama ada yang Islam mahupun yang bukan Islam. Antara bidaah yang awal-awal dihapuskan adalah Syiah, Wahabi dan Muktazilah. Kemudian dihapuskan pula pemikiran-pemikiran Barat yang telah lama mencengkam seluruh otak manusia dan meresap hati sanubari mereka. Kemudian hapus

pula segala macam pemujaan terhadap sesuatu yang tidak dibenarkan oleh syarak dan akhirnya mazhab-mazhab dalam ilmu fikah dan tasawuf turut dihapuskan (walaupun kedua-duanya tidaklah bidaah atau khurafat).

Perang Kelima

Imam Mahdi akan memerangi As-Sufyani dan Kalb serta segala tenteranya. Akhirnya beliau berjaya menangkap As-Sufyani dan Kalb lalu kedua-duanya itu disembelih di atas batu, seperti orang menyembelih kambing untuk dikorbankan. Kedua-dua mereka ini adalah lambang kekotoran sistem Barat yang sudah amat rosak itu. Dengan kematian kedua-duanya, maka seluruh dunia ini dibersihkan daripada segala daki sistem Barat, yang ternyata lebih banyak merosakkan daripada membaikkan.

Perang Keenam

Imam Mahdi akan memerangi bandar Qatik. Bandar ini terletak di suatu daratan yang menghijau pada bahagian lautnya. Panjang kota itu adalah seribu batu dan lebarnya 500 batu, manakala pintunya berjumlah 360 buah dan setiap pintu itu dikawal oleh seribu orang askar. Bandar Qatik yang dimaksudkan oleh hadis dan asar ini sebenarnya adalah ***New York*** di Amerika Syarikat. Dan pada hari ini, kota raya New York adalah lambang kekuasaan jaringan Yahudi terhadap dunia. Di sanalah tempat tumpuan utama kaum kapitalis dan birokrat Yahudi, begitu mendalamnya cengkaman Yahudi ke atas kota itu sehingga hari cuti mingguan di kota raya itu adalah pada hari Sabtu, iaitu hari kebesaran Yahudi. Yang dikatakan seribu batu dan lima ratus batu itu adalah perlambangan sahaja, untuk menunjukkan betapa luasnya Amerika Syarikat itu dan majunya negara itu pada pandangan dunia.

Jumlah pintu yang dimaksudkan adalah pelabuhan yang banyak terdapat di serata Amerika Syarikat dan jumlah askar yang dikatakan seribu orang pada setiap pintu itu ialah jumlah polis, angkatan marin, pasukan imigresen dan tentera udara yang terdapat di hampir semua pelabuhan tadi adalah lambang kekuatan ketenteraan negara itu dan cekap pasukan perisikannya. Juga sebagai lambang bahawa negara besar dunia itu sentiasa berjaga-jaga terhadap apa jua unsur yang boleh membahayakan keselamatan negara berkenaan.

Apabila tiba di sana, Imam Mahdi dan tenteranya melaungkan takbir sebanyak tiga kali dari atas kapal mereka dengan sekuat-kuat hati. Maka runtuhlah dinding kota itu dan mereka dapat menawannya. Kemudian Imam Mahdi memerangi penduduknya dan membunuh seramai sejuta orang. Dengan itu lengkaplah penguasaan Imam Mahdi terhadap seluruh dunia ini, baik yang Islam mahupun yang tidak Islam.

Setelah selesai peperangan itu, Imam Mahdi pun pulang dengan sekalian tenteranya menaiki seribu buah kapal yang sarat dengan harta benda dan memerintah di pusat pentadbirannya, dengan penuh adil dan takwa. Manusia pun menjadi amat kaya harta dan kaya hati, masing-masing hanya memikirkan jalan untuk mendekatkan diri dengan Tuhan sahaja, tidak lain kerana sudah tiada apa lagi yang mereka mahukan pada masa itu, melainkan Allah SWT sahaja. Pada ketika ini, hanya pasukan tentera yang berada di Eropah sahaja yang masih berperang dan sentiasa memperoleh kemenangan dalam setiap peperangannya. Enam bulan selepas seluruh Eropah dapat ditawan, Dajjal yang sebenar pun keluar ke dunia ini lalu menakluknya pula.

9. Kemunculan Dajjal dan Turunnya Nabi Isa AS

Imam Mahdi akan memerintah seluruh dunia ini dengan penuh adil dan aman damai selama tiga puluh tahun. Pada tahun ketiga puluh satu pemerintahannya, akan keluarlah suatu makhluk yang sangat hebat dan sangat besar fitnahnya terhadap seluruh umat manusia yang mampu membinasakan seluruh kemanusiaan. Itulah Dajjal yang selalu disebut-sebutkan oleh baginda SAW kepada para sahabat RA. Sungguh, fitnah Dajjal itu amatlah besarnya sehingga tidak ada fitnah yang lebih besar daripada fitnah Dajjal itu, sejak dijadikan-Nya bumi ini sehinggalah kiamat ditiupkan oleh malaikat Israfil AS.

Dajjal mula-mula keluar dari suatu jalan di wilayah Khurasan, lalu membuat kerosakan ke kanan dan ke kiri iaitu menuju ke Barat dan kemudian ke Timur pula. Dajjal pergi ke barat untuk mendapatkan kaum Yahudi Asbihan yang merupakan kumpulan askar-askar kanannya. Pada masa ini, hampir semua kaum Yahudi akan menjadi askar Dajjal yang setia kerana mereka ini akan diberinya pakaian, makanan dan minuman yang secukupnya sedangkan pada masa itu kebuluran sedang bermaharaja lela di seluruh dunia, terutama di sebelah yang tidak memeluk Islam.

Sepanjang tempoh pemerintahan Dajjal yang selama 40 hari itu, umat Islam terkepung di dalam kota Makkah, di kota Madinah, di Bukit Tursina dan di Baitulmaqdis iaitu pusat pemerintahan Imam Mahdi. Umat Islam yang berada di luar dari ***kawasan lindungan*** ini semuanya akan mati dibunuh oleh Dajjal yang amat kejam itu. Jika tidak mati pun, sudah pasti mereka akan berjaya dipengaruhi oleh Dajjal untuk menjadi pengikutnya. Umat Islam yang terkepung ini akan mengalami kesusahan yang amat sangat, kebuluran dan kesusahan. Kerana kehabisan makanan dan minuman, mereka menadah embun untuk diminum dan memakan tulang-tulang yang telah ditumbuk sehingga hancur.

Semuanya terpaksa ditanggung oleh mereka dan tidak terkecuali juga Imam Mahdi sendiri. Dajjal setiap hari akan mendatangi kota Makkah dan cuba untuk memasukinya tetapi gagal kerana jalan-jalan masuk ke kota suci itu sedia dikawal oleh malaikat yang berlapis-lapis sehingga tiada ruang untuk Dajjal dan pengikut-pengikutnya memasukinya walau dengan apa cara pun. Dajjal juga setiap hari akan cuba memasuki kota Madinah tetapi gagal juga. Dan pada setiap pagi, selepas subuh, Dajjal akan pergi ke Baitulmaqdis untuk melihat keadaan umat Islam yang sedang terkepung itu dan cuba mempengaruhi mereka agar menjadi pengikutnya.

Pada pagi keempat puluh, Dajjal datang ke Baitulmaqdis seperti biasa bersama-sama askar Yahudinya itu untuk melihat keadaan umat Islam yang semakin lemah kerana telah lama kehabisan makanan. Tujuannya adalah untuk mempelawa mana-mana umat Islam yang sudi menjadi pengikutnya. Apabila sampai sahaja ke sana, tiba-tiba Dajjal ternampak Nabi Isa AS sedang berada di tengah-tengah umat Islam, sudah turun dari atas langit dan bersiap sedia membawa tombak di tangannya. Dajjal sangat terkejut melihat keberadaan Nabi Isa AS kerana sedia diketahuinya bahawa itulah tanda umurnya akan habis. Maka pada ketika itu juga Dajjal cuba lari daripada Nabi Isa AS itu. Tinggallah askar-askarnya yang bertempiaran lari, namun segera dibunuh oleh Nabi Isa AS kesemuanya sehingga mereka mati tidak jauh dari situ.

Nabi Isa AS kemudian segera mengejar Dajjal dari belakang. Oleh kerana terlalu gemuk, pergerakan Dajjal itu amatlah payah, sedangkan Nabi Isa AS itu mengejarnya dari belakang melalui udara, iaitu dengan terbang di udara seperti terbangnya burung dan tidak menggunakan jentera. Itu adalah salah satu mukjizat beliau yang Allah kurniakan kepadanya khusus untuk digunakan pada akhir zaman nanti, setelah diturunkan semula ke dunia ini. Dajjal lari ke serata tempat sedangkan Nabi Isa AS semakin dekat di belakangnya. Akhirnya sewaktu tiba di Baitulmaqdis, Dajjal berjaya dibunuh oleh Nab Isa AS.

Selepas Dajjal mati, umat Islam yang tinggal sedikit sahaja lagi itu keluar dari dalam kawasan lindungan dan dengan bantuan Nabi Isa AS, mereka memerangi bangsa Yahudi. Seterusnya orang-orang Yahudi dibunuh sehabis-habisnya, tiada seorang pun dari mereka yang dibiarkan hidup melainkan yang benar-benar beriman sahaja. Semasa memerangi orang Yahudi ini, batu dan pokok turut membantu. Ini adalah sebahagian lagi mukjizat Nabi Isa AS dan keramat Imam Mahdi.

10. Pemerintahannya Selepas Kematian Dajjal

Imam Mahdi akan memerintah semula dunia ini selepas kematian Dajjal dengan penuh keadilan, aman makmur dan bahagia. Lama pemerintahannya pada masa ini adalah sembilan tahun. Dengan itu lengkaplah tempoh pemerintahannya selama empat puluh tahun yang penuh gilang-gemilang dan diriwayatkan dengan tinta emas. Itulah kemuncak peradaban manusia pada akhir zaman dan tidak ada lagi yang lebih hebat daripada itu.

Selepas membunuh sekalian bangsa Yahudi sehingga bangsa itu hampir-hampir sahaja pupus dari atas muka bumi ini, Nabi Isa AS akan membantu Imam Mahdi membunuh babi dan kera yang terdapat di seluruh dunia. Nabi Isa AS akan turut mematahkan salib yang terdapat, sama ada di gereja atau di bangunan atau di mana-mana sahaja sehingga akhirnya tiada lagi salib yang tinggal di atas dunia ini. Agama Kristian juga akan pupus dari atas dunia ini pada masa itu dan tidak akan muncul-muncul lagi sehinggalah ke saat berlakunya kiamat nanti.

Pada masa inilah akan berlaku beberapa perkara besar, yang tidak pernah lagi berlaku sejak Nabi Adam AS hinggalah ke hari kiamat. Yang pertama sekali, diberkatkan pada buah-buahan sehingga buah yang ada pada hari ini menjadi besar-besar dan lazat-lazat, sehingga sebiji delima dapat dimakan oleh sekumpulan orang dan mengenyangkan. Kulitnya dapat menaungi beberapa orang budak yang berteduh di bawahnya. Begitu juga dengan buah-buahan yang lain, yang turut mengalami perubahan dari segi saiz, bentuk, rasa dan baunya.

Diberkatkan juga biji-bijian dan tanam-tanaman sehingga secupak benih yang ditanam dapat menghasilkan lebih daripada 700 cupak apabila dituai. Pokoknya juga cepat masak, tidak berpenyakit dan tidak perlu dibaja lagi kerana hujan yang turun mencurah-curah membawa bersama-samanya baja yang amat menyuburkan. Pokok-pokoknya juga tidak tinggi dan tidak mudah rosak. Dan secupak makanan yang dimasak dapat dimakan oleh sekumpulan orang sehingga mereka benar-benar kekenyangan kerananya.

Diberkatkan juga pada air, sama ada pada air hujan, air sungai dan air laut. Air begitu mudah diperoleh di mana-mana kawasan pun yang dikuasai oleh Imam Mahdi. Airnya mengalirkan parit-parit dan sungai-sungai dalam keadaan jernih dan bersih, tidak lagi kotor seperti sebelum Imam Mahdi muncul. Air yang bersih dan banyak ini selamat untuk diminum dan digunakan sebagai keperluan harian. Air hujannya membawa berkat yang amat banyak kepada manusia dan tidak membahayakan. Banyak hasil ikan dan makanan laut untuk dimakan oleh seluruh manusia. Semuanya diberkatkan oleh Tuhan melalui keberadaan Imam Mahdi dan Nabi Isa AS di kalangan manusia. Dan itulah kelebihan sesuatu umat yang mempunyai pemimpin yang bertakwa.

Diberkatkan haiwan-haiwan ternakan sehingga binatang-binatang itu berkembang biak dengan pesat, gemuk-gemuk dan besar-besar. Sekali perahan susunya dapat diminum oleh sekumpulan orang hingga kenyang. Haiwan-haiwan ini tidak perlu dijaga sangat kerana tidak ada orang yang mahu mencurinya, juga tiada haiwan pemburu yang akan menerkamnya. Haiwan ini akan keluar pada pagi-pagi hari dan pulang sendiri pada waktu petang. Haiwan-haiwan ternakan itu juga

amat jinak, iaitu jinak dengan sendirinya sehingga tidak perlu dijinakkan lagi. Untuk menyembelih seekor lembu cukup seorang sahaja melakukannya, tanpa perlu meminta bantuan orang lain lagi. Ayam dan itik bertelur dengan banyak pada setiap hari dan dagingnya dapat dimakan selalu.

Diberkatkan pada haiwan-haiwan berbisa sehingga haiwan ini tidak mempunyai bisa lagi dan jinak pula dengan manusia. Haiwan-haiwan ini bukan sahaja tidak menakutkan manusia, malah boleh berkawan baik pula dengan anak-anak manusia seperti kawan yang sudah lama saling mengenali. Harimau, serigala dan singa akan keluar dari dalam hutan lalu berkawan dengan manusia di kampung-kampung dan bandar-bandar, tinggal bersekali dengan manusia tanpa sebarang mudarat. Ular dan kala berkawan dan bermain-main dengan anak manusia tanpa risau mereka akan mematuk atau menyengat kanak-kanak itu.

Diberkatkan pada masa sehingga setahun pada masa itu sama panjangnya dengan dua puluh tahun pada masa kita ini. Keadaan yang amat berkat ini menyebabkan kanak-kanak merasakan dirinya telah lama hidup sedangkan dia masih lagi kanak-kanak, seakan-akan dirinya telah dewasa manakala orang-orang dewasanya merasakan dirinya kembali seperti zaman kanak-kanak kerana tidak perlu memikirkan apa-apa lagi selain Allah SWT semata-mata, tidak seperti orang dewasa pada zaman ini yang terpaksa memikirkan sejuta macam perkara dan persoalan.

Diberkatkan pada pemerintahan sehingga Imam Mahdi diberi keupayaan untuk memerintah seluruh dunia ini, termasuk seluruh benua Amerika Selatan, Amerika Utara, seluruh Eropah Barat dan Eropah Timur, seluruh Asia dan Afrika. Kawasan-kawasan di hemisfera selatan seperti Australia, New Zealand dan ***negara-negara pulau*** di Lautan Pasifik juga akan tunduk dibawah pemerintahan Imam Mahdi. Diberkatkan juga pada pentadbiran sehingga tiada sebarang masalah yang akan ditimbulkan oleh rakyat, walaupun hanya seorang sahaja. Masing-masing redha dengan pemerintahan Imam Mahdi ke atas mereka. Tidak wujud lagi persaingan merebut kuasa seperti yang sedang galak berlaku pada hari ini, malah sanggup begaduh kerana mahukan jawatan dalam politik. Semua itu akan pupus sendiri dan tidak akan berlaku lagi pada zaman Imam Mahdi.

Diberkatkan pada harta benda sehingga manusia menjadi jemu dengannya kerana sudah terlalu banyak harta di atas muka bumi ini. Harta benda tidak lagi perlu dicari-cari kerana semuanya ini akan muncul sendiri dari dalam perut bumi, bukan lagi dalam bentuk butir-butir kecil seperti pada hari ini tetapi berketul-ketul seperti tiang-tiang rumah dan bergumpal-gumpal seperti busut besar yang sebahagiannya sehingga setinggi manusia berdiri. Sekaya-kaya manusia pada hari ini, iaitu zaman kita ini, dianggap semiskin-miskin manusia pada masa itu. Betapalah yang paling kayanya pada masa itu, bagaimanalah kayanya dia. Tidak terbayangkan oleh kita sekarang ini!

Diberkatkan pada manusia sehingga manusia menjadi seperti zaman kanak-kanak mereka, tidak pernah bergaduh dan menumpahkan darah. Tidak ada saling mendendam atau permusuhan, juga tiada sibukkan hal orang lain yang tidak ada kaitan dengan agama. Akhirnya, seluruh umat manusia hidup dalam keadaan penuh aman damai, bahagia dan sentosa sepanjang masa.

Akhirnya, setelah memerintah dunia ini selama sembilan tahun (atau kurang sedikit) menurut ukuran masa pada ketika itu, maka Imam Mahdi yang amat dicintai, disayangi dan ditaati tu meninggal dunia di atas katil di dalam rumahnya, di Timur. Berita kematiannya diketahui oleh semua manusia di seluruh dunia. Jenazahnya segera dimandi, dikafan dan seterusnya disembahyangkan secara sekali gus oleh semua umat Islam, walau di mana sahaja mereka berada. Teknologi pada masa itu dan bantuan keramat-keramat wali Allah memampukan seluruh umat Islam untuk memberikan penghormatan terakhir kepada pemimpin besar mereka itu. Itulah orang yang pertama sekali di dunia ini yang jenazahnya disembahyangkan secara serentak oleh seluruh umat Islam yang ada di seluruh dunia ini.

Dan, sebelum upacara sembahyang jenazah dilakukan, Nabi Isa AS dilantik menjadi **Imam Mahdi** yang baru, menggantikan Syeikh Muhammad bin Abdullah Al-Mahdi yang telah meninggal dunia itu. Tugas pertama Nabi Isa AS sebagai **Imam Mahdi** yang baru adalah mengimamkan seluruh umat Islam untuk menyembahyangkan jenazah arwah Syeikh Muhammad bin Abdullah Al-Mahdi, dan dimakmumkan oleh sekalian umat Islam. Demikianlah adanya. Setelah itu, jenazah Imam Mahdi pun dimakamkan di tempat beliau meninggal dunia itu. Tugasnya memimpin umat, kini terserah kepada Nabi Isa AS pula. Wallahu A'alam.

PENUTUP

Sebagai seorang yang mengaku beragama Islam, sepatutnya kita menyedari dan mengakui sungguh-sungguh bahawa kemunculan Imam Mahdi tetap akan berlaku apabila masanya tiba. Bagaimanapun, berita mengenai kedatangan Imam Mahdi ini tidak sepatutnya menghalang kita sebagai seorang Islam daripada menunaikan tanggungjawab kita kepada Allah SWT, yang lazim kita sebut sebagai **Hablum minallah**. Amal ibadat kita hendaklah terus-menerus diperkemas dan diperindahkan zahir dan batinnya, termasuk seni-seninya yang halus-halus itu.

Juga tidak patut menjadi penghalang kepada kita daripada menegakkan keadilan, menentang kezaliman dan mendidik umat tentang Islam. Juga tidak boleh menjadi penyebab yang menghalang kita daripada terus mencari kehidupan yang lebih baik. Mustahil semasa menanti Imam Mahdi, semua kegiatan kita diberhentikan begitu sahaja. Kita hendaklah terus-menerus berusaha memperbaiki hubungan kita sesama manusia, menurut apa yang dituntut dalam **Hablum minannas**.

Hanya golongan yang sesat sahaja yang bersikap pasif, mundur dan tidak berbuat apa-apa semasa mereka menanti kedatangan Imam Mahdi mereka. Golongan yang benar dan dibantu oleh Allah, tidak akan duduk diam sepanjang penantian mereka. Merekalah orang yang paling maju pada zamannya, orang yang paling cerdik pada zamannya dan orang yang paling bertakwa pada zamannya. Ini dikeranakan, menanti Imam Mahdi muncul bererti mereka terpaksa bekerja lebih masa untuk membangunkan tapak daulah untuk Imam Mahdi mereka, paling cerdik dalam menyusun strategi perjuangan kerana Imam Mahdi akan zahir dan berjuang menentang kuasa Barat dan paling bertakwa kerana Imam Mahdi mereka adalah orang yang paling bertakwa kepada Allah, di samping merupakan

syarat utama untuk mendapat bantuan terus dari Allah.

Merekalah orang yang paling maju dunianya, paling maju akhiratnya, paling maju agamanya, paling maju fikiran dan akalnya, paling maju rohaniahnya dan paling berjaya hidupnya. Roh Islam itu ada pada mereka, dan merekalah penghidup sebenar bagi roh Islam pada zaman itu. Merekalah golongan yang paling kenal Tuhannya dan paling sensitif hatinya terhadap Tuhan. Roh merekalah yang paling akrab, cinta dan takut dengan Tuhan. Tidak akan berlaku pada satu-satu kurun itu dua kumpulan kerohanian yang boleh menghidupkan roh Islam secara serentak. Hanya salah satu sahaja daripadanya yang akan benar-benar mampu dan diberi keupayaan untuk menghidupkan roh Islam. Yang satu lagi hanyalah bersifat pengekor, atau menumpang rahmat roh Islam pihak yang satu lagi itu.

Abad demi abad terus berlalu, sejak dari Zaman Kenabian hinggalah ke hari ini. Banyak peristiwa yang disebutkan telah pun berlaku dan terjadi, satu demi satu. Dan adalah berkemungkinan bahawa banyak lagi peristiwa lain yang akan terus berlaku sebelum Imam Mahdi itu muncul. Ada yang berbentuk baru dan ada yang merupakan ulangan peristiwa yang pernah berlaku sebelum ini. Kemunculan tiga orang tokoh pemimpin Islam secara berturut-turut yang didahului oleh Pemuda Bani Tamim, diikuti tidak lama kemudiannya oleh Imam Mahdi dan seterusnya diikuti pula oleh Nabi Isa AS adalah sebagai pelengkap kepada kecemerlangan umat Islam seperti yang pernah dihayati oleh umat Islam pada peringkat awalnya dahulu. Ketiga-tiganya saling kait-mengait dan saling perlu-memerlukan. Nabi Isa AS misalnya tidak akan muncul melainkan setelah munculnya Dajjal. Dajjal pula tidak akan muncul melainkan setelah munculnya Imam Mahdi dan Imam Mahdi pula memerlukan Pemuda Bani Tamim sebelum beliau boleh muncul.

Mana-mana orang Islam yang sampai tergendala tugasan hariannya hanya semata-mata kerana menantikan ketibaan sang penyelamat, sebenarnya telah melakukan satu kesilapan yang amat besar. Yang demikian adalah suatu salah faham yang sangat besar terhadap konsep Imam Mahdi itu sendiri. Mereka telah meninggalkan kewajipan-kewajipan yang dituntut oleh al-Quran dan hadis. Semata-mata mengharapkan kedatangan Imam Mahdi ke hadapan kita dan seterusnya beliaulah pula berseorangan mahu membetulkan seluruh keadaan dunia hari ini adalah silap besar, melainkan jika Imam Mahdi sudah benar-benar wujud di depan mata kita dan sedang memerintah dunia. Apa peranan kita sebagai pembantu atau pengikut Imam Mahdi? Sayang seribu kali sayang, itulah fenomena yang berlaku kepada kita pada hari ini.

Selagi peribadi unggul yang bergelar Imam Mahdi itu belum benar-benar muncul, kitalah yang sebenarnya bertanggungjawab terhadap keadaan hidup kita pada hari ini. Baik atau buruknya, kitalah yang menanggungnya. Tidak boleh meletakkan kesalahan itu kepada mana-mana individu. Oleh itu, kenalah kita yang berusaha bersungguh-sungguh memperbaiki diri, mengamalkan ajaran Islam dalam diri sendiri, keluarga, jiran tetangga, masyarakat dan negara. Itulah sebenarnya sumbangan kita kepada Islam dan sumbangan itu, walaupun kecil pada pandangan kita, amat besar nilainya pada sisi Allah SWT.

Namun, menafikan terus kedatangan Imam Mahdi juga adalah pandangan yang menampakkan keegoan kita dan cuba menutup kelemahan dan kekurangan diri sendiri. Langsung tidak percaya kedatangan Imam Mahdi adalah sifat orang yang ego dan tidak berilmu yang mendalam. Menyuruh umat Islam bekerja sendirian tanpa perlu mengharapkan ketibaan sang penyelamat adalah pendapat palsu. Pendapat ini adalah '***diimport masuk'*** dari pendapat Zionis terhadap orang-orang Yahudi. Sekuat mana pun kita berusaha dan bertawakal, tidak akan berjaya juga. Hanya orang pilihan Allah sahaja yang mampu membawa seluruh umat Islam ini ke mercu kejayaan, sebab dia dibantu secara langsung oleh Allah.

Menuduh konsep Imam Mahdi berasal daripada Syiah adalah menampakkan kedangkalan

ilmu orang yang berkata demikian kerana yang sebenarnya Syiahlah yang meniru konsep Imam Mahdi Ahlus Sunnah dengan cara mereka-reka hadis palsu, membuat-buat cerita khayalan dan memasukkan juga unsur-unsur Majusi di dalamnya. Ini mungkin sahaja berlaku kerana mereka ingin mendapatkan pengaruh yang cepat daripada orang-orang Parsi yang baru dikalahkan oleh Islam itu, agar dendam mereka terhadap orang-orang Arab yang menjatuhkan kerajaan Majusi Sasanid Parsi itu dapat dikurangkan.

Orang yang menuduh ini juga adalah orang yang keliru antara konsep Imam Mahdi Ahlus Sunnah dengan konsep Imam Mahdi Syiah sehingga tidak dapat membezakan antara kedua-dua jenis Imam Mahdi itu. Orang yang sebegini sepatutnya memperdalamkan lagi ilmunya terhadap persoalan yang dihadapinya sebelum boleh mengeluarkan kata-kata, agar tidak digelakkan orang pada kemudian hari.

Berdasarkan huraian-huraian dan tafsiran yang telah diberikan secara ringkas, begitulah kisah betapa peri pentingnya kita, umat Islam pada akhir zaman ini, mencari dan mengikuti pemimpin yang sudah Allah tunjukkan kepada kita untuk diikuti dan ditaati. Sebagai rumusannya, ketiga-tiga pemimpin besar pada akhir zaman inilah yang akan diberikan kemampuan oleh Allah untuk membawa seluruh umat Islam ke mercu kejayaan seperti yang pernah berlaku pada zaman Nabi SAW dan Khulafa dahulu. Ketiga-tiga mereka itu iaitu Pemuda Bani Tamim, Imam Mahdi dan Nabi Isa AS adalah orang-orang yang sudah Allah SWT tunjukkan kepada kita untuk kita ikuti sebagai pemimpin kita. Maka beruntunglah orang-orang yang dengan segera dapat menangkap perintah-perintah tersirat ini.

Mereka bertiga inilah yang kelak akan membangunkan semula Islam sehingga seluruh umat Islam akan menjadi tuan kepada seluruh dunia, seperti yang pernah dikecapi oleh para Sahabat RA dan tabiin RH dahulu. Bukan sebarang orang dapat membawa Islam ke kemuncak kejayaan, rohani dan lahiriah, seperti yang benar-benar dituntut oleh agama kita ini. Orang-orang yang telah ditunjuk dan diturunkan oleh Allah untuk tugas itu sahaja yang akan Dia berikan kejayaan dalam tugas maha besar mereka itu.

Memang bukan mudah untuk mempersatukan hati-hati seluruh manusia. Alangkan untuk mempertautkan hati sesama ahli parti atau jemaah kita sendiri pun amatlah susahnya, inikan pula untuk mempertautkan hati sesama umat Islam di seluruh dunia, yang tidak pernah kenal dengan kita, dan tidak pernah diakui sebagai pemerintah mereka. Kita boleh bertanya kepada mana-mana pemimpin pun, baik yang besar mahupun yang kecil jemaahnya, bagaimana sukarnya untuk memperbaiki hati-hati mereka. Maka bayangkanlah betapa sukarnya pula untuk menjalankan tugas yang sama yang ternyata terlebih-lebih sukarnya lagi itu.

Oleh itu, akuilah bahawa sebenarnya tugas memimpin umat Islam ini bukanlah hak kita, dan kita pun tidak boleh cuba-cuba mendakwa bahawa kita akan cuba sedaya upaya untuk menjalankan tugas itu. Ingatlah, hati sendiri pun amat jauhnya daripada Tuhan, inikan pula hendak membawa hati orang lain untuk mendekati Tuhan mereka. Lebih baiklah kita memperbaiki diri dan hati kita daripada cuba-cuba memperbaiki dan mendekatkan hati manusia yang sedang lalai kepada Tuhan. Sesuatu yang amat mustahil untuk dilakukan.

Itulah beberapa perkara yang dapat disentuh di dalam buku ini. Tulisan yang seperti ini semestinya tidak dapat memuaskan hati banyak pihak kerana kekurangan-kekurangan yang nyata didapati di dalamnya.

Mungkin ada beberapa perkara lagi yang tidak disentuh oleh penulis walhal perkara itu mungkin amat penting dan perlu disentuh. Mungkin juga kerana kebanyakan hadis itu tidak dituliskan rawinya dan tidak juga disertakan sanadnya. Ini jelas melanggar etika ilmu mustalah hadis, terutama

pada pandangan ulama hadis yang mahir-mahir dalam bidang ilmu mereka. Mungkin banyak hadis di dalamnya yang bernilai maudhuk pada pandangan sebahagian ulama hadis yang terkenal tegas dan ketat. Juga terdapat beberapa buah hadis lagi yang dengan sengaja tidak dimasukkan sama, walaupun sebenarnya agak perlu juga. Jika demikian, penulis meminta maaf sebanyak-banyaknya. Tetapi penulis tetap mempunyai pendirian sendiri dalam menanggapi dan memahaminya.

Mungkin juga ada beberapa huraian yang kurang jelas, atau bercanggah sama sekali dengan penerimaan umum, atau penulis dilihat terlalu memandai-mandai sendiri. Mungkin juga kerana huraian itu tidak lengkap, terlalu pendek dan memerlukan penerangan yang lebih lanjut. Beberapa pendapat lagi sengaja tidak dimasukkan kerana dirasakan tidak berapa perlu dimasukkan di sini. Penulis telah mencuba sedaya upaya memendekkan tulisan di dalam buku ini untuk mengurangkan ketebalannya. Tetapi setakat inilah yang dapat dikurangkan oleh penulis sebagai tatapan sekalian pembaca. Jika terlalu pendek, nanti sama pula dengan kandungan buku-buku lain yang telah sedia ada di tangan kita, dan jika terlalu panjang, cepat menjemukan sebelum sempat habis membacanya.

Walau apa pun pendapat, pandangan, kritikan dan hujah, amatlah diharapkan apa yang disajikan ini, mudah-mudahan merupakan suatu usaha awal dalam memberikan sebuah pandangan yang berlainan daripada yang telah sedia disajikan oleh pihak lain sebelum ini. ***Pandangan yang berlainan*** itu bukan bermaksud huraian ini merupakan suatu ilmu baru, tetapi sebenarnya adalah ilmu yang itu juga, ilmu yang diajarkan pada permulaan Islam, tetapi sudah lama terbiar dan tidak dikutip oleh sesiapa pun. Maka asinglah ilmu tersebut pada pandangan kita ***yang baru*** ini. Maka dikatakan ilmu lama ini sebagai ilmu baru, kerana baru dibongkar setelah sekian lama tertanam di dalam perut bumi atau setelah sebegitu lama ruang Arasy tidak terjangkau orang.

Sekurang-kurangnya pun, biarlah kandungan buku ini menjadi suatu pembuka minda, jika pun tidak mahu diterima sebagai suatu kebenaran dan kenyataan. Mungkin ramai yang akan mempertikaikan huraian yang diberikan, atau taraf hadis-hadis berkenaan, malah kandungan hadis-hadis itu sendiri. Mengenai hal ini, penulis telah merujuk kepada orang yang dirasakan sepatutnya kita merujuk, yang ilmunya bertepatan dengan kebenaran hakiki, yang bersesuaian pula erti dan huraiannya dengan keadaan semasa, sambil mencari jawapan hakiki daripada yang Maha Hak atas segala yang hak. Setelah yakin dengan apa yang diperoleh, barulah penulis masukkan ke dalam buku ini. Hal ini sebenarnya amatlah sukar didapati di kalangan ilmuan dan sarjana serta umat Islam amnya, apatah lagi pada zaman moden yang serba mencabar ini.

Sebabnya, ilmu-ilmu sebegini sudah terlalu asing bagi kebanyakan kita umat Islam. Bagi yang sudah sedia percaya pula, biarlah buku ini dapat membantu menambahkan lagi pengetahuan dan memperkukuhkan keyakinan terhadap persoalan ini. Semoga kita terus diberikan hidayah oleh-Nya. Ilmu yang bermanfaat adalah ilmu menapak kukuh di dalam hati, lalu menyerap ke seluruh anggota untuk diamalkan dan menyinar ke puncak fikiran untuk dicernakan. Dengannya roh seseorang itu hidup dan memesra dengan iman. Imannya kian bertambah dan memantap di dalam kalbu dan akal. Ilmunya sentiasa hidup kerana diambil terus dari sisi Yang Maha Hidup, bukannya ilmu yang mati yang diambil dari benda yang mati. Ilmu yang celaka adalah ilmu yang mati, semata-mata tinggal di dalam kepala atau tersimpan kukuh di dalam halaman buku-buku. Lebih malang lagi, ilmunya hanya disebarkan melalui akhbar-akhbar yang tidak pernah dipusakakan oleh sesiapa pun. Setelah seminggu atau sebulan, segala yang kita tulis itu dilupakan orang, buat bungkus nasi lemak sahaja, bolehlah.

Segala yang diceritakan oleh penulis di dalam buku ini adalah suatu yang sememangnya benar, tetapi sudah '***dikuburkan ceritanya***' oleh banyak pihak. Ilmu-ilmu begini sudah lama luput dari tangan kita, ilmu yang membawa umat Islam ke puncak kegemilangan dan ilmu yang menjadikan umat Islam tuan di dunia ini. Ilmu sebegini datangnya dari hati yang khusyuk dalam sembahyangnya kepada Allah. Ya, kita sekarang hidup pada suatu zaman yang ilmu-ilmu Islam sejati sudah lama dibatunisankan. Kita dikeronyok oleh musuh dari segenap penjuru, segenap arah, disibukkan lagi oleh

dunia yang amat menipu daya, dan oleh pekerjaan yang sia-sia bagi akhirat.

Hanya orang yang rapat dengan Imam Mahdi sahaja yang akan lebih tahu tentang Imam Mahdi itu, termasuk segala hal yang sebelum ini begitu rahsia dan tidak pernah diketahui oleh orang lain atau rakaman yang sudah dilupakan oleh sejarah. Kerana itulah penulis menamakan buku ini dengan tajuk ***rahsia-rahsia*** kegemilangan umat Islam pada zaman moden ini. Dan ketahuilah bahawa orang yang lebih mengetahui tentang Imam Mahdi sudah pastilah terdiri daripada orang-orang kanannya apabila Imam Mahdi itu muncul kelak. Hanya orang-orang kanan kepada seorang pemimpin besar sahaja yang lebih mengetahui jalan pemikiran pemimpin besar mereka itu, dan segala hal yang sulit yang tidak pernah diketahui dan difahami oleh orang lain.

Jadi, orang yang tidak berkaitan sebenarnya hanya mampu memperkatakan mengenai Imam Mahdi dari segi yang sudah sekian lama diperbincangkan sehingga menimbulkan perasaan jemu orang yang membacanya. Sebabnya, asyik-asyik perkara itu juga yang diulang-ulang sebut, langsung tiada perubahan dan langsung tidak membawa apa-apa manfaat yang besar, baik kepada penulis itu sendiri mahupun kepada khalayak pembaca yang disasarnya. Masing-masing hanya cuba mempertahankan pendapat yang telah sekian lama berlegar dengan cuba mencari dalil-dalil baru yang lebih saintifik agar dia dilihat ***lebih terkehadapan*** dalam soal ini. Itu sahaja dan tidak lebih. Noktah.

Sebenarnya, fikiran kita telah lama terjajah, akal kita sudah lama terbelenggu, pandangan kita sudah lama dibelokkan dan hati kita sudah lama ditutup. Oleh itu, setiap apa yang kita fikirkan, adalah terhad menurut apa yang ditetapkan oleh *sukatan fikiran* penjajah Barat. Kita tidak dapat dan tidak berani memikirkan sesuatu yang melampaui daripada apa yang telah ditetapkan oleh *sukatan fikiran* itu. Para ulamanya juga tidak mampu memikirkan sesuatu yang lebih jauh daripada '*sempadan*' itu. Jika berani memikirkannya pun, tidak berani melaksanakannya dengan sebenar-benarnya kerana takut kepada *sekatan-sekatan ghaib* yang disogokkan secara halus oleh Barat. Jika ada pihak lain yang berani memperkatakan sesuatu yang lebih daripada itu atau ***lari daripada sukatan***, maka orang itu akan lekas-lekas dituduh sebagai pembidaah, penyeleweng dan perosak agama atas nama agama. Dan mereka beramai-ramai akan menjadi tukang soraknya sehingga pihak yang berkata benar itu disesatkan, dibidaahkan, diselewengkan atau dihukum dengan sesuatu hukuman menurut undang-undang sivil di negara itu.

Akal kita sudah lama dibelenggu sehingga jadilah akal kita ***umpama katak di bawah tempurung***, hanya sibuk memikirkan hal-hal yang di sekeliling pinggang kita, yang ternampak oleh kita dan yang tercapai oleh kita. Apa yang ada di luar tempurung kita, sudah tidak dapat difikirkan lagi. Jika dapat difikirkan pun, kita tidak dapat berbuat lebih daripada itu. Kegiatan, pemikiran dan pelaksanaan kita terhadap agama kita sendiri amatlah terbatas, dibataskan oleh penjajah yang pada hakikatnya masih lagi menjajah kita umat Islam. Kita mempelajari sejarah tetapi sebenarnya kita masih lagi buta hakikat sejarah. Akal besar kita sudah lama ditekan-tekan dan dikecilkan, sehingga menjadi benar-benar halus, sehalus yang dikehendaki oleh pihak penjajah sejak dahulu.

Pandangan kita juga sudah lama dibelokkan sehingga kita sudah tidak nampak lagi jalan Allah yang luas terbentang dan lurus, selamat untuk dilalui oleh sesiapa yang ingin mendapatkan hidayah-Nya. Kita jadi takut kepada agama sendiri. Sistem Barat dianggap sebagai salah satu sistem yang terbaik untuk menggantikan hukum Allah. Ramai yang beranggapan sistem demokrasi Barat yang sedang kita gunakan hari ini adalah '***saudara kembar***' kepada perundangan Islam. Boleh ikut salah satunya atau lebih baik lagi jika diadukkan sekali, menjadi sistem rojak - Islam bukan, Barat pun tidak - setengah Islam setengah Barat. Jika ditanya, Baratkah itu atau Islamkah itu?, pastilah akan dijawabnya Barat yang sesuai dengan Islam, dan Islam yang sesuai dengan Barat. Akhirnya, orang Barat tidak akuinya dan Allah SWT pun sekali-kali tidak terima. Namun, itulah hakikat yang berlaku pada hari ini. Malang sungguh nasib umat Islam pada hari ini, baik dari segi zahir mahupun batinnya.

Para ulamanya ramai tetapi nasib umat Islam tidak ubah seperti buih di lautan, terlonta-lonta ke sana ke mari dilambung ombak. Ilmu mereka banyak tetapi ***tumpul setumpul-tumpulnya***, tidak dapat digunakan untuk membela nasib umat Islam. Untuk melawan musuh, lagilah tidak dapat digunakan. Ilmu mereka ibarat bangkai, badannya cantik menawan dan penuh perhiasan, mempunyai otak yang penuh bercahaya, tetapi tidak mempunyai nyawa untuk menggerakkannya. Cantik tetapi tiada nilai atau cantik tetapi tidak boleh digerakkan. Memang benar, kita amat memerlukan seorang pemimpin yang benar-benar dapat memulihkan iman kita, menegakkan fikrah kita, mengembalikan fitrah kita, menguatkan agama kita, mengalahkan musuh kita, membesarkan roh Islam kita, meneguhkan pendirian kita, mempertajamkan jihad kita dan yang menegakkan kebenaran, yang berani mengatakan yang benar itu benar dan yang salah itu salah.

Segala yang sudah tertulis ini adalah berpandukan kepada sumber-sumber yang pada anggapan kita boleh diyakini dan berwibawa, walaupun mungkin satu atau beberapa fakta di dalamnya mungkin tersasar. Jika demikian, kepada Allah jua saya pohonkan keampunan. Memang sudah lumrahnya sifat manusia itu iaitu pelupa dan lalai dalam pelbagai segi. Namun, janganlah dikeranakan satu atau dua fakta yang mungkin didapati tidak tepat, maka seluruh isi buku ini, termasuk yang hal-hal benar turut sama dibuang dan ditolak. Sifat sebegitu bukanlah akhlak seorang mukmin sejati seperti yang dituntut oleh agama. Terimalah apa adanya menurut yang dibenarkan oleh syarak. Perbetulkan mana-mana kesilapan atau kesalahan itu dengan cara yang baik dan berhikmah, insya-Allah penulis sedia dan sanggup menerimanya.

Penulis berasa sangat-sangat bersyukur kepada Allah SWT kerana dengan izin, hidayah dan limpah kurnia-Nya yang tidak terhingga, dapatlah penulis siapkan penulisan buku ini dengan jayanya setelah dimulakan kira-kira lapan bulan yang lalu, dengan mengambil lebih seratus buah rujukan dari pelbagai jenis dan dan bentuk. Ternyata pada hari ini buku ini telahpun selesai. Memang benar bahawa buku dan kitab-kitab berkenaan Pemuda Bani Tamim, Imam Mahdi, Dajjal, Nabi Isa AS dan tanda-tanda kiamat yang lain sudah cukup banyak di pasaran, sejak sekian lama lagi, suatu keadaan yang cukup baik. Kebanyakannya ditulis oleh para ulama yang soleh lagi takwa, taat sepenuhnya, tinggi tawakalnya, banyak berkatnya serta selalu mengamalkan ilmunya. Namun ada juga yang ditulis oleh orang-orang kebanyakan yang berminat dengannya. Tetapi yang saya sajikan di dalam buku kecil ini rasanya sudah cukup memadai, sesuai dengan ilmu saya yang terlalu cetek dan amalan yang amat sedikit ini.

Buku ini tamat ditulis pada bulan yang mulia Jamadilakhir 1422 Hijrah, bersamaan dengan penghujung bulan September 2001. Kepada Allah jua kukembalikan buku ini, dari segi faedahnya dan ganjarannya. Dan ya Allah, jika ada pahala yang Engkau peruntukkan kepadaku, maka semuanya itu aku hadiahkan kepada ibu dan bapaku, anak isteriku, kaum keluargaku, guru-guruku, terutamanya kepada Sahibuz Zaman untuk kurun Hijrah ke-15 ini , para saudara Ikhwanku yang dikasihi dan kepada Rasul SAW yang tercinta, para Sahabat Radhiyallahu 'Anhum, para Aulia yang solihin dan para ulama ul-amilin. Amin ya Rabbal 'Alamin.

Sekian. Salah silap ampun maaf.

Wassalam.

Lampiran 1

Berikut adalah salinan hadis-hadis yang diambil daripada kitab **Al-Qaulul Muhtasar Fi Alamatil Mahdiyul Muntazar**, karangan ulama besar Ahlus Sunnah, **Imam Abul Abbas Ahmad bin Muhammad Badruddin *bin Hajar Al-Haitami* al-Makki al-Ansari** (909H - 974H). Beliau lahir di Bandar Haitmam, Mesir dan meninggal dunia di Bandar Dahwan. Kitab karangannya yang terkenal berjumlah 88 buah yang meliputi pelbagai bidang ilmu, sesuai dengan kedudukannya yang tinggi sebagai ulama besar.

Kitab ini adalah sebuah kitab yang agak nipis, memandangkan beliau hanya memasukkan hadis, tanpa sebarang huraian yang panjang lebar. Di dalam bahasa Arabnya, kitab ini pernah dicetak sebanyak dua kali, kedua-duanya oleh Darul Kutub al-Misriyah. Cetakan pertama bernombor daftar 2921, setebal 19 muka surat manakala cetakan kedua bernombor daftar 2393, setebal 46 muka surat. Semasa membuat rujukan ini, penulis menggunakan kitab yang dicetak pada kali kedua itu.

Kitab beliau ini dinyatakannya dengan memasukkan hadis-hadis yang terlepas daripada unsur **Jahalah** (tidak dikenal rawinya) dan **Tughah** (rawi yang tercela). Selain itu, beliau telah memasukkan isi sebahagian kitab susunan ulama kenamaan yang lain, guna memperkuatkan hujah terhadap hadis-hadisnya. Penulis telah meringkaskan kitab ini dengan hanya memasukkan hadis-hadisnya sahaja, membuang sanad dan rawi-rawinya, kerana memandangkan bahawa sedutan kitab ini adalah untuk bahagian lampiran sahaja.

Muqaddimah

Sabda Nabi SAW,
"Al-Mahdi adalah dari keturunan Al-Abbas RA, bapa saudaraku."

Sabda Nabi SAW,
"Ingatlah wahai pamanku, bahawa aku membawa khabar gembira buatmu. Sesungguhnya keturunan paman adalah orang-orang yang suci, daripadamu akan lahir Al-Mahdi pada akhir zaman nanti, dengannya Allah akan menebarkan hidayah dan menghancurkan kesesatan. Sesungguhnya Allah memulakan (agama) ini denganku dan akan menutupnya dengan keturunanmu."

Sabda Nabi SAW,
"Ingatlah, bahawa aku membawa khabar gembira buatmu wahai Abul Fadhal (Al-Abbas RA). Sesungguhnya Allah memulakan agama ini denganku dan akan menutupnya dengan keturunanmu."

Doa Nabi SAW,
"Ya Allah, tolonglah Al-Abbas dan anak-anak keturunan Al-Abbas (tiga kali). Wahai paman, ketahuilah bahawa Al-Mahdi itu adalah dari keturunanmu, yang menyayangi dan disayangi itu."

Sabda Nabi SAW,
"Kekhalifahan (umat) ini akan sentiasa berada pada keturunan pamanku, yakni Al-Abbas sehingga mereka menyerahkannya kepada Dajjal."

Sabda Nabi SAW,
"Wahai Abbas, engkaulah pamanku, saudara kandung bapaku, dan sebaik-baik orang yang menjadi khalifah selepasku, daripada keturunanku. Selepas tahun 135 (Hijrah) nanti, maka kekhalifahan adalah untukmu dan anak-anak (keturunan) kamu, yang antaranya adalah As-Saffah, Al-Mansur dan Al-Mahdi."

Sabda Nabi SAW,
"Wahai paman, ketahuilah bahawa aku memberitahukanmu bahawa Allah memulakan agama ini denganku dan menutupnya dengan keturunanmu."

Bab 1
Enam Puluh Dua Buah Hadis Nabi SAW Tentang Tanda-tanda dan Keistimewaan Al-Mahdi

1. Daripada Ahlulbait
"Al-Mahdi adalah daripada Ahlulbait."

2. Daripada Keturunan Al-Hasan bin Ali RA
"Al-Mahdi adalah dari keturunan Al-Hasan bin Ali."

"Demi Allah yang mengutusku sebagai nabi yang benar, sesungguhnya daripada kedua-duanya (keturunan Al-Hasan dan Al-Husain RA), akan lahir Al-Mahdi untuk umat ini."

3. Nama Al-Mahdi Adalah Muhammad
"Sesungguhnya nama yang digunakan oleh Al-Mahdi adalah Muhammad."

4. Nama Ayahnya
"Nama ayah Al-Mahdi adalah seperti nama ayah Nabi SAW."

5. Perawakannya
"Dia berdahi lebar, berhidung mancung dan giginya berjarak."

6. Masa Pemerintahannya
""'Dia akan memerintah selama tujuh tahun."

7. Perubahan Situasi Dunia
"Situasi dunia akan dipenuhi keadilan dan kebenaran, seperti sebelumnya yang dipenuhi dengan kezaliman dan penindasan."

8. Keredaan Seluruh Makhluk

"Penghuni bumi dan penghuni langit semuanya reda terhadap pemerintahan Al-Mahdi."

9. Perbezaan Pendapat dan Gempa Bumi Dahsyat
"Al-Mahdi akan muncul ketika suasana seluruh dunia dipenuhi oleh perbezaan pendapat dan bumi digoncang oleh gempa yang dahsyat."

10. Keadilannya Semasa Membahagi-bahagikan Harta
"Al-Mahdi akan membahagi-bahagikan harta secara adil dan merata kepada umat manusia."

11. Al-Mahdi dan Hati Umat Muhammad SAW
"Al-Mahdi akan membuatkan hati umat Muhammad SAW kaya-raya."

12. Keadilan Al-Mahdi
"Keadilan Al-Mahdi meratai seluruh umat. Beliau beramal sesuai dengan sunnah Nabi sehingga beliau menyuruh orang untuk menyeru, "Sesiapa yang berkehendakkan bantuan, datanglah kepadaku." Kemudian tidak ada yang datang kepadanya melainkan seorang lelaki sahaja."

13. Pembaiatan Al-Mahdi
"Perselisihan terjadi semasa kmatian seorang khalifah. Al-Mahdi yang merupakan seorang penduduk Madinah melarikan diri ke Makkah. Kemudian dia didatangi oleh penduduk Makkah dan diusir, namun dia enggan. Lantas penduduk Makkah membaiatnya di antara Hajar Aswad dengan Makam Ibrahim."

14. Pasukan Daripada Syam
"Setelah dibaiat, datanglah pasukan dari arah Syam, tetapi pasukan ini ditelan bumi di suatu padang (pasir) dekat Zul Hulaifah."

15. Kesejahteraan Umat Pada Zaman Al-Mahdi
"Pada zaman Al-Mahdi, seluruh umat sama ada ang taat mahupun yang jahat, akan hidup sejahtera, iaitu suatu kesejahteraan yang belum pernah dinikmati sebelumnya. Langit menurunkan hujan yang lebat, yang pada setiap titisannya menumbuhkan tumbuh-tumbuhan dan setiap tumbuh-tumbuhan mendatangkan keuntungan."

16. Panji-panji Hitam
"Al-Mahdi akan datang setelah muncul Panji-panji Hitam dari arah Timur, yang pasukan ini sentiasa tidak pernah kalah dengan pasukan mana pun."

17. Penyerahan Kuasa
"Orang ramai dari Timur akan muncul, kemudian menyerahkan kekuasaan kepada Al-Mahdi."

18. Panji-panji Hitam Dari Khurasan
"Panji-panji Hitam keluar dari Khurasan, sementara itu kawan-kawan Al-Mahdi keluar menuju ke Baitulmaqdis."

19. Masa Pemerintahannya
"Al-Mahdi akan memerintah selama tujuh tahun atau lapan tahun. Jika lebih, maka hanya akan bertambah satu tahun sahaja."

20. Pasukan Dari Iraq
"Pasukan daripada Iraq keluar mencari seorang lelaki dari Madinah, iaitu Al-Mahdi. Kemudian Allah menyelamatkan Al-Mahdi daripada kejaran pasukan ini. Ketika mereka melintasi suatu padang di Zul Hulaifah, mereka akan ditelan bumi sehingga yang di atas sampai hari kiamat."

21. Penguasaan Al-Mahdi Terhadap Harta Benda
"Al-Mahdi akan mendapatkan harta benda dengan mudah dan tidak terkira-kira banyaknya."

22. Seruan Dari Langit
"Pada kemudian kelak, akan terjadi bencana di mana orang yang berada di sebelahnya tidak menyedarinya melainkan dia sendiri turut tertimpa bersama-sama sehingga datang penyeru dari langit yang berkata, "Sesungguhnya pemerintah kamu semua adalah si fulan (maksudnya Al-Mahdi)."

23. Serban Al-Mahdi
"Al-Mahdi akan muncul dan dia selalu memakai serban di kepalanya. Di atas serban itu ada suara yang menyeru, "Inilah dia Al-Mahdi, khalifah Allah. Maka taatilah dia."

24. Malaikat yang Mendampingi Al-Mahdi
"Al-Mahdi akan muncul dan di atas kepalanya ada malaikat yang menyeru, "Inilah Al-Mahdi. Oleh itu, ikutilah dia."

25. Al-Mahdi Sebagai Penutup Agama
"Dengan Al-Mahdi, Allah akan menutup agama ini, seperti Dia mengawalinya dengan Nabi Muhammad SAW."

26. Pembaiatan Al-Mahdi
"Al-Mahdi akan dibaiat di antara Hajar Aswad dengan Makam Ibrahim oleh sejumlah orang yang mengikuti Perang Badar. Kemudian datang sekelompok orang dari Iraq dan para Wali Abdal dari penduduk Syam untuk berikrar kepadanya. Dan akan datang pula pasukan dari Syam yang kemudiannya ditelan bumi di Al-Baidak dekat Zul Hulaifah. Semua mereka itu binasa melainkan si pembawa berita sahaja." Dalam satu riwayat disebutkan bahawa jumlahnya adalah dua orang, iaitu seorang akan menyampaikan berita tersebut kepada Al-Mahdi manakala yang seorang lagi menyampaikannya kepada As-Sufyani. Menurut riwayat yang lain lagi, kedua-dua mereka menyampaikan berita tersebut kepada As-Sufyani."

27. Bilangan Orang yang Membaiat Al-Mahdi
"Tiga ratus empat belas orang yang antaranya adalah perempuan akan bergabung dengan Al-Mahdi, bertindak ke atas setiap pemimpin yang berbuat zalim dan menzahirkan keadilan seperti yang diharap-harapkan oleh semua orang. Lalu dia memerintah selama tujuh tahun. Setelah itu tiada lagi kebaikan di muka bumi ini ang melebihi kebaikan pada masa Al-Mahdi."

28. Pembawa Bendera Al-Mahdi
"Pembawa bendera Al-Mahdi adalah seorang lelaki dari suku Tamim yang datang dari Timur."

29. Baitulmaqdis
"Al-Mahdi akan singgah di Baitulmaqdis."

30. Kembalinya Umat Manusia Ke Jalan yang Benar
"Al-Mahdi akan memerangi umat manusia sehingga mereka kembali ke jalan yang benar."

31. Penguasaan Al-Mahdi Terhadap Harta
"Pada akhir umatku nanti akan muncul seorang khalifah yang amat mudah mendapatkan harta dengan jumlah yang tidak terkira banyaknya."

32. Kemakmuran yang Diberikan Oleh Al-Mahdi Untuk Penduduk Dunia
"Al-Mahdi akan datang di tengah-tengah umatku, dia dilahirkan oleh Allah untuk menjadikan umatku kaya, menyebabkan umatku hidup sejahtera, binatang ternakan mereka amat biak, tumbuh-tumbuhan amat banyak dan akan membahagi-bahagikan harta benda kepada umat manusia secara saksama."

33. Ciri-ciri al-Mahdi
"Sungguh Allah akan melahirkan seorang lelaki dari keturunanku yang giginya berjarak, dahinya lebar, keadilannya meliputi seluruh alam dan akan mendapatkan harta benda dengan melimpah ruah."

34. Nama, Perawakan, Akhlak dan Kuniyahnya
"Nama yang digunakan oleh Al-Mahdi adalah namaku, perawakannya seperti perawakanku, akhlaknya seperti akhlakku dan kuniyahnya adalah Abu Abdillah."

35. Panji-panji Hitam
"Jika kamu semua melihat Panji-panji Hitam datang dari arah Khurasan, maka sambutlah walaupun kamu terpaksa merangkak di atas salji kerana sesungguhnya di tengah-tengah Panji-panji itu ada Khalifah Allah yang mendapat petunjuk."

36. Terjadinya Bencana
"Al-Mahdi akan lahir pada akhir zaman, ketika melandanya bencana, dan pemberian Al-Mahdi adalah amat bererti (menyenangkan)."

37. Terjadinya Perang Besar
"Seandainya umur dunia ini tinggal satu hari sahaja lagi, nescaya Allah akan memanjangkannya sehingga Dia mengangkat seorang Amir dari keturunanku, yang mana perang besar akan terjadi semasa pemerintahannya, dan Islamlah yang akan menang. Allah tidak pernah mengingkari janji-Nya dan amat cepat pula hisab-Nya."

38. Kemenangannya
"Al-Mahdi akan menundukkan Kostantinopel dan Jabal ad-Dailam."

39. Keadilannya Meratai Penjuru Dunia
"Keadilan Al-Mahdi meratai seluruh alam. Kemudian dia diangkat menjadi Amir di Al-Qahtani. Demi Zat yang mengutusku dengan sebenarnya, dia tidak ada yang (akan dapat) mengalahkannya."

40. Nabi Isa AS Bersembahyang di Belakang Imam Mahdi
"Isa bin Maryam AS akan turun dan bersembahyang di belakang Al-Mahdi."

41. Turunnya Nabi Isa AS dan Pemberitahuannya Akan Kekhalifahan Al-Mahdi
"Isa bin Maryam akan turun dan memberitahu tentang kekhalifahan Al-Mahdi. Apabila diminta untuk menjadi imam, maka Nabi Isa AS menjawab, "Tidak." Lantas dia memberitahu, "Sesungguhnya di kalangan kamu ada pemimpin yang dimuliakan oleh Allah untuk umat ini."

42. Al-Mahdi Sebagai Pertengahan Kurun
"Sesungguhnya Al-Mahdi hidup pada pertengahan kurun, manakala Nabi Isa AS hidup pada akhir zaman."

43. Al-Mahdi Bersembahyang di Baitulmaqdis
"Ketika Al-Mahdi dan umat manusia yang berada di Baitulmaqdis mahu mengerjakan sembahyang subuh, tiba-tiba Isa bin Maryam AS turun. Kemudian Al-Mahdi mundur agar Isa bin Maryam AS ke hadapan untuk menjadi imam. Lantas Isa meletakkan kedua-dua belah tangannya di atas kedua-dua

belah bahu Al-Mahdi seraya berkata, "Silakan maju dan jadi imamlah. Sesungguhnya sembahyang ini diiqamahkan untukmu." Kemudian Al-Mahdi menjadi imam bagi para mukmin dan Nabi Isa AS."

44. Al-Mahdi Menjadi Imam Sembahyang Bagi Nabi Isa AS
"Al-Mahdi memalingkan kepalanya ke kanan dan ke kiri, dan ketika itu Nabi Isa turun dari langit, laksana menitisnya air dari rambut Al-Mahdi. Lantas Al-Mahdi berkata, "Silalah ke depan dan jadi imamlah." Nabi Isa AS menjawab, "Sesungguhnya sembahyang ini diiqamahkan untukmu." Kemudian Nabi Isa AS bersembahyang di belakang seorang lelaki dari keturunanku."

45. Umur Al-Mahdi
"Al-Mahdi adalh dari anak keturunanku, dia berusia 40 tahun. Wajahnya bagaikan bintang yang bergemerlapan, pipi kanannya bertahi lalat hitam, kulitnya kemerah-merahan seolah-olah dia adalah dari keturunan Bani Israel, dia akan mengeluarkan harta karun dan akan menundukkan kota-kota maksiat."

46. Pembaiatannya di Antara Hajar Aswad dengan Maqam Ibrahim
"Sebelum pembaiatan Al-Mahdi di antara Hajar dengan Maqam Ibrahim, ada kabilah yang menarik perhatian Al-Mahdi mengenai sikp dan pembunuhannya terhadap jemaah haji di Mina."

47. Ciri-ciri Al-Mahdi
"Kulit Al-Mahdi seperti kulit orang Arab, bentuk tubuhnya seperti bentuk tubuh Bani Israel, pipi kanannya bertahi lalat dan kekhalifahannya diredai oleh seluruh penduduk bumi, penduduk langit dan burung-burung di angkasa."

48. Al-Mahdi Muncul dari Kampung Kurjah
"Al-Mahdi akan keluar dari Kampung Kurjah."

49. Jihad Al-Mahdi Dalam Menegakkan Agama
"Al-Mahdi akan menegakkan agama secara keseluruhan seperti yang telah ditegakkan oleh Nabi SAW semasa hayat baginda."

50. Memerangi Romawi
"Al-Mahdi akan memerangi Rom selama tiga hari. Pada hari ketiga itulah Rom runtuh, kemudian menyerang Kostantinopel. Ketika mereka sedang membahagi-bahagikan emas di Kostantinopel dengan menggunakan perisai sebagai penyukatnya, tiba-tiba ada orang yang berteriak, "Sesungguhnya Dajjal telah menundukkan keluarga-keluarga kamu semua."

51. Mengapa Umat Manusia Mengerumuni Al-Mahdi?
"Umat manusia mencari dan mengerumuni Al-Mahdi umpama lebah mengerumuni madunya. Keadilan Al-Mahdi meratai seluruh alam, seperti sebelumnya dunia ini dipenuhi dengan penyelewengan. Pada masa itu, umat manusia menjadi seperti semasa kecilnya, sentiasa bermain dan tidak pernah menumpahkan darah."

52. Penguasaan Al-mahdi Terhadap Harta
"Al-Mahdi akan menguasai dunia seperti yang pernah dilakukan oleh Zulkarnain dan Nabi Sulaiman AS."

53. Berkata-kata
"Al-Mahdi termasuk orang yang sukar bertutur kata."

54. Apabila Sukar Bercakap
"Jika Al-Mahdi berasa payah berckap, maka dia menepuk pahanya yang di sebelah kiri dengan tangan

kanannya."

55. Peperangannya Berdasarkan Sunnah
"Al-Mahdi akan berperang berdasarkan sunnah, sama seperti Nabi SAW yang berperang berdasarkan wahyu."

56. Hamba Allah yang Terpilih
"Al-Mahdi dizahirkan pada bulan Muharam dan ada satu suara yang menyeru dari langit, "Ketahuilah bahawa hamba Allah yang terpilih adalah si fulan, iaitu Al-mahdi. Oleh itu, dengarlah perintahnya dan taatilah dia."

57. Munculnya As-Sufyani
"Sebelum Al-Mahdi, As-Sufyani muncul bersama-sama 360 pasukan berkuda, dengan diiringi oleh 30,000 pasukan yang dipimpin oleh Kalb, iaitu bapa saudaranya. Kemudian As-Sufyani mengerahkan askarnya ke Iraq. Dalam serangan ini seratus ribu orang terbunuh di Zaurak, yakni sebuah bandar di Timur. Setelah itu mereka menyerbu Kufah. Lantas muncullah Panji-panji Hitam. Yang memegang benderanya adalah seorang pemuda dari Bani Tamim yang digelarkan dia Syuaib bin Saleh. Dia kemudian menyerang sekelompok tawanan daripada penduduk Kufah dan membunuhnya. Setelah itu As-Sufyani mengerahkan askar-askarnya ke Madinah. Mereka terus menyerang Madinah selama tiga hari lalu menuju ke Makkah. Semasa mereka sampai di Al-Baidak, Allah memerintahkan Jibril agar menghentakkan kakinya dengan sekali hentakan, yang mana dengan hentakan tersebut mereka trbenam ke dalam bumi, hingga tiada yang tinggal lagi melainkan dua orang, yang kemudian menyampaikan berita tersebut kepada As-Sufyani namun As-Suyani tidak menghiraukannya. Dia segera mengirimkan dua orang Parsi untuk membantu menakluk Kostantinopel. Oleh raja Romawi, permintaannya itu segera dikabulkan. Namun ketika kedua-dua orang utusan itu sampai di pintu gerbang Damsyik, mereka dibunuh. Selain itu, As-Sufyani juga membunuh orang yang mengingkari dirinya, bahawa ada seorang wanita yang duduk di atas pahanya di pintu gerbang Damsyik. Pada ketika itu terdengarlah seruan dari langit yang menyatakan, "Wahai manusia, sesungguhnya Allah telah membinasakan orang-orang yang zalim, orang-orang munafik dan sekutu-sekutunya. Allah telah mengangkat seorang yang terbaik dari umat Muhammad SAW sebagai pemimpin kamu semua. Oleh itu, sambutlah dia di Makkah. Dia adalah Al-Mahdi yang bernama Ahmad bin Abdullah." Lantas ada satu pertanyaan yang diajukan kepada Rasulullah SAW, "Wahai Rasul, bagaimana kami dapat mengenalinya?" Rasulullah SAW menjawab, "Dia adalah dari keturunanku, yang perawakannya mirip Bani Israel, dia memakai dua lapis jubah Qutwani, seolah-olah wajahnya bercahaya laksana bintang, pipi kanannya bertahi lalat hitam. Dia seorang yang tampan, berusia empat puluh tahun. Dia akan didatangi oleh Wali-wali Abdal dari Syam, Wali-wali Nujabak dari Mesir, para Asoib dari Timur dan pengikut-pengikutnya. Mereka lantas pergi ke Makkah serentak, kemudian berangkat pula ke Syam. Pada waktu itu, Jibril berada di depannya dan Mikail berada di belakangnya. Penghuni langit, penduduk bumi, burung-burung, binatang-binatang buas dan ikan-ikan di laut semuanya reda kepadanya. Air menjadi mudah di negeri mana pun yang dikuasainya, sungai-sungainya mengalir deras dan galian-galian mudah ditemui. Kemudian dia pergi Syam dan menyembelih As-Sufyani di bawah pohon yang dahan-dahannya menjulur sampai ke Laut Tibriyah."

"Orang yang gagal adalah orang yang gagal pada hari pembunuhan Kalb, walaupun hanya sekadar mengikat kakinya sahaja."

58. Bencana yang Berlaku Sebelum Al-Mahdi Muncul
"Al-Mahdi akan dibaiat pada bulan Muharam, setelah berlaku bencana dan peperangan pada bulan Ramadan hingga Zulhijah. Kemudian terjadi ancaman terhadap jemaah haji di Mina yang mengakibatkan banyak kematian an darah mengalir di Jamrah. Sebahagian daripada jemaah haji itu ada yang menyelamatkan Al-Mahdi lalu dibaiat di antara Hajar Aswad dan Maqam Ibrahim, namun dia enggan menerimanya. Dia lalu diancam, "Jika kamu tidak mahu menerima baiat daripada kami,

maka lehermu akan kami penggal."

59. Ciri-ciri Kedua-dua Belah Pahanya
"Kedua-dua belah paha Al-Mahdi lebar dan renggang."

60. Mematahkan Salib dan Membunuh Babi
"Al-Mahdi akan muncul dengan bijaksana dan adil. Salib-salib akan dihancurkan dan babi-babi akan dibunuh. Dia akan membahagi-bahagikan harta, namun tidak seorang pun yang mahu menerimanya."

61. Kemenangan-kemenangan Al-Mahdi
"Al-Mahdi akan menundukkan Rom dengan meneriakkan empat kali takbir, dan membunuh enam ratus ribu orang. Dia akan mengeluarkan apa sahaja yang ada di Baitulmaqdis, Peti Tabut, maidah Bani Israel, lembaran-lembaran Kitab Taurat, mhkota Nabi Adam AS, tongkat Nabi Musa AS, singgahsana Nabi Sulaiman AS, alat penyukat Manna Bani Istael. Al-Mahdi kemudian memasuki Kota Al-Qatik yang panjangnya seribu batu dan lebarnya 500 batu, dengan pintunya berjumlah 360 buah. Setiap pintu itu dijaga oleh seribu orang askar. Kemudian mereka meneriakkan takbir sebanyak empat kali, maka runtuhlah benteng Kota Al-Qatik itu, lalu mereka merampas seluruh harta yang ada di dalamnya. Mereka kemudian tinggal di sana selama tujuh tahun, lalu seluruh harta yang ada di Al-Qatik itu dipindahkan ke Baitulmaqdis. Maka datanglah perkhabaran yang mengatakan bahawa Dajjal telah keluar di tengah-tengah kaum Yahudi Isfahan."

62. Al-Mahdi dan Perhiasan di Baitulmaqdis
"Tahir bin Asmak menyerang Bani Israel, kemudian menundukkannya dan merampas perhiasan yang berada di Baitulmaqdis. Sebahagian daripada harta ini dibakar dan sebahagian lagi diangkut dengan 1,700 buah kapal untuk dibawa ke Rom."

"Al-Mahdi akan mengambil dan mengembalikan semua harta tadi ke Baitulmaqdis. Kemudian dia dan orang-orang yang bersama dengannya berjalan hingga melalui Rom, iaitu sebuah kota yang berukuran seratus suq, yang mana setiap suq berukuran seratus ribu kaki, lantas kota ini dikalahkan juga. Kemudian mereka melalui kota Al-Qtik yang berada di Laut Akhdar yang diliputi harta benda, panjangnya seribu batu dan lebarnya pula 500 batu, serta memiliki tiga ribu buah pintu."

Bab II : Tiga Puluh Sembilan Buah Keterangan Daripada Para Sahabat RA

1. Bencana yang Terjadi Sebelum Al-Mahdi
"Sebelum muncul Al-Mahdi, ada bencana yang membinasakan umat manusia. Kamu semua jangan mencela penduduk Syam, kerana merekalah yang menerima bencana tersebut. Demikian (berlaku) kerana para wali abdal adalah lahir daripada mereka. Bencana tersebut antaranya berupa hujan lebat yang menenggelamkan manusia, sehingga andainya mereka berhadapan dengan segerombolan musang sahaja, nescaya mereka akan dikalahkan. Setelah itu Allah memunculkan Al-Mahdi yang berada di tengah-tengah pasukan yang minimumnya berjumlah 12,000 orang atau maksimumnya 15,000 orang."

2. Berarak Menuju Al-Mahdi
"Al-Mahdi tidak akan muncul sebelum seorang nafsuz zakiyah terbunuh. Apabila nafsuz zakiyah ini terbunuh, maka penduduk langit dan bumi menjadi marah. Kemudian manusia mendatangi Al-Mahdi dengan berjalan pantas seperti cepatnya jalan pengantin lelaki menuju pengantin perempuan."

3. Menghalalkan yang Haram
"Al-Mahdi tidak akan muncul sebelum terjadinya suatu masa semua perkara yang haram dianggap halal. Kemudian dia diserahkan jawatan khalifah, yang pada ketika itu dia sedang berada di dalam

rumahnya dan dia adalah sebaik-baik penduduk bumi."

4. Tanda-tanda Kemunculannya
"Tanda-tanda kemunculan Al-Mahdi adalah terjadinya sekumpulan tentera yang ditelan oleh bumi di Al-Baidak."

5. Keluar Askar Al-Mahdi
"Al-Mahdi berserta askarnya akan muncul dari Timur. Seandainya gunung menjadi penghalang, nescaya gunung itu akan dihancurkan sehingga rata menjadi jalan."

6. Sebahagia-bahagia Umat Pada Zaman Al-Mahdi
"Sebahagia-bahagia umat pada zaman Al-Mahdi adalah bangsa Kufah."

7. Beberapa Tanda Bagi Al-Mahdi
"Tanda-tanda kemunculan Al-Mahdi adalah jika harta pusaka melimpah, pemimpin-pemimpin yang mengumpulkan harta telah mati, setelah itu digantikan oleh seorang lelaki yang lemah yang kemudian dipecat semula setelah dua tahun diangkat, ada sekumpulan tentera yang ditelan oleh bumi di barat Damsyik, munculnya tiga belas orang tokoh di Syam, keluar penduduk Barat ke Mesir, yang semuanya ini berlaku pada zaman pemerintahan As-Sufyani."

8. Suara Hatif
"Apabila ada seruan dari langit, "Sesungguhnya kebenaran berada di pangkuan Keluarga Nabi Muhammad SAW," maka pada ketika itu Al-Mahdi mulai gempar diperkatakan orang. Lantas umat manusia beransur-ansur mencintai Al-Mahdi. Seterusnya tidak ada orang lain lagi yang disebut-sebut oleh mereka melainkan Al-Mahdi."

9. Muncul Panji-panji Hitam Menyerang As-Sufyani
"Panji-panji Hitam keluar lalu menyerang As-Sufyani. Di tengah-tengah pasukan itu ada Pemuda Bani Hasyim yang di tangan kirinya berkiba bendera pasukan itu, manakala di hadapannya adalah Syuaib bin Saleh at-Tamimi."

10. Angkatan Laut As-Sufyani
"Sebelum muncul Al-Mahdi, pasukan berkuda As-Sufyani menyerang Kufah dan penduduk Khurasan keluar mencari Al-Mahdi. Kemudian penduduk Khurasan bertemu dengan pasukan Al-Hasyimi di tengah-tengah Panji-panji Hitam yang dipimpin oleh Syuaib bin Saleh. Penduduk Khurasan lantas bertemu dengan pasukan As-Sufyani di kawasan yag berbatu, dan terus berlaku pertempuran sengit. Dalam pertempuran itu, yang terhebat adalah pasukan Panji-panji Hitam, manakalaa pasukan As-Sufyani melarikan diri. Pada ketika itu umat manusia amat berharap dapat menemui Al-Mahdi dan terus mencarinya."

11. Keluar Seorang Lelaki Daripada Keluarga Nabi SAW
"Sebelum Al-Mahdi, ada seorang lelaki dari kalangan Ahlulbait keluar di Timur, seraya menyandang pedang di atas bahunya selama lapan belas tahun. Dia membunuh, mengamuk dan menuju ke Baitulmaqdis. Namun dia mati sebelum sempat sampai ke sana."

12. Madinah Hancur Binasa
"Sebelum Al-Mahdi, di Madinah terjadi pertempuran yang mengakibatkan hancurnya Madinah. Darah yang mengalir daripadanya sampai di kawasan Ahjaruz Zait dan Ma al-Hirrah. Bandar tersebut terletak lebih kurang 44 batu dari Madinah. Kemudian Al-Mahdi dibaiat."

13. Tenggelamnya Tentera di Al-Baidak
"Penguasa Madinah mengirimkan tentera kepada Al-Hasyimi di Makkah. Tentera ini kemudian

mengusir penduduk Makkah. Peristiwa ini didengar oleh khalifah di Syam, iaitu As-Sufyani daripada keturunan Abu Sufian bin Harb. Seterusnya As-Sufyani mengirimkan pasukan ke Makkah. Dalam perjalanan itu, mereka singgah di Al-Baidak yang pada waktu itu kebetulan bulan penuh. Kemudian ada seorang penyeru yang memerhatikan (ketibaan) pasukan itu berkata, "Aduh, celakalah kamu semua penduduk Makkah kerana kedatangan pasukan ini." Dia terus pergi dan datang lagi ke tempat itu. Tetapi dia tidak nampak lagi pasukan tadi. Dia lantas bertasbih, "Subhanallah, mereka telah berangkat sebentar tadi." Lalu dia meneruskan perjalanannya. Di sana dia menemui pasukan tadi dalam keadaan tertimbus separuh badan. Dia bercadang mahu membantu tetapi tidak mampu berbuat apa-apa. Akhirnya dia meklum bahawa pasukan tadi telah ditelan oleh bumi. Dia bergegas masuk ke Makkah untuk menyampaikan berita tersebut. Mendengar berita ini, penduduk Makkah mengucapkan alhamdulillah, kemudian berkata, "Inilah tanda yang kita tunggu-tunggu." Lantas mereka pergi menuju ke Syam."

14. Pelaksanaan Pembaiatan Al-Mahdi
"Sebelum Al-Mahdi muncul, perdagangan-perdagangan akan terhenti, jalan-jalan terputus dan banyak berlaku bencana. Setelah itu ada tujuh buah panji-panji daripada tujuh buah pasukan, secara kebetulan sama-sama mencari Al-Mahdi. Dari setiap kelompok itu ada sekitar 33 - 39 orang yang berjanji untuk menemukan Al-Mahdi. Mereka dan pasukan terus mencari dan akhirnya menjumpai Al-Mahdi di Makkah. Sebahagian daripada mereka ada yang bertanya kepada yang lain, "Apa perlunya kita datang ke sini?" Sebahagian yang lain menjawab, "Kita datang untuk mencari orang yang layak diserahkan tugas untuk mengakhiri bencana-bencana ini dan yang akan menakluk Kostantinopel." Sambung mereka, "Kami telah mengetahui namanya, nama ayah dan nama ibunya serta pasukan perangnya." Mereka terus mencari dan akhirnya bertemu di Makkah. Mereka menegur, "Engkau adalah si fulan bin si fulan." Tetapi Al-Mahdi menafikannya dan lari ke Madinah. Kemudian dia balik semula ke Makkah, yang pada masa itu mereka sedang berkeliaran di sekeliling Hajar Aswad. Lalu pasukan-pasukan itu berkata, "Dosa-dosa kami berada di tanganmu, jiwa kamu berada di pundakmu, maka hulurkanlah tanganmu untuk kami baiat sebab tentera As-Sufyani sudah kelihatan menuju ke sini untuk menyembelih kami." Seorang lelaki dari Tanah Suci tadi lantas duduk di antara Hajar Aswad dan Maqam Ibrahim lalu menghulurkan tangannya dn terus dibaiat. Di sinilah Allah mempertemukan kekasih-Nya dengan umat manusia yang kemudian mereka berjalan bersama-sama. Mereka ini amat berani pada waktu siang dan amat ditakuti pada waktu malam."

15. Munculnya Al-Hasyimi Sebelum Al-Mahdi
"Sebelum Al-Mahdi, Al-Hasyimi keluar untuk berperang selama 18 bulan. Dia akan menuju Baitulmaqdis tetapi tidak sampai ke sana. Serentak dengan itu, As-Sufyani mengirimkan pasukannya untuk menyerang Al-Mahdi tetapi mereka ditelan oleh bumi di Al-Baidak. Peristiwa ini sampai kepada penduduk Syam. Mereka kemudian berkata kepada khalifahnya, "Berbaiatlah engkau kepada Al-Mahdi. Jika tidak maka kamu akan kami bunuh!" Kemudian khalifah ini memberikan baiatnya kepada Al-Mahdi. Al-Mahdi lantas berjalan hingga sampai ke Baitulmaqdis. Maka bangsa Arab, Ajam, pasukan-pasukan perang, bangsa Rom dan lain-lain menyerah kepada Al-Mahdi tanpa peperangan. Kemudian masjid-masjid dibangunkan di Kostantinopel dan di tempat-tempat lain."

16. Tempat Lahirnya
"Al-Mahdi lahir di Madinah."

17. Tempat Hijrahnya
"Tempat hijrahnya adalah Baitulmaqdis."

18. Janggut Al-Mahdi
"Dia berjanggut tebal tetapi tidak begitu lebat."

19. Kedua-dua Belah Matanya
"Kedua-dua pelupuk matanya kelihatan bercelak."

20. Gigi Seri Al-Mahdi
"Gigi seri Al-Mahdi kelihatan bersinar."

21. Wajah Al-Mahdi
"Pipi Al-Mahdi ada bertahi lalat."

22. Tanda Pada Bahu Al-Mahdi
"Pada bahu Al-Mahdi terdapat cap kenabian Nabi Muhammad SAW."

23. Bendera Nabi Muhammad SAW

"Al-Mahdi akan keluar dengan membawa bendera seperti bendera Nabi SAW, iaitu tidak berjahit, berwarna hitam dan lebar yang tidak berkibar lagi sejak kewafatan Nabi SW sehinggalah muncul Al-Mahdi."

24. Dikawal Malaikat
"Allah menugaskan malaikat sebanyak tiga ribu untuk mengawal Al-Mahdi seraya memukul orang-orang yang memusuhi dan menentang Al-Mahdi."

25. Usia Pelantikan Al-Mahdi
"Al-Mahdi diutus ketika dia berumur antara 30 hingga 40 tahun."

26. Kulit Al-Mahdi
"Kulit Al-Mahdi berwarna coklat (sawo matang)."

27. Seorang yang Bernama Al-Hasyimi
"Al-Hasyimi menyerahkan kekhalifahan kepada Isa bin Maryam AS."

28. Bencana yang Terjadi Sebelum Al-Mahdi
"Sebelum Al-Mahdi, terjadi banyak bencana. Kemudian sekumpulan orang berkumpul di hadapan seorang lelaki keturunan Ali KMW, yang mana lelaki ini pada sisi Allah dinyatakan tidak mempunyai dosa. Dia akan membunuh atau terbunuh. Kemudian Al-Mahdi pun muncul."

29. Pelaksanaan Pembaiatan Al-Mahdi
"Orang ramai pergi menunaikan haji, mereka berwukuf di Arafah tanpa seorang imam pun, lantas di Mina berlaku pemberontakan dan mereka dibunuh beramai-ramai di sana sehingga darah-darahna mengalir dari (Jamrah) Aqabah. Mereka lantas meminta pertolongan kepada seorang yang mulia. Mereka mendatanginya yang pada waktu itu sedang menyandarkan mukanya ke Kaabah sambil menangis. Mereka lantas berkata, "Ke marilah supaya kami membaiatmu." Dia menjawab, "Celaka kamu semua ini, berapa banyak perjanjian yang telah kamu mungkiri dan berapa banyak darah yang telah kamu tumpahkan." Kemudian dengan secara terpaksa dia dibaiat. Jika kamu semua menemuinya, maka berbaiatlah. Sesungguhnya dia adalah Al-Mahdi di bumi dan Al-Mahdi di langit."

30. Bilangan Pasukan Badar
"Al-Mahdi melangkah menuju sejumlah pasukan Badar daripada penduduk Syam. Oleh penduduk Syam itu, dia dibawa keluar dari kota Makkah, iaitu dari sebuah rumah dekat Safa, kemudian dengan terpaksa dia dibaiat. Kemudian mereka bersembahyang dua rakaat berjemaah di sisi Maqam Ibrahim, lalu dia naik ke atas mimbar untuk berkhutbah."

31. Tempat Membaiatnya
"Al-Mahdi dibaiat di antara Hajar Aswad dengan Maqam Ibrahim, yang mana pelaksanaannya tidak sampai membangkitkan orang yang sedang tidur dan tidak pula sampai menunpahkan darah."

32. Tempat Keluarnya
"Al-Mahdi akan keluar dari Makkah dengan membawa bendera Rasulullah SAW."

33. Al-Mahdi dan Harta yang Diperoleh Daripada Baitullah
"Al-Mahdi akan membahagi-bahagikan senjata dan harta yang diperolehnya daripada Baitullah untuk jihad fi sabilillah. Rasulullah SAW menjelaskan kepada Umar RA tentang Al-Mahdi, "Aku tidak tahu apakah aku akan menyimpan harta dan senjata tadi atau akan membahagi-bahagikannya."

"Tinggalkanlah bangsa Habsyi apabila mereka meninggalkan kamu kerana sesungguhnya harta simpanan Kaabah itu tidak akan dapat dikeluarkan melainkan dengan dua kekuatan."

34. Masa Pemerintahannya
"Al-Mahdi akan memerintah selama 30 atau 40 tahun."

35. Galian Bumi
"Pada zaman Al-Mahdi, bumi akan mengeluarkan galian-galiannya yng berharga seperti gumpalan-gumpalan emas dan perak."

36. Lagi Tanda-tanda Al-Mahdi
"Ada suatu tanda yang dituntut daripada Al-Mahdi. Lantas dia memberi isyarat kepada burung, maka burung itu hinggap di atas tangannya. Kemudian Al-Mahdi memacakkan tongkatnya, lantas tongkat itu menghijau dan berdaun."

37. Menakluki Benteng Rom
"Seluruh pertahanan Rom dan bandar-bandarnya akan ditawan oleh Al-Mahdi dengan mengumandangkan tahlil dan takbir."

38. Tersebar Perdamaian di Hampir Seluruh Dunia
"Pada zaman Al-Mahdi nanti, kambing dan serigala digembala sekali, kanak-kanak bermain dengan ular dan kala jengking, yang mana ular dan kala jengking ini tidak membahayakan sama sekali. Manusia akan menanam satu mud benih dan akan memetik 700 mud buahnya. Riba, perzinaan dan minuman keras hapus terus. Umat manusia berumur panjang, amanah-amanah ditunaikan, hal-hal yang keji lenyap dan orang-orang yang bencikan keluarga Nabi SAW habis binasa."

39. Menghapuskan Bidaah dan Menegakkan Sunnah
"Pada zaman Al-Mahdi nanti, tidak ada lagi bidaah melainkan dihapuskan dan tidak akan ada sunnah melainkan ditegakkan. Dia akan menundukkan Kostantinopel, China dan Jabal ad-Dailam. Dia akan menguasai kawasan tadi selama tujuh tahun, yang mana satu tahun pada waktu itu nanti sama panjang dengan dua puluh tahun pada waktu sekarang. Kemudian Allah akan melakukan apa sahaja yang Dia kehendaki."

Bab III : Lima Puluh Enam Buah Keterangan Daripada Tabiin dan Tabiit Tabiin

1. Seruan Dari Langit
"Nama Al-Mahdi akan dipanggil-panggil dari arah langit."

2. Satu Tanda Pada Matahari
"Al-Mahdi tidak akan muncul sebelum muncul suatu tanda pada matahari."

3. Dua Tanda Keluarnya Al-Mahdi
"Bagi Al-Mahdi ada dua tanda, sesuatu yang belum pernah berlaku kepada sesiapa pun sejak Allah menciptakan langit dan umi. Kedua-dua tanda itu ialah bulan yang memancarkan cahaya merah pada awal bulan Ramadan dan matahari memancarkan cahaya merah pada pertengahan bulan Ramadan."

4. Panji-panji Hitam
"Sebelum Al-Mahdi muncul, Panji-panji Hitam akan berkibar dan baju pasukannya berwarna putih di bawah pimpinan Syuaib bin Saleh at-Tamimi. Mereka menyerang pasukan As-Sufyani. Akhirnya dia sampai ke Baitulmaqdis lalu menyerahkan kekuasaan kepada Al-Mahdi. Jarak waktu antara penyerangan Syuaib dengan penyerahan kekuasaan kepada Al-Mahdi adalah 72 bulan."

5. Panglima Perang Al-Mahdi

"Panglima perang Al-Mahdi adalah orang-orang yang paling terpilih. Penolong dan pembaiat Al-Mahdi adalah penduduk Kufah, Yaman dan para wali abdal dari negeri Syam. Yang berada di hadapan Al-Mahdi adalah malaikat Jibil dan Mikail AS. Dia dicintai oleh para makhluk, kepemimpinannya mampu menyelesaikan bencana yang menjadi-jadi. Penduduk bumi berasa amat tenteram sehingga lima orang perempuan dapat menunaikan ibadat haji tanpa seorang muhrim pun. Mereka ini tidak takut sedikit pun melainkan kepada Allah."

6. Keterangan Al-Mahdi Dalam Kitab-kitab Rasul Terdahulu
"Tertulis di dalam kitab para nabi bahawa Al-Mahdi adalah orang yang tidak pernah melakukan kezaliman dan tidak mempunyai kesalahan."

7. Penaklukan-penaklukannya
"Al-Mahdi mengibarkan panji-panji ke Turki lalu menundukkan penduduknya. Dia mengambil harta yang ada di wilayah itu lantas bergerak menuju ke Syam dan menundukkan penduduknya. Kemudian dia memerdekakan setiap hamba dan membayar harga tebusan bagi setiap hamba tersebut."

8. Keadaan Umat Manusia yang Berada Dalam Wilayah Al-Mahdi
"Al-Mahdi berada di tengah-tengah umat Islam selama 39 tahun. Ketika itu yang kecil berkata, "Aduhai, aku seperti orang dewasa." Dan orang dewasa pula berkata, "Aduhai, aku seperti budak kecil lagi."

9. Masa Hidup Al-Mahdi
"Al-Mahdi hidup selama 40 tahun."

10. Masa Kepmimpinannya
"Al-Mahdi hidup selama 30 tahun."

11. Masa Hayat Al-Mahdi
"Al-Mahdi hidup selama 14 tahun."

12. Tempat Meninggalnya
"Al-Mahdi hidup selama 40 tahun dan meninggal dunia di atas tempat tidurnya."

13. Manusia Mendatangi Al-Mahdi
"Al-Mahdi didatangi oleh orang ramai di rumahnya. Ketika itu manusia sedang ditimpa pembunuhan. Dia dipanggil, "Ke marilah kamu!" Dia menolak sehingga diancam akan dibunuh. Pada ketika itulah dia bangkit untuk menyelamatkan manusia. Setelah itu tidak ada lagi pembunuhan."

14. Tahun Kemunculan Al-Mahdi
"Umat manusia akan berkumpul pada tahun 1204."

15. Panglima Al-Mahdi
"Yang akan membawa bendera Al-Mahdi adalah seorang lelaki yang muda usia. Dia berjanggut nipis dan berkulit kuning. Sekiranya dia menggempur gunung, nescaya gunung itu hancur rata dipukulnya hingga mereka sampai ke bandar Ilyak."

16. Terbunuhnya Raja-raja
"Sebelum Al-Mahdi, raja Syam terbunuh, raja Mesir terbunuh, bangsa Syam menawan kabilah dari Mesir, seorang lelaki dari Timur berangkat mengibarkan Panji-panji Hitam yang menurut satu riwayat adalah berbangsa Syam, dan dialah yang akan menyerahkan kekuatannya kepada Al-Mahdi."

17. Penguasa Afrika dan Keadilannya

"Sebelum Al-Mahdi, pemerintah Afrika berkuasa selama dua belas tahun. Kemudian dia dikuasai oleh seorang lelaki yang berkulit coklat, yang keadilannya meratai seluruh Afrika. Kemudian dia berangkat menuju Al-Mahdi untuk menyerahkan kekuatannya dan berperang untuk Al-Mahdi."

18. Panji-panji Hitam
"Sebelum Al-Mahdi, ada Panji-panji Hitam yang berkibar dari Khurasan, sebuah wilayah di Kufah. Jika Al-Mahdi sudah berada di Makkah, pasukan ini akan dikirimkan ke Makkah."

19. Tanda-tanda Keluarnya
"Tanda-tanda keluarnya Al-Mahdi adalah pupusnya kepemimpinan Bani Abbas, para pemegang bendera menambatkan kuda-kuda mereka pada pokok zaitun, runtuhnya pemerintahan Bani Jaafar dan Bani Abbas, As-Sufyani duduk di atas mimbar Damsyik dan pasukan Barbar menyerang pusat bandar Syam."

20. Pasukan Tentera As-Sufyani
"Sebelum Al-Mahdi, As-Sufyani mengerahkan pasukan tenteranya sampai ke kawasan di timur Khurasan dan Parsi. Mereka diperangi oleh penduduk Timur dan banyak yang terbunuh. Orang-orang Timur ini kemudian membaiat Al-Hasyimi yang tangan kanannya memegang bendera (pasukan). Allah memudahkan urusan dan jalannya. Kemudian dia keluar bersama-sama dengan lima ribu penduduk Khurasan di bawah pimpinan Syuaib bin Saleh at-Tamimi, seorang bekas hamba yang berkulit kuning, berjanggut nipis dan tidak (banyak) jambang. Sekiranya mereka melalui gunung, nescaya akan mereka hancurkannya. Mereka pun berhadapan dengan pasukan As-Sufyani, terus menggempurnya dan membunuh mereka dalam jumlah yang amat besar. Pasukan As-Sufyani bercerai-berai melarikan diri manakala As-Sufyani sendiri menghilang. Kemudian secara diam-diam At-Tamimi menuju ke Baitulmaqdis. Dalam perjalanannya menuju ke Syam, dia menyerahkan jemaahnya kepada Al-Hasyimi."

"Ketika itu At-Tamimi berkata (kepada Al-Hasyimi), "Wahai anak pamanku, al-Mahdi akan berada di Makkah setelah kota Madinah runtuh." Kemudian jika Al-Mahdi muncul, maka Al-Hasyimi juga muncul."

21. Askar As-Sufyani Menuju Madinah
"As-Sufyani mengirimkan askarnya ke Madinah dan memerintahkan agar membunuh setiap orang daripada keturunan Bani Hasyim, kemudian mereka menyerangnya. Bani Hasyim akhirnya bercerai berai di gurun-gurun dan di gunung-gunung. Apabila Al-Mahdi muncul kelak, maka mereka ini akan (berjaya) dikumpulkan semula."

22. Panji-panji Dari Barat
"Tanda-tanda munculnya Al-Mahdi ialah keluarnya Panji-panji dari Barat, yang di tengah-tengah panji itu terdapat seorang lelaki Kindah yang kakinya pincang."

23. Tahun Kebangkitan Al-Mahdi
"Al-Mahdi akan muncul pada tahun 200."

24. Tanda yang Berbeza-beza Bagi Al-Mahdi
"Al-Mahdi akan muncul di Makkah pada waktu Isyak dengan membawa panji-panji Rasulullah SAW. Baju besi dan pedangnya mempunyai tanda-tanda khusus, berkilauan dan bercahaya. Selepas mengerjakan sembahyang Isyak, dia pun naik ke atas mimbar dan berkhutbah dengan khutbah yang panjang, mengajak manusia supaya taat kepada Allah dan rasul-Nya. Bumi Hijaz akan diserahkan kepadanya, Bani Hasyim yang sedang berada di laut akan mendarat, Panji-panji Hitam dari Kufah dikirimkan untuknya dan askar-askarnya bertebaran ke seluruh penjuru alam."

25. As-Sufyani Ditawan
"As-Sufyani ditawan dan dikirimkan kepada Al-Mahdi, kemudian diputuskan untuk dipancung di atas pintu Al-Rahabah. Kemudian wanita-wanita suku Kalb, iaitu paman As-Sufyani dan harta-harta rampasannya akan dijual di pingir-pinggir jalan di kota Damsyik."

26. Tiba di Ilyak
"Apabila Al-Mahdi mendengar berita tentang terbenamnya pasukan tentera As-Sufyani di Al-Baidak, sedangkan dia ketika itu masih berada di Makkah, dia terus keluar bersama-sama 12 ribu orang tentera, yang di antaranya adalah para wali abdal, sehingga mereka sampai di Ilyak. Pada masa itu juga ketika As-Sufyani mendengar berita tersebut, dia bercadang mahu menyerah diri kepada Al-Mahdi tetapi dia dikecam oleh bapa saudaranya, Kalb. Kemudian dia menyerang Al-Mahdi dan terus ditangkap lalu Al-Mahdi berkata, "Inilah orang yang menentang perintahku!" Kemudian dia dihukum untuk disembelih di atas batu di Ilyak. Seterusnya Al-Mahdi mencari Kalb dan kemudian menghancurkannya."

27. Gelap gelita
"Al-Mahdi tidak akan muncul sebelum kamu menyaksikan siang menjadi gelap-gelita."

28. Pembunuhan Besar-besaran
"Al-Mahdi tidak akan muncul sebelum berlaku pembunuhan seramai tujuh daripada sembilan orang."

29. Kekhusyukan Al-Mahdi
"Al-Mahdi adalah seorang yang khusyuk kerana Allah seperti tenangnya sayap burung nasar."

30. Ciri-ciri Al-Mahdi
"Al-Mahdi adalah seorang yang nipis alis matanya lagi terpisah kedua-duanya, dan biji matanya besar. Dia keluar dari Hijaz dan berkhutbah di atas mimbar Damsyik, sedangkan umurnya baru mencapai 8 tahun."

31. Al-Mahdi Muncul Selepas Peristiwa Sekumpulan Askar Ditelan Oleh Bumi
"… ketika itu juga akan terdengar satu seruan dari langit yang berbunyi, "Ketahuilah bahawa para wali Allah itu, mereka tidak pernah berasa takut dan tidak juga mereka itu bersedih hati." (Surah Yunus : 62)"

32. As-Sufyani Masuk ke Kufah
"As-Sakhra (As-Sufyani) masuk ke Kufah lalu ada berita yang sampai kepadanya mengenai kedatangan Al-Mahdi. Dia lantas mengerahkan askarnya untuk menyerang Al-Mahdi. Mereka lantas ditelan oleh bumi sehingga tidak ada yang selamat melainkan seorang yang akan menyampaikan berita gembira kepada Al-Mahdi dan seorang lagi yang akan menyampaikan berita duka kepada s-Sufyani. Al-Mahdi lalu meninggalkan Makkah dan As-Sufyani bertolak pula, dan sama-sama menuju ke Syam. Kedua-dua pemimpin ini saling berduluan untuk sampai lebih dahulu ke Syam tetapi ternyatalah bahawa Aas-Sufyanilah yang sampai lebih awal. Lantas Al-Mahdi mengirimkan tenteranya untuk menyerang As-Sufyani. Kemudian As-Sufyani berbaiat kepada Al-Mahdi. Al-Mahdi terus pergi ke Baitulmaqdis untuk menetap di sana selama tiga tahun. Bersamaan pada waktu itu, Kalb membawa askar-askarnya keluar untuk membantu As-Sufyani, kemudian bergerak bersama-sama pasukan yang lain lagi sehingga mereka berhenti rehat di Yasan. Al-Mahdi pun segera menyerang pasukan gabungan ini dengan membawa bendera yang terbesar. Kalb dan isteri-isterinya melarikan diri sehingga anak-anak gadisnya ditangkap dan dijual dengan harga lapan dirham. Pada masa itu juga As-Sufyani berjaya ditangkap dan disembelih seperti menyembelih kambing di atas seketul batu besar yang membujur di atas tanah dekat gereja yang berada di lembah jurang di hujung jalan bukit Al-Qantarah di sebelah kanan."

33. Seorang Lelaki Muncul Lalu Menyerang Rom
"Allah akan membangkitkan seorang lelaki yang akan memerangi Rom dan akan diberikan sepuluh keistimewaan."

34. Peti Tabut
"Al-Mahdi akan mengeluarkan Peti Tabut dari bandar Antokiah."

35. Panji-panji Rasulullah SAW
"Al-Mahdi akan membawa bendera Rasulullah SAW, lengkap dengan cap-capnya."

36. Kata-kata Baiat
"Di atas kepala Al-Mahdi tertulis ucapan yang akan digunakan untuk baiat."

37. Akhlak Al-Mahdi
"Al-Mahdi adalah orang yang sangat banyak amal ibadatnya, sangat banyak pergaulannya dan sangat belas kasihan kepada orang-orang miskin."

38. Binasanya Pemimpin yang Sesat
"Al-Mahdi tidak akan muncul sebelum para pemimpin yang sombong dibinasakan."

39. Al-Hasyimi Menjadi Amir Sebelum Al-Mahdi
"Sebelum Al-Mahdi, Al-Hasyimi akan menjadi penguasa. Tidak seorang pun daripada Bani Umaiyah yang ada melainkan pasti ditawan. Mereka kemudian dibebaskan, namun setiap orang akan membunuh dua orang lelaki daripada Bani Umaiyah sehingga tidak ada yang tinggal melainkan yang perempuan sahaja. Kemudian Al-Mahdi pun muncul."

40. Terjadi Bencana Sebelum Al-Mahdi
"Alam ini akan mengalami bencana, suatu yang tidak berkesudahan, sehinggalah terdengar satu seruan dari langit, "*Ketahuilah bahawasanya yang menjadi pemimpin kamu di dunia ini adalah si anu. Dialah pemimpin yang sejati.*" Diulang-ulang sebanyak tiga kali"

41. Seruan Dari Langit
"Suara dari langit menyeru, "Sesungguhnya pemimpin yang sebenar adalah daripada keturunan Rasulullah SAW." Pada ketika itu suara dari bumi menyebutkan, "Sesungguhnya pemimpin yang sebenar adalah daripada keturunan Nabi Isa." Atau dia mengatakan "Al-Abbas." Suara dari bumi itu adalah suara syaitan manakala seruan dari langit itu adalah Kalam Allah, dan seruan inilah yang menang."

42. Lahirnya Puak-puak dan Berbeza-beza Pendapat
"Di dunia ini akan terjadi sikap berpuak-puak dan perbezaan pendapat, sehingga muncul suatu tangan dan seruan dari langit yang menyeru, "*Ketahuilah, bahawasanya pemimpin kamu semua adalah si fulan.*"

43. Suara Dari Langit
"Semasa Al-Mahdidan As-Sufyani bertembung dalam peperangan, akan terdengar suatu suara dari langit, "Ketahuilah, bahawa wali-wali Allah adalah kawan-kawan Al-Mahdi."

44. Tanda-tanda Pada Hari Itu Juga
"Tanda-tanda pada hari itu adalah adanya tangan yang menjulur dari langit yang dapat dilihat oleh sekalian manusia."

45. Komet (Bintang Berekor) Dari Arah Timur

"Sebelum Al-Mahdi muncul, terlihat di ufuk Timur sebiji bintang berekor (raksasa) yang memancarkan sinar."

46. Gerhana Bulan
"Sebelum Al-Mahdi muncul, akan berlaku dua kali gerhana bulan pada bulan Ramadan."

47. Mengembalikan Hak Orang yang Dizalimi
"Al-Mahdi dapat mengembalikan hak bagi orang yang pernah dizalimi, sehingga andainya di dalam mulut seseorang ada bekas ucapan yang digunakan untuk berbuat kezaliman, maka ucapannya itu akan dikoyak lalu ditampar kembali (ke muka orang yang berkata itu)."

48. Peti Tabut
"Peti Tabut dari Laut Tibriyah akan berada di tangan Al-Mahdi. Dia membawanya lalu diletakkan di Baitulmaqdis. Jika orang-orang Yahudi melihatnya, maka mereka akan masuk Islam melainkan sebilangan kecil sahaja."

49. Tahun Kemunculan Al-Mahdi
"Orang biasa akan menjadi raja. Kemudian masalah-masalahnya akan bermunculan pada tahun 95 atau pada tahun 97. Lantas Al-Mahdi muncul sebagai pemimpin."

50. Al-Mahdi dan Pemerintahan Bani Abbas
"Keadilan dan kemakmuran akan sentiasa wujud selagi pemerintahan Bani Abbas tidak jatuh. Kemudian dunia ini dipenuhi oleh bencana sehinggalah Al-Mahdi tampil memegang tampuk pemerintahan."

51. Bendera Al-Mahdi
"Permulaan bendera yang dikibarkan oleh Al-Mahdi adalah perjalanannya menuju pembaiatannya di Turki."

52. Kelaparan yang Dideritai Oleh Kaum Mukminin
"Dajjal mengepung para mukminin di Baitulmaqdis, menyebabkan mereka menanggung kelaparan yang amat sangat sehingga memakan belulang yang telah dibuat tali. Dalam keadaan seperti inilah tiba-tiba mereka mendengar satu suara pada akhir malam. Serentak mereka berkata, "Sungguh ini adalah suara seorang lelaki yang kenyang." Kemudian mereka melihatnya. Tidak disangka-sangka dia adalah Isa bin Maryam. Sebentar lagi sembahyang subuh akan didirikan. Para pemimpin umat Islam mempersilakan Al-Mahdi untuk menjadi imam tetapi Al-Mahdi mempersilakan Nabi Isa. Kemudian Isa bertindak sebagai imam. Selepas itu dia menjadi imam sembahyang pada setiap waktu."

53. Terbenamnya Pasukan Tentera di Kawasan Ghautah
"Al-Mahdi tidak akan muncul sehinggalah ad pasukan perang yang ditelan oleh bumi di kawasan Ghautah, yang bernama bandar Jirista."

54. Suara yang Memanggil-manggil Nama Al-Mahdi
"Ada suara dari langit yang memanggil-manggil nama Al-Mahdi. Suara itu dapat didengar oleh setiap orang, sama ada yang berada di Timur ataupun di Barat, sehinggakan orang yang sedang tidur pun akan terjaga kerananya."

55. Kostantinopel Ditakluk
"Semasa menundukkan Kostantinopel, Al-Mahdi memacakkan benderanya untuk berwuduk dan menunaikan sembahyang Subuh. Ketika itu di hadapan Al-Mahdi terbentang lautan yang luas. Dia pun mencari jalan untuk melintasi lautan tersebut. Akhirnya dia menemukan di sekitar itu juga, lalu

memacakkan benderanya (di situ pula). Kemudian ada satu suara menyeru, "Wahai umat manusia, melintaslah. Sesungguhnya Allah Azzawajalla membelah laut ini seperti Dia membelahkan untuk Bani Israel." Lantas mereka melintasinya sehingga sampai di hadapan Kostantinopel. Mereka pun bertakbir, maka runtuhlah satu sudut pertahanan Kostantinopel. Mereka bertakbir lagi, maka runtuh lagi, dan bertakbir lagi lantas runtuh pula sekitar dua belas ketumbukan pertahanan (Rom)."

56. India Ditakluk

"Pemerintah Baitulmaqdis iaitu Al-Mahdi mengirimkan askarnya ke India. Mereka berjaya menundukkannya dan mengambil harta simpanannya. Harta ini kemudian digunakan untuk menghiasi Baitulmaqdis. Raja India ini menghadapinya bermati-matian, namun dengan mudah pula dikalahkan. Akhirnya Al-Mahdi menguasai kawasan sepanjang Timur dan Barat."

Lampiran 2

Berikut adalah salinan hadis-hadis yang diambil daripada kitab **Al-Mahdiyul Muntazar**, karangan ulama hadis terkemuka zaman ini, iaitu **Syeikh Abdullah bin Sadek**, Ph.D. (1914 - 1993). Beliau berasal daripada Maghribi dan berusaha gigih mengumpul dan menerangkan kesahihan hadis-hadis mengenai Imam Mahdi.

Buku beliau ini asalnya ditulis dalam bahasa Arab, tidak sempat dicetak kerana beliau meninggal dunia semasa peringkat akhir menyiapkannya. Kitab tulisan tangan beliau itu kemudian diterjemahkan oleh salah seorang anak muridnya, Syeikh Ahmad Darwish ke dalam bahasa Inggeris, dan disiarkan di internet, selain dicetak (pada tahun 1985) untuk jualan di United Kingdom dan di Amerika Syarikat dengan tajuk ***Al-Mahdi, Jesus dan The Anti Christ***. Teks penuh terjemahan kitab tersebut berserta ulasan dan tambahan-tambahan lain dapat dicapai di internet di alamat **http://www.mosque.com/mahdi.html**

Menurut Syeikh Abdullah bin Sadek, hadis-hadis yang dimuatkan di dalam bukunya ini adalah hadis-hadis yang telah mencapai taraf sahih dan kesahihannya diperakukan oleh para Huffaz. Hasilnya, sehingga ke hari ini, bilangan cendekiawan yang menentang kemunculan Imam Mahdi atau menafikan hadis-hadis semakin berkurangan kerana mereka sudah kehilangan bukti dan tumpul pula hujah-hujah yang kukuh.

Bentuk asal, susunan, ejaan dan bahasa yang digunakan oleh penterjemah kitab tersebut (Syeikh Ahmad Darwish) sengaja penulis kekalkan untuk menjaga keaslian terjemahan Inggeris berkenaan. Hanya bentuk dan saiz fon sahaja yang diubah, untuk menyesuaikannya dengan saiz buku ini. Penulis sengaja tidak mahu menterjemahkannya lagi ke dalam bahasa Melayu kerana hadis-hadis dan asar-asar berkenaan telah pun diberikan terjemahannya di dalam bahagian-bahagian terdahulu dalam buku ini.

Authentic Sayings of Prophet Muhammad, praise and peace be upon him, concerning Al Mahdi narrated by thirty-three of his Companions and five of their Companions

A. Al Mahdi's Lineage, Physical Appearance and Characteristics:

1. Prophet Muhammad, praise and peace be upon him, said :
"Al Mahdi is (descended) from me.
His forehead will be radiant, and his nose prominent.
He will fill the earth with both fairness and justice just as it will have been filled by oppression and injustice,
and he will govern for seven years."

2. "... so a man will come to him saying:
"O Mahdi, give me, give me!"
So he will fill his clothes with as much as he can carry."

B. The State of the World before his Advent:

3. "The Hour will not occur until the ground has been filled with injustice and transgressions.
Then, a man from the Family of my House will come and fill it with fairness and justice
just as it was filled by harm and oppression."

4. “At the end of my nation Al Mahdi will come for whom Allah will send rain so that the earth produces its plants.
He will give wealth equally; cattle will increase and the nation will be great.
He will live for seven or eight.”

5. “ ... so a man from my pure musked children will govern for seven or nine ...”

C. A Stern Trial

6. “At the end of Time a stern trial from their governor will come upon my nation - never before will they have heard of a trial such as it.
The wide earth will shrink before them and the earth will become full of oppression and injustice so that believers find no refuge from harm.
So, Allah, the Mighty, the Purified will send a man from my pure musked descendants who will fill the earth with fairness and justice, just as it was filled by oppression and injustice.
The inhabitants of Heaven and Earth will be pleased with him.
The earth will not withhold any of its seed -- all will be produced.
Nor will the Heaven withhold any of its showers except that Allah pours it upon them in abundance.
And he will live among them seven, eight or nine years;
the dead will wish for life because of that!
Allah, the Mighty, the Glorified will give the inhabitants of the earth from His Goodness.”

7. “At the end of Time, a Caliph will come who distributes wealth without count.”

D. AL MAHDI AND JERUSALEM

8. “A man from my nation will come who speaks with my Sunnah
and Allah, the Mighty, the Glorified will send showers of rain from the heavens
so that the earth will produce its blessing.
Through him the earth will be filled with fairness and justice just as it had been filled by oppression and injustice.
He will govern this nation for seven years, and go to Jerusalem.”

9. “I bear good tidings for you concerning Al Mahdi.
He will be sent when people differ and the earth quakes!”

E. Distribution of Wealth

10. “He will fill the earth with fairness and justice just as it had been filled by oppression and injustice.
The inhabitants of the heavens and earth will be pleased with him.
He will distribute wealth equally.”
At this point a companion asked what ‘equally’ meant so the Prophet replied:
“Equally, between the people, and Allah will fill the hearts
of the nation of Muhammad with richness and his justice will satisfy them
until he sends a messenger saying: “Who is in need of wealth?”
None except one man will stand and say, “Me.”
So he will say: “Go to the treasurer and tell him that Al Mahdi orders you to give me wealth.”
So the treasurer will say to him: “Fill with your hands!”
And he will put it in his clothing then tie it.

Then he will become contrite and say:
"I was the most greedy among the nation of Muhammad",
and he will attempt to return it but it will not be accepted, and it will be said to him:
"We do not accept what we have given."
And so he (Al Mahdi) will remain
seven, eight or nine years -- then, there is no goodness left in life nor yet in living after him."

The preceding narrations were reported by Abi Said Al Khudri in the reference of Abi Dawood, Al Hakim, At-Tirmizi, Ahmad, ibn Hibban, Muslim, Al Tabarani (in his middle dictionary), Al Barudi and Abu Nuaym in his forty Hadith concerning Al Mahdi.

F. The Certainty of his Appearance:

11. "Even if there remained only one day left to be lived
Allah will prolong that day until He sends a man from me.
His name is like my name, and his father's name is like my father's name.
He will fill the earth with fairness and justice just as it was filled by oppression and injustice."

12. "The days will not end and life will not vanish until the Arabs are governed by a man
from the Family of my House -- his name is the same as mine."

G. The Importance of Following Al Mahdi

13. Ibn Masood reported: "We went to the Messenger of Allah, praise and peace be upon him,
and he came out with good news -- and happiness was easily recognizable upon his face.
When we asked him about a matter he would tell us about it,
and we were never silent about anything until he spoke of it,
until a party from the Bani Hashim passed by amongst whom were Al Hasan and Al Hussain, peace be upon them.
When he saw them he hugged them with tears in his eyes,
so we asked: "O Messenger of Allah, we see something has changed your face which distresses us."
Thereupon he replied: "We are a Family of a House
for whom Allah has chosen the Hereafter rather than the present.
After me my family will be refugees,
driven out of countries until the Black Banners are raised in the East.
They will ask for the truth but they will not be given it,
so they will ask again for it, and they will not be given it,
so they will fight and be given victory.
Those of you or your descendants who live during that time
go to the Imam of the Family of my house even if you have to crawl over ice to him.
Indeed, they are banners of guidance.
They will deliver it to a man from the Family of my House his name is the same as my name, and the name of his father is the same as my father, and he will fill the ground with fairness and justice."

This hadith is in found in the references of Abu Dawood, Al Hakim, At-Tirmizi, Ibn Hibban, Ibn Majhah, Au Ash-Shaykh, Ibn Adiy, Abu Dhabi, Ibn Asakir and Abu Nuaym.

H. Return of Justice

14. Prophet Muhammad, praise and peace be upon him, said:
"If only one day in life remains, Allah will send a man from the Family of my House.
He will fill the earth with justice just as it has been filled by injustice."

15. "Al Mahdi is from the family of the House Allah will 'yuslihu' him in a night."

I. Unification of Muslims

16. "He is from us - as Allah opened with us, so He will close, and with us they will be saved from polytheism.
And with us Allah arbitrates between the hearts after open hostility
as He arbitrates between their hearts after the hostility of polytheism."
Ali asked: "Are they believers or unbelievers?"
He answered: "Some are on trial and others are unbelievers."

J. Warning:

17. "At the end of Time there will be a trial in which people will be sorted
in a way similar to that in which gold is sorted from metal."

18. "So do not rebuke the people of Syria
but rebuke the evil people among them because amongst them is Al Abdal.
A flood is about to be sent down upon the people of Syria
which will disperse their groups in such a way that if foxes attacked they would be beaten.
At that time a man from the Family of my House
will come under three banners;
between twelve and fifteen thousand and their password is - 'Die, die.'
Then, there will come seven banners and under each will be one man seeking the kingdom.
Allah will kill all of them and restore unity and favors upon the hearts of Muslims,
and those who were far come close."

The preceding hadith was reported by Imam Ali in the references of Ahmad, Abu Dawood, Ibn Majah and At-Tabarani.

K. Children of Lady Fatima, may Allah be pleased with her and them

19. "Al Mahdi is from my pure musked descendants from the children of Fatima."

20. "Yes, he is the truth, and he is from the children of Fatima."

L. When and Where Al Mahdi is given Allegiance

21. "Differences will occur after the death of a caliph and a man from the people of Medina will escape to Mecca.
Then, some of the people of Mecca will come to him and drag him out against his desire
and give him their allegiance between Ar-Rukn and Al Makam.
An army will be sent against him from Syria that will be swallowed up in Al Bayda - desert between Mecca and Medina. When people see this the Abdal of Syria will come to him
as well as a group of people from Iraq and pledge their allegiance between Ar-Rukn and Al

Makam.
Then a man from the Koraysh will come whose cousins are from Kalb,
and he will send an army to them that will overcome them and this will become known as the Battle of Kalb.
Whosoever does not witness the spoils of war from Kalb is lost!
And he (Al Mahdi) will distribute wealth and practice the Sunnah
of their Prophet, praise and peace be upon him, with the people.
And Islam will spread throughout the earth.
He will remain seven years then die, and the believers will pray for him."

This hadith was reported by Lady Ummu Salamah, wife of the Prophet, Mother of the Believers, may Allah be pleased with her, and is found in the references of Abu Dawood, Ibn Majah, Al Hakim, Ibn Hibban and At-Tabarani.

M. The Black Banners

22. "Before your treasure, three will kill each other -- all of them are sons of a different caliph but none will be the recipient. Then the Black Banners will appear from the East and they will kill you in a way that has never before been done by a nation."
Thawban, a companion said: "Then he said something that I do not remember by heart"
then continued to say that the Prophet, praise and peace be upon him, said:
"If you see him give him your allegiance, even if you have to crawl over ice, because surely he is the Caliph of Allah, Al Mahdi. If you see the Black Banners coming from Khurasan go to them immediately, even if you must crawl over ice, because indeed amongst them is the Caliph, Al Mahdi."

23. "The Black Banners will come to you from the East, their hearts are like iron.
Whosoever hears about them let them go crawling -- even over ice!"

The preceding Hadith was reported by Thawban and is found in the references of Ibn Majah, Al Busiri, Al Hakim, Ahmad, Nuaym, Ad-Daylami, Al Hasan, son of Sufyan, and Abu Nuaym.

N. The Government of Al Mahdi:

24. "People will come from the East and will establish the government for Al Mahdi."

Reported by Abdullah son of Al Harth and is found in the references of Ibn Majah and At-Tabarani in his middle dictionary.

25. "If only one night remains in the world, a man will come from the House of the Prophet, praise and peace be upon him, who will govern it."

26. "Al Mahdi will be in my nation for at least seven (years) or eight or ten,
and my nation will enjoy favors which it has never enjoyed before.
The heavens will send an abundance of rain,
the earth will not store any seed, rather it will yield all its fruits.
There will be a surplus of wealth but a man will stand up and say:
"O give me," so he will be told "Take."

27. "The Hour will not occur until a man from the Family of my House comes.
He will beat them until they return to the truth."

28. It was asked: “How long will he govern?”
Whereupon he answered “Five plus two.”

O. Constantinople/Istanbul and the Mountain of Al-Daylam

29. “If there only remains but one day left in the world,
Allah will prolong it until a man from my house governs.
He will open Constantinople and the Mountain of Al-Daylam.”

30. “A man named As-Sufyani will come from the center of Damascus.
The majority of his followers will be from the tribe of Kalb.
He will kill until he rips women open and kills children.
So the tribe of Kays will rise up in retaliation and he will slaughter all of them!
Then a man from the Family of my House will come in Al Hirrah and the news will reach As-Sufyani.
Then he will send his army but it will suffer defeat.
As-Sufyani will march with his followers to him until they reach a desert and the ground will swallow them up.
None will be saved except the one bearing the news.”

P. The Emergence of the False Messiah

31. “The Romans will surround a leader from my pure musked children.
His name will be the same as mine. They will fight each other at a place called Al Imak and one third, or thereabouts, of the Muslims will be killed.
They will fight again on another day and again one third or thereabouts of the Muslims will be killed.
On the third day they will fight again and the Romans will be defeated.
And they will remain there until they open Constantinople.
It is whilst they are distributing the spoils of war that a messenger will come
informing them that the false messiah is in their home town with their children.”

Reported by Abu Hurayrah in the reference of Ibn Hibban, At-Tirmizi, Abuya'li, At-Tabarani, Al Bazaar, Abu Nuaym and Al Hakim.

Q. Dwellers of Paradise

32. “We are the children of Abd Al Muttalib, the Masters of the Dwellers of Paradise
myself, Hamza, Ali, Jafar, Al Hasan, Al Hussain and Al Mahdi.”

33. “An Army from the Direction of Iraq
When the Holy Prophet, praise and peace be upon him,
slept in the house of Lady Ummu Salamah he awoke saying:
“There is no movement or power except from Allah.”
“What makes you say that?” asked Lady Umm Salamah.
He replied: “Because an army will come from the direction of Iraq
to seize a man from Al Medina whom Allah protects.
When they reach the desert in the direction of Dhi Hulayfah the ground will swallow them up.
Those that are on top cannot reach those beneath, and those beneath cannot reach those on top
up until the Day of Judgement. Their motivations are different.”
Lady Umm Salamah then asked: “O Messenger of Allah, praise and peace be upon him,

how is it that they will be swallowed up although their motives are different?"
He replied: "Among them are those that have been coerced to join."

This Hadith was reported by Anas and is found in the references of Ibn Majah, Al Busiri and Al Bazaar.

34. "At the end of my nation a Caliph will scatter wealth without count."
When the second narrator, Abi Nadrah, was asked if this referred to Caliph Omar Abdul Aziz, he replied: "No."

R. The Coming of Prophet Jesus, peace be upon him

35. "Jesus, the son of Mary, peace be upon him,
will descend when the prince is Al Mahdi and Al Mahdi will say to Jesus:
"Come, lead us in prayer."
But he will decline saying:
"You are princes over each other which is the Favor of Allah to this nation."
"A group from my nation will keep fighting for the truth until Jesus, the son of Mary descends at dawn in the Mosque of Jerusalem.
He will approach Al Mahdi who will say:
"O Prophet of Allah, come, lead us in prayer."
But he will decline saying:
"This nation has princes over each other."

The two preceding Hadiths were reported by Jabir, son of Abdullah, and are found in the references of Muslim, Abu Nuaym, Abu Amru Ad-Dani and Al Bazaar.

36. "If only one day remains in the world, Allah will send a man with a name like mine.
His manners will be likened to my manners."

S. The Tyranny of Kings

37. "Woe to this nation from the dictatorship of kings!
Why do they kill and make pious people fear except those who obey them,
and the pure believer soothes them with his tongue but resists them with his heart?
If Allah wishes to revive Islam in might
He will break the back of every stubborn tyrant -- He is Able to do anything and can reform the nation after its corruption.
O Hudhayfah, if there remains but one day left in the world
Allah will prolong that day until a man from the Family of my House will govern
and fierce battles will be in his hands, and Islam will spread.
Allah does not change His Promise and He is quick to recompense."

T. Description of Al Mahdi

38. "Al Mahdi is a man from my children.
His face is like a glittering star, his skin is the color of an Arab,
and his body is like that of Israel.
He will fill the earth with justice just as it will have been filled by injustice,
and the dwellers of Heaven and Earth will be pleased with his Caliphate."

39. "Al Mahdi is a man from my children his color is that of the Arab, and his body is like that of Israel. On his right cheek there is a mole that glitters like a star."

40. “Al Mahdi will glance to the side as Jesus, the son of Mary descends
with water dripping from his hair.
So Al Mahdi will say to him: “Come forward and lead the people in prayer.”
But he will answer: “The Call to Prayer has been made for you to lead.”
So he will pray behind a man from my children.”

U. The Worst Creation of Allah

41. “There will be a battle at Az Zawra which is a city in the east among rivers.
It is inhabited by the worst creations of Allah and the tyrant of my nation.
It will be subjected to four kinds of chastisement -- the sword, swallowing-up, missiles, and transformation.”

V. Battles

42. “When the dark people come after the Arabs they will be defeated
and thrown into the lowest part of the earth.
While these circumstances exist, As-Sufyani will come with three hundred and sixty riders until he reaches Damascus.
After a month, he will be followed by thirty-thousand from Kalb, so he will send an army to Iraq and kill a hundred thousand in Az-Zawra.
Then they will go to Kufa and pillage.
When this occurs a banner will come from the east led by a man from Tamim called Shuayb, the son of Salih who will restore what is in their hands from the captured people of Kufa and he will kill them.
Then, another army from As-Sufyani will go to Al Medina and pillage it for three days and thereafter proceed towards Mecca until they find themselves in a desert.
Then, Allah will send Gabriel and say to him, “Chastise them!”
So he will beat them with his leg once and Allah will cause them to be swallowed up.
None will remain except two men who will return to As-Sufyani to inform him
of the swallowing-up of his army, but this will not scare him.
Several men from the Koraysh will escape to Constantinople and As-Sufyani will send to the leader of the Romans who will return them to him and he will slit their throats together with their followers.
At that time a voice will come from Heaven saying:
“O people, surely Allah prevents dictatorship, tyrants and their followers
for you and gives leadership to the best of the nation of Muhammad.
So join him in Mecca -- he is Al Mahdi!”
Then, Hudhayfah asked: “O Messenger of Allah, how shall we know him?”
He replied: “He is a man from my children,
he looks like the men from the children of Israel, upon him are two white cloaks with frayed edges.
His face is like a colorful, glittering star,
upon his right cheek there is a black mole and he is forty years old.
Al Abdal and those looking like them will come to him from Syria.
An-Nujaba will come to him from the dwellers of Egypt
and groups of dwellers from the east, and those looking like them
until they all gather together in Mecca and so they will pledge their allegiance to him
between Al Rukn and Al Makam.
Then he will direct himself towards Syria

with Gabriel at his front and Michael at his middle
and the dwellers of Heaven and Earth will be joyful because of him.
Water will be plentiful in his country and the river will be spread and treasures found.
When he reaches Syria he will slay As-Sufyani under the tree,
the branches of which grow in the direction of Lake Tiberias and he will kill Kalb.
So the loser of that Day of Kalb is he who does not gain even a rein."
Hudhayfah asked:
“O Messenger of Allah, praise and peace be upon him,
how is it permitted to kill them when they believe in the Oneness?”
The Messenger of Allah, praise and peace be upon him, replied:
“O Hudhayfah, they are at that time apostates, they claim that wine is permitted and do not pray.”

The preceding Hadiths were narrated by Hudhayfah and are found in the references of Abu Nuaym, At-Tabarani, and Abu Amru Ad Dani.

W. Caliphs, Princes, Kings and Tyrants

43. “After me there will be caliphs, and after the caliphs, princes
and after princes, kings, and after kings, tyrants.
Then, a man from the Family of my House will come
and fill the earth with justice just as it had been filled with transgression.
Then, the Prince after him is Al Kahtani and by He who sent me with the Truth he is not lesser than him.”

This hadith was reported by Jabir, son of Majid As Sadafi in the references of At-Tabarani (in his large dictionary), Ibn Mandah, Abu Nuaym and Ibn Asakir.

X. Al Hasan and Al Hussain

44. “The Messenger of Allah, praise and peace be upon him, said to his daughter, Lady Fatima, peace be upon her:
"Our Prophet is the best of the Prophets and he is your father.
Our martyr is the best of the martyrs and he is your father's uncle Hamza and amongst us is he that has two wings with which he will fly in Paradise wherever he wishes, and he is the son of your father's uncle Jafar
and from us are the two subt of this nation -- Al Hasan and Al Hussain, and they are your children, and from us is Al Mahdi.”

This Hadith was reported by Abi Ayyub Al Ansari in the reference of At-Tabarani.

45. “A nation will not be destroyed when I am at their beginning,
and Jesus, the son of Mary, is at its end and Al Mahdi is in the middle.”
In an another narration:
“And Al Mahdi from my House at its middle.”

Reported by Ibn Abbas in the references of Abu Nuaym, Al Hakim and Ibn Asakir

Y. When the Desert Swallows the Army

46. “People will come from the east to seize a man by the House.
When they are in the desert of the earth it will swallow them

and when those who were delayed reach it the same thing will happen to them."
Lady Ummu Habibah asked: "O Messenger of Allah, praise and peace be upon him,
what about those who were coerced into joining them?"
He replied: "What happened to the others will happen to them also,
then Allah will assemble each one according to his intention."

Reported by Lady Ummu Habibah, peace be upon her, and found in the reference of At-Tabarini.

Z. When Medina Shakes Thrice

47. "The Messenger of Allah, praise and peace be upon him, spoke to us
mentioning the false messiah until he said:
"… Al Medina and its people will shiver thrice,
so that neither female or male hypocrite remain (therein) and they will go to him (the false messiah).
It (Al Medina) will cast out its dirt as a fire casts rust from iron and this day will be called "The Day of Salvation."
Umm Sharik inquired: "Where will the Arabs be on that day?"
He replied: "There will be a few on that day, most of them will be in the House of Jerusalem and their leader, Al Mahdi, is a good man.
When he steps forward to lead them in the Dawn prayer, Jesus, the son of Mary will descend during that time
so the Imam will step backward in order for Jesus to come forward but he will say to him:
"Go forward and pray, because it has indeed been established for you."
So he will lead them in prayer as an Imam.

Reported by Ibn Abi Umamah Al Bahili and found in the references of At-Tabarani, Ibn Khuzaymah, Abu Awanah, Al Hakim, Abu Nuaym, and Al Rawyani.

AA. When Pilgrims will be Robbed

48. "In the month of Dhil Kidah, the tribes will start to fight and pilgrims will be robbed.
There will be a fierce battle at Minan until their companion escapes
and he will be pledged allegiance between Al Rukn and Al Makam whilst he dislikes it.
The allegiance will be pledged by the same number of fighters at Badr
and the inhabitants of the Heaven and Earth will be pleased with him."

Reported by Abdullah son of Amru and found in the references of Al Hakim, Nuaym ibn Hammad's book Al Fitan.

49. The Messenger of Allah, praise and peace be upon him, said to Lady Fatima, peace be upon her,
"Bear good tidings, Al Mahdi is from you."

Reported by Imam Al Hussain, son of Ali and Lady Fatima, peace be upon them in Ibn Asakir's reference.

AB. The Hidden Treasures of Antioch

50. I said, "O Messenger of Allah, praise and peace be upon him,
I have never seen a Roman city like the city of Antioch and I have never seen more rain than it

has."
Whereupon the Messenger of Allah, praise and peace be upon him, said:
"Yes, that is because the Torah, Staff of Moses,
Tablets, and the Table of Solomon, the son of David are in its caves.
There is not a single cloud that comes from any direction to it that does not pour its blessing in that valley.
And the days and night will not pass until a man from my musked children live in it.
His name is like my name and his father's name is like my father's name;
his manners are like my manners.
He will fill the world with fairness and justice just as it had been filled by harm and transgressions."

Reported by Tamin Ad-Dari, in the reference of Ibn Hibban Ad-Du'fa.

AC. Pure, Musked Children

51. "Al Mahdi is a man from my pure, musked children.
He will fight with the guidance of my Sunnah as I fought with the guidance of the Revelation."

AD. The March Against Al Mahdi

52. "Wandering is for the people of my nation who aim to the House trying to seize a man from the Koraysh that is supported by the House until they reach a desert and are swallowed up."
We asked: "O Messenger of Allah, praise and peace be upon him, the road gathers different people."
Whereupon he replied: "Yes, among them are the weak sighted
walking, looking around them, and those that are forced as well as those having no home.
They will be destroyed in one way and assembled in different places
and Allah will resurrect them according to their intentions."

These two Hadiths were reported by Lady Ayesha, wife of the Prophet, Mother of the Believers, may Allah be pleased with her, and found in the references of Bukhari, Muslim and Nuaym ibn Hammad and Abu Ya'li.

AE. Facial Description of Al Mahdi

53. "Surely, Allah will send from my pure musked children a man with evenly spaced teeth and a high forehead,
and he will fill the earth with justice and wealth with overflow."

Reported by Abd Ar Rahman ibn Awf in the reference of Abu Nuaym

AF. The Youth from Tamimi

54. The Messenger of Allah, praise and peace be upon him, was among a group of migrants and supporters.
Ali, the son of Abi Talib was on his left side and Abbas on his right side
when Abbas and a man from the supporters started to debate with one another.
The supporter spoke harshly to Abbas,
then the Prophet, praise and peace be upon him, took the hand of Abbas and the hand of Ali and said:

"From the loins of this (indicating to Abbas)
will come a youth who will fill the earth with transgression and injustice
and from the loins of this (indicating to Ali) a man who will fill the earth with fairness and justice.
If you see this pay attention to the Tamimi youth who will come
from the direction of the east -- he is the owner of the Banner of Al Mahdi."

55. "Al Mahdi will come upon his Banner and the herald will proclaim:
"This is Al Mahdi, the Caliph of Allah so follow him!"

These two Hadiths were reported by Abdullah, the son of Omar ibn Al Khattab and found in the references of At-Tabarani, Abu Nuaym, Al Kidji and Al Khatib.

AG. The Trial

56. "It will be a trial when one side moves and the other does not, and when that side moves
the other does not until a herald will cry from the Heaven
"Your Prince is so and so!" (referring to Al Mahdi).

Reported by Talha ibn Ubayd and found in the reference of At-Tabarani.

AH. Some of the Prophet's Last Words to Lady Fatima

57. I entered to (visit) the Messenger of Allah, praise and peace be upon him,
during his last illness before he died and found Fatima, peace be upon her, near his head crying.
The Messenger of Allah, praise and peace be upon him, raised his eyes to (look at) her and asked:
"O Fatima, what makes you cry?"
She replied: "I fear the loss after you."
Whereupon he said: "Don't you know that Allah, the Mighty, the Glorified looked to the earth once and chose your father and sent him with His Message, then He looked once to the earth and chose your husband and revealed to me that I should let you marry him?
O Fatima, we are the Dwellers of a House
and Allah has given us seven merits which He never gave to anyone else before ...
By He who sends me with the Truth, amongst both of them is Al Mahdi of this nation.
When life is full of murder and strife, and trials increase,
and roads are blocked (by thieves), and people start attacking one another,
and when the elderly show no mercy to the young, and the young show no mercy to the elderly,
Allah, the Mighty, the Glorified will send from them at the end of time
one who will open the fortress of error and open hearts that have been sealed
and repair the Religion as I established it in the beginning of time.
And he will fill the world with justice just as it will have been filled by oppression."

Reported by Ali, son of Ali Al Hillali and found in the reference of Abu Nuaym.

AI. Seventy-three Sects

58. "How will you be O Awf when this nation is divided into seventy-three sects.
One sect will be in Paradise and the rest in Hell."
I asked: "When will this be O Messenger of Allah, praise and peace be upon him."
He answered saying: "When the police increase and slave girls take authority,

and when the lambs (weak authorities) sit on the pulpit,
and when the Koran is used as flutes and mosques decorated and the spoils of war manipulated,
and the obligatory charity becomes an excessive debt, and trust is taken like spoils of war,
and religious study is not for the Sake of Allah
and when husbands obey their wives, and disobeys his mother, and banishes his father,
and the last of this nation curses the beginning of it, and when the tribe is mastered by a deviator,
and the leader of the nation is the worst of them and a man is treated generously to avoid his evil.
Upon that day it will happen and men will run to Syria
to the City of Damascus, which is one of the best cities in Syria that protects them from their enemy ..."
I asked: "Will Syria be opened?"
He answered: "Yes, soon then after its opening the trials will start and a dark and dusty trial will come.
Trials will follow one another until a man from the Family of my House called Al Mahdi comes.
If you reach him, follow him and be among those who are guided."

Reported by Awf ibn Malik Al Ashja'l in the reference of At Tabarani

AJ. The Purified Soul

59. "Surely, Al Mahdi will not come until the purified soul has been killed.
When this occurs those in the Heaven and those on Earth will be angry.
So people will come in a procession to Al Mahdi;
like the procession of a bride to her husband on their wedding night,
and he will fill the earth with fairness and justice
and the earth will produce its plants and the heaven will pour its rain
and my nation will enjoy his government and favors never before enjoyed."

Reported by a companion who informed Mujahid and found in the reference of Ibn Abi Shaybah

THE NARRATIONS OF FIVE FRIENDS of the COMPANIONS

A. Black Banners

60. "The Black Banners will come from the East for the children of Al Abbas.
Then there will remain whatsoever Allah wishes.
Then, small Black Banners will come to fight a man from the children of Abu Sufyan from the East.
They will give their allegiance to Al Mahdi."

This Hadith/Mursal was reported by Said ibn Al Musayyab in the reference of Nuaym ibn Hammad.

61. "Allah will send a Black Banner from the East, and Allah will give victory to whosoever supports it. Whosoever does not support it, Allah will forsake them
until they come to a man whose name is like my name
and give him the power of their affairs,

and so Allah will support him and give him victory."

This Hadith/Mursal was reported by Al Hasan Al Basri in the reference of Nuaym ibn Hammad.

62. "Al Mahdi will leave Mecca to go to Medina. The people will bring him out from their midst and pledge allegiance to him between Al Ruhkn and Al Makam while he dislikes it."

This Hadith/Mursal was reported by Katadah in the reference of Nuaym ibn Hammad.

B. Time of Al Mahdi's Appearance

63. "During Ramadan there will be a sound,
in Shawwal there will be a hum,
in Dhi Kidah tribes will fight,
in Dhi Hijjah pilgrims will be robbed,
and in Al Muharram a herald will call from Heaven.
"Attention! Surely, the choice from His creation is so and so (referring to Al Mahdi)
so hear him and obey!"

64. "During Ramadan there will be a sound,
in Shawwal there will be a hum,
in Dhi Kidah tribes will fight.
In that year pilgrims will be robbed,
and there will be a fierce battle in Minan with myriad of murders,
blood will flow there until their blood flows over Al Jamrah
and their companion escapes and stands between Al Rukn and Al Makam
where he is pledged allegiance whilst he dislikes it.
And it is said to him:
"If you refuse we will slit your throat, and the inhabitants of Heaven and Earth will be pleased with him."

This Hadith/Mursal was reported by Shahr ibn Hawshab in the reference of Nuaym ibn Hammad and Abu Amru Ad-Dani.

65. "Al Kahtani is not lesser than Al Mahdi."

This Hadith/Mursal was reported by Mamar in the reference of Nuaym ibn Hammad.

The Narrations of Imam Ali and several Companions of the Holy Prophet praise and peace be upon him concerning Al Mahdi

The following narrations were reported via Imam Ali, may Allah honor his face.

A. Master in Paradise

1. One day as Imam Ali looked at his son, Al Hussain, (peace be upon them) he said:

"Surely, this my son is a Master as the Messenger of Allah, praise and peace be upon him, has named him.
From his loins comes a man whose name is like the name of your Prophet.
He is similar to him in manner and will fill the earth with justice."

B. Al Harth

2. The Holy Prophet, praise and peace be upon him, said:
"A man called Al Harth will come from beyond the river.
At his front is a man called Mansoor who will pave
and establish the government for the family of Muhammad just
as the Koraysh established it for the Messenger of Allah praise and peace be upon him.
It is obligatory for all believers to support him or he said obey him."

C. Arrival of Al Mahdi

3. Muhammad, the son of Al Hanafiyyah said:
"We were with Ali, peace be upon him, when a man asked him about Al Mahdi.
Imam Ali, may Allah honor his face said: 'But oh!'
Then joined his hands and counted seven fingers as he said:
"He comes at the end of Time when men (hypocrites) say that Allah has been killed!
Then Allah will gather the scattered nation for him like the scattered clouds,
and Allah will arbitrate between their hearts so that they do not feel lonely,
nor will they be happy if someone joins them. Their number is like that of the people of Badr.
Neither those who are at the beginning overtake them, nor those who are at the end reach them.
And their number is the same as Talmut's companions those who crossed the river with him."

D. Four Trials

4. Imam Ali, peace be upon him, said:
"The trials are four:
the trial of happiness, the trial of harm, the trial of gold,
then, a man will come from the pure musked children of the Prophet, praise and peace be upon him,
and Allah will repair their affairs upon his hand."

E. Anxiousness for Al Mahdi

5. Imam Ali, peace be upon him, said:
"After a herald proclaims from Heaven that the Truth is in the Family of Muhammad
that is the time in which Al Mahdi will appear upon the lips of people.
They will drink his love and their talk is only about him."

F. The Gate of Istakhr

6. Imam Ali, peace be upon him, said:
"The horses of As-Sufyani will go to Kufa, and he will send his army against the dwellers of Khurasan.
(At that time) the people of Khurasan will demand Al Mahdi.
He that meets with Al Hashimi with the Black Banners at his front is Shuayb, the son of Salih
who will engage As-Sufyani at the Gate of Istakhr -- between them there will be a tremendously fierce
battle and the Black Banners will win, but the horses of As-Sufyani will escape.
It is at that time that the people will wish for Al Mahdi, because they need him."

G. Ar Rufaka and Al Abdal

7. Imam Ali, may Allah honor his face, said:
"When he from the Family of Muhammad comes
Allah will gather dwellers from the East and West for him, just as autumn clouds gather.

As for Ar-Rufaka, he will come from the dwellers of Kufa and Al Abdal will come from the dwellers of Syria."

H. Trials

8. "Surely, a man from my children will come near the Hour (at a time) when the hearts of believers died just as their bodies died through harm, hunger, murder, continuous trials, great battles, the death of the Sunnah, the revival of innovations, abstention from honoring good and forbidding the prohibited that pursued them.
Then, through Al Mahdi, Muhammad the son of Abdullah, Allah will revive the Sunnah that died
and he will please with his justice, and the hearts of the believers will be blessed.
Groups of Persian and Arab tribes will unite because of him,
and so he will remain for some years, which are but a few, then die."

I. Al Talakan

9. "Good for Al Talakan!
Surely, for Allah in it are treasures, not of gold or silver but men who know Allah through truthful knowledge
and they will support Al Mahdi at the end of Time."

J. The Birth Place of Al Mahdi

10. "The birth-place of Al Mahdi will be in Medina.
He is from the family of the House of the Prophet, praise and peace be upon him,
and his migration is to the House of Jerusalem.
His beard is thick, his eyes naturally mascaraed, his teeth are radiant and upon his face is a mole
and upon his shoulder is the Sign of the Prophet, praise and peace be upon him.
And he will come out under the Banner of the Prophet made from a marked woolen black square
that will not have been unfolded since the Messenger, praise and peace be upon him,
and it will not be unfolded until Al Mahdi comes.
Allah will support him with three thousand angels who will beat the faces and buttocks of those that oppose him.
He will be sent between the age of thirty and forty."

K. The Black Banners

11. "When the Black Banners are aimed at As-Sufyani and the people of Shuayb, the son of Salih,
long for and search for Al Mahdi he will emerge from Mecca
and with him will be the Banner of the Messenger, praise and peace be upon him.
He will pray two units of prayer after the people have given up hope of his coming
during the lengthy period of their trials
and when he finishes his prayer he will go to them and say:
"O people, continuous trails came to the nation of Muhammad, praise and peace be upon him,
especially to the Family of his House -- you have been conquered and wronged."

12. "Al Mahdi is a man from us, from the children of Fatima, peace be upon her."

L. The False Messiah

13. "At the end of Time there will be a trial in which people will be sorted in a similar way
to that in which gold is sorted from metal."

14. "Therefore do not rebuke the people of Syria rather, rebuke the evil people among them,
because amongst them are Al Abdal.
Allah will send a flood from Heaven that will disperse their groups in a way

that if foxes were to attack them they would be victorious.
Then Allah will send a man from the perfumed musked children of the Messenger, praise and peace be upon him,
amongst approximately twelve and fifteen thousand under three banners
and their password is ‘Die, die!’
And they will be fought by the people of seven banners under each is a man seeking the kingdom.
They will be killed, defeated, then Al Hashimi will appear, so Allah will restore unity and favors to the people
and this will be the case until al-dajjal (the lying, false messiah) comes.”

M. The Slaying of Muslims at Kufa

15. “As-Sufyani will overcome Syria, then between them there will be a battle in Kurkisa
until the birds of the air are filled and the savage animals of the earth are filled from their perishing.
Then, an opening will occur at their rear, and a group will come from them until they enter the land of Khurasan.
The horses of As-Sufyani will come demanding the people of Khurasan,
and they will slay the followers of the Family of Muhammad in Kufa,
then the people of Khurasan will come seeking Al Mahdi.”

N. The Sign of the Coming of Al Mahdi

16. Abdullah, son of Amru said:
“When the army is swallowed up in the desert, it is the sign of the coming of Al Mahdi”

O. A Man from the children of Hasan

17. He also said:
“A man from the children of Hasan will come from the East,
if he faces the mountains he will destroy them making a passage through them.”

P. Murder on the Pilgrimage

18. To the people on pilgrimage standing on Arafat without an imam,
a burning desire will come as they remain in Minan.
The tribes will revolt against each other and they will kill each other until their blood flows on Al Aqabah.
Then the best of them will go when the alarm is raised
and they will reach him when his face is touching the stone of Al Ka'ba
and it seems to me as if he is tearful, and they will say to him:
“Come to us so that we can give you our allegiance!”
But he will reply:
“Woe to you, how many promises did you break and how much blood did you shed!”
So, he is given allegiance under duress.
Therefore, if you reach him, pledge your allegiance to him,
because, surely, he is Al Mahdi in the Earth and Al Mahdi in the Heaven.”

Q. Shuayb, the son of Salih

19. Ammar, the son of Yasir, may Allah be pleased with both of them, said:
"The bearer of the Banner of Al Mahdi is Shuayb, the son of Salih."

R. As-Sufyani and Kufa

20. He also said:
"When As-Sufyani reaches Kufa
and kills the supporters of the family of Muhammad, praise and peace be upon him,
Al Mahdi will come and the bearer of his Banner will be Shuayb, the son of Salih."

S. Four People from the House

21. Abdullah, the son of Abbas, may Allah be pleased with both of them, said to Mujahid:
"If I had not heard that you are like the people of this House I would never tell you this."
Whereupon Mujahid said:
"It is surely in secret, I will not mention it to someone you hate."
So ibn Abbas told him:
"There are four people from the House, from us is As-Saffah, and from us Al Mundhir,
and from us Al Mansoor, and from us is Al Mahdi."
So Mujahid said:
"Clarify these four for me."
He answered: "As for As-Saffah, perhaps he will kill his supporters and forgive his enemy.
Al Mundhir will give away plenty of wealth, he will be humble and keep but a little of his rights.
Al Mansoor, will be given victory over his enemy
and part of what was given to the Messenger of Allah, praise and peace be upon him,
and that is that his enemies were frightened away from him the traveling distance of two months, whereas the enemy of Al Mansoor will be frightened away from him the traveling distance of one month.
Al Mahdi will fill the earth with justice just as it has been filled with transgression --
livestock and foxes will live together peacefully.
And the earth will bring forth that which is hidden from its depths -- they look like cylinders of gold or silver."

T. When Constantinople is Opened

22. As-Sudayy said when explaining the Word of Allah:
"For them in the world is ignominy ..."
"As for their ignominy in the world, it is that when Al Mahdi comes and Constantinople is opened they will be killed -- this is the ignominy.
As for the great chastisement, it is the chastisement of Gehenna (Hell)
that is neither reduced for its people nor will the vanish or die."

23. It was said to Hudhayfah:
"Al Mahdi has already come!"
Whereupon he replied:
"You will be successful if he comes while the companions of Muhammad are among you.
Indeed, he will not come until there is no one absent that is more beloved to people than he
on account of the evil they face."

U. Prophet Jesus and Al Mahdi

24. Ibn Siriin said:
"Al Mahdi is from this nation and he will lead (in prayer) Jesus, the son of Mary - peace be upon both of them."

V. The Eclipse of the Sun and the Moon in Ramadan

25. Muhammad, the son of Ali said:
"For Al Mahdi there are two signs that have never before existed
since Allah created the Heaven and Earth.
The moon will eclipse on the first night of Ramadan,
and the sun will eclipse during its middle -- this has never occurred since Allah created the Heavens and Earth."

W. Upon Finding Al Mahdi

26. Ibn Masood said:
"When commerce and roads are blocked and trials increase, seven knowledgeable people will come
from different directions without previous appointment.
Each will receive the allegiance of over three hundred men until they meet in Mecca.
The seven will meet and asked one another;
"What brought you here?"
They will reply:
"In Search of the man upon whose hand the trials will be calmed, and for whom Constantinople will be opened.
We know him by his name, his father's name, his mother's name, and his army."
So the seven will agree upon this and search for him then find him in Mecca.
So they will ask him:
"Are you so and so, son of so and so?"
He will reply:
"No, I am a man from the supporters."
And escape from them, so they will describe him to people in their midst
that are both righteous and knowledgeable and it will be said to them:
"The one whom you seek was in your company, and he will go to Al Medina."
So they will search for him in Al Medina but at that time he will be in Mecca.
So they will search for him in Mecca and say to him:
"You are so and so, son of so and so, and your mother is so and so, daughter of so and so,
and in you are the signs of such and such, and such and such.
You escaped from us once so stretch out your hands and we will pledge our allegiance to you."
So he will say: 'I am not your companion.'
Then he will escape from them so they will search for him in Al Medina when he has returned to Mecca, then they will find him in Mecca beside Al Rukn and say to him:
'Our sins will be upon you and our blood upon your neck
if you do not stretch out your hand so that we may pledge our allegiance!'
The army of As-Sufyani is coming demanding us in which there is a man from Jurm.
So he will sit between Al Rukn and Al Makam and stretch out his hand and allegiance will be pledged to him.
So, Allah will sow love of him in the chests of the people and he will lead a nation
that are lions during the day and worshippers at night."

X. The Black Banners

27. Muhammad, son of Al Hanaffia, said:
“The Black Banners will come out for the children of Al Abbas. The other black banners will come from Khurasan. Their turbans will be black and their clothes white.
At their front will be a man named Shuayb, the son of Salih, from Tamim.
They will defeat the companions of As-Sufyani until he comes to the House of Jerusalem where he will establish his power for Al Mahdi, and he will be supplied with three hundred (men) from Syria after his arrival
and the matter will be settled for Al Mahdi in seventy-two months.”

Y. The Black Banners in Kufa

28. Hammad, the son of Abi Jafar, said:
“The Black Banners that come from Khurasan will arrive in Kufa,
so when Al Mahdi appears in Mecca their allegiance will be sent to him.”

Z. A Youth with a thin, yellowish beard

29. Ka'b, the son of Alkamah said:
“In front of the Banner of Al Mahdi will come a youth whose beard is yellowish and thin.
If he fights the mountains will destroy them until he reaches Alya’.”

AA. The Battle in Medina

30. Abu Hurayrah said:
“A battle in Medina will occur until the stones of oil are flooded (with blood), and Al Hirrah will be so small -- like a strike of a truncheon. Then people will go two miles outside Medina and give their allegiance to Al Mahdi.”

AB. Death of As-Sufyani

31. Muhammad, son of Al Haniffia said:
“Al Mahdi, As-Sufyani and Kalb will fight in the House of Jerusalem after the allegiance has been given.
As-Sufyani will be captured and slain at the gate of Ar Rahbah.”

AC. The Children of Lady Fatima, peace be upon them

32. Kitadah said:
“I asked Sa’id, son of Al Musayyab: Is Al Mahdi a truth?”
He replied: “Yes,”
I asked: “Who is he from?” He replied: “From the children of Fatima, peace be upon her.”

AD. As-Sufyani

33. Al Walid, son of Muslim, said:
“Al Mahdi will not come until As-Sufyani is established.”

AE. The Marked Banner

34. Abdullah, the son of Shuraykh, said:
“With Al Mahdi is the marked Banner of the Messenger of Allah, praise and peace be upon him.”

AF. The Personality of Al Mahdi

35. Tawus said:
“The sign of Al Mahdi is that he will be strict with his staff,
generous with wealth and merciful to the servile.”

36. Ibn Abbas said:
“Al Mahdi is from us, the people of the House, and he is a youth.”
So it was said to him: “Your elderly people are not capable of aspiring to this so now you wish for your youth.”
He answered: “Allah does whatever He wants.”

AG. The Humility of Al Mahdi

37. Az-Zuhriy said:
“From the children of Fatima, Al Mahdi will be taken out against his desire from Mecca and given allegiance.”

AH. Disbelief in Allah

38. Matar Al Warrak said:
“Al Mahdi will not come until disbelief in Allah will be expressed openly.”

AI. Al Rukn and Al Makam

39. Abu Hurayrah said:
“Al Mahdi will be given allegiance between Al Rukn and Al Makam.”

AJ. Safety after the trial

40. Katadah said:
“Al Mahdi is the best of people.
The people that give their support and allegiance are the dwellers of Al Kufa, Yemen and Al Abdal of Syria.
At his front is Gabriel, at his middle is Michael and he is loved throughout creation. With him Allah extinguishes the blind trial and the land will feel secure, and a woman can travel (for pilgrimage) amongst five ladies with no man among them, fearing nothing except Allah, and the land will bring forth its produce, and the Heaven will give its blessing.”

AK. The Four Thousand Men of Shuayb, the son of Salih

41. Al Hasan Al Basri said:
“A man of medium stature will come from Ar-Ray (a far-eastern town). He will be dark and from the children of Tamim -- a Wasaj, named Shuayb son of Salih with four thousand men. Their clothes will be white and Banners black, and at his front is Al Mahdi. He meets no one that he does not defeat and scatter.”

AL. Abundance of Wealth

42. When Omar, the son of Abdul Aziz was mentioned to Matar Al Warrak, he said:
"It has reached us that Al Mahdi will do something that Omar, son of Abdul Aziz never did."
So it was asked: "What is that?"
He replied: "A man will come to him asking and so he will tell him to enter the treasure house and take.
So he will enter then come out but when he sees the people
he will have regrets and return saying: "Take what you have given me."
But he will be declined with the words: 'We give, but we do not take back.'

43. Hakim, the son of Sa'd said:
"When Sulayman came and showed what he had
I asked my father, Abi Yahya: "Is this Al Mahdi who is mentioned?"
He replied: "No."

44. Ibrahim, the son of Maysarah said:
"I asked Tawwus: 'Is Omar, son of Abdul Aziz is Al Mahdi?"
He replied: "He is guided, but he is not Al Mahdi and he has not completed all the (aspects of) justice."

45. Abi Jafar, Muhammad, the son of Ali, son of Al Hussain said:
"They claim that I am Al Mahdi, surely I am closer to my end to that which they are calling me."

AM. When a man sleeps as a believer and wakes as an unbeliever

46. Al Hakam, the son of Utaybah said: "I said to Muhammad, the son of Ali,
we heard that a man will come from you who will be the judge of this nation."
He replied: "We wish what the people wish
and hope if there does not remain from the world but a day that Allah will prolong that day until the wishes of the nation have come to pass, but before this is a trial which is the worst of trials.
Man will sleep as a believer but wake as an unbeliever
and wake as a believer but go to sleep as an unbeliever."

AN. Justice

47. Jafar, the son of Yasar said:
"Al Mahdi will return the wrongly possessed goods in a way that he will extract even the slightest thing that is under a molar to return it."

48. Khalid, the son of Samir said:
"Musa, the son of Talha, son of Ubaydillah escaped from Al Mukhtar to the City of Basra
when people believed him to be Al Mahdi."

From this statement and the foregoing reported by Muhammad, son of Ali, we understand that the matter of Al Mahdi was a well known topic and discussed during the first generation.

AO. Muhammad, the son of Ajlan

49. Malik, the son of Anas said:
"When Abdullah, the son of Hasan left Medina, Muhammad, the son of Ajlan accompanied him.

After Abdullah had been killed and Jafar, the son of Sulayman
took over Medina he sent for Muhammad, the son of Ajlan.
When he was brought before him he (Jafar) mocked him and spoke harshly saying:
“You went with that liar!”
But Muhammad, the son of Ajlan did not utter a word except by the inaudible movement of his lips,
so they assumed he was supplicating.
The jurists and honorable people attending Jafar, the son of Sulayman stood saying:
“May Allah reform the prince, Muhammad, the son of Ajlan, the jurist of Medina and His worshiper.”
It seems he was confused and thought himself to be the Mahdi
referred to in the narrations and they kept questioning him until he left them.
But Muhammad, the son of Ajlan left without uttering a word.”

There are other statements transmitted via another group of companions and their followers together with their followers, and their followers concerning Al Mahdi, but we decided not to mention them in this book as that which has been mentioned suffices.

Sumber-sumber Rujukan

Dari Sumber-sumber Ahlus Sunnah wal Jamaah adalah:

1 *Al-Quranul Karim*, terjemahan dan tafsiran dari pelbagai sumber.
2 *Al-Qur'an dan Terjemahnya* (Indonesia).
3 Imam al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, *Kitab Bad' ul-Khalq wa Nuzul Isa*, Jilid 4. (terjemahan)
4 Imam Muslim, *Sahih Muslim*, Jilid 1, Jilid 2, Ba*b Nuzul Isa,* Bab 18. (terjemahan)
5 Imam Abu Daud, *Sunan Abu Daud*, Jilid 2, Jilid 3 & Jilid 5. (terjemahan)
6 Imam at-Tarmizi, *Sahih at-Tarmizi*, Jilid 2, Jilid 9. (terjemahan)
7 Imam Ibnu Majah, *Sunan Ibnu Majah*, Jilid 2. (terjemahan)
8 Imam Ahmad bin Hanbal, *Musnad Imam Ahmad*, Jilid 1 & Jilid 3. (naskha Arab dan terjemahan Inggeris)
9 Imam an-Nasaie, *Sunan an-Nasaie* (terjemahan)
10 Imam Al-Hakim, *Mustadrak as-Sahihain*, Jilid 4.
11 Imam Ibnu Hajar al-Haitami, *As-Sawa'iqul Muhriqah*.
12 Imam Ibnu Hajar al-Haitami, *Al-Qaulul Mukhtasar fi Alamatil Mahdiyul Muntazar* (naskhah Arab dan terjemahan).
13 Imam Ibnu Tawus, *Kitabul Malahim wal Fitan*.
14 Imam at-Tabrani*, Al-Majma'*.
15 Imam Ibnu Hajar al-Asqalani, *Fathul Bari*, Jilid 7.
16 Imam Ibnu Hajar al-Asqalani, *Tahzibus Sabit*, Jilid 9.
17 Imam Ibnu Hajar al-Asqalani, *Fathul Bari*, Jilid 7.
18 Imam Ibnu Hajar al-Asqalani, *Lisanul Mizan*, Jilid 1.
19 Ibnu Sabbagh al-Maliki, *Al-Fusulul Muhimmah*, Jilid 12.
20 Imam Al-Ghazali, *Ihya' Ulumiddin* (bahasa Arab dan edisi-edisi terjemahan).
21 Imam Mahyuddin **Ibnu Arabi** al-Hatimi, *Al-Futuhatul Makkiyah*.
22 Imam As-Suyuti, *Kitab Al-Hawi Lil Fatawa*, Jilid 2.
23 Imam As-Suyuti, *Al-Urful Wardi*.
24 Imam As-Suyuti, *Alamat Qiyamat*.
25 Imam As-Suyuti, *Al-Jami'us Saghir*.
26 Imam As-Syakrani, *Tanbihul Mughtarrin*.
27 Ibnu Asir, *Kamilut Tawarikh*, Jilid 1.
28 Al-Yaaqubi, *Tarikh*, Jilid 3.
29 Imam Syamsuddin Abu Abdillah al-Ansari **Al-Qurtubi**, *At-Tazkirah Fi Ahwalul Mauta wa Ahwalul Akhirah*.
30 Imam Al-Baihaqi, *Sunanul Kubra* (naskhah Arab dan pelbagai terjemahan).
31 Ibnu Asakir, *Tarikh*, Jilid 4.
32 Imam at-Tabari, *Tarikhul Umam Wal Muluk (Tarikh at-Tabari)*, Jilid 7. (naskhah Arab dan terjemahan)
33 Imam Ibnu Kasir, *Alamat Yaumul Qiyamah*.

34 Imam As-Sakhawi, *Fathul Mughith*, Jilid 3.
35 Imam Az-Zurqani, *Syarhul Mawahibul Ladunniyyah*, Jilid 5.
36 Imam Ali bin Abu Bakar al-Haitami, *Majma'ul Zawaid* (ed. Kaherah), Jilid 7.
37 Said Muhammad Hasan, A*l-Mahdiyah fil Islam* (Kaherah, 1373H).
38 Al-Hafiz Abu Nuaim, *Aqdud Durar Fi Akhbaril Mahdiyul Muntazar*, Jilid 12, Bab 1.
39 Kanji As-Syafie, *Al-Bayan fi Akhbar Sahibuz Zaman*, Bab 12.
40 Ubaidallah Hindi Hanafi, *Arjahul Matalib*.
41 Imam Abu Bakar al-Iskafi, *Fawa'idul Akhbar*.
42 Imam Abu Bakar al-Iskafi, '*Aqdud Durar fi Akhbaril Muntazar*.
43 Abul Fadhal Abdullah bin as-Siddiq al-Husaini al-Idrisi, *Al-Mahdiyul Muntazar*.
44 Syeikh Osman Jalaluddin, *Ad-Durratun Nafi'ah fi Isyaratus Sa'ah,* Bahagian 1 & 2.
45 Pehin Datu Seri Maharaja Dato' Seri Utama Sahibul Fadhilah Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz, *Ringkasan Akidah Ahli Sunnah wal Jemaah*.
46 Yusuf bin Yahya bin Ali bin Abdul Aziz al-Maqdisi asy-Syafie as-Sullami, *Aqdud Durar fi Akhbaril Muntazar*.
47 Mustaffa Suhaimi, *Al Mahdi Nama Yang Paling Dipertikai dan Sering Dieksploit Sepanjang Sejarah Umat Islam*.
48 Ustaz Haji Ashaari Muhammad, *Siapa Mujaddid Kurun Kelima Belas?*
49 Ustaz Haji Ashaari Muhammad, *Aurad Muhammadiah Pegangan Darul Arqam, Sekali gus Menjawab Tuduhan*.
50 Ustaz Haji Ashaari Muhammad, *Berhati-hati Membuat Tuduhan*.
51 HM Thalib Lubis, *Imam Mahadi*.
52 Muhammad Labib Ahmad, *Siapa Imam Mahadi?*
53 Ahmad Thompson, *Dajjal, The King Who Has No Clothes*.
54 Muhammad As-Saban, *As'afur Raghibin*.
55 Joesoef Sou'yb, *Agama-agama Besar di Dunia*.
56 Allamah Ahmad bin Muhammad bin Siddiq **al-Ghumari** al-Husni, *Abrazul Waham al-Maknun*.
57 Dr. Ehsan Ilahi Zhahier, *As-Syiah wat Tasyayyu'*.
58 Dr. Ehsan Ilahi Zhahier, *As-Syiah wa Ahlulbait*.
59 Dr. Ehsan Ilahi Zhahier, *As-Syiah was Sunnah*.
60 **Imam Nuaim** bin Hammad, *Al-Fitan*.
61 Ahmad bin Jaafar bin Al-Munadi, *Kitabul Malahim*.
62 Hamud bin Abdullah at-Tuwaijiri, *Al-Ihtijaj bil Asar 'Ala Man Ankaral Mahdiyul Muntazar*.
63 S. H. Alattas, *Talqin Untuk Umno*.
64 S. H. Alattas, *Memo Kepada Perdana Menteri*.
65 Syed Hussein Alattas, Melayu, *The Overseas American*.
66 Abu Muhammad Atta, *Pemuda Bani Tamim Perintis Jalan Imam Mahdi*.
67 Syeikh Muhammad Nafis Idris Al-Banjari, *Ad-Durrun Nafis*.
68 Abdul Rahman bin Talib, *Tanda-tanda Kiamat*.
69 Abu Ali Al-Banjari An-Nadwi, *Empat Puluh Hadis Tentang Peristiwa Akhir Zaman*.
70 Tun Seri Lanang, *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*.
71 ______, *Hikayat Muhammad Ali Hanafiah*.
72 Wan Alias Wan Abdullah, *Aliran Syiah*.
73 Sahliono, *Biografi dan Tingkatan Perawi Hadits*.
74 'Ramli Kabi' Ahmad Shiddiq Abdurrahman, MA, *Bai'at: Satu Prinsip Gerakan Islam, Jilid 1*.

Dari Sumber-sumber Wahabi dan Barat pula adalah:

75 BAHEIS, JPM Malaysia, *Mastika Hadis (Jilid 1)*.
76 Dr. Musa Al-Musawi, *As-Syiah wat Tashih, As-Sira' Bainasy Syiah wat Tasyaiyu'*.

77 ______, *Ensiklopedi Islam*, Jilid 3.
78 Cyril Glassē, *Ensiklopedi Islam Ringkas*.
79 *The Columbia Encyclopedia : Sixth Edition*, *2000*.
80 Ibnu Khaldun, *al-Muqaddimah* (edisi Kaherah).
81 Ibnul Jauzi, *Ahadisul Maudhu'at*.
82 Syeikh Muhammad bin Salih bin 'Usaimin, *Fatawal Aqidah*.
83 Dr. Hamka, *Sejarah Umat Islam*.
84 Pusat Islam, *Penjelasan Terhadap Buku Aurad Muhammadiah Pegangan Darul Arqam*.
85 Mohd Roshdi Yusoff, *40 Persoalan Arqam & Aurad Muhammadiah*.
86 I. Z. Abidin, *Qiyamat dan Tanda2nya*.
87 A. J. Quinnel, *The Mahdi* (novel).

Dari Sumber-sumber Syiah pula adalah:

88 Muhammad bin Yaakub **Al-Kulaini**, *Usulul Kafi*, Jilid 1.
89 Muhammad Baqir **Al-Majlisi**, *Biharul Anwar*, Jilid 46, Jilid 51 dan Jilid 52.
90 Syeikh Sulaiman Balkhi, *Yanabi'ul Mawaddah*, Jilid 1 dan Jilid 2.
91 Naubakhti, *Firaqusy Syiah*.
92 Lutfullah as-Safi Golpaygani, *Muntakhabul Asar Fil Imamus Sani 'Asyar*.
93 **Subhi Saleh**, *Nahjul Balaghah*.
94 **Sheikh at-Tusi**, *Kitabul Ghaibah*.
95 Sayid Hashim Bahrani, *Tabsiratul Wali Fi Ma Ra'al Qaimul Mahdi*.
96 Husain bin Muhammad Taqi Nuri, *Kasyful Asrar* (naskhah asal dan pelbagai terjemahan).
97 **Al-Jazairi**, *Anwarun Nukmaniyah* (edisi Tibriz), Jilid 2.
98 Ayatullah Sadr, *Kitabul Mahdiy*.
99 Tehrani, *Ad-Dhari'ah Ila Tasanifus Syiah*, Jilid 5.
100 **Al-Hurrul 'Amili**, *Fusulul Muhimmah*.
101 Al-Arbili, *Kasyful Ghummah*, Jilid 3.
102 **Al-Mufid**, *Al-Irsyad*.
103 Ayatollah Ruhollah **Khomeini** Mosavi, *Al-Hukumatul Islamiyah* (naskhah Arab dan pelbagai terjemahan).
104 **Ibnu Abil Hadid** Al-Muktazili, *Syarah Nahjul Balaghah* (naskhah asal dan terjemahan).
105 Ali bin Husain **Al-Masudi**, *Murujuz Zahab*.

Dari Sumber-sumber Lain adalah:

106. *Berita Harian* dan *Berita Minggu*, pelbagai keluaran.
107. *Utusan Malaysia* dan *Mingguan Malaysia*, pelbagai keluaran.
108. *The New Straits Times* dan *Sunday Times* (Malaysia), pelbagai keluaran.
109. *The Star* dan *Sunday Star* (Malaysia), pelbagai keluaran.
110. *Watan*, pelbagai keluaran.
111. *Bacaria*, pelbagai keluaran.
112. *Mingguan Perdana*, pelbagai keluaran.
113. *Mingguan Islam*, pelbagai keluaran.
114. *Warta KL*, pelbagai keluaran.
115. *Eksklusif*, pelbagai keluaran.
116. *Harakah*, pelbagai keluaran.
117. Akhbar *Al-Arqam* (rumi dan jawi), pelbagai keluaran.
118. *Variasari*, pelbagai keluaran.
119. *Mastika*, pelbagai keluaran.

120. *Al-Islam*, pelbagai keluaran.
121. *Suara Majlis*, Jabatan Hal Ehwal Agama Perak Darul Ridzuan, pelbagai keluaran.
122. *Majallah Editor*, Jun 1990 (Indonesia).
123. Majalah *Kebenaran* (Indonesia), pelbagai keluaran.
124. *Newsweek*, pelbagai keluaran.
125. *Kertas-kertas kerja* pelbagai pihak.
126. *Risalah-risalah* dan makalah dari pelbagai tempat, keluaran dan pihak.
127. *Internet*, dari pelbagai laman web.
128. *Siaran-siaran radio,* Radio dan Televisyen Malaysia (RTM).
129. *Berita Perdana, TV1* dan *News On 2*, *TV2*, RTM.
130. *Buletin Utama, TV3*, Sistem Televisyen Malaysia Berhad (STMB).
131. *Pengajian-pengajian lisan* oleh guru-guru agama.